**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12**

| HARI PERTAMA | KHAMIS, 14 JUN 2012 | BIL. 18 TAHUN 12 |
|---|---|---|

**HADIR**

Y.B. Dkato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Dato' Haji Ahmad Zahri bin Jamil, DPMJ., PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Datuk Hoo Seong Chang, PJN., PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat, PJN., JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Datuk Koh Chee Chai, PJN., PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu, PJN., PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Tuan Haji Marsan bin Kassim

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**
(Jurutulis baca doa).

**Jurutulis : TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan kita semua menyambut keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di hadapan Tangga Utama Dewan Negeri Johor, Kota Iskandar maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga jam 10:30 pagi.

**Dewan ditangguhkan pada jam 9:35 pagi.**

**Dewan disambung semula pada jam 10:30 pagi.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Sukacita saya maklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor akan berangkat masuk sebentar lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berkenan untuk bertitah kepada Dewan ini.

**D.Y.M.M. Sultan Johor :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhamad, semulia-mulia Rasul serta keluarga dan para sahabat-sahabatnya sekalian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat saya hadiri merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima bagi Dewan Negeri Johor yang ke-12 pada pagi yang berbahagia ini.

Saya juga mengucap syukur, kerana kita masih lagi dapat hidup dalam suasana yang aman dan makmur. Rakyat Johor akan menikmati kesejahteraan hidup yang lebih baik lagi hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berterusan. Dalam suku pertama tahun ini, Negeri Johor telah menerima pelaburan lebih RM2 bilion, Iskandar Malaysia pula telah merekodkan pelaburan komited terkumpul untuk tempoh tahun 2006 sehingga Mac 2012 berjumlah RM87.56 bilion. Saya berasa sukacita, kerana rakyat Johor juga bakal menerima manfaat besar daripada program transformasi ekonomi negara yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri Malaysia di mana lebih 30% daripada nilai projek permulaan di seluruh negara dilaburkan di Negeri Johor. Ia membolehkan kita memasuki bidang yang baru iaitu industri minyak dan gas yang bakal menjadi penjana ekonomi utama di selatan Negeri Johor.

Oleh itu, kerajaan perlu memastikan rakyat dilengkapkan dengan kemahiran yang sesuai di semua peringkat, termasuk profesional, teknikal dan vokasional bagi membolehkan mereka menjadi tenaga kerja dalam bidang baru ini. Pelaburan yang masuk ke Negeri Johor juga turut membuka peluang perniagaan kepada Industri Kecil dan Sederhana dalam pelbagai bidang. Pada tahun lalu sahaja, Industri Kecil dan Sederhana di Johor telah menjana pendapatan yang besar di antara RM330 juta hingga RM350 juta. Potensi bidang ini hendaklah terus dikembangkan supaya dapat memberi sumbangan lebih besar kepada ekonomi dan rakyat Johor.

Saudara saudari sekalian, saya menghargai usaha kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat secara menyeluruh sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Ini termasuklah dengan pembinaan jalan kampung, penyediaan lampu jalan, sistem perparitan dan pengurusan sisa pepejal. Usaha menyediakan perumahan rakyat dan rumah kerajaan yang selesa dan berkualiti hendaklah diteruskan bagi membantu golongan yang memerlukan. Rumah yang disediakan perlulah selesa untuk didiami iaitu dari segi saiz, reka bentuk dan kemudahan yang disediakan. Usaha ini hendaklah diteruskan supaya lebih ramai rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

Kualiti alam sekitar juga perlu diberi penekanan agar rakyat dapat hidup dalam suasana yang sihat dan sejahtera. Dalam pembangunan industri minyak dan gas di Pengerang, saya percaya pihak kerajaan dan syarikat yang terlibat akan memastikan alam sekitar terus dijaga dan diurus mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Semua pihak, perlu memastikan pencemaran alam sekitar dapat dikawal dengan sepenuhnya. Ini bukan tugas kerajaan semata-mata, syarikat-syarikat swasta juga janganlah mengambil jalan mudah dengan mencemarkan sungai, melakukan pembakaran terbuka, mengabaikan kebersihan sehingga menyebabkan masalah lain seperti gangguan lalat dan peningkatan kos bekalan air.

Suka saya memberikan teguran di sini kepada pihak Southern Waste Management yang memegang konsesi pengurusan sampah dan kebersihan di bandar-bandar dalam Negeri Johor, supaya meningkatkan mutu kerja dan tahap kebersihan di kawasan yang diuruskan. Berikanlah perkhidmatan yang terbaik sebagaimana yang dijanjikan semasa cadangan dulu.

Saudara saudari sekalian, usaha juga perlu diteruskan membantu kehidupan rakyat yang kurang bernasib baik terutama sekali dalam soal tempat kediaman, sumber pendapatan dan pendidikan anak mereka. Golongan ini hendaklah dikeluarkan daripada belenggu kemiskinan dan anak-anak mereka hendaklah diberi peluang untuk mendapatkan pendidikan yang baik. Begitu juga kumpulan seperti nelayan, pekebun kecil, Orang Asli dan Orang-orang Kurang Upaya, mereka perlu dibantu supaya tidak ketinggalan dalam arus pembangunan.

Saya juga gembira kerana Kerajaan Negeri telah dapat menyelesaikan banyak isu berkaitan tanah seperti pengeluaran hak milik tanah peneroka FELDA dan pemberian tapak kediaman untuk generasi kedua FELDA. Isu-isu hak milik bagi penempatan

kampung-kampung baru yang telah didiami sejak begitu lama juga telah dapat diselesaikan dengan baik. Selain itu, lebih 30,000 ekar tanah yang melibatkan permohonan oleh individu dan syarikat telah diselesaikan bagi tempoh permohonan 2010 hingga ke Mei 2012. Saya harap segala usaha Kerajaan ini telah dapat memberi keselesaan kepada rakyat Johor. Kecekapan perkhidmatan seperti ini hendak terus ditingkatkan oleh kakitangan Kerajaan Negeri Johor. Mereka juga harus peka dengan keperluan rakyat dan memberi perkhidmatan yang cemerlang, berintegriti, jujur dan amanah.

Saudara-saudari sekalian, kerajaan juga perlu meneruskan usaha penyebaran syiar Islam melalui pengukuhan akidah dengan menyampaikan ilmu di sekolah-sekolah, di kelas-kelas agama dan di masjid-masjid dalam Negeri Johor ini. Peranan kerajaan dan masyarakat di dalam membudayakan al-Quran amatlah penting. Kerajaan Negeri sudah pun melaksanakan penyediaan tenaga pakar tafsir al-Quran di peringkat Sarjana untuk ditempatkan di daerah-daerah. Program ini hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya dengan memperluaskan perkhidmatannya kepada kumpulan sasar yang lain dan tidak terhad kepada komuniti masjid sahaja.

Masyarakat Islam di negeri ini juga hendaklah menyambut usaha kerajaan mengukuhkan lagi institusi keluarga melalui pelaksanaan Program Keluarga Sakinah dan meningkatkan penghayatan program keagamaan seperti Maulidur Rasul, Tilawah Al-Quran dan syarahan agama. Suka saya ingatkan kepada pihak yang bertanggungjawab dalam hal pengurusan masjid dan surau, supaya memastikan tahap kebersihan sentiasa dijaga. Ingatlah, masjid adalah tempat untuk beribadat dan bukan digunakan untuk tujuan yang lain dan syarat utama bagi sebuah tempat ibadat ianya mestilah sentiasa dalam keadaan bersih.

Saudara-saudari sekalian, saya ingin berterima kasih kepada anggota-anggota keselamatan yang menjaga ketenteraman awam di seluruh Negeri Johor dan usaha yang gigih daripada pasukan Polis Johor, kadar jenayah jalanan di negeri ini telah berjaya diturunkan selama empat tahun berturut-turut. Kerjasama orang ramai juga amat penting dalam membantu anggota keselamatan untuk sama-sama membanteras jenayah bagi menjamin kehidupan yang aman, tenteram dan sejahtera.

Suka saya ingatkan, adalah penting untuk kita mengekalkan keamanan yang telah kita nikmati selama ini. Kestabilan dan kemakmuran negeri hanya akan dapat dinikmati apabila semua pihak melaksanakan fungsi dan tanggungjawab masing-masing. Ingatlah, bahawa perpaduan merupakan asas wujudnya negara ini dan kemajuan yang kita perolehi adalah hasil daripada perpaduan yang telah wujud sejak dulu lagi.

Namun begitu, akhir-akhir ini ada setengah-setengah pihak yang berusaha untuk menggugat perpaduan rakyat, demi untuk kepentingan politik yang sempit. Mereka sanggup menabur fitnah dan menghasut rakyat untuk membenci raja, serta membangkitkan isu-isu sensitif kaum dan agama dengan tujuan menimbulkan kebencian dan menghancurkan keamanan dan kemakmuran negara kita.

Namun begitu, saya percaya rakyat Johor bukanlah masyarakat yang mudah terpedaya dengan tipu helah musang yang berbulu ayam ini. (Dewan bertepuk). Oleh itu, marilah kita bersatu untuk mempertahankan kedaulatan Negeri Johor dan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip rukun negara yang kita telah ikrarkan sejak merdeka lagi.

Saudara-saudari sekalian, suka saya ingatkan di sini kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, Wakil-Wakil Rakyat dan pemimpin masyarakat supaya sentiasa menjaga adab dan tingkah laku serta berhati-hati apabila membuat sesuatu kenyataan, bak kata pepatah, cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar. Baru-baru ini ada pemimpin politik yang secara terang-terang mengkritik tindakan saya, membida nombor pendaftaran di JPJ. Adakah dia lupa tentang adab, adab Melayu atau sememangnya dia seorang yang jahil dan cetek akalnya. Janganlah cuba berlagak pandai, jika tidak berilmu dan janganlah mengeluarkan kenyataan sesuka hati, jika tidak tahu perkara yang sebenar. Bukankah berdiam itu lebih baik daripada berkata yang tidak baik.

Kepada pemimpin seperti ini nasihat saya, janganlah sibuk mencari kudis di kaki orang lain, sedangkan tokak di kaki sendiri tidak mampu diubati. (Dewan bertepuk). Setiap tindakan yang saya buat adalah mengikut cara dan jalan yang betul. Dan setiap kebajikan yang saya buat juga tidak perlu diperbesarkan. Tindakan pemimpin ini bukan saja mendatangkan kemurkaan kepada saya tetapi juga satu penghinaan kepada rakyat dan kedaulatan Negeri Johor. Saya harap dia sedar siapa diri dia dan kesilapan yang telah dibuat jika dia hendak minta maaf, mintalah maaf kepada semua rakyat Johor (Dewan bertepuk), bukan kepada saya seorang sahaja. Pepatah Melayu sering mengingatkan, Terlajak perahu boleh di undur, terlajak kata buruk padahnya.

Saudara-saudari sekalian, saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ahli-ahli gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan seluruh rakyat Johor yang telah memberikan sokongan kepada saya (Dewan bertepuk) dan menyembahkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bagi untuk sama-sama menjaga kedaulatan raja dan Negeri Johor Darul Ta'zim yang kita sayangi ini. Jika tiada rakyat, tiadalah raja. sesungguhnya raja dan rakyat berpisah tiada,

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Kelima Bagi Dewan Negeri Johor Yang Kedua Belas pada hari yang berbahagia ini. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**JURUTULIS :** Ampun Tuanku, Mufti Negeri Johor mohon perkenan membaca doa.

**DOA.**
(Y.B. Dato' Mufti Negeri Johor baca doa).

**Y.B. Dato' Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dif-dif sekalian, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor akan berangkat meninggalkan majlis ini. Maka, saya tangguhkan Persidangan ini sehingga hari Isnin, 18 Jun 2012, jam 9:30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:15 pagi.**

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12**

| HARI KEDUA | ISNIN, 18 JUN 2012 | BIL. 18 TAHUN 12 |
|---|---|---|

**HADIR**

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Dato' Haji Ahmad Zahri bin Jamil, DPMJ., PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Datuk Hoo Seong Chang, PJN., PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat, PJN., JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Datuk Koh Chee Chai, PJN., PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu, PJN., PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Tuan Haji Marsan bin Kassim

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**
(Jurutulis baca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER**

**Y.B. Dato' Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi dan salam sejahtera.

Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah dengan sedihnya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Dato' Tiah Eng Bee yang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Kawasan Mersing, mulai 24 Ogos 1974 hingga 11 Jun 1978 telah meninggal dunia pada 8 April 2012. Oleh yang demikian, Dewan ini merakamkan takziah kepada balu dan keluarga mendiang dan marilah kita bertafakur sebagai penghormatan terhadap khidmat mendiang semasa menjadi Ahli Dewan Negeri Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah berkenan mengurniakan darjah kebesaran dan pingat sempena hari keputeraan baginda pada 2 Jun 2012, Yang Berhormat Encik Hoo Seong Chang, Ahli Dewan Negeri Johor Kawasan Paloh yang juga Ahli Mesyuarat bagi Kerajaan Johor bagi Portfolio Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor dan Yang Berhormat Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, Ahli Dewan Negeri Johor Kawasan Bukit Serampang telah dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara membawa gelaran Datuk. Tahniah, tak payah cakap, ha ah ok. Ingat nak bercakap tadi, belanja aje belum lagi.

**Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.**

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 8 dan 9 Tahun 2012.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2012.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2012.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, jemput.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap):** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan yang nombor 1.

Nyatakan bermula dari awal Januari 2012 hingga kini nyatakan jumlah dan nilai program peningkatan rangkaian jalan-jalan kampung dan pelebaran jalan mengikut daerah-daerah di Negeri Johor. Bagaimanakah cara dan kaedah melalui MARRIS bagi mendapatkan peruntukan dari Kerajaan Pusat?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi tahun ini sebagaimana yang ditanyakan oleh ADUN Machap, pihak kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM5.35 juta yang di perolehi daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri ataupun ICU bagi menaik taraf jalan kampung sepanjang hanya 15.2 kilometer dan juga peruntukan sebanyak RM3.2 juta dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk ini naik taraf jalan sepanjang hanya 10.6 kilometer. Kedua-dua peruntukan ini diletakkan di bawah Jabatan Kerja Raya Negeri untuk pelaksanaan. Sehingga Jun tahun ini Kerajaan Negeri telah pun melebarkan jalan kampung sebanyak 110.46 kilometer dan telah pun membaik pulih jalan-jalan kampung sepanjang 143.86 kilometer.

Sasaran projek membaik pulih dan melebarkan jalan-jalan kampung, Pejabat Daerah ini adalah sepanjang 733.25 kilometer bagi tahun pertama dengan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM50 juta. Kerja-kerja ini dilaksanakan oleh IDJ ataupun Infra Desa Johor dan pecahan-pecahan kerja penyelenggaraan dan menaik taraf bagi tahun ini mengikut daerah:

1. Johor Bahru - RM3.03 juta.
2. Kulaijaya - RM0.6 juta.
3. Pontian - RM5.96 juta.
4. Kota Tinggi - RM3.71 juta.
5. Mersing - RM1.62 juta.
6. Batu Pahat - RM23.8 juta.
7. Kluang - RM3.48 juta.
8. Ledang - RM6.22 juta.
9. Segamat - RM8.49 juta.
10. Muar - RM15.8 juta.

Jumlah keseluruhannya setakat ini ialah RM72.73 juta. Setelah jalan-jalan siap dibina, semua jalan-jalan ini perlu didaftar dalam sistem yang kita panggil sistem MARRIS ringkasan untuk, dengan izin, *Malaysia Road Record Information System* sebelum 31 Disember tahun ini, untuk mendapatkan peruntukan penyelenggaraan untuk tahun hadapan bagi tahun yang berikutnya. Sehingga 13 Jun 2012, sepanjang 4,507 kilometer jalan-jalan kampung telah didaftarkan di bawah sistem MARRIS yang mana kerja-kerja pendaftarannya adalah bermula daripada tahun lepas, mula beroperasi di antara JKR Negeri dan juga Pejabat-Pejabat Daerah keseluruhan yang ada di negeri ini melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri. Dan, senarai jalan-jalan kampung yang telah didaftarkan setakat ini di bawah sistem MARRIS yang ada dalam *database* di JKR ialah untuk:

1. Daerah Kluang - 280.603 km.

2. Kota Tinggi - 136.59 km.
3. Mersing - 107.72 km.
4. Segamat - 565 km.
5. Batu Pahat - 1,566.316 km.
6. Johor Bahru - 116.264 km.
7. Ledang - 470.322 km.
8. Muar - 596.367 km.
9. Kulaijaya - 31.53 km.
10. Pontian - 636.404 km.

Keseluruhannya Yang Berhormat Dato' Speaker, 4507.1 kilometer.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jalan-jalan yang kita bina ini mengikut standard yang ditetapkan dalam keadaan baik dan selamat sahaja yang boleh didaftar, diterima dan diperakukan untuk MARRIS, bagi membolehkan kita mendapat peruntukan penyelenggaraan jalan dan asas penerimaannya ialah sebagaimana berikut iaitu:

1. Jalan tersebut boleh digunakan dan dilalui oleh kenderaan awam pada bila-bila masa dalam sehari tanpa sekatan iaitu selama 24 jam.
2. Lebar permukaan jalan minimum 2.4 meter atau 8 kaki dan tidak melebihi 4.27 meter atau 14 kaki.
3. Mempunyai bahu jalan sekurang-kurangnya 1.5 meter atau 5 kaki di kiri kanan jalan.
4. Mempunyai rizab jalan yang sah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, Machap.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi bahawa salah satu daripada *constrain* kita adalah kerana jalan-jalan yang kita buat melalui KPRJ dulu merupakan jalan-jalan yang kecil, jadi kita tak dapat peruntukan ataupun *standard* dia tak cukup untuk MARRIS nak mengeluarkan, yang mana jalan-jalan ini adalah dibuat daripada inisiatif Kerajaan Negeri. Jadi, saya ingin tahu Yang Berhormat Dato' Speaker, ada juga setengah-setengah jalan di kampung-kampung yang dibuat dengan menggunakan konkrit. Kita ada kenalkan terutamanya di kawasan-kawasan tanah gambut, jadi kita gunakan konkrit yang mana jalan ni dia kecil dan saya ingin tahulah macam mana kalau nak serahkan kepada MARRIS, dia kena lebarkan.

Jadi, jalan konkrit ini kalau kita dah buat kecik kita nak buat balik semula tu, saya rasa memerlukan kos yang tinggi ataupun kaedah nak sambung balik dia punya struktur dia tu, jadi saya ingin tahu Yang Berhormat Dato' Speaker. Berapa banyak jalan-jalan yang saya sebutkan ini ada di dalam kawasan yang telah dibina satu ketika dulu dan ada setengah-setengah jalan itu kebanyakannya pecah. Jadi, saya ingin tahu bagaimana kita nak mengatasi masalah-masalah ini?

**Y.B. Dato' Speaker :** Soalan baru ini, Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap):** Terima kasih Dato' Speaker.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kena semak baliklah, itu konkrit, jalan kampung. Saya mintak maaflah saya belum pernah jumpa jalan konkrit jalan kampung, mungkin di Machap ada. Tapi, walau macam mana pun Yang Berhormat Dato' Speaker, antara syarat yang saya sebutkan itu tadi kalau jalan konkrit itu lebarnya, minimumnya 8 kaki, minimum. Jalan kampung minimum 8 kaki, punya bahu jalan kiri kanan 5 kaki. Kemudian rizab tu memang dah di gazetkan dan jalan tu memang sentiasa digunakan 24 jam. Maka saya rasa Pejabat Daerah semestinya sudah memasukkan nama jalan tersebut juga untuk kita mendapatkan peruntukan MARRIS ini.

Dan, untuk makluman Dewan, kita hanya baru mula kolaborasi untuk mendaftarkan jalan MARRIS secara bersepadu mulai tahun yang lepas, apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri selalu menimbulkan kerunsingan tentang hendak mendapatkan peruntukan kerana negeri dah ada perancangan kita, dan kita telah menaiktarafkan jalan-jalan kampung daripada jalan tanah merah ke jalan tar lebih 3,000 kilometer tanpa menunggu peruntukan tahunan yang begitu kecil, yang kita dapat daripada Kerajaan Pusat seperti saya sebut tadi. Tahun ini sahaja untuk di bawah JKR, yang Kerajaan Pusat bagi 15.2 kilometer daripada ICU dan KKLW bagi hanya 10.6 kilometer.

Dan, kalau kita berterusan tanpa skim yang diadakan melalui KPRJ dan IDJ ini, maka sudah tentunya jalan-jalan kampung kita hari ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, akan ketinggalan jauh dari segi menaik taraf jalan kampung tersebut. Dan, saya percaya jalan konkrit, Yang Berhormat Machap sebut itu, insya-Allah Pejabat Daerah dan JKR, kalau syaratnya cukup, 8 kaki rizab, 5 kaki dan dah didaftarkan rizabnya, dah digazet, jalan itu digunakan 24 jam, ia layak didaftarkan di bawah sistem MARRIS.

Dan, setakat ini kita telah mendaftarkan, untuk makluman Dewan, sebanyak 4,500 kilometer jalan di bawah sistem MARRIS ini pada akhir tahun lepas dan peruntukkannya sekarang ini setiap bulan untuk makluman Dewan, memang kita terima daripada Kerajaan Pusat purata di antara RM25 hingga RM30 juta sebulan untuk MARRIS.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Tuan Haji Ja'affar bin Hashim, jemput.

**Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim (Senggarang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Sejauh manakah ajaran dan fahaman songsang Irshad Manji berada di Negeri Johor ini?

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali, jemput.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 3.

Sejauh mana fahaman liberalisme dan LGBT mempengaruhi masyarakat Islam di negeri ini dan apakah langkah berkesan bagi membendung fahaman tersebut berleluasa dan bertapak di Johor?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon izin untuk menjawab kedua-dua soalan sekali. Fahaman liberalisme merupakan satu fahaman yang berteraskan prinsip kebebasan individu tanpa sempadan. Definisi lain menurut Kamus Dewan yang bermaksud condong kepada kebebasan dan fahaman yang demokratik atau berfahaman bebas. Ia juga dimaksudkan dengan sifat atau berpandangan bebas dan terbuka. Lafaz ini membuka seluas-luasnya ruang kepada akal dan nafsu untuk menerawang kebebasan mutlak. Kesimpulannya, bermaksud sekumpulan golongan yang memperjuangkan prinsip kebebasan dan rasional yang bersifat menyeluruh tanpa sebarang had.

Dari segi latar belakang sejarah kemunculan liberalisme ini Yang Berhormat Dato' Speaker, titik bertolak kemunculan aliran pemikiran modenisme, progresif atau liberal adalah reaksi kepada penentangan sekelompok manusia di barat terhadap fahaman agama, budaya dan struktur masyarakat yang menganggap, yang dianggap mengongkong di sekitar abad ke 16 hingga 18. Institusi Gereja dianggap menghalang kepada kemajuan hidup, mengekang kebebasan pembangunan dan kreativiti manusia. Gerakan modenisme ini berpegang kepada kepercayaan masyarakat perlu dibebaskan daripada tradisi yang dimonopoli oleh penguasa agama. Justeru, melalui agama baru mereka berpegang kepada prinsip bahawa kebenaran bukan satu yang mutlak. Dengan kata lain, kebenaran adalah bersifat relatif dan boleh berubah-ubah mengikut keperluan dan tuntutan.

Di abad ke-20, aliran pemikiran ini melebar bukan sahaja di Asia Barat tetapi juga umat Islam di barat dan timur. Antara yang aktif mempromosi pemikiran ini adalah *Progressive Muslim Union of North America* ringkasnya PMU dengan izin, dan Gerakan Jaringan Islam Liberal (JIL) yang berkembang di Indonesia. Rangkaian pemikiran ini kian meluaskan pengaruh di timur dan barat. Bahang pemikiran ini turut di rasa di Malaysia apabila segelintir NGO mempertengahkan idea berkaitan Islam dengan nada yang hampir serupa dengan Islam liberal. *Progressive Muslim Union of North America,* (PMU) ini diwujudkan oleh orang-orang yang menganggap diri mereka sebagai umat Islam yang pragmatik dalam menggunakan pertimbangan nilai akal, hipotesis, teori dan sistem demi memenuhi keperluan semasa manusia. Ia dipengerusikan oleh seorang Pensyarah Pengajian Islam di Colgate University, Hamilton, New York. Manakala wanita pertama mengimamkan solat Jumaat di New York, Amerika Syarikat pada 18 Mac 2005 lalu, adalah salah seorang daripada penasihat pertubuhan tersebut. Beliau juga pengasas pertubuhan berkenaan yang banyak menimbulkan kontroversi dalam usaha memperjuangkan isu wanita. Gerakan pemikiran liberalisme disebarkan kepada masyarakat Islam melalui media cetak, media elektronik dan media alternatif. Antara ciri-ciri kesesatan liberalisme:

1. Al-Quran sebagai produk budaya dan mendakwa al-Quran merupakan susunan kata-kata Muhammad.
2. Kritikan dan penghinaan terhadap Rasulullahlah SAW.
3. Pentafsiran semula agama Islam.
4. Mentafsirkan al-Quran secara bebas mengikut cita rasa mereka semata-mata.
5. Menilai semula hadis-hadis Rasulullahlah SAW.
6. Menilai semula hukum fiqah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kesan dan ancaman liberalisme terhadap ketulenan agama Islam.

1. Pemikiran liberal ternyata menyumbang kepada perpecahan umat Islam sesebuah negara, bahkan meragut kesucian akidah umat Islam sedikit demi sedikit. Sebagaimana yang berlaku di Indonesia, Majlis Ugama Islam (MUI) telah memfatwakan pengharaman pemikiran Islam Liberal pada 25 Julai 2005.

2. Aliran Pemikiran Islam Liberal merupakan produk yang barat, produk barat yang jelas bertentangan dengan prinsip akidah Ahli Sunnah Waljamaah, bahkan boleh menjadikan seseorang itu sesat dan terkeluar daripada Agama Islam.

Kesimpulannya, Yang Berhormat Dato' Speaker, rentetan daripada kemunculan fahaman dan pemikiran liberalisme ini, maka lahirlah ideologi-ideologi yang memperjuangkan satu fahaman yang berteraskan prinsip kebebasan individu tanpa sempadan. Contohnya, ideologi liberalisme yang disebarkan melalui bahan penerbitan dan satu gerakan atau pertubuhan yang memperjuangkan liberalisme ini. Perinciannya adalah sebagaimana berikut:

1. Penyebaran liberalisme melalui bahan penerbitan iaitu buku karangan Irshad Manji yang berjudul Allah, Kebebasan dan Cinta. Dari segi latar belakang Irshad Manji ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, Irshad Manji merupakan seorang wanita yang dilahirkan di Uganda pada 1968, oleh pasangan Muslim yang berketurunan Arab Mesir dan India. Keluarga beliau berpindah ke Kanada sewaktu berumur 4 tahun dan kemudian keluarganya berhijrah ke Vancouver pada 1972, dan mengikuti sekolah harian biasa sekular serta sekolah agama yang dipanggil madrasah. Seterusnya, beliau mendalami sendiri Islam di perpustakaan-perpustakaan dan melalui tutor bahasa Arab. Beliau, pada masa ini tinggal dan bekerja di Amerika dan beliau juga adalah seorang pendukung perjuangan LGBT iaitu Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender. Dari segi ideologi Irshad Manji ini, beliau dikenali di seluruh dunia sebagai seorang Muslim liberalis, pularis, feminisme dan pengkritik terhadap Islam radikal serta terjemahan ortodoks al-Quran.

Antara usaha yang dijalankan ialah dengan melancarkan projek Ijtihad. Satu program untuk merangsang Muslim terutamanya generasi muda untuk menyoal kembali terjemahan-terjemahan tradisional dan ortodoks Islam bagi membentuk rangkaian Muslim yang bertunjangkan anjakan Islam yang lebih terbuka dan liberal. Beliau memiliki ideologi pemikiran yang sama dengan Salman Rushdie, penulis novel *The Satanic Versus* yang telah dihukum murtad oleh ramai para ulama berdasarkan

bukunya yang menyerang al-Quran dan Nabi Muhamad SAW. Beliau juga mendapat dukungan kuat daripada pendukung jaringan Islam liberal di Indonesia yang telah difatwakan haram oleh Majlis Ugama Islam Indonesia pada 1995. Beliau juga telah menulis buku yang pertama iaitu *The Trouble of Islam Today* telah diharamkan oleh KDN pada tahun 2009. Buku kontroversi terbarunya yang hangat diperkatakan sekarang berjudul *Allah, Liberty and Love*. Allah, Kebebasan dan Cinta telah diterbitkan pada bulan Jun 2011, di Amerika Syarikat, Kanada dan negara-negara lain. Dalam buku ini dipenuhi dengan unsur-unsur penghinaan terhadap agama Islam serta perjuangannya dalam mempertahankan cara hidupnya sebagai seorang lesbian.

Antara kandungan bukunya yang bercanggah dan mengelirukan ialah:

1. Membawa ideologi pluralisme agama.
2. Menghina Al-Quran dan Rasulullahlah SAW.
3. Mempertahankan kebebasan individu atas nama Allah termasuk untuk murtad.
4. Mempertahankan hak seksual yang songsang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengharamkan buku ini setelah menerima laporan dan ulasan daripada JAKIM. Perintah larangan itu dibuat mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, kerana kandungannya boleh mengemparkan pemikiran orang ramai dan memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penyebaran liberalisme, gerakan, pertubuhan dan persatuan yang memperjuangkan kebebasan dan hak asasi LGBT. Dari segi definisi LGBT, LGBT bermaksud yang merupakan definisi moden yang lahir di Amerika sekitar 1990-an, yang melonggokkan golongan-golongan tersebut sebagai satu. Secara teknikalnya, ianya adalah untuk memudahkan gerakan tersebut menentukan golongan sasar yang harus tergolong dalam perjuangan mereka. Walaupun definisi ini sesuai dengan sosiologi masyarakat Polaris Amerika, ia tidak begitu tepat untuk diaplikasikan secara terus di Malaysia atau mana-mana Negara Islam yang lain. Pertubuhan LGBT di Malaysia, tidak ada kumpulan kepentingan wujud untuk menggalakkan semata-mata hak LGBT. Sebaliknya kolasi longgar NGO, Seniman dan individu telah terbentuk dengan dalih meletakkan hak-hak seksualiti tahunan, Festival Seksualiti Merdeka. Seksualiti Merdeka adalah festival tahunan yang terdiri dari kata-kata, persembahan, *woksyop* dan forum untuk menggalakkan hak-hak keseksualan sebagai hak asasi manusia untuk memberi individu dan masyarakat terpinggir dan untuk mencipta *platform* untuk berkongsi. Selain itu, ahli gabungan ini juga terlibat dalam penulisan, surat kempen, pembuatan, pembuatan filem dan perbincangan, *advocacy* akademik dan latihan latih. Pada 4 November 2011, polis telah mengharamkan program mempromosi seks bebas ini berkuat kuasa serta merta berikutan bantahan meluas pelbagai pihak terutamanya dari NGO Islam.

Kesan LGBT ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, LGBT sengaja mencerca syariah, perundangan Malaysia, asas moral dan kesucian semua agama serta boleh mengancam ketenteraman dan keamanan negara. Mereka mencabar kedudukan Islam di dalam Parlimen Perlembagaan Persekutuan. Apabila Islam sebagai Agama Persekutuan ia melibatkan Yang DiPertuan Agong, Artikel 25 Deklarasi Kaherah

mengenai hak asasi manusia dalam Islam yang dipersetujui oleh semua Negara Islam menyatakan setiap polisi yang hendak dijalankan mestilah tidak bercanggah dengan prinsip syariah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan adalah seperti berikut: Jabatan Agama Johor telah membuat pemantauan di kedai-kedai buku di sekitar kawasan Johor Bahru dan di daerah-daerah dan tidak menjumpai buku tersebut di jual di Negeri Johor. Penulis juga tidak membuat penyebaran, ajaran dan fahamannya kepada rakyat Negeri Johor dan perincian rakyat Negeri Johor. Sehingga kini, Jabatan Agama Johor tidak menerima sebarang aduan berkenaan fahaman ini disebarkan secara terbuka oleh mana-mana kumpulan, individu dan program-program khas berkaitan fahaman tersebut. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah dengan memberi penjelasan dan penerangan kepada masyarakat melalui seminar dan bengkel yang telah dianjurkan tentang bahayanya fahaman ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini pada tahun ini sahaja Jabatan Agama telah menganjurkan enam siri ceramah dan seminar yang berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan itu Jabatan Agama Johor juga tidak menerima apa-apa aduan dan mengesan mana-mana pusat untuk kegiatan LGBT ini. Walau bagaimanapun, pemantauan dan risikan akan sentiasa diteruskan bagi mengambil tindakan terhadap kes-kes LBGT ini yang tertakluk kepada kesalahan-kesalahan dalam Enakmen Prosedur Jenayah Syariah, Kesalahan Jenayah Syariah 1997, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Senggarang.

**Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim (Senggarang)** : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan terima kasih kepada EXCO kerana telah memberikan penjelasan panjang lebar tentang nasihat Irshad Manji ni. Saya amat berminat untuk mengetahui tentang kesan ataupun pengaruh fahaman songsang Irshad Manji ini kerana melalui penulisan-penulisan beliau yang cukup halus, yang cukup strategik untuk memesongkan dan memindah ataupun menukar fahaman golongan generasi muda…

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat dah baca buku dia?

**Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim (Senggarang)** : Sebahagian buku itu saya dah baca. Dah melihat dan memang cukup merbahayalah. Kalau tidak ada kuat pegangan memang mereka akan, golongan muda ini akan mudah terikut dengan apa yang ditulis dalam bukunya. Dan, cuma apa yang saya ingin tahu pada pagi ini, iaitu ada ke ataupun ada tidak dibuat khususnya penerangan ataupun penjelasan di sekolah-sekolah khususnya melalui kelas-kelas pengajian Islam supaya maklumat tentang buku Irshad Manji ini dapat diketahui lebih lanjut pada anak-anak muda atau belia. Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari kawasan Senggarang. Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara ini baru berlaku dan cadangan Yang Berhormat supaya kita adakan majlis penerangan, insya-Allah akan kita ambil tindakan. Dan walau bagaimanapun, sebagaimana saya nyatakan sebentar tadi, setakat ini untuk tahun ini sahaja sebanyak enam program atau seminar dan bengkel telah kita jalankan di seluruh Negeri Johor bagi menerangkan kepada orang ramai tentang bahaya pluralisme walaupun ia tidak spesifik kepada buku ini, pluralisme dan liberalisme. Saya percaya dalam seminar-seminar yang akan dijalankan oleh pihak jabatan pada masa akan datang dan masa terdekat ini, kita juga akan menyentuh buku ini, topik dan ideologi yang dibawa oleh pihak Irshad Manji ini. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Maharani.

**Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. LGBT ini saya ingin nak tanya dengan Yang Berhormat Dato' ya, yang T ini. T, biasanya kita, banyak kita dapati ialah *transvestite* iaitu lelaki berpakaian perempuan yang begitu nyata kita lihat dan ingin tahu apakah tindakan kepada mereka ini yang aktiviti yang agak baiknya ialah mereka ini, lelaki berpakaian perempuan ini biasanya aktiviti mereka ialah menjadi tukang andam walaupun dari segi hukumnya memang...

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, ini bukan pondan ek?

**Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Pondan lah tu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, pondan eh?

**Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Ha, pondan lah tu. Dan yang kedua, aktiviti larut malam ni. Ha, ni satu masalah yang khususnya bandar Muar ni Bandar Pelancongan unik ni, larut malam ni, kalau di kawasan saya di Jalan Sayang tu memang terkenal dengan kehadiran pondan dan aktiviti, tindakan saya tahu telah diambil tetapi masih berleluasa. Jadi, apakah tindakan Pejabat Agama ini kepada masyarakat pondan yang saya rasa di banyak tempat memang terlalu popularlah dan ini kena...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah, macam suka je. Merayau je. Ha yalah. (Dewan ketawa).

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Dato' Speaker, kita memang sentiasa mempunyai enakmen, enakmen yang menentukan kesalahan dan hukuman yang boleh diambil kepada mana-mana pihak yang berlagak seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Maharani.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, enakmen ini ialah Enakmen Prosedur Jenayah Syariah, Kesalahan Jenayah Syariah 1997 di mana di bawah Seksyen 28, mana-mana orang laki-laki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan, seperti pondanlah gitukan, di mana-mana tempat awam atau tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM1,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Jadi, peruntukan undang-undang telah pun memang ada.

Dan, insya-Allah lah ini pasal kat Muar ada orang-orang yang macam ini saya percaya pihak Jabatan Agama...

**Y.B. Dato' Speaker :** Kat Muar, kat Johor Bahru pun ada...

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Ha, banyak tempat, Johor Bahru dan lain-lain. Saya percaya bukan tempat-tempat yang saya sebutkan ini sahaja tempat lain pun ada tetapi kebetulan kat Maharani lah banyaknya. So, jadi pihak jabatan sentiasa menjalankan penguatkuasaan dari semasa ke semasa. Tapi kalau Yang Berhormat ada maklumat yang lebih spesifik beritahu kami biar kita buat *raid*, tangkap mereka dan kita boleh hukum mereka di bawah Enakmen peruntukan yang sedia ada. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Bukit Naning.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah yang kita hadapi pada hari ini ialah dalang kepada penyebaran fahaman liberalisme dan juga LBGT ini datangnya dari pemimpin, kalangan pemimpin pembangkang khususnya yang mencelarukan pemikiran rakyat. Apakah tindakan, saya ingin tahu daripada pihak kerajaan apakah tindakan kerajaan kepada mereka yang mendalangi fahaman ini? Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, kalau ikut Seksyen 28, untuk orang-orang yang berlagak sebagai perempuan, tetapi di bawah Seksyen 5, mana-mana orang yang mengembangkan dokumen atau kepercayaan agama selain daripada dokumen atau kepercayaan agama Islam di kalangan orang bukan Islam atau melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan, saya kira termasuklah ini dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, yang bercanggah dengan Islam, kita boleh ambil tindakan dengan mendenda mereka sebanyak RM3,000.00 atau di penjara tidak lebih dari dua tahun atau kedua-duanya sekali.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Hong Tee, jemput.

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 4.

Di manakah kawasan yang menjadi tarikan utama pelancong dari dalam dan luar negeri untuk melancong ke Johor? Berapakah jumlah pelancong luar/asing yang datang ke Johor dari Januari - Mac 2012?

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hau, jemput.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

Berapakah bilangan pelancong masuk ke Negeri Johor dan kadar penginapan hotel-hotel di Negeri Johor sepanjang tahun 2009, 2010, 2011 dan suku tahun pertama 2012?

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, ha, jemput.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Jementah dan Yang Berhormat Skudai secara serentak kerana kedua-dua soalan ini ada berkaitan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut rekod Jabatan Imigresen Negeri Johor jumlah kemasukan pelawat asing melalui pintu-pintu masuk Negeri Johor bagi tahun 2011 adalah 16,728,076 orang dan pada tahun 2010 seramai 16,580,601 orang. Ini bermakna kalau banding tahun 2011 dengan tahun 2010 ia menunjukkan peningkatan sebanyak 147,475 orang. Kerajaan Negeri Johor menjangkakan jumlah ini akan terus meningkat pada tahun 2012 apabila beberapa produk pelancongan baru seperti, telah pun buka untuk perniagaan iaitu Johor Premium Outlet dan pada bulan September tahun ini, *Legoland Malaysia* dan seterusnya *Puteri Harbour Indoor Themepark* ataupun Puteri *Harbour Indoor Entertainment Centre* dan juga lain-lain tempat yang dibuka kepada umum.

Dan, untuk makluman jumlah kemasukan pelawat asing bagi tempoh suku tahun pertama 2012 adalah 4,710,978 orang iaitu suku tahun 2012. Pada suku tahun 2011 adalah 3,981,555 orang. Ini bermakna kalau banding 3 bulan pertama tahun 2012 dengan 2011, ia menunjukkan peningkatan 729,423 orang. Bermakna lebih kurang 18.32 peratus.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pasaran utama yang menyumbang peningkatan jumlah kemasukan pelawat asing bagi tempoh Januari – Mac 2012 adalah negara daripada Singapura, Indonesia, Cina, Filipina, United Kingdom, India, Thailand, Jepun, Australia dan Brunei. Dan jumlah bilangan pelancong yang datang ataupun menginap di Negeri Johor yang di perolehi oleh pihak Tourism Malaysia bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah seperti berikut:

Pada tahun 2009 jumlah pelancong yang menginap di Negeri Johor adalah 3,525,991 orang. 2010; 3,618,932 orang dan pada tahun 2011; 3,385,376 orang. Ini menunjukkan tiap-tiap tahun ada peningkatan. Walau bagaimanapun, kadar untuk jumlah pelancong yang datang menduduki di Negeri Johor pada 2012 masih belum kita terima dari pihak Tourism Malaysia. Kawasan-kawasan yang dikenal pasti menjadi tarikan utama pelancong domestik dan luar negara, di Negeri Johor ini adalah antara tempat-tempat yang dikenali sebagai ekopelancongan, agro pelancongan dan *homestay*, padang-padang golf, pulau-pulau dan pantai-pantai dan termasuk tempat-tempat bersejarah di sekitar Johor Bahru. Dan, saya sebutkan tadi juga akan termasuk produk-produk baru seperti Johor Premium Outlet, yang akan buka; *Legoland, Puteri Harbour Entertainment Centre* dan juga *Pinewood Studio* termasuklah akan datang satu pembangunan besar di kawasan Desaru di daerah Kota Tinggi. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat...

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Saya ingin tahu apakah kedudukan kalau secara perbandingan dengan negeri-negeri yang lain dalam sektor industri pelancongan bagi Negeri Johor sama ada daripada bilangan pelancong mahupun daripada segi hasil daripada sektor pelancongan banding dengan negeri-negeri yang lain. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai perbandingan kami di Jabatan Pelancongan Negeri Johor ia merupakan satu KPI lah pada saya, kalau ikut jumlah kemasukan pelancong kita pastikan jumlah pelancong asing dan domestik ke Negeri Johor ia merupakan kepada *target* kita, kalau ia menunjukkan peningkatan bererti kita bergembiralah dan akan terus berusaha. Kalau banding dengan negeri-negeri yang lain, di Malaysia, KLIA ataupun Kuala Lumpur merupakan kawasan ataupun wilayah yang teramai pelancong masuk ke Malaysia kerana ia merupakan ibu kota, lebih kurang 12 juta lebih. Seterusnya adalah Negeri Pahang. Ramai orang tanya saya mengapa Negeri Pahang? Sebab, jangan lupa dia ada Genting Highlands. Maka lebih kurang 8 juta lebih.

Seterusnya adalah Pulau Pinang lebih kurang 5 juta lebih dan yang keempat, yang kelima dan yang keenam, adalah antara Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sabah. Saya yakin mungkin pada tahun ini, kita akan ada dalam kedudukan yang keempat selepas KLIA, Pahang dan Pulau Pinang. Sabah, Melaka dan Johor lebih kurang 3.8 juta lebih kurang. Kalau dengan ada produk-produk baru seperti yang saya sebutkan tadi, selepas JPO buka pada bulan September tahun ini, tak salah saya mungkin mereka kata 15 hari bulan ke, antara masa itu, apabila *Legoland* buka kemudian dengan produk baru yang lain buka juga, saya yakin kita pasti meningkat ke 4 juta lebih. Kalau Pulau Pinang 5 juta lebih, mungkin kita akan berusaha sedaya upaya kalau boleh kita kejar, kalau boleh sampai tempat ketiga,. Kalau Pahang 8 juta lebih jauh sedikit tapi kita akan berusahalah. *So*, saya yakin sekurang-kurang kita akan dapat tempat yang keempat, dan kalau usaha tambahan lagi mungkin kita *target* kita ialah akan kejar ke Negeri Pulau Pinang. Sekian terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker** : Skudai.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Terima kasih Dato' Speaker. Pelancongan boleh dikatakan adalah satu industri yang penting sebab industri kita berasaplah sekurangnya dengan izinnya semula industri, biasanya tidak menjejaskan alam sekitar. Saya amat risau sebab ada pengusaha-pengusaha pelancongan khasnya ekopelancongan di kawasan Pengerang. Apakah rancangan Jabatan Pelancongan untuk membantu mereka yang terlibat dalam bidang ekopelancongan selepas projek RAPID di, di, apa, dijalankan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna** : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau dari segi pembangunan ekonomi, walaupun pelancongan merupakan sektor yang penting untuk kita majukan demi kebaikan ekonomi negara ataupun negeri. Pembangunan ekonomi termasuk industri dan sebagainya juga merupakan sektor yang perlu kita majukan supaya seimbang dengan semua sektor demi kebaikan ekonomi negara dan Johor. Saya lihat

soalan ini adalah tumpu kepada pembangunan *oil & gas* di Pengerang. Mungkin saya bukan *authority* yang memberi jawapan yang secara *detail.* Tetapi untuk memahami keadaan dan juga kita memberi *concern* kepada orang-orang di Pengerang, Kerajaan Negeri telah pun melihat perkara ini, saya sendiri pun turun ke padang untuk lihat keadaan yang sebenar dan juga berjumpa dengan pihak-pihak tertentu. Saya rasa kalau jawapan secara *detail* itu mungkin bukan oleh saya, tetapi mungkin yang lebih relevan menjawab soalan ini. Tetapi pada keseluruhannya, Kerajaan Negeri memang sedar dan juga peka dan prihatin kepada kehendak-kehendak penduduk di kawasan Pengerang ini.

Saya tak dapat bagi secara *detail* ini tetapi ada peluang untuk kita memperjelaskan permintaan dan juga fikiran orang Pengerang telah pun kita terima dan kita akan sampaikan kepada pihak atau *authority* yang bertanggungjawab supaya kaji dan tengok keadaan mana yang boleh kita bagi bantuan kepada pengusaha-pengusaha ataupun penduduk-penduduk di Pengerang supaya pembangunan pun boleh terjaga tetapi faedah dan juga manfaat kebajikan orang Pengerang pun kita ambil kira, supaya pembangunan di Pengerang ini akan menjadi satu situasi menang-menang atau '*win, win'* kepada negeri dan juga rakyat, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker** : Parit Yaani.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani)** : Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Saya rasa hairanlah ini. Angka pelancong yang datang ke Negeri Johor semakin meningkat. Saya nak tahu CM Pulau Pinang katakan Negeri Johor tak selamat, mengapa orang lagi mahu datang lagi ke Negeri Johor, ha… ini saya nak tahu soalan, jawapan dia, orang tak takut dia kata tak selamat, saya nak tahu.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Dato' Speaker, Pulau Pinang pulau kecil, pelancong 6 juta aja.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat, ini soalan lari daripada soalan asal, macam mana?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna** : Yang Berhormat Dato' Speaker, CM Pulau Pinang pun telah pun meminta maaflah kepada Negeri Johor, kata yang tak selamat dan akan menjejaskan pelancongan itu tidak benar. Beliau telah pun meminta maaf kepada Negeri Johor. Dari segi statistik telah pun jelas membuktikan bahawa banyak faktor untuk menentukan kejayaan dan juga kemajuan sektor pelancongan di Negeri Johor ini. Saya rasa selain daripada usaha pihak Jabatan Pelancongan Negeri Johor bersama-sama dengan Tourism Malaysia dan Pejabat Kementerian, selama ini kita tiap-tiap bulan kita bermesyuarat dengan jabatan itu sendiri dan juga pihak swasta dan juga agensi kerajaan, yang mungkin kita boleh fikirkan apa cara lagi untuk kita majukan lagi sektor pelancongan. Itu tetap pada tiap-tiap bulan kita ada mesyuarat.

Selain daripada itu, kerjasama dari semua agensi dan juga pengusaha-pengusaha industri pelancongan pun memainkan peranan. Saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua agensi kerajaan termasuk pihak Polis,

Imigresen dan Kastam umpamanya, telah pun memberikan kerjasama yang rapat kepada Jabatan Pelancongan Negeri Johor. Ada apa isu saja kita panggil mesyuarat untuk menyelesaikan masalah. Selama ini saya tidak nampak ada apa-apa masalah yang boleh menjejaskan kerja di Jabatan Pelancongan Negeri Johor.

Selain daripada itu saya selalu kata, kalau usaha pihak kerajaan sahaja tidak mencukupi. Kita harap ada kerjasama daripada semua pengusaha-pengusaha pelancongan termasuklah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sama-sama boleh mempromosikan produk yang ada di Negeri Johor. Dan *target* saya sebenar tadi, kedudukan tempat pasti kita akan capai dan kita akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi usaha kita, supaya sektor pelancongan di Negeri Johor akan menjadi satu tumpuan, bukan setakat domestik tetapi antarabangsa. Sekian terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, jemput.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6, terima kasih.

Sila nyatakan secara terperinci penyakit-penyakit kronik yang ada di Johor serta yang dialami masyarakat di Johor. Jumlah kematian serta tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan dalam tempoh 2 tahun ini?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, penyakit-penyakit kronik yang dialami masyarakat di Negeri Johor termasuklah diabetes mellitus iaitu kencing manis, darah tinggi, sakit jantung, *neoplasm* ataupun kanser dan penyakit pernafasan.

Jumlah kes-kes baru penyakit kronik yang dikesan di Klinik Pakar dan Klinik Kesihatan Negeri Johor pada 2010 dan 2011 adalah diabetes mellitus ataupun kencing manis, 2010, 12,915 orang meningkat pada tahun 2011 ke 15,018 orang, penyakit darah tinggi daripada 12,279 kepada 14,519. Penyakit jantung daripada tahun 2010, 4,543 orang kepada 4,959 dan kanser 5,320 kepada 5,697.

Dan, jumlah kematian yang dikesan di Negeri Johor akibat penyakit kronik ini yang disebutkan tadi adalah 3,420 orang iaitu kanser sebanyak 810 orang, diabetes 83 orang, penyakit jantung 637 orang, strok 664 orang, *respiratory diseases,* penyakit pernafasan adalah 1,226 orang. 3,420 orang ini daripada jumlah kematian seluruh Johor pada tahun 2011 yang sebanyak 6,645 orang itu, merupakan 51.46%. Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi menangani penyakit kronik adalah satu, pengesanan awal penyakit. Jadi, saringan awal penyakit diadakan mengikut jadual di klinik-klinik kesihatan dan juga semasa aktiviti di komuniti seperti *medical camp* dan sebagainya, rawatan awal, *prompt treatment* dengan izin, dan berjadual. Pesakit diberikan temu janji segera bagi rawatan penyakit sebaik sahaja penyakit dikesan. Rawatan diberikan dan pesakit dinasihatkan supaya mematuhi jadual pemeriksaan yang telah diberikan. *Patient empowerment* dengan izin, pesakit

dinasihatkan supaya mematuhi cara mengambil ubat mengikut seperti arahan doktor. Jika ada komplikasi pesakit dinasihatkan agar segera mendapatkan rawatan di hospital bagi mencegah ke tahap yang lebih parah.

Promosi kesihatan. Promosi yang dijalankan bagi tujuan pencegahan mendapat penyakit kronik ini di antara aktiviti yang dijalankan termasuklah amalan pemakanan sihat, aktiviti fizikal seperti senaman berjadual, jom naik tangga atau berjalan 10,000 langkah, minda sihat dan menangani stres, berhenti merokok, Johor Bebas Asap Rokok dan bebas daripada minuman alkohol.

**Y.B. Dato' Speaker** : Kempas.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Terima kasih Dato' Speaker. Soalan tambahan, kalau kita lihat daripada angka, saya ambil contoh seperti penyakit jantung, ada penambahan sebanyak 4,959 penghidap. Kematian daripada keseluruhan penyakit kronik ini di Negeri Johor pada tahun lepas ialah 6,000 lebih. Saya nak tahu apakah tindakan untuk mengurangkan daripada kematian iaitu seperti sakit jantung, Kita ada satu sahaja hospital yang membuat pembedahan sakti jantung iaitu Hospital Sultanah Aminah. Saya difahamkan hanya ada satu atau dua doktor sahaja yang mampu untuk membuat pembedahan ini. Sedangkan penyakit, pesakit dia ada 4,000 lebih. Ada yang sakit sampai tunggu 9 bulan sedangkan dia dah tercungap, umpamanya macam esok dah nak jalan dah…

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat okey?

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** Saya, alhamdulillah makin sihat.

**Y.B. Dato' Speaker** : Oh, yalah… tambahlah…

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Yang**,** Yang Berhormat Dato' Speaker pun ok?

**Y.B. Dato' Speaker** : Alhamdulillah. Dah?

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Jadi saya nak tahu, apakah tindakan supaya pertamanya dapat kita mengurangkan kadar kematian. Kadar kematian ini disebabkan *action* yang diambil oleh kerajaan untuk memberikan pengubatan yang sebaik mungkin. Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Terima kasih Yang Berhormat. Dia keparahan penyakit-penyakit ini tergantung kepada individu itu sendiri. Dia dah tahu dia menghidap penyakit itu dan dia ikut arahan doktor, tetapi amalan hidup sihat dia tak betul, dia masih lagi minum alkohol, dia masih lagi merokok, dia masih makan apa tu, benda berlemak, kolesterol tinggi dan sebagainya, yang itu *habit* atau ketabiatan individu itu sendiri yang akan mengakibatkan parahnya penyakit itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh… rokok tak boleh ek?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Ha…

**Y.B. Dato' Speaker :** Kalau lepas *by-pass* boleh rokok?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Ya?

**Y.B. Dato' Speaker :** Lepas buat *by- pass.*

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Oh, tak boleh, di hospital dilarang. Di hospital dilarang menghisap rokok. Kalau kita kesan boleh didenda. Didenda sebab itu adalah satu kawasan larangan merokok. Jadi seperti Yang Berhormat tak boleh menyalahkan bagaimana lambat tindakan. Itu sebenarnya penyakit ini individulah.

Kerajaan, untuk makluman Yang Berhormat, Hospital Sultanah Aminah sendiri mempunyai tiga *team* pembedahan jantung, tiga *team*. Jadi satu pakar aje ada dia punya diagnosis dia sendiri, dia punya M.A. dia, *nurses* dia sendiri, dia satu *group*, satu *group,* satu group, tiga. Dan untuk makluman pada 2010 sahaja, pembedahan *open heart surgery,* 178 kes setahun. 2010, 2011, 169 kes, tahun ini sampai Mei, 89 kes. Lepas itu kita buat juga *close heart surgery,* maknanya masuk apa, *vein* jadi bukan belahlah. Pada 2010, kita lakukan 31 kes; 2011, 47 kes; 2012 ada 12 kes. Jadi, bukan maknanya lewat mendapat, akibat kematian itu lewat mendapat pembedahan dan sebagainya. Jadi saya harap penghidap penyakit kronik ini, dia tahu penyakit dia dan silalah ambil pencegahan yang itu, supaya umur dia panjanglah insya-Allah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Insya-Allah. Yang Berhormat Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

Apakah status pembinaan Empangan Kahang serta jumlah kos projek tersebut dan di manakah kawasan yang bakal di pilih untuk projek itu?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, pembinaan Empangan Kahang setakat ini masih dalam peringkat kajian *visibility* oleh pihak Jurutera Perunding yang dilantik oleh Jabatan Bekalan Air, Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air. Laporan Kajian *Visibility* akan dimuktamadkan oleh Jurutera Perunding setelah cerapan ukur dan laporan siasatan tapak di perolehi. Laporan *visibility* ini dijadualkan siap pada Julai 2012.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek bernilai kira-kira RM105 juta ini terletak di Hulu Sungai Kahang, membabitkan kawasan Hutan Rizab Kluang dan Rizab PERHILITAN

Endau, Kota Tinggi. Projek ini dijangka mampu membekalkan air mentah kira-kira 130 juta liter air sehari bagi penduduk-penduduk di daerah Kluang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Hem, ok Kahang, *last*.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Dato' Speaker, soalan saya begini. Kerajaan telah pun meluluskan satu projek dari segi Empangan Kahang tetapi sama ada kita boleh pasti tak sama ada apabila empangan ini mula beroperasi ia akan dapat menyelesaikan masalah kekurangan air di daerah Kahang, di daerah Kluang kerana masalah kekurangan air di daerah Kluang merupakan isu yang dibangkitkan dan juga dieksploitasikan. Jadi, kita telah belanjakan wang sebanyak RM105 juta untuk projek yang besar ini. Jadi, *outcome* dia dengan izin, sama ada ia dapat menyelesaikan atau tidak masalah yang kita hadapi sekarang? Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana daerah Kluang kita bergantung pada bekalan air daripada Empangan Sembrong yang kapasitinya tidak berapa besar dan oleh kerana pembangunan di persekitaran kawasan tadahan air dari Sembrong, Empangan Sembrong ia terdiri daripada kawasan bandar sendiri, Kluang. Ia adalah dalam tadahan, kawasan tadahan air. Oleh itu, kita pindah kepada empangan baru dicadangkan, yang untuk mengadakan empangan baru, kita boleh bekalkan air mentah sebanyak 136 juta liter air sehari yang sebenarnya keperluan untuk daerah Kluang tidak sampai 100 juta liter sehari dan kita ambil tapak ini mengikut kajian-kajian Sumber Air Negeri Johor yang telah dibuat pada tahun 1986 satu kali dan kali kedua kita buat juga kajian-kajian Sumber Air Negeri Johor pada 2000 dan akhir ini kita telah buat sekali lagi untuk menentukan bahawa tempat itu akan berikan sumber air mentah yang cukup. Kajian yang seluruh juga dibuat pada tahun 2010 dan telah dapat laporan juga menentukan tempat itu adalah lebih sesuai dan boleh menyelesaikan masalah air Kluang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan jemput.

**Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 8.

Ingin tahu sama ada kerajaan mempunyai cadangan untuk mewujudkan Pejabat PERKESO di Mersing bagi memberi perkhidmatan kepada penduduk di daerah Mersing yang tinggal jauh di rancangan FELDA dan luar kawasan bandar dan sering berlaku kemalangan semasa bertugas.

**Y.B. Dato' Speaker :** Hem, jangan panjang.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi:** Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daerah Mersing berada dalam kawasan liputan PERKESO Kluang. Buat masa ini PERKESO Kluang masih mampu memberikan perkhidmatan kepada majikan dan pekerja di kawasan Mersing dan sekitarnya. Sekiranya ada keperluan berdasarkan pertambahan

majikan baru dan juga peningkatan jumlah pekerja di kawasan tersebut, maka PERKESO akan mengkaji semula keperluan mewujudkan pejabat baru di daerah tersebut. Namun begitu Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk memastikan perkhidmatan kepada masyarakat Mersing dan sekitarnya, PERKESO Kluang telah membuka kaunter perkhidmatan setempat yang dibuka pada setiap hari Rabu minggu pertama setiap bulan bertempat di Pejabat Penerangan Daerah Mersing di alamat JKR MG 254, Jalan Haji Musa, Mersing, Johor. Walau bagaimanapun, sehingga kini mereka yang datang berurusan di kaunter tersebut hanya sekitar 12 orang sahaja. Pengoperasian pusat kaunter setempat ini juga telah dimaklumkan melalui hebahan dan pemberitahuan awam. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Habis soalan lisan. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

**Jurutulis : RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum dibahaskan saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat berucap ada tiga hari sehingga hari Rabu dan lepas itu hari Khamis pihak kerajaan akan jawab dan pada hari Isnin Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan menggulung iaitu saya harap dapat menjimatkan masa lah untuk beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat yang lain dapat berucap, tetapi Persidangan Dewan kita pagi dan petang. Perbahasan diteruskan lagi, jemput.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumusalam.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon membawa Rundingan bahawa satu ucapan Menjunjung Kasih dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor seperti berikut:

Ampun Tuanku, adalah patik Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Kelima Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-12.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana memberikan peluang dan masa kepada saya untuk membawa usul di Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Ke-12.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sesungguhnya kita menjunjung kasih atas titah ucapan Baginda Tuanku. Amat jelas, terang, nasihat serta ingatan Baginda Tuanku dan perlu dihayati dengan mendalam dan marilah kita berdoa agar Negeri makmur Johor ini di bawah payung Baginda Tuanku akan terus makmur dan bertambah sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, benarlah kata Titah Baginda Tuanku jangan mencari kudis di kaki orang sedangkan tokak di kaki sendiri. Satu lagi peribahasa yang sesuai, bicara rumput di halaman orang, di halaman sendiri rumput sampai di kaki tangga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya dalam masa yang amat terbatas ini membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan data, fakta dan auta. Data Yang Berhormat Dato' Speaker berkaitan dengan angka atau nombor. Manakala fakta adalah perkara sebenarnya terjadi dan auta adalah perkara yang di reka-reka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya lanjutkan ucapan, saya ingin sampaikan satu pesanan ringkas atau SMS dengan izin, yang saya terima dari rakyat Johor, dia minta tolong sampaikan ucapan terima kasih rakyat Johor kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan Kerajaan Negeri berhubung penyelesaian isu Dana Johor yang diumumkan baru-baru ini. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, sesungguhnya kita bersyukur menjadi warganegara Malaysia, sebuah negara aman, makmur lagi sejahtera. Dulu Malaysia dikenali Semenanjung Tanah Melayu. Pernah juga disebut sebagai *Golden Peninsular* dengan izin, atau Semenanjung Emas. Nama negara kecil ini sedang meluncur menjadi negara maju berpendapatan tinggi. Tahun ini genap 55 tahun kita merdeka. Negara kecil yang berpenduduk 28.3 juta dengan pecahan kaum Bumiputera, 67.4%; kaum Cina, 24.6%; India, 7.3% dan lain-lain 0.7%. Walaupun berbilang kaum, negara ini mampu berdiri tegak dari segi perpaduannya disebabkan asas-asas yang kukuh semasa pembinaan awal negara ini. Dalam tempoh 55 tahun negara ini muncul dari sebuah negara pertanian kepada negara perindustrian dan hari ini terbukti jumlah eksport kita melebihi 1 trilion. Semuanya adalah kerana kebijaksanaan pemimpin-pemimpin utama yang mentadbir negara ini.

Di dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pengasas negara bangsa iaitu Dato' Onn Jaafar, Yang Mulia Tunku Abdul Rahman, Bapa Kemerdekaan Negara; Tun Abdul Razak, Bapa Pembangunan Negara; Tun Mahathir Mohamad, Bapa Permodenan Negara; Tun Abdullah Badawi, Bapa Pembangunan Modal Insan dan Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak yang sekarang ini yang sedang melakukan transformasi negara. Minta maaf Yang Berhormat, Tun Hussin terlupa, Bapa Perpaduan Negara. (Dewan ketawa).

Yang Berhormat Dato' Speaker, ketujuh-tujuh negara ini semuanya adalah dari Parti Perikatan dan Barisan Nasional yang telah mengurus dan mentadbir negara ini hingga ke tampuk kejayaan seperti yang kita nikmati pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu dunia mengakui akan kecekapan kita mengurus dan mentadbir negara ini. Kita juga dihormati di persada antarabangsa, dihormati di kalangan negara membangun, di kalangan negara dunia ketiga, di kalangan negara Islam malah di kalangan negara-negara maju sendiri mengiktiraf negara kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita diiktiraf melalui perakuan-perakuan yang dibuat oleh badan-badan antarabangsa. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin

kemukakan data, negara kita diperakui sebagai negara yang paling makmur. 43 daripada 110 negara makmur dalam dunia. Indeks daya saing 26 daripada 139 negara. Indeks negara terbaik dunia ke-37 daripada 100 negara, manakala *Index Global Fees* dengan izin, tempat ke-37 daripada 121 negara. Indeks Kualiti Hidup ke-36 daripada 121 negara. Indeks Kebebasan Ekonomi, 59 daripada 179 negara. Yang Berhormat Dato' Speaker, data ini membuktikan akan kejayaan kita. Kejayaan ini tidak datang bergolek. Kejayaan ini hasil perancangan yang tersusun dan perlaksanaan berterusan Kerajaan Perikatan dan Barisan Nasional. Orang luar yakin dengan kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Itu sebab ramai yang datang. Pelancong, pelabur termasuk pendatang asing haram pun ramai datang ke negara kita. Keyakinan negara luar dibuktikan dengan jumlah pelaburan yang semakin bertambah sejak berdekad. Keyakinan pelabur disebabkan kemampuan kita mentadbir negara. Kita menyediakan infrastruktur yang cukup, mempunyai kestabilan politik yang berterusan serta insentif-insentif pelaburan yang sentiasa menarik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kejayaan yang kita nikmati hasil daripada pengurusan negara yang tersusun serta sikap tolak ansur di kalangan rakyat. Negara ini seperti diketahui merupakan negara yang berbilang kaum. Mempunyai rakyat yang menganut pelbagai agama. Ratusan perbezaan adat istiadat. Punya pelbagai budaya gaya hidup yang berbeza. Seperti yang saya sebutkan awal tadi, komposisi kaum di negara ini Melayu, Cina, India dan Bumiputera Sabah dan Sarawak terus hidup aman dan makmur sejahtera selama enam dekad. Tidak ada peristiwa hitam kecuali pada tahun 1969.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika tidak cekap mentadbir negara yang berbilang kaum ini tentunya akan kerap berlaku peristiwa hitam seperti mana tahun 1969. Tidak ada negara di dunia ini yang berbilang kaum sifatnya mampu bertahan seperti Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin bawa satu lagi data yang merupakan fakta tentang komposisi kaum di negara ini dan juga di seluruh dunia. Satu, saya berikan contoh Indonesia, kepadatan penduduknya hampir 300 juta. 41.7% merupakan kaum Jawa; 40.1%, Melayu; Sundanese, 15.4%; kaum Cina, 3.7% dan lain-lain 31.3%. Singapura dengan kepadatan penduduk 46 juta. 77% merupakan Cina, kaum Cina; Melayu, 14%; kaum India, 7.6% dan lain-lain,1.4%. Jepun dengan jumlah penduduk 129 juta. Etnik Jepun, 98.5%; Korea, 0.5%; kaum Cina, 0.4% dan lain-lain 0.6%. Di Negara China, jumlah penduduk sebanyak 1.339 bilion, komposisi peratus kaum Han 91.1% dan lain-lain 8.5%.

Hong Kong, jumlah penduduk 7 juta. 94.9% daripadanya merupakan kaum Cina. 2.1% kaum daripada Filipina. 1.8% daripada Indonesia dan 1.2% lain-lain bangsa. Berdasarkan data statistik yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak ada satu negara pun yang mempunyai komposisi kaum yang kompleks seperti yang ada di negara kita. Sekalipun kita mempunyai komposisi kaum yang kompleks, punya anutan agama yang pelbagai, kita telah membuktikan kepada dunia bahawa kita mampu mentadbir, mengurus negara seperti yang kita capai pada tahap hari ini. Malah kita jauh lebih baik berbanding negara-negara yang mempunyai satu kaum, satu anutan agama, satu budaya hidup tapi kerana perbezaan fahaman sahaja

akhirnya, berbunuh sesama sendiri, berperang bertahun-tahun. Berbalah hingga menitiskan darah, malah berdendam yang tidak berkesudahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semuanya ini adalah kerana fakta kebijaksanaan kepimpinan negara yang diterajui oleh Perikatan Barisan Nasional dan tolak ansur di kalangan pemimpin-pemimpin utama parti dalam negara ini serta rasa hormat di kalangan kaum di negara ini. Seperti kata peribahasa Melayu, "*Sebagai tali berlembar empat, sebagai tungku sejeragat*". Maksudnya membawa pengertian satu perkara yang sudah sempurna hasilnya kerana telah dirundingkan dengan baik sebelum mengerjakannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, fakta-fakta di atas saya sebutkan tadi menjadi ramuan yang cukup menarik dan resipi terbaik mengenai hubungan kaum di negara ini. Kekukuhan perpaduan yang ada di dalam negara ini adalah disebabkan asas yang kukuh direncanakan oleh pemimpin negara ini. Pertamanya seperti yang kerap saya sebutkan Perlembagaan Negara, yang tercatat dalam Perlembagaan memberikan hak kebebasan kepada setiap dan semua penduduk di negara ini serta Rukun Negara. Dua benteng ini menjadi, dua perkara ini menjadi benteng utama kepada perpaduan negara selama ini. Ditambah lagi persefahaman berterusan di kalangan pemimpin Perikatan Barisan Nasional yang saya sebutkan tadi. Persefahaman dan tolak ansur di kalangan parti UMNO, MCA, MIC, Gerakan, Parti-Parti Bumiputera Sabah dan juga Sarawak menjadikan negara ini tenteram sejak berdekad.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang penting rakyat berbilang kaum memahami apa yang terkandung dalam Perlembagaan dan Rukun Negara. Mereka mengetahui bahawa dalam Perlembagaan ada lima perkara penting. Lima perkara tersebut ialah, Agama Islam, Raja Melayu, Bahasa Melayu, Hak Istimewa Orang Melayu dan hak warganegara bagi semua kaum. Rakyat teramai juga memahami dengan jelas serta mengamalkan bertahun-tahun, menghayati Rukun Negara. Mereka yakin Rukun Pertama, Kepercayaan kepada Tuhan. Semua rakyat terbanyak menghormati anutan agama masing-masing. Sekalipun agama Islam adalah Agama Persekutuan tetapi agama lain bebas diamalkan di negara ini. Cuma disebut dalam Perlembagaan, bahawa Agama Islam akan dilindungi. Agama lain tidak boleh disebarkan di kalangan orang Islam. Itu jelas dalam Perlembagaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi data yang ingin saya kemukakan ialah mengenai agama di negara ini. 61% penduduk negara ini menganut Agama Islam. Buddha, 19.8%; Kristian, 9.2%; Hindu, 6.3%; Confucianism dan Taoism, 1.3%; lain-lain agama, 1.4%. Manakala 0.7% rakyat di negara ini tiada agama. Jarang ada di dunia, di mana-mana negara yang mempunyai komposisi agama seperti ini tetapi di negara kita, komposisi yang begini kompleks kita mampu hidup dalam keadaan aman lagi tenteram.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat teramai juga memahami akan prinsip Rukun Negara. Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Tetapi semua hari ini, hari ini semuanya diserang oleh pihak berkepentingan atas nama kebebasan bersuara. Ada juga kalangan pemimpin kumpulan carca marba memburukkan negara di negara luar semata-mata mahu meraih simpati negara asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat teramai juga menghormati prinsip ketiga Rukun Negara, Keluhuran Perlembagaan. Tapi setengah pemimpin termasuk pengamal undang-undang sendiri yang kerap mempertikaikan akan Keluhuran Perlembagaan. Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat teramai juga amat menyanjung Kedaulatan Undang-Undang tapi hari ini pemimpin politik termasuk pengamal undang-undang di kumpulan yang tidak jelas dan malah dikatakan profesional tidak menghormati undang-undang. Dibenarkan berhimpun dalam stadium, mereka berarak, berdemonstrasi atas jalan. Sudahlah salah mereka pula menyalahkan pihak Polis. Yang profesional ini bukan profesional tetapi mereka ini lebih emosional.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat teramai juga sentiasa memahami mengamalkan Kesopanan dan Kesusilaan. Tapi ramai di kalangan mereka yang ingin mencari publisiti murah kerana mahu dilihat sebagai jaguh atau pejuang bagi sesuatu pihak. Yang Berhormat Dato' Speaker, walau bagaimana pun hubungan kaum di negara ini mula robek, mula koyak, mula dipunahkan oleh niat dan hajat segelintir pihak yang mahu menjadi pemimpin utama negara. Manakala ada parti yang mula bersungguh-sungguh menjadi pentadbir dengan menggunakan isu-isu sensitif, isu-isu kaum kerana mahu menjadi hero atau pejuang kaum tanpa sedikit rasa bersalah, rasa segan apa yang ada dalam Perlembagaan dan Rukun Negara. Mereka mengatakan ini hak mereka. Ini kebebasan bersuara mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin bertanya di dalam Dewan yang mulia ini. Mana ada di dalam dunia ini yang tidak ada peraturan atau tidak ada rujukan bernegara. Di jalan raya pun kita ada peraturan. Hendak menjadi doktor, buka klinik pun ada peraturan. Hendak menjadi Ahli Dewan Negeri pun ada peraturan. Tapi kenapa bila menjadi warganegara tidak mahu ikut peraturan. Kenapa tidak menghormati Perlembagaan?. Kenapa tidak mahu menjunjung Rukun Negara?. Kenapa ada perbezaan?. Pepatah Melayu ada menyebut, "di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung".

Yang Berhormat Dato' Speaker, perpaduan yang terbina lebih lima dekad ini mula dihancurkan oleh kumpulan yang tidak jelas tanpa mengira sensitiviti perasaan mengeksploitasi untuk kepentingan parti mereka. Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak daripada dahulu kita sudah kenal pasti parti perkauman yang berjuang untuk kepentingan satu kumpulan, parti ini terus merencana gagasan tanpa merujuk apa yang telah jelas yang ada dalam Perlembagaan. Apa yang telah tercatat dalam Perlembagaan. Yang Berhormat Dato' Speaker, ditambah lagi sejak tahun 2008 atas satu perkataan mereka menyerang apa saja untuk kepentingan merebut kuasa. Kononnya untuk membawa perubahan kepada negara. Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka menyerang, katanya, kononnya mereka adalah kumpulan yang terbaik, kumpulan yang boleh mentadbir negeri, kumpulan yang boleh membawa perubahan. Tapi yang saya lihat kumpulan ini bersimpang siur, tidak ada pendirian, cakap tidak serupa bikin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengemukakan fakta, perkara yang sebenarnya terjadi. Mereka berjanji bukan satu kali. Mereka berjanji banyak kali. Dan janji utama mereka yang pernah saya sebutkan dalam Dewan ini ialah pada 16

September 2008, mereka akan mengambil pentadbiran negara melalui lompatan atau loncatan Ahli Parlimen Barisan Nasional. Saya ulang. Mereka akan mengambil pentadbiran negara melalui jalan belakang kerana hendakkan kuasa, mereka sanggup melakukan kerja tidak bermaruah, tidak ada integriti. Seluruh rakyat Malaysia menanti tarikh 16 September 2008. Seluruh rakyat dibohongi bukan setakat Malaysia, satu dunia pun kena bohong. Yang lebih teruk lagi, rakan sepakatan dengan mereka pun dibohongi. Ketua pembohong ini dengan yakin menyatakan bahawa Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional akan melompat sehinggakan ada ahli dalam kumpulan mereka mengejar Ahli-Ahli Parlimen hingga ke Taiwan kerana hendak membeli, memujuk ahli Barisan Nasional melompat kepada kumpulan mereka. Lebih malang lagi, pembohongan ini mereka mengatakan Panglima Angkatan Tentera sudah bersetuju. Ini bukan didedahkan oleh mana-mana ahli Barisan Nasional, ia didedahkan sendiri oleh kumpulan pakatan yang keluar daripada kumpulan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, 16 September tidak menjadi tetapi lebih ramai ahli parti kumpulan mereka yang berhijrah dan keluar daripada parti berkenaan. Malah ada negeri yang ditadbir oleh kumpulan ini kembali ke pangkuan Barisan Nasional apabila ahli parti mereka keluar parti masing-masing. Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan setakat berbohong malah mereka juga menabur janji yang cukup hebat. Contoh yang selalu saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, Kampung High Chaparal atau Kampung Buah Pala menjadi contoh yang klasik. Janji Ketua Pembangkang, dalam tempoh seminggu selepas mereka mengambil alih pentadbiran negeri, mereka akan menyelesaikan isu Kampung Buah Pala. Yang terjadi, penduduk Kampung Buah Pala selepas itu dihalau keluar oleh mereka, parti yang mentadbir negeri tersebut. Tembelang mereka sudah nampak. Apakah mereka ini boleh diyakini? Apakah mereka ini boleh dipercayai?

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu hanya dua cerita daripada puluhan cerita yang menggambarkan siapa mereka, diri dan soal integriti mereka. CD yang memualkan, kes berulang, LGBT, Israel, akaun RM3 bilion dan puluhan cerita lagi, kalau nak disebut tidak cukup masa. Biasanya kita pergi pasar, Yang Berhormat Dato' Speaker, bila pilih ikan, kita tengok mata ikan itu. Kalau matanya merah, maknanya ikan itu sudah menghampiri busuk. Mata itu terletak dekat kepala. Kalau kepala busuk, badannya juga akan menjadi busuk. Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti kata pepatah Melayu, `bangkai gajah tidak boleh ditutup dengan daun nyiur'.

Yang Berhormat Dato' Speaker, parti pelampau kaum atas nama gagasan tertentu mendominasi kumpulan yang tidak jelas ini. Yang berangan-angan nak menjadi ketua Putrajaya, sanggup mengikut apa saja kehendak parti ini, seperti lembu dicucuk hidung. Yang hendak menjadi pentadbir sanggup menggugurkan matlamat parti, sanggup menjadi kuda tunggangan. Malah sanggup membuang orang sendiri kerana mengikut arahan parti pelampau.

Di dalam Dewan yang mulia ini, sengaja pula mencetuskan idea keterlaluan lagi melampau. Tuduhan yang mengatakan bahawa kerajaan yang ada sekarang mengamalkan dasar *aparteid*, perkataan *aparteid* itu pun dia tak faham. Kalau dasar *aparteid* yang kita amalkan, dia pun tak ada dalam Dewan yang mulia ini. Bukankah ini jelas bahawa ingin mencari publisiti murah dan rendah nilainya. Kita nak tanya

kepada mereka, bila Naib Pengerusi DAP, Yang Mulia Tengku Abdul Aziz membuat kenyataan tidak bersetuju perhimpunan haram Bersih 3.0. Perkhidmatan Yang Mulia ini, Senator, ditamatkan, malah ditawarkan sejumlah wang tertentu.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Saya rasa tidak sesuai perkara ini dibawa ke Dewan ini.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Dato' Speaker ...

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Tolong jangan bawa perkara ini dalam Dewan ini, ini bukan sesuai tempatnya...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) :** Ikut peraturan berapa?

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, duduk. Yang Berhormat, dalam perbahasan kalau tak menyokong peribadi, tidak menghentam nama-nama seorang, sebagai biasa berucap, yang telah pun diketahui oleh umum, maknanya Ahli Dewan boleh berucap. Sama juga kalau Yang Berhormat nak berucap, asal perkara betul, dah keluar Yang Berhormat boleh berucap, cuma tidak menyentuh peribadi seseorang itu di dalam Dewan ini. Itu saya tidak izinkan. Tetapi sebagai biasa orang keluar masuk, lagi dulu dah 20 tahun orang berucap dalam Dewan ini, lagi hebat. Ini tak ada benda, dia beritahu apa yang telah berlaku. Itu tak jadi masalah. Dah berlaku jadi cerita ajalah. Kita dengar ajalah, tak nak dengar kita diam ajalah.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Yang Berhormat Dato' Speaker...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat...

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Tadi Rengit cakap pasal ada bagi sejumlah wang, itu ialah salah. Kita mintak mengikut Peraturan 45 kita suruh dia tarik balik...

**Y.B. Dato' Speaker :** Apa benda?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Suruh tarik balik, kita tak pernah bagi sejumlah wang seperti...

**Y.B. Dato' Speaker :** Apa benda Yang Berhormat?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Kita tak pernah bagi dia sejumlah wang seperti yang dicakapkan ialah dia *offer in Penang Institute*...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, nak menegur seseorang, Yang Berhormat mesti bangun ketika dia berucap salah tu, Yang Berhormat kena bangun serta merta. Ini dah tak timbul, tak nak ulang yang tadi mula dia cakap begini, begini salah, tak ada. Ketika itu dia berucap bercakap, Yang Berhormat serta merta bangun, bukan dah

lepas, orang lain tegur Yang Berhormat, tadi pun dia ada cakap mahu tarik balik dulu. Dewan ini bukan macam mesyuarat pasar ya, ini Dewan yang mulia ni. Teruskan.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, Dewan ini ada peraturan...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah, Yang Berhormat. Yalah betul Yang Berhormat. Teruskan ajalah. Saya dah terangkan.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Kalau tak faham peraturan, baca buku Peraturan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, Yang Berhormat, lagi lima minit.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Kalau tak faham juga peraturan ini, saya boleh tunjukkan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, lima minit.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Baik. Baru sepuluh minit Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Itu jam Yang Berhormat.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini jelas bahawa Negeri Johor semakin hebat. Pelabur semakin datang. Kita sedang menerima lebih RM180 bilion pelaburan, insya-Allah kita akan menyumbangkan 40% pendapatan negara pada masa akan datang. Ini fakta bukan auta seperti mereka. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita telah mempunyai rekod sejak 5 dekad. Kita telah menguruskan negeri ini dengan baik. Semua negeri kita tadbir secara berterusan kecuali Negeri Kelantan. Kita tak pernah mendabik dada. Kalau kita berjanji, janji kita, kita akan tunaikan. Bila kita ketahui ada kelemahan dan kesilapan yang berlaku, kita segera perbaiki akan kelemahan itu. Kini, kita ingin lakukan transformasi kepada negara ini. Kita rencanakan NKRA, kita rencana NKEA, ETP, GTP. Kini, semuanya telah nampak perubahan. Kita wujudkan peluang kerja ratusan ribu anak muda, kita bantu kelompok yang susah. Kita buka Kedai 1Malaysia, Klinik 1Malaysia, Program TUKAR, Anjung Singgah, 1Azam, rumah untuk rakyat BRIM, baucar bantuan sekolah, baucar buku, baucar tayar, Program Peningkatan Infrastruktur Di Luar Bandar, Program Peningkatan Kualiti Pengangkutan Awam, Program Pengurangan Jenayah, Program Peningkatan Kualiti dan Akses Pendidikan, Program Peningkatan Penambahan Pendapatan, Program Pengurangan Rasuah, Program Penghapusan Miskin Tegar dan puluhan program untuk rakyat teramai dan kita yakin kesan daripada perancangan yang tersusun, negara ini akan menjadi lebih makmur. Dan. kita kena lihat apa yang berlaku di negara-negara Eropah pada masa ini yang dulunya kaya dan senang satu ketika dulu mula runtuh satu persatu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita perlu bersyukur dengan apa yang ada, jangan kita menyesal. Saya ingin memetik pepatah Cina ada menyebut, dengan izin 'chin kuan chai, chai liu liek' maknanya, 'nampak keranda, baru menitiskan air mata'.

**Y.B. Dato' Speaker :** Betul ni ya, Dato' ya.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Pakar bahasa kata betul Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Nah, teruk dia cakap betul.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk meningkatkan keselesaan hidup rakyat, kita rancang bina rumah mampu milik, rumah mesra rakyat. Tidak seperti setengah negeri yang ghairah membina rumah mewah lagi mahal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, idea-idea yang kita buat praktikal, dirangka dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kita tidak sekadar bercakap, kita tidak sekadar berjanji, kita laksanakan dan kita buktikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ada perancangan yang meyakinkan. Yang Berhormat Dato' Speaker, menjelang tahun 2020, kita akan menjadi negara maju berpendapatan tinggi. Ini usaha kita dan kita yakin kita mampu merealisasikannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Johor seperti yang saya sebutkan tadi, pelaburan melebihi RM180 bilion. Johor bakal menjadi penyumbang utama pendapatan negara, daripada pelaburan ETP di seluruh negara, 30 berlangsung di Johor dan ekonomi Johor akan mengalami transformasi besar. Johor bakal menjadi destinasi pelabur yang menarik dalam dan luar negara. Johor akan menjadi destinasi pelancong yang cukup hebat. Buktinya, kita lihat hari ini JPO dan bakal akan datang ialah Legoland, Desaru-Mersing dan kita ucapkan juga terima kasih kepada rakyat Singapura, Filipina, Indonesia, Brunei, Thailand yang terus berbelanja di Johor tanpa rasa takut-takut, walaupun ada pemimpin parti pelampau menyatakan Johor negeri yang tidak selamat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, betapa hebatnya perubahan yang akan berlaku di negeri Johor, infrastruktur yang semakin canggih, kita yakin bahawa Johor akan menjadi negara maju dalam masa yang lebih pendek.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, masa cukup.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Tinggal sikit Yang Berhormat. Tinggal sikit aja. Kita yakin Johor akan mencapai tahap dan piawaian negara maju tidak seperti sebuah negeri yang telah diisytiharkan sebuah negara maju, tetapi sejak diambil oleh kumpulan tertentu, yang tidak jelas, semakin gostan ke belakang dan menjadi semakin kotor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ratusan ribu peluang pekerjaan, tetapi di Johor ini kita tidak riuh kita tidak seperti tempat-tempat lain, stail kepimpinan Kerajaan Negeri tidak seperti 'ayam bertelur sebiji, riuh sekampung'. Pemimpin Johor seperti padi, 'semakin berisi semakin tunduk'. Kita tidak heboh di surat khabar atau media massa, kita buktikan dalam senyap bahawa kita mampu *deliver,* dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Dewan yang mulia ini, kami seluruh Ahli Dewan Barisan Nasional ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang mempunyai perancangan yang berimpak besar dan kemapanan pelaksanaan yang bakal mentransformasikan wajah baru Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sesungguhnya pendekatan holistik yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sejak tahun 1996 memberikan impak meresap lagi menjalar, malah perancangan yang tersusun lagi cermat bakal menjadikan Johor kuasa baru ekonomi di rantau ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya yakin Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar masih mempunyai idea-idea yang menarik yang ada pada beliau yang ingin dicurahkan di Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan setakat itu saja, kita juga mewujudkan keseimbangan dan keadilan di kalangan rakyat. Di kampung terus dibela, di bandar mula diperingkatkan kesejahteraan. Inilah usaha berterusan Kerajaan Barisan Nasional. Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat agar mengkaji dan langsung mewujudkan pihak berkuasa pembangunan kampung atau dengan izin, VIDA, *Village Development Authority,* dengan izin. Idea ini tercetus apabila saya mengadakan program yang saya namakan Ziarah Rakyat. Di kawasan saya hampir ada 5,000 rumah yang berselerak di kampung, 1,000 rumah di taman-taman perumahan. Saya sekarang ini sedang menziarahi tiap-tiap rumah dan hasrat saya, tempoh saya menjadi Wakil Rakyat ini saya akan sampai di 6,000 rumah di dalam kawasan saya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berdasarkan tinjauan saya dan pemerhatian, pendekatan pembangunan yang ada sekarang ini akan menjadi kawasan kampung kawasan yang terpinggir, terpencil, jauh tertinggal daripada arus pembangunan yang pantas ini. Saya lihat di kampung banyak rumah yang sudah kosong, malah setengah kampung tidak terurus, tidak ada yang menarik, jalan sempit, balai raya usang, malam sentiasa gelap, kemudahan beriadah...

**Y.B. Dato' Speaker :** Malam memang gelap.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Tak ada cahaya...

**Y.B. Dato' Speaker :** Cakap cahayalah, tak ada malam sikit, itu yang...

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Peluang pekerjaan amat terbatas, Yang Berhormat Dato' Speaker, hal ini menyebabkan ramai anak-anak muda berhijrah ke bandar, yang tinggal hanya kelompok tua, ibu tunggal dan bapa tinggal. Kalau pun

ada anak-anak muda yang bertahan, mereka ini daripada kalangan guru atau bekerja dengan kerajaan berhampiran dengan kampung mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk merubah apa yang ada di kampung, kita perlukan perancangan yang tersusun, kita perlukan perlaksanaan yang berterusan, kita perlukan pemantauan yang berterusan dan penilaian sepanjang masa. Kita perlukan satu pasukan yang menguruskannya. Maka, wajarlah diwujudkan Pihak Berkuasa Pembangunan Kampung.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi mempercepatkan dan merealisasikan cadangan ini perlu dimasukkan *Village Transformasi Program* atau VTP, dengan izin, dalam NKRA Negara. Saya tahu kini ada *Rural Transformation Center*, RTC, yang sedang dilaksanakan di beberapa negeri. Tapi itu lebih bersifat Pusat Setempat, tidak ada program khusus di kampung.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui perancangan tersusun, kampung perlu dijadikan kawasan yang menarik, penempatan yang kemas lagi teratur, kemudahan awam yang mencukupi, kegiatan ekonomi yang mempunyai nilai tambah. Jika ini dapat dilaksanakan, kampung akan menjadi tempat yang menarik untuk ditinggal oleh semua kelompok. Pengurusan kampung pula perlu di perkemaskan. Saya melihat sesetengah ketua kampung terkial-kial mengendalikan, mentadbir kampung mereka. Saya ingin mencadangkan agar institusi JKKK disusun semula dan elaun ketua kampung juga perlu ditambah daripada RM800.00 kepada RM1,000.00 sebulan. Manakala, elaun pengurusan JKK setiap kampung perlu diberi RM2,000.00 setahun bagi membolehkan mereka mengurus, mentadbir kampung secara yang lebih tersusun.

Saya yakin pihak kerajaan akan mengambil sedikit masa melihat perkara ini. Sesungguhnya kita akan melihat kampung di negara ini akan jadi lebih kemas, lebih teratur. Setakat ini tidak ada satu program besar, berimpak besar yang dirangka untuk luar bandar. Jika ada pun perancangan mengikut agensi, akibat pemantauan yang kurang menyebabkan tidak berlaku perubahan yang besar di kampung.

Yang Berhormat Dato' Speaker …

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, masa.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Ok, dah habis Yang Berhormat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Berhentilah.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Di kampung terletaknya penyokong setia kerajaan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Cakap lagi.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Di kampung juga terletak cawangan-cawangan parti yang kukuh mempertahankan kerajaan. Berdasarkan hujah-hujah di

atas, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat segera mengkaji cadangan Program Transformasi Kampung atau VTP.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yakinlah masa depan negara akan lebih cerah di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Pilihan raya bakal menjelang, bila masanya, semakin dekat, rasanya mungkin tahun ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, Yang Berhormat dah tahu eh?

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Tak tahulah, agak aje, Yang Berhormat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang penting, Yang Berhormat bertanding lagi tak?

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Terserahlah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, gaya-gaya bertanding, haah.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Tapi tidak akan lewat suku tahun pertama tahun hadapan. Ramai orang telah membicarakan soal pilihan raya sejak tahun 2010. Pilihan raya kali ini cukup penting, pilihan raya kali ini akan menilai sikap pengundi desa, sikap pengundi di kampung, sikap pengundi di bandar dan sikap pengundi di kota. Pilihan raya kali ini juga akan memberi gambaran sebenarnya sikap setiap kelompok dalam masyarakat di negara ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, cerita pilihan raya ini panjang ni, ha.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Dah nak habis ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Sikit aje, lima baris, Yang Berhormat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, seminit lagi.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Pilihan raya kali ini juga menentukan sikap sebenarnya kelompok orang muda yang dikatakan merupakan kelompok terbesar pengundi negara pada Pilihan Raya Ke-13 ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyeru di Dewan yang mulia ini, agar apa yang telah digerakkan, direncanakan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional lebih 5 dekad akan dipertahankan dan akan terus kekal.

**Y.B. Dato' Speaker :** Amin.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tutup ucapan khusus saya ini dengan sebuah pantun. Pergi mengail di Pantai Linggi, disengat sembilang cukup berbisa, mudah-mudahan kita bertemu lagi, jika diizin Yang Maha Esa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya…

**Y.B. Dato' Speaker :** Ada apa?

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Mohon mencadang. Sekian, saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumussalam. (Dewan bertepuk). Ada Ahli Yang Berhormat, yang menyokong.

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, salam sejahtera, selamat pagi dan salam 1Malaysia. Saya ingin mengambil kesempatan pada pagi ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk berbahas dan menyokong di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Barisan Nasional Jelajah Janji Ditepati, pembangkang berkeliaran, janji kosong diberi, program transformasi, rakyat rasai, reformasi jalanan, rakyat takuti. 1Malaysia, rakyat didahulukan, pakatan rakyat, kerusi diutamakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bersyukur kerana saya boleh nampak dengan mata saya sendiri, saya boleh dengar dengan telinga saya sendiri dan saya boleh rasa dengan jantung hati saya sendiri, Program Transformasi Ekonomi, transformasi kerajaan mahupun transformasi politik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional telah membawa satu impak positif kepada pembangunan negara sama ada dalam sektor ekonomi, pendidikan mahupun sosiobudaya dan politik.

Oleh kerana program-program sedemikian, maka negara kita berjaya menarik ramai pelabur asing mahupun domestik dalam sektor perindustrian, perubatan, kesihatan, pendidikan, petrokimia, minyak, gas dan sebagainya. Seterusnya, mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan belia dan seterusnya meningkatkan pendapatan keluarga mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang jelas di depan mata kita, adalah satu Program Transformasi Ekonomi Politik yang begitu teratur, terancang dan hala tujunya begitu jelas sekali. Perubahan berlaku secara berperingkat-peringkat dan relevan dengan konsep 1Malaysia, sejajar dengan situasi perubahan dunia, langkah demi langkah membawa negara ke tahap maju, berpendapatan tinggi, negara yang berdaya saingan di pentas antarabangsa seterusnya membentuk satu bangsa rakyat Malaysia yang bersatu padu, berkeyakinan dan berjaya. Jadi, marilah rakyat Malaysia bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Perdana Menteri kita, kita sekapal, sehala, sematlamat, menyokong Barisan Nasional dalam PRU yang akan datang. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bersyukur kerana Negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita, negeri kita antara negeri yang bertuah kerana telah menerima 30% daripada pelaburan yang dibawa dalam

program ETP ini dan melabur di Negeri Johor khususnya di Wilayah Pembangunan Iskandar. Sudah tentu ini akan merangsang pertumbuhan ekonomi Negeri Johor dan saya rakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini pembangunan yang berlaku di Wilayah Iskandar ini menjadi satu kebanggaan kepada rakyat Johor dan ianya menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri malahan menjadi imej dan ikon Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kejayaan inilah bukti yang paling kukuh bahawa dakwaan pembangkang, Negeri Johor akan bankrap adalah satu penipuan, pembohongan yang paling besar dalam Sejarah Negeri Johor. Saya rasa dalam Sejarah Negeri Johor tidak ada satu pembohongan yang begitu besar sekali tetapi inilah akan tercatat di dalam Sejarah Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini adalah salah satu contoh permainan politik yang tidak bertanggungjawab untuk mengikis imej Kerajaan Johor yang direncanakan semata-mata oleh pembangkang demi kepentingan politiknya. Mata rakyat adalah tajam, buah fikiran rakyat adalah waras, sudah sampai masa, rakyat bertindak untuk menolak kumpulan yang tidak bertanggungjawab ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa Titah Ucapan Perasmian pada 14 Jun Tahun 2012, telah mengingatkan rakyat Johor supaya sentiasa mementingkan kebersihan alam sekitar dan mengambil langkah untuk mencegah pencemaran alam sekitar. Saya menyeru supaya Kerajaan Johor sentiasa menggariskan panduan, mengambil langkah sesuai, penguatkuasaan yang tegas untuk memastikan kebersihan alam sekitar dan kesihatan rakyat terjamin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan perkara yang berlaku di Pengerang, MCA mengambil berat tentang perkara ini dan Presiden Council MCA telah berjumpa dengan akar umbi MCA Bahagian Pengerang untuk mengambil maklumat-maklumat tentang isu-isu yang berbangkit oleh rakyat di kawasan itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional Johor khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor, atas kepekaan Kerajaan Negeri berkenaan dengan permasalahan-permasalahan kaum Cina di Negeri Johor. Saya berani cakap bahawa permasalahan kaum Cina di Johor sentiasa mendapat perhatian Kerajaan Negeri Johor dan boleh dikatakan Negeri Johor ini adalah menjadi contoh kepada negeri-negeri lain termasuk negeri-negeri pembangkang yang mengamalkan konsep 1Malaysia. Melalui kerjasama yang erat antara MCA Johor dengan Kerajaan Barisan Nasional Johor, setiap tahun di bawah pimpinan Yang Berbahagia Dato' Seri Chua Soi Lek, pertemuan dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor untuk meneliti dan seterusnya mencari penyelesaian permasalahan kaum Cina seperti tapak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, peruntukan sekolah persendirian Cina, geran tanah rumah berhala dan ibadat, tapak dan premium tanah perkuburan Cina telah mendapat satu keputusan dan penyelesaian yang baik. Semua perkara ini berlaku di Johor, jauh lebih awal daripada PRU yang Ke-

12 iaitu tahun 2008. Oleh itu, dakwaan bahawa perkara ini berlaku selepas PRU 12, adalah tidak benar bagi Negeri Johor.

Mengikut maklumat yang kita kumpul oleh MCA Johor sebanyak 22 keping tanah telah diluluskan dan diubah syarat untuk tujuan pembinaan SJKC mahupun sekolah SJKC yang baru di Negeri. Antaranya 14 sekolah, 14 tanah telah diluluskan sebelum tahun 2008, manakala 8 tanah telah diluluskan selepas tahun 2008 untuk tujuan pemindahan mahupun sekolah baru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi tapak tempat rumah berhala termasuk gereja atas usaha MCA Johor dengan Kerajaan Barisan Nasional Johor, maklumat yang kita kumpul selepas tahun 2008, sebanyak 35 geran tanah telah diserah kepada pemilik Pertubuhan Penganut, ini termasuklah 6 buah daripada Parlimen Segamat iaitu Dewan Choon Chew, Kampung Abdullah, Tokong Hoon Hoong Kiong, Tokong Nam Hai, Jementah, Tokong Goh Sian Kong dan Tokong Tua Pek Buloh Kasap serta Tokong Hua Kong, Tambang. Masih lagi banyak geran tapak rumah berhala dalam proses permohonan dan tunggu kelulusan kerajaan.

Sesungguhnya saya tekankan sekali lagi, bahawa Negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor telah lama mengamalkan konsep 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' dan seharusnya menjadi contoh kepada negeri-negeri lain di Malaysia. (Dewan bertepuk).

Oleh itu sekali lagi saya tekankan, dakwaan kerajaan Barisan Nasional hanya peka dengan permasalahan rakyat khususnya masyarakat Cina selepas PRU yang ke-12 tahun 2008 adalah satu lagi pembohongan besar oleh kumpulan yang tidak bertanggungjawab, yang semata-matanya hendak mencuri kredit kerajaan ke sebelah dia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kerana telah mengumumkan Dana Johor pengambilan balik saham pelabur-pelabur kecil bernilai RM1.00. Satu pengumuman ini amat menggembirakan dan ianya sudah tentu dapat membantu pelabur-pelabur kecil untuk mengurangkan kerugian yang dihadapi oleh mereka. Kebanyakan pelabur-pelabur Dana Johor adalah kakitangan kerajaan, penyokong taat setia Kerajaan Barisan Nasional. Tahniah Kerajaan Barisan Nasional Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, janji ditepati, pelabur suka hati, duit ditunaikan, hati ditawani, PRU Ke-13 semakin dekati, undi tak lari itu janji.

**Y.B. Dato' Speaker :** Pandai ya cakap bahasa.

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Bolehlah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Panjang lagi?

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Sikitlah. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyambut baik Kerajaan Persekutuan membantu rakyat dari golongan berpendapatan rendah dengan memperkenalkan Program BR1M RM500.00 secara terus kepada rakyat dengan wang tunai. Ini adalah kali pertama kerajaan buat demikian dan sebenarnya, kerajaan sentiasa memberi subsidi melalui barang-barang keperluan harian kita seperti minyak, makanan, gas masakan, petrol, beras, gula, tepung, garam dan sebagainya. Tetapi rakyat tidak dapat rasa subsidi-subsidi sedemikian, walaupun perbelanjaan yang dibelanjakan untuk subsidi adalah 20 bilion setahun. Tetapi dengan program BR1M, RM500.00 ini dengan perbelanjaan cuma RM2 bilion sahaja, dia mendapat satu impak yang begitu besar di kalangan rakyat kita. Oleh sebab itu, saya menyeru supaya kerajaan meneruskan Program BR1M, kalau boleh RM1,000.00 lah, kali ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah. Sebut ajelah tu.

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Mengikut kemampuan ekonomi negara kita. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin memohonlah kerana Kerajaan Negeri telah mengacapi pertumbuhan ekonomi pesat khususnya pembangunan di Wilayah Iskandar, saya yakin kedudukan ekonomi Johor mantap. Oleh itu, saya menyeru Kerajaan Negeri Johor supaya mempertimbangkan memberi duit raya ataupun ang pau menjelang hari perayaan mengikut kaum masing-masing sekali setahun kepada warga emas rakyat Johor yang umurnya 60 tahun dan ke atas. Ang pau kalau RM100.00, tak banyaklah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Hmm…

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Kerajaan juga boleh mempertimbangkan memberi…

**Y.B. Dato' Speaker :** Semua umur ke, macam mana Yang Berhormat? Umur 60 ke atas semua cadangkan boleh beri?

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** 60 ke ataslah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Saya pun dah 60.

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Kerajaan juga boleh mempertimbangkan memberi sumbangan duit takziah ataupun *bai jin* dalam bahasa Cina kepada ahli keluarga yang berlaku kematian bagi rakyat Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, MCA sekarang telah memperkenalkan program ang pau RM100.00 kepada ahlinya yang umurnya 60 tahun ke atas menjelang Tahun Baru Cina. Sumbangan RM200.00 kepada pasangan suami isteri yang salah seorang daripadanya ahli MCA, RM200.00 yang melahirkan anak pada tahun ini dan kebelakangan ini kita memperkenalkan satu MCA Insurans kepada semua ahli MCA. Program-program ini mendapat sambutan yang hebat dan ianya mengeratkan lagi hubungan parti dengan ahli-ahlinya dan kini ramai kaum Cina ingin mohon menjadi ahli MCA.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat berucap macam Mesyuarat Agong MCA.

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Ini…

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh… nak terangkan aje. Yalah.

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Ini memberi ilham kepada Kerajaan Negerilah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah.

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Beri duit ang pau. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasihlah kepada Kerajaan Persekutuan dan juga Negeri kerana dalam Rancangan Malaysia Ke-10, tiga projek besar-besaran telah berlaku di Segamat:

1. Segamat - Tangkak lebuh raya yang saya tiap-tiap tahun bangkit di Dewan ini telah berjalan. Jadi saya harap, program ini dapat berjalan dengan lancar dan kontraktor-kontraktor dapat mementingkanlah keselamatan pengguna jalan raya di sepanjang jalan berkenaan, itu satu.

2. Tentang Program Tambatan Banjir di Bandar Segamat. Saya nak rakam terima kasih. Satu projek yang besar juga yang mendapat sambutan yang baik daripada rakyat di Segamat, tetapi saya nak tanya, tanpa siapnya lencongan Sungai Segamat dan Sungai Genuang dan juga *bottom neck* di Jambatan Sungai Genuang dan *culvert* di Landasan Kereta Api di Sungai Genuang, sejauh manakah ianya mampu menolong dalam musim banjir tahun ini? Itu yang kita khuatirlah, sebab rakyat sekarang sudah syok tengok, wah, sungai sudah besar tapi keseluruhan projek ini belum siap.

3. Saya nak tahu berkenaan dengan perkembangan terkini Projek Landasan Berkembar Kereta Api dari Gemas sampai ke Johor Bahru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tertarik dengan rancangan Kerajaan Johor untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung di seluruh Johor. Saya mengalu-alukan usaha ini kerana memperjuangkan kesejahteraan masyarakat luar bandar khususnya di kampung-kampung, memastikan mereka menikmati bekalan air bersih, bekalan elektrik yang baik, jalan-jalan yang baik, perparitan yang baik serta pencahayaan lampu jalan yang mencukupi adalah merupakan tanggungjawab sebuah kerajaan yang baik. Malahan masyarakat luar bandar, kampung-kampung ini adalah penyokong kuat Barisan Nasional.

Saya merakamkan penghargaan atas lawatan kerja Kerajaan Johor ke Parlimen Segamat pada awal tahun ini, di mana banyak peti-peti undi di Parlimen Segamat telah membangkitkan permasalahan-permasalahan orang kampung, antaranya jalan kampung berlubang-lubang, pencahayaan lampu jalan yang tidak mencukupi seharusnya mendapat perhatian daripada Infra Desa Johor mahu pun agensi kerajaan

yang berkenaan dan tindakan yang sewajarnya amat diharap-harapkan oleh orang kampung. Saya menyeru supaya Infra Desa perlu lebih cekap dalam usaha selenggara jalan-jalan kampung dan kerjasama lebih erat dengan Pejabat Daerah, Penghulu, Ketua Kampung untuk mendapat maklumat yang tepat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok.

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Yang, yang akhir. Yang Berhormat Dato' Speaker. Kebelakangan ini, mungkin kerana PRU Ke-13 semakin hampir, maka ternampaklah kumpulan-kumpulan pembangkang dari negeri lain asyik berkeliaran di Negeri Johor. Mereka seolah-olah baru bangun dari tidur. Dulu dia tidur, sekarang dia sudah bangun. Mereka ini 3, 5 tahun sekali datang jumpa rakyat semasa PRU hampir. Mereka tidak pernah mengambil berat tentang kesejahteraan rakyat pada masa biasa. Mereka ini yang pangkat tinggi datang ke mari dan memberi janji-janji manis yang tidak mungkin tercapai seperti turun harga minyak, hapus tol ini, tol sana, tawar jawatan TPM, Menteri, Menteri Besar dan sebagainya. Yang pangkat rendah sedikit, dia pergi ke sini, pergi ke sana, sibuk tunjuk lubang sini, lubang sana, seolah-olah di depan kawasan dia, tidak ada lubang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Lubang apa tu Yang Berhormat?

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Ni lubanglah. Apa lubang saya tak tahu. Ada kumpulan yang lain buat jamuan besar-besaran. Jamuan ini dia jual tiket mahal-mahal, kutip derma, kaut untung dari rakyat untuk makan seronok tetapi ke mana tabung dana yang dikutip itu pergi? Tak ada satu akaun, tak ada satu transparensi dan tak ada satu akauntabiliti kepada rakyat, wang yang dipungut itu. Antaranya ada yang baru nak sewa kedai, dia sewa kedai bukan buat bisnes, dia cakap buka Pusat Khidmat, Pusat Khidmat dia. Tetapi yang saya nampak Pusat Khidmat itu buka sekali sahaja semasa hari perasmian. Suruh wartawan datang dia buka publisiti selepas itu, tutup. Tutup.

**Y.B. Dato' Speaker :** Panggil balik wartawan tulah ambil yang tutup. Yang wartawan besar-besarkan tu, panggil dia balik.

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Jadi, dia akan bukalah bila Parlimen bubarlah. (Dewan ketawa) Banyak lagi ragam, aksi yang tak dapat saya sebut satu persatu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh ya, kalau tidak, tak habis sampai petang.

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Tetapi yang saya tahu semua ini hanya kerana hendak pancing undi ke Putrajaya. Itu nak pancing undi, bukan sesuatu tindakan untuk kesejahteraan rakyat ataupun kebaikan masyarakat dan negeri. Yang kita pelik adalah kumpulan ini akan lenyap, hilang, Pusat Khidmatnya akan terus tutup semula selepas pilihan raya umum, itu kita pasti. Dia cakap, jumpa lagi, *bye bye* lima tahun lagi, ha itu dia cakap. Saya nasihat kepada mereka kalau hendak betul-betul berkhidmat, kalau hendak betul-betul berkhidmat ataupun bertanding di Johor, pindahlah duduk di sini. Janganlah datang jauh, pindah, duduk di sini, kita alu-alukan.

Kita sanggup terima cabaran dia, kita tak takut. Jangan sekali-kali, tiga, lima tahun sekali seperti pelakon-pelakon sarkas, cuma datang tiga, lima tahun sekali semata-mata untuk mencari keuntungan dan kesempatan untuk diri sendiri.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, ok Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini saya menyokong rundingan yang dibawa oleh ADUN Rengit. Sekian terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Perbahasan Yang Berhormat ADUN Rengit itu dikemukakan untuk di bahas. Jemput siapa nak berucap.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Terima kasih Dato' Speaker. Selamat pagi dan salam sejahtera. Saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan..

**Y.B. Dato' Speaker :** Alamak, saya tengok Yang Berhormat tak boleh tahanlah. Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:45 pagi.**

**Persidangan bersambung semula pada jam 12:05 tengah hari.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Jemput. Skudai.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Terima kasih Dato' Speaker. Saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Kelima Dewan Negeri Johor Ke-12. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan Titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini pada 14 Jun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam 4 bulan pertama tahun ini Negeri Johor telah mencapai pelaburan sebanyak RM2.4 bilion berbanding dengan seluruh Malaysia yang memperolehi pelaburan jumlah RM17.9 bilion. Dari jumlah itu, RM7.8 bilion adalah pelaburan langsung asing FDI, manakala bakinya RM10.1 bilion adalah pelaburan domestik. Johor mengambil tempat ketiga iaitu jumlah pelaburan RM2.4 bilion, di belakang Sabah RM40.7 bilion dan Selangor RM4.5 bilion. Sebenarnya Johor dan Iskandar Malaysia saya percayai belum mencapai potensi maksimum untuk menarik pelaburan asing dan domestik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut statistik yang dibekalkan oleh MIDA pada tahun 2011 menurut nilai laporan Penang dapat menarik pelaburan yang paling tinggi iaitu RM9.1 bilion, Selangor RM8.7 bilion, Sarawak RM8.5 bilion, Johor RM6.6 bilion dan kedah nombor 5, RM6.1 bilion. Jelasnya pada tahun 2011, tiga dari lima negeri yang mendapat pelaburan paling tinggi adalah negeri di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat. Saya yakin jika pada satu masa keputusannya menunjukkan bahawa pada satu masa akan datang Negeri Johor ditadbir oleh Pakatan Rakyat Iskandar Malaysia

akan menjadi tumpuan pelaburan domestik dan asing yang paling hangat juga. Jika berbanding dengan negeri lain. Oleh itu, Yang Berhormat Rengit dan Yang Berhormat Jementah tak payah risau.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Iskandar Malaysia terpaksa bersaing dengan Wilayah Pembangunan lain termasuk Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Sabah Koridor Renewable Energy, Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan Koridor Pembangunan Sabah.

Menurut statistik MITI pada tahun 2011, Wilayah Ekonomi Koridor Utara berjaya menarik pelaburan sejumlah RM15.3 bilion, Sarawak Corridor Of Renewable Energy RM8.2 bilion. Iskandar Malaysia RM5.7 bilion, Wilayah Ekonomi Pantai Timur RM4.6 bilion dan Sabah RM900 juta. Maka masih ada lagi ruang untuk Negeri Johor dan Iskandar Malaysia mencapai tahap pelaburan domestik dan asing yang lebih cemerlang berbanding dengan negeri lain dan wilayah pembangunan ekonomi negeri lain.

Kenapa ketiga-tiga negeri Pakatan Rakyat iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Kedah menjadi negeri paling popular untuk pelaburan asing. Mengapa Wilayah Ekonomi Koridor Utara menarik pelaburan yang paling tinggi berbanding dengan Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perubahan dasar-dasar kewangan kerajaan bertujuan meyakinkan para pelabur adalah amat mustahak. Jika tidak pelabur asing akan meninggalkan negara ini. Menurut statistik Jabatan Perangkaan pada suku pertama tahun ini FDI yang keluar dari negara ini adalah RM16.91 bilion iaitu dua kali ganda FDI yang memasuki negara ini pada tahap RM7.48 bilion. Oleh yang demikian, keadaan ini amat merisaukan kerana FDI bersih yang keluar dari negara ini adalah RM9.43 bilion pada suku tahun pertama tahun ini. Berbanding dengan kehilangan FDI bersih sebanyak RM10 bilion pada tahun 2011. Adalah dijangka FDI tahun ini akan merosot berbanding dengan tahun lalu. Maka keberkesanan ETP atau Program Transformasi Ekonomi yang di heboh hebahkan untuk menarik pelaburan asing langsung amat diragui.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kekurangan ketulusan dasar kewangan masih menjadi halangan kepada kedatangan pelaburan asing secara besar-besaran. Contohnya setakat ini, SPRM belum mengambil tindakan kepada tuduhan terhadap bekas CEO Iskandar Investment Berhad yang disyaki terlibat dalam penyelewengan proses dan proses memberikan projek infrastruktur GLC berkenaan. Keberkesanan SPRM menyelesaikan kes-kes penyelewengan pengurusan GLC amat mustahak untuk meyakinkan para pelabur bahawa kerajaan berazam untuk mewujudkan dasar-dasar kewangan yang telus.

Yang Berhormat Dato' Speaker, malangnya jika SPRM dan kerajaan gagal mengambil tindakan atau memberikan jawapan yang memuaskan terhadap kes penglibatan bekas CEO Iskandar Investment Berhad dalam penyelewengan menggunakan projek infrastruktur, ini telah menghakiskan keyakinan para pelabur khasnya pelabur terhadap Iskandar Malaysia. Oleh itu salah satu sebab kedatangan FBI tidak begitu memuaskan seperti yang dijangka-jangka adalah disebabkan kerajaan kekurangan keazaman untuk menegaskan dasar kewangan yang lebih tulus.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pemberian kontrak GLC atau kerajaan oleh pihak terbabit kepada ahli keluarga sendiri mendapatkan sogokan daripada kontraktor adalah tuduhan yang serius. Jika kerajaan membiarkan isu sedemikian tanpa sebarang tindakan proaktif, kerajaan akan dianggap seolah-olah membenarkan tingkah laku sedemikian terus berlaku. Para pelabur akan menjauhi dari Iskandar Malaysia malah negara ini. Budaya toleransi sifar terhadap rasuah mesti dipupuk jika kita menghargai pelaburan asing dan domestik demi mengelakkan FDI seterusnya meninggalkan menjauhi dari negara ini. Kes-kes melibatkan CEO, GLC sepatutnya di bicara di mahkamah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada pandangan para pelabur jika sebanyak RM296 juta wang projek lembu boleh digunakan untuk membeli 3 buah kondominium yang bernilai RM45 juta di *Anthony Road, Orchard Scotts*, Singapura, apatah lagi rasuah tidak akan dilakukan oleh mana-mana pihak.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, kes ini dah bawak dalam mahkamah dan dah dibicarakan tapi mengikut Peraturan tak boleh disebut. Kes itu dah jadi kes dah dan kerajaan tengah bicara.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Ok terima kasih Dato' Speaker. Janganlah kita hidup penyakit *Denial Syndrome* kerana para pelabur akan menjauhi negara ini termasuk Iskandar Malaysia jika kita tidak membabit isu rasuah Menteri-Menteri kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk mengelakkan penyelewengan dalam proses memberikan projek infrastruktur kerajaan tidak ada kaedah selain daripada pemberian kontrak kerajaan dan GLC secara tender atau pukal yang akan melibatkan bukan sahaja syarikat swasta setempat dan juga syarikat antarabangsa. Pemberian kontrak kerajaan secara tertutup akan menghakiskan keyakinan para pelabur asing dan domestik. Contohnya projek menaik taraf Lebuh raya Johor Bahru Pasir Gudang dari empat lorong ke enam lorong dan projek menaik taraf Lebuh raya Muar-Tangkak-Segamat Pakej 1 (B) secara tender tertutup menghakiskan kepercayaan dan keyakinan para pelabur asing terhadap Iskandar Malaysia kerana kerajaan kekurangan keazaman untuk mewujudkan dasar kewangan yang lebih terus. Sebenarnya menurut garis panduan Kementerian Kewangan, Projek-Projek bernilai RM5 juta ke bawah boleh di izinkan tender terhad tetapi projek menaik taraf Lebuh raya Muar-Tangkak-Segamat Fasa 1 (B) dan Lebuh raya Johor Bahru-Pasir gudang telah diluluskan tender tertutup sebanyak RM150 juta dan RM148 juta masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, para pelabur termasuk asing dan domestik mesti bertanya-tanya kenapa projek bernilai berjuta-juta ringgit di tender secara tertutup? Bagaimanakah mereka boleh diyakinkan bahawa keputusan JKR dan projek ini adalah tulus dan adil. Saya difahamkan bahawa kontrak projek menaik taraf Lebuh raya Fasa 1(B) Muar-Tangkak-Segamat ditawarkan di antara lima kontraktor sahaja secara tertutup tetapi garis panduan Kementerian Kewangan mengehendaki sekurang-kurangnya 10 kontraktor bumiputera melibatkan diri. Malahan saya juga difahamkan projek menaik taraf Lebuh raya Pasir Gudang bukan ditawarkan kepada harga tender yang paling rendah. Cuma di antara 6 buah syarikat yang menceburi tender

manakala sekurang-kurangnya 10 buah negeri, 10 buah syarikat bumiputera dikehendaki untuk melibatkan diri dalam tender tersebut. Jika tender bukan diluluskan kepada kontraktor menawarkan walaupun di antara kontraktor bumiputera yang berkelayakan dengan tender, menawarkan tender yang paling rendah walaupun secara tertutup kenapa hendak di tender pula? Tender projek tidak boleh dipersendakan sebab ianya akan menjejaskan keyakinan para pelabur.

Yang Berhormat Dato' Speaker, para pelabur bukannya bangang tetapi mempunyai maklumat terperinci untuk menentukan tempat pelaburan mereka. Maka FDI bersih keluar dari negara ini pada suku tahun pertama tahun ini adalah RM16.91 bilion yakni 2 kali ganda FDI yang memasuki negara ini. Oleh itu, SPRM sewajarnya membuktikan kewibawaan dan integritinya selepas kes Teo Beng Hock dan kita dikatakan melibatkan RM2,000.00 sahaja. Kes-kes disyaki melibatkan jutaan ringgit termasuk bekas CEO Iskandar Investment Malaysia Berhad. Projek-projek Infrastruktur dan lebuh raya yang disyaki diberikan dalam peti hitam perlu disiasat dan dikenakan tindakan serta berjawab kepada kalangan awam dan Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika Iskandar Malaysia ingin mencapai tempat tumpuan pelaburan asing yang paling hebat selain dari projek kerajaan ditawar secara tender terbuka kepada bukan sahaja para pelabur domestik bahkan kepada para pelabur asing. Para pelabur setempat perlu menghapuskan pemikiran bisnes *tribalism*, ataupun dengan izinnya, tribalisme dalam bidang bisnes. Jika parti politik berasaskan kaum disifatkan sebagai political tribalisme atau tribalisme politik. Malangnya bapa borek, anak rintik, untuk kita menyatukan bidang bisnes tanpa kira kaum barulah satu, satu kaedah yang paling efektif untuk kita mempelopori pasaran antara bangsa. Para pelabur telah mengkaji keadaan bisnes dan politik dalam negeri sebelum membuat keputusan sama ada melabur di Iskandar Malaysia atau tidak. Minda politik dan bisnes yang terbuka dan tidak berasaskan tribalisme adalah amat penting untuk menarik pelaburan ke Iskandar Malaysia dan justeru membangun Negeri Johor ke tahap negeri maju.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dewan-dewan peniaga berasaskan kaum sepatutnya digabung semula di bawah satu entiti terbaru serta mempelopori pasaran antara bangsa dengan konsep *blue seat tactic*, dengan izinnya. Negeri Johor sepatutnya menjadi idaman negeri lain dengan mengambil langkah-langkah yang lebih berani khasnya membuang minda tribalisme dan cara kita berniaga untuk memajukan Iskandar Malaysia dan Negeri Johor. Perpaduan semua kalangan masyarakat khasnya dunia bisnes amat penting untuk meyakinkan para pelabur bahawa kita bersedia bersaing di arena antarabangsa. Maka projek-projek kerajaan boleh dibuka kepada pelabur setempat dan asing secara terbuka untuk meyakinkan mereka Iskandar Malaysia berazam untuk berubah serta merangsangkan pertumbuhan FDI di Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ini, baru-baru ini pergi sampai Pengerang nak telefon Yang Berhormat Tanjung Surat tapi tak dapat. Mungkin tak ada *line*lah. Sebab dia janji saya ialah belanja saya makan laut dekat Pengerang. Tapi, itu hari cuma dia…

**Y.B. Dato' Speaker :** Makan apa? Yang Berhormat? Makan laut?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Makan, makanan *seafood*.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha... ingat makan laut.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Sebab dia kata sekarang ni, itu hari jumpa kat Dewan, dia kata harga makanan laut dekat Pengerang itu semakin mahal. Sebab mereka terpaksa import daripada Mersing, tempat lain.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh sudah baik ya?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Saya mengunjungi tapak ragbi dan merasai atas jemputan penduduk sana. Dan merasai ketidakpuasan penduduk di Pengerang di mana kampung halaman mereka akan dihapuskan.

Projek RAPID ini di Pengerang telah mencetuskan beberapa kontroversi sebab para penduduk dan para nelayan terbabit tidak diberikan rancangan semula tempat kediaman dan pekerjaan mereka pada jangka masa panjang. Rancangan RAPID yang kurang sempurna bukan sahaja akan membawa impak negatif politik, malahan rezeki 28,000 penduduk akan lenyap termasuk peladang, nelayan, pengusaha akuakultur, pengusaha ekopelancongan, pengusaha hotel, rumah tumpangan dan sebagainya.

Tapi, tadi ditanya oleh EXCO yang berkenaan, beliau pun tak tahu apa rancangan yang terperinci untuk membantu penduduk di Pengerang. Selain itu, isu pengambilan tanah mesti ditangani dengan adil dan kerja melibatkan RAPID mesti di profesional. Saya difahamkan tanah dimiliki Robert Kok di Sungai Kapal telah di ceroboh seluas 6000 meter persegi sewaktu kerja penambakan laut dilakukan. Peristiwa ini memang menggelikan hati sebab tanah syarikat Robert Kok syarikat terbabit dalam RAPID sebagai seorang penasihat kepada IRDA telah di ceroboh atas kesilapan juru ukur.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat tanah itu tanah siapa, syarikat?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Syarikat Prima, ya Robert Kok.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak, nama syarikat tu apa? Yang Berhormat sebut nama syarikat jangan sebut nama orang tu, Robert Kok itu nama orang.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Ya, kedudukannya memang istimewa sedikit sebab dia sebagai penasihat IRDA...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah, yang dikatakan amik makna tanah syarikat itu yang diceroboh bukan?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Ya, saya...

**Y.B. Dato' Speaker :** *No, no the owner* tak payah sebutlah, nanti kalau tanah saya baru awak kata tanah Ali Hassan.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Kesilapan ini walaupun nampak remeh temeh tetapi kesilapan kurang profesional ini tentu akan menggugat keyakinan pelabur asing dalam sektor industri berkenaan. Justeru kerajaan sepatutnya bertanggungjawab memberi maklumat terperinci berkenaan penempatan semula sekolah-sekolah, tempat ibadah, tempat kediaman dan pekerjaan kepada penduduk Pengerang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun projek RAPID telah bermula tanpa menjamin masa depan, rezeki, masa depan para penduduk. Kampung halaman mereka akan lenyap. Kerajaan terlalu yakin bahawa mereka akan memenangi...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, kerajaan tidak ada ambil satu *action* ke? Yang Berhormat cakap ini macam seolah orang kampung tu dah teruk sangat, tiada tindakan, bukan sekarang tengah masih...

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Bukan Dato' Speaker, saya cuma hendak gunakan peluang itu...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah... oklah itu macam zalimkan?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Sebab mereka yakin akan menang kawasan Parlimen Pengerang dan DUN Tanjung Surat, nampaknya YB, Yang Berhormat Tanjung Surat senyum dan *relax* sahaja, walaupun kampung-kampung tradisional tapak perkuburan Islam dan Tionghoa dimusnahkan tanpa pelan jelas penempatan semula.

Seorang penduduk Teluk Empang yang ada di sini, Encik Hong Thian Hwa mengadu tapak kubur nenek moyangnya...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, nama tidak payah sebut, nanti kita catit nama dia masuk dalam Dewan ini, dia ada ke tiada, saya pun tak tahu...

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Ini untuk dibekalkan kepada Dewan yang mulia ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Ok, telah dikorek sejak tahun 1935 telah dikorek oleh kontraktor tanpa sebarang notis diberikan kepada keluarganya. Kekurangan kepekaan pihak kontraktor dan kerajaan kepada adat istiadat penduduk setempat adalah amat mengejutkan. Nampaknya tanah perkuburan Tionghoa Kampung Jawa bersejarah lebih 150 tahun mempunyai lebih dari 3,000 lot tanah kubur, tapak kubur. Jawatankuasa tanah kubur berkenaan amat geram terhadap kegagalan kerajaan memberikan maklumat yang jelas berkenaan tapak penempatan baru dan pampasan. Oleh itu, mereka enggan memindahkan tapak kubur berkenaan sehingga Kerajaan menentukan penyelesaian yang lebih munasabah. Saya juga dimaklumkan bahawa ketiga-tiga tanah perkuburan Islam di kawasan Pengerang iaitu Teluk Empang, Langkah Baik dan Kampung Keluarga Haji Ahmad telah diberhentikan

operasi dan tapak baru perpindahan belum ditentukan lagi. Di kalangan umat Islam yang memberikan pandangan mereka, mereka berasa kecewa sebab kerajaan belum ada tapak baru yang tentu sebelum memulakan projek berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rancangan perpindahan sekolah-sekolah, tempat Ibadat Tionghoa dan masjid pun tidak ada pelan yang konkrit. Contohnya SJK(C) Pei Cheng, Kampung Baru Rangkaian Jawa dibina dengan perbelanjaan RM1.1 juta dari penduduk. Setakat ini Kementerian Pelajaran belum memaklumkan sebarang rancangan yang konkrit untuk menempatkan semula sekolah itu, termasuk siapa yang akan menanggung membina kos pembinaan sekolah baru di tapak baru.

Seseorang nelayan diberikan wang sagu hati atau *angpau* seperti yang disifatkan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat di antara RM15,000.00 hingga RM30,000.00. Amaun wang sagu hati ini tidak akan menyelesaikan permasalahan kehilangan rezeki para nelayan. Maka Kerajaan Negeri gagal menjaminkan masa depan nelayan di Pengerang. Para penduduk berasa tercicir sebab kerajaan setakat ini tidak prihatin kepada mereka yang telah mengalami kehilangan rezeki selepas pelancaran projek RAPID.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jelasnya projek RAPID akan membawa manfaat kepada segelintir elit kaya tetapi menghapuskan rezeki dan kampung halaman 28,000 penduduk Pengerang. Walaupun, pihak berkenaan menjanjikan pampasan RM2 setiap kaki persegi untuk tapak kediaman yang akan diambil oleh kerajaan di bawah Akta Pengambilan Tanah. Tapi amaun pampasan tersebut tidak diterima oleh para penduduk kerana terlalu sedikit dan memandangkan hak milik tanah mereka adalah pajakan bebas dan juga pajakan 99 tahun. Penduduk juga tidak berpuas hati rumah-rumah baru di Punggai sebab lebih kecil berbanding rumah kampungan mereka yang menduduki sekarang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun projek RAPID ini pada jangka masa pendek mendatangkan faedah ekonomi pada segelintir elit kaya tetapi akan menghapuskan industri tradisional termasuk sektor perladangan, perikanan, perusahaan akuakultur, eko pelancongan, perhotelan dan sebagainya. Sebelum ini kerajaan telah gagal meningkatkan industri-industri mesra alam sekitar ini tetapi menggantikan industri minyak dan gas yang akan menjejaskan alam sekitar di Pengerang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu RAPID melibatkan isu bukan sahaja isu alam sekitar, ekonomi dan juga politik. Biarlah ahli politik dan NGO membahaskan penyelesaian untuk menyelamatkan masa depan penduduk kawasan Pengerang. Kerajaan gagal memodenkan industri-industri khasnya akuakultur pelancongan setakat ini tetapi di sebaliknya membawa projek RAPID yang dikatakan bernilai RM60 bilion yang akan membawa manfaat ke segelintir elit sahaja. Faedah kepada penduduk setempat masih tidak menentu. Maka kegagalan kerajaan memberikan maklumat dan rancangan penempatan semula kediaman dan pampasan yang memuaskan telah menjejaskan imej. Keberkesanan kerajaan pada jangka masa panjang akan membawa kesan buruk kepada pembangunan Iskandar Malaysia. Keberkesanan dan keprihatinan PBT, Yang Berhormat Dato' Speaker amat mustahak sebabnya faktor penempatan yang bersih, kemas dan teratur akan lagi meyakinkan para pelabur dan

penduduk setempat. Kita memerlukan khasnya PBT-PBT menghadapi dengan izin, *Paradigm Shift* dalam minda kita. Baru-baru ini MPJBT menjalankan kerja penurapan baru jalan-jalan raya di Taman Ungku Tun Aminah. Memang para penduduk mengalu-alukan kerja penurapan jalan raya baru berkenaan tetapi kerja yang dijalankan semasa waktu sibuk siang telah mendatangkan kesesakan lalu lintas yang tidak diingini. Maka PBT sepatutnya mengarahkan kontraktor supaya menjalankan kerja semasa mengelakkan kesesakan trafik pada waktu sibuk siang. Walaupun, ini merupakan perkara yang remeh tetapi juga menunjukkan PBT kita masih memerlukan satu atau perubahan sikap yang lebih prihatin kepada kehendak pelanggan termasuk penduduk setempat dan pelabur asing. Jika PBT kurang peka kepada perkara yang remeh sebegitu, bagaimana PBT dapat melayan kehendak pelabur asing yang lebih tinggi khasnya kepada keberkesanan PBT untuk meluluskan projek-projek pembangunan di Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker penduduk Taman Damai Jaya telah memohon MPJBT untuk mendirikan padang bola sepak di Jalan Aman 3 sebab tapak lama telah ditentukan untuk pembinaan Sekolah Agama. Walaupun Taman Damai Jaya mempunyai stadium mini futsal berbayar. Para penduduk dan kelab-kelab bola sepak masih memerlukan padang bola sepak terbuka untuk berlatih sebab kalau hendak main dekat stadium futsal itu, kena bayar RM60.00 untuk 1 jam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah beberapa kali jumpa dengan Pegawai Daerah Johor Bahru untuk membincangkan beberapa perkara. Malangnya bukan sahaja gagal hendak mendapatkan temu janji dan kerani pun juga tiada pada kerja termasuk sesi pertemuan rakyat oleh Ketua Jabatan pada petang hari Khamis yang ditentukan oleh Menteri Besar beberapa tahun dulu, pada suatu pagi jam 11, saya sampai sana bukan sahaja DO tiada dalam pejabat, keraninya pun tiada dikatakan telah pergi minum. Apakah sikap ini? Sikap yang betul bagi mana-mana jabatan kerajaan. Bolehkah kita meyakinkan para pelabur dengan sikap pekerja Ketua Jabatan sedemikian.

Yang Berhormat Dato' Speaker jika kita ingin menjayakan Iskandar Malaysia. Kita terpaksa berubah sikap dan menghadapi satu *Paradigm Shift* dalam minda kita semua lapisan masyarakat supaya lebih prihatin kepada kehendak persaingan di arena antarabangsa. Saya rasa para pelabur kalau nak pilih tempat untuk melabur dekat Negeri Johor, Rengit itu akan jadi *last,* yang terakhir sebab kita nak ceramah dekat sana dia tembak pemedih mata. Tengok kalau dulu Yang Berhormat Pulai Sebatang kata hendak buat perhimpunan BERSIH itu jemput buat dekat Pulau Pinang, kita hendak bikin Pulau Pinang, kita hendak buat Johor Bahru. Baru ini kita bikin perhimpunan BERSIH dekat Johor Bahru, baru la nampak penginapan hotel itu meningkat disebabkan Polis tiada kacau tiada penembak gas orang pun suka ria.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dekat Johor Bahru ada tembak gas?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** takda, takda...

**Y.B. Dato' Speaker :** Johor bagus, itu sebab dipertimbangkan tidak payah ambil Johor, ambil negeri lain.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Johor bagus, tapi bukan dekat Rengit.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha...ok.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** tidak payah risau, kita menghadapi perubahan yang terbaru ini dengan hati yang terbuka. Lepas itu kalau Rengit hendak maju lain kali kalau kita hendak berceramah di Rengit jangan tembak gas. Kalau kita hendak Pulai Sebatang maju kita bikin perhimpunan Bersih lain kali dekat Pulai Sebatang barulah orang tengok orang Malaysia boleh...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah, habis kalau sudah ramai, teruk orang dah. Ok Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Satu perkara lagi. Dato' Speaker, sebenarnya kita ini, kita kena menerima perubahan yang positif sebab sekarang ini Negeri Johor, Kerajaan Negeri Johor hendak mempertambahkan permohonan untuk Tokong Cina, Kuil Hindu. Dulu dekat Selangor dirobohkan kuil-kuil Hindu, kita mengambil alih, kita mempertahankan 190 hak milik tanah untuk Tokong Cina dan Kuil-kuil India. Itulah satu persaingan barulah kita dapat sedikit perubahan dekat Negeri Johor, Yang Berhormat Jementah, dia kena faham kalau ambil statistik itu janganlah meludah air liur itu tertimpa atas muka sendiri. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, saya belum cakap lagi duduk. Yang Berhormat perbahasan diteruskan lagi, siapa hendak berucap. Oh, Permas hendak berucap.

**Y.B. Encik Munusamay a/l Mareemuthu (Permas) :** Selamat tengah hari dan salam sejahtera, salam 1Malaysia Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ucap terima kasih kerana diberi peluang untuk turut berserta dalam perbahasan menjunjung kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan pucuk pimpinan Kerajaan Johor yang telah mencapai pertumbuhan ekonomi dengan pelaburan dengan lebih RM2 bilion dalam suku pertama pada tahun ini. Ini adalah hasil daripada beberapa agenda transformasi negara yang dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kebijaksanaan pucuk pimpinan Barisan Nasional mengurus ekonomi negeri dan negara. Saya rasa bangga kerana lebih 30% daripada nilai projek permulaan di seluruh negara dilaburkan di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha kerajaan untuk menjalankan untuk meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat di bandar dan desa amat dihargai termasuklah pembinaan jalan-jalan sistem perparitan dan lain-lain infra. Di sini saya ingin meminta pihak kerajaan supaya meningkatkan status jalan-jalan di kawasan-kawasan perumahan yang telah wujud beberapa tahun lalu khususnya dalam kawasan saya iaitu di Permas Jaya dan juga Zon Rinting dan Kampung Plentong Baru di mana taman-taman ini telah diwujudkan lebih 20 tahun dahulu. Kini sistem perparitan dan pembetungan tidak dapat menampung keperluan semasa, maka sering kali berlaku banjir kilat dan parit yang sumbat. Oleh itu, sistem perparitan dan

pembetungan di kawasan Permas Jaya perlu di naik taraf. Saya ingin mengucap terima kasih kepada pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru yang telah mula kerja-kerja ini tetapi hanya dijalankan di satu lokasi sahaja iaitu di Jalan 2 dan tidak dapat disambung pada kawasan-kawasan lain. Penduduk-penduduk di kawasan lain belum dapat kemudahan menaik taraf ini, mereka sentiasa membuat aduan dan ini perlu diambil kira serta mengambil tindakan selanjutnya. Begitu juga jalan-jalan yang rosak perlu ditampal dan diturap dan dilebarkan. Jalan-jalan di Kampung Plentong Baru perlu diturap semula dan dipasang lampu untuk memberi lebih keselesaan kepada masyarakat tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah ditubuhkan untuk kawal selia pelupusan sisa pepejal di seluruh kawasan. Di kawasan Permas Jaya dan di Taman Rinting, pihak SWM telah mengedarkan tong-tong sampah beroda secara percuma kepada pembayar cukai. Saya ucap terima kasih kepada mereka akan tetapi, penduduk perlu diberi kesedaran dan garis panduan untuk membolehkan mereka menggunakan tong-tong sampah ini secara betul dan mengikut prosedur walaupun ada banyak garis panduan, ada juga beberapa risalah-risalah tetapi masih mereka menghadapi masalah, impak dan kesan boleh dirasai oleh pembayar cukai sekiranya ini dilakukan. Pihak SWM juga perlu meningkatkan perkhidmatan mereka demi kepentingan masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membuat lawatan kerja ke kawasan Pasir Gudang termasuk DUN Permas. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang disanjung dan disayangi rakyat yang telah membuat lawatan kerja ini. Beliau telah sudi menurun padang sehingga berjumpa dengan masyarakat tempatan di peringkat pusat daerah mengundi untuk mendengar masalah rakyat. Rombongan ketua-ketua jabatan yang hadir bersama, sangat membantu untuk menyelesaikan masalah-masalah rakyat tempatan dengan serta-merta. Ini telah memberi satu impak positif dan harapan besar masyarakat terhadap Barisan Nasional. Beberapa perkara telah dibangkitkan dalam masa lawatan yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah juga ditepati seperti hak milik bagi kawasan setinggan di kawasan saya. Baru semalam Yang Amat Menteri Besar telah melawat Kampung Pasir Gudang Baru, yang telah, untuk mengedarkan Borang 5A kepada 75 keluarga untuk membolehkan mereka mendapat hak milik.

Saya ucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah dapat menyelesaikan isu hak milik untuk Kampung Pasir Gudang Baru yang telah berlanjut sejak lebih 28 tahun. Dan ia merupakan sebuah kubu yang menyokong kuat Barisan Nasional diutamakan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ketua-ketua jabatan dan agensi-agensi Kerajaan dan semua pegawai-pegawai yang telah membantu menyelesaikan isu-isu ini. Bukan seperti janji-janji manis oleh parti-parti pembangkang yang mana janji-janji itu tidak mungkin boleh dapat ditunaikan. Janji-janji mereka itu adalah untuk memancing undi. Saya yakin rakyat Negeri Johor tidak akan terpedaya dan mempengaruhi dengan janji-janji seperti ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam masa lawatan Yang Amat Berhormat juga, telah bersetuju untuk meluluskan beberapa projek, khususnya pembinaan Masjid,

peruntukan khas untuk masjid, sekolah agama, tokong cina dan juga kuil-kuil hindu serta gereja. Saya juga mengambil kesempatan ini, bagi pihak warga DUN Permas dan Pasir Gudang untuk mengucapkan terima kasih kerana banyak isu-isu berkaitan dengan kuil, gereja dan tokong dapat diselesaikan dalam jangka masa pendek ini. Pelbagai lapisan masyarakat menyambut baik keputusan Kerajaan menangani isu-isu berkaitan dengan hak milik tanah bagi rumah-rumah ibadat masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat dua kampung Orang Asli di kawasan saya, iaitu Kampung Kota Masai dan Kampung Teluk Jawa. Dalam masa lawatan kerja Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah sempat untuk berjumpa dengan masyarakat Orang Asli dalam kawasan saya. Hasrat mereka untuk meningkatkan asas dan *infrastructure* yang telah disuarakan. Kedua-dua Kampung ini terletak dalam Wilayah Pembangunan Iskandar dan dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri supaya menjadikan kampung angkat dan dapat dibela oleh pihak Iskandar.

Saya memohon supaya pihak Iskandar menjalankan kajian terperinci bersama jabatan Orang Asli untuk menaik taraf kedua-dua kampung ini untuk menjadikan kampung-kampung ini sebagai destinasi pelancongan. Ini kerana hanya kampung-kampung ini lah yang sangat berhampiran dengan kawasan Johor Bahru dan yang paling sesuai untuk dijadikan Kampung Tradisional Orang Asli bagi menarik pelancongan dengan kemudahan-kemudahan lebuh raya persisiran pantai yang melintas kedua-dua kampung ini. Oleh itu, adalah satu cadangan yang boleh menjadikan sumber pendapatan bukan sahaja bagi penduduk bagi perkampungan itu, tetapi juga kepada Negeri Johor. Penduduk-penduduk di situ juga boleh meningkatkan ekonomi mereka, dan menaik taraf sosial ekonomi mereka. Kedua-dua kampung ini merupakan kampung nelayan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah meluluskan RM770,000.00 bagi memperbaiki rumah-rumah nelayan, dikedua-dua kampung ini dalam program menaik taraf sosial ekonomi nelayan. Sebanyak 77 rumah nelayan, akan diperbaiki di kawasan ini. Selain daripada itu, projek-projek memelihara kupang juga akan diwujudkan di kawasan ini, dengan peruntukan daripada Kerajaan Barisan Nasional. Nelayan-nelayan juga telah diberi enjin bot, berkuasa tinggi untuk membolehkan mereka merayau ke laut untuk penangkapan ikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini pihak pembangkang banyak berfokus di Negeri Johor dengan impian untuk menubuhkan Kerajaan pakatan di Negeri Johor. Mereka juga telah memberi perhatian kepada masyarakat India di Negeri Johor seolah-olahnya mereka boleh senang dipengaruhi. Mereka membawa isu-isu yang tidak berasas. Tetapi di Negeri Johor masyarakat India adalah penyokong kuat Barisan Nasional. Ini adalah kerana pucuk pimpinan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, yang sangat prihatin kepada isu-isu masyarakat India. Banyak isu-isu tanah, Sekolah-sekolah Tamil dan kuil-kuil dapat diselesaikan. Bukan sekarang seperti yang dikatakan oleh pihak Skudai, tetapi semenjak tahun 1996, perkara-perkara berkaitan dengan tanah-tanah sekolah-sekolah Tamil, tanah-tanah kuil telah dapat diselesaikan. (Dewan bertepuk). Dan kita juga dapat banyak peruntukan-peruntukan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bagi NGO-NGO masyarakat India. Ini telah

mempertingkatkan keyakinan masyarakat India terhadap pucuk pimpinan dan Kerajaan Barisan Nasional. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang sentiasa peka dalam hal-hal yang dihadapi oleh kaum India. Oleh itu, parti-parti pembangkang janganlah cuba meracuni minda masyarakat India dengan membangkitkan isu-isu dan mengelirukan masyarakat India.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu perkara yang sering dibangkitkan oleh masyarakat India, khususnya dalam masa lawatan kerja Yang Amat Berhormat Menteri Besar dekat kawasan-kawasan adalah berkait dengan kekurangan peluang pekerjaan bagi kaum India dalam sektor awam. Walaupun baru-baru ini beberapa usaha telah diambil oleh pihak Kerajaan, dengan arahan daripada pucuk pimpinan untuk meningkatkan lagi peluang-peluang Kerajaan bagi kaum India tetapi, masih kita lihat ini tidak diterjemahkan dalam masa pengambilan kakitangan-kakitangan baru di sektor awam dan agensi-agensi Kerajaan. Ini kerana Kerajaan tidak mempunyai satu polisi tetap terhadap pengisian jawatan-jawatan ini dengan peruntukan satu kuota.

Oleh itu, saya mencadangkan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan supaya mewujudkan dasar tertentu khususnya untuk memberi sekurang-kurangnya 8 hingga 10% peluang pekerjaan dalam semua kategori jawatan dalam setiap pengambilan pekerjaan jawatan baru dan kenaikan pangkat dalam sektor awam dan agensi-agensi Kerajaan termasuk GLC. Sebenarnya ramai daripada kaum India amat berminat untuk bekerja dalam sektor awam. Mereka berbangga sekiranya dapat berkhidmat dalam sektor awam dan agensi-agensi Kerajaan. Mereka hanya mengharapkan peluang diberi kepada mereka. Saya yakin dengan satu dasar tepat, seperti ini akan menyelesaikan masalah kekurangan peluang dalam sektor awam sekiranya dapat diimplementasikan dengan sewajarnya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, dia banyak masuk temu duga Yang Berhormat? Takut dia tak mohon tak.

**Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) :** Ramai yang mohon, tetapi nampaknya tak dapat. Ada banyak masalah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh... dia punya kelulusan tu tak bagus eh.

**Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) :** Kelulusan ada mereka memang ada kelulusan, tetapi tak dapat juga peluang. Saya rasa ini perkara boleh diambil kira lah. Sangat-sangat kritikal sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu perkara yang saya ingin membawa di sini adalah berkaitan dengan PERKESO. Baru-baru ini pihak Kerajaan telah meluluskan supaya pekerja ataupun kakitangan di sektor swasta boleh kerja sehingga umur 60 tahun. Tetapi dalam PERKESO perundangan hanya sampai 55 sahaja. Mereka yang berumur sampai 55 boleh menuntut insurans PERKESO. Oleh itu sudah sampai masa, supaya PERKESO itu dikaji semua undang-undangnya atau peraturannya supaya mereka yang berumur sehingga 60 boleh buat tuntutan sekiranya mereka perlu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu perkara yang ingin saya bangkitkan ialah berkaitan dengan alam sekitar yang telah disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Ini adalah berkaitan dengan kes-kes kebakaran yang berleluasa di Kampung Teluk Jawa di kawasan saya. Pada satu ketika dulu, beberapa bulan lalu saya telah bawa pegawai-pegawai daripada Majlis dan juga Alam Sekitar ke kawasan ini dan telah dapat mengatasi masalah tetapi nampaknya masalah itu berulang sekali lagi. Oleh itu, saya minta supaya pihak berkuasa mengambil tindakan supaya perkara ini tidak berlaku kerana kita dapat banyak aduan daripada penduduk-penduduk di kawasan Kampung Teluk Jawa di mana kebakaran ini berlaku di kawasan-kawasan jauh daripada perkampungan tetapi akibat daripada kebakaran mereka penduduk-penduduk di situ menghadapi masalah. Oleh itu, saya minta supaya pihak pentadbiran mengambil tindakan untuk mengatasi masalah-masalah seperti ini. Selain daripada itu, saya ingin juga menyokong cadangan yang dibawa oleh ADUN iaitu berkaitan dengan pemberian bantuan semasa ..

**Y.B. Dato' Speaker :** ADUN mana tadi bawak, ADUN mana bawak? Eh saya tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat tanya orang lain pula.

**Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) :** Yang dibawa oleh ADUN Jementah iaitu pemberian wang Ehsan ataupun bantuan semasa keluarga ini, satu keluarga ini menghadapi kematian. Ini adalah satu cadangan yang baik, dan saya amat mengalu-alukan dan saya menyokong cadangan tersebut. Saya rasa itu sahaja yang ingin saya sampaikan, dengan itu saya ingin menyokong usul yang di bawa oleh Rengit. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Terima kasih, Yang Berhormat. Jemput perbahasan diteruskan lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Selamat sejahtera, salam 1Malaysia Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha ya. Yang Berhormat jemput duduk. Leceh dengar dia ni ek. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ini saya tangguhkan sehingga jam 2:30 petang ini.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.**

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera. Perbahasan disambung semula. Jemput Parit Yaani.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Selamat sejahtera, salam 1Malaysia Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih kerana saya diberi peluang untuk turut serta membahaskan usul Rundingan Menjunjung Kasih kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor pada hari Khamis, minggu lalu di Dewan yang mulia ini. Titah Baginda Tuanku telah menegaskan bahawa menerusi hasil usaha kerajaan serta

kerjasama daripada rakyat jelata, rakyat Johor akan menikmati kesejahteraan hidup yang bertambah baik dan juga bakal menerima manfaat besar daripada agenda transformasi ekonomi negara oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga menitik beratkan bahawa setiap rakyat Johor pasti menghargai keamanan, kestabilan dan kemakmuran Negeri Johor dengan meneruskan perpaduan yang telah kita kecapi selama ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh beberapa isu dan permasalahan di negara ini atau di Negeri Johor. Kata peribahasa "Menunggu buah tak gugur".

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Buah apa Yang Berhormat?

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Buah durian kalau kita tunggu biasa dia tak gugur. Kali ini buah dah gugur. Durian, kita dapat durian runtuh. Bersyukur dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Johor Corporation menunaikan janji, janji ditepati. Pemegang unit saham Dana Johor dapat pulangan RM1.00.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pelaburan saham adalah satu pelaburan yang berisiko. Kadang-kadang ada untung. Kalau ada krisis ekonomi seperti pada tahun 1998, Dana Johor menghadapi masalah, rugi. Tidak ada jaminan bahawa pasti untung. Tapi walau macam mana pun, oleh kerana keprihatinan, oleh kerana komitmen, tanggungjawab Kerajaan Negeri Johor, kali ini setiap pelabur, pemegang saham akan dapat pulangan RM1.00 mulai pada 2 Julai, bulan depan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ini menunjukkan tanggungjawab dan juga komitmen Kerajaan Negeri Johor untuk membela nasib rakyat. Membela nasib rakyat supaya dapat kesejahteraan tanpa gagal. Datuk Speaker, ini tanda bukti, tanda bukti bahawa Kerajaan Negeri Johor, ekonomi Kerajaan Negeri Johor memang cukup kukuh. Saya tak faham mengapa ADUN Skudai katakan Negeri Johor ekonomi kurang baik, akan bankrap. Bankrap tak bankrap, ya tak ya, tapi jangan lupa saya dah buat cabaran. Sebenarnya cabaran saya kalau pada 31 Mac, Kerajaan Negeri Johor bankrap saya letak jawatan sebagai ADUN. Kalau tak bankrap...

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Kekal...

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** ADUN Skudai kena letak jawatan. Lepas tu saya bagi *chance* tarikh itu ditunda ke 30 Jun, bulan ini, lagi 12 hari setengah lagi. Cabaran ini saya rasa, saya kira *confident*lah saya boleh menang sebab tengok keadaan mustahil nak bankrap.

Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh kerana suasana Pilihan raya yang Ke-13 semakin dekat, ha sekarang semua orang sibuk-sibuk sepertimana tadi Jementah dah katakan Pusat Khidmat buka satu hari lepas tu tutup. Ini sekarang dia pasukan-pasukan dan kumpulan-kumpulan daripada Parti Pembangkang sudah *standby* dengan anggota-anggota naik motosikal mengadakan satu operasi. Kalau pasukan Polis, unit dia Ops, Ops Cari, Operasi Cari. Operasi yang dijalankan oleh anggota-anggota daripada

parti-parti bukan Barisan Nasional naik motosikal pusing, *round* dari bandar ke kampung. Tujuan utama cari lubang jalan. Kalau dah jumpa satu lubang, tak kira lubang itu besar atau kecil dia akan gunakan telefon bimbit terus telefon dia punya geng "eh, sini ada satu lubang, mari, cepat-cepat mari". Lepas tu 7-8 orang akan sampai. Mereka akan berdiri di keliling lubang itu dan menuding dengan jari pada lubang itu dan media akan ambil gambar, gambar keluar taruk surat khabar, habis cerita. Saya tengok jari mereka memang cukup. Ini walaupun dia gunakan jari 1Malaysia, tapi dia tuding pada lubang yang terjumpa itu. Lagi satu ops, ops cari juga. Nak cari kudis kaki orang. Tengok siapa, sebab itu kalau kita kaki kena pakai seluar panjang, kalau tidak mereka akan cari "oh *you* punya kaki ada kudis". Sepertimana orang lama pernah cakap "Kuman di seberang lautan tak nampak, gajah di bibir mata kelihatan".

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terbalik Yang Berhormat. (Dewan ketawa). Kuman di seberang lautan...

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Kuman di seberang lautan...

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Nampak, ha...

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani):** Nampak, gajah di bibir mata tidak kelihatan. Terbalik pula. Ini baru betul. Sebab nak cari kudis orang, gajah pun tak nampak di depan mata. Saya rasa kalau cara macam itu untuk mengheboh-hebohkan, nak cari pasal, nak cari isu yang bukan isu, tak patutlah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini lagi ada satu *trend*. *Trend* yang terkini. Pihak pemimpin terutama sekali pemimpin daripada parti pembangkang, mereka suka buat *police report*. Kalau dengar ada khabar angin kata ini, ini cerita sumber betul tak betul buat *police report*, suruh Polis siasat. Lagi satu *trend*, mereka tahu nak buat sesuatu, kalau perhimpunan tidak dibenarkan mereka sengaja nak hadir. Lepas itu kena tahan Polis, tangkap oleh Polis. Bila mereka ditahan oleh Polis, ditangkap oleh Polis, wah itu sudah jadi wira, hero. Ada beberapa pemimpin daripada parti pembangkang dah tercapai matlamat mereka. Dia sengaja tunjuk bahawa kalau Polis tak tahan mereka akan gunakan cara supaya bagi Polis panas hati lepas tu tahan. Saya dah tengok macam pada ini, perhimpunan-perhimpunan dan buktikan apa yang saya sebut tadi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekarang pemimpin-pemimpin daripada parti pembangkang Pakatan Rakyat suka gunakan satu isu yang amat digemari oleh rakyat jelata. Harga barangan akan turun sekiranya Pakatan Rakyat menang Pilihan Raya yang Ke-13. Petrol akan turun harga. Barangan keperluan harian turun harga. Barangan sedunia semua turun harga. Dan, bayaran tol hapuskan. PTPTN hapuskan. Semua dengar banyak suka hati. Tapi saya ingin nak tanya, setahu saya di Pulau Pinang sebelum Pilihan raya yang Ke-12, sebelum 2008, Kerajaan Barisan Nasional memerintah Pulau Pinang, bayaran untuk *parking* setengah jam RM0.30. Ha, ini saya dengar cerita itu. Setengah jam RM0.30, Barisan Nasional. Sekarang, parti pembangkang Pakatan Rakyat, setengah jam jadi RM0.80. Kalau *parking* pun naik berapa kali ganda, tak logik kalau nak turunkan harga petrol, nak turunkan ini, harga

ini, harga itu, nak hapuskan pembayaran ini, pembayaran itu, semua hanya temberang aja. Cakap untuk nak pancing undi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya ingin sampaikan isu di kawasan saya. Kadang kala isu yang keluar dalam surat khabar dari segi persepsi itu, kalau persepsi yang kita tak gunakan kebijaksanaan kita untuk fikir adakah ini betul atau tidak, berita itu macam mana. Saya bagi contoh, perkhidmatan pasukan Bomba ini selalu kebakaran sudah berlaku mereka baru datang. Ada lewatlah. Baru-baru ini di kawasan saya, Kawasan Perindustrian Tongkang Pechah ada satu kebakaran berlaku. Sebenarnya Yang Berhormat Datuk Speaker kebakaran itu berlaku pada 3:30 pagi, tapi kalau kita tengok keadaan Bomba sampai pukul 4:32 minit. Saya dengar pun tak puas hati, mesti marah. Mana ni Bomba dah bakar setengah jam baru sampai, sebenarnya Datuk Speaker, bila kebakaran itu berlaku, dia orang tengok api lebih syok, sampai lupa nak telefon. Pukul 4:19 minit baru ada pasukan Bomba. Bila Bomba terima aduan berkenaan dengan kebakaran pada 4:32 minit dah sampai ke destinasi kebakaran. Hanya 13 minit sudah sampai. Kita bukan nak puji bomba, bukan saya sini bomba, nak. Saya bukan sedara dengan bomba, ini saya nak cakap apa yang benar. Saya pun bila saya baca, tengok surat khabar ni kebakaran pukul 3:30 tapi Bomba sampai pukul 4:30. Melampau. Tapi bila saya tengok, tanya cerita yang sebenar, Bomba memang cukup cekap. Datang cepat. Kita kena puji kalau mereka, tak salah. Tapi orang baca surat khabar marah. Ini cara mereka, dah bagi satu peluang kepada parti-parti yang bukan Barisan Nasional. Mereka akan syoklah, ini betullah. Ini Bomba tak gunalah datang lewat. Kalau tidak ini rumah tak habis bakar. Kalau kita tahu 13 minit sudah sampai. Cuba Datuk Speaker, 13 minit tengah telefon, ini kalau naik helikopter pun tak sampai. Kita kira laju.

Dan lagi satu perkara ni, SAJ Holdings. Dia orang kata oh ini air tak kuat, macam kencing. Saya pun panas hati. Mana boleh kawasan industri, air tekanan air tu tak kuat. Sebenarnya Datuk Speaker, betul-betul yang saya tahu, bukan tekanan air, *pressure* air memang cukup kuat, tetapi oleh kerana kebakaran itu serentak. Dua bangunan di bersebelah saja jalan. Ini bakar sana pun bakar. Bila datang, dia pakai satu paip dua *outlet*. Bila dua *outlet*, air mesti dah kurang dia punya *pressure* Dato' Speaker. Saya faham ini tak ada salah. Bukan SAJ yang air tak kuat. Oleh kerana mengapa nak bakar sekali? Bergilir-gilir sikitlah. Ini sudah bakar, baru sampai, baru air kuat. Ini kebakaran tak boleh kita suruh dia jangan bakar. *You* tunggu, ini bakar dulu. Saya selamat ini dulu baru selamat you, tak ada. Dia kena selamatkan semua.

Datuk Speaker, lagi satu masalah, dia katakan bomba ini macam mana pakai air longkang. Saya sampai ke situ saya pergi tengok air di longkang mana ada air, kosong, kering. Yang sebenarnya dia gunakan air dari parit yang berhampiran. Ini kira betul, kira kalau air tidak mencukupi, tekanan air tak kuat, oleh kerana dua tempat bakar, digunakan air parit. Saya memang pujilah cara untuk selamatkan harta benda orang gunakan kebijaksanaan. Jangan kita hanya ada pandangan negatif. Ada persepsi yang tidak betul. Kalau macam gitu, saya rasa siapa jadi kakitangan kerajaan pun selalu dia rasa orang lemah semangat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kawasan larangan merokok. Ha, ini masalah isu juga.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Yang Berhormat merokok tak?

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** saya tak hisap rokok, tetapi saya kena suarakan rintihan mereka tu tok.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Ok

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Yang menghisap rokok. 4 orang dan dalam negara kita kalau dalam 4 orang, ada seorang mesti hisap rokok. 25% perokok. Saya pun kesiankan mereka kalau macam kalau mereka tak hisap rokok macam tak ada bateri juga, dia kena sampai masa dia kena hisap rokok sikit untuk cas bateri. Untuk memperjuangkan nasib rakyat juga ini penting juga tok.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Em..

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Datuk Speaker, saya ingin nak tahu bahawa definasi. Biasanya kita sampai ke satu kompleks beli belah, dia mesti ada papan tanda tulis "*No Smoking*", "Tidak benarkan merokok". Ha ini masalah dia timbul, *Enforcement*. Kompleks tu dia ada dalam premis dan luar premis kompleks. Saya pun rasa kalau dalam premis *air-condition* hawa dingin, mereka hisap rokok, saman. Memang lojiklah. Saya pun puji kalau penguatkuasaan ambil tindakan supaya bagi saman kalau boleh dua tiga kali supaya mereka tidak berlaku lagi. Tapi masalahnya mereka di luar premis, kena saman. Dan juga tempat kedai kopi dan juga kafe-kafe, dia ada dalam premis dan ada di luar premis yang letak meja kerusi supaya mereka nak merokok boleh duduk di situ. Kalau di luar pun tak boleh hisap rokok, saya rasa ini jadi satu isu hebat juga sebab kalau luar premis tidak dibenarkan, tak patut. Dan saya rasa kakitangan yang menjalankan *enforcement* kena gunakan budi bicara mereka. Kena ada timbang rasa supaya siapa hisap rokok kalau luar bagi peluang. Saya rasa ini kalau satu tindakan tegas bagus tapi jangan sampai tak ada tempat untuk mereka merokok.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Ok masa cukup Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Yang Berhormat Datuk Speaker. Satu lagi Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, Jalan Bindu. Saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada JKR. Mulai daripada Jalan Kluang masuk ke Jalan Haji Mohd Salleh ke Parit Buluh dan sampai ke Bindu, sepanjang jalan tu 6 kilometer dan JKR dah binakan satu jambatan dan jalan hampir 3.4 kilometer berharga RM25 juta. Bagus, sebab ini dah meningkatkan satu aktiviti ekonomi kepada kawasan Tongkang Pecah dan di Jalan Kluang. Tapi masalahnya, kemudahan ni dah beri kepada pengguna jalan dan mereka-mereka yang membawa barang-barang daripada kilang-kilang, bila dah pakai jalan 3.4 kilometer tu, jalan yang begitu baik, cukup luas, sampai ke hujung tinggal baki 2.6 kilometer itu masih jalan kampung lagi.

Oleh kerana jalan kampung cukup sempit dan lori-lori besar-besar, kereta-kereta, bas bila menggunakan jalan itu mesti gunakan bahu jalan. Ini dah jadi jalan di Kampung Bindu itu memang rosak teruk dan saya harap mandi biarlah basah. Tinggal lagi 2 kilo setengah tidaklah jauh sangat. Saya harap kerajaan kena bagi kelulusan peruntukan untuk meningkatkan jalan ini supaya memudahkan siapa nak gunakan jalan itu dan

tidak sakitkan kepala saya sebab setiap kali, seminggu sekali dia orang telefon, kata ini satu lubang, motosikal jatuh, saya harap perkara ini dapat satu penyelesaian dan setahu saya JKR dah usaha, usaha kepada Kementerian dan sampai sekarang belum ada tindakan, hanya *maintenance* sahaja. Tetapi saya rasa saya kena mohon maaf kepada JKR sebab kata 3 bulan *maintain* tetapi sekarang dah hampir 3 minggu kena *maintain* dan membaiki jalan yang rosak. Saya harap ini kalau jalan tu dah dapat satu peruntukan untuk meningkatkan taraf jalan, saya harap boleh cepat dan tidak ada perbelanjaan yang kita bazirkan untuk memperbaiki jalan.

Dengan ini kata-kata yang demikian, saya menyokong usul yang dibawa oleh Rengit. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain. Pemanis.

**Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Berbanding dengan komuniti lain, kita boleh anggap komiti FELDA sebagai komiti yang berjaya di negara ini. Kita faham bahawa kejayaan tidak akan datang bergolek. Ia perlukan pengorbanan dan kegigihan. Komiti FELDA telah melakukan banyak pengorbanan menerusi keperitan hidup yang mereka lalui berpuluh-puluh tahun dulu. Justeru pemberian durian runtuh untuk peneroka, isteri peneroka dan generasi kedua adalah sesuatu yang wajar mereka nikmati. Bagai peribahasa baru "siapa yang tanam dia dapat durian runtuh". Sedikit imbuhan dari kerajaan menerusi FELDA adalah sebagai balasan pengorbanan dan kesetiaan mereka bersama-sama kerajaan membangunkan negara kita ini. Komuniti FELDA juga berjaya melahirkan generasi kedua anak-anak peneroka yang berjaya dalam bidang akademik seterusnya mencipta ruang kerjaya yang lain pula. Semakin ramai anak peneroka yang mempunyai pendidikan dan kemahiran tinggi dan ia telah menjadikan asas untuk merubah landskap keluarga itu sendiri. Komuniti FELDA juga memberikan impak menerusi limpahan dan perubahan kepada ekonomi setempat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan kemakmuran yang dimiliki dan penghasilan dari hasil generasi kedua, ia telah menyumbang kepada peningkatan tahap ekonomi setempat. Di Segamat misalnya, dengan adanya penempatan FELDA, kita harus mengakui bahawa ia telah memberikan sumbangan yang cukup besar kepada kuasa pasaran ekonomi setempat. Pendapatan sama ada dari peneroka atau anak mereka, durian runtuh, bonus atau pelbagai sumber FELDA yang lain, telah membuka ruang kepada penjana ekonomi Segamat. Dengan segala kelebihan yang ada ini, komuniti FELDA seharusnya mampu menjadi *role model* atau model baru untuk mereka cipta semula beberapa bidang yang mampu mereka terajui dan menjadi paksi utama seperti bidang pertanian yang meliputi pertanian kontang, sayur-sayuran, buah-buahan, malah herba serta penternakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dunia hari ini semakin terhimpit dengan masalah pengeluaran dan pengagihan makanan. Sebagai keperluan paling utama, bekalan makanan seharusnya kekal dipastikan dapat menampung apa juga kemungkinan yang terjadi terhadap dunia ini. Bencana alam yang banyak melanda kawasan-kawasan utama pengeluaran makanan seperti negara pengeluaran beras, gandum

dan sebagainya telah banyak merosak dan menjejaskan bekalan makanan sedunia. Malaysia perlu mencari pendekatan intensif untuk memastikan bekalan makanan utama dan sampingan kita tidak mengalami masalah. Malaysia harus berupaya menjadikan pertanian dan industri berasaskan pertanian ini sekurang-kurangnya dengan tujuan untuk menampung keperluan rakyatnya sendiri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan pernah menggerakkan satu usaha memperkasakan pertanian dan industri asas tani mulai tahun 2004. walau bagaimanapun, momentum tersebut nampaknya semakin lemah. Untuk memajukan perkembangan sesuatu bidang dalam kes pertanian antara unsur utama ialah kepentingan, keyakinan, rangkaian dan rantaian yang cekap serta cerita atau bukti kejayaan dengan izin *success story*. Justeru, demi pembaharuan kepimpinan bidang pertanian, saya mencadangkan dan mengharapkan agar FELDA boleh menjadi tenaga penggerak dan peneraju utama kepada pertanian. Juga dipertimbangkan agar sektor yang berkaitan terus dengan pengeluaran dari FELDA diserap ke Kementerian Pertanian begitu juga dengan bidang tertentu dari sektor komoditi utama. Dengan usaha penstrukturan semula kerja penyelarasan ini, bidang pertanian akan dengan serta mertanya dapat suntikan. Unsur kejayaan yang saya sebut tadi iaitu kepimpinan, keyakinan rangkaian dan rantaian yang cekap serta cerita dan bukti kejayaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada sayur-sayuran, buah-buahan, pertanian herba juga boleh dipertimbangkan. Industri kesejahteraan dengan izin, *wellness* dan perubatan tradisi yang mendapat pembaikan dari segi saintifik dan pengiktirafan antarabangsa dan trend ini telah memangkinkan permintaan yang mendadak terhadap herba-herba. Untuk sesebuah Negara membangunkan industri domestik dan pada masa akan yang datang dapat menguasai pasaran dunia tidak lah cukup kita sekadar melihat kepada 5 atau 6 jenis-jenis herba yang popular tetapi perlu menyasarkan 100 jenis herba dengan sokongan penyelidikan dan pembangunan dari institusi pengajian tingi kita. Sebagai langkah pemulihan pertanian dan demi memenuhi keperluan mereka, yang mengalami kesukaran dalam mendapatkan tanah untuk usaha pertanian, saya cadangan dimulakan dengan membina satu sistem pangkalan data maklumat tanah pertanian atau peta maklumat yang merekodkan tanah yang sesuai diusahakan. Besarlah harapan Pemanis, sekiranya bidang pertanian dapat perancangan dari segi dapat penekanan dari segi perancangan pada tahap seperti koridor pembangunan dan juga bidang dalam NKRA. Secara menyeluruh, terperinci dan mempunyai visi jangka masa panjang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perpaduan dan keharmonian dalam atau antara komuniti tidak memerlukan teori dan analisis yang kompleks. Hidup ini mempunyai hukum alam yang cukup mudah. Contohnya, apabila kita susah, jangan ingat orang lain senang. Apabila kita senang, janganlah sesekali lupakan yang susah. Apabila kita susah, janganlah dengan senangnya menyalahkan orang atau pihak lain. Hukum alam juga sering menyatakan janganlah kita melakukan apa yang kita tidak suka orang lain lakukan terhadap kita. Dengan trend yang semakin hangat kebelakangan ini, saya percaya nilai kawalan atau kekangan kendiri inilah paling mustahak untuk kita sama-sama mempertahankan keharmonian, sama ada dalaman satu organisasi atau

komuniti dan persekitaran. Ini lah sifat orang pemanis yang saya muliakan. Sekian, terima kasih dengan ini saya turut menyokong usul yang dibawa oleh Rengit.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat jemput Tanjung Surat.

**Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat)**: Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker,terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker yang memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada 14.6.2012. Y.B. Datuk Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan sekali lagi yang telah Berjaya membawa pembangunan petroleum dan gas di kawasan Pengerang yang memberi faedah dan keuntungan serta peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan serta dapat meningkatkan taraf ekonomi dan juga taraf hidup seluruh penduduk Pengerang.

Semenjak projek ini dimulakan ramai anak-anak tempatan mendapat peluang pekerjaan, di samping dapat menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dan juga kontraktor yang mana projek pembangunan yang dilancarkan oleh kerajaan baru-baru ini. Projek ini banyak memberi peluang kepada masyarakat di Pengerang ini. Walau bagaimanapun, pihak parti pembangkang telah menghasut dan membuat fitnah serta ingin menggagalkan projek ini dengan cara mengadakan tunjuk perasaan setiap masa dengan dibantu oleh ahli-ahli yang datangnya daripada luar kawasan Pengerang.

Oleh itu, saya ingin meminta kerajaan dan Dialog serta Petronas berhati-hati untuk memilih pekerja-pekerja atau memberi peluang kepada kontraktor atau lain-lain perniagaan kepada mereka yang menentang projek ini. Sebagai contoh, baru- baru ini pihak parti PKR telah menubuhkan Koperasi Pengerang Sdn. Bhd. yang mana Ahli Lembaga Pengarah dan ahli-ahlinya terdiri daripada parti-parti PKR dan juga DAP. Yang ingin mengambil bahagian dalam pembangunan ini sedangkan merekalah orang yang menentang dan yang bertanggungjawab untuk menggagalkan projek yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya koperasi yang baru wujud ini ditolak oleh pihak syarikat atau kerajaan dan tidak diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam kontraktor ataupun perniagaan kepada syarikat yang saya nyatakan tadi. Sepatutnya pihak kerajaan dan juga syarikat berkenaan memberi peluang yang lebih luas kepada koperasi dan syarikat-syarikat tempatan yang menyokong pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Yang Berhormat Datuk Speaker, semua masalah-masalah yang sedang berlaku di kawasan Pengerang sama ada pampasan tanah, perumahan, tanah perkuburan Islam bukan Islam dan lain-lain, perkara ini telah pun diadakan perbincangan di antara kerajaan melalui pegawai daerah ataupun Pengarah UPEN dengan masyarakat yang terlibat untuk menyelesaikan masalah ini. Saya percaya semua masalah ini dapat selesai dengan cara baik. Saya harap pihak parti pembangkang seperti PKR dan DAP jangan cuba untuk merosakkan pemikiran rakyat di kawasan Pengerang dengan tujuan untuk mendapatkan undi dalam pilihan raya ke-13.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyentuh ucapan Yang Berhormat daripada Skudai. Ini masalah pembangunan di Pengerang iaitu Petronas, sebenarnya tuduhan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Skudai tidak benar dan tidak betul. Hanya Yang Berhormat mendengar kata-kata pemimpin tempatan PKR atau DAP yang cuba untuk menggagalkan projek tersebut. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Skudai yang nak belanja makan saya di Pengerang *seafood* katanya.

Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Skudai, masalah tangkapan ikan dan udang kara tidak terjejas pada hari ini. Kalau Yang Berhormat nak makan udang kara pun kita boleh sediakan tanpa import daripada Sabah atau Sarawak. Sebenarnya selama ini kita beli ikan adalah ikan yang *fresh* yang ditangkap oleh nelayan tempatan dan saya lihat hasil tangkapan ikan ini semakin bertambah. Ini menunjukkan hasil nelayan tidak berubah seperti hasil yang didapati sebelum ini. Jadi, saya harap Yang Berhormat tidak membuat perkara-perkara yang luar daripada, sebenarnya berlaku di Pengerang ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setahu saya penduduk Pengerang terutama sekali penduduk Melayu dan hanya sebahagian kaum cina yang setuju menerima projek pembangunan petroleum dan gas di kawasan Pengerang ini. Pada hari ini kita lihat kaum-kaum cina yang mengambil peluang kontraktor yang membina penambakan di laut Tanjung Kapal ke Tanjung Ayam. Saya pun tak faham, dia menentang dan akhirnya dia yang mengambil peluang yang disediakan oleh kerajaan. Saya lebih tahu daripada Yang Berhormat daripada Skudai, hanya datang Pengerang berjumpa dengan pemimpin PKR atau DAP, bukan daripada rakyat di akar umbi. Saya tahu mereka menentang projek ini kerana kepentingan mereka terjejas dan keuntungan kepada mereka yang menjalankan perniagaan haram.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya harap pembangunan yang berlaku di Pengerang ini ialah satu bangunan yang memberi satu keuntungan kepada kita dan pada kerajaan dan saya harap pada parti-parti pembangkang supaya tidak selalu mengambil perkara-perkara yang tidak diketahuinya dan kemudian membuat tuduhan-tuduhan yang tidak begitu sihat. Jadi saya harap selepas ini tidak ada lagi peristiwa-peristiwa yang berlaku di kawasan Pengerang ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apa yang dikatakan oleh ADUN daripada Skudai tadi berkenaan dengan perkuburan cina yang digali di kampung Sungai Kapal, sebenarnya kubur yang digali ini tidak ada di tanda kubur. Saya sendiri datang tengok, apabila nak membina parit, tergali kubur. Kubur ini kubur yang lama hampir 60 tahun yang tidak ada tanda, jadi kontraktor ini mengali, apabila gali baru dia jumpa tulang dan juga sebentuk cincin dekat tulang, katanya ialah cincin nenek moyang mereka. Saya tak taulah, dia kenal ke tak kenal ke mungkin ada nama pada cincin tersebut. Sebenarnya dia tak boleh salah pada kerajaan, atau pada kontraktor kerana mereka tidak ada tanda kuburnya. Kalau orang Melayu ada tanda nisan, kalau orang cina dia ada tanda batu, tapi ini tak ada hanya tanah rata. Jadi kita jangan tuduh kerajaan bahawa zalim kerana itu kesilapan ahli keluarga mereka tidak membuat tanda apa-apa terhadap kubur ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah-masalah lain seperti perumahan yang mana kerajaan telah pun merancang untuk membina rumah, pemindahan penduduk dijangka pada bulan Mac 2013 daripada 3 buah kampung iaitu Kampung sungai Kapal, Teluk Empang dan Kampung Langkah Baik, yang dianggar lebih 800 orang dan kerajaan telah sedang membina rumah mereka di Kampung Dato' Ghani Othman. Dan pada masa ini pihak syarikat telah pun mula menambak dan insya-Allah saya percaya tahun depan pemindahan ini akan berlaku. Walau bagaimanapun, saya jelaskan kepada Yang Berhormat daripada Skudai, di mana rumah yang dibina ini ialah rumah batu dan juga letaknya di atas tanah lot seluas 6000 kaki secara percuma oleh kerajaan dan jika dibandingkan rumah yang ada sekarang di kampung hanya rumah kayu dan rumah separuh batu. Jadi dia patut bersyukur, ramai juga penduduk bersyukur kerana asalnya duduk rumah kayu tetapi sekarang dia dapat duduk rumah batu yang lebih selesa dan luas yang mempunyai 3 peringkat rumah, rumah daripada RM65,000.00, RM80,000.00, dan RM105,000.00. Jadi saya percaya, yakin penduduk di Pengerang ini tidak sehebat apa yang diperkatakan Yang Berhormat daripada Skudai, kerana kami di sini menerima apa saja yang dicadangkan oleh kerajaan, yang boleh menguntungkan mereka, serta boleh mengubahkan sikap mereka daripada yang baik jadi terbaik. Jadi saya harap Yang Berhormat daripada Skudai, kena bincang saya dulu kalau datang kena jemput saya, boleh kita bincang dulu, tak ada masalah. Macam mana kita nak tunjukkan tempat-tempat yang dikatakan oleh pihak parti pembangkang.

Parti pembangkang ni tak habis-habis benda yang tak betul pun dia cakap betul. Jadi, saya berharap Yang Berhormat tahu telefon saya, kalau tak ada nombor telefon saya boleh cakap nombor telefon dan kita boleh tunjukkan apakah, perkara yang diperkatakan oleh parti pembangkang terhadap pembangunan yang terdapat di Pengerang ini. Saya harap di masa akan datang sekiranya ada apa-apa perkara yang kurang faham kita boleh bincang. Sebagai Wakil Rakyat untuk kita jelaskan dengan lebih teliti.

Yang Berhormat Datuk Speaker**,** saya ingin menyentuh berkenaan dengan jawatan Ketua Kampung. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, jawatan Ketua Kampung yang telah ditemu duga oleh Pegawai Daerah dan juga jawatankuasa panel penemu duga telah membuat keputusan telah memilih mereka-mereka yang layak berpandukan fakta-fakta yang telah ditetapkan oleh Pejabat Daerah. Tapi malangnya, di tempat saya ini hampir 2 tahun lebih tidak ada surat pelantikan sebagai Ketua Kampung, sebagai contoh ialah Ketua Kampung Punggai. Yang mana telah ditemu duga 2 tahun yang lepas, tetapi pada hari ini hanya diberi jawatan memangku jawatan Ketua Kampung. Sedangkan ahli panel telah memilih Ketua Kampung yang serba boleh. Sama ada kepimpinannya, keagamaannya, kebolehannya, pengalamannya dan lain-lain fakta. Sepatutnya kerajaan tidak perlu lagi meminta persetujuan daripada ketua bahagian. Ada setengahnya Ketua Bahagian tidak setuju dengan keputusan daerah ataupun dia tak setuju dengan keputusan Ahli Dewan Negeri. Dia akan menyusahkan rakyat.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula pelantikan Ahli Panel terdiri daripada DO, Penghulu Mukim, Penghulu Kanan, Ahli ADUN dan tambah

satu lagi Ketua Bahagian. Panggil Ketua Bahagian ahli panel jadi dia tak ada masalah, ini masalah saya dia diam sampai sekarang dah 2 tahun tak dilantik. Jadi saya harap cadangan ini supaya pihak kerajaan dapat ambil berat kalau DO Pengerusi, dengan ahli panel dilantik, dah buat keputusan terus lantik jangan tunggu terlampau lama akhirnya akan menimbulkan kemarahan rakyat pada Wakil Rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyentuh tempat-tempat sejarah ini saya setiap tahun saya bercakap berkenaan dengan tempat sejarah, kubu peninggalan British di Tanjung Pengelih. Ini saya dah bercakap berkali tapi kerajaan tidak mengambil perhatian kerana saya ingin mencadangkan pada hari ini supaya kerajaan dapat mengambil perhatian untuk membaik pulih tempat pelancongan, tempat sejarah kubu peninggalan askar British yang mana banyak perkara-perkara yang luar biasa yang dapat kita pamerkan untuk masyarakat di Johor, masyarakat Malaysia dan juga masyarakat di dunia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, KEMAS adalah agensi kerajaan yang bantu kita dalam semua perkara. Saya lihat tanggungjawab mereka amat berat tapi malangnya kakitangan dan juga guru-guru tadikanya masih lagi kontrak selama 2 tahun, sedangkan tugas dan tanggungjawab mereka amatlah berat. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kakitangan dan juga guru dalam KEMAS diserapkan ke jawatan tetap bagi, dengan memberi pelbagai kemudahan seperti kakitangan lain. Oleh sebab itu, saya harap pada EXCO yang berkenaan supaya dapat membawa perkara ini kepada kerajaan atau Menteri yang berkenaan untuk dapat dipertimbangkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi saya ingin mengulangi permohonan pembinaan Jambatan Tanjung Belungkor ke Tanjung Surat tapi malangnya hingga hari ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerajaan. Oleh itu, saya mendesak pada kerajaan supaya mempercepatkan pembinaan jambatan tersebut demi untuk kepentingan masyarakat 3 buah kampung di Tanjung Surat, terutama sekali mengeluarkan hasil pertanian dan kemudahan lain, sebenarnya tuntutan ini telah dibawa semenjak bekas Timbalan Perdana Menteri kita, Tun Musa Hitam sebagai Ahli Parlimen Kota Tinggi pada ketika itu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin tahu tentang kedudukan Sekolah Agama Kampung Tanjung Serindit, hanya saya lihat setakat ini hari tiang batu yang tercucuk hampir 1 tahun tidak dibuat apa-apa oleh kontraktor. Oleh itu, saya ingin meminta penjelasan kerajaan kenapa dan mengapa bahawa projek pembinaan Sekolah Agama Kampung Tanjung Serindit ini tidak dapat dilaksanakan seperti yang tercatit dalam papan kenyataan pada masa pembinaan sepatutnya dapat disiapkan pada tahun ini, tapi hanya tinggal tiang-tiang saja bagi menunjukkan bahawa kita gagal untuk melaksanakan apa yang dikatakan oleh kerajaan untuk disiapkan dalam masa yang tertentu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin tahu tentang kedudukan pintu masuk Tanjung Belungkor, dari segi kemasukan Indonesia, rakyat Singapura dan lain-lain bangsa supaya lebih ramai lagi orang luar masuk ke Johor melalui pintu masuk Tanjung Belungkor dan apakah peranan Lembaga Pelabuhan Johor yang begitu dingin serta

membiarkan saja kedudukan Tanjung Belungkor yang menjadi pintu masuk di Selatan Negeri Johor, adakah LPJ sudah tidak berminat atau tidak mampu untuk memperkenalkan Tanjung Belungkor kepada masyarakat tempatan atau masyarakat luar negeri. Saya berharap LPJ dapat menjalankan aktiviti sebelum ini dan juga saya mencadangkan supaya kerajaan dapat melantik Pengerusi LPJ dengan segera untuk menguruskan bahawa pintu masuk Tanjung Belungkor dapat dijalankan dengan seperti biasa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bandar Penawar ialah bandar yang sedang membangun dari segi pembangunan perumahan, saya amat kesal di atas syarikat yang membangunkan projek ini kerana harga kedai, rumah terlalu tinggi jika dibandingkan di bandar Kota Tinggi. Sebagai contoh kedai 2 tingkat di Kota Tinggi di antara RM300,000.00 hingga RM350,000.00 tetapi di Bandar Penawar harga kedai 2 tingkat dah naik RM450,000.00 dan hampir RM1 juta sedangkan kerajaan memberi tanah tersebut dengan harga rendah RM0.50 sen sekaki. Oleh itu, saya meminta pihak KEJORA dan kerajaan dapat mengawal harga kedai yang terlalu tinggi dan memberi keuntungan besar kepada syarikat yang melaksanakan projek ini. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya harga kedai 2 tingkat disamakan dengan harga kedai di daerah Kota Tinggi ataupun daerah-daerah yang berhampiran.

Saya ingin tahu juga tentang kedudukan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah Desaru Utama yang masih belum dibina oleh syarikat terutama sekali penduduk sini memerlukan rumah kos rendah yang kebanyakan mereka tidak mampu membeli rumah yang mahal. Oleh sebab itu, saya ingin mendesak kepada kerajaan supaya mempercepatkan pembinaan rumah tersebut bagi menampung kekurangan rumah di Bandar Penawar terutamanya sekali dengan adanya projek PETRONAS dan Dialog yang sedang berjalan dan memerlukan rumah atau tempat kediaman dengan segera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi ialah saya ingin mengingatkan kembali berkenaan dengan pampasan laluan kuasa tinggi TNB di Kampung Lepau yang terlibatkan 30 orang pekebun kecil yang masih belum menerima bayaran pampasan hingga hari ini, iaitu hampir 8 tahun lamanya. Oleh itu, saya minta pada kerajaan dan juga pihak TNB supaya dapat membayar pampasan sebelum Pilihan Raya ke-13 ini, kerana mereka ini membayar cukai tanah dan juga premium tanah tetapi tanah mereka tidak boleh digunakan atau tidak boleh mendapatkan hasil.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin memberi amaran kepada parti pembangkang terutama DAP iaitu Pengerusi DAP yang mana baru ini kita dengar dia mencuba untuk membakar perasaan orang Melayu mengenai kedudukan Perdana Menteri bukan Melayu. Walaupun tidak tercatit dalam Perlembagaan Negara, cadangan ini boleh menyebabkan orang-orang Melayu tersinggung dengan kata-kata yang dibuat Pengerusi DAP yang mana beliau sebelum mati dia nak melihat bahawa Perdana Menteri mesti bukan Melayu disokong oleh Menteri Besar Kelantan yang menyatakan ia tak kira bangsa asalkan Islam, jadi saya cadangkan kepada Pengerusi DAP supaya dia masuk Islam ia boleh jadi Perdana Menteri itu cadang oleh PAS. Saya ingin mengingatkan Pengerusi DAP jangan cuba mencabar orang Melayu dengan perkara ini, ini akan menimbulkan kemarahan orang Melayu dan Islam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin minta penjelasan pada kerajaan, iaitu mengenai kedudukan tanah ceroboh di Kampung Tanjung Serindit yang mana tanah ini di ceroboh semenjak tahun 1980 sehingga hari ini belum selesai lagi dan saya berapa kali bawa Mesyuarat Pembangunan Daerah dan akhir saya minta kerajaan melalui Dewan yang mulia ini supaya dapat mencepatkan proses permohonan tanah kerana tanah ini telah di ceroboh hampir-hampir 30 tahun. Bagi menyelesaikan masalah ini, saya percaya dan yakin mudah-mudahan pihak kerajaan dapat ambil tindakan segera demi untuk kepentingan rakyat terutama sekali di kawasan Pengerang ini.

Yang Berhormat Speaker, sekali lagi saya ucap terima kasih kepada semua pihak yang dapat bantu kita terutama sekali bagi menyelesaikan masalah pembangunan petroleum dan gas di Pengerang, insya-Allah ini akan diteruskan dan kita bersama-sama rakyat Malaysia, khasnya rakyat Johor memberi sokongan sepenuhnya kepada kerajaan termasuk Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri supaya projek ini diteruskan demi untuk kepentingan orang Pengerang dan kepentingan rakyat Johor dan amnya seluruh Malaysia. Jadi dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN daripada Rengit. Sekian terima kasih.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih, dijemput yang lain. Maharani.

**Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Selamat sejahtera. Bismillahirrahmaanirrahim. Alhamdulillah bersyukur kepada Allah SWT dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana masih diberi peluang untuk berucap dalam Dewan yang mulia ini dalam rundingan menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Ke-5, Dewan Negeri Johor Ke-12. Oleh kerana persidangan ini mungkin yang terakhir sebelum PRU Ke-13 yang akan diadakan mungkin tak lama lagi, jadi Maharani berharaplah supaya perjalanan kali ini akan berjalan dengan penuh harmoni, penuh berhemah, membuat teguran, cadangan yang beri manfaat kepada rakyat supaya rakyat sentiasa di hati kita untuk memastikan memacu negeri ini, negeri yang kita kasihi ini maju ke hadapan dan Maharani berharaplah kalau nak buat pilihan raya tu jangan tunggu musim hajilah, jadi tak delah isu arahan supaya jangan pergi haji kalau pilihan raya diadakan pada musim haji.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Maharani ingin membawa Ahli Yang Berhormat ke bandar Muar yang sekarang telah pun diumumkan sebagai Bandar Di Raja oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul yang lalu dan untuk memastikan bahawa Bandar Di Raja ini akan menjadi bandar kebanggaan seluruh rakyat Negeri Johor dengan penambahbaikan dan juga memastikan bahawa segala prasarana, segala keperluan untuk sebuah Bandar Di Raja ini diadakan, dijalankan dengan segera supaya dapat memastikan bahawa inilah sebenarnya Bandar Di Raja.

Kalau dahulu Bandar Maharani ini telah pun dibuka oleh Baginda Maharaja Abu Bakar pada tahun 1887, maka sekarang ini saya ingin mencadangkan supaya nama Maharani ini dikekalkan, jadikanlah bandar Muar ini sebagai namanya Bandar Maharani, Bandar Maharani Bandar Di Raja, kalau Muar tu maknanya seluruh daerah Muarlah, tapi bandarnya biarlah Bandar Maharani supaya kita, sebagai menghormati jasa-jasa pemerintah kita yang dahulu.

Dengan kemajuan yang dicapai di bandar ini, khususnya keadaan agak berubah dan beberapa perkara yang perlu diperhatikan dalam kita menaik taraf bandar ini, sebagai contohlah perhentian bas dan teksi di Jalan Maharani, di Perhentian Bentayan perlulah di naik taraf kemudahannya dan keadaannya yang lebih sempurna supaya ia menjadi satu kebanggaan sebagai tempat perhentian, tempat laluan masyarakat luar, tempat mereka sampai ke bandar ini dan supaya mereka disambut dengan keadaan yang lebih baik dengan tempat menunggu yang bersih dan selesa dan seterusnya dengan persekitaran dengan lampu yang mencukupi pada waktu malam untuk keselamatan penduduk dan juga pelancong dan juga masyarakat luar yang datang ke bandar ini. Begitu juga gerai-gerai makan di sekeliling tempat pertemuan ini. Perhentian bas dan teksi ini hendaklah di baik pulih, di naik taraf. Kalau dahulunya dapat gred C sahaja sekarang sekurang-kurangnya seluruh gerai ini hendaklah dipastikan supaya lulus gred B supaya lebih dapat menarik pelanggan dan dapat menarik hati pengunjung-pengunjung ke bandar ini.

Begitu juga dengan kemakmuran yang dicapai. Jalan-jalannya bertambah sesak dengan lalu lintasnya, dengan tempat letak kereta yang tidak mencukupi jadi sudah sampai masanyalah supaya sebuah ruang tempat letak kereta bertingkat disediakan yang selesa untuk rakyat dan begitu juga kawasan-kawasan di Dewan Jubli Intan, pastikan ia dibuka hingga ke malam sebab sekarang ini nampaknya ditutup jadi malam kurang tempat *parking*. Begitu juga pembinaan bumbung di jalan sisi, dikatakan Muar sudah ada *UP TOWN* sendiri jadi nampak pengguna agak lambat dan peniaga-peniaga di jalan ini telah merungut ini kerana kekurangan pelanggan dan pendapatannya jauh menurun sejak projek ini dijalankan dan minta disegerakan supaya tidak menjejaskan pendapatan rakyat di sini khususnya.

Warga Muar juga menyambut baik pengumuman Y.D.P. MPM Muar tentang benteng yang mendap berhampiran dengan Jeti Tanjung Emas yang telah pun kami maklumkan pada pihak yang berkenaan, mungkin 2 tahun yang lalu ketika ia mula-mula berlaku tetapi sehingga sekarang barulah diumumkan bahawa ia akan di baik pulih dengan kos RM2 juta, itu pun seawal-awalnya hanya boleh dimulakan pada awal tahun hadapan. Sementara kita menunggu awal tahun hadapan itu, saya yakin keadaan sekarang bertambah teruk dengan hakisan dan kosnya juga akan meningkat bila sampai masanya untuk kita memperbaiki, jadi minta disegerakan dan mohon pihak-pihak berkenaan, Kementerian Pelancongan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dapat menyegerakan bantuan yang dipohon supaya dapat menaik taraf Bandar Di Raja. Tempat ini juga adalah tempat yang cukup popular yang di datangi oleh pengunjung, tempat berekreasi dan juga tempat untuk anak-anak kita sebelah petang tu untuk dia beriadah.

Begitu juga dengan di Muar kita mempunyai sebuah stadium yang cukup cantik, cuma sekarang ini kalau nak buat pertandingan bola, malam tak boleh pasal lampu limpahnya tak berfungsi. Petang ini untuk pengumuman, MPM Muar akan berlawan di Stadium Muar, saya rasa dengan Harimau Muda. Cadangan pakai bulan. Insya-Allah 15 hari bulan kita buat di Stadium Muar. Jadi inilah patutnya dipastikan bahawa ini dapat diperbaiki, begitu juga tempat duduk perlu ditambah supaya stadium ini benar-benar dapat digunakan untuk aktiviti bukan sahaja peringkat negeri ataupun peringkat nasional.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di sana sini kita dapati bahawa kerajaan telah pun memberi atau menyerahkan Borang 5A kepada penduduk- penduduk yang memohon tanah dan di dalam DUN Maharani juga tidak ketinggalan juga, alhamdulillah di mana penduduk-penduduk baru-baru ini, mereka yang tinggal di sekitar Parit Sakai, Parit Laut telah pun menerima Borang 5A itu. Walau bagaimanapun, masalahnya ialah bayaran premium. Ada seorang yang mengadu,untuk tapak seluas 60 x 100 kaki, premium yang beliau perlu bayar ialah RM14,000.00 Jadi ini adalah di luar kemampuan mereka yang menduduki tanah yang diteroka sejak sekian lama. Jadi, saya mencadangkan supaya kerajaan mengikutlah cara Kerajaan Pakatan Rakyat. Apabila diberi tanah diberi kerajaan untuk membayar premium, mereka hanya dikehendaki membayar RM1,000.00 sahaja untuk tanah tersebut. Walau bagaimanapun, kalaulah suatu masa nanti tuan punya ini menjual tanahnya maka mereka kena membayar sepenuhnya premium tanah ini. Jadi ini memudahkan rakyat. Tidaklah dengan keadaan yang meleset ini, rakyat tidak tertekan dan terpinggir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah banyak memberi bantuan kepada rakyat miskin dan miskin tegar dan ikut pengumuman Pengarah JKM Johor, untuk di Negeri Johor ini sahaja sebanyak RM4.3 juta diberi setiap bulan. Cuma masalahnya aduan yang diberi oleh mereka yang menerima bantuan ini ialah bantuan ini tidak diberi tepat pada masanya. Seperti kita, kalau 20 hari bulan tu Jurutulis dah masukkan duit kita, kerajaan dah masukkan duit kita dalam akaun kita begitu juga mereka yang dapat bantuan JKM ini juga mengharapkan supaya tepat pada masanya mereka dapat wang itu untuk kegunaan seharian. Dan kadang-kadang 2 bulan sekali baru mereka dapat. Jadi ini adalah satu masalah yang kelewatan ini memberi masalah kepada mereka. Dalam ucapan Bajet 2012 yang lalu ada menyatakan Bantuan Am Keluarga sebanyak RM115.00 itu akan dinaikkan kepada RM150.00, jadi saya mengharapkan supaya ini telah dilaksanakan dan penerimanya dapat menerima secara automatik sekurang-kurangnya dapat meringankan beban mereka.

Untuk OKU pula kita dapati bahawa kemudahan telah pun disediakan seperti tempat laluan dan juga tempat *parking* pun ada disediakan di bandar Muar, khususnya yang saya perhatikan cuma kadang-kadang masyarakat ini tidak peka, untuk OKU pun dia tak OKU pun dia *parking* juga. Jadi, ini patut pihak berkenaan kena ambil tindakan untuk membantu OKU ini. Baru-baru ini di pekan Bukit Pasir, MPM dah buka gerai baru, permohonan untuk tapak di gerai baru ini dan ada seorang OKU mengadu beliau memohon tapi tidak dipanggil pun untuk temu duga. Jadi sepatutnya OKU ini hendaklah diberi keutamaan dalam permohonan untuk tapak berniaga ataupun gerai yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir-akhir ini kita nampaklah yang disebut sebelum ini bahawa jalan–jalan di kampung, jalan-jalan awam telah mula diturap semula dan keadaan cukup memuaskan dengan baik tetapi masalah sekarang ini ialah apabila jalan diturap maka bahu jalan itu menjadi rendah. Inilah masalah yang didapati oleh penduduk setempat dan ini boleh menyebabkan membahayakan pengguna jalan raya kerana apabila bahu jalan terlalu rendah boleh menyebabkan kemalangan dan boleh menyebabkan maut. Saya mencadangkan supaya setiap projek penurapan semula jalan kampung atau jalan di bandar supaya bahu jalan juga itu termasuk dalam projek tersebut. Jadi apabila kontraktor membuat menurap semula jalan, bahu jalan pun hendaklah di baik pulih juga bersama dengan projek yang diberikan. Jadi inilah dapat memudahkan atau memberi keselamatan kepada rakyat.

Begitu juga papan–papan tanda kita dapati bahawa di simpang-simpang jalan terutama di Muar. Kita ada banyak jalan, kita ada Jalan Seri Tanjung, kita ada Jalan Dato' Haji Kosai, ada Jalan Temenggung Ahmad, Jalan Abdul Rahman, Jalan Joned semua selari. Apabila jalan selari maka jalan yang melintang itu di setiap persimpangan biasanya dahulunya memang ada papan tanda berhenti tetapi sekarang banyak yang sudah hilang sama ada sudah rosak ataupun vandalisme. Begitu juga tempat-tempat persimpangan ini ada yang agak besar, agak luas dan sangat membahayakan dan menyebabkan kemalangan. Jadi saya memberi cadangan supaya papan tanda ini dipasang semula di setiap simpang begitu juga mana-mana persimpangan yang agak luas supaya diletakkan petak kuning supaya masyarakat nampak bahawa inilah simpang dan tidak terlepas simpang yang menyebabkan kemalangan.

Dalam kerancakan menurap jalan ini ada juga beberapa jalan yang tertinggal contohnya di Lorong Haji Mahadi di Jalan Joned tu penduduk mengadulah sebab jiran-jiran dia jalan dah cantik tapi jalan dia ni belum turap lagi. Jadi minta perhatian lah. Begitu juga, baru-baru ini saya balik kampung saya dapati bila singgah di kampung sebelah di Kampung Sungai Pulai, kampung lain nampak dah turap tetapi jalan Kampung Sungai Pulai ini arah ke laut masih belum diturap sedangkan di dalam itu ada sekolah kebangsaan, ada masjid, dan juga ada sebuah madrasah. Mohon dipertimbangkan. Begitu juga permohonan menurap jalan masuk ke rumah. Kalau kita dapati sekarang, alhamdulillah, banyak jalan-jalan yang telah pun diturap, telah pun diturap semula tetapi permohonan baru ada permohonan yang telah memohon lebih setahun pun masih belum dapat tindakan. Jadi contohnya seorang pemohon di Pos 122, Batu 23, Jalan Temenggung Ahmad, Muar ini yang di dalam ada 5 buah rumah telah memohon setahun setengah yang lalu tapi masih belum berjaya. Jadi inilah kita mengharapkan keluhan rakyat ini diberi perhatian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Maharani juga ingin merakamkan terima kasih kepada Jabatan Perparitan dan Saliran Muar yang telah proaktif dalam memastikan bahawa parit-parit di sekitar DUN Maharani di selenggara dengan menggali rumput-rumput kerana apabila hujan lebat kebanyakannya parit-parit itu melimpah dan menyebabkan kebun-kebun tenggelam, menyebabkan kerugian kepada penduduk, kepada petani dan ini telah dijalankan. Walau bagaimanapun, ada juga sebahagian yang belum digali rumput ini seperti di Parit Sakai yang perlukan digali segera sebelum

berlaku banjir. Begitu jalan-jalan di DUN Maharani ini di kawasan pantai di sekeliling Jalan Joned mudah berlaku jalan mendap, tepi parit mendap. Kita mengharapkanlah supaya setiap kali perkara ini berlaku, supaya tindakan segera dilakukan supaya tidak membahayakan masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku ada menyebut tentang kerajaan membina rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat dan juga Rumah Murah Kerajaan dan kami mengharapkan supaya projek ini dapat di jalankan di seluruh daerah bukan tertumpu kepada 1atau 2 daerah sahaja, supaya seluruh rakyat Johor ini dapat manfaat kerana keadaan sekarang ini dengan harga rumah yang melambung naik maka kerajaan perlu membantu mereka dengan membina lebih banyak projek-projek kerajaan yang membina rumah-rumah yang mampu dimiliki oleh rakyat. Dalam ucapan bajet 2010 yang lalu ada sebut tentang Dasar Perumahan Rakyat Johor di Iskandar Malaysia dan mengikut ucapan tersebut dasar ini juga akan diperluaskan ke seluruh negeri pada tahun 2012. Jadi sekarang dah tahun 2012 diharapkan perkara ini telah pun berlaku setelah 6 bulan jadi di daerah lain juga dasar perumahan ini telah dijalankan dan nampak kesannya. Dan penjenamaan semula terhadap rumah kos rendah, kos sederhana rendah bukan sahaja pada kulit tetapi kena pastikan bahawa ia sebenar-benarnya memenuhi keperluan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam perumahan ini sekarang ini di kawasan kampung pun sudah ada projek perumahan, malangnya oleh kerana projek ini projek berskala kecil maka tidak terdapat tapak-tapak untuk kegunaan awam. Begitu juga di Muar, di kawasan Joned tu kawasan sudah menjadi kawasan perumahan yang luas tetapi asalnya kebanyakannya projek berskala kecil jadi tidak ada kemudahan-kemudahan awam, tempat *reserved* untuk padang bola, untuk dewan atau rumah ibadah. Jadi ini kena fikirkan bagaimana kita nak memastikan kawasan yang akan baru, yang akan dijadikan kawasan perumahan supaya *reserved-reserved* untuk keperluan rakyat ini dapat diadakan supaya tidaklah ia menjadi kawasan setinggan bandar setinggan yang berupa rumah-rumah batu. Kalau dulu setinggan rumah kayu sekarang ia seperti setinggan rumah batu kerana tidak ada kemudahan, tidak mencukupi kemudahan-kemudahan awam yang disediakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dari segi pendidikan ada sesuatu yang sangat penting. Kalau dahulu anak kita masuk IPT kita buat kenduri besar, sekarang bila anak kita masuk ke IPT bukan buat kenduri besar tetapi merasa tertekan kerana belanja untuk persediaan ke IPT itu sendiri sudah mencecah 4 angka. Walau bagaimanapun, nampaknya Kerajaan Johor sudah menyediakan bantuan yang diberikan oleh Baitulmal, YPJ dan baru-baru ini juga Perbadanan Islam Johor menawarkan bantuan untuk anak-anak kita yang akan ke IPT tertentu. Jadi apa yang pentingnya apabila mereka yang layak ini seboleh-bolehnya berilah bantuan ini sebelum mereka mendaftar ke IPT. Sebab itulah keperluan yang paling mendesak kerana kalau mereka tidak membayar sebelum mendaftar maka mereka tidak boleh mendaftar. Sedangkan di antara syaratnya ialah daftar dulu dapatkan resit baru permohonan itu akan diberi. Sedangkan Kerajaan Selangor dengan murah hatinya memberi RM1,000.00 hadiah kepada setiap anak-anak Negeri Selangor yang masuk universiti. Jadi permudahkan, kalau peruntukan sudah ada, permudahkan. Begitu juga bantuan mereka anak-anak Johor yang menuntut di luar negara, saya difahamkan mereka yang ambil bidang

agama ataupun bidang profesion yang lain juga ada bantuannya. Jadi saya mengharapkan supaya bantuan ini dapat diteruskan sebab pinjaman mudahkan kerana anak kita yang belajar di luar negara juga berkorban untuk kembali berkhidmat sebagai profesion masing-masing yang akan memberi sumbangan kepada negeri dan negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bantuan yang lain yang juga telah pun dinikmati oleh rakyat ialah Bantuan Rakyat 1Malaysia. Tetapi saya nak menyampaikan di sini ialah yang peliknya ialah ada yang syaratnya dan tak mengikut syaratnya tapi yang peliknya ada mereka yang betul-betul susah oleh kerana mereka belum kahwin mereka tak dapat, yang ada dikatakan salah isi borang, yang ada dikatakan borang tidak lengkap sedangkan sebelum itu borang-borang itu telah pun disemak oleh pegawai yang menerima borang itu di Jabatan Hasil Dalam Negeri. Yang agak mengejutkan, saya diberitahu oleh seorang penerima ataupun keluarganya menerima bantuan BRIM ini bahawa bapa mertuanya telah meninggal pun dapat surat tawaran bahawa permohonan ini diluluskan. Ini ada satu yang agak pelik. Saya ada surat tawarannya di sini.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Mungkin Yang Berhormat mungkin masa dia mohon dulu dia masih hidup jadi bila diluluskan dia dah meninggal.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Dia dah meninggal 2 tahun yang lepas jika BRIM 3 tahun yang lepas mungkinlah.

**Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, yang uniknya orang PAS, orang PKR, orang DAP pun kalau mohon *complete* pun dapat. (Dewan ketawa).

**Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Terima kasih. Jadi untuk BRIM yang kedua ini diminta supaya tulis di borang itu ahli PAS, ahli PKR atau ahli DAP *confirm* dapat. Jadi inilah perkara-perkara yang kena pastikan bahawa mereka yang betul-betul layak dan diberi bantuan ini pada BRIM yang akan datang ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau kita melihat anak-anak kita yang sekolah berjalan waktu pagi-pagi kadang-kadang kita agak bimbang dengan keadaan masalah ponteng sekolah terutama dekat-dekat *cyber cafe*, dekat-dekat tempat yang tersorok di padang permainan yang telah berlarutan. Jadi ini perlu pendekatan daripada Pejabat Pelajaran dan pihak yang berkuasa untuk menyelesaikan masalah ponteng sekolah ini kerana apabila mereka ponteng timbullah kerja lain mencuri, gejala yang masalah sosial yang lain yang perlu kita lakukan. Di antara langkah proaktif yang boleh kita buat mungkin kalau di kawasan rukun tetangga tu di waktu malam kita ada SRS, mungkin boleh difikirkan untuk waktu sekarang ini keadaan berubah, waktu siang kecurian berlaku, malam tak ada, dan waktu siang anak- anak ponteng, jadi kita boleh adakan skim SRS ini, untuk menyelesaikan masalah kecurian di waktu siang, pasal ragut di waktu siang ketika ketua rumah keluar bekerja dan begitu anak–anak kita yang ponteng ini yang perlu diberi nasihat, diberi kaunseling, supaya mereka dapat menjadi masyarakat yang berguna.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker** : Masa dah cukup, Yang Berhormat.

**Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga agak berasa bimbang dengan masalah tanah rizab Melayu, kalau kita lihat dari segi datanya daripada kalau sebelum merdeka, selepas merdeka sekarang ini, keadaan sebenarnya ini seluruh negara, keadaan menurun jadi apakah tindakan yang perlu kita buat sedangkan kita memang hendakkan pembangunan, tetapi tempat yang ada pembangunan itu, walau macam mana pun akan terlibat tanah rizab Melayu, jadi kita mengharapkan supaya, seperti yang telah termaktub dalam perlembagaan supaya tanah ini akan digantikan dengan keluasan yang sama dan keluasan yang sama tetapi nilai yang sama dengan keadaan tanah itu sekarang, itulah yang perlu dipastikan supaya tidak kerugian kepada masyarakat kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin merakam di sinilah mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Jurutulis dan Ahli Jawatankuasa dan ahli Pejabat Jurutulis yang menjalankan tanggungjawab dengan sempurna dan cuma ada satu sahaja kemusykilan saya iaitu tentang jawapan-jawapan kepada Soalan Lisan, Soalan Bertulis yang dahulunya setiap soalan itu, setiap Ahli Dewan akan dapat jawapannya tetapi akhir-akhir ini nampaknya jawapan kepada soalan itu hanya diberi kepada mereka yang bertanya sahaja. Jadi, untuk memastikan ketulusan untuk menyampaikan maklumat, kalau maklumat ini pun Ahli-Ahli Berhormat sendiri tak dapat maklumat yang di tanya oleh rakan-rakan daripada kawasan lain, maka ini adalah satu kerugian. Jadi, saya mengharap supaya Jurutulis dapat memastikan bahawa jawapan kepada semua soalan seperti jawab soalan kepada yang di hantar tu diberi kepada semua ADUN begitu juga jawapannya mestilah diberi juga kepada semua ADUN supaya berlakulah adillah sebenarnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di akhirnya saya ingin menegaskan di sini bahawa kami daripada Pakatan Rakyat adalah satu pakatan yang mengikut Perlembagaan. Kami berjalan, bergerak mengikut Perlembagaan dan tidak ada dakwa-dakwi mengatakan kami ini tidak setia kepada negara dan seterusnya, dalam Pakatan Rakyat sendiri, yang terdiri daripada PAS, PKR dan DAP ini telah pun merakamkan bahawa Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat telah bermuafakat bahawa, kami komited untuk, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan, untuk mempertahankan Perlembagaan Persekutuan, Islam sebagai Agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana di negara ini serta melindungi kedudukan keistimewaan orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara negeri-negeri Sabah dan negeri-negeri Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain sejajar dengan Perkara 153.

Kami telah pun berikrar untuk mempertahankan peranan dan tanggungjawab Institusi Raja Berperlembagaan, tak ada soal jawab tentang ini. Begitu juga, memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu selari dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan memperluaskan Bahasa Melayu sebagai bahasa Lingua Franca serantau, melindungi dan memperkukuhkan penggunaan bahasa ibunda semua kaum serta meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris demi memperbaiki daya saing Malaysia di peringkat global, Itulah akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat menghadapi PRU 13. Ampun maaf dipinta selama masuk lima tahun kita berada di sini, mudah-

mudahan kita akan jumpa di gelanggang kempen di luar sana. Jadi, nasiblah kalau ada yang duduk sebelah sini mungkin duduk di sebelah sana dan mungkin ada yang duduk di atas sana. (Dewan ketawa).

Jadi dengan itu, saya ucapkan terima kasih, mudah-mudahan kita dapat meneruskan tanggungjawab ini dalam masa yang singkat ini. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumussalam, terima kasih Yang Berhormat, jemput.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Terima kasih, terlebih dahulu.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Ahli Yang Berhormat duduk dulu. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan ini selama 15 minit.

**Persidangan ini ditangguhkan pada jam 3:55 petang.**

**Persidangan ini di sambung semula pada jam 4:10 petang.**

**Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.**

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat, perbahasan di sambung semula. Jemput siapa yang berucap ni. 15 minit.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Terima kasih Datuk Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Speaker kerana memberi peluang saya untuk turut berucap dalam perbahasan ini.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan Yayasan Pelajaran Johor bagi tahun berakhir 31 hari bulan Disember 2010 menunjukkan kumpulan pendidikan YPJ Sdn. Bhd. dan kumpulan telah mengalami kerugian terkumpul yang masing-masing sebanyak RM2.28 juta dan RM20.60 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 dan pada tarikh tersebut juga jumlah di defisit pemegang saham KPYPJ dan kumpulan masing-masing adalah sebanyak RM1.28 juta dan RM19.60 juta. Saya di sini ingin bertanya kenapa mengalami di defisit yang begitu teruk?

Dato' Speaker, Saya ingin bertanya di sini berhubung dengan masalah Pegawai Kanan yang dipertanggungjawabkan untuk menempah barang-barang pejabat dengan harga yang lebih tinggi dari harga pasaran.

Apakah tindakan wajar yang telah di ambil pihak kerajaan. Apakah langkah- langkah kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak di ulangi. Selama ini pejabat- pejabat kerajaan sentiasa memasang penghawa dingin yang begitu sejuk sehingga mereka yang bertugas perlu memakai baju kot. Sedangkan rakyat yang berada di situ terseksa kerana kesejukan. Saya ingin menyuruh ketua- ketua jabatan supaya berjimat cermat, jangan membazir elektrik.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat, kalau tak ada *aircond* Ketua Jabatan pun tak boleh kerja. Orang datang nanti dia terlalu panas.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Panas. Jangan terlalu sejuk sangat.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : 23 ke apa, sampai 16, 18 itu bazir...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat dah masuk eh? Sejuk eh?

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Mana Pejabat Imigresen di Kluang sana seperti masuk pejabat tu Persekutuan, sejuk sangat.

**Y.B. Dato' Speaker** : Tak sejuk salah, sejuk salah, oklah.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Macam sini oklah. Saya ingin menyentuh isu Dana Johor. Menurut laporan akhbar yang Berita Harian pada 16.6.2012 yang bertajuk pelabur mampu raih untung RM75.15 setiap unit di bawah skim belian balik Dana Johor RM1.00 mulai 2 Julai depan.

Menurut laporan surat khabar berdasarkan harga RM24.85 sen seunit kelmarin, pelabur mampu menikmati keuntungan RM75.15 atau 304.2 peratus setiap unit. Isu ini telah lama dibincangkan di dalam Dewan ini oleh semua pihak, saya sendiri pernah menyentuh isu ini hampir setiap kali dewan bersidang. Masih saya ingat lagi , pada bulan Jun 2011, masa saya berbahas dan menyentuh isu ini, Y.B Yong Peng dan Y.B Parit Yaani cuba menghalang saya dengan mengatakan pihak mereka dapat menyelesaikan perkara ini.

Y.A.B. Menteri Besar pula dalam Persidangan pada bulan Disember tahun lalu berjanji untuk membayar RM1.00 untuk harga seunit saham ini. Tetapi, menjadi senyap selepas itu, walau bagaimanapun, saya ingin dan ingin turut mengucapkan ribuan terima kasih dan ucapkan tahniah kerana isu ini telah pun dapat diselesaikan...

**Y.B. Dato' Speaker** : Haa... macam tu bagus.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : ... akan tetapi keuntungan yang disebutkan itu adalah tidak benar. Cuba bandingkan RM1.00 pada waktu itu kira-kira 20 tahun yang lalu dengan RM1.00 sekarang. RM1.00 dahulu boleh dapat contohnya tiga ekor ikan selar kuning kecil. Sekarang RM1.00 tak dapat beli satu. Tambahan pula pelabur selama ini membayar ansuran pinjaman bank. Bagaimana pula bunga mereka yang dikenakan selama, ini tiada keuntungan langsung.

Tapi tak apalah, selesai-selesailah, kerajaan telah berjanji masalah strata *title* akan di selesaikan tetapi sehingga sekarang tiada kemajuan langsung. Tanpa strata *title* itu bangunan-bangunan menjadi tidak laku dan tidak bernilai. Susah nak jual, tak ada orang susah nak beli. Bukan saja susah untuk dijual tetapi kena membayar

perbelanjaan untuk menguruskannya. Bilakah kerajaan hendak mengambil tindakan terhadap pemaju-pemaju ini yang tidak mematuhi syarat-syarat di dalam perjanjian jual beli yang memerlukan mereka mengeluarkan Strata *Title* dalam sesuatu tempoh?

Dato' Speaker, kerajaan harus mengambil berat tentang masalah perjudian selepas pembukaan pusat perjudian di Singapura. Ramai rakyat Malaysia keluar pada waktu malam dan pagi juga dengan bas yang khas untuk membawa mereka ke pusat judi tersebut. Hampir ke semua daerah mempunyai perkhidmatan bas *free* ini. Ada bayar RM8.00 yang saya tahu. Ada yang bagi makanan juga. Di Kluang saja setiap hari terdapat tiga hingga lima buah bas yang pergi ke sana. Salah sebuah bas berhenti tiap-tiap malam di pejabat depan pejabat saya pukul 12 sudah tunggu sana.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat bantu sama?

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Tak adalah.

**Y.B. Dato' Speaker** : ... Sapalah tahu.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Lama- kelamaan ramai rakyat kita akan menjadi ketagih dan ia akan menimbulkan masalah keluarga dan masalah sosial. Sebagai seorang peguam, saya dapat banyak aduan daripada isteri yang...

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu)** : Dato' Speaker...

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : *Sorry*, cuma cakap saja. Itu cerita.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu)** : Dato' Speaker, *I* minta dia tarik balik dia tak boleh ...

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : ... Bukan apa, cuma cerita saja...

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu)** : Cerita pun tak boleh sebut...

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Habis nak cakap apa? Ok, saya ada terima orang mengadu, ok, itu sahaja.

**Y.B. Dato' Speaker** : Sebagai Ahli Wakil Rakyat.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Ada orang mengadu suami dia sepatutnya membawa balik itu, ahhh... belanja rumah tapi tak bawa balik. Tambahan pula, lagi teruk sekali tak balik langsung... jangan...

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Simpan perempuan.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Eh, tak ada, tak ada. Jangan kacau, duduk sana. Tak balik langsung sana, sudah ketagih.

Di Negeri Johor kini telah di tubuhkan pusat pemulihan kaki judi. Tengok, terpaksa menubuhkan pusat pemulihan, begitu teruk sekarang...

**Y.B. Dato' Speaker** : Kat mana Yang Berhormat?

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Kat Kulai ada satu, yang saya Kluang ada satu baru tubuh.

**Y.B. Dato' Speaker** : ... dah *report* Polis?

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Kita kena hulurkan wang bantuan orang yang ketagih, ini yang ganjil sekali. Yang saya tahu di Kulai dan di Kluang pun ada, ada berita orang bunuh diri kerana kalah judi dan hilang harta. Bagaimana negara kita dapat menjadi sebuah negara yang maju, sekiranya masalah sosial kita tidak dapat di tangani.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ni kerajaan Singapura salah, buat judi sana. Ini PAP adik beradik DAP, nasib baiklah. (Dewan ketawa). Oklah, terus.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Itu terpulang pada Singapore...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yalah...

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Sini pun ada juga Genting, dulu Genting, sekarang Singapore

**Y.B. Dato' Speaker** : Tapi *slow*lah Genting, dia sana hebat.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Pembiakan Burung walet telah menyebabkan masalah di kawan bandar, hampir ke semua bangunan-bangunan tinggi telah digunakan untuk pembiakan burung ini. Yang teruk sekali, di atas, di tingkap atas, adalah bangunan pembiakan burung walet, di bawahnya pula restoran makanan. Di Johor Bahru, saya pernah nampak macam ini. Ada pula bangunan kedai-kedai dua tingkat dijadikan sebagai bangunan pembiakan, tetapi bangunan di sebelahnya digunakan sebagai tempat kediaman. Demi untuk kesihatan dan ketenteraman rakyat di bandar dan di kawasan perumahan, adalah di cadangkan kerajaan supaya mengehadkan pengeluaran lesen pemeliharaan burung walet ini, dan dikhaskan pemeliharaannya di tapak kebun atau di kawasan-kawasan yang berjauhan dari tempat kediaman atau Bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu isu, walaupun pihak Polis Negeri Johor telah mengumumkan penurunan kadar jenayah tetapi tidak dapat dinafikan bahawa masih banyak kes-kes seperti ragut yang menyebabkan kecederaan parah kepada si mangsa. Terdapat juga kes-kes kecurian motosikal, kereta-kereta yang terletak di kawasan perumahan. Ada juga yang berani melakukan pecah rumah di siang hari dan mencuri sewaktu tuan rumah bekerja, tiada di rumah. Rakyat jelata sentiasa tidak pasti dengan keselamatan diri dan harta benda mereka. Saya ingin menyeru pihak Polis supaya membuat rondaan siang dan malam di kawasan-kawasan yang sering

berlaku kes jenayah itu kerana ini dapat menakutkan penjenayah. Semalam, saya pukul 12 lebih, ada Polis ronda di kawasan saya. Saya rasa baguslah cara itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak ada, dia tahu Yang Berhormat nak berucap ini hari, jadi dia *round* lah sekejap. (Dewan ketawa).

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah banjir masih belum diselesaikan di Kluang. Sungai Mengkibol masih menjadi punca kerana terlalu cetek dan sempit. Apabila hujan lebat turun selama 2/3 jam sudah pasti berlaku banjir di kawasan yang rendah seperti di Yap Tau Sah, Kampung Palembang, Kampung Sembrong dan kampung-kampung yang berdekatan. Berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan untuk projek menggali Sungai Mengkibol ini. Hendaklah kita memastikan projek itu berhasil. Saya ingin mencadangkan, supaya sekiranya ada menggali lagi sungai ini secara mendalam, kita buatkan banteng-benteng supaya dia tanah tidak jatuh. Jadi, tak jadi ceteklah. Jadi sekali sahaja, habis semua cerita.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh senang ya.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Jangan bazir. Kalau tak ada tiap-tiap kali dia runtuh sahaja. Berapa kali untung, rugi sahaja wang rakyat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat doalah jangan hujan. Jadi tak adalah roboh.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Tidak. Ada seorang kontraktor 'A' bagi tahu saya, dia kata, kalau macam ini a, dia boleh kerja sampai pencen. Sungai itu sahaja.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat jangan kacaulah.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Kita fahamlah. Maknanya, itu usaha, itu projek itu, cara itu tak betul. Kena…

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok lima minit lagi.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Saya ingin menyentuh tentang itu catuan air. Catuan air sering berlaku di Kluang. Kadangkan 2/3 hari berturut-turut. Mengapa tidak boleh selang sehari supaya kesulitan rakyat dapat dikurangkan ke tahap yang minima. Di Hari Raya yang akan datang ini, dan perayaan Tahun Baru Cina dan lain-lain hendaklah memastikan bekalan mencukupi tanpa apa-apa catuan berlaku. Pekerja di Pejabat Syarikat Air Johor (SAJ) hendaklah bersikap, mintalah bersikap positif dan sanggup membantu. Saya baru-baru ini, saya sendiri telah tidak dilayan sewaktu saya bersama kerani saya di pejabat tersebut untuk bertanyakan masalah catuan air. Layanan yang diberikan kepada saya hanyalah dengan sambil lewa sahaja. Apabila ditanyakan kepada mereka, tiada siapa pun yang berani untuk membuat penerangan kepada saya. Saya kan Wakil Rakyat, cakap sahaja apa yang boleh cakaplah, supaya saya beri makluman kepada rakyat saya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak, dia tengok juga Wakil Rakyat. Ha, ya, ini DAP. Tak mahu layanlah. (Dewan ketawa)

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Shhh. Jangan bisinglah. Sebenarnya, saya pergi, saya pun hormat mereka. Saya tanya secara baik juga apa-apa tau. Tapi…. Baik. Apabila ditanyakan kepada mereka, tiada sesiapa pun yang berani untuk membuat penerangan kepada saya. Seorang kakitangan wanita menghubungi pegawai atasan, dan memberitahu saya pegawai tersebut pulang di sebelah petang. Pada jam 2:30 petang pula, apabila saya pergi sekali lagi, kakitangan wanita itu masih belum balik lagi dan tiada orang yang sanggup menjawab apa-apa. Oh, sedihnya saya. Tak tahu macam mana kecewa.

Apakah ini perkhidmatan mesra kepada rakyat? Tidakkah sepatutnya pegawai atasan itu memberitahu saya kedudukan sebenar walaupun melalui telefon. Saya puas hati.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat ini semua Pegawai Kerajaan, Yang Berhormat tak suka ya. Teruk Yang Berhormat. Kesian kita Pegawai Kerajaan.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Saya ingin sentuh sini masalah yang berlaku di perhentian bas di Kluang sini ya. Ini, di mana masih berlaku kebocoran di lantai siling perhentian bas tersebut yang menyebabkan air kotor telah turun melalui lubang dan membanjiri kawasan tersebut. Dan ini menyebabkan kawasan tersebut berbau busuk. Lebih-lebih lagi ianya terkena di tempat bas persiaran yang sedang menunggu penumpang. Hampir setiap tahun saya telah membuat aduan kepada pihak Majlis Perbandaran Kluang. Dan, tindakan yang ambil itu hanya dapat bertahan sementara sahaja, tetapi tidak lama kemudian kebocoran berlaku lagi.

Baru-baru ini saya telah menyiarkan di dalam surat khabar cina bertarikh 15.06.2012. Saya meminta pihak MPK menubuhkan satu pasukan khas untuk mengkaji masalah ini dan mendapatkan laporan *engineer* dan pandangan mereka supaya masalah dapat diselesaikan sekali gus.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat keluar surat khabar mana?

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Surat khabar cina, lupa dah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Padanlah tak keluar. Yang kerja semua cakap orang Melayu, dia mana faham surat khabar cina.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Saya ada hantar, hantar dulu, ada hantar *complain* kepada MPK jugalah secara surat sahaja. Tapi tak ada, *sorry* lah, tak ada layanan yang baik. Saya terpaksa pergi surat khabar. Saya bukan suka pergi surat khabar yang mereka cakap pergi tengok lubang-lubang tu, tak ada.

**Y.B. Dato' Speaker :** Macam Skudai ya. Surat khabar saja ya. Bagus Yang Berhormat, bagus.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Kalau, sekarang saya ingin menjawab sedikit lah itu balasan, kata Jementah kata…siapa..

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, Yang Berhormat. Yang jawab Jementah, kerajaan. Bukan Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Bukan. Dia tuduh kita.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak, Yang Berhormat cerita saja lah. Jangan cakap, saya nak menjawab. Macam kerajaan lah.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Ok. Saya menjawab beberapa tuduhan di sini yang, ada Yang Berhormat yang mengatakan kita pergi ambil gambar. Lepas itu, naik motosikal suruh orang pergi ambil gambar lubang. Itu mungkin satu dua perkara sahaja. Tidak kan, takkan Yang Berhormat tak ada kerja lain ke?

**Y.B. Dato' Speaker :** (ketawa) Yang Berhormat DAP kan mana ada kerja lain. Itu je kerjanya.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Tak betul tu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha.., yalah.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Ada satu dua individu keslah. Kes yang tertentu. Jangan cakap anggap seperti kita semua pergi tengok longkang, tengok ini lubang.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Dato' Speaker saya tadi bukan sebut ini, Yang Berhormat yang pergi tengok, cari lubang. Dia punya anggota pasukan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh…

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Saya?

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Tak, tak, tak, tak, tak.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, Mengkibol.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Lagi. Ada sikit lagi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, Lagi 2 minit.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Dan satu lagi ya, menyentuh tentang kata, isu itu Pengerang punya masalah di situ. Bukan kita nak cari apa, publisiti. Baru-baru tadi, di Dewan situ, saya nampak wakil-wakil datang dia tanya, macam mana boleh suarakan di sini. Mereka cuma khuatir sahaja macam mana dengan tapak ganti untuk sekolah-sekolah mereka, tempat ibadat, tapak perkuburan. Macam mana dengan alam sekitar? Nelayan, mereka masih dapatkah menangkap ikan selepas itu? Takut pencemaran air nanti matilah tak dapat, apa mata pencarian. Ha, itu mereka takut.
Itu, wakil-wakil Pengerang yang cakap. Ada yang cakap peluang kerja. Macam mana sekarang? Kalau tak tangkap ikan, nak kerja apa?

Ha, itu semua saya harap kerajaan selesaikanlah. Kemajuan..kalau kita nak kemajuan, kita juga kena nak jaga kehidupan rakyat jugalah di samping itu. Ada Yang Berhormat juga yang menyentuh isu, kata kita janji kosong, memancing undi, isu-isu tidak berasas, itu terpulanglah. Sama ada isu itu betul ke tak betul, terpulang pada rakyatlah. Rakyat tahu kalau kita cakap bohong, tak boleh lepas.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, macam Selangor ya. Itu banyak bohong jadi jangan pilih lagilah eh?

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Dan…

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok dah habis.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Tentang isu, satu isu itu yang saya rasa penting eh. Kata kita, apa tu, orang Cina, apa tu, sekarang, apa tu, bukan orang Cina, nanti.

**Y.B. Dato' Speaker :** Habis orang apa?

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Haha. Nanti, nanti. Ketua DAP, ya, ya, Pengerusi DAP mengatakan, bukan orang Melayu pun boleh jadi Perdana Menteri. Itu, dia seorang peguam, dia cuma pandangan dia dari segi undang-undang sahaja. Kita tak boleh cakap benar, tak benar, betul, tak betul. Itu pandangan dia. Tapi pada hakikatnya, kita mesti tahu, negara ini majoriti orang Melayu. Walaupun siapa-siapa pun kita hendak, kita harus hendak terima seorang Melayu jadi Perdana Menteri. Ini tak ada masalah. Sekian sahaja itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Itu sudah berhenti. Dah habis? Eh. Kelam kabut, baru saya mahu tegur apa-apa. Dia dah terus duduk. Ha ah. Tak ada sokong, tak ada apa, berdebuk saja dia terus berhenti. Ha, yalah. Gitulah kalau dah tersilap. Ok, perbahasan diteruskan lagi. Dijemput. Mana dia, Kempas. 15 minit, Kempas.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, selamat petang. Dengan izin, *tacha wan san hau, nandre*. Satu Malaysia.

**Y.B. Dato' Speaker :** Haiyaa...

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana mengizinkan saya bercakap lebih daripada 15 minit tadi….

**Y.B. Dato' Speaker :** Kurang daripada 15 minit.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : ...** dan saya harap, dah hujung-hujung ni saya rasa biarlah bagilah kesempatan yang agak lebih sikitlah..

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, Yang Berhormat tunggu soranglah sampai pukul 6. Kita orang balik dah.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa amat besar hati kerana diberi peluang untuk membahaskan usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor, semasa merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan kelima Dewan Negeri Johor kali yang ke-12 pada hari khamis, 14.06.2012 yang lepas.

Kalau kita lihat daripada penggal Persidangan ini yang kelima, bermakna ini dah masuk 5 tahun kita berada dalam Dewan ini. Dan ini adalah tahun yang terakhir. Bila-bila masa berkemungkinan besar akan diadakan pilihan raya. Di samping itu, kita lihat juga ini adalah penggal yang ke-12 bermakna kita sudah pun menjangkau 12 kali pilihan raya. Bermakna daripada segi kedewasaan Negara kita ini kita sudah boleh dikatakan dewasa. Kita beralih kepada segi pembangunan kita, saya rasa tidak ada perbezaan dan juga kita rasa amat berbangga walaupun kita baru sahaja 12 kali pilihan raya, tapi diibaratkan, pembangunan, kesejahteraan, keamanan yang kita kecapi bersama oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini, umpamanya kita ni sudah pun merdeka 400 tahun lebih.

Di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Maha Mulia banyak menyentuh berbagai-bagai perkara yang menjurus kepada kebaikan negeri dan juga Negara kita. Di mana salah satu daripada perkara yang ditimbulkan oleh Duli Yang Maha Mulia ialah tentang transformasi pembangunan terhadap negara kita ini. Bermakna kalau kita lihat daripada segi pemantauan Duli Yang Maha Mulia, bukan sahaja Duli Yang Maha Mulia sebagai Ketua Agama di negeri kita, tetapi, Baginda juga begitu, dengan izin, *alert* dengan ekonomi Negara kita. Baginda mengatakan bahawa 30% daripada RM87.56 bilion, di mana daripada 2006-2012, Kerajaan Negara kita membelanjakan wang untuk pelbagai dalam sektor ekonomi, 30% daripada wang ini adalah dibelanjakan untuk Negeri Johor semata-mata.

Kita sebagai rakyat Negeri Johor, memang sudah sepatutnyalah, sama ada kita ini terdiri daripada orang UMNO ke, orang PAS ke, DAP, PKR, rasa amat berbangga dan rasa amat bertuah kerana kita dianggap sebuah Negara yang mempunyai potensi dalam soal ekonomi yang amat besar. Maka, itu sebablah kerajaan kita, membelanjakan 30% daripada 13 negeri yang ada ini. Kalau diikutkan, kita adalah negeri yang begitu banyak bagi pihak Kerajaan Persekutuan membelanjakan untuk pembangunan Negara kita ini. Jadi oleh itu, saya rasa sebagai rakyat Negeri Johor ini, rata-rata, kalau mahu melihatkan supaya banyak lagi dan juga keyakinan Kerajaan Persekutuan untuk menyuntik dana-dana yang besar itu ke Negeri Johor ini, maka sudah barang tentulah kita, mesti bukan sahaja mengekalkan akan keadaan politik kita yang stabil di Negeri Johor ini, keadaan kerjasama dan perpaduan yang jitu yang selama ini boleh dianggap sebuah negeri yang betul-betul menjalin hubungan kaum yang begitu erat sekali. Begitu juga dalam soal, pelaksana–pelaksana, di mana kakitangan kerajaan yang selama ini dapat menjalankan kerja yang dipertanggungjawabkan di bahu mereka ini dengan baik dan juga tinggi disiplinnya.

Jadi saya rasa dengan adanya, dengan keadaan sebegini rupa, tidak payahlah Negeri Johor ini nak diganggu gugat lagi oleh mereka-mereka yang datang daripada luar, yang cuba memporak-perandakan dan juga merampas kuasa yang ada di

tangan kerajaan Barisan Nasional yang selama ini sudah terbukti, kita sudah dapat menjalankan segala yang baik untuk Negeri Johor ini. Begitu juga rakyat, janganlah termakan dan terasuk akan dakyah-dakyah yang songsang. Pembohongan-pembohongan yang besar yang dilakukan oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab, yang bukan anak jati Johor, yang selama ini tidak sama-sama memikul beban dan tanggungjawab untuk kita memajukan Negeri Johor ini. Akhirnya, mereka melihat Johor ini berpotensi besar. Sebuah negeri yang maju, ramai pemodal asing yang datang dan juga yang akan datang ke negeri ini diibaratkan Negeri Johor ini sebagai sebiji mutiara yang bukan sahaja hari ini sudah nampak sinarnya, tetapi yang akan datang juga akan lebih bersinar, mereka beria-ia datang ke mari. Pada suatu ketika dahulu, Negeri Johor boleh dikatakan sebuah negeri pertanian yang kurang pembangunan. Mengapa pada ketika itu mereka tidak sudi untuk sama-sama memikul tanggungjawab untuk membangunkan negara ini.

Di samping itu, saya lihat juga perkara-perkara yang lain dalam soal-soal kemajuan yang telah pun dicipta atas pertolongan Kerajaan Persekutuan, ini termasuklah sebagaimana titah baginda, soal kita memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Sejumlah 6,867 unit rumah telah dapat dibina dengan kadar sewa sebanyak RM124.00 sebulan sahaja. Begitu juga dalam soal yang lain contohnya, banyak di kalangan rakyat-rakyat kita ini yang tidak mempunyai tanah, meneroka tanah di kampung-kampung baru di pinggir bandar, di pinggir kampung dan sebagainya seluas 30,020 ekar daripada tahun 2010 hingga 2012 sahaja kerajaan sudah pun mengurniakan geran untuk mereka mendapatkan tanah itu. Ini juga ada di dalam teks titah ucapan baginda. Di samping itu, saya lihat pada hari ini, bukan sahaja beberapa perkara yang kita nampak sebagaimana yang saya katakan ini tadi telah dibuat dan juga akan dilaksanakan tetapi banyak lagi perkara-perkara yang baik.

Saya amat setuju sebagaimana yang dikatakan dalam ucapan ADUN daripada Maharani tadi, tak payahlah di kalangan pakatan rakyat mengatakan kalau pakatan rakyat ini menang dalam pilihan raya dan menjadi kerajaan mereka akan menubuhkan kerajaan kebajikan. Kita sudah lama menubuhkan, dan kita sudah bukan sahaja bercakap, sudah pun melaksanakan segala tanggungjawab, sebagaimana yang dinyatakan tadi dengan bantuan dihulurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada bukan sahaja golongan orang miskin, orang kurang upaya bahkan kepada anak-anak kita yang masih bersekolah yang memerlukan bantuan datangnya daripada golongan ibu bapa yang berpendapatan rendah juga kita memberikan, bukan sahaja daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, tetapi juga daripada sektor-sektor yang lain umpamanya seperti Yayasan Pelajaran Johor, Perbadanan Islam Johor dan sebagainya. Pendek kata, banyak lagi perkara-perkara yang akan kita laksanakan kiranya Negeri Johor ini di dalam Pilihan Raya yang Ke-13 nanti kita akan mendapat 100% kemenangan iaitu kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang akan datang nanti. (Dewan bertepuk).

Maka kalau ini diinginkan oleh rakyat di luar sana, maka jangan toleh ke kanan, jangan toleh ke kiri, jauh sekali toleh ke belakang, terus kita memacu ke hadapan, sokonglah kerajaan Barisan Nasional yang hari ini sudah membuktikan segala kejayaan yang dicipta khususnya di dalam Negeri Johor bahkan saya menyeru rakyat dan juga pengundi di luar sana supaya memilihlah kerajaan yang sudah terbukti akan kejayaan

ini supaya dapat mengembalikan empat, lima negeri yang telah pun terlepas, bukan kerana, bukan kerana kecekapan, kerana kebaikan dan juga kerana budi dan juga jasa yang dibuat oleh pembangkang tetapi berkemungkinan rakyat tersilap langkah. Jadi saya harap dalam Pilihan Raya yang ke-13 ini, rakyat dan juga pengundi di luar nanti di sana tidak akan tersilap langkah lagi, kalau mahu melihat negara dan juga Negeri Johor ini akan terus memacu ke satu arah tuju kemajuan yang lebih pesat daripada apa yang kita rasai dan juga kita lihat pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita lihat pada hari ini, sudah tidak ada isu yang digembar-gemburkan yang boleh menawan dan juga mempengaruhi sangat-sangat kepada rakyat. Saya tengok satu parti, kita ini ada Pusat Khidmat Wakil Rakyat, di mana memang kita dimestikan di setiap Wakil Rakyat yang mewakili kerajaan Barisan Nasional menubuhkan Pusat Khidmat Wakil Rakyat, dia hendak mengelirukan rakyat pengundi, dia tubuh Pusat Khidmat Aduan Rakyat. Konon-konon mereka boleh menyalurkan dan juga boleh menyelesaikan masalah rakyat. Di sebaliknya dia mengucar-ngacirkan serta dia juga memporak-perandakan serta memecahbelahkan rakyat tempatan.

Saya mengambil contoh, tentang sebagaimana ketua Pemuda Pas mencabar Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Haji Abdul Ghani Othman suruh berdialog, berdialog untuk membahaskan soal isu tanah, soal isu pampasan, soal isu rumah terbengkalai dan sebagainya. Sebenarnya apa yang cuba untuk diperdebatkan itu, semuanya sudah selesai. Satu contoh, di mana 480 keluarga terdiri daripada 3 kawasan kampung di dalam kawasan saya iaitu, Kampung Pasir Berunai, Kampung Serdang dan juga Kampung Serdang Baru, pada tahun 2005 Yang Berhormat sudah pun memberikan surat hak milik di mana tanah ini dulunya diterokai secara haram oleh mereka. Tetapi atas keprihatinan dan juga baik hati kerajaan melalui Yang Amat Berhormat, kita kurniakan hak milik. Ini pihak pembangkang tidak mengutarakan, di sebaliknya mereka mengorek dan mencungkil perkara-perkara yang lama seperti perumahan panjang 999 keluarga ACDC pada tahun 1974, di mana kita Allahyarham Menteri Besar Johor pada ketika itu, membuat rumah panjang sebanyak 999 unit, memindahkan mereka-mereka yang duduk di kawasan pinggiran di satu kawasan dalam kawasan saya sementara dan sebahagian daripadanya kita sudah pun memberikan rumah yang harga pada ketika itu RM17,000.00 kita tawarkan RM7,000.00 sahaja iaitu di perumahan pangsapuri Melati, Cempaka, Taman Melur dan sebagainya.

Tetapi ada sebahagian yang dibakar, dibatu api oleh pihak pembangkang pada ketika itu, seramai 100 orang enggan untuk berpindah. Akhirnya mereka mengambil seorang peguam iaitu Wakil Rakyat daripada Jelutung untuk membela mereka supaya mereka dapat tanah itu, sehingga sanggup membelanjakan ratusan ribu untuk membayar yuran peguam daripada Yang Berhormat wakil Parlimen Jelutung itu, akhirnya mereka kalah. Sepatutnya kalau sudah kalah, kita kerajaan tidak boleh lagi untuk memberikan apa-apa pertolongan kepada mereka-mereka ini kerana mereka sudah melawan kerajaan tetapi kita prihatin dan kita sentiasa membela nasib walaupun rakyat itu menentang kita. Kita tidak mahu dan tidak sanggup untuk melihat rakyat kita tidur di bawah jambatan, di tepi sungai dan sebagainya. Dengan kemurahan hati Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Haji Abdul Ghani

Othman pada tahun 2007 mengeluarkan sebanyak RM2.1 juta, untuk membeli 100 biji rumah pangsa di Kangkar Pulai untuk memindahkan mereka ini dengan tawaran sewa sebanyak RM100.00.

Begitu baik kerajaan Barisan Nasional, sampai hari ini dijadikan isu, konon-kononnya mereka ini dianiaya. Yang Amat Berhormat Menteri Besar berjanji untuk bagi tanah tempat mereka itu, sedangkan mereka sudah kalah dalam mahkamah. Inilah isu-isu lama yang ditimbulkan yang sepatutnya mereka sebelum bercakap mereka seharusnya membuat penyelidikan yang khusus. Jadi, kalau ini perkara yang tidak benar diheboh-hebohkan kepada rakyat, rakyat tidak mengetahui dengan sebenar-benarnya, maka sudah tentulah akan menjadi perpecahan pergolakan, perbalahan di antara masyarakat setempat.

Selain daripada itu, contohnya satu lagi rumah terbengkalai di Desa Kempas. Selama ini sudah tiga, empat mesyuarat saya sudah mengadakan dengan SUK Perumahan dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri dan juga beberapa jabatan-jabatan yang terlibat untuk menyelesaikan masalah projek perumahan yang terbengkalai. Dan sudah sampai satu ketika Kementerian Perumahan Dan Tempatan memberikan surat tunjuk sebab sekiranya gagal dalam tempoh 3 bulan bermula bulan Januari tahun 2012, pemaju ini akan dibatalkan lesen pembangunan dan juga kita akan memberikan kepada pemaju yang boleh meneruskan. Tetapi kegagalan ini masih lagi kita dalam proses untuk kita membela semua pembeli-pembeli yang di situ. Tetapi pihak pembangkang mengambil kesempatan mengatakan kita tidak prihatin, kita mengabaikan tanggungjawab kita, kita tidak mendengar akan segala rintihan dan kesusahan yang dialami oleh rakyat.

Sebenarnya perkara-perkara seperti ini bukanlah satu isu yang kita sendiri tidak melakukan dan bertanggungjawab dalam soal ini. Banyak perkara-perkara lain yang sudah pun kita buat, saya harap perkara ini bukan sahaja berlaku di dalam kawasan saya..

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok, emm..

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Tetapi juga banyak berlaku di kawasan lain dan saya harap Wakil-Wakil Rakyat di kawasan lain di mana kawan-kawan saya menjadi Wakil Rakyat di situ, kalau ada perkara-perkara seperti ini harap kita cerita dan juga kita tegaskan kepada rakyat supaya rakyat tidak keliru..

**Y.B. Dato' Speaker :**Yang Berhormat ajarlah dia orang eh? Ok, Yang Berhormat dah habis 15 minit.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Saya sebenarnya banyak lagi nak cakap.

**Y.B. Dato' Speaker :**Memang saya tahu, kalau banyak memang semua tak boleh bercakap.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Baru mukadimah.

**Y.B. Dato' Speaker :**Dah 15 minit, dah lebihkan 2 minit tu.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Sebenarnya baru mukadimah sahaja ini.

**Y.B. Dato' Speaker :**Itu bukan mukadimah, ceramah.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Pasal apa kalau nak dibandingkan, kawasan saya ni ada dekat 50,000 pengundi, jadi banyak masalah jika nak dibandingkan dengan Endau dengan 9,000..

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak, yang lain tu pun lagi banyak, Pasir Gudang banyak, Tebrau banyak, Nusajaya..

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Jadi saya telah berbincang dengan semua Wakil Rakyat dia cakap kalau ADUN Kempas nak cakap lebih boleh tapi kena minta izin dengan Yang Berhormat Dato' Speaker katanya kalau setuju.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, Nusajaya setuju? Ada Nusajaya? (Dewan ketawa). Awak setuju? Saya potong awak punya *time*.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) :** Tak campur.

**Y.B. Dato' Speaker :** Uih, takut ek? Ok Yang Berhormat, dah 15 minit, ha Yang Berhormat, kasi orang lainlah sikit.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Kejap Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Haah.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Saya di sini juga ingin nyatakan beberapa perkara supaya satu pendekatan untuk melakukan sesuatu perkara yang boleh menyelesaikan masalah di mana perkara ini juga amat perlu kerana kita tidak mahu ini juga dijadikan sebagai satu isu, sebenarnya kita cuba hendak menangani dengan secepat dan sebaik mungkin sebenarnya iaitu isu tentang Perumahan Rakyat Kempas Permai di mana kita ada 2,252 unit yang sudah didiami ialah 952 unit selebihnya masih kosong. Yang kosong ini ada 3 blok, dah 2 tahun belum diisi bukan tidak ada pemohon, sebenarnya sudah berlebihan di dalam tangan saya dah dekat 3,000 pemohon yang berkelayakan dan boleh kita berikan untuk mereka tinggal di situ, tetapi oleh kerana ada kecacatan dan kecelaan kerana berkemungkinan kita tidak memantau dengan secara rapi maka banyak vandalisme berlaku terhadap 3 blok ini.

Jadi, saya harap supaya dapat kerajaan berikhtiar untuk mencari lebih kurang RM1.2 juta bagi membaik pulih akan kecacatan yang berlaku kepada 1,200 unit rumah yang terbengkalai ini. Sebabnya saya difahamkan perkara ini juga berlaku semasa sebelum penyerahan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Jadi sekarang ini kecacatannya ini berlaku sebelum itu, kita sudah terima Kerajaan Persekutuan kata

"saya dah serahkan, surat hak milik pun saya dah bagi, itu tanggungjawab awak". Kerajaan Negeri kata "saya terima ini semasa benda itu berlaku, jadi tak tau mana satu yang nak mengeluarkan wang, saya harap perkara ini dapatlah diselesaikan dan saya sudah banyak kali membawa perkara ini tetapi masih lagi belum ada tindakan yang dapat menyelesaikan masalah ini".

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, ok Yang Berhormat, sebelum tangguh ni, nak minta habiskan.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Jadi, saya rasa begitu juga sebagaimana yang dinyatakan oleh ADUN daripada Tanjung Surat sebagaimana dijanjikan 2 sekolah agama yang sudah pun dinaikkan *sign board*, papan tandanya tetapi tidak ada lagi iaitu Bukit Kempas, Bukit Mewah dan juga Taman Anggerik. Sepatut tahun lepas dia janji sampai akhir tahun, ini dah nak habis tahun pun belum nampak.

**Y.B. Dato' Speaker :**Ya eh?

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Saya difahamkan 120 sekolah agama akan didirikan termasuk 2 yang ini dengan belanja RM 240 juta. Duit dah ada tetapi kenapa sekolah agama yang dia belum dibangunkan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha nampak, Pengerusi tengah angguk tu, ha. Bukan angguk, buat belum tahu lagi.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Saya minta perkara ini dipandang serius, jangan angguk-angguk aja, main angguk pun tak boleh bukan? Tak selesai masalah, yang boleh buat terus.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dia tak angguk pun, saya cakap.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Angguk-angguk, geleng-geleng kita tak main, Barisan Nasional, Kerajaan Barisan Nasional tak main, kita nak terus.

**Y.B. Dato' Speaker :**Ok, dah habis?

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Jadi oleh kerana kesuntukan masa, kita juga ingin memberi peluang kepada Ahli-Ahli yang lain kerana ini merupakan penggal yang terakhir, jadi saya..

**Y.B. Dato' Speaker :**Apa? Penggal apa? Mana Yang Berhormat tahu penggal yang terakhir, ada lagi, lama lagi ni.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Dewan terakhir, panjang lagi.

**Y.B. Dato' Speaker :**Eh? September ada.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Bagi sayalah, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akurlah kerana saya dan beberapa orang lagi dah macam kuda tua, dah lama.

**Y.B. Dato' Speaker :** (ketawa).

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Jadi saya..

**Y.B. Dato' Speaker :**Kuat lagi semua.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Saya akur dengan perintah daripada yang Berhormat Dato' Speaker untuk memberhentikan ucapan saya ini, dengan itu saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN daripada Rengit. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :**Ha, Waalaikumussalam. Diteruskan lagi perbahasan jemput Yong Peng.

**Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) :** Selamat petang, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia. ADUN Yong Peng mengucapkan jutaan kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada ADUN Yong Peng menyertai perbahasan pada petang yang mulia ini. ADUN Yong Peng mengucapkan jutaan terima kasih pada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana sudi turun ke padang ke DUN Yong Peng pada 16 hari bulan Februari dan 18 hari bulan Februari yang mana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar banyak menyelesaikan masalah DUN Yong Peng. Atas usaha gigih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar masalah tanah kediaman Kampung Baru Kangkar Baru, Kampung Melayu Kangkar Baru dan Kampung Baru Lam Lee telah selesai. Baru-baru ini, penduduk-penduduk kampung Baru Kangkar Baru dan Lam Lee telah terima hak milik mereka. Penduduk-penduduk Kampung Baru tersebut minta ADUN Yong Peng sampaikan salam terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang mana mereka kenang jasa baik Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Dua tiga kucing berlari, mana nak sama si kucing belang, dua tiga boleh ku cari, mana nak sama Dato' MB seorang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ya...

**Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker DUN Yong Peng kini berkembang dengan pesat dengan sokongan padu Kerajaan Negeri Barisan Nasional, ekonomi penduduk makin mantap dengan harga kelapa sawit RM580.00 satu tan dan getah RM3,500.00 satu tan. Penduduk-penduduk DUN Yong Peng telah menjangkau 60,000 orang. Oleh sebab taman-taman perumahan di dalam kawasan Majlis Daerah Yong Peng telah menjangkau hampir 50 taman, maka perlu diadakan sistem keselamatan terkawal. Baru-baru ini, telah berlaku beberapa kes rompakan bersenjata di taman-taman dan kampung baru pekan Yong Peng. Penduduk-penduduk rasa ketakutan, mandi tak basah, makan tak lalu, tidur tak lena.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat tidur lena?

**Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) :** Tak lena juga, sebab ada panggilan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Mana tak lena, seorang. Betullah tak lena.

**Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) :** Oleh yang demikian, ADUN Yong Peng merayu agar ditambahkan anggota Polis dan juga pemasangan CCTV agar menyenangkan hati penduduk-penduduk. ADUN Yong Peng juga terima rintihan bahawa pekebun-pekebun kecil tiada jalan rizab kerajaan untuk laluan pekebun-pekebun kecil sehinggakan mereka terpaksa tumpang menggunakan jalan-jalan Estet Sime Darby Division C, Kangkar Baru, Yong Peng dengan bayaran RM5 untuk lori, RM 3 untuk Hilux, RM1 untuk kereta sehari dalam masa terhad iaitu dari 7:30 pagi hingga 4:30 petang. ADUN Yong Peng meminta jasa baik agar jalan rizab kerajaan diadakan supaya memberi manfaat kepada 500 orang pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan 2,000 ekar kebun di kawasan sekeliling dengan Sime Darby Division C, Kangkar Baru, Yong Peng terhad. ADUN Yong Peng meminta agar Tol Yong Peng Utara dilebarkan, khasnya laluan lalu lintas masuk dari Parit Yaani ke Tol Yong Peng Utara untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas khasnya pada cuti awam.

MPOB dengan izinnya, *Malaysia Palm Oil Board* telah memainkan peranan yang penting bagi pembangunan perusahaan kelapa sawit di negara kita. Ini terbukti bahawa di DUN Yong Peng berlakunya wabak serangan ulat bungkus di Mukim Chaah baru Yong Peng pada tahun lepas hingga awal tahun ini yang mana MPOB telah bantu menangani wabak serangan ulat bungkus dengan semburan udara. Pekebun-pekebun, amalan baik ini dipuji oleh pekebun-pekebun kecil kelapa sawit seramai 216 orang meliputi seluas 2,186.46 hektar di mukim Chaah Baru dan 180 pekebun kecil seluas 944.14 hektar di mukim Chaah. Pekebun-pekebun kecil meminta ADUN Yong Peng sampaikan salam terima kasih kepada MPOB yang bantu menyelesaikan masalah mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, MPOB kini menghadapi kekurangan juruterbang yang boleh menjalankan penyemburan rendah sehinggakan mengupah juruterbang dari seberang laut untuk menjalankan kerja ini. Yang mana kebanyakan juruterbang kita hanya boleh terbang tinggi. Ini telah menjejaskan kerja-kerja kawalan ulat melalui semburan udara rendah. ADUN Yong Peng mencadangkan Kementerian Pertahanan kita dapat membantu perkara ini. ADUN Yong Peng mencadangkan lebih banyak peruntukan disalurkan pada MPOB khasnya dalam aspek penyelidikan, kawalan perosak dan penyakit. *Road show* dengan izin, perlu diadakan selalu untuk memberi kesedaran kepada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit tentang serangan perosak dan penyakit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini ADUN Yong Peng memohon menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Rengit. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Bagus betullah. Perbahasan diteruskan lagi. Dijemput Yang Berhormat, siapa nak berucap?

**Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri pada 14 Jun 2012 yang lalu dengan jelas Dato' Speaker, malah dengan nada suara yang tegas menekankan hal-hal yang mementingkan kebajikan rakyat, kesejahteraan rakyat. Dengan meletakkan masa depan rakyat dan Negeri Johor sebagai agenda utama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak pembangkang masih lagi bermimpi, gagal memahami dan menghayati satu-satu rancangan kerajaan. Khususnya pembangunan yang dirangka setakat ini. Mereka hanya mampu membangkitkan isu-isu berasaskan kepada fakta yang tentunya tidak tepat lagi meleset. Janganlah pihak sebelah sana mengapi-apikan sentimen dengan tujuan menggagalkan rancangan kerajaan. Rancangan kerajaan yang dapat membawa banyak manfaat dan faedah kepada rakyat dan Negeri Johor.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat hendak berucap berapa minit? 5 minit ke 10 minit?

**Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) :** Penuhlah masa Dato'. Dato' Speaker, 15 minit.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga hari esok, Selasa 19 Jun 2012, jam 9.30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 5:05 petang.**

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12**

| HARI KETIGA | SELASA, 19 JUN 2012 | BIL. 18 TAHUN 12 |
|---|---|---|

**HADIR**

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Dato' Haji Ahmad Zahri bin Jamil, DPMJ., PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Datuk Hoo Seong Chang, PJN., PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat, PJN., JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Datuk Koh Chee Chai, PJN., PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu, PJN., PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Tuan Haji Marsan bin Kassim

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

**Persidangan dimulakan pada jam 9:30 pagi.**

**DOA.**
(Jurutulis baca doa).

**Y.B. Dato' Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli Yang Berhormat Persidangan kita diteruskan.

**Jurutulis : SOALAN LISAN.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, jemput.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Berapakah jumlah pelajar di negeri ini yang sedang menuntut dalam jurusan perubatan di luar negara dan apakah ada cadangan dari Kerajaan Negeri untuk menaja pelajar dalam jurusan perubatan melalui Yayasan Pelajaran Johor?

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Encik Chia Song Cheng, jemput.

**Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) bagi pihak Y.B. Encik Chia Song Seng (Pengkalan Rinting) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Apakah program-program Yayasan Pelajaran Johor yang disediakan bagi membantu rakyat seperti biasiswa atau pinjaman dan apakah syarat dan kelayakan yang diperlukan?

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, Melayu? (Dewan ketawa).

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk menjawab kedua-dua soalan tersebut bersekali.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, setiap tahun Yayasan Pelajaran Johor memang ada menyediakan pinjaman kepada pelajar-pelajar Johor ke luar negara untuk mengikuti kursus terutama dalam bidang perubatan dan pengajian Islam khususnya di Mesir, Indonesia dan juga Rusia. Pelajar yang sedang dibiayai melalui pinjaman YPJ bagi kursus perubatan di luar negara sehingga bulan Mei 2012, adalah seramai 60 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM963,000.00 setahun sebagaimana berikut: Pelajar di Mesir, seramai 27 orang dengan perbelanjaan RM474,000.00, Indonesia, 22 orang dengan perbelanjaan RM267,000.00, Rusia, 7 orang dengan perbelanjaan RM135,000.00, Bangladesh, 2 orang dengan perbelanjaan RM42,000.00, Australia, 1 orang dengan perbelanjaan RM30,000.00 dan India 1 orang dengan perbelanjaan RM15,000.00.

Kadar tajaan YPJ yang diberikan adalah di antara RM15,000.00 sehingga RM30,000.00 setahun. Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, selain daripada Yayasan Pelajaran Johor, Majlis Agama Islam Johor juga ada menaja pelajar Johor ke Mesir dalam bidang perubatan. Dan, berhubung dengan data pelajar Johor yang sedang menuntut dalam jurusan perubatan di luar negara, untuk makluman kita tidak mempunyai angka yang tepat kerana ada juga pelajar tersebut pergi sebagai pelajar persendirian. Walau bagaimanapun, kita sedia maklum bahawa pihak JPA, MARA, Amanah Raya dan juga agensi-agensi yang lain juga ada menyediakan program menaja pelajar untuk belajar di luar negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain itu, YPJ juga mempunyai pelbagai program, aktiviti dalam bentuk biasiswa, pinjaman dan sebagainya untuk pelajar-pelajar daripada Negeri Johor. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk pinjaman pelajaran pada tahun 2009, seramai 758 pelajar telah menerima kemudahan pinjaman daripada YPJ dengan kosnya RM8,153,487.00, tahun 2010, 716 pelajar dengan kosnya RM9,243,520.00 dan bagi tahun 2011, 1,068 pelajar dengan kosnya RM12,048,00.00. Dan, YPJ juga menyediakan program di bawah Biasiswa Dato' Onn Negeri Johor. Dan, untuk Biasiswa Dato' Onn ianya diberikan kepada pelajar yang cemerlang di Sekolah Menengah sepertimana berikut: bagi tahun 2009, seramai 2,540 pelajar dengan kos berjumlah RM1,120,560.00; tahun 2010, 2,374 pelajar dengan kosnya RM1,055,060.00; dan tahun 2011, 2,035 pelajar dengan kosnya RM1,232,200.00.

Dan, YPJ juga menyediakan Program Tuisyen Kampung dan Ibnu Sina di bawah Program Hikmah. Di mana YPJ memberikan program ini kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan UPSR, Tingkatan 4 dan SPM bagi aliran sastera dan juga Program Ibnu Sina diperkenalkan bagi murid aliran Sains di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah sepertimana berikut: di mana pada tahun 2009, seramai 34,715 pelajar terlibat dengan 664 kelas dengan jumlah kos RM3,550,667.00; pada tahun 2010, 14,825 pelajar terlibat dengan jumlah kelas 593 dengan jumlah kos RM2,509,976.00; dan pada tahun 2011, 15,375 pelajar dengan 615 kelas yang terlibat dengan kos RM3,044,045.00.

Dan, di samping itu juga, YPJ mempunyai Program Kecemerlangan di mana YPJ mengadakan Program Kecemerlangan Pelajar seperti Seminar Peperiksaan, Kemahiran Bahasa Inggeris, Motivasi dan Teknik Belajar kepada murid-murid sekolah serta Taklimat Kerjaya kepada pelajar Johor di IPT di mana pada tahun 2009, ianya melibatkan 3,800 pelajar dengan kos RM165,000.00; tahun 2010, 9,350 pelajar dengan kos RM650,000.00; dan bagi tahun 2011, 10,724 pelajar dengan kos RM586,445.00. Dan, di samping itu juga, YPJ menyediakan bantuan pendaftaran pelajar ke IPTA, di mana pelajar yang layak memasuki IPTA di peringkat Ijazah dengan syarat-syarat yang ditetapkan akan menerima RM1,000.00 dan bagi Diploma, RM800.00 dan bagi Sijil, RM500.00.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, Yang Berhormat Kempas.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya difahamkan bahawa 2 tahun dahulu, pinjaman untuk para pelajar bagi melanjutkan pelajaran mereka mengikut Program PJJ, Pendidikan Jarak Jauh telah pun

dihentikan. Kalau kita lihat mereka-mereka yang mendapat program PJJ ini sebahagian besar daripada mereka adalah sudah pun bekerja tetapi berkemungkinan mereka tidak mampu untuk membiayai pelajaran mereka, mereka mohon untuk mendapatkan pinjaman tetapi pinjaman tidak dikeluarkan lagi semenjak 2 tahun dahulu. Kalau kita lihat daripada segi pembayaran balik besok, saya rasa mereka-mereka ini adalah pembayar yang saya rasa amat baik sebab mereka sudah pun bekerja. Apakah tindakan ataupun cadangan kerajaan ataupun saya cadangkan supaya kerajaan ataupun YPJ meneruskan pinjaman kepada Skim Program PJJ ini kerana ramai di kalangan penuntut-penuntut ataupun mereka-mereka yang memohon ini berjumpa dengan Wakil-Wakil Rakyat dan bertanyakan supaya program ini dapat diteruskan. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Banyak, nak pergi Mesir semua tu ha ah.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mengakui bahawa YPJ telah pun memberhentikan pinjaman kepada pelajar-pelajar PJJ semenjak 2 tahun yang lepas. Ini disebabkan oleh kurangnya permintaan daripada pelajar PJJ dan juga mereka-mereka yang memohon untuk pembiayaan di bawah Program PJJ ini kebanyakannya mereka yang telah pun mempunyai pekerjaan, pendapatan tetap dan stabil dari segi pendapatannya. Walau bagaimanapun, atas permintaan dan juga pandangan daripada Ahli Yang Berhormat, insya-Allah saya akan bawa balik perkara ini untuk pertimbangan Jawatankuasa Biasiswa dan juga Lembaga Pengarah YPJ supaya program ini dipertimbangkan untuk dimulakan semula.

**Y.B. Dato' Speaker :** Maharani.

**Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, jurusan perubatan merupakan satu jurusan yang sangat popular di kalangan pelajar dan juga di kalangan ibu bapa dan juga inilah satu keperluan negara. Dan, akhir-akhir ini ramai ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke luar negara untuk mengikuti kursus perubatan bagi mereka yang tidak dapat mengikuti kursus ini di IPTA dalam negara oleh kerana, juga oleh kerana bayaran untuk kursus perubatan di IPTS adalah terlalu tinggi. Maka, sebab itulah, *trend* yang baru sekarang ini ialah bagi ibu bapa menghantar anak mereka ke luar negara seperti ke Mesir atau ke Indonesia di mana kos lebih murah. Adakah yang saya soalan tambahan, adakah YPJ masih menaja pelajar-pelajar baru setiap tahun untuk mereka yang mempelajari jurusan perubatan di luar negara? Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dah sebutkan tadi bahawa YPJ sememangnya ada menaja pelajar-pelajar dalam kursus perubatan sepertimana jawapan saya yang awal tadi. Dan, program ini berterusan namun begitu kemampuan kita agak terhad kerana kebanyakan pelajar ini adalah pelajar-pelajar persendirian yang telah pun pergi dahulu atas mungkin inisiatif daripada ibu bapa mereka untuk mereka melanjutkan pelajaran. Bagi pelajar-pelajar yang cemerlang di bawah tajaan mungkin JPA ataupun MARA dan sebagainya mereka mungkin mencatat keputusan yang amat cemerlang di mana ianya mendapat tajaan dan

biasiswa daripada agensi-agensi kerajaan yang lain. Dan, biasanya bagi pelajar yang kita taja ialah pelajar yang dihantar oleh ibu bapa namun mungkin disebabkan oleh faktor-faktor tertentu maka kita beri pertimbangan khas dan pertimbangan ini biasanya mendapat kelulusan daripada Pengerusi YPJ sendiri iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Di mana kita tidak menaja kos sepenuhnya tetapi kita menaja mungkin antara RM15,000.00 hingga RM30,000.00 sahaja bagi seorang pelajar setahun bagi pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di universiti seperti di Indonesia, di Mesir dan juga di Rusia. Memang kes-kes tertentu bergantung kepada faktor latar belakang keluarga, pendapatan dan juga tanggungan keluarga itu sendiri, Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Permas.

**Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya difahamkan bahawa pinjaman-pinjaman khususnya bagi pelajar-pelajar di luar negeri walaupun diberhentikan sekarang tetapi telah diberi pada masa-masa dahulu. Daripada 60 yang telah menerima pinjaman, boleh tak saya dapat angka berkaitan dengan pecahan kaum kerana ada satu penanggapan bahawa masyarakat selain daripada Bumiputera kurang dapat pinjaman ataupun peluang daripada YPJ.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat ini soalan tambah baru, soalan asal tak ada sebut kaum.

**Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) :** Kalau boleh dapat?

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, yalah, oklah, terpulang kepada itu.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya program ini tak berhenti tetapi kita pertimbangkan berdasarkan kes-kes atas persetujuan daripada Pengerusi seperti yang saya sebutkan tadi. Saya memang tidak mempunyai data tetapi saya menafikan bahawa ianya diberikan hanya kepada kaum Bumiputera ataupun berdasarkan kaum-kaum tertentu. Malah ramai juga permintaan daripada kaum India khususnya yang belajar di Rusia yang telah pun diluluskan oleh YPJ atas persetujuan daripada Pengerusi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri.

**Y.B. Dato' Speaker :** Hem, Sungai Abong, *slow* aje.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya. Bagi pelajar-pelajar yang ditaja oleh YPJ dalam bidang perubatan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, adakah apa-apa kontrak ditetapkan bagi pelajar-pelajar ini contohnya kena bekerja dengan Kerajaan Negeri Johor atau sebagainya. Seperti di Melaka, pelajar-pelajar perubatan yang ditaja oleh Kerajaan Negeri Melaka disyaratkan bekerja di Negeri Melaka untuk dua, tiga tahun dan seumpamanya. Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Yang Berhormat Dato' Speaker, di Johor mungkin berlainan sedikitlah daripada Melaka. Kita memberi pinjaman, kita tak beri biasiswa untuk pelajar di luar negara. Di mana pinjaman tersebut bergantung kepada latar belakang keluarga seperti saya nyatakan tadi, di antara RM15,000.00 hingga RM30,000.00 dan mereka tidak terikat dengan Kerajaan Negeri untuk bekerja di mana-mana agensi kerajaan ataupun hospital kerajaan. Tapi, mereka kena bayar balik pinjaman yang mereka perolehi. Bagaimanapun, bagi pelajar di dalam negeri yang mengikuti kursus-kursus yang lain, kita sebenarnya telah pun memperkenalkan Skim Pinjaman Boleh Ubah di mana pinjaman tersebut boleh menjadi biasiswa sekiranya pelajar tersebut mendapat keputusan yang cemerlang, adalah dia punya syarat-syarat dia dan CGPA yang sepatut dicapai oleh pelajar tersebut, Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim, jemput.

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Apakah perkembangan terkini status peruntukan RM17,000.00 kepada setiap generasi ke-2 untuk kemudahan prasarana lot tapak rumah di FELDA Tenang, FELDA Chemplak Barat dan FELDA Chemplak yang diumumkan YAB Perdana Menteri sewaktu lawatan beliau sempena Pilihan Raya Kecil DUN Tenang?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan :** Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan Dewan Undangan Negeri Tenang mempunyai tiga rancangan FELDA iaitu FELDA Tenang, FELDA Chemplak dan juga FELDA Chemplak Barat. Seramai 498 orang generasi ke-2 di FELDA, ketiga-tiga rancangan FELDA tersebut telah pun diluluskan bagi kawasan untuk tapak rumah mereka.

Dan, mengenai peruntukan RM17,000.00 untuk kemudahan prasarana untuk kepada setiap generasi ke-2 yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa yang lalu, pada masa ini Konsultan Teknikal FELDA telah selesai membuat pemeriksaan tapak serta cadangan reka bentuk infrastruktur bagi setiap kawasan tersebut. Dan Konsultan yang sama juga dalam peringkat menyediakan dokumen tender bagi kerja-kerja berkaitan seperti jalan, bekalan air dan juga bekalan elektrik bagi lot rumah yang diperuntukkan kepada generasi ke-2 bagi ketiga-tiga Rancangan berkenaan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, deras sikitlah bangun. Lambat no dia nak bangun.

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) :** Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker. Beberapa rungutan ya telah pun diterima oleh generasi ke-2 di ketiga-tiga Rancangan tersebut mengenai kemudahan prasarana di kawasan tersebut. Soalan saya, diharap pihak FELDA ini dapat mempercepatkan urusan kemudahan prasarana di kawasan tersebut. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Pilihan raya pun dah nak datang.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan :** Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana telah saya nyatakan tadi, sebelum ini setiap lot tersebut telah pun kita buat pemeriksaan dan insya-Allah, setelah selesai kesemua urusan-urusan dan pihak Ibu Pejabat FELDA akan menyegerakan untuk permohonan pembinaan prasarana tersebut.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, oklah. Yang Berhormat Encik Ng Lam Hua, jemput.

**Y. B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Dato' Speaker, soalan saya nombor 4.

Untuk menambah bekalan makanan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran, bolehkah Kerajaan Negeri memberi tapak tanah yang kecil dan sesuai kepada individu yang berminat seperti Rancangan Buku Hijau yang dulu?

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

Sila nyatakan butir-butir mengenai permohonan tanah Tanaman Kekal Pengeluaran (TKPM) dan Zon Pengeluaran Makanan (ZPM) di dalam Negeri Johor setakat bulan Mei 2012?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menjawab soalan 4 dan 5 bersekali. Pada tahun 1980-an sehingga 1990-an, Kerajaan Negeri Johor pernah memperkenalkan Program Buku Hijau di bawah Dasar Pelan Pembangunan Negara di mana kerajaan menyediakan tanah kepada setiap peserta seluas ½ hingga 1 ekar untuk bertanam. Tanah tersebut merupakan tanah TOL di bawah pengurusan Pejabat Daerah pada masa itu. Sehinggalah berlanjutan hingga tahun 1990-an dan seterusnya peserta projek telah memohon kepada kerajaan untuk dijadikan tanah tersebut menjadi hak milik mereka.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2008 kerajaan telah melancarkan satu lagi program baru iaitu Program Bumi Hijau di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan Malaysia. Di mana pada waktu itu berlaku kenaikan harga barang yang amat drastik. Program yang dilancarkan adalah bertujuan untuk menggalakkan penduduk Negeri Johor bercucuk tanam bagi mengeluarkan sendiri bahan makanan segar yang berkhasiat dan selamat. Dengan itu, dapat meringankan beban kewangan penduduk akibat kesan kenaikan harga barangan makanan. Selain itu, ia juga dapat mentransformasikan landskap kawasan kediaman terutamanya di kawasan persekitaran rumah dengan tanaman yang boleh memperbaiki ekonomi mereka. Kaedah perlaksanaan projek ini adalah secara individu, komuniti, institusi dan sekolah. Projek ini juga melibatkan penduduk bandar dan luar bandar dan tanaman yang digalakkan adalah sayuran jenis daun dan buah, herba dan juga ulam-ulaman.

Kerajaan telah memperuntukkan bantuan dengan pemberian kit Program Bumi Hijau bernilai RM30.00 kepada individu dalam bentuk biji benih sayuran, baja organik dan

alat perkebunan dan juga racun makhluk perosak serta risalah cara menanam dan pembajaan. Manakala pemberian bantuan kepada projek komuniti ataupun JKK, 20 peserta minima dengan keluasan minima 20m x 20m sebanyak RM500.00 setiap projek.

Oleh yang demikian, buat masa kini kerajaan tidak ada lagi menyediakan tanah untuk petani-petani seperti Program Buku Hijau yang dulu. Jabatan Pertanian terlibat secara langsung dalam sektor pertanian iaitu hanya lebih kepada memberi khidmat nasihat, pengembangan kepada petani dalam memajukan tanah untuk tanaman makanan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Johor ada menyediakan tapak tanah kepada individu yang berminat untuk bergiat tanaman makanan dengan mewujudkan TKPM ataupun Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan.

Kerajaan Negeri Johor telah membuka empat lagi kawasan tanah baru yang melibatkan daerah Kota Tinggi dan Mersing untuk membangunkan Projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan yang seluas 1,097 hektar keseluruhan. Pecahan keluasan mengikut kawasan iaitu TKPM Jemaluang, 620 hektar; TKPM Tenggaroh, 192 hektar; TKPM Sedili Kecil, 207 hektar; dan TKPM Sungai Lebak, 78 hektar. Ini kita mulakan pembukaan ini pada 2011 dan Jabatan Pertanian telah menerima sebanyak 794 permohonan manakala jumlah bilangan yang hadir ke temu duga sebanyak 586 peserta. Jumlah keseluruhan temu duga telah dilaksanakan secara individu, koperasi dan syarikat di mana daripada jumlah ini pecahannya ialah pemohon Cina, kaum Cina seramai 243; Melayu, 114; India, 17; Koperasi, 5; dan syarikat, 209.

Manakala Zon Pengeluaran Makanan pula, berdasarkan laporan pada bulan November 2011, jumlah keluasan tanah bagi Program Zon Pengeluaran Makanan adalah sebanyak 10,353.56 hektar. Jumlah pecahan mengikut daerah iaitu Segamat, 1,523.54 hektar; Muar, 1,248.51 hektar; Kluang, 1,181.86 hektar; Mersing, 3,709.94 hektar; dan Kota Tinggi, 2,689.71 hektar.

**Y.B. Dato' Speaker :** Bukit Batu.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Mengikut amalan yang dikeluarkan daripada *Food Agriculture Organization*, atau Pertubuhan Makanan Pertanian Sedunia yang mengatakan dunia akan menghadapi krisis makanan. Sebab itu saya nak tahulah, bagaimana langkah-langkah kerajaan untuk memastikan tanah-tanah yang diberikan kepada pengusaha-pengusaha benar-benar diguna pakai dengan sepenuhnya. Sebab, apa yang kita lihat ada sebahagian kawasan yang telah digunakan tidak diusahakan dengan sebaiknya.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Dato' Speaker, TKPM ini setiap peserta, dia memohon dan apabila diterima setelah mengikut kelayakan, ada syarat-syaratnya. Syarat-syaratnya iaitu apabila pengusaha ini tidak mengusahakan lebih daripada 6 bulan maka pengusaha ini akan diganti dengan pengusaha lain kerana tujuan Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan ini ialah untuk menghasilkan makanan khususnya untuk Negeri Johor untuk memastikan rakyat Negeri Johor mendapat bekalan makanan. Jadi mana-mana individu yang menjadi peserta

TKPM ini tidak mengusahakan, maka secara automatik lebih daripada 6 bulan maka pihak Jabatan Pertanian ada hak untuk menggantikan dengan peserta lain yang berminat. Jadi, ini adalah untuk memastikan pengeluaran makanan di Negeri Johor berterusan dan tanah-tanah ini bukan diberi hak milik dan tanah yang disebutkan tadi 1,097 hektar ini keseluruhannya adalah masih milik kerajaan. Kita hanya memberi kepada individu ini secara pajakan. Sekiranya mereka tidak *perform* ataupun tidak diusahakan, kerajaan ada hak untuk menarik balik dan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha yang berminat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yong Peng.

**Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng):** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Apakah keberkesanan rancangan Buku Hijau dan TKPM untuk menangani inflasi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Huh, senang je soalan dia.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Pada dasarnya, Rancangan Buku Hijau telah menjadikan sebahagian besar rakyat Negeri Johor telah dapat menghasilkan ataupun membangunkan tanaman sendiri dan tidak terus bergantung kepada bekalan daripada pasar-pasar. Dan, ini sebenarnya memberi satu amalan budaya yang baik kepada rakyat Johor supaya dapat bercucuk tanam selain menghijaukan keliling rumah. Dan mengenai keberkesanan dalam memastikan kesejahteraan kehidupan rakyat seperti saya sebutkan tadi, komitmen kerajaan pada tahun 2011 apabila berlaku bencana alam di beberapa negara jiran yang mengakibatkan harga makanan naik, maka Kerajaan Negeri Johor serta-merta membuka 1,097 hektar lagi untuk khas Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat Johor mendapat bekalan makanan yang berterusan dengan harga yang lebih murah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Mengkibol.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Terima kasih, soalan tambahan. Soalan saya ialah adakah kerajaan masih dapat mengenal pasti tapak tanah yang sesuai untuk bercucuk tanam bagi pihak individu sahaja, sebab setakat ini kerajaan terlalu menitikberatkan syarikat sahaja. Pengusaha syarikat secara besar-besaran. Jadi, saya rasa individu juga penting kerana mereka juga dapat menyumbang kepada pendapatan Negeri Johor sekiranya mereka dapat bercucuk tanam dan menghasilkan bahan-bahan makanan dan dapat mengeksport ke negeri *Singapore,* Negara *Singapore* atau pergi negeri lain di Semenanjung Malaysia.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani** : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang sebenarnya tujuan Kerajaan untuk membangunkan TKPM ini lebih menjurus untuk menampung, menampung keperluan individu-individu. Syarikat-syarikat ini kerajaan kita telah ada buka secara besar-besaran seperti Pertanian Moden di Air Hitam, Bio Desaru di Desaru itu tumpukan kepada syarikat-syarikat. Tapi TKPM memang kita beri keutamaan kepada individu-individu dan setiap lot kita telah ada garis panduan tidak melebihi 5 hektar dan untuk TKPM yang baru yang kita buka dan kita telah temu duga, ini lebih kurang 790 daripada 794 permohonan ini 80% adalah

daripada individu dan kita akan beri keutamaan kepada individu-individu ini untuk diberi tapak di TKPM.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat Encik Tang Nai Soon.

**Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas)** : Yang Berhormat, soalan nombor 6.

Apakah usaha kerajaan negeri untuk mengatasi masalah kekurangan rumah rakyat / rumah mampu milik / rumah kos rendah di kawasan luar bandar demi membantu penduduk-penduduk kampung khasnya golongan muda merealisasikan hasrat memiliki rumah sendiri?

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu)** : Yang Berhormat, soalan nombor 7.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan golongan berpendapatan sederhana dan rendah mampu memiliki rumah selaras dengan Dasar Perumahan Rakyat Johor yang berkuat kuasa pada 1 April 2012?

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap)** : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 8.

Jumlah rumah mampu milik di kawasan Iskandar Malaysia yang telah siap dibina dan perancangan program ini untuk masa akan datang bagi membantu golongan berpendapatan rendah. Adakah program ini akan juga dijayakan di seluruh Negeri Johor?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akan menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Pekan Nenas, Bukit Batu dan Machap berkenaan dengan Dasar Perumahan Johor secara yang dibangkitkan oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Perumahan Johor yang diguna pakai kini sebelum diperkenalkan dasar baru khusus untuk Iskandar ini, telah diguna pakai semenjak tahun 1997, yang mana telah ditetapkan sebanyak 40% Rumah Kos Rendah dan Rumah Sederhana Rendah hendaklah dibina oleh pemaju swasta dalam projek pembangunan mereka. Sekiranya komponen Rumah Kos Rendah dan Rumah Kos Sederhana Rendah dalam dasar sedia ada diteruskan terutamanya di kawasan Iskandar, dikhuatiri akan berlaku ketidakseimbangan dari segi tawaran dan permintaan hasil daripada kajian yang dibuat oleh pihak IRDA.

Bagi mengatasi lebihan bekalan Rumah Murah dalam bentuk bertingkat dan kekurangan bekalan Rumah Sederhana, maka kerajaan telah mengambil langkah dengan menubuhkan satu jawatankuasa yang menilai semula Dasar Perumahan Johor sedia ada. Jawatankuasa ini telah ditugaskan untuk melihat kepada permasalahan semasa yang menyebabkan kekurangan bekalan Rumah Mampu Milik. Selain

daripada kegagalan pihak pemaju yang berkenaan untuk membina rumah murah, projek-projek Rumah Kos Rendah yang terbengkalai juga telah diambil kira dalam merangka dasar baru ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Dasar Baru ini adalah merupakan dasar pertama dalam transformasi Dasar Perumahan Johor dalam kawasan Iskandar dan fasa keduanya sedang giat dijalankan oleh pihak jawatankuasa yang saya sebut tadi, masih dalam penelitian jawatankuasa ini yang akan meliputi Dasar Perumahan untuk dilaksanakan ke seluruh Negeri Johor. Dasar Perumahan yang baru ini Yang Berhormat Dato' Speaker memberi fokus kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana dengan objektif untuk menyediakan tempat tinggal yang lebih baik, lebih selesa dan mampu untuk dimiliki oleh golongan ini.

Justeru itu Dasar Baru telah membuat beberapa penambahbaikan antaranya:

1. Penjenamaan semula komponen Rumah Kos Rendah dan Sederhana Rendah kepada Perumahan Komuniti Johor daripada 40% kepada 15% bagi memenuhi penawaran dan permintaan penduduk di kawasan Iskandar. Rumah Kos Rendah ditukar kepada Perumahan Komuniti Johor Jenis A dengan harga RM42,000.00 seunit, luas lantai 720 kaki persegi, manakala Rumah Kos Sederhana Rendah ditukar kepada Perumahan Komuniti Johor Jenis B dengan keluasan 850 kaki persegi dan harga RM80,000.00.

2. Kita juga buka satu segmen baru yang dipanggil Rumah Mampu Milik yang perlu dibina oleh pemaju sebanyak 20%, di mana golongan pertengahan yang terdiri daripada orang muda lepasan misalannya Institusi Pengajian Tinggi dan golongan kakitangan sokongan adalah layak dan mampu memiliki rumah yang lebih selesa pada harga di antara RM120,000.00 hingga RM150,000.00 seunit. Segmen baru ini diharapkan dapat menyelesaikan masalah kumpulan pertengahan yang terdiri daripada 45% daripada keseluruhan penduduk di kawasan Iskandar.

3. Bagi mana-mana pembangunan yang telah dapat kelulusan Kebenaran Merancang sebelum 1 April 2012, pemaju boleh kekal dengan dasar yang lama atau menggunakan polisi baru ini. Program Transisi ini yang bermula 1 April hingga 31 Mac tahun hadapan akan menggalakkan pembinaan Perumahan Komuniti Johor dan Rumah Mampu Milik di kawasan Iskandar dalam masa terdekat dan sekali gus diharap memberikan bekalan rumah yang cukup untuk memenuhi permintaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebanyak 4,224 unit rumah PKJ ini iaitu Perumahan Komuniti Johor dan RMMJ, Rumah Mampu Milik Johor yang akan dibangunkan dalam kawasan Iskandar.

Bagi golongan yang tidak mampu untuk beli rumah pula, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Perumahan Negara akan terus membina lebih banyak lagi rumah melalui Program PPR untuk disewa. Dalam tempoh 5 tahun untuk makluman, mulai tahun 2007 hingga tahun 2011, sebanyak 6,868 unit kediaman PPR telah dibina. Dalam

perancangan akan datang pula Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri telah pun memohon peruntukan untuk membina sebanyak 7,068 lagi unit-unit rumah PPR dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

**Y.B. Dato' Speaker** : Bukit Batu.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau ikut dasar yang untuk Perumahan Negeri Johor ini, saya nampak dalam syarat-syarat untuk kelayakan dari segi pendapatan telah diturunkan iaitu untuk PKJ atau Perumahan Komuniti Johor A, Jenis A daripada RM3,000.00 turun kepada RM2,500.00 bagi seisi keluarga. Sebab itu saya nak tanya, untuk satu keluarga yang pendapatan RM2,500.00 di kawasan bandar, mereka itu benar-benar boleh memiliki rumah yang dibuat, dibina itu tak? Sebab kita nampaknya kekangan untuk hidup dalam kawasan bandar tu lebih jauh beza dengan kawasan yang, di kawasan perkampungan. Kalau untuk RM2,500.00 itu kelayakan tu, saya rasa ramai itu memang hidup kalau dalam takrif itu mungkin Miskin Tegar, sebab itu saya ingin dapat penjelasan daripada kerajaan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam** : Yang Berhormat Dato' Speaker, di bawah Dasar Baru yang kita kenalkan ini, PKJ dia ada dua pakej, ada dua jenis. Jenis A yang perlu dibina sebanyak 5% daripada keseluruhan 40% yang ditetapkan itu dengan harga RM42,000.00 yang saya sebut tadi itu ialah untuk mereka yang mempunyai pendapatan RM3,000.00 bukan RM2,500.00, RM3,000.00 ke bawah. Kita ambil kira kos dengan izinlah, *cost of living* penduduk dalam kawasan Iskandar, sebab itu kelayakannya kita ubah, kita naikkan kepada RM3,000.00. Itu yang untuk harga RM42,000.00 Jenis A ini. Yang Jenis B pula dengan keluasan lantai 850 kaki persegi, yang tadi 720 kaki persegi yang komponennya sebanyak 10% daripada 40% yang wajib dibina oleh pemaju itu tadi, dengan harga RM80,000.00 pendapatan keluarga mestilah tidak lebih daripada RM4,500.00. Jadi kerisauan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah, memang ada dalam kajian yang dibuat oleh jawatankuasa yang dilantik dan inilah kelayakan dari segi pendapatan yang ditetapkan untuk rumah PKJ Jenis A dan Jenis B yang menggantikan Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah yang sekarang harganya antara RM35,000.00 dan RM50,000.00 dan Kos Sederhana RM80,000.00 Kita gantikan dengan yang dua itu tadi, PKJ A, PKJ B.

**Y.B. Dato' Speaker** : Machap.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap)** : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu untuk merasmikan Rumah Mampu Milik di Lima Kedai, memang saya dapat maklum daripada yang menyewa dekat situ, mereka sungguh berasa bangga dengan kedudukan dan cantiknya rumah yang dibina oleh pihak Pembangunan Iskandar tapi,...

**Y.B. Dato' Speaker** : Oh, ada tapi.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap)** : ...adalah dinyatakan bahawa rumah tersebut cuma untuk disewa sahaja tak boleh dibeli. Jadi, adakah kerajaan mempunyai perancangan, macam kalau kata sewa sampai bila-bila pun dia tak akan ada harta sendiri. Jadi saya ingin tahu, kalau ada perancangan berapa agak kos harga nak jual, apakah pertimbangan untuk menentukan bahawa mereka ini terus duduk dekat situ dan mempunyai...

**Y.B. Dato' Speaker** : Sewa belilah.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap)** : Beli rumah kat situ. Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam** : Rumah yang di, disebut oleh ADUN Machap itu Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak termasuk secara spesifik dalam Dasar Rumah Baru Johor ini. Ini *special* program ini yang dibuat oleh Iskandar. Juga untuk golongan pertengahan dengan syarat yang tertentu, saya ingat RM3,000.00 ke atas kalau tak silap saya, dia ada kategori dia, khas untuk disewa buat permulaannya dibuat di dalam kawasan Iskandar yang ini tidak masuk dalam pakej Dasar Baru Negeri Johor, yang ini lain ya. Jadi yang itu setakat ini memang untuk sewa sahaja dan syaratnya ialah antara yang dikenakan apabila, akan dibuat kajian pemantauan oleh semasa-semasa dia ada dia punya lembaga yang akan mengawal penduduk di situ dan kalau di dapati mereka dah beli rumah, lain dia akan tidak dibenarkan lagi menyewa di tempat itu untuk memberi ruang kepada kumpulan lain, ataupun orang yang lebih memerlukan untuk menyewa rumah-rumah ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Skudai. Ok.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Terima kasih Dato' Speaker, masalah dengan perumahan di Lima Kedai, Iskandar Malaysia itu, sebab menerangkan kos yang tinggi. Setahu saya satu unit itu RM133,000.00 untuk kos untuk membina unit *apartment* di sana. Seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat Machap, sama ada skim sewa beli boleh dipertimbangkan sebab kalau sewanya satu bulan cuma RM380.00 tidak mencukupi untuk meliputi bunga bank pun. *So,* Yang Berhormat Pengerusi mungkin boleh berikan penjelasan sebab saya selalu lalu sana nampaknya *apartment* sana masih terbengkalai lagi selama satu tahun, *so* itu memanglah satu isu yang perlu dijawablah.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat Dato' Speaker, semua rumah-rumah yang dibina oleh kerajaan untuk disewa ini, setakat ini di Negeri Johor termasuklah yang PPR, Rumah Iskandar, Perumahan Rakyat Iskandar itu dan juga yang baru dibina untuk sewa ini, kita belum ada lagi Dasar untuk sewa beli untuk rumah-rumah tersebut.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Encik Mok Chek Hou, jemput.

**Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan 9.

Tangki air di PPR Sri Stulang masih tidak boleh digunakan. Ingin bertanya apakah puncanya dan dijangka akan bila tangki tersebut boleh di gunakan dan di nikmati oleh penduduk?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, tangki air di PPR Sri Stulang masih belum boleh digunakan sehingga kini. Tangki ini belum pun diserahkan kepada pihak Syarikat Air Johor Holdings untuk mengoperasikannya. Beberapa kelemahan struktur paip tangki terbabit dikenal pasti dan pihak Syarikat Air Johor Holdings sudah pun mengarahkan pemaju berkenaan supaya memperbaikinya sebelum tangki itu boleh digunakan. Yang Berhormat Dato' Speaker, bagaimanapun setakat ini penduduk di flat berkenaan menikmati bekalan air yang masih berkualiti dengan tekanan yang sewajarnya. Melalui olahan sistem agihan oleh pihak Syarikat Air Johor Holdings, hanya setelah pembaikan dan faktor-faktor keselamatan di jamin maka barulah tangki itu akan digunakan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Stulang.

**Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, kewujudan tangki air itu memang ada dia punya tujuan dan kegunaannya, tapi sejak pembinaan dan persiapan tangki air tersebut hingga hari ini tangki air itu masih belum, masih belum boleh digunakan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dah berapa lama?

**Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) :** Agak selama 5 tahun lah, sudah 5 tahun itu tangki air tidak boleh digunakan dan ini telah memberi sedikit sebanyak kesulitan kepada penduduk di sana. *So,* saya nak bertanya, adakah permasalahan yang ditimbulkan itu satu kecuaian manusia? Dan adakah SAJ pernah buat pemantauan semasa pembinaan tangki itu? Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, jelas saya telah berikan bahawa kalau tangki air itu tidak memenuhi syarat yang dikehendaki oleh SAJ Holdings dan sebelum ia diserahkan kita tidak ada kuasa untuk menjaga atau memantau tentang tangki air. Kita akan jalankan tugas hanya mengoperasikan selepas kita menerima penyerahan tangki daripada pemaju.

**Y.B. Dato' Speaker :** Lama Yang Berhormat, 5 tahun?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Setakat ini hanya tugas pemajulah, bukan tugas SAJ.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, ok. Yang Berhormat Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, jemput.

**Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 10.

Ingin tahu sama ada kerajaan akan mewujudkan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) di bandar Mersing. Sejauh manakah sambutan-sambutan rakyat terhadap Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M).

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai Mersing, kerajaan sedang merancang untuk membuka Kedai Rakyat 1 Malaysia di daerah Mersing, iaitu sekarang masih dalam penyediaan surat tawaran. Kedai No. 15 hingga 17 Jalan Jeti, Bandar Tepian Sungai di Mersing. Pada keseluruhannya sambutan rakyat terhadap Kedai Rakyat 1 Malaysia sangat menggalakkan. Ini berdasarkan kepada purata jualan sebulan untuk ketiga-tiga Kedai Rakyat 1 Malaysia yang telah beroperasi di Negeri Johor ini mencatat lebih kurang RM250,000.00 hingga RM320,000.00 yang telah beroperasi di Negeri Johor seperti di Taman Bukit Pasir, Muar; Pusat Perniagaan *Square* di Taman Johor Jaya dan Kompleks Pekan Rabu di Tampoi. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, sana dulu, Tenggaroh.

**Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) :** Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Kedai Rakyat 1 Malaysia di daerah Mersing. Sudah tentunya pewujudan kedai ini akan membantu golongan miskin. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat dah jawab eh. Saya ingat Yang Berhormat soal.

**Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) :** Bukannya soalan, ucap terima kasih kepada kerajaan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat cakap sikit.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya terima baiklah, dia ucapkan terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, saya pun begitu juga. Hem, Allah ada pula yang bangun. Ha, jemput Rengit.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Kedai Rakyat 1 Malaysia ni kita lihat banyak membantu rakyatlah. Cuma kita nak tahu dari segi kualiti barang. Ada tuduhan daripada pihak caca merbah ini, dia dah tak ada idea, idea dia asyik buat tuduhan sahaja yang tidak menentulah tanpa usul periksa, dari segi kualiti ini, barang Kedai Rakyat 1 Malaysia ni macam mana? Sebab saya tengok ada juga ahli daripada parti-parti lain ni dia masuk ke kedai itu. Lagi banyak, ramai dia beli daripada orang Barisan Nasional sendiri, tapi pemimpin dia mengatakan barang kita tidak berkualiti.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Apa jawapan Yang Berhormat?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Speaker, barangan Kedai 1 Rakyat Malaysia ini, lebih kurang 250 jenis, *so* buat permulaan itu memang ada pertikaian kata sama ada kualiti barangan yang dijual di Kedai Rakyat 1 Malaysia ini sama ada, kualiti dia baik ataupun tidak. *So,* saya ingin nyatakan di sini segala produk yang di jual di Kedai 1 Rakyat Malaysia ni, Rakyat 1 Malaysia ini bukan setakat harga dia lebih murah tetapi kualiti itu sentiasa dipantau oleh Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. *So,* saya ingin katakan di sini kita telah pun mula banyak permohonan dan setakat ini walaupun ia cuma mula pada akhir tahun yang lepas, tetapi kita jangka kita akan sampai lebih kurang 85 kedai di seluruh Malaysia pada hujung tahun ini. Saya lihat dari segi sambutan dan juga permintaan, sehari, setiap hari saya nampak ada peningkatan maka permohonan pun ada dan juga permintaan daripada pengguna untuk pergi ke Kedai Rakyat 1 Malaysia pun tambah dari hari ke hari.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, jemput.

**Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 11.

Fasa pembinaan sekolah agama berjumlah lebih kurang 21 buah telah dimulakan setahun dan setakat ini berapa buahkah yang telah diserahkan kepada kerajaan atau telah digunakan?

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Dato' Haji Ayub bin Rahmat, jemput.

**Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) bagi pihak Y.B. Dato' Haji Ayub bin Rahmat (Kemelah) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan Kemelah nombor 12.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, mata saya silap ke Yang Berhormat silap. Hem, jemput.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumsalam.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon izin untuk menjawab kedua-dua soalan bersekali. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebanyak 25 buah sekolah agama di seluruh Negeri Johor telah dimulakan pembinaannya bagi Fasa 1 di dalam Projek Pembinaan 121, Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor. Pada 17 hingga 18 Mei 2012 yang lalu, 7 buah sekolah telah dibuat pra penyerahan di mana sebanyak 5 buah sekolah adalah memuaskan dan boleh diterima dan sekolah-sekolah berkenaan adalah seperti berikut:

1. Sekolah Agama Taman Molek, Johor Bahru.
2. Sekolah Agama Kota Kulai 2, Kulai.
3. Sekolah Agama Bukit Kledang, Segamat.
4. Sekolah Agama Pagoh, Segamat. Ini dalam DUN Kemelah.
5. Sekolah Agama Bukit Banjar, Ledang.

Insya-Allah Yang Berhormat Dato' Speaker, sesi penyerahan penuh akan diadakan pada 21 Jun 2012 yang akan datang ini. Manakala sebanyak 2 buah lagi perlu dibuat penambahbaikan oleh pemaju dan penambahbaikan ini yang berkaitan kerja-kerja elektrik dan *premix*. Dan sekolah-sekolah berkenaan adalah:

1. Sekolah Agama Taman Mount Austin, Johor Bahru.
2. Sekolah Agama Bandar Putra, Kulai.

Sesi penyerahan, pra penyerahan kali kedua akan diadakan pada 28 Jun 2012 dan penyerahan penuh akan diadakan pada 19 Julai 2012 yang akan datang. Sementara itu pada 28 Jun 2012 yang akan datang sebanyak 3 buah sekolah lagi akan dibuat pra penyerahan iaitu:

1. Sekolah Agama Taman Megah Ria, Johor Bahru.
2. Sekolah Agama Kampung Raja, Muar.
3. Sekolah Agama Bukit Kangkar, Ledang.

Dan penyerahan, majlis penyerahan penuh akan diadakan pada 19 Julai 2012.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baki 15 buah sekolah lagi akan dibuat penyerahan berperingkat-peringkat sebagaimana berikut: pada 27.08.2012, sebanyak 12 buah sekolah akan dibuat penyerahan penuh. Dan sekolah-sekolah berkenaan adalah: Sekolah Agama Taman Pulai Perdana, Johor Bahru; Sekolah Agama Dato' Haji Abdul Rahman, Johor Bahru, Pasir Gudang; Sekolah Agama Sri Pulai, Johor Bahru; Sekolah Agama Taman Kluang Barat, Kluang; Sekolah Agama Belukar Juling, Mersing; Sekolah Agama Semanyir, Mersing; Sekolah Agama Sri Selulun, Batu Pahat; Sekolah Agama Padang Sari, Batu Pahat; Sekolah Agama Sri Gading, Batu Pahat; Sekolah Agama Sri Yong Peng, Batu Pahat; Sekolah Agama Taman Anggerik, Bandar Tenggara dan Sekolah Agama Pagoh Jaya, Muar. Kesemuanya 12 dan ini diikuti dengan Sekolah Agama Parit Raja, Batu Pahat. Tarikh pra penyerahannya pada 30 September 2012 dan penyerahan penuh pada 21 Oktober 2012. Sementara itu dua lagi sekolah yang akan diserahkan iaitu Sekolah Agama Taman Seri Nakhoda, Mersing.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, Mersing, banyak betul. Yalah.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Tarikh penyerahan dia ialah, pra penyerahan 31 Oktober 2012 dan penyerahan penuh pada 21 November 2012 dan Sekolah Agama Tanjung Air Hitam, Pontian tarikh pra penyerahan 31 Disember 2012 dan penyerahan penuh pada 21 Januari 2013.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari DUN Kemelah, status pembinaan sekolah-sekolah Agama khususnya dalam DUN berkenaan adalah seperti berikut:

1. Sekolah Agama Pogoh. Sekolah ini telah siap sepenuhnya dan Majlis Pra Penyerahan telah dibuat pada 17 Mei 2012 yang lalu dan akan dibuat penyerahan penuh pada 21 Jun 2012 yang akan datang ini.
2. Sekolah Agama Taman Pelangi. Tapak yang dicadangkan adalah kecil. Kerja-kerja reka bentuk semula bangunan sedang dibuat iaitu dari dua tingkat kepada tiga tingkat mengikut kesesuaian saiz tapak.
3. Sekolah Agama Melayu Raya. Tapak sekolah berada di bawah paras jalan raya. Ada permohonan dari penduduk supaya aras tapak sekolah dinaikkan mengikut aras jalan raya. Permohonan tambahan peruntukan akan dibuat kepada pihak kerajaan. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan apabila mendapat persetujuan tambahan peruntukan dari pihak kerajaan.
4. Sekolah Agama Bukit Siput. Kerja-kerja bersih tapak telah disiapkan sepenuhnya. Kerja-kerja bangunan akan dimulakan bila-bila masa dalam masa terdekat ini. Kemajuan kerja sebanyak 15%.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, terima kasih. Soalan lisan telah cukup masa. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum diteruskan diingatkan lagi, 15 minit ikut masa supaya dapat lagi Ahli Yang Berhormat yang belum berucap dapat berucaplah. Takut ini penghabisan jadi beri peluanglah berucap kepada semua. Ahli Yang Berhormat perbahasan disambung semula. Jemput siapa yang nak berucap.

**Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** 15 minit.

**Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumusalam.

**Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) :** Salam sejahtera, Salam Satu Malaysia. Menyambung perbahasan yang saya mulakan sedikit semalam Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Negeri Johor adalah negeri yang pertama maju pada tahun 2020. Kenyataan ini mungkin didasarkan kepada potensi melalui projek-projek dan pelaburan yang bakal di perolehi oleh Kerajaan Negeri mahupun keupayaan Kerajaan Negeri di dalam mengurus dan mentadbir pelaburan dan projek-projek pembangunan yang di rancangkan. Saya agak tertanya-tanya Yang Berhormat Dato' Speaker, bila ada pihak

yang menyatakan bahawa kita ini sepatut lari daripada *tribalism* dalam bidang bisnes, Apa tu? *Tribalism* dalam bidang bisnes jangan kita kelirukan dengan semangat nasionalisme, dengan semangat kebangsaan. Pelaburan sumber peruntukan, sumber kewangan yang datang dalam negara yang dilaburkan dalam negara sewajarnya anak tempatan mendapat faedah daripada perancangan tersebut, daripada pelaburan tersebut melainkan kalau sumber kewangan itu datangnya daripada pinjaman antarabangsa ataupun ianya berbentuk pinjaman luar negara. Maka tender-tender yang perlu kita laksanakan adalah tender yang bersifat tender antarabangsa. Tetapi kalau sumber kewangan itu datangnya daripada sumber dalaman, mengapa tidak kita lakukan tender secara terbuka tetapi terhad kepada hanya mereka-mereka yang datangnya atau sebagai rakyat Malaysia. Tidak timbul tentang soal *tribalism* dalam bisnes dalam negara kita. Kita tidak pernah mengamalkan budaya *tribalism* dalam perniagaan kita. Sebab itu Putrajaya, Yang Berhormat Dato' Speaker tidak boleh berada di tangan mereka. Saya percaya Putrajaya kalau jatuh ke tangan mereka, yang pertama mereka buat ialah nak dilelong Putrajaya ini.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Ah, mana ada bukti. Tak boleh cakap macam itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) :** Saya berpendapat...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat kenapa bangun? Mengganggu.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** *Cannot say like that.*

**Y.B. Dato' Speaker :** *No, no, no. Its,* dia cakap dia tak ada menyentuh apa. Apa yang dia berucap..

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Tapi dia kata nak dilelong tu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tidak. Dia sebut...

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Takkan kita nak jualkan...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Harta Kerajaan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Nanti Yang Berhormat. Yang Berhormat, ikut peraturanlah. Dia sebut tak ada benda. Ada dia baca dulu. Saya pun ada terbaca. Nak lelong. Tak apalah. ini bukan *words* satu yang agak kasar, tak betul. *Just a words* yang biasa disebut akhbar. Dah. Dah Yang Berhormat.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Skudai, Skudai jangan bangun.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Mengkibol tak baca peraturan. Baca peraturan Mengkibol. Kan *lawyer.*

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak. *This one*, Mengkibol saya ingatkan tadi, Yang Berhormat Skudai, duduk. Saya kata duduk. *No need to* mengganggu. Saya keluarkan nanti.

**Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) :** Terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ni nampak sangat. Sekejap Yang Berhormat Benut. Saya nak ingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat ini semua bijak tapi bijak tu disalah gunakan. (Dewan bertepuk).

Dia berucap menyentuh tak ada menyakitkan hati apa benda. Yang Berhormat mesti ingat. Tidak ada kisah, kalau nak menang. Saya pun terbaca kita akan lelong ini. Tak apalah. Itu *words words.* Apa salah itu perkataan. Tapi Yang Berhormat punya cara, suka gaduh tau. Lawan Speaker, wah, nanti surat khabar Cina keluar, ha ini hebat, dia lawan. Padahal, lawan tu lawan tidak ikut peraturan. *No, no, no.* Awak tidak boleh sentuh dia berucap. Bukan dia salah. Dalam peraturan kalau dia salah cakap, dia menyentuh peribadi, dia mengeluarkan perkataan kesat, yang tidak baik, Yang Berhormat bangun. Saya setuju. Ini ucap macam biasa. Tak ada benda. Tapi bila Yang Berhormat suka, bila saya tegur, Yang Berhormat tak setuju, gaduhlah. Minta maaflah Yang Berhormat. Kita dah ikut, tak usahlah yang kecil-kecil ini apa, ada perkara yang berat lagi. Saya pun tak kisah. Ini cakap pasal lelong pun yang dah sebut pun tak ada benda. Dah, dahlah. Tak nak dengar lagi. Eh..

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, Benut ini dia cerdik sedikitlah. Dia guna perkataan tu. Dia cerdik sedikitlah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, yang ini pun satu. Lemah betullah.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Dia guna perkataan itu, dia cerdik sedikit.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, lepas ini giliran Yang Berhormat. Saya baca nama orang lain ni, nanti esok keluar surat khabar, Yang Berhormat Dato' Speaker tak kasi, tak kasi ini kerana tak ikut aturan. Tak ikut peraturan tak boleh bercakap. *Sorry*lah eh. Minta maaflah. Yang Berhormat cara sebelah ini memang suka cara bergaduhlah. Nasib baik saya dah berumur sedikit. Kalau saya dulu muda sudah gaduh kat luar. Okay, kalau mudalah dulu. Ini sudah tua tak boleh lawanlah.

**Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Memang pun dalam banyak perkara, pihak pembangkang perlu meneliti fakta dan asas-asas dalam perkara yang dibangkitkan. Yang Berhormat Dato' Speaker, sama ada projek Iskandar Malaysia, sama ada projek RAPID di Pengerang, mahupun projek LYNAS di Gebeng, Kuantan. Ia tetap merupakan pembangunan yang akan dapat membawa perkembangan yang sihat kepada ekonomi. Peluang pekerjaan tersedia. Kemudahan asas yang lebih sempurna dan tak dapat nak kita bayangkan kemajuan

masyarakat. Sempat bakal berlaku pada setiap kawasan pembangunan yang saya nyatakan.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah wajar kita mengingatkan diri kita khususnya agensi-agensi kerajaan di kawasan-kawasan pusat pertumbuhan tersebut agar dapat merangka agenda pembangunan setempat dengan mengambil kira aspek-aspek yang penting sebagai contoh dalam kita melalui proses kemajuan dan pembangunan ini. Kita juga dalam masa yang sama memikul tugas dan tanggungjawab supaya masyarakat-masyarakat peniaga kecil-kecilan, masyarakat-masyarakat peniaga yang bersifat sederhana, tidak kita lupakan. Gerai-gerai makan, gerai-gerai buah-buahan, gerai-gerai yang menjual produk-produk tempatan wajar dapat dipertingkatkan bukan mereka dinafikan akan peluang dan ruang untuk meneruskan perniagaan-perniagaan gerai-gerai makan, gerai-gerai buah-buahan ini. Malah gerai-gerai tersebut, perlulah kita permodenkan. Kita bangunkan dengan selari dengan perkembangan dan kemajuan yang berlaku di sekitar kawasan-kawasan pertumbuhan yang saya nyatakan tadi.

Mungkin dalam masa yang sama Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sering, malah yang, yang ada tertera di hadapan kita ialah tentang kebersihan. Kebersihan tempat-tempat awam khususnya tandas-tandas seperti masjid dan surau-surau yang masih lagi pada hari ini diperkatakan. Tandas-tandas di masjid dan surau di kawasan-kawasan pertumbuhan ini dengan adanya sumber dana yang boleh kita olahkan mungkin dapat dibentuk satu badan penyelenggara yang lebih teratur dan tersusun. Oleh kerana adanya peluang untuk mendapatkan sumber dana yang cukup supaya tandas-tandas di surau dan masjid ini dapat di selenggara dengan lebih sempurna supaya soal kebersihan dan keindahan tempat-tempat awam ini tidak lagi menjadi perbualan di mana-mana.

**Y.B. Dato' Speaker :** Surau mana ini Yang Berhormat?.

**Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) :** Yang Berhormat Dato'.

**Y.B. Dato' Speaker :** Surau, surau kat mana yang ada?.

**Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) :** Khususnya macam di, kalau di Pengeranglah, nanti akan jadi satu kawasan pertumbuhan Yang Berhormat. Jadi kawasan-kawasan itu terdapatnya masjid-masjid dan surau, patut tandas bersih dan indah Yang Berhormat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Kawasan Yang Berhormat, bersih?

**Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) :** Tak kurang hebat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Kawasan Yang Berhormat, surau, masjid?

**Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) :** Belum memuaskan. Belum memuaskan dan saya percaya masih banyak lagi kerja-kerja yang patut kita buat yang dapat kita jadikan tandas di surau-surau dan masjid ini bersih seperti mana dituntut oleh agama.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, contoh macam Masjid Kolam Air. Dia bersih. Mandi pun boleh.

**Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) :** Macam di Dewan Undangan Negeri ni Yang Berhormat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dewan lainlah. Berapa pulak belanja dia.

**Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) :** Itu boleh jadikan contoh. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya bahawa dalam masa yang sama, usaha ataupun perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang ini kadang kala mengelirukan rakyat. Isu-isu yang dibangkitkan ini bukanlah isu yang sebenar. Dengan izin, bukan *real issue*. Saya percaya ianya berbangkit daripada kadangkala Yang Berhormat, dengan izin, *cross cutting issue*. Isu yang bertindih. Kadang kala pun saya sendiri tertanya. Tender-tender yang tertera di akhbar-akhbar yang dikeluarkan sebagai contoh, IRDA. Kerja-kerja di kawasan di bawah bidang kuasa Majlis atau Dewan Bandaraya Johor Bahru. Selalunya tender-tender tersebut dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya tapi dengan adanya IRDA, maka tender tersebut di buat di atas nama IRDA di dalam kawasan Majlis Bandaraya. Kemungkinan ini berlaku ataupun kemungkinan ini akan menjadikan pertindihan kuasa. Kekeliruan dalam menjalankan kewajipan dan tugas. Sebab itu kadang-kadang setengah-setengah projek itu mengambil masa yang lama. Kita perlu mencari jalan supaya projek-projek yang kita rancang itu dapat dilaksanakan sebagaimana jadual perancangannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bercakap tentang soal jadual ini, Pontian tentunya mempunyai potensi juga untuk membangun seperti daerah-daerah lain. Saya sering mengutarakan cadangan supaya laluan baru dapat diwujudkan Yang Berhormat Dato' Speaker ke Daerah Pontian. Dari segi jaraknya tidaklah jauh daripada pusat pertumbuhan Johor Bahru. Tetapi kepada hari hujung minggu mengambil masa hampir satu jam untuk pengunjung dari Johor Bahru untuk sampai ke Pontian. Ini adalah disebabkan oleh laluan jalan raya yang sedia ada sudah sesak. Maka laluan baru ini saya percaya dapat membantu Pontian terus bertumbuh maju seperti daerah-daerah lain. Saya amat menyokong penuh seandainya jambatan yang melintasi Sungai Pulai yang ada dalam perancangan kerajaan dapat dilaksanakan atas kadar segera. Apabila jambatan sejauh lebih kurang 2 kilometer ini yang melintasi Sungai Pulai dapat dibina Yang Berhormat Dato' Speaker, hanya laluan ataupun lebuh raya jalan raya utama sepanjang tidak lebih daripada 20 kilometer, sudah membolehkan pengunjung sampai ke Pontian.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dia masuk ke kawasan IRDA Yang Berhormat, yang 2 kilometer?

**Y.B. Ir. Datuk Hasni bin Mohamad (Benut) :** Masuk di kawasan IRDA Yang Berhormat Dato'.

**Y.B. Dato' Speaker** : Oh, masuk ya.

**Y.B. Ir. Datuk Hasni bin Mohamad (Benut) :** Jadi ini akan membolehkan pengunjung yang nak datang ke Pontian mengambil masa tidak sampai setengah jam, hampir separuh masa perjalanan itu dapat dipendekkan. Itu adalah merupakan satu, saya percaya ianya akan dapat satu impak yang cukup meluas kepada usaha untuk membangunkan daerah Pontian. Kalau tidak, payah kita mengambil masa yang lebih panjang daripada secukupnya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Pekan Nenas...

**Y.B. Ir. Datuk Hasni bin Mohamad (Benut) :** Yang Berhormat Dato'...

**Y.B. Dato' Speaker :** Kat Pekan Nenas tu, jem sikit ya.

**Y.B. Ir. Datuk Hasni bin Mohamad (Benut) :** Dia mula daripada Pekan Nenas aja Yang Berhormat Dato' Speaker, pun memang perkara ini dah jadi rungutan kepada kita yang berada di daerah Pontian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, orang Pontian dah lama mengidamkan hospital yang baru. Saya ingat hospital yang paling tualah, yang paling lama dalam Negeri Johor ini di Pontian.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, betul ke?

**Y.B. Ir. Datuk Hasni bin Mohamad (Benut) :** Ya, Yang Berhormat Dato' Speaker, bangunan utamanya, kalau ada pun bangunan-bangunan baru oleh kerana adanya perkhidmatan-perkhidmatan baru, yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan. Maka terbinalah bangunan-bangunan baru. Tetapi oleh kerana adanya bangunan-bangunan lama yang tidak dirobohkan atau pembangunan semula yang tidak menyeluruh, maka keadaan kita hospital di Pontian itu adalah amat berkurangan dari segi kemudahan, dari segi keadaan di hospital berkenaan. Saya meminta dan menyeru kepada kerajaan, walaupun itu yang kita bangkitkan, tetapi saya difahamkan Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh rakan-rakan yang duduk sebagai Lembaga Penasihat...

**Y.B. Dato' Speaker :** Hospital.

**Y.B. Ir. Datuk Hasni bin Mohamad (Benut) :** Lembaga Penasihat Hospital...

**Y.B. Dato' Speaker :** Ataupun pelawat.

**Y.B. Ir. Datuk Hasni bin Mohamad (Benut) :** Kita di Pontian mintak hospital baru, Yang Berhormat Dato' Speaker, tetapi katanya Kementerian nak alih hospital itu ke tempat lain, walaupun dalam daerah Pontian. Kita tak ada masalah dari segi lokasi hospital yang ada, itu dalam Parlimen Pontian, nak dialih pulak ke Parlimen Tanjung Piai. Jadi ini macam tak berapa sihat Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tapak tak ada ke Yang Berhormat?

**Y.B. Ir. Datuk Hasni bin Mohamad (Benut) :** Tapaknya ada.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ya ke?

**Y.B. Ir. Datuk Hasni bin Mohamad (Benut) :** Itu boleh diolah. Kalau Yang Berhormat Dato' masalah tapak saya beri jaminan tidak ada masalah tapak untuk hospital itu dikekalkan terus berada di lokasi yang sedia ada ni. Cukup strategik. Cukup strategik. Cukup luas kawasan yang sedia ada untuk dibangunkan kemudahan sebagai sebuah hospital yang moden seperti daerah-daerah lain. Jadi, saya meminta supaya kalau dapat Kerajaan Negeri membantu untuk meminta pihak Kementerian Kerajaan Persekutuan untuk tidak mencari atau mengubah lokasi hospital ini. Kalau dapat itu disegerakan pembinaan baru, di tapak yang sedia ada, itu adalah menjadi impian kita masyarakat di daerah Pontian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada akhirnya...

**Y.B. Dato' Speaker :** Hem, bagus.

**Y.B. Ir. Datuk Hasni bin Mohamad (Benut) :** Kita pun sedia maklum bahawa di Selatan negara kita ini, sumber bekalan tenaga letrik datangnya daripada Pusat Jana kuasa Tanjung Bin, yang terletak di daerah Pontian. Kita telah pun membina jana kuasa yang mampu atau berkeupayaan membekalkan letrik sebesar 300 mega watt pada peringkat awal, dan ada dalam perancangan malah pada peringkat pembinaan sekarang ini ialah, pembesaran pusat jana kuasa tersebut dengan tambahan 300 mega watt lagi.

Dengan adanya pusat bekalan jana kuasa elektrik ini di Pontian, kenapa boleh Pejabat Tenaga Nasional tak ada di Pontian? Kalau ada pun sekadar pejabat menyelenggara sahaja. Kalau ada Yang Berhormat Dato' Speaker, program-program peringkat negerilah Pontian menjadi tuan rumah, untuk memastikan kehadiran Dato' Speaker ke Pontian, bekalan letrik tak terputus nak mintak g*en set* pun terpaksa telefon ke Kulai, nak mintak keputusan.

Jadi, kadang kala bila bekalan terputus-terputus itu mengambil masa yang lama untuk mendapat satu-satu keputusan dibuat bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul. Jadi, saya meminta pihak yang bertanggungjawab supaya dapat memikirkan pewujudan pejabat pengurusan dan penyelenggaraan bagi bekalan elektrik diwujudkan atau diadakan semula di Pontian. Janganlah diambil kira sangat tentang soal bisnesnya. *Return of investment* ataupun pulangan kepada pelaburan dan sebagainya. Saya melihat walaupun pewujudan bekalan tenaga elektrik itu, yang dibuat oleh pihak swasta, tetapi ianya tentu dapat memberikan hasil yang besar kepada daerah Pontian itu sendiri, malah kepada tenaga ataupun TNB itu sendiri.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, itulah beberapa pandangan bersabit dengan soal Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan semasa Pembukaan Dewan baru-baru ini. Maka dengan kata-kata itu sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas peluang yang diberikan. Saya dengan ini menyokong usul yang dibawa

oleh ADUN Rengit dalam membahaskan Titah junjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Terima kasih, Yang Berhormat. Ya, perbahasan diteruskan lagi. Jemput, siapa yang nak bangun.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Salam sejahtera...

**Y.B. Dato' Speaker :** Kahang. 15 minit.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan menjunjung kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak kebelakangan ini, apabila saya turun ke kawasan, soalan yang paling popular yang dikemukakan kepada saya ialah bila undi? Dan bila soalan seperti itu dikemukakan, saya tak berani nak jawab. Saya cakap dengan dia orang, tanya dengan PM. Dan saya tanya dengan dia kenapa nak tahu bila nak *election*, dengan izin. Mereka kata, kita nak cepat-cepat undi untuk kembalikan dua pertiga di Parlimen untuk Barisan Nasional. Kita nak cepat-cepat undi untuk pastikan Johor terus menjadi kubu kuat Barisan Nasional.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tetapi peranan Wakil Rakyat sahaja tidak mencukupi untuk memastikan kejayaan kita. Di kesempatan ini, saya merayu agar komitmen yang ditunjukkan oleh penjawat awam diteruskan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ini tak tanya Yang Berhormat. Yang Berhormat kalau melawat, ditanya tak Yang Berhormat mahu bertanding lagi ke tidak?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Dia tanya juga.

**Y.B. Dato' Speaker :** Habis Yang Berhormat jawab apa?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Saya beritahu dia, itu kena rujuk kepada pucuk pimpinan parti.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Dan juga kalau orang Kahang setuju, suka, saya *on*.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, tu Permas selalu cakap dia sambung. Dia cakap la.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Oh Permas. Dato' Speaker, jadi dalam keadaan ini, kalau boleh karenah birokrasi di agensi-agensi kerajaan mesti dielakkan, perkhidmatan yang baik mesti diteruskan, tahap profesionalisme mesti

ditingkatkan, dan kalau boleh isu-isu yang tertangguh tu kalau boleh diselesaikan. Jadi dalam keadaan seperti ini bila isu-isunya semua dapat diselesaikan, rakyat tak marah. Kerana bila rakyat marah, bila rakyat naik bosan, tempiasnya akan kena kepada Wakil Rakyat, dan akhirnya mereka akan menghukum kita dalam PRU yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin kata-kata ini, mungkin ada yang tak begitu gemarlah, dan mungkin menyusuk jauh ke sanubari mereka, tetapi apakan daya, itulah realiti Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak kebelakangan ini, sokongan masyarakat India semakin bertambah. Saya berani nak katakan di antara 70% hingga 80% pengundi India mula mengundi Barisan Nasional. Jadi dalam keadaan seperti ini, di kawasan-kawasan yang mempunyai pengundi India yang ramai, Wakil-Wakil Rakyat teruslah jaga mereka supaya sokongan mereka terus kekal kepada Barisan Nasional.

Dan begitu juga isu-isu masyarakat India, contohnya di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk India yang tinggal di taman-taman perumahan contohnya. Kalau ada permohonan untuk balai raya contohnya, luluskan. Bantu carikan tapak dan luluskan. Kalau ada permohonan untuk penempatan berkelompok, mintak diluluskan, carikan tapak, luluskan. Macam di kampung India, Kahang, Dato' Speaker. Dan kalau ada permohonan untuk pertanian berkelompok, minta diluluskan. Jangan cakap tak boleh. Begitu juga dengan niat belia-belia yang nak berkecimpung dalam sektor awam, dan juga GLC kerajaan. Kalau boleh beri mereka peluang dan sekiranya mereka sudah bersama kita, saya percaya mereka akan setia kepada kita buat selama-lamanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kawasan saya ada 9 perkampungan Orang Asli. Satu hari sampai saya ke perkampungan Orang Asli, datang Tok Batin di situ, dia beritahu saya, "Y.B, kata nak sampaikan bekalan air bersih ke semua kampung Asli, tetapi sudah belanja duit yang banyak nak buat *tube well*, tetapi satu *tube well* pun sehingga hari ini tak dapat digunakan". Saya tanya "Di kampung mana?" Tok Batin kata, "Di Kampung Puchor, di Kampung Sungai Peroh, di Kampung Air Pasir, di Kampung Kuala Sengka dan juga di Kampung Sedohok". Saya tanya "Apa yang terjadi?" Dia kata, "Ada *tube well* ada, tapi tak dapat berfungsi. *Tube well* dah bina, bekalan elektrik sudah tak ada. Kontraktor pulak lambat menjalankan kerja-kerja penambahbaikan di situ. Jadi kita tak ada air bersih". *So*, saya beritahu dia, "Tok, jangan kecewa, jangan sedih. Kita akan bantu. BN akan bantu. BN akan bantu, saya akan bawa isu ini ke Sidang Dewan Negeri, kita akan pastikan isu ini akan diselesaikan satu persatu". Batin gembira Dato' Speaker. Saya dapat lihat sinar gembira mengerlip di matanya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Huh.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Begitu sekali dia gembira. Dia kata saya sokong Barisan Nasional. Daripada Kampung Asli Dato' Speaker, saya ke Kampung Sri Lukut, di Batu 28, Kahang. Terserempak pula dengan Pengerusi Masjid, dia kata dengan saya," Y.B, sudah ada masjid, tetapi projeknya seolah-olah terbengkalai. Apa dah jadi Y.B?", Saya kata, "Ok Tuan Haji, jom kita ke tapak". 3

bulan lepas saya ke sana, semalam saya ke situ, keadaan dia sama saja. Projeknya tak jalan. Kontraktor tak dapat menyiapkan kerja...

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh...

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Jadi projek Masjid Kampung Sri Lukut saya nak tahu apa status?

**Y.B. Dato' Speaker :** Dah berapa peratus siap Yang Berhormat? Berapa peratus dah siap?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Saya rasa dalam 40% aje.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Jadi saya beritahu kepada Pengerusi Masjid, "Jangan risau, saya akan bawa ke Sidang Dewan, BN akan bantu". Dia kata"Kalau BN boleh bantu, kita akan terus sokong BN".

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dari situ pulak duduk ngeteh kat warung. Datang pulak satu belia, dia tanya dengan saya, "Y.B, dulu janji ada dewan serba guna di Kampung Sri Lukut. Kenapa belum buat dewan lagi?" Saya tanya apa jadi? Dia kata sudah ada tapak, ada Pegawai datang, buat lawatan tapak, tapi pergi tak kembali Pegawai tu. Jadi saya pun beritahu kepada dia, saya akan bawa ke Sidang Dewan, saya akan bawa ke Sidang Dewan untuk tanya apa status dewan serba guna di Kampung Sri Lukut, Kahang itu. Saya kata dengan dia, BN akan bantu, jangan risau.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bila saya kata begitu, senyum terukir di bibir dia, dia kata dia sokong BN. Yang Berhormat Dato' Speaker, sambil minum teh saya terjumpa dengan seorang warga emas, saya tanya dengan dia, Wak, kenapa sedih?. Kenapa bunga-bunga kebimbangan menguntum di kelopak hati? Dia kata, "Y.B., saya ada tanah, saya ada kebun, tetapi selalu diserang dengan gajah". Serangan gajah liar Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh sana banyak gajah ya? Kawasan Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Oh, kawasan saya banyak gajah Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, saya ingat beruk aje. Gajah pun ada.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Harimau pun ada. Kahang *tigers,* dengan izin. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya beritahu dengan Wak tu, "Ok, jom Wak, kita pergi ke kawasan kebun". Di situ sudah ada pagar elektrik. Kerajaan dah belanja lebih daripada RM700,000.00 untuk buat pagar elektrik. Tapi tak dapat memainkan peranan. Gajah masih lagi masuk, kerana buat pagar itu tak sepenuhnya. Jadi saya berjumpa dengan...

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, Yang Berhormat gajah apa tu? Untuk apa tu? Pagar tu dibuat untuk apa?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :**Pagar tu ada elektrik, jadi dia akan menghalang gajah tu masuk ke kawasan kebun. Haa…

**Y.B. Dato' Speaker :** Habis macam mana gajah tu masuk?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Sebab ada sesetengah tempat Dato' Speaker, macam sungai semua tu tak ada pagar. Gajah cerdik.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, tengok gajah pun bijak eh.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Gajah bijak, gajah Kahang Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ini Wakil Rakyat yang tak bijak.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Sama macam Wakil Rakyatnya cerdik. Jadi saya beritahu dengan dia, dengan wak tu, saya akan jumpa dengan Pengarah PERHILITAN Negeri. Saya sudah adakan dialog dengan dia. Pengarah PERHILITAN Negeri berjanji akan cuba selesaikan dengan cara yang, apa jua cara yang kita boleh. Dan, saya kata dia mungkin dia kata dengan saya mungkin kalau bajet dia terlalu tinggi, mungkin akan melambatkan proses untuk menyelesaikan masalah. Saya kata, saya akan bawa ke sidang Dewan. Bila bawa ke sidang Dewan saya percaya, Yang Berhormat Menteri Besar akan bantu saya. BN akan bantu saya beritahu dia. Jadi wak tu pun dia gembira.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, Yang Berhormat nak jaga tu dah bawak 10. Ha, dia gembira, gembira, yang balik Yang Berhormat menangis tak dapat. Hmm..

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak ke Pekan Kahang daripada Kampung Sri Lukut. Saya singgah sebentar di Kampung India Kahang. Datang pula ketua MIC dari situ. Dari jauh dia melambai-lambai dia kata dengan saya vanekam Y.B? Saya kata dengan dia balik, vanekam anneh? Saya tanya dia apa *problem*? Dia kata dengan saya Dato' Speaker, di Kampung India Kahang ada kuil, ada sekolah Tamil tapi tak ada dewan serba guna. Dia kata ada tapak, tapi tak ada dewan. Nak buat program, nak buat kenduri, nak buat majlis kahwin, nak jemput Y.B., nak buat ceramah 1Malaysia pun tak ada tempat nak kumpulkan orang di situ.

Jadi, dia tanya dengan saya, boleh bantu ataupun tidak? Jadi, soalan tu datang bertalu-talu dalam pemikiran saya, datang dan pergi, boleh ataupun tidak? Dan saya beritahu dengan dia, tak apa saya akan bawa ke Dewan Negeri.

**Y.B. Dato' Speaker :** Hmm... bawalah.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** BN akan bantu. BN akan bantu. Dan saya mintalah agar satu dewan serba guna itu diperuntukkanlah wangnya untuk dibuat dibina dewan serba guna di Kampung India Kahang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, Ahli Parlimen Yang Berhormat kan ada?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, memang Ahli Parlimen ada.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh kuat.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Tapi sebagai Wakil Rakyat, ADUN, saya juga kena mainkan peranan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha yalah, tak, sambillah.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Ha, ini peranan saya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha ok, ok. Jadi, yang dapatkan Ahli Parlimen, tapi Yang Berhormat dapat namalah, dah bawa. Ok, oklah.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Macam tu Dato' Speaker. Dato' Speaker, dari Kampung India Kahang, saya melambai-lambai pada anneh tu…

**Y.B. Dato' Speaker :** Tu lelaki ke perempuan, anneh tu?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Anneh tu abanglah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, abang eh?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Abang…

**Y.B. Dato' Speaker :** Anneh, abang.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Ha, anneh abang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Kalau adik? Anneh? Anna?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Tambi, tambi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tambi?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Ha tambi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tambi tak sedaplah. Ha ok.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Dato' Speaker...

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, yalah.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Jadi daripada Kampung India Kahang, saya ke Pekan Kahang. Di Pekan Kahang saya berhenti di kawasan dataran Kahang. Saya mengucap jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana ketika lawatan dia ke Sembrong khususnya di Kahang, beliau memberi peruntukan sebanyak RM400,000.00 untuk membina Dataran Kahang.

Jadi, hari ini datarannya sudah siap dibina. Tapi, mengikut perancangan kita ada 4 Fasa. RM400,000.00 hanya cukup untuk Fasa 1. Jadi, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar memberi peruntukan tambahan kerana yang ada hari ini hanya dataran. Tak ada tiang lampu, tak ada tiang bendera, tak ada jam dinding, tak ada landskap, tak ada tempat duduk. Jadi, bila saya sedang merenung dataran Kahang itu, datang pula Ketua Wanita MCA. Dia datang dia tanya dengan saya, saya tanya dia, *Ni hou ma*? Dia kata *hou*?

**Y.B. Dato' Speaker :** *Hou*?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** *Hou*. Lepas tu saya tanya dengan dia apa masalah *auntie*? Dia kata, Y.B. sudah bikin dataran tapi malam saya nak bawa anak cucu saya tak berani, gelap. Saya nak main taici dengan wanita saya kat sini pun tak ada lampu. Jadi, Y.B. tolonglah selesaikan masalah saya ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dia tengok gelap eh?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Gelap…

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat datang lagi gelap.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Tapi saya datang siang Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, siang eh? Oh, ok lah.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Jadi, saya beritahu dengan dia, saya akan bawa ke sidang Dewan...

**Y.B. Dato' Speaker :** Bawa lagi.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Saya beritahu dia, BN akan bantu. BN akan bantu. Jadi, dia pun cakap kalau BN boleh bantu, kita banyak *happy*. Saya cakap dengan dia, jangan risau. Jadi, daripada Pekan Kahang, saya pergi ke *Kahang New Village*, Kampung Baru Kahang. Sedang saya minum kopi, datang pula ketua masyarakatnya. Dia beritahu saya pula, Y.B., ada gelanggang bola keranjang di situ, tapi tengok longkang-longkang di sekeliling semuanya dah pecah. Sudah banyak lama, tak bikin. Ada gerai Majlis di sini, tapi tak ada cat. Kotor, tak bersih. Macam mana orang nak makan? Dia kata dengan saya, hujung minggu kadang-kadang ataupun hari pelepasan, anak ke, cucu yang tinggal di Kuala Lumpur, tinggal

di Singapura, tinggal di Johor Bahru, yang masih merupakan pengundi di Kahang, balik. Mereka tengok keadaan Pekan Kahang tu, mereka kata *oh this is undeveloped town*, dengan izin mereka kata macam tu.

Jadi, ketua masyarakat kata, kalau beginilah caranya kampung kita, macam mana kita mahu tarik undi generasi baru?

**Y.B. Dato' Speaker :** Ohh…

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Dia kata sebab dia cuba bandingkan dengan kawasan-kawasan tempat-tempat dia orang tinggal. Jadi, saya beritahu dengan dia, *Uncle* jangan risau.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, dia cakap orang putih eh?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Ha.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, yalah orang putih.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Sebab yang tinggal semua di Kuala Lumpur, Johor Bahru.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, yalah.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Dia kata macam *Cowboy Town* lah Kahang ni. Jadi, saya merayu, saya beritahu dengan dia, sudah banyak kali saya bawa dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, saya dah jumpa dengan pihak-pihak yang berkenaan, belum lagilah saya cakap dengan dia. Dia punya hati pun banyak kecewa Dato' Speaker. Hatinya pecah seribu. Dia kata macam ni, macam mana kita mahu undi dia kata.

Saya kata jangan risau. Saya bawa sidang Dewan Negeri. Saya kata dengan dia, BN akan bantu. *Uncle* jaga saja pengundi-pengundi ni supaya dia orang tak lari.

**Y.B. Dato' Speaker :** *Don't worry* lah eh…

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Ha, terus sokong Barisan Nasional. *Uncle* tu kata Ketua Masyarakat, Y.B. jangan risau. Y.B. buat kerja, saya jaga pengundi sini. Jadi, saya minta agar Kampung Baru di Kahang tu, yang ada gerai Majlis dan sebagainya tu diberi nafas baru. Pekan Kahang tu kalau boleh di naik taraf.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bergegas nak pergi ke kawasan FELDA. Jadi, saya dari Kampung Pekan Kahang, saya menggunakan jalan Kluang-Mersing. Jalan besar Kluang-Mersing. Dalam perjalanan saya menggunakan *handphone* saya. Saya nak *call* saya punya pembantu khas mengatakan saya nak sampai di situ. Tiba-tiba *line* tak ada. *Line* dah tak ada. Lepas tu saya ambil saya punya *ipad*, saya nak hantar e-mel kepada isteri saya nak kata *I love you*, sayang dah makan ke belum? Tapi tiba-tiba…

**Y.B. Dato' Speaker :** Jangan salah dail tak? *I love you* yang lain tak?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Tapi nasib baik *line* Internet tak ada. Selamat saya. Masalahnya Dato' Speaker, lebih kurang 10 kilometer daripada Pekan Kahang, jalan menuju ke Kluang, tidak ada *line*. Tidak ada *line* untuk telefon, tidak ada *line* untuk Internet dan sebagainya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ataupun telefon Yang Berhormat tu murah tak?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Saya punya canggih Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh canggih eh? Ingat yang murah, dia tak boleh dapat.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Saya minta agar pembinaan pusat pemancar Internet di pasang di kawasan yang berkenaan supaya *line* untuk penduduk di Kahang, untuk menggunakan telefon bimbit dan juga e-mel dan juga Internet dapat dibuat tanpa sebarang gangguan Dato' Speaker.

Dato' Speaker, saya melalui jalan tersebut, tiba-tiba ada satu lori balak di depan. Lori balak tu, jalan, memandangkan jalan tu terlalu sempit, saya tak dapat potong. Lepas tu jalan dia pula bengkang-bengkok. Berlubang di sana-sini. Nasib baik pembangkang tak nampak. Kalau tidak, mereka datang menuding jari ambil gambar di situ. Lepas tu jalan dia pula hari malam lagi gelap Dato' Speaker. Gelap lagi Dato' Speaker.

Jadi, saya minta, saya dah berkali-kali minta agar jalan Kluang-Mersing di naik taraf sama seperti Jalan Batu Pahat-Air Hitam. Jadikanlah jalan tu daripada Kluang sampai ke Mersing, kalau jalan tu di naik taraf, saya rasa tak rugi, berbaloi jalan tu. Memang berbaloi. Jadi, saya minta agar jalan Kluang ke Mersing itu di naik taraf kalau boleh jalan di biar *double lane* macam Batu Pahat-Air Hitam.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok Yang Berhormat…

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker,

**Y.B. Dato' Speaker :** 15 minit.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Dato' Speaker, saya datang daripada jauh Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ini ada lagi. Lagi jauh.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Kahang mali.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ada Segamat tu lagi jauh, Jementah.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Dato' Speaker, saya…

**Y.B. Dato' Speaker :** Lagi 2 minit.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Ok. Sebelum saya sampai ke FELDA Ulu Pengeli, saya sampai di Taman Sri Lambak. Tiba-tiba saya ternampak ada 2 kenderaan bertembung, *accident*. Jadi, saya turun. Datang pula seorang pemuda. Dia beritahu saya, Y.B. bila nak pasang *traffic light?* Tempat ni selalu berlaku kemalangan. Saya beritahu dengan dia, saya dah bawa dah dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, saya dah bawa kepada Kejora sebab ini kawasan Kejora. Setiap kali dibawa, mereka cakap tengah buat kajian. Sampai sekarang belum dapat. Dia kata, Y.B. tak boleh macam ni. Kalau tidak, selalu *accident*. Y.B. kena buat sesuatu. Saya beritahu dia, saya bawa ke sidang Dewan. *Traffic light* pun tak apa saya bawa ke sidang Dewan. BN akan bantu. Dia kata kalau BN boleh bantu, bagus. Kita akan bantu. Generasi baru akan bantu untuk menangkan BN. Dia kata Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada kampung, daripada Taman Sri Lambak, saya menuju ke FELDA Ulu Pengeli. Tiba-tiba saya terima panggilan daripada Naib Pengerusi JKKR di FELDA Ulu Belitong. Dia kata Y.B. saya nak jumpa. Jadi, saya pun berjumpalah dengan dia di Jalan Renggam, Ulu Belitong. Dia bawa, berjumpa saya di situ. Dia kata dengan saya, Y.B. ini jalan baru, tapi tengok jalan dia nipis, berlubang di sana-sini, tidak ada ciri-ciri keselamatan, tidak ada pengadang jalan, tidak ada tanda-tanda isyarat, tidak ada lampu jalan. Macam mana Y.B.? Jalan seperti ini boleh diluluskan? Saya beritahu dengan dia saya dah bawa dan saya difahamkan bajet untuk buat terlalu besar. Tapi, saya beritahu dengan dia, jangan risau. Saya akan bawa ke sidang Dewan ini. Saya beritahu dia, BN akan bantu. Saya menasihati dia, bang, tahanlah gelora hati tu agar tidak menggegarkan suasana. Suasana pada hari ini cukup baik. Tahan. Kita akan cuba selesaikan satu persatu. Dia kata, ok, saya yakin pada Barisan Nasional. Jadi, saya akan tunggu agar peruntukan tambahan diberi daripada pihak yang berkenaan. Jalan Renggam-Ulu Belitong itu di naik taraf semula.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Dato' Speaker, akhirnya saya sampai di FELDA Ulu Pengeli, jumpa dengan Pengerusi GPW. Dia kata dengan saya, Y.B. jalan Ulu Pengeli ke Kluang lebih-lebih lagi dengan berhampiran dengan hospital baru Kluang terlalu bahaya. Anak-anak muda ramai yang menggunakan motosikal. Boleh tak buat jalan laluan khas untuk pemandu motosikal. Kerana daripada hospital jalannya sibuk ada Taman Sri Impian, jalan projek perumahan yang cukup besar di Kluang. Datang pula Taman Sri Lambak, akhirnya akan sampai ke kawasan-kawasan FELDA. Saya beritahu dengan dia, akak jangan risau. Saya akan bawa ke sidang Dewan ini. BN akan bantu. Kita akan cuba. Saya akan berusaha untuk dapatkan laluan motosikal daripada kawasan Ulu Pengeli sampai ke kawasan Hospital Kluang yang baru. Dia kata begitu, saya ucap terima kasih dia kata.

Akhirnya Dato' Speaker,

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, berapa kali akhir lah?

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Malam sebelum balik ke rumah, sebelum balik ke rumah, terima pula panggilan daripada Pengerusi Belia FELDA daripada Ulu Dengar, FELDA Ulu Dengar. Dia kata dengan saya, Y.B. Gunung Berlumut sudah ada *renovation*, sudah di naik taraf, cukup besar kawasan dia. Ada gerai-gerai yang ada di situ, kenapa tak nak benarkan generasi kedua FELDA ataupun Koperasi FELDA untuk menjalankan perniagaan di gerai-gerai? Saya difahamkan gerai itu dah hampir setahun. Belum lagi dibuka. Sedangkan projek naik taraf Gunung Berlumut sudah lama. *So*, saya beritahu dengan dia, jangan risau, saya akan bawa ke sidang Dewan. BN akan bantu. Dia yakin. Dia kata kalau boleh bantu generasi kedua FELDA akan terus bersama Barisan Nasional.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, ok Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker…

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, ok…

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Kata di kota, janji ditepati. Itulah kita, slogan Barisan Nasional.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, ok…

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Jadi, saya harap isu-isu yang dibangkitkan di sini akan mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak-pihak yang berkenaan dan bantulah saya untuk menyelesaikan masalah-masalah di kawasan. Jadi, dengan itu, saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Rengit.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, nak tengok-tengok layaklah Pengerusi MIC Negeri. Huh, sedap betul. Ok perbahasan diteruskan lagi, jemput. Hmm…Bentayan, jemput. 15 minit.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana sudi memberi peluang kepada Bentayan…

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak adalah, kalau ikut hati tak sudi. Betul, tapi yalah di Dewan, cakap jelah. (Dewan Ketawa).

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** ...untuk membahaskan usul menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Rengit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa perasmian Dewan Negeri pada 14 Jun 2012, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menekankan supaya kualiti alam sekitar perlu diberi penekanan agar rakyat dapat hidup dalam persekitaran yang sejahtera dan terpelihara dan industri minyak dan gas di Pengerang, Tuanku menekankan bahawa

pihak kerajaan dan syarikat terlibat akan memastikan alam sekitar terus dijaga melalui amalan pemeliharaan dan peraturan yang ditetapkan.

Pilihan Raya Umum Ke-13 bakal diadakan pada bila-bila masa sahaja. Sejak 8 Mac 2008, Bentayan dipilih menjadi ADUN Bentayan, Bentayan telah bertungkus lumus dengan sedaya upaya untuk membawa masalah rakyat kawasan Bentayan dan seluruh rakyat untuk diselesaikan oleh pihak kerajaan, dan masih lagi banyak lagi masalah yang belum di atasi oleh pihak kerajaan di kawasan Bentayan dan perlu mendapat perhatian serius daripada pihak Kerajaan Negeri Johor. Sejak 4 tahun yang lalu setelah Pakatan Rakyat memenangi satu kerusi Parlimen dan 6 kerusi DUN di Negeri Johor, ke semua Wakil Rakyat Pakatan Rakyat telah berkhidmat tanpa berhenti untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat di Negeri Johor. Nampaknya di daerah Muar terdapat juga Ketua Jabatan yang amat prihatin kepada masalah rakyat, sekiranya dibawa kepada perhatian mereka. Mutu-mutu kerja dan kualiti pentadbiran mereka haruslah dipuji. Dan, Bentayan berharap lebih ramai lagi Ketua Jabatan di daerah Muar dapat mencontohi hasil kualiti kerja mereka. Sejak 4 tahun yang lalu, Bentayan telah dapat mengunjungi ke semua jabatan kerajaan di daerah Muar dan mendapati sebilangan besar Ketua Jabatan amat leka untuk menemui pihak kami. Cuba Yang Berhormat Dato' Speaker fikirkan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Saya banyak kerja lain Yang Berhormat... cakap saja, ni nak suruh fikir ni mana boleh, penat saya.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Sebagai seorang Wakil Rakyat pun amat susah amat untuk menemui mereka. Bagaimana...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat dah tak nak jadi Wakil Rakyat?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Bagaimana pula dengan rakyat biasa?

**Y.B. Dato' Speaker :** Skudai senyum aja.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Rakyat biasa yang betul-betul menghadapi masalah dan ingin bertemu dengan Ketua Jabatan. Hari Bertemu Pelanggan, Ketua Jabatan pun ada mesyuarat. Macam mana ni? Ada Ketua Jabatan yang kita hantar *SMS* kepadanya dan cuba menghubunginya melalui telefon bimbit, sehingga 10 kali, tetapi mereka memilihnya untuk tidak menjawabnya. Sikap sebegini adalah bertentangan dengan slogan 1Malaysia...

**Y.B. Dato' Speaker :** Dia tak tahu nombor Yang Berhormat tu.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Dia set lah mungkin.

**Y.B. Dato' Speaker :** Nombor dia tak tahu. Ni siapa punya ni. Dia takut.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Takut.

**Y.B. Dato' Speaker :** Takut sms yang...

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Takut tu baik ke tak baik?

**Y.B. Dato' Speaker :** Baik.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** So, bertentangan dengan slogan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Bentayan berharap Ketua-Ketua Jabatan yang masih leka dan ketinggalan zaman haruslah bangkit segera dan matlamat...

**Y.B. Dato' Speaker :** Hei, Yang Berhormat, tak semua Ketua Jabatan, banyak bagus tau. Ha, ni depan ni semua dengar.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Ya betul lah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, depan ni semua dengar aja, Yang Berhormat tegur, dia tak undi ni besok ni, kiri kanan ni.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Ya, ya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Banyak undi ni BN.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Matlamat mereka ialah berkhidmat kepada rakyat kerana mereka perlu ingat bahawa gaji mereka adalah hasil daripada titik peluh rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rompakan bersiri penjenayah berkeretakan Mercedez Benz, 4 rumah dalam satu hari dirompak di Muar. Pada tarikh 14 Jun 2012, bandar Muar telah dilanda rompakan bersiri oleh sekumpulan 4 orang, perompak yang bersenjatakan pisau dan berkeretakan Mercedez Benz semasa merompak. Kumpulan penjenayah Mercedez Benz ini telah merompak di 4 buah rumah berturut-turut, dalam masa satu hari di bandar Muar. Bermula pada jam 6:15 pagi di Taman Pertama, Sungai Abong, 7:00 pagi di Jalan Sungai Abong dan 7:40 malam di Jalan Junid dan *last* sekali 8:00 malam di Parit Bakar. Rompakan bersiri ini menyebabkan kerugian lebih kurang RM100,000.00 dan penjenayah telah mengurungkan keempat-empat ahli keluarga di dalam bilik air dalam siri rompakan ini.

Sungguhpun pihak PDRM telah mengatakan kes jenayah telah berkurangan tetapi dengan berlakunya kes rompakan bersiri seperti ini telah menimbulkan perasaan gelisah dan takut warga Muar dan Bentayan mengharapkan bahawa pihak PDRM dapat memainkan peranan yang penting dalam menjaga keselamatan nyawa dan harta benda semua warga Muar. Kereta-kereta peronda PDRM haruslah meronda dengan lebih kerap lagi di seluruh pelosok bandar dan kampung untuk menangkap penjenayah-penjenayah Mercedez Benz tersebut. Janganlah penjenayah membuatkan PDRM bagai pepatah 'kucing mengejar tikus', PDRM haruslah lebih efektif lagi dalam menangani...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat ingat senang ya Polis ni. Dia Polis pun lagi kuat tau nak jaga. Ni dia perompak lagi bijak lah, dia tengok aja.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Yalah, so, PDRM kena lebih bijak lagi daripada dia...

**Y.B. Dato' Speaker :** Bijak tu, lebih mahu kawal manusia pun susah.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** PDRM haruslah lebih efektif lagi dalam menangani strategi yang lebih canggih oleh perompak masa kini.

Suruhanjaya Pilihan Raya atau lebih dikenali sebagai SPR perlu memainkan peranan penting dalam memastikan pilihan raya umum adalah bersih sebagaimana yang dituntut oleh gabungan pilihan raya adil dan bersih. Di sini Bentayan ingin menekankan bahawa terdapat masalah *locality* yang wujud sekian lamanya di kawasan DUN Bentayan, akibat daripada ketidakcekapan SPR. Masalah yang paling ketara ialah mengenai *locality* yang betul di kawasan DUN Bentayan. Contohnya *locality* Taman Seri Treh, Muar, yang terletak di kawasan DUN Bentayan. Tetapi SPR memindahkan kawasan tersebut ke kawasan DUN Jorak. Memang tidak masuk akal. Mengapa Taman Seri Treh yang *locality*nya terletak dikelilingi oleh Jalan Bakariah, Jalan Bukit Treh dan Jalan Parit Beting boleh dipindah atau lompat keluar atau menjadi sebahagian daripada DUN Jorak.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ni bila ni Yang Berhormat ditukarkan ni?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Sejak 2008.

**Y.B. Dato' Speaker :** Baru?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** 2008 lah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak, dia patut sempadan baru dia betulkan ok.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Tapi dia kat dalam. So, Yang Berhormat Dato' Speaker bolehkah Taman Seri Treh melompat keluar 3 batu daripada kawasan DUN Bentayan ke kawasan DUN Jorak. Dia kat tengah-tengah ni, macam mana nak lompat keluar? Memang tak boleh. Kalau kat sempadan, *fair*. Dekat kelilingi tu semua Bentayan. Tapi dalam tu Jorak. I think wakil Jorak pun tak pernah dengar Taman Seri Treh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dengar.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Begitu juga dengan locality Jalan Kim Kee off Jalan Salleh, Muar. Jalan Kim Kee yang terletak di dalam kawasan DUN Bentayan yang sejak kebelakangan ini telah pesat membangun dengan wujudnya beberapa taman perumahan di kawasan tersebut. Kalau kita masuk ke Jalan Kim Kee dari Jalan Salleh, di sebelah kanan terdapat Taman Temiang Indah, Temiang Jaya, Sri Temiang dan Temiang Makmur. Manakala di sebelah kiri pula, terdapat Temiang Permai,

Taman Temiang Utama, Temiang Intan dan Temiang Murni. SPR telah mengklasifikasikan ke semua 8 taman tersebut ke DUN Jorak. SPR hanya membiarkan para pemilik yang mempunyai alamat Jalan Kim Kee yang lama iaitu tanpa nama taman sebagai pemilik di kawasan DUN Bentayan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini bermaksud bahawa kawasan DUN Bentayan hanya diwakili oleh tengah-tengah jalan raya tersebut sahaja. Bentayan berasa amat hairan mengapakah SPR memasukan *locality* Jalan Kim Kee ke kawasan DUN Jorak. Sekiranya SPR ingin memasukkan ke lapan-lapan taman tersebut ke dalam DUN Jorak, ia seharusnya mengikut kawasan geografi yang betul dan kawasan DUN Bentayan seharusnya merangkumi keempat-empat taman di sebelah kanan iaitu Taman Temiang Indah, Taman Temiang Jaya, Taman Sri Temiang dan Taman Temiang Makmur. Di sini Bentayan ingin mengajukan soalan kepada SPR Muar, SPR Johor.

1. Apakah asas dan garis panduan yang digunakan semasa pendrafan *locality* sesuatu kawasan DUN dan Parlimen?

Yang Berhormat Dato' Speaker, sindiket risalah sebaran *leaflet* 4 nombor ekor. Bentayan ingin menyeru kepada kerajaan terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan, PDRM memandang serius terhadap kewujudan sindiket penipuan 4 nombor ekor. Sindiket tersebut sentiasa menghantar risalah. Risalahnya macam ni. Sekarang ada keluar colour punya tak, berwarna.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tulisan Cina ke Melayu ke India?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Ada Melayu. Menghadapi masalah kewangan, perniagaan, kehidupan susah, jodoh, jangan risau, Tok Guru akan menyelesaikan masalah anda. Jangan lepaskan peluang anda sendiri. Sila hubungi, Kampung apa, Padang Pusing, Pendang, Kedah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Kedah?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Kedah, ya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Kedah siapa perintah?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Ha?

**Y.B. Dato' Speaker :** Kedah?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Di Perlis pun ada.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak, saya tanya tu. Yang Berhormat sebut Kedah tu siapa jaga?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Kedah, tapi orang...

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, tak kesahlah Kedah tu. Ngaku je lah.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Sindiket tersebut sentiasa menghantar risalah, sebaran ataupun *leaflet* dengan izin, dari rumah ke rumah dengan niat untuk membantu golongan menghadapi masalah kewangan. Leaflet-leaflet tersebut biasanya menggunakan alamat di Kedah, Kelantan dan Perlis. Bentayan telah menerima aduan daripada ramai warga di kawasan Muar di mana mereka telah dikelirukan kemudian menyebabkan ada di antara mereka ditipu sehingga kerugian sejumlah RM60,000.00.

Bentayan ingin memberitahu Dewan yang mulia, ini sindiket berkenaan amat cerdik dan pandai. Menggunakan taktik-taktik yang mudah dipercayai khususnya golongan kaum Tionghoa. Yang Berhormat Dato' Speaker, taktik-taktik tersebut adalah seperti berikut, apabila seseorang itu mendapat hadiah pertama, misalnya dapat hadiah RM1 juta, beliau perlu sembahyang dewa 18 Lohan. Kebiasaannya akan memakan belanja hingga RM2,000.00. Kemudian perlu sembahyang pula menyalakan 9 lampu belon besar, dan kebiasaannya memakan belanja sehingga RM3,000.00. Wang RM1 juta itu kemudiannya pula akan di bawa ke Chiang Mai, kat Thailand sana, untuk sembahyang seterusnya dan ia akan memakan belanja lebih RM20.000.00. Kemudian apabila selesai sembahyang di Chiang Mai, Thailand, wang tersebut akan...

**Y.B. Dato' Speaker :** Itu sembahyang apa Yang Berhormat?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Ha?

**Y.B. Dato' Speaker :** Sembahyang apa?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Dia dah dapat wang tu kena sembahyang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Sembahyang apa?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Sembahyang dia suruh dia *on line* masuklah dia punya akaun. Itu yang sindiket tu dia pandai.

**Y.B. Dato' Speaker :** Sembahyang ke apa Yang Berhormat?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Sembahyang, sembahyang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, masuk akaun.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Kemudian apabila selesai sembahyang di Chiang Mai, Thailand, wang tersebut akan dibawa masuk ke Malaysia dan dia perlu membayar duti masuk. Barulah pemenang berhak menerimanya. Sekiranya pemenang tersebut tidak mengikuti upacara sembahyang seperti di atas mereka tidak berhak menerima wang tersebut, beliau juga menderhaka kepada dewa-dewa dan mala petaka akan menimpa kepada dirinya lah. Tok guru, Tok guru cakaplah. Perkara sebegini telah wujud sekian lamanya di kawasan Bentayan Negeri Johor dan seluruh negara dan semua pun kerana sikap tamak ini. Tetapi persoalannya mengapakah kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan sindiket seperti ini? Supaya rakyat tidak terperdaya dengan kata-kata ugutan dari sindiket ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dah *report* Polis?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Sudah *report*. Polis cakap tak boleh. Dia pandai. Dia guna akaun orang pun yang kena tipu punya tu. Dia ni pergi withdraw tu, semua tak tahu, itu satu sindiketlah. So, kena usahalah semua, semua orang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pejalan kaki atas parit, di Jalan Meriam, Muar, Bentayan mengalu-alukan pihak kerajaan menaik taraf sistem perparitan di sepanjang Jalan Meriam, Muar, sehingga kini projek tersebut masih belum siap sepenuhnya. Di sini Bentayan ingin tahu mengapakah projek tersebut mengambil masa yang terlalu lama untuk disiapkan? Sememangnya projek berkenaan telah dapat mengurangkan masalah banjir kilat di kawasan tersebut setelah Bentayan kerap kali membawa masalah tersebut di Dewan yang mulia ini. Para peniaga yang meminta supaya pihak kerajaan menyelesaikan masalah banjir kilat tetapi bak kata pepatah 'Belanda minta tanah, dijadikan Belanda bagi tanah' minta satu dapat dua. Mengapa Bentayan menyatakan sebegini? Kerana projek perparitan telah siap di kawasan bandar dan seterusnya pihak MPM telah menjadikan permukaan parit di kedua-dua belah Jalan Meriam sebagai tempat pejalan kaki. Ia mengakibatkan Jalan Meriam, Muar, yang asalnya sempit, kini menjadi lebih sempit lagi akibat pembinaan jalan kaki tersebut dan seterusnya menyebabkan kesesakan tempat *parking*, kerana tempat *parkin*g telah diubah dari 45˚ kepada *side parking*, dengan izin, serta menyebabkan kesesakan lalu lintas. Bentayan amat hairan, mengapakah pihak Perancangan Bandar MPM tidak merancang dengan cerdiknya. Perancangan tidak cerdik seperti di atas, telah menyusahkan para peniaga dan warga Muar. Yang anehnya, kedua-dua belah kedai telah mempunyai ruang kaki lima untuk orang awam berjalan kaki. Berapa banyakkah orang awam yang ingin menggunakan pejalan kaki di bawah sinaran matahari terik? Di sebelah malam pula, jalan tersebut merupakan jalan sunyi sepi kerana tidak mempunyai pusat membeli belah. Bentayan ingin bertanya, mengapakah pihak MPM perlu membina pejalan kaki di atas parit tersebut yang menyebabkan jalan menjadi sempit dan berapakah perbelanjaan keseluruhan projek tersebut?

Yang Berhormat Dato' Speaker…

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat masa 15 minit, 16, tinggal sikit lagi ya.

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, parit di Sungai Abong, Muar dari JSA 13 hingga JSA 14, Bentayan amat tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh EXCO Kerja Raya dan Kemudahan Awam berkenaan dengan Soalan (B3) pada Persidangan 15 Mac 2012, di mana jawapannya yang diterima adalah tidak betul kerana tanpa melakukan sebarang siasatan. Sebagai seorang EXCO yang *senior,* seharusnya mengetahui soalan yang ditanya bukannya mendapat jawapan yang tidak betul daripada pihak JKR Muar. Bentayan ingin tahu, bilakah tembok parit runtuh tersebut akan dibaiki?

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah-masalah setempat di DUN Bentayan. Bentayan amat berharap kepada pihak MPM dapat menjalankan tugasnya dengan

lebih efisien kerana terdapat banyak masalah di kawasan DUN Bentayan yang telah diajukan, kenapa tidak diberi perhatian serius?

1. Para penduduk di Jalan Sakeh Baru 12, Jalan Sakeh 13, Taman Sakeh Baru, Muar amat mengharapkan parit, lorong belakang rumah di naik tarafkan memandangkan parit yang sedia ada telah berumur lebih 20 tahun dan tidak dapat menampung jumlah pergerakan air menjelang musim hujan. Ia menyebabkan banjir kilat di kawasan sana.

2. Begitu juga di Jalan Sakeh Baru 6, Taman Sakeh Baru, Muar di mana tembok parit telah runtuh dan jalan telah mendap.

3. Keadaan jalan rosak dan parit serta titi yang sempit di Lorong 41, Parit Beting, Muar telah menyusahkan penduduk menjelang musim hujan dan perlu mendapat perhatian segera.

4. Bilakah MPM akan menggali parit tanah yang telah dipenuhi oleh semak samun di sepanjang sebelah kiri Jalan Ismail ke Taman Cahaya, Muar iaitu sebelah tapak pelupusan sisa pepejal yang lama?

5. Mengapakah pihak MPM tidak membuat perancangan yang rapi ke atas pemasangan besi pengadang jalan di hadapan Dewan Jubli Intan Muar yang menyebabkan ia terpaksa dipindah ke atas permukaan jalan dan berapakah perbelanjaan tambahan diperlukan untuk kerja-kerja korek, pindah dan tanam semula?

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan-soalan Bentayan yang ditolak. Bentayan amat hampa dengan penolakan empat soalan lisan dan satu soalan bertulis pada Persidangan kali ini. Soalan-soalan ditolak adalah seperti berikut dan ditanya sekali lagi di Dewan yang mulia ini dan berharap pihak kerajaan dapat menjawabnya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, dah.

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Satu, adakah benar, bahawa…

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, dah habis.

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Sikit lagi, lagi 2 minit.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh? Seminit, seminit.

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Ha. Adakah benar bahawa pihak Jahasrat Flaming Sdn. Bhd. No. Syarikat 592440T ataupun Jahasrat Processing Sdn. Bhd. No Syarikat 755715M pernah mendapat pinjaman sebanyak RM20 juta daripada Kerajaan Negeri Johor ataupun Johor Corp. ataupun anak-anak syarikatnya untuk mendirikan kilang penternakan ayam di Ulu Bakri, Muar dan apakah status terkini kilang syarikat berkenaan mengenai pembiayaan balik tersebut? Saya dapat keratan, ini surat

khabar ini, di mana ADUN Jorak pun ada buat *statement*lah dekat *newspaper,* pada STAR 1 April…

**Y.B. Dato' Speaker :** Oklah, Yang Berhormat tak boleh tunjuk surat khabar aje, surat khabar sana. Ok dah.

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Mengapakah rangka besi atau Maharani Jalan Sisi, Muar telah diubah dari pelan asalnya dan kenapakah tiang-tiang besi didirikan kebetulannya di tengah-tengah hadapan kedai dan ianya menyusahkan para peniaga dan pemilik kedai? Seterusnya mungkin menyebabkan harga kedai di kawasan Jalan Sisi, Muar akan jatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, dah habis? Ok. Dah dah lebih, dah lebih, dah lebih.

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Ah… *last, last*lah ya. Saya…

**Y.B. Dato' Speaker :** Mana ada tadi akhir…

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Saya, mengakhiri, saya mengakhiri tapi sebelum mengakhiri…

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh…

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Pagi ini ada…

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, itu bukan boleh main tunjuk-tunjuk, eh surat khabar, suratlah apa…

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Yalah. Pagi-pagi ini ada…

**Y.B. Dato' Speaker :** Dalam peraturan ha ah.

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Yalah ada rombongan daripada DAP Cawangan Taman Desa hantar memorandumlah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Itu tak kisahlah. Itu…

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** EXCO Kerajaan Tempatanlah, sila…

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, ok, ok.

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** EXCO Kerajaan Tempatan memandang serius perkara inilah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok.

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Dengan *traffic light* di Taman Desa dan kawasan berkenaanlah. Ok.

**Y.B. Dato' Speaker :** Bukan ok, dah tamat, duduk.

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** *So* saya mengakhiri ucapan saya dengan kata-kata Thomas Jefferson, iaitu bekas Amerika Syarikat ya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Pergi Amerikalah.

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Bekas Presiden Amerika Syarikatlah. Apabila…

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh *you* suka Amerika ya?

**Y.B. Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** 'Apabila rakyat takut kepada kerajaan, ia namanya kezaliman, apabila kerajaan takut kepada rakyat, itu namanya kebebasan'. Sekian, terima kasih Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ah…ikut Amerika, Amerika semua dia takluk negeri-negeri orang ya. Ok, Yang Berhormat. Nak berucap?

**Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) :** Dato' Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ke Batu Pahat beli paus, nak rehat tekak haus. Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:45 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 12:05 tengah hari.**

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera. Perbahasan disambung semula, jemput Bukit Serampang.

**Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan…

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumsalam warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) :** Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Speaker, pertama-tamanya saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk turut serta dalam membahaskan usul menjunjung kasih terhadap Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada 14 hari bulan yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di awal ucapan ini saya nak mengambil kesempatan dahulu untuk nak memaklumkan di Dewan yang mulia ini, iaitu bagi pihak penduduk-

penduduk kawasan Parlimen Pagoh khususnya kawasan Dewan Undangan Negeri Bukit Serampang, ingin menyatakan rasa taat setia dan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di dalam menghadapi isu-isu yang menyentuh soal peribadi Tuanku sebagaimana yang telah pun dititahkan semasa Sidang Perasmian yang lalu.

Saya penuh yakin dan percaya apa yang ditimbulkan oleh salah satu, salah seorang pemimpin pembangkang daripada Negeri Perak, merupakan satu perkara yang tidak boleh dimaafkan. Dan ini harus kita ambil perhatian sebagaimana yang telah pun dititahkan oleh Tuanku, yang perkara-perkara yang seumpama ini memang benarlah bukan sahaja semata-mata menuntut maaf kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, tetapi seluruh rakyat Negeri Johor. Kerana kita merasakan ini suatu penghinaan kepada Institusi Raja yang selama ini kita pertahankan kedaulatannya dan termaktub di dalam Perlembagaan kita.

Pada hemat saya, apa yang berlaku kepada pemimpin ini ibarat orang berumah tangga, baru berkahwin dah bercerai, bercerai pulak tu talak tiga. Jadi membabau ini, sampai kepada peringkat macam kata orang pun gila talak. Sebab saya katakan demikian, apa yang difahamkan kepada saya pemimpin ini bekas Menteri Besar yang tak lama yang saya katakan tadi, sampai sekarang pun rumahnya ditulis papan apa tu pernyataan, ataupun *signboard*, dengan izin, 'Rumah Kediaman Rasmi Menteri Besar', tak tahu malu.

Begitu juga, ya, angan-angan yang telah pun dibuat, kalau kita petik daripada cerita filem Allahyarham P.Ramlee, ini saya teringat Datuk Speaker, cerita yang dibuat dalam filem Nasib Laksamana Do Re Mi di mana seorang itu telah pun negerinya kalah tetapi berangan-angan lagi menjadi pemimpin dan duduklah dia di bawah pokok dengan beberapa pemimpin di kelilingnya, berangan masih lagi menjadi pemimpin sedangkan kuasanya sudah tak ada. Kalau tak silap saya, raja yang disebut, apa ni, negeri ni yang disebut ini adalah negeri yang bernama negeri, negeri yang bernamakan Raja Pasola.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak timbulkan perkara ini kerana sebenarnya apa yang diperkatakan adalah semata-mata nak membangkitkan rasa benci rakyat kepada Institusi Raja. Itu sahaja maksudnya. Pemimpin berkenaan menyentuh soal yang kecil, yang tidak melibatkan kewangan negara, lebih-lebih lagi perbendaharaan negeri tetapi, oleh kerana dia jauh dan hanya untuk mendapatkan kepentingan politik semata-mata, sanggup menebarkan dakyah yang bukan-bukan. Bagaimana pula yang baik tak nak disebut, umpamanya apabila Duli Yang Maha Mulia Tuanku sejak daripada menjadi Tengku Mahkota dahulu, mengadakan perjalanan seluruh Negeri Johor ini dalam konteks yang kita namakan Kembara Mahkota di mana Duli Yang Maha Mulia Tuanku bersama-sama dengan sebahagian daripada Ketua-Ketua Jabatan, pimpinan-pimpinan Jabatan pergi ke kampung-kampung seluruh Negeri Johor untuk melihat, meninjau bagaimana keadaan-keadaan yang berlaku di rakyat tempatan, tak kira sama ada menelusuri melalui kenderaan empat roda sama ada melalui bermotor ataupun melalui sungai Tuanku telah melihat keadaan keperitan rakyat di dalam Negeri Johor dan dengan mudah diberikan bantuan dan secukupnya.

Jadi, ini yang perlu kita ingati khususnya generasi-generasi kita pada hari ini bahawa kita seharusnya bersama-sama menegakkan Institusi Raja dan kita mempertahankan kerana bukan sahaja ianya telah kita maktubkan di dalam Perlembagaan Negara kita tetapi ianya merupakan satu Payung bagi menangani bagi tempat rakyat berlindung tanpa kira apa bangsa, agama dan keturunan dalam negara kita ini.

Dan, sebagaimana yang saya katakan tadi, pada hemat saya tidak keterlaluan kalau saya katakan ini semua merupakan agenda sesetengah pihak untuk membenci, yang saya katakan tadi untuk mengajak rakyat membenci Institusi ini dengan niat tak keterlaluan kalau saya katakan mereka memang tidak mahu Institusi Raja di negara kita ini berlaku. Memang mereka tak mahu Agong menjadi Payung kepada pemerintahan Negara kita kerana hajatnya sejak daripada dahulu hingga ke hari ini sebagaimana dia berlaku di Negeri Seberang sana ialah untuk nak menjadikan negara kita di Malaysia ini, sebuah Negara Republik. Ini yang ternyata, yang tersirat daripada perkara-perkara yang berlaku pada hari ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam konteks ini saya rasa semua pihak tak kira sama ada dia penyokong kerajaan ataupun di sebaliknya, supaya memikirkan soalan ini. Kita kaji sejarah, apabila kita nak membuat tindakan sama ada dalam bentuk perkataan dan tindakan-tindakan yang serupa, seharusnya kita memikirkan soal bahawa Institusi Rajalah yang menjadikan negara kita juga aman, damai sebagaimana yang kita harap-harapkan dan kita perjuangkan selama ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara yang kedua saya hendak sentuh sini ialah soal keselamatan. Kita sedar apa pun pembangunan sesebuah negara yang hendak dilakukan, apa juga perancangan yang kita susun, kita rancang, dianya tidak boleh kita pisahkan dengan soal keamanan dan keselamatan. Sebab itulah dalam konteks ini kita menyanjung tinggi sebenarnya, kita menghormati apa yang telah pun dibuat pengorbanan yang dibuat oleh keselamatan kita, sama ada pasukan Polis Diraja, sama ada Angkatan Tentera dan juga badan-badan yang separuh tentera yang telah pun bertungkus-lumus menjamin keamanan dan keselamatan negara kita. Sebab itulah kalau ada mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab semata-mata hendak mempertikaikan soal peranan yang dimainkan oleh pasukan keselamatan, ianya adalah merupakan satu tindakan yang tidak sepatutnya berlaku dan ianya perlu kita tentang habis-habisan. Kita ambil rujuk bagaimana yang baru-baru ini seorang pemimpin pembangkang yang menimbulkan seolah-olah pengganas komunis itu merupakan satu pejuang kepada negara. Sedangkan mereka yang terlibat yang berlaku kematian dan juga sebagainya dianggap sebagai satu penderhaka ataupun satu yang tidak memberikan kesan kepada keamanan di negara kita.

Sebab itu tidak hairan untuk hendak mencari keadaan publisiti murahan seumpama ini sanggup menuduh pasukan keselamatan yang terbunuh, terkorban dalam peristiwa pengganas komunis beberapa ketika dahulu dianggap sebagai yang patut tidak diberikan penghormatan sebaliknya pengganas komunis yang membunuh, membakar Balai Polis dianggap sebagai satu pejuang. Inikah manusia yang dikatakan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab. Padahal kalau kita singkap kembali sejarah bagaimana yang berlaku di Balai Polis Kuala Krau, Pahang, bagaimana tragedi yang

berlaku di Pahang ini, di mana beberapa pasukan keselamatan kita yang mempertahankan Balai Polis Kuala Krau turut terbunuh.

Sehingga hari ini untuk makluman dalam Dewan ini dan Speaker, dalam peristiwa itu ada lagi kanak-kanak yang dua orang, dua beradik. Ada, saya difahamkan, ada dekat Kampung Pasir berhadapan dengan Angsana itu. Di mana ibunya mati mengambil senjata mempertahankan Balai Polis bersama-sama suaminya yang cedera dan anak yang dua orang pada ketika itu berumur 4 tahun seorang dan 6 tahun seorang terpaksa digulung dalam gulungan tikar dan diselamatkan melalui ini, dan dia pun ditentang bersama-sama pasukan polis yang akhirnya dia terkorban. Ada lagi anaknya melihat bagaimana kekejaman yang diperlakukan oleh pengganas komunis pada itu. Begitu juga kalau di kawasan saya yang selalu sangat saya timbulkan di dalam Dewan ini iaitu mengenai Peristiwa Bukit Kepong. Yang mana berlaku pada 23 Februari 1950 yang melibatkan kematian seramai 19 orang pasukan keselamatan dan 2 orang isterinya, anaknya 2 orang dan 2 orang, orang awam telah terkorban dalam mempertahankan peristiwa yang saya katakan tadi yang berlaku kebakaran di Bukit Kepong yang dilakukan oleh pengganas komunis. Jadi ini kalau kita kaji dari satu peristiwa ke satu peristiwa bagaimana peranan yang dimainkan oleh pasukan keselamatan kita.

Jadi kita harus berterima kasih, malah kita harus menyanjung apa yang telah pun dilakukan oleh pasukan keselamatan kita termasuklah soal-soal yang kononnya apa yang berlaku baru-baru ini yang dikatakan Bersih sana Bersih sini yang kononnya melaungkan slogan hendak Bersih tapi sebenarnya diri sendiri tidak bersih. Pasukan sendiri tidak bersih. Kumpulan sendiri tidak bersih dalam konteks apa sekalipun walaupun Mahkamah dan isytiharkan tak boleh, tetapi lakukan juga semata-mata konon hendak memberitahu dunia bahawa negara kita Malaysia ini dah tidak aman. Kemudian dikaitkan pula apa yang berlaku di Mesir, apa yang berlaku di Libya dan juga di setengah-setengah tempat lain, tapi mereka itu buta sejarah ataupun sengaja memadamkan cerita-cerita sejarah di mana perbezaan ketara antara kita di Malaysia dengan negara-negara yang saya sebutkan tadi.

Di negara-negara setengah-setengah berlaku, di negara-negara berkenaan kita dapati usah kata hendak berkumpul beramai-ramai tidak boleh, siang-siang sudah dah kena buat tindakan-tindakan sesuatu. Tetapi kita Negara Malaysia walaupun bermacam-macam slogan digunakan, dikatakan kerajaan ini tidak adil, kerajaan ini zalim dan sebagainya, tapi kerajaan tidak pula mengambil tindakan yang begitu hebat sebagaimana dibandingkan negara-negara yang saya sebutkan tadi. Begitu juga dalam konteks keselamatan, walaupun dicemuh oleh pemimpin-pemimpin sesetengah parti pembangkang ini, tetapi pasukan keselamatan kita terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk menjaga keamanan. Walaupun dicemuh, walaupun diperkatakan bermacam-macam tetapi terus dengan tugas dan tanggungjawabnya. Pandai pula seorang pemimpin betina itu, bila orang ramai, peniaga-peniaga hendak berbuat demonstrasi hendak menunjukkan rasa prihatin terhadap nasib mereka, pandai pula mengadu pada pihak Polis, minta jaga keselamatan mereka. Ini apa cakap ini? Apa tindakan ini?

Jadi Datuk Speaker, inilah yang perlu kita sama-sama hayati dan kita harap apa yang berlaku ini akan menjadi iktibar kepada kita dalam soal keselamatan ini. Ianya penting, janganlah kerana semata-mata hendak mencari publisiti murahan kita sanggup mengorbankan soal-soal yang ada hubung kait dengan masalah kebaikan dan keselamatan negara kita. Dan kita harap ianya akan terus dihayati bukan sahaja kepada generasi pada hari ini tetapi juga generasi-generasi pada masa-masa akan datang betapa pentingnya soal keselamatan ini, kalau kita memperkatakan soal pembangunan dalam apa segi pembangunan pun maka keselamatan itu juga penting. Sebab itulah kita sekali lagi saya ungkapkan dalam Dewan yang mulia ini sebenarnya kita berasa bersyukur apa yang berlaku di negara kita ini dengan peranan yang dimainkan oleh pasukan keselamatan maka kita telah hidup dalam keadaan yang selesa, keadaan ekonomi kita yang baik dan dengan keadaan ini kita mendapat limpahan nikmat daripada keselamatan untuk pembangunan di negara kita yang kita kasihi ini.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Masa cukup Yang Berhormat, 15 minit.

**Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih. Saya, di akhir masa ini cuma saya hendak sentuh beberapa perkara yang berlaku di kawasan kita ini. Yang pertama sekali...

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Secara ringkas sahaja.

**Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) :** Yang pertama sekali disentuh juga sedikit sebanyak tadi peranan. Maafkan saya, saya menyentuh peranan yang dimainkan oleh Majlis Agama Islam dalam konteks yang telah pun ramai di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat sentuh. Saya masih lagi hendak menyentuh soal berkenaan dengan bantuan-bantuan yang dikeluarkan oleh, melalui Majlis Agama Islam ini umpamanya kebakaran, rumah-rumah miskin, fakir miskin. Kita sudah pun bincang di peringkat daerah dalam *focus group*, tetapi masih kedapatan sehingga ke hari ini, masih kedapatan lagi kelambatan, kelewatan yang dilakukan oleh jabatan berkenaan, Majlis berkenaan dalam memberi bantuan perumahan. Sedangkan ia telah pun diutarakan di peringkat daerah. Jadi mungkin kalau silap saya ini, Pengerusi berkenaan saya minta maaf tapi mungkin agaknya kekangan tugas. Mungkin Jabatan Agama Islam Negeri Johor ataupun Majlis Agama Islam Negeri Johor ini agaknya banyak tugas maklumlah hendak menjaga agama seluruh Negeri Johor ini, sekolahnya yang lain-lainnya.

Untuk itu, saya hendak menyarankan kalau boleh dipertimbangkan berhubung kait dengan bantuan zakat dan juga Baitulmal ini. Saya rasa sesuai sekarang ini, kita pindahkan kita letakkan di bawah Jabatan Mufti Negeri Johor. Mungkin di bawah Jabatan Mufti Negeri Johor yang berasingan Jabatan Agama Islam maka ia dapat menyediakan pegawai-pegawai yang secukupnya, mungkin dia dapat menyediakan prasarana-prasarana yang secukupnya untuk membantu rakyat kita yang memerlukan bantuan dari segi rumah, dari segi bantuan-bantuan yang lain supaya dapat dipertimbangkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali saya juga selaku Ahli Dewan Undangan Negeri bersama-sama dengan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri di dalam daerah Muar dan juga daerah Ledang. Sebenarnya kita hendak mengucap terima kasih kepada semua Ketua-Ketua Jabatan di peringkat daerah, di dua-dua daerah kerana saya terlibat dengan dua-dua daerah Datuk Speaker, sebenarnya apa yang telah dikatakan oleh Bentayan tadi ialah merupakan satu pada saya ianya semuanya publisiti murahan juga. Publisiti murahan sebab kita tiap-tiap bulan kita ada bermesyuarat, kita ada berbincang dalam masalah-masalah berkenaan dalam daerah yang berkenaan. Jadi tidak timbul soal bagaimana masalah-masalah ini tidak dapat hendak diutarakan dan mungkin apa yang dia sentuh tadi Hari Pelanggan, memang benar kadang-kadang bukan kita hendak masa yang ditetapkan ketika itulah berlakunya perkara-perkara yang melibatkan Ketua-Ketua Jabatan terpaksa pergi berada di majlis-majlis yang lain, terpaksa berada di jabatan-jabatan yang lain. Tentulah keadaan ini tak mustahil berlaku. Jadi keadaan-keadaan ini tidak sepatutnya jadikan satu kelemahan. Saya difahamkan, saya sendiri pun pergi Hari Pelanggan memang betul kadang-kadang Ketua Jabatan tidak ada, ada urusan yang lain maka diwakilkan dengan pegawai-pegawai kanan. Tiada masalah. Apa jadi masalah? Tapi kalau hendak cari salah memanglah banyak umpama yang disentuh tadi. Saya nampak pejabat tadi jalan kaki *Up Town* yang dibuat oleh pihak MPM Jalan Sisir. Ianya adalah untuk kebaikan orang ramai dan jalan yang digunakan itu pun taklah banyak mana, saya rasa lebih kurang 50 meter saja, takkan dengan sebab itu satu daerah Muar ataupun satu bandar Muar itu langsung teruk sekali jadinya. Lepas ini buatlah konon *statement* dekat akhbar konon, itu yang dikatakan publisiti murahan.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Ok masa...

**Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) :** Satu lagi, maknanya dia cerita hendak itu saja tapi kalau benar-benar kita hendak berkhidmat kepada rakyat, kita sama-samalah, dulu ditimbulkan soal ini tentang Sungai Bentayan kerana adanya Bangunan UMNO Bakri, jalan sungai itu kotor. Masya-Allah. Ini kenapa berlaku ini, saya minta maaf Bentayan dekat belakang saya. Kenapa tak nak sama-sama kita betulkan peniaga-peniaga *Hawker,* dengan izin, yang kereta sorong Jalan Yahya ini, hendak lalu pun tidak boleh. (Dewan bertepuk). Kenapa tidak dikembangkan? Kenapa tidak diperjuangkan untuk kebaikan orang ramai? Kenapa yang kecil ini pun disentuh? Jadi mana yang kena pada kita...

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Bukit Serampang...

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Yang Berhormat, jemput duduk.

**Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) :** Kita hendak tunjuk pada orang satu tunjuk pada orang tapi sebenarnya tiga yang tunjuk pada kita sendiri...

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Dua-dua duduk dulu.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Yang *Hawker Centre* itu dah ada, sedia ada tahun sejak tahun 50-an lagi. Kalau cakap *traffic jem* lagi sejak tahun 50-an lagi sudah *traffic jem* sampai sekarang. Sebelum merdeka lagi sudah ada.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Ok, terima kasih.

**Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) :** Yang Berhormat Datuk Speaker betulkanlah. Awak bertanding dari 2008 lagi, awak wakil kawasan Bentayan, betulkan. Apa hendak cerita tahun 50-an. (Dewan bertepuk) Cakap tidak serupa bikin.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Kita apa-apa *meeting,* DO, pejabat daerah pun tak jemput, MPM pun tak jemput. Dia tak jemput kita. Semua DO *office* eh, MPM pun tak jemput kita.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Bentayan, jemput duduk. Ok, terus Bukit Serampang.

**Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) :** Jadi Datuk Speaker, saya rasa masa pun sudah dua kali ditegur. Saya ini, Barisan Nasional menghormati keputusan. Jadi untuk itu sekali lagilah saya hendak mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang dan kita harap apa yang kita nyatakan tadi adalah sebagai satu iktibar kepada kita semua sebagai pimpinan untuk rakyat bukan untuk semata-mata untuk mencari kepentingan individu, kumpulan atau publisiti murahan. Maka dengan kata-kata harapan itu saya dengan ini menyokong usul yang dibawa oleh Wakil daripada Rengit. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumusalam warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih Bukit Serampang. Jemput, ada yang lain. Senggarang.

**Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim (Senggarang) :** Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim (Senggarang) :** Salam 1Malaysia Yang Berhormat Datuk Speaker. Senggarang memulakan ucapan perbahasan pada kali ini dengan merafakkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana berkesempatan untuk melahirkan rasa kasih taat dan setia pada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri dan jajahan takluk Johor Darul Ta'zim. Kesyukuran ini juga dilahirkan kerana dapat peluang untuk membahaskan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ketika merasmikan pembukaan Dewan Kali Yang Kelima bagi Negeri Johor pada hari Khamis yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di awal bicara Tuanku bertitah dan mensyukuri kenikmatan yang ada di bumi Johor ini ditambah lagi di atas beberapa kejayaan ekonomi masa depan yang bakal diraih melalui transformasi ekonomi negara yang sedang bergerak dan meluncur laju bak kata pepatah, Belayar bernakhoda, berjalan dengan tahu, berkata dengan yang pandai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kejayaan pelaburan terkumpul sehingga Mac 2012 contohnya di Iskandar Malaysia mencecah RM87.6 bilion. Pelaburan yang bakal dijana di Wilayah Pantai Timur ECER melalui Mersing Laguna contohnya sebanyak RM20 bilion bakal diraih, seterusnya merubah wajah perkampungan nelayan kepada sebuah kawasan ekopelancongan yang bertaraf dunia. Dan yang sedang hangat diperkatakan kini tidak lain tidak bukan adalah projek terminal tangki laut dalam, bebas bagi industri simpanan minyak mentah di Pengerang yang melibatkan pembangunan awal RM5 bilion dan pembangunan kompleks hab penapisan minyak dan petrokimia RAPID oleh Petronas yang bakal meraih atau menerima nilai pelaburan sebanyak RM60 bilion. Inilah nikmat yang Allah kurniakan kepada bumi dan rakyat Johor walaupun banyak pihak mencemburui kejayaan-kejayaan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senggarang berpendapat inilah hebatnya Johor yang diasaskan oleh Raja Ali pada tahun 1528 hinggalah kini Baginda Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, yang terus mencipta kegemilangannya melalui Kembara Mahkota Johor yang kita tahu menyentuh hati dan perasaan rakyat seperti mana yang disebut oleh ADUN Bukit Serampang tadi, bahawa jelajah Johor atau Kembara Mahkota Johor ini melihat, bergerak, membantu rakyat, menyelinap masuk ke setiap kampung menggunakan motosikal, kereta, bot dan ada juga menggunakan kereta api sehinggakan sultan kita ini jadi sultan pertama memandu kereta api secara sah, yang dicatat dalam *Malaysia Book Of Records.*

Kita berdoa mudah-mudahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku beroleh kesihatan yang baik dan walafiat hendaknya. Tetapi alangkah jahilnya seorang Menteri Besar dari parti pembangkang cuba mempertikai perkara yang tidak tepat, yang kononnya dia sahajalah yang memahami jiwa rakyat. Dia sahajalah yang kononnya nak membela rakyat. Siapakah dia yang bukan rakyat Johor, sewenang-wenangnya mempertikai Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, walhal kita sebagai rakyat Johor sedia maklum melalui program yang saya sebutkan tadi Program Kembara Mahkota Johor, bukit mana yang tak didaki, lurah mana yang tidak di redai, sungai mana yang tak diseberangi, kampung mana yang tak dikunjungi termasuk kampung orang Asli. Bandar mana yang tidak disinggahi, rakyat miskin dibantu, rakyat OKU dikasihi.

Pendek kata pelbagai pendekatan telah di laksana. Tuanku menjadi kesayangan rakyat kerana budinya, tidak ada rakyat tiadalah raja, raja dan rakyat berpisah tiada, titah baginda sambil menyeru rakyat Johor bersatu padu tanpa mengira kaum dan agama. Itulah sultan yang berjiwa rakyat bukan seperti bekas Menteri Perak itu yang rakyat tapi berlagak macam raja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku sayangnya pada rakyat selalu dan sanggup mencemar ke bawah Duli melihat sendiri golongan masyarakat di bawah, tak kiralah ketika panas ataupun hujan. Golongan miskin dilihat dari segi tempat kediamannya, ditanya tentang sumber pendapatannya, peluang pendidikan dan sebagainya, bak kata pepatah, Berketak ayam di darat, bersenyap-senyap mutiara di laut. Orang bodoh suka menunjuk apa yang dibuatnya, orang pandai bijaksana diam-diam sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya kejayaan dan kurniaan Allah SWT ini yang akhirnya menjadikan bumi Johor , insya-Allah akan menjadi sebuah bumi yang cukup bertuah kerana apabila kita melihat bagaimana sebuah kawasan yang dulunya tidak terfikir di otak kita, akhirnya hari ini kita melihat bumi Pengerang yang duduknya dalam sebuah negeri iaitu Negeri Johor ini akan melahirkan akan menghasilkan hasil bumi yang cukup tinggi nilainya. Tentunyalah *oil and gas* ini, atau dengan izin, minyak dan gas ini, petroleum dan gas ini boleh dijumpai di negeri-negeri lain, dengan izin Allah. Boleh jumpa dekat Negeri Perak, mungkin boleh dijumpai di Negeri Kedah, mungkin boleh dijumpai di Negeri Selangor, tetapi kenapa Allah SWT, kenapa Allah SWT mewujudkan atau menjumpai, menemukan hasil dalam tanah ini yang kita kata sebagai harta karun, duduk ataupun dijumpai di Negeri Johor.

Dan, pada pengamatan saya tidak lain tidak bukan kerana di awal pentadbiran ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor, ketika mula memimpin Negeri Johor ini beliau telah mewacanakan atau menggerakkan masyarakat dengan satu program yang kita yakin dan percaya, memang inilah ibu kepada segala bentuk program yang boleh kita jadikan dia asas kepada pentadbiran di kawasan kita masing-masing, iaitu membudayakan Al-Quran.

Allah jamin siapa yang menjaga Al-Quran ini akan dibela, akan diberi perlindungan. Itu sebab bagi saya inilah kurniaan Allah, ketika kita sedang dalam begitu rancak mempersoalkan tentang kuasa masing-masing akhirnya Allah SWT menimbulkan, mengeluarkan daripada hasil bumi yang merupakan satu hasil yang cukup hebat di rantau atau di masa kini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Baginda Tuanku juga menyentuh tentang keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Kawasan DUN Senggarang yang lebih daripada 65% daripada muka tanah besarnya menghadap Laut Selat Melaka, maka sudah tentu terdedah dengan pelbagai masalah, sama ada yang berkaitan dengan angin rebut ataupun ombak besar. Baru-baru ini berlaku kejadian air pasang luar biasa yang melepasi paras ketinggian air pasang sekitar 3.8 meter.

Senggarang berpendapat Jabatan Parit dan Saliran perlu menyediakan satu pelan cadangan bagi mengatasi banjir air pasang ini dengan lebih menyeluruh kerana di kawasan DUN Senggarang terdapat beberapa kampung yang bersifat seperti kawah kerana air mudah bertakung di kawasan tersebut. Paras air di muara lebih tinggi di hilir atau di pertengahan hilir. Contohnya di Kampung Parit Hailam Darat, Kampung Seri Menanti, Kampung Parit Kasih Laut, Kampung Baru Darat dan fenomena ini tidak hanya berlaku pada musim hujan atau tengkujuh sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, keduanya saya ingin membawa dalam Dewan ini iaitu tentang apa yang berlaku di kawasan DUN Senggarang ini apabila projek pembangunan, Alhamdulillah di bawah kerajaan Barisan Nasional bermula pada bulan Mac 2008, hari bermulanya Barisan Nasional mentadbir kawasan DUN Senggarang ini, kerana kita sedia maklum 2004 kawasan ini terlepas kepada pembangkang, ketika itu baru saja diwujudkan kawasan DUN yang baru ini. Dan Kerajaan Barisan Nasional begitu banyak pembangunan yang mula masuk dan mencurah hasil daripada permohonan-permohonan yang dikemukakan hasil daripada

perjumpaan, perbincangan antara ketua-ketua jabatan dan berbagai-bagai agensi kerajaan yang ada. Contohnya dengan adanya pembinaan kem tentera yang dikatakan akan beralih daripada Majidee ke Batu Pahat, dengan wujudnya kolej komuniti di Batu Pahat.

Semuanya terletak dalam DUN Senggarang, Sekolah Menengah Sains Batu Pahat yang telah pun memulakan sesi persekolahannya, Sekolah Menengah Banang Jaya, Sekolah Kebangsaan Banang Jaya, Kawasan Perindustrian Taman Wawasan, Pusat dan Teknologi Tinggi ADTEC Batu Pahat serta banyak lagi taman-taman perumahan yang semakin padat penduduknya. Cuma apa yang saya risaukan kawasan pembangunan yang melalui ataupun memasuki kawasan Senggarang ini daripada Pekan Batu Pahat atau Bandar Batu Pahat, dilihat akan mengalami satu kesesakan lalu lintas yang cukup hebat pada masa akan datang. Jika tidak dirancang, jika tidak direncanakan lebih awal dan itu sebab bagi saya sebagai Ahli Dewan Undangan kawasan Senggarang saya ingin mengajak ataupun mengharapkan pihak JKR khususnya merangka dan mencadangkan agar kerja-kerja menaik taraf dapat di buat lebih awal supaya apabila projek pembangunan ini memenuhi ataupun sepenuhnya berjalan maka kawasan ini akan menjadi satu kawasan yang cukup sesak dari segi kenderaannya, dari segi *trafiknya,* dengan izin.

Dan kita tak mahu berlaku seperti mana yang berlaku di Jalan Kluang, apabila pembangunan begitu pesat barulah pembangunan ataupun naik taraf jalan nak dilaksanakan maka berbagai-bagai masalah yang timbul dan apa yang kita tahu Jalan Kluang itu sudah menjadi sebuah jalan yang merupakan jalan yang indeks kemalangan yang paling tinggi di negara kita. Itu sebab saya Senggarang mohon agar jalan *single lane* dengan izin, yang ada sekarang ini di naik taraf kepada *double lane* ataupun pergi balik, dua lorong daripada Taman Bandar sehingga ke ADTEC yang mungkin jarak panjangnya sekitar hampir 5 kilometer dan mudah-mudahan dengan perancangan-perancangan lebih awal ini pihak JKR akan dapat menyediakan bajet untuk dikemukakan kepada pihak kerajaan supaya akhirnya jalan ataupun kawasan yang kita lihat ini dengan pesat pembangunan yang bakal ada di situ akan dapat dijayakan dengan lebih awal dari segi jalan-jalan yang sedia ada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya juga ingin membangkitkan dalam Dewan ini tentang apa yang dilakukan iaitu apa yang dilaksanakan di bawah Tenaga Nasional iaitu di mana sekarang ini ada satu program baru ataupun maknanya pembacaan meter TNB yang dibuat dua bulan sekali. Dan apa yang membimbangkan kita ialah apabila bulan pertama tidak dibuat bacaan pada bil meter TNB ini dan bacaan hanya dibuat pada bulan yang kedua, maka apabila bil *charge* yang dikenakan pada bulan kedua ini sampai belum dapat dijelaskan dalam tempoh yang pendek dalam tempoh seminggu atau dua minggu maka notis pemotongan dah dikeluarkan. Dan, notis pemotongan ini dikeluarkan kerana dikatakan bil bulan pertama ataupun *charge* bulan pertama itu tidak dibayar dan *charge* itu dianggap satu tunggakan. Dan, saya mengharapkan agar pihak TNB dapat mengkaji semula pelaksanaan bacaan meter ini kerana pembacaan meter yang dibuat dua bulan sekali ini bagi saya agak membebankan rakyat, khususnya golongan yang berkurang kemampuan kerana apabila bulan pertama tidak mendapat bil, hanya bulan kedua sahaja sudah tentu jumlahnya akan lebih besar dan kesanggupan

rakyat untuk membayar dalam jumlah yang besar ini akan menjadi satu bebanan yang amat ketara kepada golongan miskin khususnya.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Masa cukup Yang Berhormat.

**Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim (Senggarang) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi perkara yang saya ingin bawa dalam Dewan ini iaitu ketika lawatan Yang Amat Berhormat ke peti-peti undi dalam Parlimen Batu Pahat. Kita melihat bahawa golongan masyarakat Orang Asli di bawah kawasan Senggarang ini iaitu di Kampung Telok Minyak Beku telah pun berjaya kita pindahkan ke satu kawasan yang lebih selesa yang kita namakan dia Desa Seri Banang. Tetapi masih ada lagi kelompok ataupun masyarakat yang bukan asli ini iaitu orang Melayu yang dulu duduk sama-sama Orang Asli apabila Orang Asli ini berpindah maka mereka tidak dapat berpindah kerana mereka tidak layak untuk duduk di kawasan Desa Seri Banang kerana statusnya adalah orang Melayu, orang Melayu yang asal Kampung Minyak Beku.

Dan, keluarga ini tak kurang daripada 25 keluarga di mana 4 keluarga yang duduk di bawah rizab tanah kubur ataupun rizab pantai. Ada 5 keluarga yang berada di tanah rizab JKR dan 16 keluarga berada di tanah wakaf masjid. Dan mereka telah pun, maknanya duduk di kawasan ini sekian lama, 40 atau 50 tahun. Dan oleh kerana pihak pembangkang bagi saya selalu sahaja menjadikan isu-isu yang kita telah tangani lebih awal ini mereka akan cuba memanipulasikan ataupun menjadikan itu sebagai bahan mereka. Itu sebab saya bangkitkan di Dewan ini supaya isu-isu yang telah kita kemukakan ini dapat kita selesaikan atau dapat kita maklumkan dengan lebih awal. Seperti mana yang kita sedia maklum tanah JHEOA tanah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang menempatkan kawasan 100 keluarga Orang Asli di kawasan Desa Seri Banang ini masih ada berbaki dan apalah kiranya, sekiranya di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri yang saya kira cukup berjasa ini dapat juga mempertimbangkan agar baki tanah yang ditempatkan pada orang asli ini dapat juga ditempatkan pada 25 keluarga orang Melayu di kawasan Minyak Beku ini, agar mereka tidak lagilah duduk di tanah rizab kubur, masjid ataupun sebagainya.

Dan Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya mengakhiri perbahasan saya ini, iaitu saya juga ingin mengajak ataupun, kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengajak kita berpegang kepada prinsip-prinsip bagi mempertahankan kerukunan hidup, kesetiaan kepada Raja dan Negara, perpaduan kaum yang menjadi asas kepada kewujudan negara ini, bagi saya, marilah kita berdoa, mudah-mudahan negara dan Negeri Johor ini tidak terlepas ataupun tidak dicemari oleh pemimpin-pemimpin pembangkang yang tidak pernah rasa bersyukur, tentang kehidupan mereka tentang apa keamanan yang mereka telah kecapi sekian lama di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Dan, saya kira inilah perkara yang perlu kita perjuangkan sehingga ke titisan darah yang terakhir agar bumi yang bertuah ini tidak menjadi satu bumi yang rosak ataupun menjadi satu bumi yang akhirnya punah disebabkan oleh tangan-tangan yang tidak bertanggungjawab ini. Bagi saya, seluruh Rakyat Johor, kita berusaha ataupun Senggarang mengharapkan agar kita semua kena berusaha berdoa, mudah-mudahan dalam pilihan raya yang akan datang ini, Barisan Nasional terus kekal untuk mentadbir Negeri Johor Darul Takzim ini. Dengan itu saya menyokong

Rundingan Menjunjung Kasih, Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang di bawa oleh ADUN Rengit.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih Senggarang. Jemput yang lain. Ada?

**Y.B. Datuk Haji Adam Bin Sumiru (Tanjung Puteri) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumusalam warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Haji Adam Bin Sumiru (Tanjung Puteri) :** Salam hormat, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT dan berterima kasih kerana diberi peluang membahas usul Rundingan Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, di Persidangan Yang Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 di Dewan yang mulia pada hari ini.

Dalam awal, Titah Baginda pada 14 Jun yang lalu semasa Pembukaan Rasmi Persidangan, Baginda mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita semua masih lagi dapat hidup dalam suasana yang aman dan makmur. Pendekatan yang saya jangka Baginda Sultan tujukan ucapan tersebut kepada keadaan aman dan makmur adalah kepada seluruh Rakyat Negeri Johor, khususnya, khasnya kepada seluruh rakyat Malaysia amnya. Memandangkan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama pada masa ini hidup dalam harmoni, aman damai dan boleh melaksanakan amalan agama masing-masing tanpa diganggu, dan bebas mencari rezeki dengan kemakmuran negara menjadikan sebilangan manusia yang tidak bersyukur kepada nikmat dari Allah SWT. begitu iri hati, dengki hinggakan sanggup melihat negara tercinta ini bergolak, hancur, kucar kacir dan melakukan berbagai tindakan agresif seperti berdemonstrasi jalanan, provokasi perkauman dan memutar belit fahaman agama hanya ingin menggambarkan kepada negara luar yang Malaysia tidak serupa sebagaimana yang digambarkan. Saya begitu sedih melihat perangai mereka ini. Bukankah sebagai rakyat sebuah negara yang tercinta ini, sepatutnya kita memberi sumbangan yang boleh menaikkan nama Malaysia kepada negara-negara lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ucapan yang disampaikan oleh ADUN Skudai menggambarkan seperti kakitangan kerajaan begitu tidak profesional dan penuh rasuah. Sebentar tadi Bentayan juga kata dia menyokong dan dia kata baik, tetapi kemudian tetap dia bantainya juga. Tuduhan kepada SPRM tidak menjalankan tugas, tanggungjawab dan bersubahat, melambatkan tindakan kepada bekas CEO Iskandar Malaysia, dengan kes meluluskan tender kepada kaum keluarga, katanya juga melambangkan yang kakitangan ini semua tidak boleh diharap dan tidak bertanggungjawab serta bersama-sama terlibat bersubahat di dalam apa jua perkara yang mereka nampak negatif. Menggambarkan penduduk Pengerang tidak boleh terima Projek RAPID, seakan-akan projek tersebut di bantah oleh seluruh rakyat. Menggambarkan pelabur luar negara pilih tempat yang terakhir, tempat ini dan tidak berminat melabur ke Negeri Johor adalah tuduhan-tuduhan liar kepada Malaysia yang sudah menunjukkan prestasi yang baik, yang diberi pengiktirafan dunia. Dan apa maksud bidalan yang Skudai katakan, saya pun tak faham. Meludah ke langit akan

jatuh ke muka sendiri. Kalau nak di katakan memang tepat, kepada Skudai. Ada penduduk di kawasan DUN Skudai, yang berniaga di kawasan saya mengatakan mereka begitu tidak senang dengan ADUN mereka, kerana hanya pandai menjaga kawasan orang lain. Apabila minta bantuan kerana permasalahan setempat akan dijawab pentadbiran Kerajaan Johor tidak kerja yang betul, dengan betul. Mengamalkan rasuah, tidak efisien dan macam-macam lagi. Pengundi-pengundi Skudai tersebut pada masa ini sudah serik kerana membuat kesilapan memilih pembangkang mewakili mereka. Tidak seperti Wakil Rakyat DUN lain katanya. Kalau diminta bantuan cepat mengambil tindakan, bukan sahaja apa yang dijanjikan di kotakan bahkan sebelum diminta sudah sampai bantuan. Ini saya, ingin katakan tahniah, terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, pihak KEMAS, Perpaduan, Belia dan Sukan dan semua agensi kerajaan yang banyak memberi sumbangan kepada orang-orang miskin dan orang kurang upaya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tidak pandai membaca akhbar tulisan Cina, tetapi saya berterima kasih kepada sebuah akhbar Melayu yang terjemahkan berita dari akhbar Cina tersebut. Dalam sebahagian artikel yang diterjemahkan, berita yang dilaporkan begitu melukai hati kalau orang Melayu membacanya. Tuduhan mengatakan orang Melayu tidak pandai berniaga, malas, kalau diberi bantuan sampai mati pun tak akan boleh mengatasi orang Cina berniaga. Maka bantuan yang kerajaan berikan kepada peniaga Melayu hanya membazirkan wang cukai daripada rakyat jelata. Orang Melayu patut berterima kasih kepada orang Cina kerana pandai berniaga hingga memajukan negara. Cukai dari peniaga-peniaga Cinalah yang membantu kerajaan menjadi makmur, katanya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dari segi ilmu berniaga baik Melayu atau Cina ianya sama sahaja. Ada peniaga Melayu berkata, lihat contoh orang Cina berniaga, walaupun mereka berniaga makan bersebelahan, mereka tidak bergaduh sesama sendiri. Tetapi kalau Melayu berniaga makanan, ada yang kata kena ilmu hitamlah, ada jin tutup pandangan kedai merekalah, hingga pelanggan tidak nampak kedai mereka dan akhirnya mereka gulung tikar, tutup kedai. Di kawasan saya ada ramai peniaga, baik Cina, Melayu, India semua ada. Oleh kerana saya sering turun ke padang, sering melihat mereka berniaga, layan apa masalah-masalah mereka, maka saya dapat mengetahui akan keadaan sebenarnya perangai-perangai peniaga ini. Baik Melayu, Cina atau India berniaga, keadaannya sama sahaja, serupa. Perselisihan faham sering berlaku, masalah tidak puas hati sering berlaku dan berbagai-bagai perkara timbul kerana perniagaan mereka tidak maju. Kalau bukan kerana jiran mereka, akhirnya kata kerajaan tidak membantu, kerajaan juga yang dipersalahkan. Jadi apa yang saya hendak sampaikan adalah mengenai siapa sepatutnya berterima kasih kepada siapa? Kalau orang Cina kata orang Melayu patut terima kasih kepada orang Cina kerana memajukan berniaga dalam perniagaan dan memakmurkan negara Malaysia, ya saya boleh terima. Cuma beri peluang kepada orang Melayu agar lebih maju dalam bidang perniagaan.

Kek-ekonomi yang dibina oleh kerajaan di negara ini begitu besar, boleh dikongsi bersama. Tetapi semangat orang Melayu kepada kesejahteraan semua rakyat patut jugalah diterima oleh orang lain. Contoh semasa perang Jepun, tahun 1942, 1943 berapa ramai rakyat Malaya semasa itu terkorban yang dewasa, yang muda, kanak-

kanak, yang di dalam bandar, di luar bandar, di kampung-kampung, ramai yang menjadi korban dan dibunuh oleh tentera Jepun. Dalam masa inilah kita dapat lihat bagaimana rakyat begitu prihatin bersama-sama menarung, kepada perkara tersebut. Dalam masa inilah kita lihat rakan-rakan, jiran-jiran orang Cina meminta anak-anak mereka dijaga oleh orang Melayu. Ada yang terpaksa menyapu debu arang ke muka anak-anak perempuan mereka dan biar menjadi gelap sedikit warna macam orang Melayu, dipakaikan baju kurung macam orang Melayu supaya pihak tentera Jepun terlepas pandang dan tidak mengambil tindakan merampas mereka dan kemungkinan dibunuhnya. Selepas British mengambil alih kuasa semula, ada anak-anak orang Cina yang diserahkan semula kepada keluarga ini. Masing-masing balik kepada keluarga masing-masing dan ada juga yang kehilangan terus kaum keluarga mereka. Pada masa ini orang Melayu terus memelihara anak-anak ini dan dijadikan anak angkat. Ramai keturunan dari anak-anak seperti ini yang bersyukur dan berterima kasih kepada ibu bapa angkat mereka. Begitu juga kepada keluarga ataupun keturunan sebelah keluarga isteri saya. Nenek kepada isteri saya salah seorang daripada mereka juga, orang Cina. Alhamdulillah saya berumah tangga dengan isteri saya dan tiada cerita ataupun, tiada bangkit cerita untuk memohon berterima kasih kepada sesiapa. Cerita-cerita seperti ini sering kali kita dengar daripada orang-orang lama. Sejarah seperti ini kita tidak akan lupa sekiranya ia tidak diputar belitkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Saya menyampaikan cerita ini bukan hendak memohon ucapan terima kasih daripada orang Cina. Hanya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada rakan seperjuangan kami dalam Barisan Nasional iaitu MCA, begitu juga dengan MIC. Mereka begitu faham akan perjuangan Barisan Nasional. Mengetahui sejarah dan sentiasa mementingkan kesejahteraan seluruh rakyat tidak memilih bangsa dan agama.

Kalau hendak dikata, MCA begitu teruk diperkatakan oleh sebahagian orang Cina, dituduh kena buli oleh UMNO, menjadi Pak Turut kepada UMNO, tidak boleh membantah keputusan UMNO. Mereka dituduh membesarkan kekayaan peribadi sahaja dan mereka dilabelkan tidak sesuai lagi membawa suara orang Cina dan orang India dalam kerajaan. Ini adalah pandangan yang membawa perkauman oleh parti pembangkang. Begitu kejam tuduhan pembangkang kepada MCA dan MIC, sehingga begitu ramai calon Wakil Rakyat dari Barisan Nasional kalah dalam PRU ke-12 pada 2008.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah dalam kawasan saya dah banyak saya bincangkan terus kepada kerajaan Negeri dan banyak selesai dan ada yang belum selesai mungkin akan diselesaikan sebelum pilihan raya dan saya juga sebagaimana yang Kahang katakan, mungkin apa yang disampaikan seperti "Pukul anak sindir menantu", tetapi saya nak menceritakan mengenai bidalan Melayu, mengenai janji. Saya nak cerita mengenai tiga orang sahabat, walaupun mereka tidak sependapat dalam banyak perkara, mereka menaiki sebuah kenderaan pada zaman dahulu kala untuk pergi ke destinasi yang sama. Mereka berjanji akan berkongsi kuasa yang mereka ada seadil-adilnya sekira pakatan mereka dapat mengalahkan lawan mereka dalam satu pertandingan. Malangnya semasa menaiki kenderaan ada di antara mereka terpijak sesuatu objek aneh. Kebetulan kerana kenderaan mereka diletak di kawasan lapang yang berumput. Walaupun di dalam perjalanan ketiga-tiga mereka berbaur busuk dan tidak selesa, mereka tidak menuduh di antara satu sama lain.

Kerana takut ianya boleh menjadi perpecahan kepada pakatan mereka ini. Untuk mengalih pemikiran mengenai keadaan yang busuk, yang tidak selesa, mereka berangan-angan dan menceritakan kehebatan mereka dalam bidang masing-masing. Yang satu berkata, kalau soalan mengenai agama Islam serahkan kepada dia kerana dia adalah Tok Ketua Guru. Satu lagi berkata kalau mengenai agama Islam langkah mayat dia dan dia tidak minat soalan itu. Dia mahir dalam soalan yang berputar belit, membohong dan sebagainya. Yang satu lagi ni, dia berkata kalau soalan-soalan, kalau soalan-soalan berdebat dia jawab beres. Kalau soalan dari belakang dia lagi pakar. Mereka bergelak ketawa dan bercerita bagaimana hendak membahagi-bahagikan hadiah yang akan dimenangi di pertandingan berkumpulan nanti. Oleh kerana perjalanan ke tempat pertandingan sudah dekat, mereka bersetuju berhenti rehat di kawasan lapang. Kalau sekarang macam R&R lah. Di takdirkan sekali lagi terpaksa berhentikan kenderaan di atas kawasan yang berumput.

Setelah berehat dan bersedia meneruskan perjalanan, si pemandu terus mengingatkan rakan-rakan yang lain agar berhati-hati semasa hendak menaiki kenderaan takut-takut terpijak objek aneh. Kedua rakan bertanya kepada si pemandu kenapa belia memberi amaran sebegitu rupa, dengan spontan beliau berkata, sebelum memberikan jawapan kepada soalan saudara-saudara saya meminta saudara semua membuat perjanjian antara kita bertiga. Boleh atau tidak? Kedua rakan tersebut terus menjawab boleh, oleh kerana yakin kepada si pemandu, mereka bersetuju membuat perjanjian tersebut. Mereka berikrar, pertama mesti merahsiakan daripada pengetahuan orang ramai siapa yang membawa bau busuk dari awal perjalanan tadi. Kedua, walaupun berbau busuk mestilah dikatakan wangi oleh mereka bertiga. Ketiga perkara-perkara yang kotor semuanya dikira bersih. Keempat, sesiapa bertanya tentang bau busuk dalam kenderaan kita salahkan kumpulan-kumpulan yang lain. Setelah selesai membaca ikrar, si pemandu mula mengaku yang beliau sebenarnya terpijak tahi kucing sebelum masuk kenderaan. Begitu juga kepada kedua-dua rakan mereka, mengaku yang mereka juga sebenarnya terpijak tahi kucing sebelum masuk kenderaan dari awal tadi. Oleh kerana mereka bertiga telah terpijak tahi kucing di rumput sebelum menaiki kenderaan, maka mereka mengisytiharkan perjanjian tersebut sebagai janji tahi kucing. (Dewan ketawa). *Moral of the story* dengan izin,

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Masa cukup Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Haji Adam Bin Sumiru (Tanjung Puteri) :** *Moral of the story* adalah jangan letak kereta di tempat berumput yang banyak kucing, nanti jadi seperti pakatan songsang tersebut. Dengan cerita seakan-akan benar ini, saya akhir ucapan saya dengan menyokong usul yang di bawa oleh Yang Berhormat ADUN Rengit. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih Tanjung Puteri. Jemput yang lain.

**Y.B. Encik Tan Nai Soon (Pekan Nenas) :** Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Kenapa Yang Berhormat? Yang Berhormat dah makan belum?

**Y.B. Encik Tan Nai Soon (Pekan Nenas) :** Belum.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Belum? Belum duduklah. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2:30 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1:10 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.**

**Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Ahli Yang Berhormat perbahasan disambung semula. Dijemput siapa yang dah tak nak? Oh nak berucap oh, oh,ok.

**Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) :** Selamat sejahtera dan salam 1Malaysia. Pekan Nenas ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada yang Berhormat kepada Dato' Speaker kerana untuk memberi peluang kepada Pekan Nenas turut sama untuk perbahasan dan menjunjung kasih di atas Titah Duli Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor ketika merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Ke-5 Dewan Negeri Johor pada 14 Jun yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker Duli yang Maha Mulia Tuanku telah mengingatkan kepada Kerajaan Negeri supaya meneruskan usaha mempertingkatkan kesejahteraan hidup rakyat Johor secara merata sama ada di bandar dan di luar Bandar. Ini termasuk menyediakan rumah rakyat yang selesa berkualiti kepada golongan yang memerlukan bagi pendapatan rendah atau sederhana. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Kerajaan Negeri kerana selama ini telah membina sejumlah 6,867 unit rumah di bawah projek perumahan rakyat dan juga 8,487 unit rumah murah Kerajaan bagi tujuan membantu golongan pendapatan rendah dan sederhana menikmati kehidupan yang lebih bermutu dan lebih selesa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkembangan perlaksanaan pelbagai projek pembangunan adalah amat baik bagi kestabilan ekonomi negara mahupun Negeri Johor. Di Negeri Johor sendiri telah banyak projek pembangunan gergasi termasuklah pembangunan Wilayah Iskandar yang sedang rancak dilaksanakan. Ini merupakan satu perkembangan positif, kerana ianya sudah pasti akan membawa pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berterusan di Negeri Johor serta menjana beribu-ribu peluang pekerjaan kepada rakyat jelata. Walau bagaimanapun, berkembangan pesat ini juga telah meningkat kos sara hidup sejajar dengan peningkatan pendapatan dan taraf hidup yang lebih selesa lebih menambahkan tekanan adalah peningkatan yang agak tinggi pada nilai hartanah yang agak melambung tinggi. Keadaan ini sebenarnya telah memberi tekanan yang hebat kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang mempunyai pendapatan dalam lingkungan RM3000.00 sebulan. Mereka ini mungkin tidak tergolong dalam golongan miskin yang layak bantuan kewangan kerajaan namun mereka juga menerima kesan negatif ekoran daripada kenaikan kos sara hidup dan hartanah lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai contoh nilai rumah teres dua tingkat di Johor Bahru kini mencecah lebih RM400,000.00 dengan luas binaan yang agak kecil, manakala rumah teres satu tingkat kini amat kurang dibina oleh pemaju perumahan mungkin kerana tidak menguntungkan. Keadaan hartanah yang mahal ini amat menyukarkan golongan pendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah sendiri dan terpaksa menyewa rumah yang mana kos sewaan di bandar besar di Johor Bahru juga amat tinggi. Pendapatan yang tidak dapat menampung perbelanjaan harian telah memberikan mereka tekanan hidup terlalu berat untuk ditanggung, yang seterusnya mungkin mencetuskan perasaan tidak puas hati terhadap Pentadbiran Kerajaan. Yang Berhormat Dato' Speaker, golongan yang pendapatan rendah dan sederhana di bandar ini kebayakan nya golongan belia iaitu yang berusia antara 18 hingga 40 tahun, yang dianggarkan lebih kurang 43% daripada golongan belia ini merupakan pengundi yang akan mengundi dalam Pilihan Raya yang akan datang. Mereka adalah pengundi baru atau pengundi muda yang baru bekerja setelah tamat pelajaran ataupun baru berumah tangga. Sekiranya beban memiliki rumah yang mereka dihadapi ini tidak ditangani dengan lebih baik dibimbangi akan berlaku sesuatu yang di luar dugaan pada pilihan raya yang akan datang. Walaupun Kerajaan telah mewujudkan satu Skim yang beri nama Skim Rumah Pertamaku, namun difahamkan bahawa skim ini tidak dapat menyelesaikan masalah memiliki rumah selagi nilai hartanah tetap melambung tinggi dan syarat bayaran ansuran bulanan tidak lebih 60% daripada pendapatan bersih terus bulanan terus dikenakan.

Pekan Nenas ingin bertanya, berapa banyak permohonan Skim Rumah Pertamaku telah terima, khususnya di Negeri Johor. Apakah statistik permohonan dan kelulusan bagi Skim Rumah Pertamaku mengikut daerah di Johor? Berapa peratus golongan belia yang memohon dan diluluskan permohonan mereka?

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas amat berharap agar kerajaan akan memberikan bantuan-bantuan yang tertentu boleh meringankan beban hidup golongan pendapatan rendah dan sederhana khasnya golongan belia di kawasan bandar terutamanya, membantu mereka merealisasikan impian memiliki rumah sendiri melalui dasar sewa dahulu dan beli kemudian dan syarat-syarat pinjaman bank komersial kepada golongan belia untuk memiliki rumah pertama harus juga dipermudahkan dan dilonggarkan termasuklah memberi pinjaman 100% degan tempoh ansuran bayar balik yang lebih panjang Pekan Nenas juga ingin mencadangkan agar kerajaan mewujudkan satu Jawatankuasa Khas untuk memantau dan mengawal harga pasaran rumah-rumah binaan pemaju Swasta agar ia tidak melambung tinggi ke satu tahap tidak munasabah dan tidak terkawal akibat kegiatan spekulasi

Yang Berhormat Dato' Speaker baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah melancarkan Skim Perumahan Komuniti Johor atau (PKJ) dan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) menerusi Dasar Perumahan Rakyat Johor sebagai usaha atau langkah baru Kerajaan bagi memastikan pihak Syarikat pihak Pemaju Perumahan swasta memberikan penekanan penyediaan rumah rakyat jenis strata dan bertanah dengan keluasan binaan yang lebih besar dan selesa untuk golongan pendapatan rendah dan sederhana. Difahamkan bahawa rumah dalam kategori PKJ dijual pada harga RM 42,000.00 bagi keluasan 720 kaki persegi dalam RM80.000.00 bagi keluasan 850 kaki

persegi. Manakala kategori RMMJ dengan keluasan binaan 1.000 kaki persegi dijual pada harga antara RM120.000.00 hingga RM150.000.00, seunit. Harga rumah PKJ dan RMMJ yang ditetapkan Kerajaan Johor ini adalah harga yang mampu dibeli oleh golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Usaha Kerajaan Negeri bagi membantu merealisasikan impian memiliki rumah bagi golongan pendapatan sederhana dan rendah tanpa menambah beban hidup mereka amat dialu-alukan oleh rakyat jelata khas nya golongan belia.

Pekan Nenas berharap kerajaan juga melaksanakan projek-projek tersebut di daerah Pontian khasnya di kawasan DUN Pekan Nenas memandangkan di kawasan DUN Pekan Nenas amat kekurangan kos mampu milik disebabkan tiada projek Perumahan Swasta yang berskala besar dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas ingin membawa satu isu yang berkaitan golongan belia. Lebih kurang 11.8 juta orang atau 4.5% populasi Malaysia adalah belia. Negara kita sebenarnya telah banyak mengeluarkan graduan universiti yang berkualiti dan kreatif mereka ini sepatutnya menjadi aset yang berharga bagi negara. Kini dianggar lebih kurang 700.000 orang rakyat Malaysia bekerja di luar negara. Ramai daripada mereka adalah golongan belia yang mempunyai kepakaran tertentu atau merupakan tenaga mahir. Mereka, ini bukan tidak taat setia atau tidak cintakan tanah air pendapatan yang lumayan persekitaran bekerja serta pembangunan Profesion yang lebih baik di luar negara merupakan punca-punca utama golongan profesional berhijrah ke luar negara tambahan pula terdapat banyak halangan dan karenah birokrasi di pasaran pekerjaan tempatan. Yang membataskan daya kreativiti dan peluang promosi kerjaya mereka penghijrahan golongan profesional yang *majoriti* nya belia negara asing amat merugikan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyedari keadaan ini Kerajaan telah menubuhkan *Talent Corporation* dengan izin, pada tahun 2011 dengan tujuan untuk menarik kepakaran negara yang berada di luar negara kembali dan menyumbang kepada negara. Pelbagai inisiatif seperti *Returning Expert Program, Scholarship Talent Attraction and Retention* dan *Talent Acceleration In Public Servis,* dengan izin, telah dilaksanakan oleh *Talent Corporation,* dengan izin tahniah, diucapkan kerana kini terdapat perubahan serta ramai golongan profesional Malaysia yang berada di luar negara telah kembali dan menyumbang dalam pembangunan ekonomi negara. Akan tetapi mencegah adalah lebih baik daripada mengubati, *Prevention is better than cure,* dengan *izin,* mengambil langkah-langkah mengekalkan golongan profesional dan tenaga mahir di tanah air agar terus menyumbang bakti kepada pembangunan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas ingin mencadangkan agar graduan melepasi universiti berbakat terutamanya dalam bidang kepakaran yang khusus seperti bidang kejuruteraan dan sebagainya diberi ruang, peluang dan kebebasan untuk berkreatif dalam menjalankan kepakaran bidang masing-masing, khususnya sektor nya kerja pembangunan dan *Research and Development,* dengan izin. Selagi mana ia tidak menjejaskan nilai inspirasi budaya Negara, karenah birokrasi dan sebagainya telah dikenal atau pasti sebagai penghalang bagi mereka bebas berkreatif hendaklah di longgar atau mungkin dihapuskan sama sekali. Peraturan dan

*prosedur* jabatan yang *rigid* yang menjadi penghalang kepada kreativiti untuk berkembang juga perlu dihapuskan. Peluang promosi sesuatu bidang kepakaran juga perlu telus dan mengikut KPI yang telah ditetapkan berpandukan prestasi dan bukan *seniority* ataupun *koloni*. Bagi mereka yang menjadi usahawan dalam mencipta sesuatu yang baru hendaklah dibantu dengan memudahkan lagi syarat pinjaman kewangan untuk mencipta reka atau sebagainya. Insentif tertentu harus diberikan sebagai pemangkin dan menggalakkan daya cipta melalui geran bantuan dan sebagainya. Galakan dan sokongan ini akan menyebabkan golongan profesional berasa bakti atau perkhidmatan mereka di iktirafkan dan dihargai. Secara tidak langsung akan menguatkan lagi nilai patriotik dalam diri mereka untuk lebih menyumbang tenaga dan idea demi kemajuan Negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek pelebaran jalan dari Pekan Nenas ke Kulai melalui Jalan Kampung Sawah dan Jalan Sri Gunung Pulai sepanjang 5 kilometer yang melibatkan kos RM2.5 juta telah bermula sejak akhir tahun 2010. Akan tetapi, sehingga hari ini projek tersebut belum dapat siap sepenuhnya disebabkan tiang-tiang TNB dan TELEKOM di kiri kanan jalan masih belum dialihkan. Tiang-tiang utiliti yang terletak di atas jalan, setelah kerja pelebaran amat merbahaya kepada penggunaan jalan raya tersebut khasnya pada waktu malam. Difahamkan, JKR Daerah telah memaklumkan pihak TNB dan Telekom untuk mengalihkan tiang-tiang terlibat sejak permulaan projek lagi tetapi setelah siapnya kerja pelebaran dan penurapan jalan, pihak TNB dan TELEKOM masih gagal mengalihkan tiang utiliti dengan sebab menunggu peruntukan daripada pihak atasan. Selain itu, berlaku juga masalah bangunan baru, sekolah yang siap dibina beberapa bulan lalu masih belum dapat digunakan pakai disebabkan masalah pemasangan meter TNB.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini telah jelas menunjukkan terdapat kelemahan dari segi koordinasi antara jabatan kerajaan dengan Agensi utiliti seperti TNB dan TELEKOM dan lain-lain kelemahan ini telah menimbulkan masalah kelewatan projek disiapkan dengan sepenuhnya. Dan biasanya, kerajaan perlu menanggung kos pertambahan akibat kelewatan itu. Adalah tidak adil kepada jabatan kerajaan yang sentiasa dipersalahkan dalam masalah kelewatan menyempurnakan projek yang sedemikian dan ianya sudah pasti membawa impak negatif kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana rakyat tidak puas hati dan hilang keyakinan terhadap agensi kerajaan

Di Dewan yang mulia ini, Pekan Nenas ingin mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Khas Pemantauan Projek-Projek Pembangunan dan Infrastruktur peringkat Negeri dan juga peringkat Daerah ditubuhkan untuk mengatasi kelemahan koordinasi antara Jabatan Kerajaan dengan agensi utiliti. Penyelesaian masalah utiliti pada peringkat awal dapat memastikan sesuatu projek berjalan dengan lancar dan mengikut jadual masa yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas ingin menyampaikan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri kerana telah menaik taraf dan membaiki banyak jalan Kampung di daerah Pontian melalui agensi pelaksananya Infra Desa. Walau bagaimanapun, disebabkan kekurangan peruntukan masih terdapat Jalan Kampung di kawasan DUN Pekan Nenas yang belum di naik taraf, dilebarkan atau diperbaiki. Contohnya Jalan-jalan di Kampung Parit Pasir Lama, Kampung Sri Bukit

Panjang, Kampung Melayu, Bukit Panjang dan lain-lain. Oleh demikian, Pekan Nenas ingin memohon supaya peruntukan tambahan dapat disalurkan kepada Infra Desa supaya semua Jalan Kampung di Negeri Johor dapat di selenggara dengan baik demi Kesejahteraan hidup rakyat jelata di kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Dewan yang mulia ini, Pekan Nenas mewakili penduduk tempatan ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan rombongannya yang telah membuat lawatan kerja ke Parlimen Tanjung Piai daripada 17 dan 18 Mac lalu. Pelbagai masalah dan permohonan telah dibangkitkan semasa lawatan kerja Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kebanyakannya mendapat penyelesaiannya termasuklah hak milik tanah rumah atas lot di Kukup, kawasan DUN Datuk MOY.

**Y.B. Dato' Speaker :** Datuk apa?

**Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) :** Datuk MOY. (Ketawa).

**Y.B. Dato' Speaker :** Apa pulak Datuk MOY. Kenapa cakap dia Datuk MOY? Ya ke?

**Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) :** Datuk Md. Othman bin Yusof.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, lain macam je bunyi MOY… Manjalah...

**Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) :** Hak milik Tanah SJKC Yew Ming 2, tapak-tapak rumah ibadat serta pemberian peruntukan projek-projek pembangunan seperti pembinaan masjid, kantin sekolah, dan dana untuk NGO-NGO dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, cara ringkasnya Pekan Nenas juga ingin memanjangkan beberapa lagi perkara dan masalah penduduk di kawasan DUN Pekan Nenas yang memerlukan perhatian dan tindakan segera kerajaan.

1. Memohon kerajaan merealisasikan projek binaan jejantas dan menaik taraf jalan utama di pekan, Pekan Nenas demi keselamatan penduduk tempatan. Perkara ini telah dibangkitkan 3 kali dalam Dewan ini dan pihak JKR juga telah memohon peruntukan sebanyak RM3 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 tapi belum buat lagi.

2. Mohon JKR Negeri meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM70,000.00 untuk kerja tambahan projek menaik taraf jalan dari Pekan Nenas ke Tanjung Piai iaitu kerja-kerja merendahkan paras jalan di Kampung Sinar Harapan demi keselamatan dan kepentingan penduduk tempatan.

3. Mohon Pejabat Pembangunan Negeri Johor menyegerakan projek pembinaan semula balai raya di Kampung Medan Sari, Mukim Rimba Terjun yang telah lama diluluskan.

4. Mohon membina semula balai raya Kampung Maju Jaya, Mukim Pontian yang usang serta membina baru balai raya di Kampung Batu 26, Mukim Jeram Batu yang memerlukan peruntukan RM200,000.00 setiap satu.

5. Mohon Kerajaan Negeri mengurniakan tapak tanah seluas 2 ekar sebagai tapak perkuburan untuk masyarakat India di Daerah Pontian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum mengundur diri Pekan Nenas ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat dalam usaha mengatasi pelbagai permasalahan di kawasan DUN Pekan Nenas selama ini, hanya kerajaan yang efektif dan prihatin terhadap kepentingan rakyat akan terus mendapat sokongan rakyat jelata. Janji perlu ditepati, Pekan Nenas dengan penuh harapan agar segala projek dan program yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut jadual masa yang telah dirancangkan bagi membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional merupakan kerajaan yang bertanggungjawab dan mendahulukan rakyat agar rakyat jelata tetap mempunyai keyakinan penuh terhadap Kerajaan Barisan Nasional dan memberi sokongan padu kepada Barisan Nasional pada Pilihan Raya yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan kata-kata ini Pekan Nenas turut menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Kawasan Rengit, Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak nak cakap lagi ?

**Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) :** Cukup.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dah habis. Saya tak suruh berhenti. Ahli Yang Berhormat, perbahasan diteruskan lagi. Siapa nak berucap? Mana? Ini apasal 2 orang. Dia eh, saya nampak sana dululah. Yang Berhormat, apasal boleh 2 orang bangun? Tak pa lepas ni.

**Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan usul menjunjung kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Ke-5 Dewan Negeri Johor Yang Ke-12. Selamat sejahtera, salam perpaduan dan salam 1 Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat Johor secara keseluruhan dan melalui usaha yang bersungguh-sungguh yang disusun dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk membela nasib rakyat. Banyak penambahbaikan dan pencapaian telah dilaksanakan, antaranya satu persetujuan telah dicapai bagi pelaksanaan Skim Belian Balik Dana Johor RM1.00 mulai 2 Julai ini. Keadaan ini membuatkan ramai pelabur yang telah membuat pelaburan memperoleh keuntungan RM75.15 sen atau 304.2% berdasarkan harga semasa lebih kurang RM24.85 sen seunit. Usaha ini juga disambut baik oleh seramai lebih 35,000 pelabur SDJ yang telah membuat pelaburan sejak sekian lama ini. Ini merupakan satu berita baik

kepada semua pelabur termasuk pelabur di Tangkak yang melibatkan jumlah pelaburan sebanyak lebih RM2 juta. Janji yang ditunaikan oleh Kerajaan Negeri ini menjelaskan bahawa kerajaan sentiasa memperhebatkan usaha dalam membela nasib rakyat walaupun ia mengambil sedikit masa tetapi saya hairan betul yang keuntungan ini adalah *simple arithmetical calculation* dengan izinnya...

**Y.B. Dato' Speaker :** Terjemahan apa?

**Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) :** Arithmetic *Calculation* terjemahan dia kira-kiralah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yelah, apa kira-kira raya?

**Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) :** Kira, tolak, campur ini macam...

**Y.B. Dato' Speaker :** Itu…

**Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) :** 5 – 3 tinggal 2.

**Y.B. Dato' Speaker :** Itu *plus and minus*... itu jelah…

**Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) :** *Plus and minus.*

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, *you broken English.*

**Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) :** Saya anggap ADUN Mengkibol dia tak faham, dia cakap tak da untung, kerana memang kalau *you* melabur dalam saham dia ada risiko dia, kalau harga pasaran tak turun memang kalau *you* jual rugi kerana sekarang Kerajaan Negeri Johor dengan cukup prihatin membeli balik dengan modal harga modal dia itu sudah kira untung, itu sebab inilah sikap pembangkang biarpun dia nak lemas dalam air, *you* nak selamat dia tarik dia keluar menyelamatkan dia, dia tak ucap terima kasih, kerana apa? seluar berenang dia tinggal dalam air, *you* tak ambil sekali, itu sikap dia, Itu bermakna apa yang Barisan Nasional buat memang salah apa yang mereka buat betul misalnya yang Iskandar Malaysia yang telah merekodkan pelaburan komited terkumpul untuk tempoh tahun 2006 sampai Mac 2012 telah berjumlah RM87.56 bilion, memang pembangkang akui dia adalah suatu ekonomi koridor yang jaya dan berpotensi dan dia terus cakap kalau pakatan dapat mentadbir negara, Negeri Johor dia akan menarik lebih lagi pelabur ini daripada ADUN Skudai tetapi saya nak ingatkan kepada seluruh rakyat di Negeri Johor ini, kalau biarpun pakatan yang dapat mentadbir bukan DAP, wakil DAP yang akan menjadi Menteri Besar tentunya daripada PAS, dan tuan-tuan dan puan-puan dia akan...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat ingat ini mesyuarat agung MCA ke? Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian saya mengucapkan…

**Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) :** Dan tentulah dia akan seperti apa ekonomi sekarang di Kelantan ini. Dan..

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang daripada pelabur saham Dana Johor ini antaranya 49% pelabur yang bukan bumiputera dan juga akan mendapat faedah sebagaimana tersebut di atas mulai bulan depan. Dasar Kerajaan Negeri yang sentiasa mengamalkan prinsip rakyat didahulukan tanpa mengira kaum amat bertepatan kerana langkah ini memberi rangsangan ekonomi dan kesan yang amat besar pada pemegang-pemegang saham khasnya bukan Melayu. Ini juga sebagai bukti Kerajaan Negeri Johor sentiasa bersikap adil dan mengambil berat tentang kebajikan seluruh rakyat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap permasalahan dan pembangunan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) seluruh Negeri Johor amat terasa melalui sentuhan, pengagihan, bantuan dan sokongan berterusan kerajaan kepada SJKC ini menjelaskan kerajaan sedia ada sentiasa mengambil berat hal-hal pendidikan di SJK(C). Kebajikan dan kemudahan di SJK(C) tidak pernah diabaikan, hanya dapat dibuktikan di 11 buah SJK(C) di Parlimen Ledang yang mana telah mendapat peruntukan khas daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sejak 2008 berjumlah RM5.5 juta. Sekolah-sekolah menengah persendirian atau sekolah swasta juga tidak ketinggalan dalam mendapat sentuhan dan perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sebagai contoh Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Pui Hwa persendirian di Sungai Mati juga mendapat peruntukan sebanyak RM108 juta. Saya bagi pihak seluruh Masyarakat Kaum Tionghoa di kawasan Parlimen Ledang amat berterima kasih dan berhutang budi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas sikap positif yang diambil memajukan dan meningkatkan tahap pendidikan di semua SJK(C). Ini tidak akan berlaku sekiranya kerajaan mengamalkan sikap pilih kasih. Amalan positif ini di Negeri Johor ini sememangnya tidak berlaku di negeri-negeri yang dikuasai pembangkang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penyerahan notis 5A bagi hak milik tanah untuk penempatan kampung-kampung baru dan pertanian juga banyak membantu kaum petani dan pekebun bagi mengembangkan sumber ekonomi mereka. Penduduk kawasan Tangkak juga tidak ketinggalan dalam mendapatkan manfaat yang baru-baru ini, seramai 50 orang petani kaum Tionghoa yang terlibat dalam majlis tersebut dan mereka merakamkan rasa terharu dan amat berterima kasih atas usaha Kerajaan Negeri ini secara langsung tindakan ini dapat memudahkan segala urusan berkaitan dan meningkatkan keselesaan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya pada hari lawatan kerja rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ke Tangkak melalui pertemuan dengan NGO-NGO DUN Tangkak, beliau juga bersetuju dengan permintaan Jawatankuasa Tanah Perkuburan Cina Tangkak untuk mengurangkan bayaran premium proses ubah syarat tanah pertanian kepada tanah perkuburan daripada RM92,000.00 kepada RM1.00 sahaja. Hal ini begitu jelas memperlihatkan bagaimana sikap yang diambil oleh Kerajaan Negeri Johor terhadap permasalahan yang timbul di kalangan NGO-NGO bagi meningkatkan kerjasama dan persefahaman antara semua pihak yang terlibat. Sebagai wakil NGO terbabit saya mengambil kesempatan untuk menyampaikan ucapan jutaan terima kasih atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor berhubung permasalahan ini. Berbudi bahasa hiasan pahlawan, hiasan halaman mengenal indah, aktiviti turun padang jadi amalan, semua masalah boleh

dipermudah. Mendayung sampan ke hujung tanjung, sampan ditambat bersimpul kasih, budi baik kerajaan dan MB tidak terhitung, seluruh rakyat berterima kasih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai kerajaan yang sentiasa peka dan berusaha bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat, saya rasa terpanggil untuk mencadangkan agar sebuah pondok polis diwujudkan di kawasan kediaman dan penempatan Tangkak Jaya, yang mana di kawasan tersebut mempunyai lebih daripada 3,000 buah rumah dan lebih daripada 15 buah taman perumahan. Hal ini menyebabkan lebih daripada 10,000 penduduk yang tinggal di kawasan tersebut memerlukan sebuah pondok Polis untuk melaksanakan tugas-tugas rondaan demi meningkatkan keselamatan penduduk. Walaupun indeks jenayah secara keseluruhan di Negeri Johor menurun dalam tempoh 4 tahun berturut-turut, kita tidak dapat menafikan dalam proses menuju ke arah negeri dan negara maju, jenayah jalanan akan meningkat. Kejadian ragut, samun, kecurian dan pecah rumah merupakan antara jenayah yang sering berlaku di kawasan-kawasan penempatan ini. Menyentuh kepada kejadian samun yang dilaporkan hampir setiap hari baru-baru ini di kawasan Tangkak. Ia melibatkan orang tua yang tinggal bersendirian dan tak kurang juga ia berlaku pada sebelah awal pagi sewaktu mereka hendak keluar bersenaman pagi. Ada kes mereka menggunakan senjata tajam seperti parang dan pisau. Keadaan ini dirasakan semakin menjadi-jadi dan menakutkan orang ramai. Baru-baru ini dalam tempoh hanya seminggu, 7 kes samun di rumah, pecah rumah dan tokong-tokong dilaporkan kepada saya. Keadaan ini menimbulkan satu ancaman kepada masyarakat setempat. Melalui sumber-sumber yang boleh dipercayai, masalah penagihan dadah merupakan penyumbang kepada peningkatan jenayah ini. Pada ketika ini, kita percaya pengaruh dadah *methahetamine* iaitu selalu dipanggil *ice,* syabu atau kristal amat membimbangkan di kawasan tersebut dan beberapa penempatan kerana ramai anak muda yang mudah terpengaruh dan terlibat serta dia juga mudah diperoleh. Melalui pendekatan pelaksanaan program dialog dan pertemuan bersama penduduk yang dijalankan baru-baru ini di Tangkak Jaya, sebahagian besar mereka mahu rondaan keselamatan dipertingkatkan di kawasan tersebut dan mewujudkan sebuah pondok polis dapat meredakan tekanan penduduk yang tinggal di kawasan kediaman dan penempatan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga melihat satu keperluan agar sistem pelaksanaan skim PPRT ditambah baik sama dengan menggunakan model pembangunan Sekolah-sekolah Agama Negeri Johor. Permasalahan yang timbul apabila KKLW tidak mengambil kira senarai atau keputusan daripada *Focus Group* Daerah dalam memilih penerima skim bantuan tersebut ini. Menjadikan cadangan *Focus Group* Daerah diubah dengan senarai keutamaan penerima bantuan tercicir daripada menerima bantuan. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati penerima yang sepatutnya. Tambahan pula, pelaksanaan yang amat terhad juga memakan masa yang lama bagi menyelesaikan semua permohonan. Sebagai perbandingan sejak 2009, seramai 130 permohonan yang memohon untuk mendapatkan bantuan skim PPRT bagi kawasan Ledang tetapi hanya 12 yang diperuntukkan pada tahun 2012. 6 daripada KKLW, 3 daripada Pejabat Menteri Besar, 3 dari Majlis Agama Islam Johor. Oleh yang demikian, bagi menyelesaikan semua permohonan ini, ia akan mengambil masa 10 tahun. 10 tahun. Ini tidak termasuk sekiranya terdapat permohonan lain. Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar satu penambahbaikan dapat dilaksanakan

kepada sistem ini sebagaimana saya sebutkan terdahulu dapat difikirkan bagi meningkatkan kesejahteraan dan keselesaan rakyat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, masa dah cukup.

**Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak):** Sikit, *last.* Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengetengahkan satu lagi permasalahan yang sering ditimbulkan oleh masyarakat setempat. Tentang kesulitan untuk membuat laporan tentang kerosakan talian telefon atau gangguan telekomunikasi. Sehingga kini, sekiranya penduduk atau pengguna mempunyai masalah atau urusan melibatkan agensi telekom, mereka terpaksa melakukannya di daerah Muar sedang pun Ledang sudah jadi daerah. Oleh itu saya bagi pihak penduduk Tangkak memohon agar pihak telekom dapat membuka cawangan atau kedai telekom di Tangkak bagi membantu penduduk-penduduk untuk menyelesaikan kesulitan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan perbahasan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan pihak-pihak yang berwajib atas tindakan-tindakan yang telah diambil ke atas permasalahan penduduk yang timbul. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memuji dan mengucap syabas dan tahniah kepada Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Tangkak yang selama ini bukan sahaja sentiasa memberi kerjasama kepada saya dalam menangani masalah-masalah penduduk, tetapi sikap kerja yang berkomited iaitu dapat dihubungi dan bertugas biarpun hari cuti atau lepas waktu kerja. Tak seperti Bentayan. Tak ada orang dengar, barangkali yang *approach* tak sama.

**Y.B. Dato' Speaker :** Telefon dia rosak.

**Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) :** Dia tengok dengan ikhlas, *you* nak khidmat atau untuk publisiti. Tak sama. Itu sebab dia layan tak sama.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ya lah. Masa dah habis.

**Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak):** Ok. Syabas dan tahniah sekali lagi dan harap semangat ini dapat diteruskan untuk keselesaan dan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sudahi ucapan perbahasan saya ini dengan dua rangkap pantun. Berdiri teguh pahlawan berani, menunggu perintah untuk berbakti, terus berusaha menabur bakti, segala janji pasti ditepati. Pahlawan berani jadi sandaran, ikhlas berkhidmat terus–terusan, menjaga keamanan tingkatkan kemajuan, kesejahteraan rakyat jadi keutamaan. Dengan ini saya turut menyokong Rundingan yang dibawa oleh ADUN Rengit. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok. Terima kasih Yang Berhormat. Perbahasan diteruskan lagi. Siapa yang nak berucap? Sungai Abong. Ok,15 minit.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumussalam.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong):** Dan salam sejahtera yang saya kasihi, Yang Berhormat Dato' Speaker, barisan EXCO dan semua Y.B.,Y.B...

**Y.B. Dato' Speaker :** Ketua–ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan dan hadirin hadirat. Itu dah potong seminit.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Ketua-ketua jabatan, kakitangan Jurutulis…Dato' Speaker terima kasih. Pertama, saya ni lambat bangun. *Slow*.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dah nak bersaralah?

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Cuma *slow* je lambat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ingat dah tak nak bertanding lagi. Bagus juga.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Agaknya saya ni tak suka berebut-rebut jadi minta Dato' Speaker tengok belah sini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah. Tak apalah, orang *slow*.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Ataupun mungkin cuba disabotaj supaya saya tak dapat bercakap. Nama saya tak ada dalam senarai ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah nama tak ada dalam senarai. Kesianlah. Macam suruh berhenti je.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Speaker, banyak saya belajar selama 4 tahun setengah berada dalam Dewan yang mulia ini. Mendidik saya menjadi seorang yang tebal telinga, tebal kulit, bertambah kesabaran saya dan lebih lagi saya mendapat pengalaman yang cukup baik. Persahabatan yang tulus daripada yang berada dalam Dewan ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Speaker macam mana?

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Terlebih lagi kepada Yang Arif Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok. Tambah satu minit lagi.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Rata-rata perbahasan pada tahun ini berkisar kepada menuju ke Pilihan Raya Yang Ke-13. Maka kita lihat dan kita dengar seolah macam dirasuk, obses, naik angin sesetengah Y.B,Y.B seolah-olah macam nak dilanda oleh geroda dan sebagainya dalam negeri ini.

Dato' Speaker, Allah berfirman(baca surah)beritahulah kepada manusia semuanya...

**Y.B. Dato' Speaker :** Surah apa Yang Berhormat?

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Surah Al-Imran.

**Y. B. Dato' Speaker :** Ayat?

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Ayat yang ke…

**Y.B. Dato' Speaker :** Biar betul, jangan sebut je.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Ayat yang ke-30.

**Y.B. Dato' Speaker :** Betul? Rasa saya bukan ayat 30 tak? Tak apalah. Jalanlah.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong):** Maksudnya beritahu kepada manusia bahawa Allah lah yang memiliki kerajaan-kerajaan. Dan Dia memberi kerajaan kepada siapa yang dikehendaki dan Dia mencabut kerajaan daripada siapa yang dikehendaki.

Dalam ayat lain(baca surah), yang bermaksud, ingatlah hari-hari kemenangan itu Allah sengaja silih gantikan, gilir-gilirkan sesama manusia. Hari ini BN menang, mungkin akan datang BN menang lagi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Siapa tahu.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Ini Allah kata, Dia sengaja silih gantikan di kalangan manusia dengan tujuan supaya Allah nak melihat siapa yang beriman dan siapa yang Dia perlu membahagi pahala sebagai syuhada. Yang pentingnya, Allah kata Dia benci pada orang yang zalim. Kalah pun tak ada masalah, menang pun tak ada masalah. Yang penting, jangan kita melakukan kezaliman terhadap Allah, terhadap manusia dan pada diri kita sendiri. Jadi kami, saya dan rakan-rakan berlapang dada kalau pimpinan kami turun menjelajah ke sini kerana kami akui bahawa ini adalah kubu kuat UMNO. Saya rasa dalam dunia ini bukan dalam negara kita, seluruh dunia inilah satunya kubu-kubu kuat UMNO. Dan mungkin kubu kuat terakhir UMNO.

**Y.B. Dato' Speaker :** Siapa nak ambil alih? Yang Berhormat, PAS masuk semualah, jangan campur dengan DAP. Boleh menang tak?

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Ini Allah punya kerja.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah kalau tak masuk cukup tak akan..dia tak semua mesti serah kepada Allah. Kalau *you* masuk sepuluh nak memerintah Johor tak boleh. Kena pakat dengan Bentayan. Bentayan pun tak tahulah macam mana caranya.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Kami mengakui bahawa susah. Kami bagi lagilah. Tak apa. Sepenggal lagi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Amin. Amin. Amin

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Kami hanya perlu 4 atau 5 Parlimen sahaja. Cukup untuk ke Putrajaya.(Dewan bertepuk).

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, jangan tepuklah. Tak ada pilihan raya pun boleh pergi. Putrajaya, esok Yang Berhormat boleh pergi. Tak payah tunggu pilihan raya.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Jadi, itulah hakikat kerajaan menang kalah dalam pilihan raya. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tertarik dan kadang-kadang simpati dengan beberapa kalangan Y.B. daripada *back benchers.* Contohnya, Kahang, mengadu macam-macam, tak dapat, mohon tak dapat. Saya nak beri sedikit *tips* (Dewan ketawa). Apa yang dapat kita fahamkan, Yang Berhormat Kahang cerdik tapi kurang bijak sini. Lain kali kalau nak beritahu kepada rakyat, jangan beritahu BN boleh tolong. Ini semua BN boleh tolong. BN akan tolong.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dia lebih kerajaan BN.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Tak boleh. Beritahu kerajaan akan tolong. Contoh saya di Sungai Abong. Siap projek, rakyat datang kepada saya. Ini kerajaan punya projek.

**Y.B. Dato' Speaker :** Sebab yang memerintah bukan kerajaan PAS. (Dewan ketawa).

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Saya setuju.

**Y.B. Dato' Speaker :** Kalau macam tempat lain dia cakap, Yang Berhormat bila kat kita Yang Berhormat cakap, kalau kat Kedah…

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Saya nak bagi *tips* supaya, dia makan diri nanti BN. Bila dia kata BN boleh tolong, BN boleh tolong. Sekiranya kalau BN tak dapat tolong? Kan rosak BN tu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh tak. Insya-Allah.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Saya nak bagi dia sedikit *tips*. Sebut kerajaan yang bikin, kerajaan yang buat, kerajaan yang luluskan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak sedap. BN sedaplah. Kerajaan BN.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Kerajaan BN tu boleh tahan sikit. Kalau BN jangan. BN ni macam seolah cakap dalam, saya setuju dengan…

**Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Dato' Speaker, BN tu Kerajaan BN. Penggal seterusnya pun kita juga akan memerintah. Itu sudah pasti Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dahlah tak payah ganggu lebih-lebih dia cakap.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Ni saya nak bagi tolong. (Dewan ketawa).

**Y.B. Dato' Speaker :** Dia ada. Yang Berhormat, dia perasan tolong banyak jenis tolong. Jadi Yang Berhormat punya tolong ni, tolong Yang Berhormat menyakitkan hati. Itu dia, dia tegur… (Dewan ketawa).

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Yang Berhormat Kahang mengadu macam-macam banyak tak siap projek–projek dia.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yalah tu...

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Pilihan raya dah hampir, jadi takut makan diri.

**Y.B. Dato' Speaker** : Macam tak ikhlas jer..

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Dia ikhlas.

**Y.B. Dato' Speaker** : Mana ikhlas.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong)** : Yang Berhormat Dato' Speaker..

**Y.B. Dato' Speaker** : Dah 5 minit...

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Terima Kasih...

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Dari jawapan dari perbahasan yang kita dengar saban hari, mulai daripada awal penggal lagi hingga nak ke akhir penggal, masalah rumah murah masih lagi seolah kita tak dapat nak ataupun kita rasa dah macam putus asa atau menyerah kalah dalam nak selesaikan masalah rumah-rumah murah. Hatta di kawasan Iskandar yang begitu maju pun masih lagi tidak dapat menyelesaikan masalah rumah-rumah murah. Contoh di Muar, dalam tahun 2011 hingga 2012 hanya 29 rumah murah saja yang telah siap dibina. Satu daerah Muar bukan di Sungai Abong, Satu Daerah Muar 29 rumah murah, yang sedang dirancang 34, dalam masa dua tahun. Dah tentulah ini suatu kegagalan dalam menyelesaikan masalah rakyat yang tidak bertanah ataupun berumah.

Jawatankuasa–jawatankuasa di tubuh tak juga dapat selesaikan. Ni satu masalah yang serius kerana rumah merupakan satu asas keperluan nombor satu bagi rakyat. Kalau RM22 bilion kita boleh curahkan untuk buat pusat peranginan di Mersing Laguna, RM22 bilion kalau kita buat rumah murah yang berharga RM100,000.00 pun kita boleh menyiapkan 220,000 biji rumah murah. Banyak saya rasa selesai masalah tapi prioriti kita ke Mersing Laguna. Saya nak cadangkan..

**Y.B. Dato' Speaker :** *Mersing Laguna* bukan kerajaan, Yang Berhormat.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Maknanya swasta pun kita beri peluang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah Pusat tak boleh paksa.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Kalau pergi ke Muar kita lihat bahawa perumahan bercambah macam cendawan. Banyak projek-projek perumahan tapi tak ada rumah murah. Daripada tanah 10 ekar asalnya dipecahkan jadi seekar buat rumah mahal. Tahun depan pecah lagi buat 10 biji rumah mahal sehinggalah habis tanah 10 ekar. Kita tidak ada satu walaupun kita ada garis panduan menetapkan bahawa tiap-tiap projek perumahan mesti ada 30% rumah murah. Tapi akhir- akhir ini kita lihat, peraturan itu tidak dapat, ada luhur, ada kelonggaran yang mana pemaju- pemaju ni boleh main, boleh ambil kesempatan dengan membuat projek-projek perumahan tapi tidak ada rumah murah. Saya cadangkan kepada pihak kerajaan supaya kaji balik. Bagaimana tanah yang besar yang sepatutnya buat projek perumahan yang ada rumah murah tanah-tanah ini ada potensi untuk projek perumahan besar kita sekat daripada dipecahkan untuk jadi perumahan-perumahan yang mahal dan sebagainya.

Tiap-tiap tahun kita ada kurnia tanah kepada rakyat, saya nak cadangkan berhenti sementara waktu, tanah-tanah itu walaupun kecil satu ekar, dua ekar, tiga ekar tawarkan kepada siapa yang mampu membuat projek rumah-rumah murah kepada rakyat. Walaupun kecil, saya rasa lebih berfaedah daripada kita bagi satu orang satu ekar tanah kurnia. Yang kerajaan negeri pun cuma dapat *premium* tanah saja, tapi kalau satu ekar itu, kita wajibkan membuat semua rumah murah di mana kerajaan *premium* pun dapat, cukai pintu pun dapat lebih tinggi daripada kita bagi pada individu. Jadi masalah sangat runcing di Muar banyak masalah Dato' Speaker. Hingga satu rumah murah itu, yang dua bilik, tiga bilik terpaksa didiami oleh sepuluh, lima belas orang, anak dah kahwin tak ada rumah duduk lagi rumah mak bapa, rumah murah dan sebagainya. Ni saya harap pihak kerajaan fikir, cubalah berfikir, cari mungkin ada ruang, jangan kita biarkan begitu, tetapkan peraturan yang lama yang memakan kita balik. Ni satu masalah yang serius Dato' Speaker.

Dato' Speaker, kita lihat bahawa apabila berlakunya satu malapetaka yang tidak diduga. Saya tak tahulah kerana di Sungai Abong ni tiap-tiap bulan ada je angin lintang ni..

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat siapa yang silap.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Dan bila angin lintang ni dia melintas Sungai Abong bila kena kawasan rumah-rumah murah yang dah duduk 20 tahun, 30 tahun umurnya terangkat semua atap-atap. Bila dah 20 tahun paku-paku dah berkarat, angin sikit dah terbang rumah. Bila berlaku bukan satu rumah, sepuluh, dua puluh, tiga puluh buah rumah yang terjejas. Kalau banjir kita boleh tunggu lagi, boleh sabar, tapi kalau atap tercabut, rumah melopong, dapur melopong, tempat tidur melopong, bahawa ini memerlukan bantuan segera Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker** : Itu baik juga, banjir lagi teruk Yang Berhormat, memang tak sempat, hanyut terus.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Habis banjir Dato' Speaker rumah boleh selamat lagi.

**Y.B. Dato' Speaker** : Orang hanyut yang jadi masalah tu, rumah…

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Tapi kalau bumbung tercabut...

**Y.B. Dato' Speaker** : Orang hidup lagi.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Orang tak boleh tidur Dato' Speaker. Jadi di manakah bantuan segera yang boleh kita salurkan kepada mereka-mereka ini. Jadi, jawabnya Y.B. jugak, sikit-sikit Y.B., yang datang bawa borang ni ada tafsir berapa 2,000, 3,000, tafsir saja. Nak tunggu bantuan tu, tiga, empat bulan dapat RM200.00, RM300.00. Masalahnya, bantuan segera yang saya bincangkan di sini.

**Y.B. Dato' Speaker** : Wakil Rakyat siapa situ?

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong)** : Wakil Rakyat lah.

**Y.B. Dato' Speaker** : Tak lah ADUN nya siapa?

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong)** : ADUN dia orang yang ok lah.

**Y.B. Dato' Speaker** : Siapa? Bentayan eh.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong)** : Bentayan tak kena pulak, saya heran (Dewan ketawa).

**Y.B. Dato' Speaker** : Tak, Dia Bentayan dia satu je bagus dia tak mengumpat, Itu je bagus. (Dewan ketawa).

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong)** : Bagi kaum-kaum lain, Kaum-kaum Cina, alhamdulillah mereka ada tokong-tokong, Kuil yang boleh menghulurkan bantuan segera. Bagi kita orang Melayu tak kan nak pergi tokong, kuil dan gereja. Tapi kita ada suatu aset iaitulah tabung-tabung, baitulmal pun tidak boleh harap sangat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ketawa.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Kerana bantuan segera ni saya minta maaf.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ada.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Kalau kebakaran boleh, empat, lima bulan dapat rumah, dapatlah RM500.00 Yang segera tu. Satu rumah terbakar RM500.00, Takpalah kerana dijanji untuk pulihkan atau buat rumah baru selepas tiga, empat bulan. Tapi yang saya bincang ini rumah yang tadi, Adalah mangsa dia, kita ada tabung, kita ada surau ada masjid, seperti macam gereja, kuil-kuil dan sebagainya. Tapi mengapa kita tidak arahkan ambil tindakan supaya mengarah masjid-masjid, surau-surau yang mempunyai dana yang begitu banyak Dato' Speaker. Saya lihat surau dan masjid ini dia suka masa bila, Mesyuarat Agung, Dia berbangga kita ada RM100,000.00, kita ada RM60,000.00 dalam bank. Belanja tak nak, yang belanjanya tiap kali makan-makan, Maulud, khatam Quran, itulah program makan.

**Y.B. Dato' Speaker** : Makan untuk hidup, makan kena, memang makan-makan Yang Berhormat.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Makan, kutip derma lagi, jadi saya nak arahkan EXCO tak boleh, tapi seolah macam nak arahkan jugalah, supaya arahkan, buat satu arahan bahawa tubuh bentuk dana, bantuan ataupun kebajikan khairat ke, apa pun, di masjid-masjid, di surau-surau untuk memberi bantuan yang macam ini.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok Yang Berhormat, 15 minit dah.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong):** 15 minit ek, ok. Dato' Speaker, tiap-tiap kali saya bangkitkan masalah ini, semalam dah pun dah di jawab EXCO Kesihatan tentang masalah rawatan di Hospital Kerajaan. Rawatannya alhamdulillah, moden, baik tapi giliran menunggu, walaupun kita faham bahawa *list* menunggu tu panjang, sekurang- kurangnya tengok prioriti pesakit-pesakit yang menunggu itu, saya bimbang kerana saya pernah bekerja di Hospital yang memberikan apa itu, waktu untuk *follow up, appointment* ini bukan doktor, bukan yang mahir tentang penyakit dan sebagainya, takut kerani-kerani, yang tidak dapat membezakan penyakit yang perlu di dulukan, di segerakan *appointment*, kalau kanser, penyakit barah diberi *appointment* tiga bulan, itu maknanya membunuh Dato' Speaker. Kalau jantung, *appointment*nya, empat bulan, lima bulan, kerana apa *list* dah penuh tapi kalau doktor yang memberi *appointment* bagi mereka-mereka ini, saya yakin mereka akan di dahulukan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Selalu Doktor lah yang Berhormat, catit. Doktor catit, *one month, two month.*

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Doktor cakap tulis, beri *appointment*, yang beri *appointment* ini kerani ataupun misi.

**Y.B. Dato' Speaker:** Ye ke?

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Ya. Ini berlaku di Hospital Kerajaan hingga terjadi perkara macam ni. Dato' Speaker satu lagi.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok, *last*. Dah lebih ni.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Bagi pesakit-pesakit yang di rujuk di Hospital Johor Bahru untuk mendapatkan rawatan lanjutan dan sebagainya, saya kira bukan semua yang boleh pergi Dato' Speaker, abang saya, bila dah duduk menjadi ADUN ni faham sangatlah sakit jantung beri *appointment, follow up, ke* Hospital Tuanku Aminah, tiga suku tak mampu beri, kerana masalah kewangan dan sebagainya. Saya cadangkan apa salahnya sebulan sekali tarik Doktor-doktor pakar itu datang ke daerah- daerah supaya rakyat yang tak mampu pergi ke Johor Bahru dapat rawatan ataupun, beginilah nasihat Doktor pakar, saya rasa ni sangat penting, sangat-sangat penting kerana kita yang duduk sama rakyat ni kita fahamlah, faham sangat, nak pergi ke Johor Bahru bukan boleh pergi seorang sakit jantung, isteri kena ikut, anak kena ikut, tambangnya pergi balik, jadi mereka ini sanggup tidak pergi, sanggup dirawat oleh doktor-doktor biasa kerana masalah kewangan. Ini saya cadang tolong ini perkara serius kerana boleh tiada masalah sebulan sekali pun cukuplah bagi kami yang di luar-luar daerah dan sebagainya.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok, Yang Berhormat.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Saya pun tak berapa nak cakap banyak hari ni.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok, alhamdulillah, lebih Yang Berhormat, Tujuh belas minit.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Cuma terima Kasih pada yang semua membantu saya.

**Y.B. Dato' Speaker** : Sedih saya dengarlah, macam tak nak lagi lah.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Saya tak ada masalah Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yalah, bagus.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Tak ada masalah, saya nak tanding, saya ni hobi bertanding. (Dewan ketawa).

**Y.B. Dato' Speaker** : Ya.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Hobi saya, Orang Muar kata Doktor sejak tahun 90 asyik tanding, saya cakap hobi, sebab tu saya tanding kerana saya tahu saya kalah, akhirnya menang. Kalau menang tak nak bertanding, kalau dululah, menang tak tanding, Jadi saya tentang tanding, calon ke, kalau tak di calon tiada masalah, yang saya bimbangkan ini, saudara-saudara saya ini (Dewan ketawa).

**Y.B. Dato' Speaker** : Termasuk kawan Yang Berhormat tu, Bentayan. (Dewan ketawa). Ha, amacam. Mengkibol, tak kesian dia? Bentayan. Ok, Yang Berhormat.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Ok, jadi terima kasih kerana bagi saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Rengit. Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumussalam. Perbahasan diteruskan lagi, dijemput sesiapa nak berucap. Mana dia. Oh..

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Bismillahirrahmaanirrahim. (Selawat) Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh…

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumussalam.

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Salam sejahtera, selamat petang dan salam 1 Malaysia.

**Y.B. Dato' Speaker :** Pengerusi Agama pun tak baca selawat.

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas kesempatan untuk Penggal Persidangan Ke-5 bagi Penawar untuk turut serta dalam perbahasan rundingan Titah Tuanku Baginda Sultan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya pergi lebih jauh lagi, saya ingin *respond* sikit terhadap apa yang dibicarakan oleh sahabat kita sebentar tadi bahawa…

**Y.B. Dato' Speaker :** Sahabat mana?

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Sahabat daripada Sungai Abong.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, tak sangka, sahabat. Yalah, untung.

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** … ialah bahawa walaupun kerajaan kita menghadapi masalah hari ini yang dibangkitkan oleh sebahagian besar daripada rakan kita berkenaan dengan isu rumah murah , tapi masih mampu lagi membuat sebagai contohnya di Iskandar dan sebagainya, dan sahabat kita di negeri yang sana itu masih lagi buat banglo juga Yang Berhormat Dato' Speaker. Tak buat pun juga rumah murah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah, cerita pula.

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Jadi lagi eloklah dicadangkan di sanalah tentang perkara ini. Dan soal pembahagian tanah ini Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan hari ini ataupun semalam mereka ini mohon tanah dan esok lusa kita boleh bagi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat jawab eh, soalan dia?

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Tak, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mempertahankan kerajaan Barisan Nasional.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, oh.

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Jadi, tanah-tanah ini telah dipohon lama. Jadi, kita kena bagi mereka sudah mohon lama apabila kita fikirkan layak dan sesuai untuk diberikan. Jadi, bila dah lama kalau kita tiba-tiba ambil untuk kita jadikan tapak perumahan rumah murah saya yakin dan percaya menjadi isu besar kepada kerajaan Barisan Nasional. Dan, insya-Allah Yang Berhormat Dato' Speaker, lepas ini saya yakin kerajaan kita akan buat lebih banyak lagi rumah-rumah murah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keprihatinan kepada rakyat yang ada di kawasan Pengerang dengan projek ekonomi melalui industri minyak dan gas. Apa yang diharapkan, projek ini akan sedikit sebanyak memberi peluang pekerjaan dan ruang menambah pendapatan dalam erti kata yang sebenarnya kita tidak mahu hanya sekadar melepas batuk di tangga. Rakyat Pengerang faham dan tahu bahawa apa sahaja yang berkaitan bidang pekerjaan di kawasan minyak dan gas ini memerlukan skil dan kemahiran yang tinggi serta sijil tahap keselamatan yang ditentukan. Tetapi bimbingan dan tunjuk ajar juga perlu jelas. Contohnya kalau ada kerja-kerja mengikat besi, mengecat atau apa sahaja yang boleh dibuat oleh rakyat tempatan, hendaklah ditunjukkan dengan betul. Jangan nanti peluang-peluang yang sepatutnya boleh diberi kepada rakyat tempatan tidak diberikan dengan alasan tidak menepati piawaian, walhal ianya tidak diberi bimbingan dan kami selaku Wakil-Wakil Rakyat juga perlu diberi penjelasan supaya apabila rakyat bertanya kami boleh menjawab dengan jelas dan tidak dipersalahkan. Ini selaras dengan Titah ke bawah Duli Tuanku, mengharapkan rakyat Johor menikmati kesejahteraan hasil pelaburan dan peningkatan ekonomi negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merakamkan tahniah kepada Jabatan Hutan, KEJORA, Lembaga Pelabuhan dan juga NGO selain Lions Kelab Internasional yang turun padang, menanam pokok, membersih pantai bersama-sama dengan pelajar-pelajar INSTEDT, pelajar-pelajar IKBN dan penduduk tempatan di dalam wilayah KEJORA, selaras dengan hasrat Baginda Tuanku terhadap penjagaan alam sekitar. Walaupun ada pokok-pokok besar yang kita tebang, tapi kita terus menggantikannya dengan pokok-pokok yang lain supaya ianya tidak menjejaskan keadaan alam sekitar yang ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada unit *Task Force* Pejabat Tanah yang saya nampak bekerja sungguh baik. Saya ingat isu yang saya bawa sejak mula jadi Wakil Rakyat telah diselesaikan dan saya rasa lapang bila saya mendapat penjelasan daripada Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi bahawa tanah generasi kedua FELDA Air Tawar 1 dalam proses penyediaan Borang 5A. Jadi, saya yakin dan percaya perkara ini amat menggembirakan generasi kedua FELDA Air Tawar 1 dan juga mungkin mendukacitakan pihak pembangkanglah sebab inilah isu yang dimainkan oleh mereka bila masuk ke kawasan FELDA saya khususnya FELDA Air Tawar 1.

Adalah diharapkan FELDA dapat terus berbincang dengan Pejabat Tanah ke arah penyelesaian tapak-tapak rumah generasi kedua dan perbincangan pemberian serta

pembinaannya tidak membebankan generasi kedua itu sendiri agar kita tidak tersasar dari hasrat untuk melihat generasi kedua ini terutamanya yang kurang berkemampuan memiliki kediaman sendiri. Yang berkemampuan itu, eloklah kita tawarkan perumahan-perumahan yang ada di sekitar dan kalau boleh penjelasan yang jelas berilah kepada generasi kedua supaya mereka faham mengenai tapak tanah ini sama ada, ada ataupun tidak di setiap kawasan di dalam FELDA-FELDA.

Masalah tapak tanah generasi kedua ini seharusnya menjadi agenda utama FELDA supaya ianya tidak menjadi rungutan kepada generasi kedua dan dilambung-lambung oleh pihak pembangkang. Kalau kata tanah tapak itu ada, maka kita beri penjelasan dan uruskan cara penyelesaiannya sama ada nak dibagi lot-lot atau nak dibangunkan oleh pemaju perumahan sebab saya bimbang apabila kita bangunkan melalui pemaju, anak-anak yang ada di kawasan FELDA tidak semua berkemampuan untuk memilikinya. Dan, apabila kita bagi secara lot, saya yakin dan percaya perlahan-lahan ianya akan dapat dilaksanakan oleh anak-anak ini apabila selesai sahaja mereka membayar premium tanah yang telah ditetapkan oleh pihak Pejabat Tanah.

Jadi, selepas pelbagai transformasi dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional untuk membuktikan kita adalah kerajaan yang sentiasa bekerja dan memastikan rakyat selepas KR1M, BR1M, SR1M dan PR1MA dan kini TR1MA tayar untuk pemandu-pemandu teksi, durian runtuh yang terus diiringi oleh durian-durian gugur untuk peneroka-peneroka FELDA, maka adalah diharapkan adalah suatu badan ataupun kumpulan di dalam kawasan FELDA itu melihat sama ada melalui SDA/GPW ataupun siapa sahajalah yang boleh mencanai durian runtuh yang diberikan kepada peneroka, peneroka wati ataupun anak-anak peneroka ini. Sebagai contohnyalah, kalaulah boleh agaknya suatu badan diwujudkan diperbincang di pihak FELDA itu sendiri, 1,000.00 diambil dari 15,000.00 itu, ya kita kira kalau 1,000.00, kalau 10.00, kalau 100.00, kalau 1,000.00 peneroka ataupun peneroka wati yang ingin turut serta kalau 3,000.00 berapa agaknya nilainya ya. Jadi, saya kurang mahir bab matematik ini…

**Y.B. Dato' Speaker :** Hem...

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : …** kemudian, kita cairkan sama ada kita beli rumah kedai dan sebagainya sebagai aset kepada mereka dan boleh dikembangkan untuk mereka mewujudkan perniagaan sama ada perniagaan barang-barang runcit, perniagaan barang-barang perkahwinan yang memang rata-rata kita ini orang FELDA memang pakai barang-barang untuk majlis perkahwinan ini ataupun kita buka kedai-kedai kain dan sebagainya. Jadi, saya yakin dan percaya perkara ini boleh difikirkan oleh pihak pengurusan FELDA untuk mereka mengawal dan mencairkan durian runtuh yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Jadi, saya mengharapkanlah saya faham mungkin tidak ada akta dan sebagainya tetapi perkara ini boleh kita buat, boleh kita rangka dan boleh kita susun.
Sejajar dengan pembangunan yang berlangsung di Desaru dan Pengerang, adalah diharapkan penggunaan pekerja asing, ha ini minyak ini, saya yakin mahu tidak mahu kita akan berhadapan juga dengan pekerja-pekerja asing, sama ada Nigeria, sama ada Nepal dan sebagainya mungkin pada masa-masa yang akan datang, jadi saya harapkanlah sekiranya ada, ya, maka hendaklah ianya dikawal sebab Allah dah bagi

dah cantik muka bumi kawasan Pengerang itu, laut lepas yang dalam, yang sesuai untuk tangki minyak dan gas, ya. Jadi kita bimbang apabila perkara soal pekerja-pekerja asing ini tidak kita kawal, kita bimbang akan timbul masalah gejala sosial…

**Y.B. Dato' Speaker :** Hem...

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : …** dan kita akan berhadapan pula dengan bala Allah. Jadi, itu yang kita bimbangkan. Jadi, kita mengharapkanlah supaya Petronas ataupun siapa sahajalah yang berkaitan dengan soal pembangunan di kawasan Pengerang melihat perkara ini. Dan, saya juga ingin meminta sejajar dengan pekerja asing ini, pihak INSTEDT sekiranya ada cadangan untuk mengambil pelajar-pelajar asing, juga harus melihat perkara ini kerana saya bimbang, dalam keadaan kawasan Pengerang, Penawar yang tak berapa besar itu sekiranya ramai sangat pekerja-pekerja asing ataupun pelajar-pelajar asing ini akan timbul banyak masalah-masalah sosial pada masa yang akan datang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat suka pekerja asing negara mana? Kalau ramai kat Pengerang, daripada mana Yang berhormat suka?

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Kalau boleh, biarlah pekerja tempatan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ya memanglah, kalau cukup orang tempatanlah. Kalau tak cukup?

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Kalau tak cukup, kita terpaksa jugalah berhadapan sama ada, Nigerialah yang saya nampak yang…

**Y.B. Dato' Speaker :** Ah. Memang cukup.(Dewan ketawa)

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Mahu tak mahu…

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah carilah yang Nepal ke, Burma ke. Ini Nigeria. Nasib tak sebut Afrika. Pandai pula memilih itu, Nigeria.

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Tak, pasal saya ini kiri kanan saya itu macam seakan-akan.(Dewan ketawa).

**Y.B. Dato' Speaker :** Saya tak cakap. Yang Berhormat faham sendiri kan. Baguslah kiri kanan itu. Satu Afrika satu Nigeria.(Dewan ketawa). Ok, dah masa.

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Eh, dah masa Yang Berhormat Dato' Speaker?

**Y.B. Dato' Speaker :** Lagi 5 minit.

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Lagi 5 minit. Tak apalah, saya ambil 2 minit sahaja.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, bagusnya.

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya bertanya, megah sangatkah kita bila berdemo di Tanah Suci? Megah sangatkah kita bila kita dapat menjahanamkan harta negara, menterbalikkan kereta Polis, penghadang-penghadang jalan dan sebagainya? Megah sangatkah kita bila kita dapat mencederakan orang lain kerana mengikut nafsu rakus untuk berkuasa? Inikah corak yang ingin kita lakarkan bagi membentuk negara pada masa yang kan datang? Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker,sama-sama kita fikirkan, kan lebih baik kita melaksanakan program-program gotong-royong dengan tenaga yang kita keluarkan untuk berdemo. Kan lebih baik kita berzikir daripada kita memaki-hamun pemimpin-pemimpin dan kerajaan yang ada pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengharapkan perkara-perkara ini dapat difikirkan oleh keseluruhan sahabat-sahabat kita yang beragama Islam yang saya yakin dan percaya, tentu sahaja tidak mengharapkan perkara-perkara yang negatif ini menjadi satu ikutan untuk anak-anak kita pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk akhirnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, dah dua kali akhir dah ini. Marilah sama-sama kita berdoa, "Ya Allah, ya Tuhanku, berikanlah kemenangan kepada Kerajaan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Ke-13 untuk kami terus perbaiki kelemahan kami demi Islam dan kasih kami sesama Malaysia. Amin. Sekian, Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar menyokong usul yang dibawa oleh Rengit.

**Y.B. Dato' Speaker :** Macam nak taubat sahaja.(Dewan ketawa). Lagi, perbahasan diteruskan, mana nak cakap lagi?

**Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Panti. Waalaikumussalam.

**Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam perbahasan dalam Persidangan Ke-5 bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada 14 Jun 2012 yang baru berlalu.

Dato' Speaker, kita dah 4 tahun setengah, bagaimana dikatakan tadi oleh Sungai Abong. Nampak dah kita mesra, tak ada, yalah, walaupun kita berlainan ideologi tapi kita boleh sama-sama bermesra dan kalau ini caranya kita sama-sama berpakat untuk membangunkan negara kita Malaysia yang kita cintai ini, saya rasa adalah sangat baik sekali. Jadi, peraturan pun kita patuhi ya. Kita mengutarakan pandangan-pandangan kita dengan sopan-santun. Saya rasa itu adalah satu yang paling baik.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ah, lain macam sahaja berucap nampak.

**Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) :** Kalau semua pakatan pembangkang macam ini, saya rasa tak ada masalah. Saya rasa Sungai Abong ini salah pilihlah, pilih parti tak? Sepatutnya, di pihak kita lebih baik lagi.

Dato' Speaker, Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku, menekankan rakyat Johor akan menikmati kesejahteraan hidup yang lebih baik, baik lagi hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berterusan. Usaha Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sekarang sedang dan disokong oleh Kerajaan Persekutuan telah berjaya membawa pelaburan dalam industri minyak dan gas ke Pengerang, dan akan membawa Johor ke satu tahap pembangunan yang sangat membanggakan. Apa yang perlu kita buat sekarang ini, sebagaimana dikatakan oleh Penawar tadi, ialah menyediakan anak-anak muda kita sama ada di Pengerang atau kawasan sekitarnya termasuklah Kota Tinggi dan Tenggara di kawasan saya, dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan supaya mereka dapat bersama-sama terlibat di dalam industri minyak dan gas yang dibangunkan di kawasan mereka sendiri dan tidak dipinggirkan.

Kita juga berharap dalam apa juga peringkat pembangunan anak-anak tempatan tidak dilupakan untuk dipertimbangkan apa-apa juga kerja yang mereka mempunyai kemahiran. Janganlah anak-anak tempatan hanya melihat pembangunan berlaku di depan mata mereka tetapi mereka tidak mendapat apa-apa faedah daripada pembangunan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di dalam lawatan ke Tenggara telah dapat menyelesaikan isu-isu yang selalu dibangkitkan oleh rakyat di Tenggara.

1. Permohonan tanah tapak rumah kediaman di Batu 8, Jalan Lombong bagi pemohon-pemohon di kawasan Batu 4, Temenin, Lukut dan kawasan-kawasan sekitarnya sebanyak lebih kurang, lebih daripada 800 permohonan. Pejabat Tanah Kota Tinggi sedang menyiapkan perakuan untuk pertimbangan kerajaan bagi membenarkan permohonan tanah ini dibuka kepada pemohon-pemohon tersebut.

2. Permohonan tanah, tapak rumah generasi ke-2 rancangan FELDA Sungai Sibol, Pengeli Timur dan Linggiu.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah pun bermurah hati meluluskan peruntukan untuk projek-projek kecil sebanyak RM500,000.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Panti juga ingin mengingatkan janji-janji yang belum dapat dipenuhi. Ini nanti Sungai Abong, tapi giliran dia dah tak ada maknanya nanti kalau dia bangkitkan pulak kalau saya membawa macam Kahang tadi . Peruntukan-peruntukan yang diperlukan iaitu sebanyak RM5 juta bagi membina masjid di Taman Saujana yang telah pun dijanjikan di dalam lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke Parlimen Tenggara dan juga menyiapkan sistem perparitan Sungai Kemang

bagi mengelakkan banjir di Bandar Kota Tinggi sebanyak RM3 juta, yang ini juga telah pun dijanjikan tetapi sehingga sekarang belum lagi dapat dilaksanakan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah juga beberapa kali membangkitkan masalah menurap Jalan Kota Tinggi - Tiram yang telah pun dijanjikan untuk dimasukkan dalam peruntukan penyelenggaraan jalan pada tahun 2012, tetapi sehingga hari ini belum lagi dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya melihat penggerak-penggerak masyarakat Orang Asli di beberapa kampung Orang Asli tidak dipantau kerja-kerjanya sehingga usaha-usaha memberikan pengetahuan dan pelajaran agama kepada orang-orang asli yang telah pun memeluk agama Islam tidak dapat dibuat dengan sempurna, mereka cuma dibiarkan, dibayar gaji tetapi tidak dipantau kerja-kerja yang dilaksanakan sehingga Orang-Orang Asli yang telah pun memeluk agama Islam terbiar tidak diberikan pengetahuan, kemahiran untuk beribadat dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN daripada Skudai mengatakan bahawa memanglah pada tahun 2011 Negeri Johor jatuh keempat dari segi *total* pelaburan, tapi pada tahun 2012 Negeri Johor jatuh nombor tiga, Pulau Pinang jatuh nombor enam ya kalau ikut laporan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, tengok saya buat apa tengok dia?

**Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) :** Oh, terlihat dia.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, terlihat.

**Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) :** Jadi, ialah dalam soal pelaburan ini, saya fikir ada turun naiknya bukan salah siapa-siapa, kalau pelabur-pelabur nak pergi Pulau Pinang pun, dia memikir bahawa segala-galanya telah pun disiapkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, dengan dia punya pelabuhan, dia punya jalan-jalan raya, dengan *airport* dan sebagainya. Jadi sebenarnya, prasarananya telah pun disiapkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan kerajaan pembangkang sekarang ini cuma meraih apa sahaja yang telah disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Dato' Speaker, sebagai manusia biasa, kita kadang-kadang pelik macam mana manusia-manusia yang pandai-pandai belaka ada doktor, ada peguam, ada jurutera, ada macam-macam profesion yang diberikan peluang oleh kerajaan mendapatkan pelajaran, kemahiran serta pengalaman bekerja tapi tidak dapat menggunakan fikiran secara rasional sehingga boleh menerima *argument-argument* dengan izin, yang kita fikir kadang-kadang tak masuk akal.

Contohnya baru-baru ini, peristiwa-peristiwa yang dinyatakan apabila ada kenyataan-kenyataan mengatakan supaya umat Islam dari setengah-setengah parti tertentu yang terlibat dengan urusan PRU patut menangguhkan pemergian haji kerana dikhuatiri PRU-13 diadakan semasa musim haji tahun ini. Ada juga kenyataan-kenyataan, kalau undi satu-satu parti masuk syurga, jadi kalau yang macam itu, orang yang tak masuk parti, yang masuk parti tersebut mungkin I *milion* tapi orang-orang

Islam yang lain termasuk orang-orang Islam di Malaysia, orang-orang Islam di Saudi Arabia, orang-orang Islam di Indonesia, di Pakistan, di Bangladesh yang tak masuk parti itu tak berpeluang masuk syurga. Jadi, saya pun pelik macam mana *argument-argument* ini boleh diterima. Syurga, surat khabar Berita Harian pada 18 haribulan 6 yang baru lepas semalam, kalau nak masuk, nak dapat pahala undilah parti tertentu. Jadi kita ini, tak taulah Allah sahaja yang dapat menentukan kita masuk syurga atau sebaliknya, terpulanglah kepada iman kita ya?

VCD hanyalah besi-besi yang tidak boleh digunakan sebagai saksi, tapi besi-besi inilah yang kita gunakan hari-hari ya? Telefon kita pun kira macam besi, *handphone* kita pun kira besi, televisyen kita pun kira besi, tapi besi-besi itu banyak memberikan kemudahan kepada kita dan dalam besi-besi itu bermacam-macam cerita ada. Saya tak tau macam mana *conscience* pemimpin-pemimpin pakatan pembangkang, sama ada yang ada dalam dewan ini ataupun di mana-mana, adakah cita-cita ke Putrajaya menghalalkan apa juga cara sekali pun asalkan tujuan tercapai? Adakah mereka tidak merasakan bahawa diri masing-masing merasa kurang cerdik sehingga boleh menerima *argument-argument* yang pada akal yang waras tidak boleh diterima?

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kita pun dah merasakan hujung-hujung ini, kata Sungai Abong tadi, Allah menggilir-gilirkan ya, sekejap barisan, kemudian diberikan peluang kepada yang lain-lain memerintah tapi kita penuh yakin dan percaya Allah reda pada Barisan Nasional oleh kerana Barisan Nasional adalah merupakan parti yang bukan sahaja ikhlas memberikan perkhidmatan kepada rakyat bahkan program-program kita adalah program-program menjurus kepada perkembangan Islam, perpaduan nasional dan sebagainya yang boleh diterima oleh rakyat.

Jadi, sejak tahun 55 sampai sekarang Allah reda Barisan Nasional terus memerintah negara Malaysia yang kita cintai dan kita tidak sekali-kali reda Dato' Speaker, Malaysia ini jatuh kepada mereka-mereka yang durjana yang akhirnya nanti akan memporak-perandakan Islam, memporak-perandakan perpaduan negara kita, memporak-perandakan perhubungan antara kaum yang selama ini terjalin dan akhirnya akan menghancurkan Malaysia. Jadi sama-sama kita berdoa.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok.

**Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) :** ... Moga-moga Barisan Nasional akan tetap memerintah negara Malaysia yang kita cintai dan kita penuh yakin dan percaya Barisan Nasional akan tetap menjadi parti pilihan rakyat Malaysia.

**Y.B. Dato' Speaker :** Masa cukup.

**Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) :** Dengan kata-kata sedemikian Dato' Speaker, saya menyokong…

**Y.B. Dato' Speaker :** Macam bilal je lah. Lembut saja.

**Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) :** Usul yang dibawa oleh Rengit. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha. Perbahasan diteruskan lagi

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh...

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumusalam Yang Berhormat, Yang Berhormat tak tau matahari tu betul menghadap saya. Ha, takkanlah nak biar sampai pukul 5? Ke Batu Pahat beli emas, beli betik, nak rehat minum air mas cotek. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 15 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 4:00 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 4:20 petang.**

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Jemput Tenang.

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, Alhamdulillah saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana kita masih lagi berpeluang menyemai benih wawasan dan menggalas amanah rakyat. Sekalung ucapan terima kasih juga pada kerajaan yang masih lagi berpegang kepada amanah walaupun sudah 55 tahun diberi amanah ini ditulis. Saya juga berterima kasih kerana telah diberi peluang dan ruang untuk menyertai sesi perbahasan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, bagi Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor yang ke-12.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi pihak rakyat DUN Tenang, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas inisiatif mendahulukan rakyat melalui pemberian bantuan persekolahan RM100.00, pemberian RM200.00 baucar buku 1Malaysia pada penuntut IPT dan juga Tingkatan Enam, bantuan rakyat 1Malaysia dan yang terbaru Amanah Saham 1Malaysia (SARA) dan juga saham FELDA Global Venture Holdings, dengan izin dan juga durian runtuh, pemberian kepada warga FELDA. Ini menunjukkan kebijaksanaan dan keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan rakyat. Sebenarnya visi Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan tidak pun ditulis di mana buku sama ada buku biru, buku merah, buku hitam ataupun buku jingga sekali pun kerana ia merupakan interpretasi langsung kerajaan terhadap rakyat. Setebal mana buku itu sekalipun, setebal janji yang ditaburkan tetapi sekiranya hanya bersifat retorik tanpa melihat dan sensitif kepada kehendak rakyat, buku itu layak dibuat bantal agar tidur lebih lena dan mimpi lebih indah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, istilah yang begitu mudah disebut tapi sangat sukar untuk difahami oleh segelintir pihak. Buktinya apabila memberi ucapan mulalah disebut dan dibacakan doa dan ayat al-Quran yang panjang. Alhamdulillah sudah tentu ucapan yang baik dan menunjukkan penuturnya amat memahami tutur katanya, tapi dimulakan dengan ucapan mempertikaikan dan merendah-rendahkan bantuan kerajaan pada rakyat dan ini sikap bermuka-muka terlalu ramai. Mereka sering sahaja mencari kesilapan dan kesalahan kemudian memukul canang keliling negara menyatakan ini salah, itu silap tapi apabila kerajaan dapat membuktikan bahawa kerajaan berada dipihak yang benar, manusia pemukul canang ini tidak pula meminta maaf, malah terus menerus mencari ketirisan dalam pelaksana kebajikan kadar rakyat. Saya menyeru kepada golongan sebegini ucapkanlah syukur terhadap maha pencipta dan ucapkan terima kasih kepada orang yang buat kebajikan. Ular yang menyusur akar tidak akan hilang bisanya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita juga harus bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana banyak mencetuskan dasar-dasar, seperti dasar transformasi walaupun doktrin ini baru sahaja diperkenalkan tetapi penerimaan dan pencapaian objektif sungguh berkesan dan baik sekali. Transformasi politik yang memperlihatkan dasar politik yang lebih efisien dengan tenaga kerja yang digembleng bersama dari seluruh akar umbi, transformasi ekonomi yang mengajak dan menarik sekali rakyat seluruh akar umbi bersama-sama merencana, melaksanakan dan seterusnya menikmati kemakmuran ekonomi. Transformasi pendidikan menunjukkan kepelbagaian bidang pendidikan dengan menampilkan golongan terlatih dan mahir serta mengiktiraf idea pendidikan yang baik serta banyak lagi transformasi yang dinyatakan. Walau sekian banyak nilai tambah dan transformasi yang dikemukakan, rakyat dapat turut serta merencana, melaksana dan menikmati hasil secara saksama. Ini lebih utama dari sebuah buku yang beratus banyak muka suratnya tapi hanya sekadar cerita dongeng yang apabila dibaca menyenangkan rasa. Tapi selepas itu semakin banyak masalah menyenak di dada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita juga harus bersyukur kerana negara kita masih lagi mengamalkan perpaduan yang utuh sebelum kita merdeka lagi. Terima kasih kepada pimpinan kerajaan yang sentiasa berusaha mengekalkan kemakmuran ini. Namun, di sebalik kenikmatan perpaduan yang kita perlu kekalkan, terdapat segelintir kelompok manusia yang bernafsu menawan Putrajaya hingga tidak sedar memudaratkan perpaduan. Yang saya maksudkan bukanlah perpaduan antara kaum tetapi lebih kepada perpaduan antara sosiobudaya. DUN Tenang merangkumi kepelbagaian sosiobudaya. Masyarakatnya terdiri daripada masyarakat FELDA, kampung tradisional, perkampungan Masyarakat Asli, ladang dan Estet, taman perumahan dan pinggiran bandar. Apabila mereka datang ke perkampungan FELDA lalu menjanjikan dan menghasut masyarakat, meminta itu dan ini, kononnya untuk generasi ke-2, ke-3 dan ke-4. Mereka berkata seolah-olah Malaysia ini warga milik warga FELDA. Akhirnya seperti kaedah ini menimbulkan iri hati dan juga sangka buruk kepada masyarakat lain terutamanya masyarakat kampung tradisional dan ladang. Pada masyarakat ladang pula mereka berkata masyarakat ladang perlu diberikan sekian banyak tanah. Sekiranya kita amati bersama, berapa besar tanah yang ada, andai kita berikan dan terus memberi? Adakah dan apakah yang tinggal untuk anak cucu kita ini? Adakah cukup berapa kaki liang lahad sahaja? Seeloknya keperluan tanah seperti ini kita

bangunkan dan kita wujudkan peluang pekerjaan kepada generasi seterusnya. Malah kita juga memberi tanah mengikut keperluan semasa. Inilah yang saya maksudkan lagi banyak contoh kelakuan sumbang saudara kita memulakan nafsu sehingga memecahkan perpaduan antara rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kadang-kala seakan menimbulkan suasana lucu juga, apabila kerajaan bercadang dan melaksanakan pembinaan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Negara, segelintir puak sibuk melobi dan berteriak bahawa rencana tersebut adalah satu bentuk pembaziran malah tanpa berselindung mereka bercadang akan menjual Putrajaya dan wangnya akan disumbangkan kepada rakyat atau memberikan Putrajaya untuk diduduki oleh rakyat yang berpendapatan rendah kononnya. Tapi hari ini mereka bagaikan gila talak dan mempersiapkan diri untuk memiliki Putrajaya. Janganlah terlalu taksub mendewakan nafsu sehingga sanggup menjilat ludah sendiri.

Di kesempatan ini juga, saya juga mengingatkan saudara seperjuangan dan diri saya akan sentiasa memperkukuhkan barisan dan mempertahankan amanah rakyat di atas bahu kita. Janganlah kita meletakkan nasib bangsa, agama dan negara kita di atas tapak tangan seorang individu sahaja. Siapakah dia yang ingin sibuk mencatur perjalanan kita? Perlukah seorang yang pernah dibicarakan kes liwat ataupun skandal video seksnya, seorang dengan ada hubungan intimnya bersama Israel dan juga pengikut setianya berbondong-bondong keluar parti, ingin mengajar kita serta mengucar-kacirkan saf kepimpinan kita? Kita biarkan si penjual ubat ini berkokok di atas jalanan, kerana yang lebih penting amanah dan tanggungjawab terhadap rakyat kita dukung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, *Johor Corporation* dengan izin, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah meletakkan Johor Corp sebagai satu yang tinggi dan disegani dalam bidang perniagaan, pembangunan hartanah, hospitaliti dan banyak lagi. Namun baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun difitnah kononnya tidak membenarkan sebahagian pemilikan saham Johor Corp kepada persatuan peniaga bumiputera. Dan membenarkan pemilikan saham itu kepada syarikat milik Israel. Rakyat Johor disuakan dengan dongeng yang menakutkan ini, sedangkan ini pembohongan yang tidak berasas dan memalukan.

Selain itu pula penerimaan rakyat Johor terhadap Barisan Nasional dan UMNO dituduh pula sebagai Assabiah ataupun taksub. Di sini, saya ingin menyeru kepada mereka yang tidak bertanggungjawab ini, janganlah perbodohkan kami dengan istilah yang mereka sendiri tidak faham kerana terlalu banyak bercakap melambangkan ke bijaksana seseorang namun selalunya mencerminkan kebodohan seseorang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, syukur dan juga ucapan terima kasih ke atas pembangunan yang dibawa oleh kerajaan di bawah di bumi Dewan Undangan Negeri Tenang selepas pilihan raya kecil yang lalu. Terima kasih juga kepada Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri. Segelintir projek yang dicadangkan telah siap dibina. Namun, sebahagian lagi dalam proses, selebihnya dalam perancangan.

Dalam kesempatan yang ada ini, saya ingin menarik perhatian pihak bertanggungjawab terhadap beberapa perkara yang menjadi impian rakyat di Dewan Undangan Negeri Tenang andainya direalisasikan, terutamanya, kepadatan penduduk dan Parlimen Labis:

1. Kalau boleh saya sebutkan di sini serta keperluan pendidikan yang lestari memungkinkan penubuhan sebuah pusat pendidikan tinggi. Apa yang diharapkan agar tertubuhnya sebuah kolej komuniti untuk keperluan pendidikan pasca SPM dan seumpamanya serta keperluan pendidikan komuniti dalam Parlimen Labis.

2. Menaik taraf jalan berturap dan lebar yang menghubungkan Bandar Labis dengan kampung-kampung yang berdekatannya. Contohnya, Kampung Tenang, sejauh lebih kurang 15 kilometer. Dan juga jalan perhubungan ini sentiasa sesak dengan kenderaan yang menghubungkan Bandar Labis ke FELDA Tenang, Pekan Air Panas, Kampung Sawah Baru, Kampung Tenang dan juga Masyarakat Orang Asli. Ini merupakan satu jalan perhubungan utama dalam aspek pembangunan pertanian dan sosial ekonomi termasuk jalan utama pelajar kedua sekolah menengah. Ini menunjukkan peningkatan ekonomi penduduk setempat dan merupakan bukti luhur tentang keberkesanan pembangunan politik.

3. Membaiki pulih dan menaik taraf Pusat Rekreasi Kolam Air Panas yang terletak di Pekan Air Panas. Istimewanya, Pusat Rekreasi ini terletak berdekatan dengan Kampung Tenang yang merupakan kampung tradisional yang menjadi nadi sejarah penubuhan Tenang itu sendiri. Entiti sejarah dan ekopelancongan ini perlulah dipelihara dan dipulihara untuk kesinambungan dan pembangunan sosial ekonomi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata saya ingin membacakan sebuah gurindam sejarah untuk kita perhalusi dan kita iktibarkan nilai syukur terima kasih ini.

Perihal hebat Hang Tuah mendukung raja dan bangsanya. Sanggup menumpahkan darah saudaranya. Namun pelik segelintir anak cucunya. Bernafsu tegar menggadaikan Raja, agama dan bangsanya.

Perihal gagah Leftenan Adnan berhadapan Tentera Jepun. Sanggup berkubu dengan darah dan jiwa ampuh. Namun pelik dengan anak cucunya. 14 Februari sibuk digaduhkan hari memperingatkan kekasih.

Perihal berani Dato' Maharaja Lela, Si kuntum dan Dato' Sagor. Sanggup mencabar keangkuhan JWW Birch. Namun pelik sekelompok dua anak cucunya. Mengagungkan bangsa Israel menodai agamanya.

Perihal warak Tok Kenali dengan sufinya. Tekad agama dalam dirinya. Tak pernah pudar. Namun hairan seorang dua cucu ulamanya. Negara kebajikan pula sibuk dicanangkan.

Perihal buruk bulat tekad Sarjan Jamil. Sanggup dikakukan laku daripada menyerah beku. Namun pelik hanya seorang cucunya. Dituduhkannya orang anjing penjajah.

Wahai manusia yang suda hilang rasa syukurnya. Hatimu telah buta dengan nafsu tidak terkira. Mudahnya kau menjual Raja, agama dan bangsanya. Menjilat najis Israel atas nama sahabat kononnya. Menggalakkan anjing kepada pejuang negara.

Insaflah saudara ku. Janganlah sampai nafsu menjolok mata. Kelak bangsa mu tergadai jua. Dan kubur mu dikencingkan anjing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan ini Tenang menyokong rundingan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Rengit. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Dijemput, ada yang lain? Nusajaya.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) :** Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumussalam.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) :** Salam sejahtera, selamat petang dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana telah memberi saya ruang untuk bersama sama membahas usul menjunjung kasih Titah Duli Baginda Tuanku Sultan Johor pada 14 Jun yang lepas. Alhamdulillah, walaupun kita masuk hari kedua dan saya pula dapat giliran yang terakhir agaknya pada petang ini, tapi walau bagaimanapun kita rasa amat bersyukur kerana sekurang-kurangnya kita dapat menyampaikan maklumat-maklumat yang perlu kita sampaikan di Dewan yang bertuah ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor menyentuh beberapa perkara iaitu yang pertama sekali, apa yang disarankan kepada rakyat Johor supaya kita bersatu padu dan memberi sokongan kepada Negeri Johor yang aman dan makmur ini. Tetapi, keadaan ini telah mula dicemari oleh anasir-anasir liar yang mahu menggugat kesejahteraan Negeri Johor. Ini terbukti dengan beberapa perkara, khasnya di kawasan saya sendiri baru-baru ini, yang mana keadaannya begitu tenang, begitu harmoni tetapi menjelangnya PRU Ke-13 ini, banyak orang-orang luar yang datang. Khasnya datang ke masjid-masjid, kononnya kehadiran beliau untuk memberi tazkirah. Tetapi, orang Johor ni pun pandai juga cakap Arab. Saya dengar sendiri kepada mereka yang datang tazkirah tu, dalam bahasa Arab tapi dalam bahasa Melayunya ceramah. Jadi, perkara ini telah berlaku baru-baru ini, apabila sebuah masjid yang saya rasa, saya pun berada di kawasan tersebut dan satu pergolakan berlaku apabila pihak masjid tidak memberi ruang kepada mereka untuk bertazkirah, kerana di masjid juga ada program-program dia.

Akibat daripada pertengkaran tersebut, di situ kita nampak perpaduan yang begitu kukuh, sudah mula retak antara tempat yang kita sering berhimpun. Jadi perkara ini memang jelas, saya berharaplah khasnya kepada Jabatan Agama Islam akan

menjaga tempat kesucian Allah ini supaya jangan dijadikan, jangan dijadikan tempat untuk bertazkirah politik oleh pihak-pihak tertentu. Ini perlu kita pertahankan, sebab saya sendiri berada di kawasan tersebut. Jadi saya berharap, apa yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sewaktu ucapan perasmian Dewan tempoh hari perlulah pihak-pihak terbabit mengambil nota dan seterusnya mengambil tindakan jika perlu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih khasnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah membawa pembangunan mega ke Negeri Johor khasnya di Wilayah Iskandar. Yang mana dan selepas ini, pembangunan juga akan dibawa ke Pengerang. Transformasi pembangunan ekonomi berskala besar ini dapat memberi impak dan manfaat kepada rakyat tempatan malahan membuka peluang perniagaan dan peluang pekerjaan kepada seluruh rakyat, bukan sahaja di Negeri Johor. Sebagai contoh pada hari ini, kalau kita lihat dalam kawasan Iskandar ini khasnya di Nusajaya, kita tengok hari ini keadaan dia sudah bertukar. Kalau penggal yang pertama, kita masuk ke kawasan Nusajaya ini agak masih lagi ada ruang-ruang, kita tengok hutan-hutan dan belukar-belukar. Tapi, hari ni kita sendiri dapat melihat *Legoland* yang akan dibuka pada September ini, sudah menunjukkan kepadatan di kawasan *Legoland* itu sendiri.

Kalau Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker datang dari arah Nusajaya melalui pusingan dan di sana saya rasa nampak begitu besarnya dan begitu gahnya *Legoland* yang akan dibuka pada September ini. Dan di sini juga kita nampak, saya pun terperanjat juga, bila lalu sahaja, baru-baru ini tengok kereta *parking* di kawasan *Legoland*, sudah nampak berpuluh-puluh biji kereta. Jadi di sini sudah nampak, bererti kerajaan membuat pembangunan adalah untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat, untuk mendapat peluang-peluang pekerjaan dan peluang-peluang perniagaan. Jadi, kita dah nampak dah. Dan di sini juga, kepadatan rakyat, kepadatan masyarakat kita sudah jelas, dapat melihat, beberapa perkara itu hanya kita tengok *Legoland* saja. Kita tak pergi ke hujung Puteri Harbour sekarang ini. Kalau kita nampak di Puteri Harbour ini akan dua perkara yang sedang dalam pembinaan. Yang pertama sekali, kita tengok hotel yang bertaraf lima bintang, juga saya rasa akan di buka pada September ini.

Dan bukan itu saja, bahkan ada satu jeti pula yang akan, jeti untuk feri-feri untuk keluar negeri. Contohnya kalau nak pergi Batam ke, nak pergi Tanjung Pinang ke, dah tak payah lagi, dah nak pergi ke Stulang. Jadi ini sudah menampakkan lagi dan bukan itu saja, bahkan kalau kita lalu daripada Horizon Hills, kita naik maka kita sudah nampak satu sekolah *Marlboro College* juga sudah siap untuk di masukkan oleh pelajar-pelajar tidak lama lagi. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Speaker, sini sudah tentu menampakkan yang mana kerajaan kita buat pembangunan ini, bukanlah sia-sia seperti yang selalu diwar-warkan oleh pihak-pihak pembangkang.

Saya pun tak faham, Yang Berhormat Timbalan Speaker, kalau kita nak buat pembangunan, mesti pihak pembangkang dia kata ini pembaziran. Ini pembaziran, ini tak boleh. Baru-baru ini saja, kalau kita lihat apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan *oil and gas* di Pengerang. Setiap malam berusung. Yang mana

mereka-mereka ini, protes tentang pembangunan yang nak dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan tak habis di situ saja, meracuni rakyat-rakyat yang ada di dalam kawasan tersebut. Sedangkan saya nak tanyalah, kepada pihak pembangkang, sedangkan apa yang saya nyatakan sebentar tadi, ini adalah peluang-peluang. Bukan sahaja peluang untuk parti-parti Barisan Nasional, bahkan peluang-peluang untuk siapa saja, rakyat yang ada khasnya dalam Negeri Johor ini peluang pekerjaan dan peluang perniagaan. Dan, saya nak tanya juga dengan pihak pembangkanglah, kalau di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) itu, 1 tahun agak-agak saya rasa sekurang-kurangnya mengeluarkan kelulusan Ijazah dan Diploma tak kurang daripada 3,000 atau 4,000 pelajar-pelajar yang keluar.

Jadi kalau tidak ada pembangunan, di manakah mereka ini nak cari pekerjaan dan nak cari peluang-peluang perniagaan? Jadi Yang berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebenarnya saya minta kepada kerajaan supaya kita teruskan apa rancangan kita dan kita jangan layan apa juga yang dilemparkan, yang ditohmah oleh parti pembangkang tentang pembangunan yang kita laksanakan pada hari ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya juga mengucapkan Nusajaya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, Menteri Besar kita yang turun ke Parlimen dan apabila dia turun ke Parlimen dia akan pergi ke setiap kampung, ke setiap kawasan dan dia bertanyakan permasalahan-permasalahan yang berlaku khasnya di dalam kawasan-kawasan Parlimen yang mereka hadiri itu dan kami juga mengucapkan berbanyak terima kasih kerana banyak masalah-masalah yang telah selesai. Yang telah selesai dan juga infrastruktur yang telah dilaksanakan dan juga penyampaian, pemberian geran-geran tanah yang telah lama tertunggak.

Ini juga amat-amat kita rasai sebenarnya rakyat amat-amat merasai bagaimana kita mentadbir demi kepentingan mereka semua. Tapi walaupun agak lama tetapi lama kelamaan di atas kesabaran kita, di atas usaha kita Yang Amat Berhormat telah pun banyak menyelesaikan masalah-masalah khasnya di dalam kawasan Parlimen saya sendiri dan dalam DUN saya sendiri.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, walau bagaimanapun kita masih lagi banyak terdapat isu-isu yang perlu diberikan perhatian. Kalau kita lihat hari ini, Yang Berhormat Timbalan Speaker datang daripada Johor Bahru tak sampai 15 minit dah sampai Dewan. Ini saya juga, menyuarakan perkara-perkara yang perlu di atasi khasnya oleh pihak IRDA itu sendiri. Kita jangan tengok, sepatah kata, nyamuk di...

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Kuman.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) :** Nyamuk di seberang laut kita nampak, gajah depan mata, kita tak nampak. Jadi, saya nak bagi tahulah kepada pihak berkuasa supaya cepat-cepat mengambil tindakan khasnya jalan raya kita. Kalau kita tengok, memang di kawasan pusat pentadbiran ini, kalau kita melalui *highway* laluan kedua, kita ada *highway*, kita ada *highway* pergi ke Danga Bay seterusnya ke pusat pentadbiran tetapi kita tak nampak jalan daripada Pekan Nenas, menghubungi Pekan Nenas ke Jalan Hulu Pulai dan seterusnya ke pusat pentadbiran ini. Begitu juga dari Jalan Ulu Choh untuk ke pusat pentadbiran perlulah di lihat dan

daripada pusat pentadbiran kita nak balik ke Mutiara Rini. Jangan sampai Skudai, sampai Mutiara Rini saja kita tengok. Jadi sepatutnya selepas ini kita lihat pula dan kita perlu tingkatkan usaha-usaha ini supaya selaras dengan pembangunan yang saya nyatakan sebentar tadi. Kita takut kalau ada pengunjung-pengunjung nanti daripada Pontian, Batu Pahat melalui kawasan jalan yang saya sebutkan takut *jam*. Hari ini sahaja kalau kita datang sebelah pagi, atau petang, pendek kata kita akan beratur panjang. Jadi, saya berharap pihak berkuasa kita jangan nampak skop yang depan saja sedangkan yang di keliling kawasan kita ini masih memerlukan tahap pembinaan yang segera. Begitu juga dari Jalan Pontian ke Johor Bahru. Kesesakan ini memang perlu di atasi kerana kalau sebelah pagi, sebelah petang, sebelah tengah hari memang tidak dapat berjalan lancar mereka-mereka yang gunakan jalan-jalan utama ini dan kita takut mana yang nak pergi *Legoland* besok, bulan September nak buka dia kata dah tak pergi *Legoland* sebab *jem*.

Dan, yang dapat nanti orang luar saja, jadi orang dalam sendiri tak tahu. Ini yang sering kita menyuarakan orang tempatan di beri keutamaan. Tetapi akhirnya, apabila kita terlepas pandang, maka orang jauh yang kita bagi keutamaan. Selain daripada itu juga, saya nak bagi tahu lagi dah beberapa kali bagi tahu tentang penghijrahan pekerja-pekerja asing yang tidak di kawal seperti tadi Pengerang cakap, dia nak cari tak nak orang Nepal dia nak pekerja asing dia daripada mana tadi Bangladesh ke mana, Nigeria, Nigeria badan besar tu. Kalau saya datang dekat sini pun saya takut.

Sebenarnya permasalahan ini sering berlaku di kawasan-kawasan yang sedang membangun. Saya setuju sangat kalau tadi Pengerang nyatakan kawal sebenarnya saya bercakap kawal pekerja asing ini memang sudah daripada mula Nusajaya di bangunkan saya dah bagi tahu. Dulu pernah IRDA nak menempatkan pekerja-pekerja asing ini, di satu tempat yang di kawal. Hari ini Yang Berhormat Timbalan Speaker, kalau kita pergi dekat kawasan-kawasan Nusa Perintis, Lima Kedai tanpa ada kawalan. Kalau kita berjalan pun kita rasa sama dah Nepal dengan orang Melayu ni dah sama dengan Cina pun lebih kurang lagi. Dan mereka-mereka ini tidak ada budaya yang disiplin yang kuat kalau balik kerja tu kalau hari minggu minum *bir,* anjing, kucing semua dia boleh makan.

Dan baru-baru ni kita dapati tengah hari buta pun dia tertidur sebelah Bank CIMB di Nusa Perintis. Saya tendang-tendang ingat dia mati ke apa, telefon Polis, rupanya dia sudah tak boleh tahan sudah mabuk terlepak bergerak dia. Ini dia nampak imej kita malu kita dengan pelancong-pelancong asing apabila perkara ini berlaku.

Begitu juga dengan hari ini, kalau kita Mesyuarat Tindakan Daerah, daerah Johor Bahru mencatatkan penyakit apa Aedes yang tinggi. Ini semua disebabkan bila tanya kawasan di mana? Kawasan Gelang Patah, DUN mana? DUN Nusajaya. Ada beberapa penyakit Aedes. *Check-check* tempat tu, rupanya tempat pekerja asing yang tidak dikawal kerana dia ni kadang-kadang, kalau dia sidai baju, basah-basah sembarang saja, dia letak saja. Ini juga boleh mendatangkan penyakit Aedes. Jadi, saya berharaplah kepada kerajaan melalui IRDA yang telah diwar-warkan tempo hari untuk dia kawal. Ini perlu kita *upgrade* kan balik sebab kilang-kilang di SIJC begitu pesat membangun dan akan mengadakan dan akan pekerja-pekerja pun akan lebih ramai lagi di perlukan. Jadi kalau kita tidak kawal daripada sekarang, kita

takut macam-macam yang akan berlaku. Begitu juga tentang gerai-gerai majlis di kawasan Gelang Patah, kalau perlu kita *upgrade* kan. Kadang-kadang kita kesian orang tempatan ini, gerai daripada dulu juga kalau di *upgrade* kan sekurang-kurangnya orang luar nak cari makanan-makanan kampung mudah saja. Supaya mereka ini mendapat lebih jualan-jualan dan meningkatkan ekonomi mereka hasil daripada pembangunan dan pelancongan yang datang ke kawasan Nusajaya ini. Jadi saya berharaplah ada beberapa yang perlu kita *upgrade* kan dan yang telah di *upgrade* pun kita cantikkan lagi, supaya mereka juga akan selesa. Kadang-kadang kita nak makan ikan sembilang dekat tepi sungai itu, yang paling *best* pun kita tak tahan sebab panas. Kawasan yang begitu yang dah lama dah sebelum lagi apa, Nusajaya ini dibangunkan.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Masa cukup Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) :** Jadi, ini yang perlu…

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Masa dah cukup.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) :** Ya, sekejap saja. Inilah yang perlu, perkara-perkara yang perlu kita tingkatkan lagi supaya imej di kawasan Nusajaya ini supaya pihak-pihak pelancongan, pihak-pihak pelabur lebih *confident* lagi dan begitu juga dengan beberapa perkara perlulah kita segerakan. Contohnya pada hari ini kita belum nampak lagi IPD Nusajaya. IPD Nusajaya yang ada ni pun, dia sewa dekat rumah-rumah kedai. Jadi kalau tempat-tempat lain tu, Seri Alam pun dah ada. Ini kawasan Iskandar, kawasan Nusajaya, kawasan pelancongan, *Legoland* akan mula di buka pada September ini telah pun diwar-warkan di televisyen dan sebagainya jadi dan kalaulah IPD ni pun tak ada di sini jadi orang-orang kita, kita takut mereka-mereka ini akan kurang memberi kepercayaan tentang keselamatan kita. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya pun akurlah kerana ada beberapa perkara lagi sepatut saya sampaikan, nanti kita tak dapat untuk memberi peluang kepada rakan-rakan kita. Jadi dengan ini saya menyokong usul yang dibawakan oleh Yang Berhormat Rengit. Sekian sahaja, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Ada lagi yang nak berucap?

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberikan peluang kepada Bukit Batu untuk turut serta membahaskan atas rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bertitah merasmikan Penggal Persidangan Yang Ke-5 bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 pada 14 Jun 2012.

Yang Berhormat Dato' Speaker, parti pembangkang yang sanggup menggelar negara sendiri termasuklah mencabar Undang-Undang Persekutuan semata-matanya untuk kepentingan *mileage politic,* dengan izin. Di mana ketua pembangkang yang mengatakan sebarang bentuk peraturan yang menyekat kebebasan adalah undang-undang lapuk sebagaimana dalam Wawancara *BBC News,* dengan izin.

Kita tidak payah menjanjikan bintang. Kita tidak payah menjanjikan bulan. Kita juga tidak payah menjanjikan langit sebab lagi-lagi pun janganlah kita janjikan syurga. Sebab tu yang hanya kita perlukan, janji ditepati. Saya rasa Yang Berhormat Sungai Abong cerita banyak tentang pembinaan rumah murah. Saya rasa kalau di Dewan ini, kita dimaklumkan ada Kerajaan Negeri yang sanggup gadaikan tapak untuk rumah murah yang dikhaskan kepada rakyatnya yang telah dijadikan sebagai hospital swasta. Apatah lagi rakyat negeri telah berhijrah ramai keluar daripada negeri yang mereka memerintah itu, iaitu kalau tak silap sebanyak 18,000 yang telah berhijrah daripada negeri yang mereka perintah itu.

Bukit Batu kesal dengan tindakan parti pembangkang yang sanggup menyelar negeri sendiri, dengan mencanang cerita yang bukan-bukan sedangkan hal ini akan memberi impak yang tidak baik kepada Negeri Johor. Apatah lagi parti pembangkang yang sanggup mengatakan negeri yang diduduki oleh mereka ini akan bankrap, secara berulang semata-mata merosakkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan yang memerintah sejak tahun 2008.

Di dalam Dewan yang mulia ini, kononnya laungan Negeri Johor akan bankrap dalam masa 1 bulan, itu tak jadi. 3 bulan, tak jadi. Sekarang sudah dekat dengan Pilihan Raya Umum Yang Ke-13, pun belum lagi terjadi. Kalau ikut *Art of War* dengan izin, sebagai "C*onfuse it, if you can't win",* dengan izin. Adakah yang dinyatakan oleh mereka itu benar dengan pelaburan bernilai RM2 bilion bagi suku pertama tahun 2012 akan menjadikan Negeri Johor bankrap, ataupun pelaburan komited terkumpul dari tempoh tahun 2006 sehingga bulan Mac 2012 berjumlah RM87.56 bilion itu tidak membuktikan pelabur-pelabur dalam dan luar negara yang gemar melabur di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bukit Batu ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, kerana telah menjalankan lawatan kerja ke kawasan Parlimen Kulai pada bulan Oktober 2011, di mana bukan sahaja dapat berjumpa dengan NGO-NGO tempatan yang terdiri dari kaum Cina, Melayu dan India, bahkan juga memberikan peruntukan kepada mereka. Bukit Batu ingin bagi pihak 228 orang penerima hak milik tanah generasi kedua FELDA Bukit Batu mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, bahkan juga meluluskan peruntukan RM200,000.00 untuk mereka memulakan kerja-kerja penyediaan di tapak rumah yang telah dikurniakan oleh Kerajaan Barisan Nasional ini. Di sini Bukit Batu ingin memohon bantuan kerajaan supaya memberikan bantuan kepada baki-baki pemohon seramai 18 orang yang masih menunggu kelulusan permohonan tanah supaya dapat dipertimbangkan dengan sewajar dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bukit Batu ingin beralih kepada isu-isu lain pula.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Banyak lagi Yang Berhormat? Panjang lagi?

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Panjang.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Panjang? Kalau panjang duduk Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Rabu, 20 Jun 2012, jam 9:30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 5:10 Petang.**

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12**

| HARI KEEMPAT | RABU, 20 JUN 2012 | BIL. 18 TAHUN 12 |
|---|---|---|

**HADIR**

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Dato' Haji Ahmad Zahri bin Jamil, DPMJ., PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Datuk Hoo Seong Chang, PJN., PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat, PJN., JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Datuk Koh Chee Chai, PJN., PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu, PJN., PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Tuan Haji Marsan bin Kassim

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**
(Jurutulis baca doa).

**Y.B. Dato' Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli Yang Berhormat perbahasan diteruskan.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN**

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Sejauh manakah tugas dan peranan yang dimainkan oleh PPSPPA untuk memastikan kebersihan, keceriaan dan keindahan di kawasan-kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Johor?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, PPSPPA adalah merupakan agensi KPKT, Kerajaan Tempatan yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan menguatkuasakan urusan pelupusan sisa pepejal seluruh negara. Badan ini juga berperanan memastikan perkhidmatan ini efisien, bersepadu di samping memberikan kepuasan yang baik kepada pengguna daripada segi perkhidmatan mutu kerjanya. Tugas dan peranan yang dimainkan oleh Badan ini adalah selari sebenarnya dengan Dasar Kerajaan Negeri iaitu untuk memastikan kebersihan, keceriaan dan keindahan alam dalam Negeri Johor meliputi perkara-perkara berikut dipatuhi :

1. Mengawal selia urusan ataupun prestasi SWM Environment Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat konsesi yang memberikan perkhidmatan sisa pepejal untuk negeri ini iaitu meliputi kutipan sisa pepejal, pembersihan longkang, bersih jalan dan potong rumput.

2. Pastikan bahawa syarikat konsesi membekalkan tong sampah kepada semua premis dan lori kompaktor yang dilengkapi dengan, dengan izin, *bin lifter* dan juga *leachate tank* dan GPS selaras dengan perjanjian konsesi yang telah diadakan. Penyediaan lori kompaktor baru di seluruh Negeri Johor setakat ini sebanyak 313 buah manakala jumlah tong sampah yang akan dibekalkan mengikut perjanjian ialah sebanyak 668,454 bagi keseluruhan Negeri Johor dan akan dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan peringkat pertama, MBJB ataupun Bandaraya pada tahun ini, Majlis Perbandaran pada 2013, tahun depan dan akhirnya pada 2014 keseluruhan Majlis-Majlis Daerah di Negeri Johor.

Selain itu juga Yang Berhormat Dato' Speaker, kompaktor yang umurnya dah lebih 7 tahun perlu digantikan dengan kompaktor baru.

3. PPSPPA perlu menetapkan KPI yang bertujuan meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi. Pada keseluruhannya terdapat 75 KPI yang terdiri daripada 21 KPI utama ataupun primer dan 54 KPI sekunder.

   i. KPI primer ialah kualiti perkhidmatan yang akan memberi kesan serta-merta dan ketara kepada operasi kebersihan alam sekitar dan kesihatan awam. Sebagai contoh, kegagalan pihak konsesi ikut jadual dan frekuensi kutipan sampah.

   ii. Manakala KPI sekunder ialah kualiti menetapkan perkhidmatan yang akan menjejaskan kelancaran operasi dan keselesaan awam. Sebagai contoh, kegagalan pihak konsesi menjalankan kerja-kerja kutipan dengan sempurna apabila masih terdapat sisa di dalam dan sekeliling tong sampah.

4. Melaksanakan penyeragaman frekuensi terhadap perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di semua PBT dengan penetapan standard bagi kutipan sisa pepejal di kawasan perumahan kepada tiga kali seminggu untuk kawasan perumahan, rumah pangsa serta kawasan komersial enam kali seminggu. Bagi pembersihan awam iaitu potong rumput dan bersih longkang adalah sebanyak dua kali sebulan serta pembersihan jalan-jalan utama di semua kawasan PBT dan jalan protokol di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru adalah setiap hari. Bagaimanapun bagi frekuensi kutipan sisa pepejal yang lebih baik iaitu enam hari seminggu seperti di kawasan Majlis Daerah Pontian adalah dikekalkan.

5. PPSPPA juga peranannya termasuk melantik kontraktor bantuan yang akan digerakkan dalam tempoh 24 jam dari masa aduan diterima dan sekiranya syarikat konsesi gagal melaksanakan kerja-kerja pembetulan mengikut tempoh yang ditetapkan, PPSPPA juga akan mengenakan denda atau penalti iaitu potongan bayaran kepada syarikat konsesi atas pelanggaran KPI yang berlaku. Untuk makluman Dewan, sehingga April tahun ini sejumlah RM3.9 juta telah dipotong daripada bayaran kepada syarikat konsesi atas kegagalannya mematuhi KPI yang ditetapkan.

6. Menangani masalah sampah haram, sampah longgok dan sampah pukal yang dibangkitkan oleh penduduk sama ada melalui media massa ataupun aduan terus kepada PBT. Untuk penyelesaian masalah ini, operasi pembersihan khas telah dilaksanakan dan sehingga Mei 2012 sebanyak 320 operasi khas telah dijalankan di seluruh Negeri Johor.

7. Mengurangkan impak alam sekitar dengan pelaksanaan dua projek penutupan tapak pelupusan sampah secara mesra alam oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang melibatkan Tapak Pelupusan Rimba Terjun, Pontian dan

Tapak Pelupusan Temayoh di Labis. Manakala bagi projek naik taraf sebanyak 3 projek sedang dijalankan iaitu :

i. Tapak pelupusan Batu 4, Kota Tinggi.
ii. Tapak Pelupusan CEP, Simpang Renggam.
iii. Tapak pelupusan Bukit Bakri.

Penutupan secara selamat dan naik taraf ini dilengkapi dengan sistem *liner*, sistem pengumpulan air *leachate*, sistem rawatan air *leachate*, sistem perudaraan gas, sistem perparitan dan penanaman rumput di atas permukaan tanah.

8. Mengadakan sistem e-Aduan yang boleh diakses melalui talian bebas atau melalui laman web. Semua aduan akan dimasukkan dalam sistem e-Aduan untuk disimpan serta di analisa dan aduan yang diterima akan dapat dipantau dan seterusnya diambil tindakan seberapa segera yang boleh dan dihantar terus oleh Penyelia melalui sistem SMS. Sistem aduan yang lebih cekap ini diharapkan dapat membantu pihak konsesi mengambil tindakan dengan lebih cepat. Aduan ini juga boleh disemak dan dipantau oleh PBT melalui ID yang telah dibekalkan.

9. Melesenkan semua syarikat dan pihak yang melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi tujuan mengawal dan memastikan kualiti pengurusan dan standard dipatuhi.

10. Menjalinkan kerjasama yang baik dengan PBT-PBT dan penduduk dalam aktiviti gotong-royong pembersihan kawasan dan Program *Local Agenda 21 PBT*.

Inilah Yang Berhormat Dato' Speaker, antara tugasan dan peranan yang dimainkan oleh PPSPPA dalam urusan pelupusan sisa pepejal di negeri ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, Bukit Batu.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebagai sebuah agensi yang memberikan perkhidmatan kepada pembayar cukai, kepuasan pelanggan amat mustahak dalam meningkatkan mutu perkhidmatan. Saya ingin tahu langkah-langkah PPSPPA untuk menangani aduan-aduan awam terhadap sampah-sampah tidak diangkat, longkang tersumbat dan rumput tidak dipotong supaya tindakan *first response*, dengan izin, terhadap aduan dijalankan dengan segera demi memberikan kepuasan kepada pelanggan iaitu rakyat jelata.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan kaedah membuat aduan jika ada kelemahan-kelemahan ataupun ketidakpuasan hati oleh penduduk dalam kawasan PBT berkenaan dengan urusan SWM ini. Tadi saya dah katakan bolehlah dibuat melalui sistem e-Aduan yang ada yang telah diadakan oleh pihak PPSPPA yang boleh diakses melalui telefon nombor dia, dia tol *free* ya ni, 1800-88-

7472 talian bebas tol atau melalui laman web www.ppsppa.gov.my ini satu daripada caranyalah. Dan, setiap maklumat yang dihantar hendaklah diatasi oleh pihak syarikat konsesi dalam tempoh sehari daripada masa aduan yang diterima dan kalau dia gagal melaksanakan segala aduan yang dibuat sama ada urusan angkat sampah, urusan bersih longkang ataupun potong rumput yang ada jadualnya, yang saya sebut itu tadi, maka pihak PPSPPA akan mengenakan penalti ataupun potongan bayaran kepada syarikat konsesi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Bukit Batu dah ambil nombor dia? Ok, Yong Peng.

**Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Apakah nisbah penyediaan kompaktor mengikut bilangan penduduk sebab di Majlis Daerah Yong Peng penduduk telah menjangkau 60,000 tetapi masih dapat 4 kompaktor. Jadi saya ingin nak tahu bagaimana pengagihan yang lebih adil, terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak maklumkan lagi pada Yong Peng bahawa, tadi saya dah sebut bahawa proses penswastaan ini dilakukan berperingkat. Untuk tahun ini Bandaraya sahaja. Majlis Daerah Yong Peng akan sampai pada 2014. Kena tunggu dua tahun lagi. Sebab itu keadaannya masih sama melainkan daripada segi kutipan sampah sahaja dan potong rumput dan bersih longkang. Tapi kalau lori ataupun tambahan pekerja ini kena tunggu 2014. Kerana dia *interim period* terlalu panjang, 12 tahun SWM menunggu daripada mula-mula dia berikan persetujuan oleh Kerajaan Pusat supaya dia lakukan penswastaan ini dan hanya dimuktamadkan pada September 2011, itu yang utamanya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Hem, Skudai. Oklah.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Terima kasih Dato' Speaker. Soalan tambahan saya adalah kalau didapati kompaktor yang tidak berfungsi dengan baiklah khasnya air busuk meleleh masa kompaktor itu bergerak di kawasan kediaman apakah tindakan yang boleh diambil oleh PPSPPA?

**Y.B. Dato' Speaker** : Angkat, angkat sampah ada air mengalir, macam mana nak mengatasi air mengalir itu.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam** : Oh, ini masalah *leachate* yang meleleh daripada lori-lori sampah, kalau nak cakap senanglah.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Ini masalah besar sebab semalam saya datang ke Dewan dan berjalan dekat Lima Kedai pun nampak ada, ini kawasan Iskandar Malaysia. Kalau orang-orang luar, pelabur asing nampak kita punya kompaktor tu macam mana?

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok, yalah. *Time* Yang Berhormat lalu dia tuang agaknya.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam** : Maknanya Skudai membangkitkan masalah lelehan air busuk sampah daripada lori-lori sampah. Itu dia masalahnya. Saya akuilah kerana setakat ini lori kompaktor yang dibekalkan pun yang di, untuk kawasan Bandaraya misalannya masih lagi belum, belum mencukupi hanya dalam 41%. Jadi banyak lagi yang masih menggunakan lori-lori lama, lori-lori lama dan diharap *by,* apabila tiba hujung tahun ini Bandaraya akan dapat dipenuhi oleh, dengan segala kelengkapan oleh pihak SWM. Setakat ini segala kelemahan yang ada kita telah kenal pasti iaitu:

1. Masalah kekurangan lori-lori baru dan tidak ikut KPI kerana lori lama tak ada *bin lifter*, tak ada *leachate tank* yang berfungsi dengan baik dan;
2. Masalah pekerja. Pekerja SWM pun masih lagi sangat berkurangan dan masih lagi dalam program untuk menambah pekerja, baik tukang angkat sampah ke , lori *driver* ke. Dan misalannya baru-baru ini Yang Berhormat Dato' Speaker, SWM ada 4 GCB tapi apabila diiklankan untuk panggil pemandu, seorang pun tak datang untuk datang di temu duga kerana gaji yang ditawarkan terlalu rendah iaitu RM800.00 saja. Kalau untuk tahap kitalah, tak akan ada *driver* yang nak buat kerja bawak GCB ini kalau gaji dia RM800.00, sekurang-kurangnya hendaklah bayar dalam RM1,000.00 atau RM1,500.00...

**Y.B. Dato' Speaker** : RM1,500.00.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam** : Baru ada orang yang nak datang. Jadi ini pun satu permasalahan yang sedang ditangani oleh PPSPPA untuk menentukan ikut KPI primer dan sekunder iaitu yang pertama yang mustahaknya sekali ialah staf, kakitangan hendaklah nak cukup, lori baru hendaklah dibeli dengan segera.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat Dr. Mohammad bin Taslim, jemput.

**Y.B. Datuk Haji Mohammad bin Taslim (Maharani)** : Soalan nombor 2.

Nyatakan jumlah bilangan "saudara baru" yang memeluk Islam dan murtad dari tahun 2008 hingga 2012 di Negeri Johor?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker** : Waalaikumussalam.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Yang Berhormat Dato' Speaker, jumlah yang memeluk Islam dari tahun 2008 hingga April 2012 adalah seramai 3,853 orang yang terdiri dari berbagai bangsa seperti Cina, India, Iban, Kadazan, Bidayuh, Orang Asli dan juga warga asing. Dari segi pecahannya adalah seperti berikut - Bangsa Cina, 805; India, 683; Iban, 626; Kadazan, 225; Bidayuh, 175; Orang Asli, 257; Warga Asing, 687; Lain-lain, 395 yang keseluruhannya 3,853.

Sementara itu bilang saudara baru yang telah memfailkan keluar agama Islam dari tahun 2008 hingga 2012 adalah sebanyak 3 orang dan punca utama mereka mengambil tindakan ini adalah disebabkan keruntuhan institusi rumah tangga mereka dan ketiga-tiga permohonan tersebut masih lagi di dalam perbicaraan di dalam Mahkamah.

**Y.B. Dato' Speaker** : Maharani. Maharani, tak nak cakap lagi baik.

**Y.B. Dr. Mohammad bin Taslim (Maharani)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Di dalam masalah murtad ini, Maharani ingin tanya apakah biasanya tindakan susulan ataupun tindakan yang diambil untuk memastikan bahawa mereka yang memeluk Islam ini mendapat ilmu atau mendapat mengamalkan Islam dengan sempurna dan seterusnya apakah, adakah keistimewaan-keistimewaan dari segi kebajikan ataupun perkara-perkara yang dapat membantu mereka untuk memastikan bahawa mereka kekal dalam Islam. Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Yang Berhormat Dato' Speaker, berbagai langkah telah diambil oleh pihak Jabatan. Dalam usaha menangani masalah mereka yang memeluk agama Islam ini. Antaranya ialah kita mengadakan Program NIRWAN Program NIRWAN dijalankan di setiap daerah pada setiap hari Ahad, di pusat-pusat aktiviti kita, Darul Ukhuwah yang terdapat di semua daerah di Negeri Johor. Guru, tenaga pengajar yang dilantik akan membimbing dan mendidik saudara-saudara kita memahami ajaran Islam serta amalan-amalan yang asas yang perlu dilakukan untuk mengukuhkan dan memantapkan akidah dan ibadah mereka. Seterusnya pembinaan sahsiah juga seiring dipandu dan dididik.

Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga mengadakan program bulanan yang dijalankan mengikut Takwim yang disediakan. Program ini juga sering kali dilaksanakan bersandarkan sempena bulan-bulan tertentu seperti Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Israk' Mikraj, Lambaian Ramadan dan sebagainya. Program Berjadual disusun untuk memberi tumpuan dan pengkhususan yang lebih mendalam kepada saudara-saudara kita. Program Berjadual ini kebanyakan ini tertumpu kepada latih tubi dan praktikal oleh para peserta. Antara program yang dijalankan adalah seperti Kem Bina Insan untuk anak-anak saudara kita, Kursus Pemantapan Akidah, Kem Seminar Ibadah, Kem Bina Takwa dan sebagainya.

Selain itu juga dijalankan Kursus Pengukuhan Iman. Program ini dijalankan bagi saudara-saudara kita untuk memantapkan jati diri dan keimanan mereka. Program yang dijalankan merupakan kemahiran membaca al-Quran dengan betul, lancar dan mengikut hukum tajwid yang betul seperti Khusus Tahsin, Qiraati Quran, Program Pembentukan Keluarga Sakinah, Impian soleh, Solehah, Penghayatan Zikir Munajat dan sebagainya. Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Jabatan juga telah dalam usaha untuk memberikan peluang kepada saudara-saudara baru kita di Perkampungan Orang Asli. Kita telah membina dua pusat aktiviti Orang Asli, satu di Johor Bahru dan juga di Mersing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha untuk memantapkan lagi perkara ini, Jabatan Agama Johor telah menghantar beberapa orang saudara baru kita untuk

menjalani latihan ke beberapa buah negeri iaitu di Kedah, di Pusat Bimbingan Asas Saudara Baru dan juga di Institut Dakwah Islamiah, PERKIM di Kelantan yang kesemuanya seramai 13 orang. Di Kedah, 9; 3 lelaki dan 6 perempuan dan di Kelantan, 4; 2 lelaki dan 2 perempuan.

Yang berhormat Dato' Speaker, mualaf ini adalah di antara asnaf yang berhak untuk mendapatkan bantuan. Justeru setiap tahun memang sudah terdapat peruntukan untuk mereka dan sejak beberapa tahun yang lepas, 4 tahun yang lepas sebanyak RM43 juta yang telah dibelanjakan untuk mereka. Sebagai contoh bagi tahun 2009 sebanyak RM10.4 juta, 2010; RM10.5 juta, 2011, RM11.1 juta dan pada tahun ini kita akan membelanjakan untuk mereka sebanyak RM11.6 juta.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat Datuk Haji Ayub bin Rahmat, jemput.

**Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat (Kemelah)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker** : Waalaikumussalam.

**Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat (Kemelah)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Apakah status kerja-kerja pelebaran Sungai Segamat dan Sungai Muar mengikut fasa-fasa tawaran kerja serta kos yang terlibat?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, kerja Rancangan Tebatan Banjir di Lembangan Sungai Muar sedang dijalankan secara berfasa. Sehingga kini 3 kontrak telah dipanggil dan sedang dilaksanakan.

1. Menaik taraf Sungai Genuang dan kerja-kerja berkaitan yang telah diusahakan oleh Syarikat Damaikon Sdn. Bhd. Projek tersebut dimulakan pada 15 Julai 2011 sehingga 14 Januari 2013. Kini dengan status pelaksanaan 77% dan kosnya sebanyak RM16,000,113.90.

2. Menaik taraf Sungai Chodan dan kerja-kerja berkaitan dengan kos RM23,883,388.00 yang telah dilaksanakan oleh Syarikat HLM Sdn. Bhd. Tempoh kontrak pada 4 April 2012 hingga 3 Oktober 2013. Kini sebanyak 5% kerja-kerja sedang dilaksanakan.

3. Menaik taraf Sungai Chodan dari Kampung Lubuk Selumar ke Kampung Paya Selumar Pulai dan kerja-kerja berkaitan telah diusahakan oleh Syarikat KH Setia Holdings Sdn. Bhd. Tempoh kontrak bermula pada 4 April 2012 hingga 3 April 2014 dengan kos RM43,442,413.00 kini dengan status pelaksanaan sebanyak 5%.

Yang Berhormat Dato' Speaker, manakala 2 projek lagi akan dipanggil tender pada bulan Julai 2012 iaitu menaik taraf Sungai Segamat dan menaik taraf Jambatan Sungai Genuang.

**Y.B. Dato' Speaker** : Biarlah, bangun Kemelah. Ok.

**Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat (Kemelah)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan. Cuma soalan saya berkaitan tentang fasa yang keempat, yang merupakan satu projek untuk melencongkan air daripada Sungai Segamat ke Sungai Genuang. Apakah status sekarang ini sama ada sudah ada keputusan ataupun tidak?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, memang untuk Rancangan Tebatan Banjir Segamat, satu lencongan yang dijalankan dulu adalah melalui Kampung Jawa. Oleh kerana ada bantahan, jadi kerajaan, Jabatan JPS telah cadangkan ada satu cadangan lain iaitu mengadakan cadangan melalui tempat logah. Tetapi oleh kerana reka bentuk perlu masa untuk dikajikan dan juga tertakluk kepada persetujuan daripada *stock holders,* dengan izin, ia belum ada keputusan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Sila nyatakan kedudukan semasa mengenai projek Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Batu, Kulai yang disenaraikan dalam *2nd Rolling Project* Rancangan Malaysia Ke-10 dengan peruntukan sebanyak RM28 juta di tapak seluas 13.5 ekar di Mukim Sedenak?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dengan perlaksanaan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Batu, Kulai, pihak Jabatan dimaklumkan oleh Kementerian bahawa sekarang ini pihak Kementerian di dalam proses untuk penyediaan dokumen tender, dan projek tersebut akan di tender setelah semua proses penyediaan dokumen tender dimuktamadkan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, Bukit Batu.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan yang buktikan "Janji Di Tepati", iaitu Kerajaan Barisan Nasional, dan juga Yang Berhormat EXCO yang membantu merealisasikan hasrat penduduk Bukit Batu dan kawasan sekitarnya untuk mendapatkan sebuah sekolah menengah kebangsaan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, soalannya apa? Soalan dia?

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Soalan dia, saya ingin tahu bilakah projek SMK Bukit Batu akan mula dilaksanakan?

**Y.B. Dato' Speaker :** Kan dia dah jawab. Yang Berhormat, dia dah jawab dah tadi. Oklah.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Yang Berhormat Dato' Speaker, kita dimaklumkan bahawa proses penyediaan dokumen...

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, dah jawab tadi Yang Berhormat.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** ... mengambil sedikit masa dalam masa dua, tiga bulan ini dan pihak Kementerian memaklumkan juga bahawa kemungkinan besar projek ini akan di tender sebelum hujung tahun ini, Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah, dia sengaja jawab, nak terima kasih kepada Barisan Nasional, itu sahaja. Yang Berhormat Tuan Haji Ja'ffar bin Hashim, jemput.

**Y.B. Tuan Haji Ja'ffar bin Hashim (Sengarang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang merupakan potensi baru kepada ekonomi Johor di masa akan datang. Berapakah jumlah pelaburan yang bakal diraih? Berapa lama tempoh masa projek dan berapa jumlah tenaga kerja diperlukan?

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, jemput.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 6.

RAPID di Johor merupakan sumber baru ekonomi negeri. RAPID dijangka akan menjana kegiatan ekonomi di Negeri Johor. Minta penjelasan berapakah jumlah jangkaan guna tenaga di projek ini dan nyatakan mengikut sektor?

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Puan Hamimah binti Mansor, jemput.

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 7.

Apakah peluang-peluang pekerjaan yang wujud di projek Petronas Pengerang buat masa ini dan telah diisi oleh anak tempatan?

**Y.B. Dato' Speaker :** Jemput, Yang Berhormat.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Senggarang, Rengit dan juga Penawar. Yang berkaitan khususnya mengenai Projek Penapisan

Minyak dan Petrokimia (RAPID) oleh pihak Petronas, berkaitan dengan saiz pelaburan, tempoh masa dan kesannya daripada segi guna tenaga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelaburan di Pengerang untuk makluman Dewan yang mulia ini, menyumbang kepada 37% daripada jumlah pelaburan yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri di dalam Program Transformasi Ekonomi Negara (ETP), 37% yang menggambarkan tentang pentingnya projek ini dalam konteks negara, dan keseluruhannya dianggarkan berupaya untuk menyumbang sebanyak RM17.7 bilion Keluaran Kasar Negara pada tahun 2020. Dan dijangka menyediakan sebanyak 8,500 peluang pekerjaan dalam bidang profesional dan sekurang-kurangnya 40,000 peluang pekerjaan dalam bidang separa profesional dan separa mahir. Merujuk kepada projek RAPID Petronas khususnya, nilai pelaburan projek RAPID berjumlah RM60 bilion dijangka menyediakan sehingga 4,000 peluang pekerjaan dalam bidang profesional dan jangka masa diambil untuk menyiapkan projek RAPID Petronas ialah 4 tahun. Dijangka akan beroperasi pada tahun 2017. Dijangkakan pada masa itulah keperluan dunia pada paras yang dikatakan tertinggi, dari segi pengeluaran sama ada daripada penapisan minyak ataupun projek-projek *petrochemical*, yang akan dilaksanakan daripada sekarang hingga beroperasi pada tahun 2017. Dan buat masa ini projek RAPID masih di peringkat awal fasa reka bentuk iaitu *design*, di mana peluang-peluang pekerja untuk anak-anak tempatan dijangka wujud di fasa pembinaan projek yang dirancang akan bermula seawal suku tahun keempat pada tahun depan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, kerajaan juga sedang berusaha untuk melatih semula golongan-golongan seperti termasuk di kalangan anak muda ataupun nelayan sekali pun untuk menceburi bidang-bidang baru yang akan muncul daripada pembangunan minyak dan gas di Pengerang ini. Walaupun begitu kerajaan juga membuat perancangan untuk nelayan meneruskan kegiatan mereka dengan kemudahan-kemudahan yang akan kerajaan wujudkan tetapi tidak terhad kepada nelayan *on shore,* mungkin agak lebih jauh daripada pantai.

Oleh itu kerajaan akan melengkapkan nelayan-nelayan yang nak meneruskan kegiatan mereka dengan kemudahan-kemudahan yang lebih baik lagi untuk kerjaya sebagai nelayan. Sementara itu pula, jika sekiranya mereka nak mengubah kerjaya maka kerajaan sedang pun merancang untuk mewujudkan pusat-pusat latihan perindustrian untuk mereka mendapatkan kemahiran-kemahiran baru. Contohnya keperluan-keperluan tenaga kerja dalam bidang-bidang perpaipan domestik, penghawa dingin, pendawaian elektrik domestik, pendawaian elektrik kimpalan arca dan gas dan pengendalian pejabat, pengurusan pangkalan data dan sebagainya. Dan semua kursus bagi latihan ini akan dapat dimanfaatkan bagi golongan yang mahu menceburkan bidang baru dalam bidang minyak dan gas.

Dan kerajaan sudah pun mengambil keputusan untuk membangunkan kemahiran dalam bidang ini, maka institut, Institut Kemahiran Belia Negara di Bandar Penawar akan dijadikan sebagai Institusi Latihan Minyak Dan Gas Johor, yang akan mula menjalani proses transformasi dengan menjalankan program latihan terlebih dahulu dalam bidang Keselamatan Industri Minyak Dan Gas selewat-lewatnya pada bulan Julai ini.

Sementara itu pula institusi-institusi latihan sedia ada seperti latihan Institut Latihan Perindustrian, ILP, PUSPATRI, Kolej-Kolej Komuniti, Pusat Latihan Teknologi Tinggi, ADTEC mahu pun Institut Pendidikan di bawah Kerajaan Negeri iaitu Yayasan Pelajaran Johor turut menawarkan program-program latihan dan pengajian yang berkaitan bagi melahirkan serta memastikan keperluan modal insan dapat memenuhi keperluan industri.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok. Rengit.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum soalan tambahan terlebih dahulu saya nak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Pusat yang berjaya dalam perancangan dan perlaksanaan hingga tertegaknya RAPID di Pengerang. Saya yakin kewujudan RAPID di Pengerang merupakan satu sumber baru ekonomi Negeri Johor dan Negara Malaysia lah. Kita akan lihat dalam masa terdekat dan panjang ini akan berlaku limpahan ekonomi dan *multiple effect,* dengan izin, terhadap ekonomi tempatan Johor dan juga negara.

Terima kasih atas maklumat yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat, soalan tambahan saya ialah bagi memastikan sumber baru ekonomi ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya penduduk tempatan daripada segi guna tenaga, dan kegiatan ekonomi, adakah Kerajaan Negeri merancang untuk mengujudkan badan penyelaras dan pemantau bersama pihak pengurusan RAPID untuk memudahkan anak-anak tempatan memudahkan dan mempercepatkan anak tempatan mendapat kerja atau kegiatan-kegiatan ekonomi hiliran yang lainlah? Tadi disebut ada program khusus yang dibuat melalui latihan kemahiran. Kalau ada badan penyelaras dan pemantau yang dirancang atau ditubuhkan ini akan memudahkan, mempercepatkan anak-anak tempatan atau anak-anak Johor terlibat dalam pembangunan besar dan berganda ini. Badan penyelaras ini bukan untuk mengganggu operasi RAPID tetapi lebih kepada melancarkan, memudahkan peluang dapat direbut sama oleh anak tempatan dan juga negeri serta seluruh negaralah. Itu soalan tambahan saya, Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merujuk kepada pengalaman negara kita sepanjang tempoh pembangunan dan juga pertumbuhan ekonomi yang berlaku sejak Kerajaan Barisan Nasional diberikan mandat untuk memimpin negara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita melihat bahawa kita melalui beberapa proses pertumbuhan ekonomi bermula dengan kita berasaskan kepada sektor komoditi, beralih kepada perindustrian yang mementingkan tentang keperluan tempatan akhirnya kita beredar kepada perindustrian yang berorientasikan kepada eksport dan kita menerima pelaburan daripada merata dunia termasuk juga daripada sumber domestik dalam saiz yang berbagai termasuk yang boleh dikatakan besar dan mega di sana sini di seluruh negara.

Maka Yang Berhormat Dato' Speaker, bila kita melihat pengalaman kita maka, daripada pelaburan-pelaburan yang berlaku dalam ekonomi kita, maka serentak

dengan itu juga maka tumbuhlah bersama ekonomi domestik ini yang dapat disertai oleh masyarakat tempatan. Yang pertamanya kita melihat impak yang begitu dekat sekali ialah peluang-peluang pekerjaan. Kita melihat contoh peluang-peluang pekerjaan hingga kita sampai pada tahap tidak cukup tenaga tempatan untuk memenuhi keperluan-keperluan, peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan daripada pelaburan-pelaburan tersebut.

Sementara itu pula Dato' Speaker, kita dapat impak gandaan, impak limpahan yang juga membawa kepada pelaburan dan pertumbuhan ekonomi daripada masyarakat tempatan, daripada sumber domestik yang ada di antaranya mungkin ada kaitan secara langsung dengan pelaburan-pelaburan yang besar tadi.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu saya nak merujuk Pengerang khususnya. Oleh yang demikian Dato' Speaker, apa yang berlaku di Pengerang sebenarnya tidak berbeza dengan apa yang telah pun kita alami sepanjang proses pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dalam negara kita ini. Tetapi kali ini dia berlaku di Johor, di Pengerang.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada peluang-peluang pelaburan yang saya sebutkan tadi, maka akan wujud di Pengerang kesan limpahan dan penggandaan. Saya nak tambah lagi, di Pengerang ini pula, oleh kerana ianya juga menjadi suatu kawasan terpilih dalam bidang pelancongan. Maka di Desaru misalnya, tak jauh dari situ juga berlaku hari ini sahaja, untuk makluman Dewan yang mulia ini, tak kurang RM1.5 bilion pelaburan dalam bidang pelancongan di Desaru itu sendiri.

Oleh itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, di Pengerang ini sahaja ada, dia menjadi destinasi kepada beberapa pelaburan secara besar-besaran. Jadi, oleh itu kita akan melihat Yang Berhormat Dato' Speaker, suasana di Pengerang akan berubah. Satu, adanya pelaburan di situ, adanya peluang-peluang pekerjaan yang baru pada jumlah yang besar, yang banyak bagi beberapa peringkat dan ada peningkatan dari segi kependudukan. Kalau di Pengerang kalau tak salah saya, penduduk dia berapa agaknya?. Tapi dengan adanya pelaburan secara besar-besaran, maka di situ akan wujud satu pusat kependudukan yang lebih besar lagi, maka pelbagai bentuk pelaburan-pelaburan yang berbagai, yang dapat memenuhi keperluan-keperluan yang ada di situ.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merumuskannya dengan berkata, ada pelaburan-pelaburan yang ada kaitannya dengan *oil and gas* yang boleh di manfaatkan oleh pelabur tempatan. Ada kesan-kesan berganda yang boleh mencetuskan juga perniagaan dan pelaburan sempena dengan pertumbuhan yang berlaku pertumbuhan ekonomi yang berlaku di Pengerang nanti.

Walau pun begitu, yang kita nak tekankan terlebih dahulu Yang Berhormat Dato' Speaker, sekurang-kurangnya di kalangan anak muda yang ada khususnya bukan sahaja di daerah kecil Pengerang, tetapi saya percaya ramai anak muda yang ada agaknya di Kota Tinggi, rata-rata yang ada di kawasan-kawasan FELDA di Kota Tinggi bahkan saya percaya boleh datang daripada seluruh Johor ataupun di seluruh negara untuk mengambil kesempatan daripada peluang-peluang pekerjaan tetapi ia

hendaklah dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan sempena dengan wujudnya dan pelaburan di sektor yang, minyak dan gas ini. Saya percaya, kita boleh melihat apa yang berlaku sebagai contoh, di Kerteh. Tapi untuk makluman di Dewan yang mulia ini, apa yang berlaku di Pengerang atas, daripada inisiatif Petronas sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker, ia melampaui dicampurkan antara Kerteh, Gebeng dan Tanjung Keling sahaja. Kita campurkan Tanjung Kling di mana ada penapisan minyak di situ dicampurkan apa *petrochemical* yang ada di Gebeng, apa yang ada di Kerteh, kesemuanya Pengerang lebih besar lagi apa yang dilaburkan oleh pihak Petronas.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kita melihat apa yang ada di negara jiran yang telah pun masuk dalam bidang ini. Kalau tak salah saya lebih kurang, mungkin 20 tahun yang lalu. Bahkan negara jiran merupakan di antara pusat minyak dan gas antara beberapa yang terbesar di dunia, walaupun dia tak ada sumber minyak. Jadi, dan kalau kita lihat di hadapan pantai Pengerang pun Yang Berhormat Dato' Speaker, kita boleh saksikan kapal-kapal yang melintas di hadapan mata kasar kita sekalipun dan menuju ke negara jiran yang ada kaitannya soal minyak dan gas.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kebetulan Pengerang ini pula, kita ada kelebihannya. Tak jauh dari pantai Pengerang, maka kedalamannya cukup untuk kapal datang ke situ. Yang kita lihat kapal yang kadang-kadang tak boleh dijumlahkan dengan jari tangan pun kaki di hadapan kita. Itu di hadapan Pengerang yang ada Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, kalau pihak negara jiran telah pun meraih, kita pun akan dikatakan bahawa Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau nak lihat apa yang ada pada negara jiran, di antaranya ialah dia menjadi pusat logistik dalam pengangkutan, kapal terbang, udara dan juga laut tapi di antara yang penting dalam ekonomi negara tersebut ialah minyak dan gas.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu minyak dan gas di Pengerang ini ialah satu sektor yang dapat menyumbang kepada ekonomi Malaysia secara dengan begitu besar sekali. Itu sebab, saya percaya apa yang ada di negara jiran, kita boleh sampai kepada paras tersebut dalam tempoh tak sampai pun 20 tahun. Kita bukan nak bersaing dengan mereka tapi sekadar untuk kita meraih juga daripada keperluan pasaran dunia sempena dengan kelebihan yang ada pada Pengerang tersebut. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sekadar mengajak Dewan ini untuk melihat impak dan yang pelaburan di Pengerang ini dengan apa yang telah pun dinikmati oleh negara jiran sekian lama.

**Y.B. Dato' Speaker :** Senggarang.

**Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim (Senggarang) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas penerangan yang telah diberikan, yang di telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dan sepertimana yang kita sedia maklum ini merupakan satu sumber ekonomi yang cukup baiklah di masa akan datang. Itu cerita kita di dalam Dewan ini. Tapi cerita orang kampung, ini sumber rezeki, sumber rezeki rakyat Johor yang saya kira yang anugerahkan oleh Allah SWT. bila Allah Taala nak anugerahkan ini maka berbagai-bagai cara dia boleh buatlah seperti mana yang telah dinyatakan tadi, makna laluan

kapal yang sesuai, jumlah kuantiti *oil and gas* itu pun banyak dengan dan berbagai-bagai kemudahan ada di situ secara langsungnya. Dan, ini saya percaya kalau saya telah merujuk kepada apa yang kita lihat pada pentadbiran Kerajaan Negeri yang sekian lama yang saya selalu sebut tentang membudayakan Al-Quran inikan, ini Allah Taala balas dengan rezeki kepada rakyat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Soalan apa Yang Berhormat?

**Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim (Senggarang) :** Soalannya, saya nak tanya ialah nak menerangkan tentang kehebatan Allah nak beri kepada rakyat Johor ini sebenarnya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, macam ceramah agama je. Soal RAPID ni.

**Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim (Senggarang) :** Cuma yang saya nak tanyalah secara langsung iaitu sumber rezeki ini benar telah memberikan kesan yang baik kepada tenaga kerja dan sebagainya. Tetapi, ada ke tidak maknanya jumlah mungkin dalam bentuk royalti atau dalam bentuk peratus, *percentage* keuntungan ataupun nilai pelaburan ini yang akan masuk dalam kewangan ataupun perbelanjaan Negeri Johor itu sendiri yang mungkin boleh dilimpahkan kepada rakyat yang mungkin bukan duduk di Pengerang, mungkin duduk di Pagoh ataupun di Bukit Serampang, di Ledang, di Batu Pahat yang mungkin jauh daripada Pengerang yang ada pada hari ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok. Yang Berhormat nak jawab Yang Berhormat. Dia lari sedikit.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, minyak yang hendak diproses ini bukan datang dari perairan Johor Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, orang Terengganu dia nasib baiklah, dia di perairan negeri dia dikatakan ada limpahan minyak. Jadi, kalau nak merujuk dalam bentuk istilah royalti, maka tidak ada peruntukan untuk kita pungut royalti. Ini adalah satu pelaburan dalam bidang perindustrian di sektor minyak dan gas. Seperti apa yang berlakulah, tak kira dalam seperti pelaburan yang berlaku di sektor elektronik yang banyak di Johor ini. Maka ia adalah pelaburan. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita telah pun mengambil keputusan untuk menjadikan kawasan Daerah Pengerang, Daerah kecil Pengerang sebagai kawasan, kawasan PBT. Kawasan Penguasa Tempatan terkeluar daripada pihak KEJORA.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu saya, kalau nak melihat daripada hasil Kerajaan Negeri, maka dia akan datang daripada pungutan-pungutan hasil sempena dengan pembangunan yang berlaku di kawasan tersebut kerana bila itu berlaku Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada penerimaan dalam bentuk premium, bila tanah diubah syarat daripada pertanian kepada industri, selepas itu adalah dalam bentuk pungutan hasil. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, sekadarkan untuk menjelaskan perbezaan di antara sumber royalti dengan sumber hasil yang boleh kerajaan pungut daripada pembangunan Pengerang. Tapi kalau Yang Berhormat Dato' Speaker, kita merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Pengerang, impaknya di luar Pengerang sampailah agaknya ke Utara Johor. Bahkan saya nak berhujah di sini mengatakan bahawa impaknya melampaui Johor

pun Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi keluaran kasar negara daripada kegiatan pelaburan di Pengerang ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, Skudai.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau kita membandingkan amaun pelaburan di Iskandar Malaysia adalah RM87 bilion sejak tahun 2006. Nampaknya RAPID ini ada satu projek yang besar sebab dia menelan perbelanjaan pelaburan sebanyak RM60 bilion iaitu lebih kurang 70% berbanding dengan jumlah pelaburan di Iskandar Malaysia setakat ini. Setahu saya Iskandar Malaysia itu lebih menumpukan pembangunan, kita panggil K-Ekonomi, *Knowledge Economy*, dengan izinnya. Tapi di Pengerang, kita membangunkan industri berat yang akan menjejaskan alam sekitar lebih kurang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Soalan?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Sekitar di Pengerang. Soalan saya adalah kenapa kita tidak menumpukan pembangunan ekopelancongan, perikanan, sebab setakat ini cuma ada satu resort sahaja dekat Pengerang selama-lama ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Saya tanya kenapa? Soalannya tu lain.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam bab alam sekitar Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta Yang Berhormat pergi ke Singapura. Tengok sendiri apa yang berlaku di Singapura. Ataupun kalau nak pergi ke Rottherdam jauh sangat agaknya, *just look at Singapore*. Dia ada penapis minyak dia, *petrochemical* dia, di tengah-tengah pulau itu sendiri Yang Berhormat Dato' Speaker, tak ada masalah alam sekitar. *So,* adakah bermakna bahawa Yang Berhormat daripada Skudai mengatakan bahawa kita tidak bertanggungjawab seperti...

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, minta maaf, minta maaf.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Ini dalam soal alam sekitar.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, bila Yang Amat Berhormat menjawab dia kena jawab. Dia tak boleh jawab seperti dia mesti hurai sedikit.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya katakan tadi dalam ucapan, dalam ucapan asal saya tadi bahawa dalam masyarakat nelayan, saya telah sebut ada dua pendekatan yang kita ambil. Kalau dia nak kekal sebagai nelayan, *yes*, kita akan merancang, bahkan kita akan ada satu pusat nelayan. Pelaburan dekat-dekat RM80 juta untuk dijadikan satu pusat nelayan di Pengerang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Dan kita merancang untuk juga melengkapkan nelayan-nelayan kalau dia nak pilih kekal sebagai nelayan, untuk dia mendapat kemudahan-kemudahan yang lebih baik lagi untuk dia menjadi nelayan. Kita tidak menidakkan mereka untuk dia meneruskan dalam kegiatan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat pun, persekitaran perairan di hadapan Pengerang ni pun, saya dah katakan tadi, kapal tak putus arus kata orang Melayu pun, antara satu dengan lain. Jadi, oleh yang demikian nelayan mungkin terhad dengan apa yang ada di hadapan pantai mereka sendiri. Oleh itu, kita merancang untuk kalau boleh nelayan, lebih, pergi lebih jauh perairan, istilah bahasa Inggeris, Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan izin *on shore fishing*, dia kena pergi lebih jauh sedikit. Itu yang pertama Dato' Speaker,

Keduanya, Yang Berhormat Dato' Speaker, dia sebut mengenai pelancongan. Itu saya sebutkan tadi bahawa Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah Pengerang, ia satu kurniaan tuhan yang begitu tinggi dia punya nilainya, kepelbagaian pula yang boleh dimanfaatkan oleh kita. Kalau di sebelah Selatan, maka air yang dalam jadi mengizinkan kita untuk memunggah dan menghantar hasil penapisan minyak dan kita juga mempunyai kawasan yang agak keluasannya yang cukup. Dan tak jauh daripada situ pun, kita ada satu kawasan pantai yang saya sebutkan tadi bahawa ada pelaburan sedang pun dilaksanakan. Misalnya pada hari ini kebetulan, dalam ingatan saya tak kurang 4 hotel sedang pun dibina di situ. Satu hotel kalau tak salah saya, *by,* oleh pihak kumpulan di peringkat antarabangsa untuk mengujudkan satu butik hotel, seperti apa yang ada di beberapa tempat di rantau kita ini. Seterusnya, ialah kalau tak salah saya 3 hotel yang lain, kesemuanya 4 hotel selain daripada kemudahan golf dan sebagainya.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, dan kita pun dah, kira kebetulan, kita dah bina jambatan, laluan daripada sini nak sampai ke Desaru, dengan laluan *highway* dan jambatan untuk menyeberangi. Jadi hari ini, kalau Yang Berhormat daripada Skudai nak berehat ke, pergi ke Desaru mungkin bila dah siap nanti, tidaklah sekadar pergi situ untuk sekadar membuat dakwaan yang melulu terhadap projek Pengerang itu tadi, pergilah satu hari nanti. Saya percaya kita akan sampai ke Pengerang dan ke Desaru dalam tempoh tak sampai pun satu jam dari sini sebenarnya. Daripada satu *highway*, naik kepada satu *highway* sampai kepada jambatan, terus kepada pusat pelancongan pantai di Johor ini.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya saya dah merujuk dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, yang berkaitan dengan soal nelayan, berkaitan dengan kegiatan perikanan dan juga pelancongan yang akan dibangunkan bersama dengan industri *oil* dan, minyak dan gas.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, soalan lisan dah habis. Mana-mana soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan ini juga.

**Jurutulis** : **SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS JUNJUNGAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR**.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ahli Yang Berhormat, ni hari untuk Ahli Yang Berhormat berucap. Besok pihak kerajaan akan jawab. Harap jaga masa ya. Kalau saya dah tegur, kena berhentilah. Nak beri peluang yang lain.

Bersama kita ni hari ada sedikit rombongan daripada JUITA Negeri Johor, isteri Wakil-Wakil Rakyat. Ada isteri yang datang ni hari datang tak dapat tengok suami dia berucap. Dia dah berucap panjang, dia menyesal dia kata dia tak tahu, macam mana dia tak tau isteri dia nak datang sini. Ok, Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang, jemput siapa nak berucap.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Dato' Speaker...

**Y.B. Dato' Speaker :** Lima belas minit. Semalam sudah cakap, dua hari.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Semalam hanya mukadimah saja.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, mukadimah aje ya.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Tidak dinafikan bahawa tempat-tempat menarik seperti *Johor Premium Outlet* dan yang bakal menjadi destinasi baru Legoland, tentu mengajak pelancong dalam dan luar negara membanjiri destinasi pelancongan tersebut ini. Dengan kehadiran 16.7 juta pelancong tahun yang lepas, 4.71 juta orang pelancong bagi suku tahun pertama 2012, menunjukkan peningkatan 18.32%. Bukit Batu yakin peningkatan ini akan membuka peluang yang luas kepada para pengusaha pelancongan untuk mendapat rezeki lebihan daripada sektor pelancongan. Memandangkan kepada pelancong yang menginap di Negeri Johor seramai 3.38 juta pada, bagi tahun 2011 maka ini bermakna ramai pelancong hanya *transit,* dengan izin*,* di Negeri Johor iaitu sebagai pelancong *touch and go* sahaja daripada jumlah 16.7 juta. Maka Bukit Batu ingin tahu langkah-langkah kerajaan untuk menarik pelancong *touch and go* ini supaya menjadi pelancong *touch and stay* dan juga *touch and spend*.

**Y.B. Dato' Speaker :** *Touch and* apa?

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** *Touch and stay*, sentuh dan juga duduk, dan juga sentuh dan belanja.

**Y.B. Dato' Speaker :** Sentuh apa tu?

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Dia duduk di Johor dan juga belanja di Johor.

**Y.B. Dato' Speaker :** Bukan *touch and go* ya?

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** *Touch and go* tu dia datang dia akan pergi, *transit* ke lain tempat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, itu *touch and go*. Ha, yalah.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Bagi menyumbangkan kepada peningkatan hasil industri tanpa asap ini demi mengembangkan ekonomi negeri dan juga tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin tahu kedudukan semasa mengenai Hutan Lipur Gunung Pulai 1 yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Pengerusi Pelancongan Negeri Johor akan dibuka balik sebahagiannya hutan lipurnya di dalam Dewan yang mulia ini. Memandangkan kepada ramai pencinta alam semula jadi menanti-nantikan pembukaannya yang telah ditutup kira-kira 10 tahun yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu rasa agensi-agensi dan juga jabatan-jabatan yang belum membuka cawangannya di daerah Kulaijaya, perlu menyegerakan proses penubuhannya demi kemudahan rakyat jelata untuk berurusan dengan jabatan. Bagi jabatan dan agensi yang telah ditubuhkan dan sekiranya diperlukan tambahkan kekuatan kakitangan di cawangan dalam daerah Kulaijaya yang telah ditubuhkan demi mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin membangkitkan isu-isu di dalam kawasan pula. Bukit Batu rasa kita telah dengar rintihan daripada penduduk-penduduk di kawasan rumah pangsa di kawasan Bukit Batu, Taman Puteri ada 12 blok rumah pangsa. Mereka merayu kepada kerajaan supaya mengecat semula bangunan rumah pangsa mereka yang tidak pernah di catkan sejak diduduki. Oleh itu, saya minta jasa baik kerajaan supaya dapat mengecat semula rumah pangsa Taman Puteri, Kulai.

**Y.B. Dato' Speaker :** Itu rumah siapa Yang Berhormat? Rumah kerajaan ya?

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Rumah pangsa swasta.

**Y.B. Dato' Speaker :** Itu pasal, apa cat pula kerajaan?

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Dia punya COB dia pun telah lari, sebab dia tak dapat pungut bayaran untuk *maintenance*.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh ini minta tolong kerajaan ya?

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Ya, ya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, cakap macam tu la.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu beralih kepada jalan sempit di persimpangan masuk ke Plaza Tol Kulai, yang berdekatan dengan TESCO Kulai, yang menyekat lalu lintas menghala ke Plaza Tol Kulai, di kawasan lampu isyarat. Maka, Bukit Batu supaya jalan tersebut dilebarkan agar keselamatan para pengguna tidak tergugat.

Bukit Batu juga mencadangkan supaya jambatan sempit di Kampung Sri Gunung Pulai perlu dilebarkan, berdasarkan kepada para pengguna jalan merasa keselamatan mereka tergugat, kerana jalan tersebut bukan sahaja digunakan oleh kenderaan biasa bahkan juga di jadi jalan utama lori-lori kuari dan kargo untuk ke destinasi masing-masing, khususnya ke Lebuh Raya Utara-Selatan melalui Plaza Tol Kulai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memulakan kerja-kerja projek *pipe checking*, dengan izin, untuk mengatasi masalah banjir kilat yang melimpah kawasan Jalan Persekutuan Laluan 1 di hadapan Taman Prisma, Kelapa Sawit, Kulai. Akan tetapi, kawasan di hilir yang berdekat dengan Kampung Baru, Kelapa Sawit dengan parit dan sungai yang cetek tentu akan mengajak banjir berlaku di kawasan hilir yang merupakan tempat kediaman penduduk tempatan. Maka, Bukit Batu mencadangkan supaya kerja-kerja membersihkan dan mendalamkan parit dan sungai dapat dijalankan demi mengatasi masalah banjir kilat yang dikhuatiri oleh penduduk-penduduk di kawasan hilir.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin menimbulkan masalah banjir kilat yang timbul di hadapan projek perumahan Taman Scientex, Kelapa Sawit, Kulai, yang melibatkan perkampungan Kampung Rahmat dan juga kawasan jalan raya. Di mana Bukit Batu difahamkan Pihak Berkuasa Tempatan telah mengarahkan pemaju menjalankan kerja-kerja mempertingkatkan sistem perparitan yang melintasi Jalan Persekutuan Laluan 1. Tetapi, sehingga hari ini kerja-kerja peningkatan sistem perparitan yang melintasi jalan masih belum dilaksanakan. Akan tetapi, projek perumahan ini masih meneruskan bukan sahaja penjualan rumah, kedai, malah tambah juga tambahan dengan memajukan tapak projek yang baru, yang lebih luas lagi. Oleh itu, Bukit Batu mencadangkan supaya tindakan sewajarnya diambil untuk mengatasi masalah banjir kilat yang timbul di kawasan tersebut ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin menimbulkan masalah bekalan air bagi 6 isi keluarga di Jalan Benteng, Kampung Melayu, Bukit Batu, Kulai, yang masih menggunakan air telaga dan sungai. Bukit Batu difahamkan pada tahun yang lepas, Syarikat Air Johor Holdings telah menghantarkan *main pipe* ke kawasan perkampungan ini. Sebab itu mereka rasa gembiralah. Tetapi atas alasan teknikal, kerja-kerja pemasangan paip air tidak dijalankan sehingga hari ini. Maka Bukit Batu mengharapkan kerja-kerja pemasangan paip air dapat dijalankan dengan kadar yang segera.

**Y.B. Dato' Speaker :** Berapa lama Yang Berhormat dah tinggal tu?

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Lama.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ya?

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Itu paip pun sudah diambil balik.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh. Kesahnya. Ha, yalah.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Dapat dijalankan dengan kadar yang segera bagi kegunaan penghuni tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, Bukit Batu juga mengharapkan projek menurap permukaan jalan yang rosak dan berlubang iaitu *pot hole* dari persimpangan keluar dari Kawasan Perindustrian Desa Kulai hingga ke persimpangan masuk Kampung Baru Sedenak dan dari persimpangan jalan keluar. Plaza Tol Sedenak ke FELDA Bukit Batu di laluan Persekutuan Utama yang telah beberapa kali saya membawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah tetapi masih belum di tarkan semula dapat dijalankan dengan kadar yang segera demi kemudahan dan keselamatan para pengguna jalan.

Bukit Batu ingin menimbulkan isu had muatan lori-lori kuari 22 hingga 24 roda. Dan yang telah merosakkan jalan-jalan Persekutuan dan jalan-jalan dalam taman perumahan. Seperti Taman Puteri Kulai dan juga Indah Pulai, Kulai. Bukit Batu ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan terhadap lori-lori kuari tersebut ini yang telah mengakibatkan Pihak Berkuasa Tempatan terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk pembaikan jalan yang dilalui oleh kenderaan yang beratnya menjangkau 70 hingga 80 tan. Apatah lagi kalau berlaku kemalangan yang melibatkan kereta biasa. Padah akibatnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini. Ini kisah pengguna dan juga syarikat bas ekspres di Terminal Bas dan Teksi Kulai. Aduan telah diterima oleh seorang pengguna, bahawa beliau telah membeli tiket dari kaunter syarikat bas ekspres dan menunggu selama 2 jam di terminal untuk dia dapatkan perkhidmatan bas ekspres. Akhirnya, kecewa kerana dimaklumkan bas tersebut telah berlepas tanpa memasuki ke Terminal Bas dan juga Teksi Kulai. Dan penumpang telah ditinggalkan tanpa dimaklumkan.

Oleh itu, Bukit Batu mengharapkan supaya bas ekspres diarahkan memasuki untuk membawa penumpangnya di Terminal Bas Dan Teksi Kulai.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dia tak tanya ke kat kaunter tu bas tu masuk ke tak masuk? Kan kita beli bas pukul berapa, kat mana tunggu.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Dia, dia dah tanya. Dia panggil tunggu. Tapi tunggu 2 jam, dia tak datang. Lepas tu dia tanya balik, dia cakap bas tu dah edar dari Kulai. Sudah lari.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ya. Bukan lari. Dah habis?

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya, akhirnya, saya juga turut menyokong rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat Rengit. Sekian sahaja, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, terus habis? Yalah. Ahli-Ahli Yang Berhormat perbahasan diteruskan.

**Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Assalamualaikum Warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumussalam. Semarang.

**Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, Semarang merakamkan jutaan terima kasih di atas peluang dan ruang yang diberikan untuk terlibat sama dalam perbahasan atas rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dalam Dewan yang bertuah ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya teringat tentang pemerhatian Sungai Abong dalam perbahasan semalam. Tentang pengalaman selama 4 setengah tahunnya bersama-sama kita di Dewan ini. Memang ada kebenarannya tentang kepelbagaian watak, gaya, cara serta perlakuan Ahli-Ahli Dewan yang rata-ratanya semua punya satu persamaan iaitu kita orang politik. Ia memang ada yang keras, yang lembut tapi yang pasti tidak semua yang lembut pada yang lembut manakala tak semua yang keras pada orang yang keras. Begitu juga mungkin ada yang bijak, ada yang nampak bijak. Nampak pandai, ada juga yang memandai-mandai. Dan yang mudah-mudahan tiada adalah yang tidak pandai tapi sombong pula.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sedang sama-sama berbahas tentang Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Yang pada dasarnya menitikberatkan soal kesejahteraan rakyat Johor yang bertuah ini. Daripada soal sekecil lalat hinggalah soal perpaduan yang menjadi ramuan penting kesejahteraan rakyat. Daripada soal kemiskinan, kurniaan tanah, hinggalah ke soal tokak di kaki. Semua soal kesejahteraan baik rohani mahupun jasmani. Khususnya untuk rakyat dan negara, Negeri Johor yang tercinta ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlalu banyak dan panjang senarai kebaikan, kebajikan dan juga penambahbaikan yang dibuat oleh kerajaan. Namun realitinya penafian fakta terus dibuat. Manakala isu-isu kecil dan terpencil digembar-gemburkan seolah-olah usaha mesti diteruskan agar rakyat tidak akan melihat apa yang baik tentang kerajaan ini. Tak kira apa caranya. Asalkan cita-cita mereka tercapai untuk menumbang kerajaan yang kita sama-sama bina ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya melihat Skudai sedaya upaya cuba meyakinkan semua bahawa negeri di Malaysia ini akan lebih sejahtera di bawah kepimpinan pembangkang. Akan terbuka minda rakyat yang jumud. Akan terhindar segala penyakit sosial dan terus bersih negeri daripada pemberi dan penerima rasuah. Memang benar, tidak salah untuk menanam angan-angan. Teruskan. Tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah Malaysia khususnya Johor ini akan lebih Islamik, akan lebih sejahtera, dengan pakatan yang ada ini? Sekali lagi saya ingatkan bahawa rakyat tidak pernah berpakat. Yang berpakat adalah Pakatan Parti Pembangkang. Yang tidak pernah berketua antara mereka selama ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, 4 negeri, 3 parti tanpa keseragaman ideologi apatah lagi persefahaman kongsi kuasa memacu negeri. Tidak ada. Mereka pun ada Buku Jingga tapi tak dipakai sama. Ada yang pakai, ada yang rujuk, ada yang tidak.

Kecelaruan, carca marba. Mereka hanya punya satu persamaan. Persamaan itu adalah usaha merobohkan kerajaan pemerintah yang ada ini. Tetapi mereka tidak mampu untuk duduk merancang dan mengatur struktur pelan, bagaimana untuk pembinaannya kerana konsep mereka adalah roboh dahulu baru fikir untuk bina kemudian. Inilah mereka. Sebab itu Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang dikatakan *constructive destruction* itu sebenarnya tidak wajar diaplikasikan di dalam politik Malaysia masa kini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita harus ingat pembangunan negara bangsa yang ada dalam Malaysia ini Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah bermula dengan perpaduan. Bermula dengan asasnya perpaduan oleh orang-orang lama kita. Bukan dengan perpecahan yang dianjurkan seperti yang ada sekarang ini. Lihat kepada sejarah kita. Kita bermula dengan bersatu, berpadu membina negara bangsa ini. Bukan dimulakan dengan perpecahan seperti yang ada. Dan ini adalah sebenarnya secara *total* berbeza dengan pembangunan negara bangsa itu sendiri. (Dewan bertepuk).

Orang dulu-dulu telah memulakan dengan ini dan kita sewajarnya sekarang yang memusakai, mewarisi apa yang ada ini harus menjaga nama dan mempertahankannya. Menggunakan sebaik mungkin untuk kemanfaatan bersama. Bagaimana mungkin mereka boleh bersatu. Macam mana mereka nak bersatu kalau bendera ataupun panjinya juga tetap 3. 3 parti, 3 bendera. Bukan macam Barisan Nasional, 14 parti, 1 bendera. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita di Dewan ini bukannya macam 2 pasukan yang berbahas. Satu mencadang, satu membangkang. Ada masanya kita selari untuk kepentingan sama kita. Ayuh kita berbahas. Tetapi di hujung Dewan nanti wajarlah terlibat sama untuk sama-sama mengangkat tangan menyokong jika ianya kebaikan untuk ummah, rakyat jelata. Bukannya bungkam seribu bahasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kadangkala seseorang itu Yang Berhormat Dato' Speaker, atau sesetengah-setengah pihak itu akan hanya kelihatan boleh diharap. Dilihat ada potensi sebelum dicuba atau diberi tanggungjawab. Tapi malangnya Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila dicuba, jelas ternyata mereka tidak boleh diharap dan lebih teruk daripada yang ada. Inilah dia apa yang terjadi dekat tempat-tempat yang lain ni.

Yang Berhormat Dato' Speaker, realiti usaha muhasabah diri *introspective* diri, transformasi dan juga usaha memperbaiki kelemahan kerajaan tidak boleh dipersendakan. Sewajarnya kita sama-sama menilai dan menilai, menghargai dan sama-sama terlibat mendokong, menyokong. Tetapi sewajarnya kita sokong sebulat-bulatnya kerana usaha untuk kesejahteraan bersama ini harus di dokong secara bersama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah ada di antara kita ini yang gusar kalau negara dan negeri kita ini sejahtera hingga akan gugur segala, akan gugur dan tidak laku segala hasutan dan fitnah mereka. Kalau aman takut ke mereka semua? Mesti dia huru-harakan barulah mereka boleh hidup. Kerana ada setengah-setengah pihak

akan hanya boleh *survive* bila ada konflik. Tetapi dalam keadaan aman sentosa, mereka tidak boleh menyumbang apa-apa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila Skudai membawa bidalan atau peribahasa ataupun pepatah yang menyatakan bahawa ludah ke langit akan jatuh ke muka sendiri. Ianya sudah pasti bersesuaian dengan berdapatan dengan senario apabila memfitnah kebobrokan moral orang lain tanpa bukti tapi pemimpin mereka sendiri bergelumang dengan moral yang buruk sekali. (Dewan bertepuk). Senario apabila menuduh pihak lain tidak adil, tapi kerajaan mereka sendiri mempraktikkan ketidakadilan. Menuduh rasuah pihak yang lain, tapi senyap bungkam hingga terkorban seorang insan yang menutup rahsia pengamal rasuah ini. Senario apabila menuduh kerajaan pemerintah gagal membangunkan IPTA tetapi mereka sewenang-wenangnya menolak pembangunan IPTA di negeri mereka. Apabila mereka tuduh pemerintah tidak baiki prasarana, tapi kerajaan mereka simpan, kemut duit MARRIS berpuluh juta untuk tabungan negeri. (Dewan bertepuk). Apa cerita? Mereka kata SPR tipu, tapi ada negeri yang bilangan pemilihnya kini melebihi jumlah penduduk asal. Apa cerita? Mereka jerit slogan penggunaan *Rule Of Law* dengan izin, tapi mereka melanggar perintah Mahkamah. Inilah dia. Cerita pasal PTPTN tak apa, nak bela sendiri. Nak cairkan 500 ekar Unisel punya tanah. Apa cerita?. Nak banyakkan duit, jual bangunan PKNS. Sejak bulan Januari sampai sekarang, 3 aset dijual. Ini contoh yang baik?

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengapa masih sangsi dengan kejayaan negara serta negeri kita ni?. Kita harus ingin bahawa hampir 50%, 50% dari peruntukan atau agenda atau ekonomi *transformation plan* dengan izin, berada dalam Negeri Johor ini. Apakah petandanya ini? Ianya tidak lain dan tidak bukan kerana keyakinan pihak kepimpinan negara kepada Negeri Johor Darul Takzim yang tuan-tuan adalah sebagai pemain, pemimpin dan pendukungnya sekalian.
Yang Berhormat Dato' Speaker, kita harus ingat pembangunan yang ada dalam Negeri Johor ini adalah juga agenda pembangunan negara. kalau jatuh ini semua, maka negara akan terlibat. Johor dipilih kerana kelebihan yang ada. Yang Amat Berhormat tadi telah menyatakan tentang kelebihan kita ditakdirkan Allah SWT, tidak ada tempat lain yang lebih kondusif yang lebih baik dari Pengerang. 15 tahun, lebih 15 tahun Petronas tidak pernah melabur dalam negaranya sendiri, tapi mereka kali ini datang ke Malaysia buat di Pengerang. Terima kasih. Tahniah Tanjung Surat, tahniah Penawar. Orang Semarang tak kisah. Berdoa mudah-mudahan limpahannya akan sampai ke Semarang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dan orang Semarang boleh pergi ke sana.

**Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Ya…

**Y.B. Dato' Speaker :** Banyak peluang.

**Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Insya-Allah Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita harus ingat, pembangunan ini adalah pembangunan agenda pembangunan negara. Kerana kita ada kelebihannya. Bukan Sembrong. Kenapa harus gundah gulana. Kenapa dia haruskan tindakan orang-orang yang bernostalgia

tentang soal-soal yang demikian rupa. Kenapa kita harus melayan orang-orang yang memang suka untuk melihat kita terus mundur?. Adakah kita lebih bahagia dengan penyeludupan manusia, perokok, perempuan, di sana selama ini bukan kita tak tahu. Kita tahu siapa mereka. Nah, kita jadikan Pengerang sebagai satu tempat destinasi yang baik dan kondusif untuk pembangunan ekonomi negeri dan juga negara.

Yang Berhormat Dato Speaker, saya tak nak cakap banyak perkara ini. Tanjung Surat, Penawar mereka lebih berhak. Tapi pada masa yang sama Dato' Speaker, saya masih terkejut. Terkejut Yang Berhormat Dato Speaker, dengan dangkalnya penceramah pembangkang Yang Berhormat Dato Speaker di tempat saya, mentang-mentanglah tempat saya ni luar bandar sedikit.

**Y.B. Dato' Speaker :** Huh.

**Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Mereka kata Yang Berhormat Dato Speaker, pelaburan Petronas di Pengerang adalah membahayakan Negeri Johor. Membahayakan Negeri Johor, kerana Yang Berhormat Dato Speaker, kalau berlaku perang, tempat itulah yang akan diserang dahulu. (Dewan ketawa). Ya Allah Ya Rabbi Ya Karim. Masakan begitu rupa, cara mereka untuk memperbodohkan orang Semarang. Betul namanya Semarang tapi mereka juga tak sebodoh mana Yang Berhormat Dato Speaker, tetapi inilah realiti. Di sini memang cakapnya muluk-muluk belaka, tapi di bawah sana Subhanallah. Kadangkala nak ketawa dan kadangkala marah pula. Dan akhirnya Yang Berhormat Dato Speaker, mereka ditertawakan oleh orang-orang Kampung Parit Halid, Mukim 7, Batu Pahat. Inilah realitinya. RAPID satu nikmat, kedudukan dan keadaannya satu nikmat, apakah mereka tidak rela untuk melihat saudara-saudara kita lebih maju dan membangun dekat sana? Jangan terlalu bernostalgia. Kita harus faham kerana ada orang yang lebih suka melihat orang Pengerang itu mundur di belakang Yang Berhormat Dato Speaker.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat Dato Speaker, Iskandar Malaysia tidak harus di perkecilkan, perubahan di hadapan mata kita ini adalah nikmat yang sedang mengalir masuk untuk kesejahteraan rakyat. Ini bukan retorik. Kita perlu mengambil kira pertumbuhan sektor perkhidmatan yang telah meningkat lebih 80% di sini dan hartanah yang rancak berkembang lebih daripada 65% dalam tempoh 2008, 2009 hingga 2011 di Iskandar Malaysia ini. Kita tak boleh nak nafikan bahawa 2 sektor ini adalah tunggak dalam pembangunan ekonomi dalam negeri kita ini. Selain daripada sektor pembuatan. Kenapa tidak digunakan fakta media yang mengiktiraf pencapaian Iskandar Malaysia, yang berjaya menarik pelaburan sejumlah lebih RM77 bilion yang melebihi sasarannya iaitu RM47 bilion untuk fasa pertama 2007 hingga 2011?. Kita tidak harus mengetepikan fakta-fakta ini dan sewajarnya ada kalanya kita harus nyatakan terima kasih, tahniah kepada mereka.

Yang Berhormat Dato Speaker, terlalu banyak untuk diceritakan tentang kejayaan yang ada dalam negeri ini. Apatah lagi dengan Iskandar. Pembangunan harus berfasa-fasa. Kini prasarana telah disiapkan. Bagaimana bahagianya orang-orang Kota Tinggi untuk datang ke Johor sekarang. Bagaimana orang-orang di FELDA Adila untuk pergi ke Angsana Johor Bahru dalam masa 1 jam. Bagaimana kita boleh

menikmati angin di Desaru dalam masa 45 minit. Ini adalah prasarana yang telah disiapkan.

Yang Berhormat Dato Speaker, persidangan hari ini kita telah dihidangkan dengan perkataan baru yang saya rasa sangat keterlaluan sangat. Perkataan yang sekali gus menggambarkan fikiran dan prasangka yang negatif yang harus difahami oleh semua. Yang Berhormat Dato Speaker, *business liberalism, business liberalism*.

**Y.B. Dato' Speaker :** *What is it that?* Apa terjemah dia?

**Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, atau tribelisma dalam bisnes. Yang Berhormat Dato Speaker, dalam Kamus *The Oxford Word Hour*, dengan izin *tribe* bermakna *a group of people that have the same language and customs and that have a leader*. Kalau tengok Kamus Dwibahasa Oxford Fajar pula Yang Berhormat Dato Speaker, *tribe* adalah kumpulan kaum yang tinggal dalam satu masyarakat yang dipimpin oleh seorang atau lebih ketua. Kaum. Apakah yang di maksudnya *tribelism* ini? Apakah yang dimaksudkan dengan *tribelism* dalam bisnes? Dan pemikiran tribelisma? Apakah wajar tuan-tuan dan puan-puan, Datuk Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, digunakan istilah yang ada ini. Adakah ada kewajarannya. *Tride* mana ni? Siapa ni? Siapa? Dalam konteks Iskandar dalam konteks Negeri Johor, apakah ini bermaksud bahawa satu kaum sahaja yang memonopoli segala projek dalam Negeri Johor ataupun dalam Iskandar Malaysia? Atau apakah yang dimaksudkan sebenarnya hanya orang Melayu sahaja monopoli projek dalam Iskandar dan Negeri Johor? Apakah siapa? Adakah siapa dalam Dewan Negeri ini yang berani menyatakan bahawa orang Melayu sahaja yang dapat menikmati projek dalam Iskandar? Cakap.

**Y.B. Dato' Speaker :** Huhu... hebatlah.

**Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Yang Berhormat Dato Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Masa...

**Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Dan Yang Berhormat Dato Speaker, siapa yang berani dalam Dewan ini menyatakan bahawa orang Cina tidak menikmati dan juga melakukan apa-apa bahagian dalam pembangunan Negeri Johor dan Iskandar? Buktikan. Kita lihat bagaimana penswastaan, kita lihat bagaimana Ketua Jabatan yang memegang GLC? Adakah kita melakukan dan mempraktikkan tribelisma dalam bisnes? Dan menidakkan kaum yang lain. Yang Berhormat Dato Speaker, beranikah isu ini dijanjikan di kampung saya di Batu Pahat, di Seri Medan di Semerah, di FELDA-FELDA? Tuduhan tribelisma ini tidak membantu Yang Berhormat Dato Speaker. Ia hanya akan menggambarkan, menggambarkan tentang pandangan dan pekatnya prasangka yang ada.

Yang Berhormat Dato Speaker, tetapi ia memang menjadi bahan pembakar yang amat baik untuk membakar sentimen dan emosi dan membakar jambatan antara kaum yang ada dalam negeri dan negara ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok Yang Berhormat, masa.

**Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Yang Berhormat Dato Speaker, kalau kita ikut *general of rule* ataupun peraturan secara umum Yang Berhormat Dato Speaker, 30% adalah untuk Bumiputera, 70% adalah untuk siapa?. 30% untuk Bumiputera, 70% untuk siapa? Tribelisma? Tidak Yang Berhormat Dato Speaker. Sebab itulah perkara-perkara beginilah sebenarnya, kata-kata yang lembut sebab itu orang kata, lidah itu lebih tajam daripada pedang. Inilah masalahnya Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya tidak menuntut pihak yang bercakap untuk menarik balik. Mahupun saya menuntut mereka meminta maaf. Tak. Tapi saya mohon agar semua kita dan rakyat semua faham dengan fenomena ini dan bertindak sewajarnya. Itu sahaja.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok masa Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon saya Yang Berhormat Dato Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** 5 minit lagi.

**Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Insya-Allah. Terima kasih. Umur panjang Yang Berhormat Dato Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Amin.

**Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Dana Johor di kembalikan 1 unit RM1.00 Yang Berhormat Dato' Speaker. Syukur alhamdulillah. Orang kampung, *uncle-uncle* saya di Ayer Hitam, terima kasih banyak-banyak. Saya duduk di kedai Hai Lam dia kata terima kasih pada kerajaan akhirnya balik juga RM1.00. Terima kasih kepada kerajaan melalui JCorp yang telah membelanjakan RM270 juta untuk memulangkan RM1.00 Dana Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam soal melunaskan hal ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan *color blind*, minta maaf, dengan izin, buta, buta *color*, tak ada *tribelisme*. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak maklumkan 55% penyelesaian Dana Johor ini adalah daripada kalangan orang-orang Cina, amacam? (Dewan bertepuk). Sedangkan JCorp, kerajaan tak tahu siapa pelaburnya? Yang mereka tahu, mereka adalah rakyat Negeri Johor yang harus dibantu, mereka bantu. Dan, alhamdulillah tak ada tribelisme, kita bantu. Alhamdulillahlah, nikmatnya 55% pelabur-pelabur daripada rakan-rakan Cina, orang-orang Cina mendapat nikmat. Terima kasihlah. Terima kasihlah. Dan yang lebih penting Yang Berhormat Dato' Speaker, JCorp sebenarnya adalah satu institusi yang kita harus jaga bersama.

Kita bangga dengan keuntungan kumpulannya RM1.4 bilion. Kita berbangga dengan keuntungan syarikatnya sebanyak RM114 juta. Alhamdulillahlah, mereka berada di tangan yang baik. Kepada kita, JCorp adalah seperti angsa yang bertelur emas, yang harus dijaga kesihatannya dan diberi sokongan agar ia menelurkan telur-telur emas yang lebih banyak di masa-masa yang akan datang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Alhamdulillah. Untung Ahli Lembaga Pengarah…

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Kita harus bersama-sama bantu Yang Berhormat Dato' Speaker, dulu, dulu, sekarang lain. Kita kena bantu, kita harus sokong ketetapan JCorp untuk membantu memberi sumbangan balik kepada kerajaan. Tak kiralah berapa, tapi pulangkan, tapi menyumbang. Tak menyumbang, bukanlah macam, dulu tak menyumbang langsung.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ini dah ada menyumbang Yang Berhormat?

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Ya?

**Y.B. Dato' Speaker :** Dah ada menyumbang balik?

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Dah ada ketetapan untuk menyumbang. Kita doakan supaya mereka dapat menyumbang Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha..dulu masa saya RM10 juta beri.

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Alhamdulillah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dululah, masa sayalah.

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk membina JCorp ini mengambil masa yang lama. Tetapi untuk merobohkannya, adalah hanya sekelip mata. Sebab itu, kita harus jaga JCorp ini akan dapat menyumbang kepada negeri dan juga menyumbang melalui CSR nya ataupun *Corporate Social Responsibility* nya kepada masyarakat yang teramai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, konsep keterbukaan JCorp yang ada sekarang juga harus dimanfaatkan oleh semua pihak. Daripada GLC-GLC dalam negeri mahupun pengusaha-pengusaha dan *entrepreneur* yang ada dalam Negeri Johor ini. Sebab itu Yang Berhormat Dato' Speaker, sewajarnya kita berbangga dengan kejayaan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga tidak lupa untuk berterima kasih dalam Dewan yang bertuah ini kepada Ketua-Ketua Jabatan yang ada di peringkat daerah dan negeri, yang telah memberi sokongan jasa baik dan kerjasama kepada Semarang khususnya, untuk membangun dan memperkemas prasarana dan juga teruskan menjaga, meningkatkan potensi yang ada dalam DUN Semarang itu sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita berterima kasih dan mengucapkan penghargaan kepada *Johor Civil Service*, (JCS) ataupun Kakitangan Awam Negeri Johor.

**Y.B. Dato' Speaker :** Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Johor.

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Ya Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Johor yang sekarang ini telah menunjukkan perubahan yang positif. Orang-orang

yang muda belaka, dinamik dan melihat dan memahami tentang keperluan dan cabaran masa depan yang ada dalam Negeri Johor ini. Dan kita harapkan, kita menerapkan konsep apa yang dikatakan *Investment, Training Investment.* Kita harus melabur melalui latihan-latihan agar *personnel-personnel* kita akan bersiap siaga dan mereka bersiap dan bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran yang lebih mencabar dalam Negeri Johor kerana permintaannya juga berbeza, kerana *expectation* atau pengharapannya juga telah bertambah di masa yang akan datang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok.

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengucapkan, memohon ampun dan maaf kalaulah ditakdirkan Dewan ini yang terakhir untuk saya ataupun untuk tuan-tuan sekalian…

**Y.B. Dato' Speaker :** Akhir apa, bersidang ke Wakil Rakyat?

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Bersidang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Jangan salah cakap.

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Jadi saya mohon ampun dan maaf. Tetapi, ayuh kita bertekad sama-sama majukan negeri untuk kemanfaatan rakyat Johor.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, isteri Yang Berhormat ada kat atas? Tak ada ya? Ada?

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, isteri saya, seorang kakitangan kerajaan yang bekerja di pejabat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Aduh memanglah, yalah. Kalau ada lagi hebat tadi.

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Bertuahlah…

**Y.B. Dato' Speaker :** Selesai malam ni.

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Bertuah. (Dewan ketawa) Bertuahlah kepada mereka yang dapat melihat bagaimana suami-suami mereka berjuang di Dewan Negeri.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah.

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Kita doakan mudah-mudahan mereka menjadi isteri-isteri yang solehah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Amin, amin. Dan untuk suami pun kena juga jaga ya, jangan isteri aje.

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Amin. Amin, Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih saya menjunjung rundingan yang dibawa oleh Rengit. Sekian, wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumussalam.

**Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat (Kemelah) :** Bismillahirrahmaanirrahim…

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, siapa suruh bangun? (Dewan ketawa). Eh, saya tak suruh bangun lagi. Hah, kan sedap begitu hah. Ahli-Ahli Yang Berhormat perbahasan diteruskan lagi, siapa nak berucap? Hah, barulah bangun. Hah..dahlah semalam cuti setengah hari. Tak ada, tak ada apa, cakap aje.

**Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat (Kemelah) :** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, kedatangan Islam ke alam Melayu telah banyak merubah pemikiran masyarakat Melayu. Perubahan ini telah menjadikan daya fikir intelektual Melayu terus berkembang sehingga Kerajaan Melaka abad ke-15 menjadi Pusat Intelektual Islam Sedunia, berkumpul untuk membahaskan pelbagai disiplin keilmuan Islam serta isu masyarakat semasa. Sejarah telah melakarkan pelbagai persoalan, kenyataan dan tindak balas daripada persoalan yang terbit melahirkan pelbagai teori. Antara teori yang terhasil termasuklah kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Terdapat tiga teori yang berbeza tentang kedatangan Islam di Tanah Melayu, iaitu kedatangan Islam dari India, China dan Arab. Teori ini banyak dikemukakan oleh sarjana terkemuka dunia seperti D Harrison…

**Y.B. Dato' Speaker :** Dari tu mana Yang Berhormat?

**Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat (Kemelah) :** Ya?

**Y.B. Dato' Speaker :** D. Harrison ni dari negeri mana? Negara mana?

**Y.B Datuk Haji Ayub bin Rahmat (Kemelah) :** Belanda.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh Belanda ya.

**Y.B Datuk Haji Ayub bin Rahmat (Kemelah) :** Thomas Arnold dan R.O. Winstedt. Teori yang dikemukakan oleh mereka ini, sama ada berasaskan penemuan sumber sejarah atau rasional sarjana itu sendiri dalam menyusun kepelbagaian sangkaan sehingga lahir teori kedatangan Islam di Tanah Melayu.

Menurut Syed Naquib Al-Attas, menyatakan kedatangan Islam ke alam Melayu adalah dibawa oleh orang Arab, sama ada melalui perdagangan ataupun usaha dakwah yang dibawa oleh para Ahli Sufi dan juga ilmuwan Islam. Pendapat Al-Attas ini cukup kukuh dan utuh untuk menjelaskan kedatangan Islam sebenar dan juga gerakan Islamisasi yang berlaku di Nusantara.

Secara jelas, Al-Attas menyatakan keupayaan penyebar Islam sebenar seperti Shamsuddin Al-Sumatrani, Abdul Raof Sengkel, Nuruddin Ar-Raniri serta pendakwah lainnya telah berjaya mendidik masyarakat memahami Islam yang syumul.

Islamisasi ini tidak akan berjaya jika pemerintah ketika itu tidak menghulurkan salam persahabatan dan tidak memberi ruang kepada pendakwah ini, yang juga merupakan saudagar untuk berdagang di pelabuhan mereka. Pengislaman pemerintahlah merupakan salah satu faktor utama bagi perkembangan Islam di alam lain. Di Kedah, Maharaja Drebaraja II, memeluk agama Islam pada 1136 Masihi oleh Sheikh Abdullah bin Sheikh Ahmad Al Qaumiri Al Yamani, seorang ulama' berbangsa Arab yang datang dari Yaman. Di Melaka, apabila Raja Melaka Parameswara memeluk Islam, dengan membawa gelaran Sultan Muzaffar Syah, maka ramai pengikut dan rakyat jelata yang memeluk Islam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berdasarkan apa yang saya katakan berkaitan tentang sejarah yang berlaku, bagaimana Islam sampai ke Tanah Melayu, yang ingin saya sampaikan di sini adalah peranan yang dimainkan oleh Raja atau Sultan, untuk usaha pengembangan Islam di Tanah Melayu. Peranan Raja dan Sultanlah yang menyebabkan kita ini mendapat Islam dan iman, jika ketika itu Raja atau Sultan menolak untuk memeluk Islam ataupun menutup pelabuhan Melaka, Acheh ataupun di Kedah daripada pendakwah yang merupakan saudagar ini daripada mengembangkan Islam, tidak mustahil, hidayah Allah ini tidak akan sampai kepada kita pada hari ini.

Inilah sebenarnya sumbangan dan juga peranan yang cukup besar yang telah pun dilakukan oleh institusi Raja yang telah menerima hidayah Allah ini sekali gus merubah kehidupan dan pola kehidupan orang Melayu ketika itu sehingga kini. Penghormatan dan sanjungan yang diberikan oleh rakyat terdahulu haruslah diteruskan oleh kita orang Melayu dan juga masyarakat lain bagi memastikan keutuhan institusi Raja ini terus terpelihara.

Kita harus taat dan setia kepada pemerintah kerana ia adalah merupakan tuntutan agama. Yang Berbahagia Dr. Muhammad Osman Al-Muhammadi, ada berkata bahawa Malaysia adalah negara yang dijadikan seperti neraka, iaitu terlalu berbilang kaum dan agama, seolah-olah ditadbirkan untuk sentiasa berada dalam kacau bilau. Tetapi, pemimpin Malaysia berjaya menjadikannya sebuah syurga, iaitu aman dan makmur. Keamanan dan kemakmuran adalah nikmat nyata yang tidak harus dinafikan. Sikap umat yang kufur nikmat, mampu mengundang bala kepada negara. Tidak ada sesiapa yang lebih layak menilai nikmat yang di kecapi oleh umat Islam di Malaysia melainkan para ulama' dari Negara-Negara Arab yang telah menyaksikan kemusnahan di negara mereka.

Tidak mungkin rakyat mampu merasai nikmat ini sekiranya pemimpin kita bukan seorang yang layak iaitu adil, cekap, bijak dan prihatin. Yakinlah, bahawa sekiranya pemimpin yang ada bukanlah seorang yang layak berada di tempatnya, maka negara ini sudah pasti hancur melihat dari landskapnya yang begitu rapuh iaitu berbilang bangsa, agama dan budaya.

Perlu juga diingat, bukan hanya rakyat sahaja yang mempunyai hak tetapi pemimpin juga mempunyai haknya. Hak pemimpin ialah untuk ditaati dan dihormati. Jika tidak, negara mampu menjadi huru-hara dan apabila ini berlaku, rakyat juga yang akan ditimpa musibah dan menderita. Justeru, mentaati pemimpin adalah wajib di dalam Islam, selagi pemimpin tersebut menunaikan solat dan tidak menyuruh kepada kemungkaran.

Hadis Riwayat Muslim ada menyatakan, 'barang siapa yang melepaskan ketaatan dari pemimpin, dia akan berjumpa dengan Allah pada hari kiamat tanpa mempunyai hujah ataupun alasan. Syeikh Soleh As Shablan Hafizallah, seorang ulama' tertinggi anggota Majlis Fatwa Arab Saudi berkata, "Sebahagian daripada saudara kita menyangka perkara tersebut, (pemberontakan ataupun demonstrasi) adalah sesuatu yang baik".

Mereka menyangka bahawa yang dimaksudkan dengan sifat kepembangkangan atau pemberontakan itu adalah dengan senjata. Padahal sebenarnya, bukan semata-mata dengan senjata dan kekerasan tetapi juga dengan lisan. Bahkan, pemberontakan dengan lisan itu jauh lebih bahaya kerana pemberontakan dengan lisan itu adalah laluan kepada pemberontakan bersenjata.

Kami nyatakan dengan penuh kejujuran kepada saudara-saudara kami yang terbakar emosinya. Kami menganggap mereka berniat baik, insya-Allah. Namun hendaklah mereka menahan diri dan tidak terburu-buru. Katanya lagi, "kerana sikap ekstrem mereka itu, hanya akan menyebabkan kesan negatif dalam hati-hati mereka". Hati mereka sebenarnya kosong, (daripada nilai ilmu) dan hanya mengenal sentimen kemarahan. Tindakan mereka itu juga hanya akan membuka lebih banyak lagi pintu kejahatan untuk bertindak dengan cara yang batil. Pemberontakan dengan kata-kata termasuklah tulisan, ceramah, seminar dan media massa yang mengandungi ciri-ciri menaikkan semangat membenci pemerintah. Katanya lagi, "Aku memberi peringatan kepada semua dengan peringatan yang tegas. Aku katakan, lihatlah apa yang terhasil, yang diperoleh daripada setiap tindakan tersebut dan fikirlah faktor-faktor penyebab timbulnya fitnah ke atas negara-negara Islam dan pemimpinnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Dewan yang lepas saya ada menyebutkan sedikit yang berkaitan tentang Hudud dan juga acara kanun, acara jenayah yang sebenarnya cuba dipopularkan oleh segolongan tertentu. Lebih-lebih lagi apabila pilihan raya ini berlaku, mereka mengatakan bahawa Hudud dan apabila Hudud ini telah pun diperkatakan mereka cuba untuk mendapatkan populariti daripada isu Hudud ini. Sedangkan hakikatnya kita harus faham bahawa sebenarnya perlaksanaan Hudud juga bergantung kepada beberapa perkara yang harus kita lihat dan juga untuk kita dalami.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada juga di antara kita yang sebenarnya menentang ataupun terutamanya di kalangan golongan hak asasi manusia yang mengatakan bahawa Hudud ini tidak menepati aspirasi perjuangan mereka dan juga tidak berperikemanusiaan. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, Islam sebagai ajaran yang komprehensif, ia ini sempurna, tentu juga menentukan apa-apa dinilai sebagai pengajaran terhadap hak asasi manusia ataupun apa-apa yang tidak. Apa-

apa yang hak asasi manusia dan juga apa-apa yang tidak hak asasi manusia dapat diketahui melalui apa yang dinilai sebagai tindakan kejahatan atau jenayah. Dan, apa-apa yang tidak jenayah atau kejahatan tidaklah melanggar hak asasi manusia. Demikian juga di dalam Islam, dapat diketahui melalui apa yang dinilai sebagai kemasyarakatan utama pokok, atau asasi yang mesti ditegakkan oleh setiap penguasa atau peribadi Muslim. Dalam hal ini, Al-Shatiwi telah mengungkapkan bahawa ada 5 kemasyarakatan utama dalam Islam yang diistilahkan dengan Al-Darurat iaitu memelihara agama, jiwa, akal, harta, keturunan dan kehormatan. Kejahatan yang merosakkan agama dinamakan dengan murtad, yang merosakkan diri atau jiwa adalah membunuh, yang merosakkan akal adalah meminum minuman yang memabukkan, yang merosakkan harta adalah mencuri dan merompak, yang merosakkan keturunan dan kehormatan adalah zina dan menuduh orang lain berzina. Daripada segi kualiti bahawa tujuan utama daripada ajaran Islam tersebut dapat dibahagikan pula kepada 3 tingkat. Satu, Tingkat Darulriah iaitu yang utama...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat macam kuliah subuh la. Khusyuk, sedap kita dengar. Ikhlas saya kata.

**Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat (Kemelah) :** Kefahaman yang berkaitan tentang bagaimana jenayah ataupun hukuman Hudud ini haruslah dilaksanakan. Kalau kita tidak memahami apa yang berlaku mungkin di dalam benak pemikiran kita, mungkin yang pertama kita akan menentang yang kedua mungkin kita tidak faham yang ketiga mungkin kita akan merasa perasaan yang prejudis terhadap jenayah ataupun undang-undang Islam itu sendiri. Maka jikalau kita sebagai badan yang mungkin penggubal dasar yang mungkin tidak faham tentang sesuatu perkara. Apabila ianya diterangkan kepada kita maka seharusnya kita dapat memahami sesuatu undang-undang agar ia dapat diterapkan kepada yang lain.

Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila kita memperkatakan tentang undang-undang Islam ini, sebenarnya kita harus melihat bahawa ini adalah merupakan satu hukum Allah yang harus kita jalankan. Untuk memastikan bahawa setiap apa yang dikehendaki oleh Allah ini dapat dilakukan oleh kita kerana sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tidak mahu lagi undang-undang Tuhan ini dipolitikkan kerana ia akan memberikan sesuatu yang tidak baik kepada kita. Kita benarkan kepada orang lain untuk mendapat faedahnya sedangkan hakikatnya hukum hudud ataupun kisas takzir seperti ini boleh dilakukan oleh kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jikalau kita lihat ada beberapa perkara yang lepas saya sebutkan tentang bagaimana Hudud ini dijalankan dan sepatutnya juga kita harus melihat tindakan apakah yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan. Saya telah mencadangkan agar satu seminar diadakan untuk memastikan bahawa setiap individu ini dapat memahami yang berkaitan tentang hukum jenayah Islam tetapi sehingga kini ianya tidak dapat dilaksanakan. Dan, inilah antara halangan kekangan yang menyebabkan kita tidak dapat menarik golongan masyarakat yang benar-benar mencintai Islam untuk bersama dengan kita. Dan dengan ini jugalah yang menyebabkan ada golongan lain menggunakan istilah hudud ini untuk kepentingan mereka. Dan ini juga yang harus kita fahami agar tidak akan lagi berlaku sesuatu yang akan memberikan kesan yang tidak baik kepada kita. Sedangkan hakikatnya apabila

hudud ini dan ihsas ini adalah merupakan satu hukuman yang tidak semestinya dilaksanakan jika kita tidak bersedia untuk menerima undang-undang ini. Dan apabila hukuman atau hudud ini tidak diterima maka ada perkara yang ketiga yang memang menjadi sebahagian daripada amalan kita iaitu takzir untuk memastikan bahawa apa juga yang berlaku akan dapat menepati akan hasrat undang-undang itu sendiri.

Maka Yang Berhormat Dato' Speaker saya mencadangkan agar kita di Negeri Johor ini, kita menepati cara mendalam berkaitan tentang undang-undang ini, agar undang-undang ini dapat kita fahami dan kita menjadi negeri UMNO yang pertama yang melaksanakan hukum hudud untuk kita jadikan Negeri Johor ini sebahagian negeri yang boleh dicontohi oleh Kerajaan Kelantan. Mereka bercakap tentang perkara ini tapi mereka tidak mampu untuk melaksanakannya. Dan saya yakin dengan keupayaan Kerajaan Negeri Johor dengan pembangunan yang ada maka kita sebenarnya bersedia untuk melakukan hukum Allah ini agar kita dapat diterapkan, dapat difahami oleh masyarakat cara keseluruhannya.
Yang Berhormat Dato' Speaker...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, ustaz lama lagi?

**Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat (Kemelah) :** Sikit sahaja...

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok.

**Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat (Kemelah) :** Di DUN Kemelah, kami mendapat nikmat hasil daripada pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional. Pelbagai kemudahan dan pembangunan telah berlaku di dalam DUN ini tidak kiralah yang melibatkan kemudahan asas seperti api, air dan jalan raya. Sehinggalah pembangunan yang melibatkan modal insan seperti sekolah-sekolah agama, masjid, surau dan kemudahan rekreasi. Cabaran yang paling besar bukanlah kegagalan membangunkan kawasan tetapi sikap manusia yang tidak mahu bersyukur dan juga berterima kasih kepada Allah dan juga Kerajaan Barisan Nasional. Diperitkan lagi dengan unsur keretakan yang sengaja dicipta untuk menggambarkan pelaku yang berusaha untuk mendapatkan peruntukan sebagai tidak melakukan sesuatu. Malangnya ia datang daripada pemimpin dalaman yang mungkin termakan fitnah dan juga iri hati. Kita tidak akan berjaya jika kita mengamalkan, melakukan sesuatu yang melampaui batas dan ia tidak berpandukan kepada nilai dan juga moral serta akhlak.

Akhirnya saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada jabatan-jabatan yang telah pun membantu DUN Kemelah sejak dulu sehingga kini di peringkat daerah dan juga di peringkat negeri. Mudah-mudahan bantuan ini akan dapat diteruskan pada masa-masa yang akan datang. Dengan ini Yang Berhormat Dato' Speaker saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Rengit. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumussalam. Perbahasan diteruskan lagi, jemput. Siapa yang hendak berucap? Pengkalan Rinting.

**Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) :** Selamat pagi, selamat sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana telah memberikan keizinan dan juga kesempatan kepada saya untuk menyertai perbahasan menyokong usul menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor ketika Pembukaan Rasmi Penggal Ke-5 Dewan Negeri Johor Kali Yang Ke-12 pada 14 Jun yang lepas.

Yang Berhormat Dato' Speaker,...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat kenapa? Oh, Yang Berhormat hendak rehat. Jemput duduk. Semalam naik kereta api, saya hendak rehat minum kopi. Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:40 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 12:08 tengah hari.**

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Selamat sejahtera. Perbahasan disambung semula. Jemput Yang Berhormat Pengkalan Rinting.

**Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih diberikan kesempatan untuk menyambungkan saya punya perbahasan dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan menjunjung setinggi-tinggi terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor yang kita kasihi yang telah mencemar Duli ke seluruh daerah dalam Negeri Johor sempena Kembara Mahkota Johor baru-baru ini. Kesetiaan rakyat Negeri Johor terhadap Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor tidak dapat dinafikan sejarah telah membuktikan kesetiaan sejak zaman berzaman.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di kesempatan ini Pengkalan Rinting ingin mengucapkan syabas dan juga tahniah serta terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar Johor yang sentiasa berusaha untuk menjadikan Negeri Johor sebagai sebuah negeri yang bukan sahaja selamat didiami dan juga adalah selamat dikunjungi di rantau ini. Tetapi berada di dalam keadaan yang aman makmur, harmoni dan juga pesat membangun dari segi ekonomi sosial, kesihatan, pelajaran dan juga dapat menarik lebih ramai pelancong pada pelabur dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, usaha Kerajaan Negeri Johor bagi mempertingkatkan usaha kesejahteraan hidup rakyat secara purata sama ada di bandar mahu pun di luar bandar dengan membina jalan kampung, penyediaan lampu jalan, sistem perparitan, pembetungan dan juga pengurusan sisa pepejal

sewajarnya dihargai. Begitu juga dengan penyediaan perumahan rakyat yang sedang dalam pembinaan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kerajaan Barisan Nasional yang telah menerajui kepimpinan negara kita ini sejak sekian lama. Sehingga ke hari ini terbukti akan terus memperjuangkan serta membela nasib rakyat tanpa mengira apa bangsa yang ada dalam negara yang kita cintai ini. Oleh yang demikian sewajarnya, rakyat tak kira apa bangsa hendaklah memberi kepercayaan dan juga terus menyokong dan juga tidak mudah terpengaruh dengan sesuatu janji yang manis yang dijanjikan oleh pihak pembangkang, yang belum terbukti dalam dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, rakyat hendaklah membuat penilaian yang betul serta gunakan kebijaksanaan dalam menghadapi Pilihan Raya Umum Kali Yang Ke-13 yang akan diadakan tidak lama lagi. Jangan apabila seperti ibarat pepatah nasi sudah menjadi bubur, barulah menyesal ini tidak ada gunanya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, tidak lupa juga saya ingin menyampaikan dan juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang mengadakan lawatan ke Parlimen Pulai baru-baru ini. Di mana Yang Amat Berhormat telah memaklumkan bahawa masalah penempatan penduduk khasnya di kawasan Kampung Skudai Kiri dan juga Kampung Usaha Jaya ke kawasan Bandar Uda Utama akan diberi perhatian yang sewajarnya. Dan, akan dilaksanakan dengan secepat mungkin. Seperti mana yang kita sedia maklum, projek pecah tanah di kawasan Bandar Uda Utama pun disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2008. Akan menjadi realiti ini kerana, jika tidak dapat diberi perhatian ataupun dilaksanakan akan menjadi isu. Maka dalam Dewan yang mulia ini, saya memohon akan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin sebaik sahaja peruntukan sebanyak RM5 juta diperoleh daripada Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, seperti mana kita sedia maklum, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru telah dibina dan juga bermula beroperasi sekian lama sejak masa perang dunia yang kedua melebihi 70 tahun di dalam kawasan DUN Pengkalan Rinting. Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru adalah sebuah hospital besar yang terbesar dalam Negeri Johor di daerah Johor Bahru ini. Kalau kita lihat bangunan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, telah usang, bangunan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru dilihat masih menggunakan kemudahan peralatan yang usang dan di telan zaman serta kurang selesa dan perlu diganti serta-merta dan juga perlulah di naik taraf supaya dapat menampung dan juga memberikan perkhidmatan yang lebih baik lagi dan selesa kepada rakyat serta pesakit yang kian bertambah di hospital besar ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam bangunan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru terdapat beberapa ruang tempat rawatan seperti klinik-klinik pakar iaitu Klinik Urologi, Klinik Mata, Klinik Kulit dan juga Klinik Ortopedik dan juga di tempat wad-wad pesakit kelas 2 dan kelas 3 yang mana adalah penuh dengan pesakit setiap hari. Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat juga di tempat ini kemudahan peralatan seperti kipas dan juga alat hawa dingin tidak mencukupi ataupun kadangkala

terdapat ada kipas dan juga hawa dingin juga rosak. Selain daripada itu, kerusi tempat duduk pesakit menunggu rawatan juga didapati tidak mencukupi dan juga didapati ada rosak juga. Dan juga didapati bahawa kerusi roda pesakit juga tidak mencukupi. Saya juga mendapati ruang tempat letak kereta di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru tidak mencukupi dan juga masih belum dapat diselesaikan. Ini disebabkan letak kereta di hospital besar ini adalah percuma dan kesempatan ini diambil oleh ramai penduduk yang meletakkan kereta mereka seawal pagi, untuk pergi bekerja di Singapura. Ini telah menyukarkan mereka yang benar-benar hendak mendapatkan pemeriksaan dan juga rawatan di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru menghadapi masalah ruang letak kereta tidak mencukupi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, maka di Dewan yang mulia ini, saya memohon jasa baik Kerajaan Kementerian Kesihatan Malaysia supaya mengambil prihatin tentang masalah yang saya sebut tadi dan juga kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia perlulah memberikan kelulusan peruntukan untuk menaik taraf Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, dipertingkatkan dari aspek kemudahan peralatan seperti alat kipas, alat hawa dingin, kerusi tempat duduk pesakit menunggu rawatan dan juga kerusi roda pesakit supaya dapat memberikan perkhidmatan dan kemudahan yang lebih baik lagi kepada rakyat. Saya juga mencadangkan pihak Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, dapat mengutip bayaran letak kereta dengan jenis bayaran bertiket dan memberikan bayaran potongan kepada pesakit dan juga pelawat pesakit yang telah disahkan untuk mengatasi masalah ruangan letak kereta yang tidak mencukupi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh perkara pembinaan Pusat Klinik Kesihatan Malaysia yang baru di Taman Bukit Indah. Sekali lagi, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa permintaan supaya sebuah Pusat Klinik Kesihatan Malaysia yang baru dapat didirikan di Taman Bukit Indah di kawasan DUN Pengkalan Rinting perlulah dilaksanakan dengan segera. Saya telah membangkitkan perkara ini sejak tahun 2009 dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Datuk Speaker, memandangkan keadaan yang sangat memerlukan ekoran pertambahan bilangan penduduk yang semakin meningkat di sekitar kawasan Taman Bukit Indah. Pada masa kini terdapat lebih kurang 50,000 penduduk di kawasan Taman Bukit Indah termasuk taman-taman yang berhampiran sangat memerlukan perkhidmatan kesihatan ini. Memandangkan juga bahawa Pusat Klinik Kesihatan Malaysia yang ada di Tampoi mahu pun di Taman Sri Orkid, Skudai yang berhampiran dengan Taman Bukit Indah dirasakan tidak dapat menampung keperluan rakyat dari segi rawatan dan juga pemeriksaan kesihatan. Jika sekiranya pembinaan ini dapat disegerakan saya yakin dan juga percaya rakyat tidak perlu lagi menunggu lama atau bersusah payah pergi jauh. Oleh yang demikian, saya pohon sekali lagi agar permintaan untuk mendapatkan sebuah Pusat Klinik Kesihatan Malaysia di Taman Bukit Indah yang mana tapak telah disediakan dapat diberikan pertimbangan yang sewajar serta diberikan kelulusan dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin membangkitkan tentang pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pei Hwa No. 2, projek ini sampai sekarang tak dapat dilaksanakan kerana tapak tanah cadangan untuk membina sekolah baru ini belum lagi dibuat proses serah balik kurnia semula dan diberi milik kepada Pesuruhjaya Tanah

Persekutuan oleh pihak pemaju perumahan Teluk Danga. Memang sebenarnya Kementerian Pelajaran Malaysia sudah pun memberikan kelulusan sekolah baru SJK Cina Pei Hwa No.2 pada bulan Januari tahun 2008 sebegitu lama sehingga hari ini, dan sudah pun mempunyai kelulusan peruntukan lebih kurang RM8.33 juta di bawah rangsangan ekonomi bagi menampung pembinaan sekolah baru tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Johor mempunyai kepentingan dalam syarikat pemaju perumahan Teluk Danga, maka dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin memohon pihak Kerajaan dapat mengambil perhatian dan membantu meminta pihak syarikat pemaju Teluk Danga supaya cepat menyerahkan tapak tanah yang dicadangkan dengan secepat mungkin demi kepentingan rakyat khasnya, dan juga untuk kerajaan amnya. Jangan menjadi satu isu.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Masa cukup Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) :** Boleh sambung sikit lagi.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Ah, ok.

**Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, para peniaga yang sedang menjalankan perniagaan di kawasan belakang Jalan Wong Ah Fook sebanyak 101 buah gerai yang terdiri daripada berbilang bangsa, rata-rata memohon supaya mereka dapat dikembalikan untuk berniaga di tempat asal di Jalan Ungku Puan sekiranya projek membuka semula penutupan Sungai Segget, Johor Bahru telah siap dijalankan. Ini memandangkan bahawa kebanyakan mereka yang bergantung mata pencarian melalui perniagaannya didapati sambutan masyarakat kian berkurangan atas faktor tempat yang sedia ada dianggap kotor dan kurang selesa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada bulan September tahun 2009, saya telah memohon dalam Dewan yang mulia ini supaya dapat membina tambahan sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di kawasan DUN Pengkalan Rinting atas sebab Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Yahya Awal yang sedia ada sudah menghadapi masalah murid-murid bertambah dan juga bilik darjah tidak mencukupi. Seterusnya pada bulan Jun 2010 saya telah memberikan sokongan kepada pihak jawatankuasa perhubungan MIC Negeri Johor untuk memohon memindahkan sebuah SJKT Ladang Bukit Serampang, Tangkak ke Taman Bukit Indah dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, atas usaha pihak pemimpin MIC dan sokongan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, saya mengucapkan dan merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor di mesyuaratnya pada 25 hari bulan April 2012 yang mana telah meluluskan tapak PTD 70467 di Mukim Pulai Johor Bahru sebagai tapak sekolah Jenis Kebangsaan Tamil untuk pembinaan SJKT Ladang Bukit Serampang di Taman Bukit Indah.

Yang Berhormat Datuk Speaker,..

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Akhirnya.

**Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) :** Akhirnya, sebelum saya menamatkan hujah dan juga ucapan menyokong usul menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, saya suka mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Ketua-Ketua Jabatan dan juga pegawainya, yang mana sepanjang masa ini telah memberikan kerjasama dan juga memberikan bantuan yang diperlukan untuk menjayakan segala urusan yang telah saya menjalankan demi kepentingan rakyat dan juga negara. Maka dengan ini, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong usul yang dibawa oleh Y.B. ADUN Rengit, Sekian, terima kasih.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain.

**Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) :** Johor Jaya. Salam sejahtera Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana mengizinkan saya berucap di Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana sentiasa peka dan mengambil berat mengenai kebajikan dan keperluan rakyat di negeri ini. Saya amat gembira dengan sempurnanya upacara penyerahan borang Notis 5A kepada penduduk Kampung Pasir Gudang baru-baru ini, di mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri turun padang untuk menyempurnakan upacara tersebut. Saya berharap akan adanya upacara seumpamanya ini bagi kawasan setinggan yang lain di kawasan DUN Johor Jaya kelak sepertimana di Kampung Melayu Pandan, Sri Makmur, Rumah 10 dan Sri Bahagia yang telah dilawati oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita pada bulan Februari ini dan Yang Amat Berhormat telah mengumumkan kerajaan akan kurniakan tanah tersebut kepada penduduk setempat. Jadi, saya yakin pada masa yang dekat kerajaan akan membantu kita supaya perkara ini dapat ditunaikan kepada semua penduduk kampung di kawasan tersebut. Saya juga ini ambil kesempatan ini ucap ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana sendiri telah sudi turun padang bersama dengan anggota-anggota jabatan-jabatan kepada DUN Johor Jaya untuk melihat sendiri bagaimana suasana ataupun keadaan masalah banjir di kawasan DUN Johor Jaya. Dan, telah mewujudkan satu unit khas bagi mengatasi masalah DUN Johor Jaya, inilah telah membantu saya menyelesaikan dan mengatasi segala masalah banjir di kawasan DUN Johor Jaya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum ini di DUN saya setiap kali kalau hujan berbanjir seramai 2,600 keluarga dilandai oleh banjir. Tetapi apabila projek-projek yang telah dilaksanakan oleh jabatan-jabatan JPS seperti JPS, JKR, MPJBT dan Bandaraya telah membantu mengurangkan masalah ini dan hari ini apabila kita menghadapi masalah banjir tidak lebih 200 keluarga yang menghadapi masalah banjir. Ini satu kejayaan dan telah membuktikan perkhidmatan ataupun kerjasama daripada jabatan-jabatan yang telah beri kerjasama yang begitu erat dan mutu yang begitu baik sekali bagi berkhidmat kepada rakyat setempat khususnya di DUN Johor Jaya. Saya, dapatlah kita selesai semua masalah banjir di kawasan DUN Johor Jaya. Terima kasih kepada pihak JPS dan juga JKR, MBJB serta MPJBT.

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini Jawatankuasa Khas dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri Johor telah mengadakan mesyuarat penambah baik di Kuala Terengganu bagi mencari idea-idea baru, bernas untuk melicinkan Persidangan Dewan yang mulia ini. Apa yang menyedihkan ialah sebelum sebarang pencapaian atau cadangan dibuat, Jawatankuasa ini telah mendapat kritikan dari Yang Berhormat Skudai dan Yang Berhormat Mengkibol, yang bukan saja tidak hadir diri untuk menjalankan tanggungjawab beliau sebalik membuat ulasan negatif terhadap kesahihan yang mesyuarat ini diadakan di luar dari Negeri Johor. Tindakan Yang Berhormat Mengkibol ini amat membingungkan kami semua. Tanda tanya mula bermain di fikiran saya adakah Negeri Sabah di dalam jajahan Negeri Johor, saya masih ingat lagi bagaimana gembira dan ceria sekali Yang Berhormat Mengkibol turut bersama dengan Mesyuarat Jawatankuasa ini pada tahun 2009, Ogos di Sabah. Kegembiraan Yang Berhormat Mengkibol begitu ketara di setiap gambar foto yang saya ambil sepanjang lawatan kami di Sabah. Kenapa pula semasa lawatan ke Terengganu Yang Berhormat Mengkibol memilih untuk tidak hadir dari dan menyatakan mesyuarat di Terengganu tidak sahih. Sikap ini yang amat *double standard* sekali mungkin Sabah itu jauh sedikit dan Yang Berhormat tak pernah melancong ke sana jadi Yang Berhormat anggap menyelam sambil meminum air di situ atau mungkin Yang Berhormat Mengkibol telah dihasut oleh rakan-rakan sebarisan yang tak dapat pergi sepertimana Yang Berhormat Skudai yang bersama-sama. Kita harus memuji Yang Berhormat Maharani kerana beliau faham akan perbezaan antara tanggungjawab dan tugas beliau di dalam Jawatankuasa ini dan ...

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Datuk Speaker.

**Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) :** Dengan tugas parti beliau...

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) :** Saya berharap...

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Menurut Peraturan...

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Yang Berhormat, dia tak ada menyentuh apa-apa Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) :** Dapat memberi sedikit nasihat kepada rakan Yang Berhormat Mengkibol ini dan Yang Berhormat Skudai...

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Datuk Speaker, sebab...

**Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) :** Semua Datuk Speaker.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Johor Jaya telah sebut nama saya...

**Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) :** Yang Berhormat Skudai ini belajarlah...

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Tak da sebut, dia tak sebut nama, Yang Berhormat duduk kejap.

**Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) :** Jangan kacau selalu dengan saya...

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Duduk kejap Yang Berhormat, Yang Berhormat Skudai dia tak sebut nama.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Peraturan 45(13).

**Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya)** : Datuk Speaker, Skudai memang kurang sopan.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Yang Berhormat, dia tak sebut nama dia sebut kawasan aje, jemput.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Saya tahu Datuk Speaker, saya terpaksa berikan penjelasan...

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Tak payah, tak perlu penjelasan Yang Berhormat.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Johor Jaya, dia ni tak faham...

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Skudai, jemput duduk.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ...** dia tak faham apa maksudnya kedaruratan.

**Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya)** : Peraturan pun tak faham.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Yang Berhormat, ikut Peraturan, dia tak menyentuh. Yang Berhormat, dua-dua duduk dulu. Yang Berhormat, jemput duduk. Hormatlah dekat Speaker.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Skudai tidak mematuhi Peraturan Dewan. Kalau Speaker suruh duduk, duduk dulu. Itu Peraturan Dewan.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Duduk dulu. Duduk dulu Yang Berhormat.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Skudai, Speaker suruh duduk, duduk dulu.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Yang Berhormat, faham tak? Jemput duduk. Yang Berhormat, yang sebenarnya beliau tak menyentuh mana peribadi Yang Berhormat cuma dia menyebut apa Yang Berhormat nyatakan tadi, itu adalah kenyataan, jadi jemput Johor Jaya teruskan.

**Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) :** Keratan surat khabar, Yang Berhormat Skudai telah mengeluarkan perkataan tersebut. Yang Berhormat Datuk Speaker kalau berani mengatakan perlulah mengaku, kalau tak berani mengaku jangan tuduh-tuduh yang palsu. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya berharap rakyat Negeri Johor ini akan

dapat melihat dengan lebih jelas lagi bagaimana sikap parti pembangkang, membuat kenyataan atau tuduhan-tuduhan yang tidak berasas sama sekali. Sehingga baru-baru ini telah menyinggung perasaan rakyat Johor dan juga Duli Maha Mulia Sultan Johor tetapi peristiwa ini telah menyatukan semangat dan perpaduan rakyat negeri ini apabila hampir 30,000 orang yang terdiri daripada segenap lapisan rakyat berhimpun menghadap Duli Yang Maha Mulia Tuanku bagi menyampaikan lafaz sokongan dan taat setia kepada Duli Tuanku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyeru kepada rakyat negeri ini untuk terus menyokong Kerajaan Barisan Nasional untuk membolehkan kerajaan ini meneruskan segala perancangan ekonomi dan sosial melalui beberapa projek seperti RAPID dan Pembangunan Wilayah Ekonomi Iskandar yang telah menampakkan perkembangan yang begitu memberangsangkan serta potensi yang amat besar jika dapat diteruskan seperti yang dirancangkan oleh kerajaan sekarang. Apa yang dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional telah banyak kita dapati melalui program transformasi kerajaan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita walaupun beberapa NKRA telah tercapai matlamatnya, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih menekankan lagi penambahbaikannya sehingga ke satu tahap yang lebih tinggi agar negara ini mencapai status sebuah negara pendapatan tinggi dan maju selaras dengan Wawasan 2020.

Yang Berhormat Datuk Speaker, segala program dan perancangan Kerajaan Barisan Nasional ini selaras dengan konsep dan ciri-ciri di mana segala kehendak dan keperluan semasa untuk generasi sekarang dalam menikmati kemajuan ekonomi dan sosial tanpa membinasakan sebarang peluang untuk generasi akan datang terus menikmati semasa mereka meneruskan pembangunan negara ini ke tahap yang lebih tinggi. Kita harus ingat, di mana kita berada sekarang merupakan perancangan dan usaha gigih daripada kerajaan Perikatan sehingga wujudnya Barisan Nasional, semua ini berjalan dengan cara yang terbaik dan bersopan, walaupun kita berhadapan dengan pihak penjajah tetapi tatasusila dan sopan kita masih terpelihara sehingga kita diberikan kemerdekaan. Belajarlah parti pembangkang, maka saya benar-benar berharap budaya tunjuk perasaan jalanan, ganas serta kurang sopan yang dibawa oleh pihak-pihak tertentu ini harus ditolak sekuat-kuatnya bagi memeliharakan keharmonian dan kesejahteraan negara yang tercinta ini. Dengan kata-kata ini, saya menyokong rundingan yang dibawa oleh ADUN Rengit. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih Johor Jaya. Jemput, ada yang lain.

**Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai)** : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumussalam.

**Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai)** : Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kerana telah memberi peluang dan ruang kepada saya untuk bersama-sama menyokong dan berbahas di dalam Dewan yang mulia ini. Sesungguh rakyat Negeri Johor berasa bertuah terutamanya yang berada di Dewan ini apabila Ke bawah Duli

Yang Maha Mulia Tuanku telah berkenan mencemar Duli dan merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima pada 14 Jun 2012 yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita seharusnya bersyukur ke hadrat Allah dengan keizinan dan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku memberikan kita ingatan yang kuat serta iltizam untuk menjalankan amanah dan tanggungjawab kepada rakyat dengan penuh keikhlasan di bawah rahmatNya dengan menyentuh dan membangkitkan semua bidang dalam kehidupan ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Bawah batang ada keli, batang rebah menumpu tanah, usul di bentang jelas sekali, terima kasih, syabas dan tahniah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita sedia maklum di DUN Bukit Permai berbagai-bagai kemudahan dan peruntukan telah terlaksana dengan jayanya. Segala keperluan rakyat di DUN Bukit Permai diagihkan dengan sewajarnya tanpa mengira kaum, agama dan bangsa. Ini jelas membuktikan kerajaan Negeri Johor adalah sebuah kerajaan yang prihatin dan peka dengan hal rakyat dan kesejahteraan rakyat sekali gus telah memberikan kesedaran ke masyarakat untuk menyokong kerajaan Barisan Nasional. Ini jelas terbukti apabila pengundi di DUN Bukit Permai telah meningkat untuk PRU Ke-13 akan datang. Rekod pemerintahan sekian lama Kerajaan Barisan Nasional di negeri ini telah membuktikan bahawa tidak sekali pun kepentingan rakyat pernah diabaikan, semoga segala usaha ini mendapat keberkatan dan perlindungan Allah serta diberi petunjuk dan hidayahNya untuk mencapai tahap negeri yang dilimpahi kebaikan dan beroleh naungan serta keampunanNya insya-Allah. Pohon sirih pohon selasih, tumbuh merimbun di hujung laman, kalungan budi junjungan kasih, menjadi kenangan sepanjang zaman.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan telah merangka satu rangka tindakan yang berasaskan empat tunggak untuk menangani kekangan ke arah transformasi Malaysia kepada sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, perkara yang sama penting ialah tindakan segera dan anjakan minda rakyat untuk melakukan perubahan di samping meningkatkan produktiviti dan inovasi bagi merealisasikan Wawasan 2020. Sementara itu, komitmen dan kegigihan semua pihak yang berkepentingan amat penting dalam usaha menjadi sebuah negara maju. Kita lihat Yang Berhormat Datuk Speaker, hari ini kalau di negara kita yang meyakinkan rakyat adalah perpaduan yang wujud selama ini daripada awal kemerdekaan sampai ke hari ini. Keharmonian, kemerdekaan inilah menjadikan teras perjuangan Barisan Nasional. Saya mengucapkan tahniah kerana Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional kerana janji ditepati, 'Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan'. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita kerana jasa dan jasa baik Kerajaan Negeri maka terbinalah persimpangan bertingkat Senai-Johor telah memberi keselesaan kepada rakyat khasnya di daerah Kulaijaya.

Kalau kita tahu selama ini Yang Berhormat Datuk Speaker, persimpangan Senai sebelum siap pemantauan dilakukan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar. Masa lawatan beliau ke Parlimen Kulai, *personally* beliau memantau, akhirnya waktu itu *jam* teruk Yang Berhormat Datuk Speaker. Kita lihat hari ini kerana keprihatinan Yang Amat

Berhormat Dato' Menteri Besar, saya rakyat di Kulai khasnya bersyukur, berterima kasih banyak kerana kalau dulu mengeluh hari ini dah sedawa. Kerana keselesaan dan tidak ada *jem* Yang Berhormat Datuk Speaker. Dan, Bukit Permai mewakili rakyat, apa ini, daerah Kulaijaya ingin mengucapkan terima kasih dan berpantun. Kuning emas masaknya padi, mawar merah dalam jambangan, terima kasih daun keladi, budi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar jadi kenangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan, ketua-ketua jabatan yang selama ini membantu merealisasikan impian Kerajaan Barisan Nasional yang banyak dah selesainya. Kalau kita kata apa saja yang kita mohon, peringkat jabatan kerajaan, ketua-ketua jabatan daripada peringkat Pegawai Daerah, PTD, YDP, Majlis dan sebagainya, semua Ketua-Ketua Jabatan yang lain, agensi-agensi kerajaan telah tunaikan tanggungjawab. Dan, saya juga ingin memberi satu pantun, Berkejar-kejaran ombak di laut, menyentuh pantai berpasir bersih, budi tuan disebut-sebut, kerja selesai dan terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin merakamkan terima kasih, tahniah kepada JCorp. Tadi sahabat saya Semarang puas memberikan penerangan tentang JCORP dan saya lihat pada berita JCorp ini, Merentas Transformasi Melaksanakan Misi. Di bawah JCorp ini saya rasa hebatnya daripada pengurusan kanan daripada Presiden, Pengurusan Kanan dan semua staf dah berjaya membawa JCorp ke arah JCorp yang baru. Dan yang penting dalam buku ni yang saya tengok adalah sumbangan tunai Johor Corporation kepada Kerajaan Negeri Johor. Tahniah kerana setakat Januari 2012 ini, RM3.5 juta telah disumbangkan, tahniah kepada JCorp dan pengurusan kanan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana selama ini kita mohon jalan ladang daripada FELDA Taib Andak ke FELDA Inas. Hari ini, alhamdulillah, tender pun dah buka, dan kita tunggu masa, itulah. Yang keduanya, kerajaan telah merealisasikan impian pembinaan dewan serba guna FELDA Bukit Permai, ini kawasan saya juga Yang Berhormat Datuk Speaker. Dan saya juga tidak mahu ketinggalan untuk mengucapkan terima kasih kepada Perumahan dan Kerajaan Tempatan terutama kepada Pengerusi kerana menyelesaikan masalah rumah terbengkalai. Jadi di Taman Mawar, ini dulu Yang Berhormat Datuk Speaker, ramai marah. Hari ini alhamdulillah kerana kerajaan hasil daripada kerjasama kita dah dapat Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 7 Disember 2011, ini daripada SPNB.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, jabatan-jabatan lain semua yang telah selama ini memberi dan membantu DUN Bukit Permai.

Akhirnya, sebelum saya menghabiskan masa memberi ruang kepada kawan-kawan saya, tentang tanah perkuburan, ini kaum Hindu. Selama ini saya tak tahu, selama ini tanah perkuburan Hindu Batu 23 ini didatangi oleh Persatuan Pertubuhan Arulmiga Maha Mariamnan Kulai. Dia kata dengan saya dia kata, Yang Berhormat kes ini bawa tanah ini dah wujud 50 tahun, tanah kubur ini belum ada hak milik. Saya mintaklah kepada Kerajaan Negeri supaya, kita dah sedia maklum tanah itu menang tanah perkuburan kaum Hindu, kita mintak diluluskan.

Dan, yang keduanya permohonan, saya nak tahu status permohonan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Swee Lam dan juga SJKT di Bandar Putra, memandangkan kawasan Bandar Putra ini adalah limpahan penduduk. Kalau dulu Sekolah Jenis Tamil, dia ada di ladang, hari ini penduduk-penduduk kaum Hindu ini dah pindah dah, dah beli rumah dekat Bandar Putra ini ramai, saya rasa lebih 1/3. Jadi mereka pun mohon untuk mengadakan, pindahkan balik daripada sekolah ladang kepada Bandar Putra. Dan, status ini saya ingin nak tahu dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sama juga daripada Swee Lam ini untuk ke Bandar Putra, ada permohonan telah dibuat pun. Jadi kalau isu ini dimainkan oleh pembangkang. Jadi saya mintaklah status ini diberitahu dan jelas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mencadangkan bahawa satu penubuhan pusat penumpuan minyak dan gas perlu diwujudkan sejajar di Negeri Johor, sejajar Negeri Johor akan menjadi hab minyak dan gas terpenting di negara ini dan di Asia Pasifik. Tujuan utama penubuhan pusat tersebut adalah untuk dijadikan pusat pendidikan yang banyak menumpukan ilmu pengetahuan tentang minyak dan gas di Negeri Johor khasnya. Dia juga berfungsi menjadi medan untuk meluaskan pengetahuan mengenai sains kejuruteraan dan teknologi kerana ketiga-tiga jurusan ini sangat berkait rapat dengan minyak dan gas. Ini adalah untuk menggalakkan lagi masyarakat di Negeri Johor untuk sama-sama mengetahui kepentingan sains dan teknologi dalam zaman globalisasi ini mahu pun dalam kehidupan seharian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya amat yakin apabila pusat ini diwujudkan, ianya akan dijadikan sebagai pusat lawatan penting bagi sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi untuk memberikan pendedahan awal dan ia mampu menarik minat mereka dalam menceburi bidang sains dan teknologi terutamanya penuntut sekolah rendah dan menengah. Di samping itu juga, pusat ini juga boleh berfungsi sebagai pusat mengadakan aktiviti dan demonstrasi, aktiviti sains, bengkel-bengkel untuk pelajar-pelajar, serta kem motivasi dalam mengetahui dan menjelajahi dunia sains. Apa yang paling penting perspektif negatif masyarakat berkenaan pencemaran alam sekitar dapat diperjelaskan di pusat penumpuan minyak dan gas tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pandangan saya ini adalah sejajar dengan hasrat dan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya kerajaan sentiasa memastikan rakyat dilengkapkan dengan kemahiran di semua peringkat profesional, teknikal dan vokasional untuk membolehkan mereka menjadi tenaga kerja-kerja di bidang-bidang baru di Negeri Johor ini. Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya kita tahu bahang pilihan raya semakin terasa, semakin hampir dengan kita, semakin banyak cerita, semakin banyak yang bercita-cita untuk menjadi calon pilihan raya. Bukan sehari dua ceramah dan bendera dikibarkan di pelosok desa dan kota. PRU Ke-13 telah dibuat andaian akan menjadi pilihan raya paling sengit dalam sejarah. Kenapa andaian ini dibuat, adakah kerana sistem? Adakah kerana takut kalah? Saya tertanya-tanya sistem manakah mahu dituruti oleh pembangkang di negara kita, supaya mereka boleh menambah penguasaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, hakikatnya daripada senario yang ada dalam negara, Kerajaan Barisan Nasional akan tetap gah di mata rakyat jelata. Kita tunggulah dalam PRU Ke-13 Kerajaan Barisan Nasional akan meneruskan penguasaan

dengan majoriti 2/3. Insya-Allah pada tahun ini kita semua akan mengundi memilih pemimpin kita di mana dasarnya akan mencorakkan kehidupan masa depan kita semua. Dan, mungkin Persidangan Dewan kali ini merupakan yang terakhir sebelum kita semua menempuh Pilihan Raya Ke-13. Hari ini juga walaupun tarikh bila Pilihan Raya Umum Ke-13 masih belum diumumkan tetapi tanda-tanda semakin jelas bahawa ia akan dilakukan, diadakan dalam masa yang hampir. Pada pilihan raya umum yang lalu pembangkang gagal melaksanakan manifesto mereka, tetapi berbeza dengan Barisan Nasional yang dapat melaksanakan manifestonya dengan terperinci. Maka saya amat yakin Kerajaan Barisan Nasional akan terus subur dan bertahan di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ketaatan kepada golongan pemerintah tidak menggugurkan kewajipan menegur dan memberi nasihat kepada mereka. Namun ia perlu dilakukan dengan tertib, beradab dan penuh kesopanan. Ingin ditegaskan di sini bahawa kami bersama dan menyokong kerajaan, sedikit pun tidak merasa tergugat dengan kata-kata nista yang dilemparkan itu kerana kami tahu dengan yakin pendirian diambil itu bertunjangkan kejelasan hujah dan kata-kata yang dilemparkan itu pada hakikatnya bukan sahaja mencerminkan kemuflisan hujah tetapi juga kerendahan nilai dan adab para penuturnya. Apa yang dibimbangkan ialah akibat daripada kata-kata tersebut akan melantun kembali kepada mereka yang melontarkannya.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Masa cukup, Yang Berhormat.

**Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya harapan dan impian para pemimpin negara haruslah dijadikan panduan dan *bench mark* atau penanda aras bagi menjadikan kita sebagai suara rakyat yang memahami perjuangan pemimpin dan memelihara bangsa bagi menjadikan semua yang berlaku ada hikmahnya dan menjadikan perhatian dari segenap masyarakat. "Terbang selasih si burung kedidi, terbang berduyun di waktu pagi, terima kasih daun keladi, dilain tahun berjumpa lagi". Akhir kata, Bukit Permai menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Rengit. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih Bukit Permai. Jemput, ada yang lain.
Pulai Sebatang.

**Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) :** Selamat tengah hari dan salam sejahtera. Pertama kali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Rundingan Menjunjung Kasih di atas Titah Perasmian Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di Dewan yang mulia ini, pada 14 Jun yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Titah Perasmian Duli Yang Maha Mulia Tuanku, amat prihatin tentang kesejahteraan hidup keseluruhan seluruh rakyat Johor tanpa mengira kaum, kedudukan, mahupun kawasan. Baginda telah menggesa agar pembangunan ekonomi yang berkembang pesat ini hendaklah memberi kesejahteraan hidup rakyat Johor secara merata, sama ada di bandar mahupun luar

bandar. Pembangunan ekonomi ini hendaklah dilaksanakan dengan cara yang sihat dan tidak menjejaskan alam sekitar agar rakyat boleh hidup sejahtera dalam suasana yang sihat dan aman. Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor juga menegaskan bahawa kesejahteraan hidup tidak akan dapat dicapai seandainya perpaduan yang dibina selama ini musnah dan rakyat berpecah belah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di Dewan yang mulia ini, Pulai Sebatang ingin memperkatakan tentang perpaduan. Perpaduan merupakan satu perkara yang penting dalam masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia. Perpaduan yang kukuh di antara setiap kaum dalam satu negara yang akan menentukan kestabilan bukan sahaja politik, malah kestabilan ekonomi yang mana semua kaum akan mendapat keuntungan daripadanya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di Negeri Johor sejarah persefahaman dan perpaduan ini telah bermula semenjak tahun 1844. Kepercayaan di antara kaum terutamanya kaum Cina, Melayu serta pihak Istana telah terbukti apabila Temenggung Daing Ibrahim memperkenalkan Sistem Kangcu pada 9 Ogos, 9 Oktober 1844, yang mana sungai yang pertama telah diberikan kepada seorang pekebun Cina yang memulakan penanaman gambir dan lada hitam sehingga menjadikan Negeri Johor pada ketika itu dikenali sebagai pengeluar utama gambir dan lada hitam. Kejayaan ini tidak akan dapat dicapai seandainya tiada persefahaman, kepercayaan dan perpaduan yang kuat di antara kaum.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perpaduan yang kukuh akan menjamin kestabilan politik, ekonomi, keselamatan dan kesejahteraan semua rakyat lebih-lebih lagi di zaman globalisasi ini. Sama ada suka atau tidak kita perlu memperkukuhkan lagi perpaduan yang ada untuk menghadapi cabaran dari luar. Namun, seandainya tiada perpaduan maka tiada kestabilan dalam apa pun boleh dicapai dan negara boleh menjadi huru-hara. Kepada pihak pembangkang janganlah dimusnahkan perpaduan sedia ada hanya untuk memuaskan nafsu politik sesetengah pihak. Pulai Sebatang ingin mengingatkan parti pembangkang dalam mengejar kepentingan politik jangan sampai mereka sanggup menjejaskan perpaduan kaum sedia ada serta memecahbelahkan kaum di negeri, di negara ini kerana tanpa perpaduan tiada satu kestabilan pun dapat dicapai dan kerugian ini bukan sahaja ditanggung oleh pihak malah parti pakatan pembangkang juga akan rasa kesannya.

Pulai Sebatang berpendapat daripada pihak pembangkang sentiasa cuba untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat, adalah lebih baik bagi mereka untuk menunjukkan kebolehan mereka yang mana ia lebih memberi manfaat kepada rakyat sepertimana yang pernah dititahkan oleh Duli Yang Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor tempoh hari, "Bersatu kita kuat, bercerai kita runtuh".

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pulai Sebatang ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan kerana usaha untuk pembangunan ekonomi yang dilakukan selama ini telah mula menampakkan hasilnya. Program Transformasi Ekonomi Negara (ETP) telah mula dirasai di segenap negara dan Johor merupakan antara negeri yang mendapat banyak faedah daripadanya apabila lebih 30% daripada nilai projek permulaan di seluruh negara dilaburkan di Negeri Johor. Dari

segi pelaburan, Negeri Johor telah mencapai pelaburan lebih RM2 bilion, manakala Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia sehingga kini telah merekodkan pelaburan komited berjumlah RM87.56 bilion. Perkembangan pesat ekonomi negara umumnya dan Johor khasnya jelas membuktikan usaha bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional telah disambut baik dan mula memberi lebih keyakinan kepada majoriti rakyat dan apa yang dikatakan oleh pembangkang bahawa Johor akan bankrap adalah tidak benar sama sekali.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pembangunan ekonomi yang begitu pesat di Negeri Johor telah menarik lebih ramai warga asing datang dan bermastautin di Negeri Johor, Pulai Sebatang ingin bertanya, adakah ini menunjukkan Program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) yang diperkenalkan kerajaan berjaya dan disambut baik oleh mereka? Berapa ramaikah warga asing yang bermastautin di Negeri Johor ini yang menyertai Program MM2H ini dan daripada negara manakah yang paling ramai menyertai program ini?

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkembangan pesat ekonomi di Negeri Johor ini juga telah menyebabkan nilai pasaran hartanah khususnya rumah kediaman melambung tinggi namun begitu, keadaan ini telah disedari oleh kerajaan dan dalam Program ETP telah diperkenalkan pelbagai Program Perumahan Rakyat seperti Rumah Mesra Rakyat, Rumah Mampu Milik dan juga Rumah Rakyat Termiskin yang agak selesa. Di Dewan yang mulia ini, Pulai Sebatang ingin bertanya berapa banyakkah Rumah Mampu Milik dan Rumah Mesra Rakyat telah dibina di seluruh Negeri Johor? Berapa banyak yang telah mula didiami? Dan, berapakah harganya seunit? Berapa banyakkah permohonan bagi program rumah sebegini di seluruh Negeri Johor dan berapakah yang telah diluluskan?

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini di kawasan saya telah berlaku bencana angin ribut yang sangat kuat, yang mana telah merosakkan banyak rumah-rumah setinggan di kawasan Pontian Besar dan Sungai Dungun. Walaupun, tiada nyawa yang terkorban tetapi bencana ini telah menimbulkan trauma kepada penduduk setinggan di kawasan tersebut. Bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan hidup rakyat dan untuk mengelakkan kejadian bencana seperti ini berlaku lagi, Pulai Sebatang amat berharap agar kerajaan dapat menyediakan tanah untuk membenarkan penduduk-penduduk setinggan khususnya yang dikenal pasti berada di kawasan bahaya yang selalu ditimpa bencana ke kawasan yang lebih selamat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucap jutaan terima kasih kepada semua jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat bekerjasama membantu saya dalam mengatasi permasalahan di kawasan DUN Pulai Sebatang. Dengan ini saya menyokong Rundingan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat DUN kawasan Rengit. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih Pulai Sebatang, jemput ada yang lain, Kukup.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Bismillahirrahmaanirrahim, pertama-tama saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan

Datuk Speaker, kerana memberi ruang kepada saya dalam Perbahasan Usul Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang kita kasihi.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Yang Berhormat, agak-agak ucapan tu panjang tak?

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Dalam setengah jam gitu.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Oh, kalau setengah jam duduklah dulu, Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Terima kasih.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2:30 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1:10 petang.**

**Persidangan di sambung semula pada jam 2:30 petang.**

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker kerana memberi ruang kali ke-2 untuk saya berucap pada petang ini dan terima kasih kerana membenarkan saya berucap lebih kurang 1 jam.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Kata nak cakap setengah jam dah bagi 1 jam duduk jelah. (Dewan ketawa).

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Setengah jam, terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih juga yang tidak terhingga kepada Dato' Menteri Besar yang telah datang membuat lawatan kerja ke Tanjung Piai pada 17 dan 18 lalu, dan ianya merupakan lawatan seperti bersama dengan Malaikat Mikail yang menurunkan rezeki dari Allah dan begitu banyak isu-isu permohonan dan keperluan rakyat di Tanjung Piai telah dapat dipenuhi dan dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, lebih daripada 300 geran tanah atas air dan ini merupakan sejarah untuk negara kita yang mana geran tanah diberikan kepada penduduk di atas air dan dengan membawa juga peruntukan yang diberikan kepada NGO-NGO untuk semua kaum dan saya juga mendapatkan peruntukan daripada Yang Amat Berhormat mendirikan masjid dan dewan baru dan pelbagai lagi yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa lawatan tersebut sehinggakan ada rakan-rakan saya yang iri hati Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kukup amat sungguh terharu walaupun terbukti Baginda Tuanku amat prihatin dan bermurah hati terhadap rakyat di Negeri Johor yang mana kita dapat saksikan dengan sambutan yang begitu ramai dan sesak semasa program Kembara Mahkota di semua daerah yang dilawatinya dan dengan rakyat yang sanggup berdiri menunggu untuk melambaikan tangan di sepanjang jalan

laluan rombongan Tuanku Sultan dan ini semua menandakan rakyat Johor begitu sayangkan Tuanku, tapi ianya masih disalah anggap dengan sengaja oleh sesetengah pihak hanya untuk kepentingan peribadi politik yang cetek dan sempit. Tidak berapa lama dulu Kukup pernah diberi peluang untuk menghadap dan mengadukan kepada Tuanku Sultan akan masalah rakyat miskin yang masih ada tertinggal dalam kawasan Tanjung Piai yang ada di antaranya rakyat yang miskin tidak mampu untuk membuat rumah sendiri ataupun tinggal dalam rumah yang begitu usang dan setelah mendengar aduan daripada Kukup, Tuanku Sultan dengan spontan terus bersetuju menyumbang sejumlah 3 buah rumah hibrid 3 bilik untuk dibina dan diberikan kepada rakyat di dalam kawasan Tanjung Piai dan perkara ini sedang Kukup laksanakan. Inilah sifat mulia Tuanku yang tidak gemar mengheboh-hebohkan ataupun mewar-warkan segala keprihatinan dan kebajikan yang telah Tuanku hulurkan kepada rakyat Johor. Daulat Tuanku, kami rakyat Johor menjunjung kasih dan taat setia kepada Tuanku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya Kukup sehingga hari ini merasa begitu terharu akan apa yang telah berlaku kepada sahabat saya iaitu ADUN Mengkibol, tak ada dia hari ini.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Kenapa?

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Yang mana semalam telah pun mengadukan hal tentang masalah yang dihadapi apabila sesuatu malapetaka berlaku ataupun ribut berlaku dalam kawasan beliau yang mana kata beliau terpaksa mencari peruntukan, menunggu peruntukan untuk menggantikan zink dan tadi juga beliau ada mengadu kepada kita, katanya setiap malam sebelum tidur terpaksa buat sembahyang hajat, apa lagi kalau petang tu ada ribut, ada angin sikit-sikit terus membuat sembahyang hajat meminta ribut dialihkan ke tempat lain bukan di kawasan beliau. Dan perkara sedemikian ini saya rasa untuk ADUN-ADUN daripada parti Barisan Nasional, saya rasa perkara ini tidak menjadi masalah kepada kita semua sebab saya bagi tahu kepada dia, "Yang Berhormat kita ADUN Barisan Nasional ini belum pun ribut turun kita dah sediakan zink untuk orang-orang kampung", jadi tadi saya memberi tip kepada beliau kalau boleh akan datang ini isi borang UMNO dan bertanding atas tiket UMNO, segala masalah yang beliau hadapi itu, insya-Allah dapat kita bantu sebagaimana kita semua ADUN Barisan Nasional. Dan beliau juga mengatakan masalah rumah murah, saya di DUN Kukup ataupun di Parlimen Tanjung Piai, saya ingat setakat ini untuk dapatkan rumah murah di kawasan saya memang tidak menjadi masalah di sana, jadi itulah mungkin kerana beliau ataupun bertanding atas tiket parti yang silap maka segala permasalahan beliau sampai ke hari ini tak dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita kerana telah dapat menyelesaikan masalah Dana Johor yang mana begitu lama sekali rakyat di Negeri Johor mengharapkan dan ini juga merupakan satu sejarah untuk diri saya yang saya tak pernah dengar kalau kita biasanya kita membeli saham ataupun kita *invest* dalam saham, biasanya dalam saham ini terpulang kepada perniagaan tersebut kalau dia menunjukkan keuntungan, alhamdulillah kita dapat untung kalau tidak sebaliknya kita akan menanggung kerugian. Dan ini adalah sejenis perniagaan sebenarnya tetapi di sini saya begitu kata orang *admire* ataupun dengan izin, terhadap Kerajaan Negeri Johor walaupun saham tersebut telah jatuh ke paras

berpuluh lebih sen tetapi Kerajaan Negeri masih lagi sanggup membeli harga saham tersebut dengan RM1.00.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Yang Berhormat banyak beli Dana Johor?

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Saya tak sempat waktu tu yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Oh, tak sempat.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Nasib baik jugalah tapi waima pun sekarang pun nasib baik lagi sebab beli pun dapat lagi modalnya dan segala kata orang tu kebaikan ini tidak pernah di apa, kata orang tu, di *appreciate* ataupun dihargai oleh pihak pembangkang. Hari ini kita tengok macam-macam tuduhan yang mereka lemparkan kepada Kerajaan Negeri. Tetapi walaupun dengan hampir RM300 juta yang Kerajaan Negeri terpaksa tanggung untuk membeli balik saham-saham ini, Kerajaan Negeri masih tetap juga memastikan rakyat diutamakan sebagaimana yang kita war-warkan rakyat didahulukan, inilah yang sedang kita laksanakan. Dan di sini saya juga ingin membuat satu usul kepada kerajaan yang mana saya rasa untuk Skim Perkhidmatan Awam Negeri Johor pada masa ini kalau kita tengok pada tahap Setiausaha Kerajaan Negeri masih lagi di tahap JUSA A yang mana kalau kita lihat Skim JUSA A ini samalah dengan, kalau kita bandingkan dengan kakitangan kerajaan daripada *Federal* contohnya Pengarah JKR Negeri juga pada kedudukan di tangga JUSA A dan memandangkan negara kita, Negeri Johor ini merupakan negeri yang ke-5 terbesar di peringkat keluasannya dan daripada segi ekonominya menyumbangkan, apa tu, GDP nya yang ke-3 terbesar dan daripada 6% yang keseluruhan peningkatan GDP untuk Negara Malaysia, lebih 2% adalah datangnya daripada Negeri Johor dan di sini saya ingin menyarankan supaya Kerajaan Negeri menstrukturkan ataupun meningkatkan tahap JUSA untuk Setiausaha Kerajaan Negeri Johor kepada Turus iaitu saya rasa lebih berketepatan sepatutnya kita melihat perkara ini dengan serius. Dan Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya juga terfikir pagi tadi tentang kedudukan Wakil Rakyat di Negeri Johor ini dan untuk kali ini saya pun telah *declare* tak masukkan nama saya untuk bertanding lagi, jadi hari ini saya perjuangkan untuk rakan-rakan saya semua.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Nak tambah elaun ke Yang Berhormat?

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Elaun untuk Wakil Rakyat.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Oh.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Saya lihat di sini elaun untuk Wakil Rakyat, kalau saya tak silap kita terima cuma lebih kurang RM6,000.00 sebulan ye elaun Wakil Rakyat dan dalam RM6,000.00 yang kita terima setiap bulan itu, jumlah yang kita jaga ataupun yang kita menjaga dalam kawasan kita ada yang lebih 30,000 penduduk ada yang 50,000, ada yang sampai ke 60,000 dalam satu-satu kawasan ADUN itu. Jadi bila saya bahagikan jumlah 60,000 penduduk dalam satu kawasan dengan hanya mendapat elaun RM6,000.00 sebulan, bermakna kita ini menjaga, kata

orang, setiap penduduk itu dengan kadar RM0.01 satu orang, betul? Tak ada tepuk pun.. tepuklah sikit (Dewan bertepuk). Macam tak setuju, saya ini perjuangkan dia orang ini. Jadi kalau kita tengok, saya tengok balik kepada Ketua Kampung, saya tengok Ketua Kampung yang mendapat elaun RM800.00 sebulan, elaun eh. RM800.00 sebulan, dalam kampung biasanya ada di antara 400 dalam sehingga paling tinggi pun 1,000 lah, 800 oranglah dan saya mengira puratanya kalau 800 orang dijaga dengan RM800.00 sebulan ini bermakna Ketua Kampung menjaga dengan elaun RM1.00 satu orang. (Dewan ketawa). Saya kesian sangat dengan ADUN-ADUN ini sebab RM0.01 satu orang kalau kita kirakan pada per kapita….

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Itu pun berebut Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Itu pun berebut.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Nak jadi calon.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Macam-macam, kalau dah dapat serik, tapi serik-serik dia macam masam-masam tapi nak lagi, Yang Berhormat Datuk Speaker, yang macam orang beranak lagi, macam sahabat kata, dia tahu sakit tapi dia nak juga. (Dewan ketawa). Jadi inilah masalah Wakil Rakyat. Jadi di sini bukan apa, saya sekadar menceritakan bagaimana RM0.01 kita menjaga 1 orang dengan Ketua Kampung tu. RM1.00 satu orang tetapi kalau kita tengok Ketua Kampung kita tak panggil Yang Berhormat tak, kita panggil Pak Naib, rakan-rakan saya ini semua Yang Berhormat, Yang Berhormat terima kasih datang. Sungai Abong, minta maaf, Bukan Mengkibol, Sungai Abong. Tentang ini juga Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker kalau boleh pihak Kerajaan Negeri Johor fikir-fikirkanlah untuk elaun ADUN di Johor ini dan juga untuk SS kita di Negeri Johor ini. Sepatutnya dah masuk ke tahap Turus bukan lagi masih di tahap JUSA.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Yang Berhormat cadang agak-agak berapa banyak untuk ADUN?

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Kalau saya yang membuat keputusan..

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Cadang jelah.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Tak, cadang tu tak sedap, kalau saya buat keputusan, kalau pen ada kat tangan saya, saya rasa paling-paling tidak, rakan-rakan saya ini dapat paling-paling tidak Yang Berhormat, RM20,000.00 paling sikit. Setuju? (Dewan bertepuk).

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Lagi ramai berebut nak jadi Wakil Rakyat. (Dewan ketawa).

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Sahabat saya kata lebih sikit dia nak *up* lagi sikit tapi rasa-rasa RM20,000.00 yang saya cadangkan tu memang saya ingat amat berpatutan kerana Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, tugas seorang Wakil

Rakyat ini, dia tak ada waktu, dulu waktu saya berniaga hari Sabtu, Ahad, saya bersama dengan keluarga.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker** : Boleh main golf eh?

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Boleh main golf. Tetapi apabila saya, kata orang tu terlibat dalam dunia politik dan menjadi Wakil Rakyat, Sabtu, Ahad memang dah tak jumpa. Semua dekat rakyat. Jadi, bayangkan tugasnya tak tentu masa. Yang macam mana yang Sungai Abong katakan tadi. Nak tidur malam terpaksa sembahyang hajat mintak angin dipindahkan. Takut datang angin habis semua atap rumah orang sepuluh. Macam mana nak jawab? Dan di sini juga saya tertarik tadi, Sungai Abong dah ada tadi lantas saya terus keluarkan surat khabar ni. Tadi waktu makan saya terfikir apa lagi nak cakap. Jadi, saya tengok, semalam Sungai Abong ada beritahu Yang Berhormat Datuk Speaker, dia kata dia bagi *tips* pada orang UMNO. Sekarang ni orang UMNO nak bagi *tips* pula pada dia. *Tips* nya, bila saya bacakan surat khabar hari ini, katanya, PAS Bantah Bina Sekolah Agama. (Dewan ketawa). Surat khabar ni. PAS Bantah Bina Sekolah Agama. Jadi, kita tengok dulu, beberapa bulan yang lalu, ada seorang ahli PAS yang memperjuangkan Islam dalam PAS. Siapa namanya kalau saya tak silap,...

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker** : Tak payah sebut nama Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Tak sebut nama. Akhirnya ke mana dia? Dia dipecat daripada PAS. Kerana apa? Kerana memperjuangkan Islam, kerana memperjuangkan jangan sampai orang Islam jadi murtad. Terkeluar daripada PAS. Kesian dia. Hari ini PAS terang-terang dia kata dia tak setuju. Bantah bina Sekolah Agama. Jadi hari ini, saya nak bagi *tips* pada orang PAS. Kalau nak *stay in* PAS, dengan izin, kalau masih nak duduk kat kerusi PAS, jangan sekali-kali perjuangkan Islam. Betul Yang Berhormat? Kalau perjuangkan Islam saja, terkeluar daripada PAS. Jadi, itulah *moral of the story* nya. Jadi, *tips* nya itulah.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker** : Masa cukup Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Ya.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker** : Masa cukup.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Kata tadi…

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker** : Nak bagi peluang kat kawan yang lain tu.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Saya laju-laju sikit. Laju-laju sikit Yang Berhormat. Saya juga ingin menyentuh tentang projek pelebaran jalan kampung, Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang mana sebelum ini, ada juga program pelebaran jalan kampung tetapi saya lihat banyak antara jalan-jalan kampung yang dilebarkan tu, kualitinya saya ingat tak mengikut piawaian. Yang mana setelah 2,3 bulan habis terbongkas jalan-jalan tersebut. Jadi, kali ini saya amat mengharapkan kepada pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan, melaksanakan projek untuk melebarkan

jalan ini, pastikan kekuatan kepada jalan yang ingin di lebar ini. Kalau boleh, pastikan ianya dapat menampung. Kerana hari ni kita tengok kekuatan jalan kampung, kalau kita tengok, apabila saya tanya, katanya, kekuatannya adalah dalam lingkungan 5 tan. Tetapi hari ini kita tengok, ada lori yang melebihi 5 tan yang mengangkut kelapa sawit menggunakan jalan kampung dan kita sebagai Wakil Rakyat, kadang-kadang kita jenuh, Yang Berhormat Datuk Speaker, sebabnya kita tampal, besok rosak, kita tampal, besok rosak. Tak tampal, ADUN tak buat kerja. ADUN juga. Kesian ADUN. Jadi itulah, saya perjuangkan untuk ADUN supaya *allowance* tu balik. *Allowance* tu dinaikkan. Sebab, telinga ADUN ni kadang-kadang pun dia kena insurans sikit juga. Sebab asyik kena marah saja. Dan apa yang rakan saya, Tang Nai Soon, Y.B. Pekan Nanas, membawa masalah semalam. Ini adalah satu contoh, satu projek yang kalau kita tidak integrasikan dia cara yang betul, jalan dah siap tapi tiang lampu tengah jalan. Itu yang saya tengok bila saya lalu sendiri jalan tu, apa kerja macam ni? Jalan dah siap dilebarkan tapi tiang masih tengah jalan. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati oleh penduduk kawasan sekeliling, yang akhirnya, oleh kerana kerja-kerja ini tidak dilaksanakan dengan betul, yang mendapat implikasinya adalah parti politik, yang mendapat implikasinya adalah Barisan Nasional. Yang mana disalahkan kepada Barisan Nasional yang tidak membuat kerja betul. Tetapi sebenarnya, sepatutnya perkara ini tidak perlu terjadi. Dan, saya juga ingin menanyakan dalam Dewan yang mulia ini.

Apa jadi kepada satu ura-ura kerajaan untuk mengenakan levi kepada kenderaan-kenderaan Singapura? Sampai hari ini pun masih tak dikenakan levi. Saya melihat kalau Kerajaan Singapura, apa dia nak buat pun, dia akan *implement*. Apa yang dirancang, dia akan laksanakan. Tetapi, berbanding dengan kita, kita dah rancang, kita dah pasang sistem untuk membuat kutipan levi, akhirnya dia tidak dilaksanakan. Saya difahamkan sudah RM10,000,000.00 dibelanjakan untuk memasang sistem untuk mengutip levi ini. Tapi akhirnya,kita dah rancang, kita dah bina sistem tersebut tetapi akhirnya tak jadi dilaksanakan. Dan hari ini kita tengok begitu banyak sekali kereta-kereta Singapura yang nak masuk ke dalam Negara kita kadang-kadang kita rasa kita ni jadi anak tiri. Sebab kita kena bayar *road-tax*. Tetapi mereka boleh gunakan jalan kita bila-bila masa tak perlu bayar *road-tax* cuma perlu bayar tol dengan harga berapa ringgit sahaja di *toll booth* tersebut. Tapi untuk masuk ke Singapura kita kena ada *cash card*. Kita kena bayar. Dia tak peduli, kita kena bayar. Tetapi kita, apabila kita nak buat sesuatu tu kita takut. Kita dah rancang tetapi akhirnya kita tarik balik. Kita rancang, akhirnya kita tarik balik.

Kita tengok saja pencerobohan udara oleh jet pejuang Singapura. Saya pernah baca surat khabar, dia kata lebih daripada 2,000 kali, jet pejuang Singapura ni dah menceroboh ruang udara kita. Tetapi akhirnya telah kita ni samalah menjadi, kata orang tu, memberi amaran. Kita ni cukup bagus dalam memberi amaran. Memang *first class*. Ada yang dikategorikan memang *very* kata orang *to extend*. Amaran. Setakat itu sahaja.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker** : Ok. Masa cukup Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup):** Sikit lagi Yang Berhormat, sikit je lagi. Apa kata, kita bawak jet pejuang kita pergi berlegar di ruang udara dia. Kalau tak

kena tembak dah kira baguslah Yang Berhormat Datuk Speaker. Kita ni, saya sebab apa saya bangkitkan perkara ini, saya balik saya tengok tak tahan telinga dengar. Orang kampung yang sakit tu bertambah merana mendengar. Ini dah saya bangkitkan sebelum ini. Tetapi tak ada apa pun. Tak ada apa pun tindakan, masih lagi jet pejuang *Singapore* masuk dalam ruang Malaysia, melintas dalam ruang udara kita dengan bunyi yang bising, dengan begitu rendah, tetapi apa tindakan kita? Takkan lah seterusnya kita, amaran! amaran! amaran! Jangan amaran. Itulah yang kita, kata orang yang paling bijak kita memberi amaran. Kita mulakan dengan tindakan. Sekurang-kurang bila lalu kita lastik. Tak dapatlah. Ini Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah yang kita hadapi. Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga Dewan ini dan kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan yang bersama-sama kita sepanjang 4 tahun lebih saya duduk dalam Dewan ini. Dan mungkin ini merupakan Dewan kali terakhir untuk saya.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker** : Yang Berhormat nak pergi Parlimen ke?

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Insya-Allah. Doakan Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi, saya di kesempatan ini memohon maaf ampun dan maaf jika ada apa kesilapan ataupun terkasar bahasa saya, kadang-kadang dalam Dewan ini. Dewan ini dia ada gema dia, dia ada aura, dia ada, bila bercakap ni bersemangat. Jadi, kadang-kadang kita tak, kata orang tu terlepas kata, jadi saya memohon ampun dan maaf dan terima kasih banyak-banyak kepada Datuk Timbalan Speaker kerana begitu prihatin dengan segala permasalahan yang kita bentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Dengan itu saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker** : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh. Ada lagi Ahli Yang Berhormat yang nak berucap. Jemput.

**Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) :** Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Selamat Pagi, Selamat Sejahtera, Selamat Petang, minta maaf, Selamat Sejahtera dan salam mesra dan salam 1 Malaysia. Terlebih dahulu saya berasa bersyukur dan ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kerana diberi peluang dan kesempatan ini untuk menyertai perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dan dalam Titah Ucapan Persidangan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku, Tuanku telah mengingatkan betapa pentingnya kita mengekalkan keamanan yang telah kita nikmati selama ini. Keamanan adalah batu asas kepada segala kemajuan dan pembangunan, tanpa keamanan, tanpa kemajuan. Tetapi sejak kebelakangan ini, ada anasir-anasir dan pihak yang tertentu berniat untuk menjejaskan keamanan yang kita nikmati selama ini.

Oleh sebab itu, rakyat perlu sedar dan memahami segala yang benar. Jangan dipengaruhi oleh cakap-cakap bohong dan cakap-cakap manis. Maklumat-maklumat palsu dan fitnah itu dan tuduhan palsu dan percakapan yang tidak berasas dan tidak berfakta oleh pihak tertentu tidak akan dapat memenangi hati dan keyakinan rakyat.
Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kita perlu bersyukur kerana Malaysia yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan agama dilindungi daripada kekacauan dan persengketaan. Walaupun, masih ada pihak yang cuba mengganggu gugat

ketenteraman dan keamanan Negara dengan membangkitkan isu-isu yang bukan-bukan bagi agenda peribadi mereka. Tetapi rakyat yang mencintai perpaduan tidak akan mudah terpengaruh dengan hasutan itu. Mereka tetap akan mengekalkan perpaduan demi kesejahteraan tanah air yang tercinta ini. Sehubungan itu, kita masih perlu berhati-hati dan berwaspada serta menyediakan diri dengan sepenuhnya untuk menghadapi segala kerumitan dan cabaran yang kadang-kadang berlaku hanya dalam sekelip mata dan tidak dapat disangka. Hanya dengan penuh persediaan, keteguhan dan kesungguhan, bolehlah kita dapat mempertahankan dan memperkukuhkan kedudukan kita dalam dunia yang begitu mencabar dan bersaingan sengit itu.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, untuk menjamin Negara terus berada di hadapan keluk kejayaan, konsep 1 Malaysia ini sebagai satu imperatif, imperatif politik yang penting kepada perpaduan nasional. Melalui inisiatif konsep 1Malaysia, pemupukan dan perkukuhkan perpaduan nasional akan bergerak secara lebih terarah, kemas dan jitu. Sungguhpun kita terdiri daripada berbagai agama, bangsa, dan suku mahupun keturunan, kita semua harus insaf bahawa di bumi Malaysia kita dilahirkan, di bumi inilah kita mencipta kehidupan dan di bumi inilah kita bersemadi. Janganlah kita membiarkan sentimen politik jangka pendek mewarnai cara kita berpolitik di Negara bertuah ini. Saya yakin bahawa pelaburan yang kita buat dalam usaha memupuk dan mengukuhkan perpaduan nasional adalah pelaburan yang berbaloi kerana masa depan anak-anak kita dan kelangsungan Negara kita bergantung kepadanya. Maka di bumi inilah, juga kita wajib menumpahkan janji taat dan setia.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, tidak dapat dinafikan bahawa rakyat semakin bijak membuat penilaian secara kritikal ke atas setiap perlakuan kita. Justeru, bila rakyat menilai kepimpinan sektor awam dan politik, apa yang ingin diukur oleh mereka ialah pencapaian. Kepimpinan berteraskan pencapaian adalah kemuncak penilaian kepada pemimpin. Maka, kepentingan rakyat merupakan salah satu aspek yang perlu diutamakan dalam mencapai sasaran petunjuk prestasi utama iaitu KPI oleh pihak pemimpin kerajaan mahupun penjawat awam. Petunjuk prestasi utama iaitu KPI, bukan sekadar berkisah kepada prestasi pekerjaan semata-mata, sebaliknya terletak kepada kecekapan dalam memenuhi dan memuaskan kehendak rakyat baik aspek perkhidmatan mahupun usaha untuk meningkatkan pendapatan, menyelesaikan masalah dan sebagainya. Maka KPI sebenar bergantung kepada kemampuan kita sebagai pemimpin atau penjawat awam memenuhi kehendak rakyat. Dan rakyat yang berpuas hati ialah rakyat yang akan terus bersama dengan Kerajaan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebuah negara mesti membuat sesuatu yang luar biasa atau di luar kotak, sekiranya ia ingin memaju dan melakukan transformasi, Manusia lazimnya suka kepada zon selesa iaitu *comfort* zone dengan izin. Hanya ingin buat perkara kita biasa saja. Dan sikap ini tidak akan meningkatkan kita sebab dunia sentiasa berubah dan bersaing sengit. Transformasi dan perubahan tidak akan datang bergolek, ia merupakan sifat semula jadi manusia bagi menolak perubahan dan berpegang kepada cara dan benda serta perkara kita biasa saja. Ada sesetengah manusia rasa takut dan terancam dengan perkara baru atau

perubahan kerana perlu melakukan perkara yang dengan cara atau kaedah yang berlainan. Jadi, kita perlu berubah sikap dan perlu berani melakukan perubahan dan transformasi demi mempertingkatkan status kita di dunia ini.

Justeru itu, program transformasi negara yang di terajui oleh kerajaan untuk mempertingkatkan dan mentransformasikan negara kita sebagai sebuah negara yang maju dan rakyatnya berpendapatan tinggi perlu disokong dan diamalkan semua pihak.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Lebuh Raya EDL iaitu Lingkaran Penyuraian Timur telah dibuka pada 1 April. Pembukaan EDL ini telah memberi banyak manfaat kepada pengguna lebuh raya itu. Ia telah banyak memudahkan perjalanan di dalam Bandaraya Johor Bahru, ia juga dapat melegakan kesesakan lalu lintas di Jalan Tebrau Johor Bahru itu. Penduduk di Johor Bahru dan pengguna lebuh raya EDL ini sangat memuji usaha dan niat baik kerajaan itu. Saya percaya dengan pembukaan lebuh raya EDL itu, ia juga akan dapat membantu dan mendorong aktiviti komersial di Bandaraya Johor Bahru itu. Boleh dikatakan pembukaan lebuh raya EDL itu telah mempertingkatkan imej dan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan Barisan Nasional.

Sehubungan itu, saya ingin bercadang bahawa Kerajaan Pusat mengambil alih Lebuh Raya EDL tersebut daripada pemegang konsesi iaitu syarikat MRCB. Saya yakin dan percaya Kerajaan Pusat mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk membeli balik Lebuh Raya EDL itu demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat, agar rakyat menikmati kemudahan ini dan menggunakan Lebuh Raya EDL itu dengan secara percuma.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di bawah rancangan RKK iaitu Rancangan Kawasan Khas, sebahagian saja kawasan rumah kediaman di Jalan Serampang, Taman Pelangi telah di zonkan semula menjadi kawasan komersial. Tujuan rancangan tersebut adalah untuk merancang semula kawasan tersebut mengikut kesesuaian aktiviti di kawasan tersebut, tambahan pula rancangan ini juga bertujuan untuk menambah nilai kepada kawasan tersebut. Boleh dikatakan, pelaksanaan rancangan itu di kawasan tersebut telah mencapai matlamat dan tujuannya. Sejak pelaksanaan rancangan itu hingga hari ini nilai hartanah di kawasan tersebut telah meningkat empat kali ganda.

Sehubungan itu, saya ingin bercadang semula bahawa seluruh rumah kediaman di sepanjang Jalan Serampang bukan sebahagian seperti sedia ada sekarang. Seluruh rumah kediaman di sepanjang Jalan Serampang di Taman Pelangi itu dizonkan semula menjadi kawasan komersial. Memandangkan keadaan terkini dan kesesuaian aktiviti di kawasan tersebut. Saya percaya cadangan ini akan dapat memenuhi dan mencapai matlamat rancangan tersebut serta mencapai situasi menang-menang kepada pihak kerajaan dan juga pihak masyarakat umum di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita juga perlu berasa bangga dan gembira bahawa lebih 30% daripada nilai projek permulaan di bawah program transformasi ekonomi negara itu di seluruh negara dilaburkan di Negeri Johor. Perkembangan ini pasti akan memberi impak yang ketara dan positif, khususnya di bidang ekonomi di Negeri Johor

ini. Sehubungan itu, saya juga berharap Kerajaan Negeri dapat memantau dan mewujudkan satu mekanisme agar peniaga, pembekal dan kontraktor dan lain-lain dari Negeri Johor diberi keutamaan untuk mendapat manfaat daripada projek-projek tersebut.

Apa makna dan erti kemajuan dan pembangunan yang dijalankan di Negeri Johor ini sekiranya peniaga, pembekal dan kontraktor tempatan kurang mendapat manfaat daripada projek-projek tersebut?

Menurut statistik, kadar jenayah jalanan seperti kes ragut dan rompakan di Johor Bahru telah menurun. Tetapi, pada hakikatnya ini, kami masih sering kali mendengar dan menyaksikan serta membaca laporan akhbar tentang berlakunya kes ragut dan rompakan itu.

Ada warga Johor Bahru khuatir tentang keselamatan diri sendiri dan khuatir keadaan seperti satu ketika dulu akan kembali. Boleh dikatakan persepsi orang awam terhadap keadaan keselamatan di Johor Bahru masih kurang meyakinkan.

Oleh sebab itu, saya berharap pihak PDRM dapat mempertingkatkan lagi kekerapan rondaan Polis, dan juga mempertingkatkan lagi usaha-usaha mereka untuk menangani kes-kes jenayah itu dengan secara *efisien* dan dengan secara lebih berkesan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya sangat setuju dengan apa yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu segala perubahan perlu dimulakan dari peringkat atas. Perlu bermula dari pucuk pimpinan tertinggi, sekiranya pucuk pimpinan atasan berubah dan bersikap jujur, amanah dan efisien, ia akan jadi satu contoh dan tauladan yang baik. Dan orang di bawah akan mengikut dan mencontohi tauladan itu. Memimpin melalui tauladan adalah amanat yang sentiasa di tegaskan dan dititikberatkan. Pucuk pimpinan perlu sentiasa mengambil berat dan mengamalkan prinsip ini dengan penuh dengan sepenuhnya agar ia dapat mencetuskan perubahan yang sentiasa di tegas oleh kerajaan dan kerap kali dituntut oleh rakyat jelata.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Masa cukup Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang)** : Ok, terima kasih. Dan dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Rengit itu. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih Stulang, jemput yang lain. Layang-Layang.

**Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumussalam.

**Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) :** Salam sejahtera, Bismillahirrahmaanirrahim, bersyukur saya kepada Allah SWT kerana dapat bersama dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk turut sama menjunjung kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Ketika Perasmian Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 pada 14 Jun yang lalu. Titah Tuanku kesejahteraan hidup yang lebih baik hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berterusan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kesejahteraan dan kemakmuran negara kita ini adalah hasil dan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin yang di terajui oleh Kerajaan Barisan Nasional. Apabila negara kita dilanda tragedi 13 Mei 1969, parti-parti politik di luar kerajaan mula merasai akibat perpecahan. Negara dilanda huru-hara yang menyusahkan semua pihak. Lalu, mereka sanggup bersama kerajaan menyertai pakatan yang dinamai Barisan Nasional. Kesepakatan Barisan Nasional ini adalah bertujuan untuk menjaga negara supaya aman damai kerana dari keamanan akan lahirlah keadilan, kemakmuran dan kesejahteraan seluruh rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat empat tujuan utama yang termaktub dalam Undang-Undang Tubuh Barisan Nasional, yang kesemuanya tidak bercanggah dengan hukum Islam. Malah, memenuhi tuntutan Islam, iaitu memupuk dan mengekalkan satu bangsa Malaysia yang harmoni dan bersatu padu. Harmoni dan bersatu padu, adalah asas utama. Islam disyariatkan Allah dan menjadi sebab para Rasul dibangkitkan Allah. Pengabdian kepada Allah tidak sempurna, malah ada yang tidak wajib lagi apabila keamanan dan keharmonian tidak wujud. Firman Allah Taala yang bermaksud, "Dan Allah menyeru mereka ke negeri yang sejahtera dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang Ia kehendaki ke jalan yang lurus."

Yang Berhormat Datuk Speaker, berusaha untuk mencapai pembangunan jasmani dan rohani dan mengekalkan Islam sebagai Agama Persekutuan, tetapi agama-agama yang lain juga boleh diamalkan dengan aman dan tenteram di mana jua dalam Persekutuan dan untuk menegakkan dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara. Jelas, semua parti dalam Barisan Nasional mewakili majoriti rakyat bersetuju menjadikan Islam agama rasmi negara dalam mencapai pembangunan fizikal dan spiritual rakyat Malaysia. Parti-parti komponen Barisan Nasional amat mengambil berat sensitiviti antara satu sama lain.

Apa jua perkara yang boleh membawa rasa tersinggung diselesaikan secara bermusyuarah dalam suasana ikhlas dan setia kawan tanpa prejudis. Berdasarkan asas yang kukuh ini, prinsip Rukun Negara dibentuk dan diperakui bersama dijadikan tunggak negara. Sudah lebih 25 tahun, UMNO, MCA, MIC dan rakan-rakan bergabung dalam Perikatan dan seterusnya diteruskan lagi 25 tahun lebih di dalam Barisan Nasional, jumlahnya lebih daripada 50 tahun. Dalam jumlah masa ini, PAS di Kelantan menarik diri kerana perebutan kuasa politik, agihan jawatan, pemimpin parti dalam kerajaan. Bukan atas dasar prinsip keluarnya PAS dari BN seperti keluarnya mereka dari jemaah yang baik kepada yang tidak baik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berusaha untuk mewujudkan sesuatu masyarakat adil dan saksama, keadilan dan kesaksamaan dalam hidup bernegara adalah asas kepada kekuatan dan kemakmuran sesebuah negara. Saya nak menyentuh sedikit dalam kawasan saya, Yang Berhormat Datuk Speaker. Masalah tak adalah, semua dah selesai. Walau macam mana pun, saya nak sentuh jugalah, ini ada pesanan-pesanan daripada kawan-kawan.

Pertama, yang lepas kita dah berkali-kali dengar untuk pembinaan sekolah agama ini. Saya ada 4 sekolah agama yang perlu dibina iaitu Sekolah Agama Ladang Remis, Sekolah Agama Layang-Layang, Sekolah Bandar Renggam dan Sekolah Agama Simpang Renggam. Kalau tak keempat-empat sekali dibina, dapat 3 pun dulu jadilah. Kalau tak 3, 2 pun boleh. Kalau tak 2, sekurang-kurang ada satu tanda sebelum pilihan raya ini, dah adalah pembinaan sekolah agama dalam kawasan saya di DUN Layang-Layang ini.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Tak ada satu?

**Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) :** Jadilah satu dulu. Kita ada masalah, Datuk Speaker. Tapi yang ini tak nampak. Dah dua kali bawa, tapi yang tempat lain macam dah tiga, empat pula. Oleh kerana, kawasan saya ini semua ada tanah yang tidak bermasalah. Yang kedua Yang Berhormat Datuk Speaker, pada 2004 terbakar kedai sederet, di Layang-Layang ini. 2008, satu deret lagi terbakar tapi Alhamdulillah lah tiada yang terkorban jiwa. Yalah kedai dah puluh-puluh tahun ini, tapi hari ini terima kasihlah kepada kerajaan yang telah mula membuat perundingan mengarahkan supaya mangsa-mangsa kebakaran ini membentuk jawatankuasa dan memilih pemajunya sendiri. Alhamdulillah, saya difahamkan mereka telah berjumpa 2-3 hari lepas dengan pihak UPEN dan saya harap supaya kelulusan ini dapat dipercepatkan sekurang-kurangnya, kalau saya kata tak ada isu tadi, bermakna ini jadi isu. Jadi kalau boleh, kalau dapat kelulusan sahaja, selesai masalah. Tak ada apa yang boleh nak dipertikaikan di Layang-Layang ini.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Ok Yang Berhormat, masa cukup.

**Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) :** Terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan. Kepada pihak daerah dan negeri yang telah memberi kerjasama kepada saya selama menjalankan tugas dan kita sama-samalah untuk membantu rakyat dari semasa ke semasa. Orang Melayu, tuan empunya. Orang Cina, untung bersama. Orang India, tidak teraniaya. Semua bangsa hidup sempurna.
Dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Rengit. Wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh. Dijemput lagi, Machap.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan juga kepada Timbalan Speaker yang mempengerusikan mesyuarat pada petang ini. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) :** Bismillahirrahmaanirrahim. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama di dalam berbahas tentang usul menjunjung kasih di atas ucapan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah pun bertitah kepada kita. Dan, alhamdulillah ada 22 perkara yang telah dibawa oleh Baginda Tuanku, yang mana sebagai tampuk ataupun sebagai Ketua Negeri. Maka, Baginda telah menyarankan banyak perkara, di samping menasihat kita ke arah yang mana seperti mana, beliau menasihat kita perkara-perkara yang mana kalau sekiranya tidak ada di atas keprihatinan Baginda, maka sudah tentu terutamanya di bahagian yang terakhir, iaitu menasihat kita untuk sama-sama menjaga keamanan dan juga kesejahteraan negara kita pada hari ini.

Di samping itu, Baginda Duli menyatakan bahawa Baginda sungguh rasa gembira dan juga yang mana kalau kita tengok tajuk yang dibawa oleh Baginda adalah berhubung dengan kesejahteraan rakyat. Yang mana inilah yang perlu dititikberatkan, dipertingkatkan daripada masa ke semasa. Jadi, yang saya hormati Datuk Speaker, yang mana ke bawah Baginda berasa begitu sukacita kerana apabila kita hari ini, Negeri Johor yang mana satu tempat ataupun disebabkan oleh keadaan geografinya yang begitu baik. Maka, alhamdulillah satu pembangunan projek raksasa telah pun dibawa ke Negeri Johor. Yang mana kalau kita kira daripada projek EDP yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pelaburan yang dibawa masuk ke Negeri Johor berjumlah lebih kurang RM33 bilion. Itu *entry point*. Daripada ke seluruh negara yang masuk seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga pada pagi tadi, pembangunan RAPID di kawasan Pengerang ini hampir RM33 juta.

Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, dapatkah kita bayangkan satu ketika dulu Pengerang yang merupakan satu pekan kecil, hari ni akan berubah wajah. Dan, kalau kita tengok dulu sejarah Pengerang ini yang saya tahu dulu, di tempat bila kata pegawai-pegawai kerajaan yang bermasalah semua kat situ, di tempat kat situ. Dan, kita nak pergi ke Pengerang pun kita kena ikut Singapura, kerana apa? Kerana tak ada jalan perhubungan pergi ke Pengerang. Tapi alhamdulillah, sekarang dah berubah wajah dan apatah lagi di kawasan tersebut banyaknya Rancangan-Rancangan Tanah FELDA. Dan apatah lagi hari ini kita semua rasa bangga sepanjang setahu saya 4 tahun berturut-turut, Rancangan-Rancangan Tanah FELDA di Negeri Johor ini menjadi johan dan mereka ini mendapat, satu pertandingan dapat daripada Perdana Menteri sebanyak RM1 juta bagi JKK di Rancangan tersebut. Inilah kejayaan kita dan saya amat berasa ini adalah satu peluang yang mana di samping kita dapat membangunkan Pengerang dan dalam masa yang sama kita dapat membangunkan peneroka-peneroka terutamanya generasi kedua yang duduk di tanah-tanah Rancangan. Jadi, di dalam Titah Baginda, yang penting kepada kita adalah bagaimana cara dan kaedah untuk nak mengisi, nak memberikan anak-anak dan juga anak-anak peneroka ini peluang yang akan dapat hasil daripada limpahan pembangunan yang berlaku di kawasan tersebut. Yang mana, kalau kita tengok betul banyak peluang diwujudkan kalau sekiranya kita tidak ada bekalan ilmu dan juga

kemahiran yang tinggi, maka sudah tentu kita tidak akan dapat masuk ataupun bersama-sama turut membangun di dalam kawasan tersebut.

Jadi, Datuk Speaker, seperti mana yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, banyak tempat-tempat ataupun kolej-kolej kemahiran yang hari ini yang terdapat di Negeri Johor, semuanya menekankan ataupun merujuk untuk mewujudkan ataupun nak melatih mereka-mereka ini yang merupakan kemahiran dan sebagainya. Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya difahamkan bahawa kita di Negeri Johor, kita ada Kolej YPJ (Kolej Yayasan Pelajaran Johor) yang mana yang akan dibangunkan. Saya difahamkan mungkin akan dibangunkan pada tahun hadapan.

Jadi, itu untuk pembesaran di satu kawasan yang cukup cantik dan saya harap kita perlu merancang yang terbaik, yang mana kita perlu kolej YPJ ini perlu bersama-sama duduk dengan pihak PETRONAS, berbincang apakah kursus-kursus ataupun apakah kaedah-kaedah yang perlu diwujudkan di kawasan pembangunan Kolej Yayasan tersebut. Dan, kita mengharapkan supaya ada wujud rangkaian kerjasama dan apabila pelajar-pelajar yang masuk ke situ akan terus ataupun kita akan dapat menandatangani MOU ataupun sebagainya supaya pelajar-pelajar ini ada jaminan untuk mereka ini apabila mereka lulus, mereka akan diterima masuk secara terus untuk bekerja di Petronas ini.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, mudah-mudahan dengan ini saya dengar tadi banyak rintihan daripada semua pihak yang mengatakan bahawa apakah peluang-peluang yang akan dapat kepada anak-anak tempatan? Jadi, inilah perkara-perkara begitu juga dengan pegawai-pegawai kerajaan. Saya harap mereka-mereka ini walaupun kita sudah menubuhkan, kerajaan sudah menubuhkan satu unit iaitu Unit Minyak dan Gas. Dan, mereka ini perlu dilatih, perlu diberi peluang ataupun mereka ini dilatih mengikuti kursus-kursus di dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya harap perkara-perkara ini ataupun peluang-peluang ini kita akan dapat rebut dan inilah hasil daripada ataupun impak pembangunan yang berlaku di kawasan tersebut.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sebenarnya saya rasa cukup sedih kerana hari ini Yang Berhormat Datuk Speaker, kita dapat tahu banyak rombongan-rombongan terutamanya rombongan perdagangan daripada seluruh negeri-negeri yang berada di dalam Malaysia, ke luar negara, pergi ke luar negara tujuannya untuk nak menarik pelabur-pelabur datang ke negara kita.

Kita ini Yang Berhormat Datuk Speaker, alhamdulillah, disebabkan apa yang saya katakan tadi adalah disebabkan oleh keadaan geografi kita yang baik di Pengerang itu lautnya dalam, kurniaan daripada Allah SWT kita pun Negeri Johor tidak ada pun sumber minyak, tapi alhamdulillah orang datang nak melabur kat tempat kita. Yang kita sedih, yang saya katakan sedih ini tadi Yang Berhormat Datuk Speaker, ada pula kumpulan-kumpulan yang masuk menghasut rakyat, membuat orang kata andaian kerana sekarang ini tuan-tuan, realitinya kadang-kadang realitinya bagus tapi rakyat mudah terhasut ke atas persepsi. Ini yang masalah yang kita hadapi di negara kita, berbagai-bagai persepsi dibuat itulah, andaian itu, andaian ini yang mana kadang-

kadang merosakkan. Kalau saya tengok semalam kawan saya daripada Kempas dapat memorandum, ada pungutan mengumpul tanda tangan lebih kurang daripada 1000 orang, orang Cina; 600 orang, orang Melayu di kawasan Pengerang mengumpul tanda tangan menolak pembangunan di kawasan tersebut.

Rasa saya Yang Berhormat Datuk Speaker, mereka ini diberikan persepsi yang salah diberikan perkara-perkara yang salah maklumat-maklumat yang salah, takkanlah orang berebut datang, setengah-setengah tu, Ketua-Ketua Menteri atau Menteri-Menteri Besar pergi ke negeri-negeri lain nak tarik pelabur terpaksa burukkan negeri kawan pula. Dia burukkan kata jangan melabur kat sana, sini tempat tak bagus pergi melabur kat negeri saya. Ini perkara ini berlaku, jadi kita haraplah ini kurniaan daripada Allah SWT tentukan saya nak minta tentukan walaupun benda ini akan berjalan dan saya berharap mereka-mereka yang telah mengumpul tanda tangan itu, fikir baliklah. Fikir balik baik-baik impak yang akan mereka dapat, janganlah orang kata, janganlah kerana dua tiga orang yang hari ni yang mana yang dah dapat keuntungan berlaku kat situ terhasut kemudian mereka ini hendak menjadi juara untuk nak menggagalkan projek-projek yang sudah pun dirancang dan akan dilaksanakan.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, itu perkara yang pertama yang mana ini saranan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia dan saya juga rasa terpanggil walaupun saya tak bertanya kepada Yang Berhormat Dato' EXCO berhubung dengan pembesaran jalan-jalan kampung, alhamdulillah hari ni kita turut sama-sama, yang mana jalan-jalan yang nak dibesarkan. Hari ini Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau kita tengok masuk dekat kampung, jalan tu dah banyak rosak dan kita tidak ada satu peruntukan khusus untuk nak menampal jalan-jalan kampung ini. Jadi dengan adanya rancangan daripada Kerajaan Negeri yang mana saya difahamkan satu peruntukan sebanyak lebih kurang RM140 juta yang akan iaitu RM70 juta untuk nak besarkan jalan-jalan kampung dan RM70 juta untuk nak membina jalan-jalan baru insya-Allah saya rasa hari ini kalau kita pergi dengan besarnya jalan kampung, hari ini kalau kita pergi kenduri kat kampung *jam,* apa ni dia punya *side table* kereta nak *parking* kat sana semuanya perkara ini kita hadapi masalah. Dengan terbinanya rancangan tersebut insya-Allah kita nak pergi kampung nak makan kenduri pun taklah kerana ini kita pun Wakil-Wakil Rakyat ni Yang Berhormat Datuk Speaker, kadang-kadang kenduri sampai lima, enam kenduri satu hari, jadi kalau kita masuk kenduri dekat satu kampung tu tersangkut dekat itu dah kita tak boleh nak kejar tempat lain.

Jadi saya harap supaya projek-projek ini dapat dipercepatkan dan kualiti pembinaan jalan-jalan kampung ini harus dijaga daripada awal. Tentukan bahawa rakyat akan mendapat manfaat kerana jumlah yang diperuntukkan itu agak cukup besar yang mana ini adalah merupakan harapan daripada semua rakyat terutamanya rakyat yang duduk di kawasan luar bandar. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, satu perkara lagi yang saya nak bangkitkan ialah berhubung dengan satu perkara apabila kita membangunkan Kota Iskandar, Wilayah Pembangunan Iskandar, yang mana satu ketika dulu kita wujudkan satu dana untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik ini iaitu satu yang dikatakan dana sosial untuk nak menolong keseluruhan, apabila kita buat pembangunan di Kota Iskandar sudah tentu orang kata banyak sumber-sumber atau sumber pembangunan, keuntungan daripada syarikat-syarikat ini

disalurkan kepada satu tabung iaitu tabung dana sosial. Yang mana dengan dana sosial ini sudah tentu akan dapat membangunkan, menolong mereka-mereka yang kurang bernasib baik.

Jadi, saya harap saya nak tahu Yang Berhormat Datuk Speaker, sampai sekarang apabila Pembangunan Wilayah Iskandar ini sampai sekarang, berapa banyak dana sosial itu sudah terkumpul dan juga bagaimana pengagihan ataupun kita membuat kita membangunkan perkara-perkara iaitu terutamanya untuk nak membangun golongan yang kurang bernasib baik supaya sama-sama menikmati pembangunan di kawasan kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu perkara lagi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO Pertanian, yang mana satu ketika dulu di kawasan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dalam jawapan persoalan saya yang lalu, beliau menyatakan bahawa masalah lalat di kawasan seluruh Negeri Johor ini, saya difahamkan dalam ucapan beliau, bahawa beliau menyatakan bahawa masalah lalat di seluruh Negeri Johor sampai bulan 10 tahun depan ya, bulan 10, 2013, yang mana yang menyatakan kita seolah-olah daripada jawapan itu ialah *zero* lalat. Jadi saya ingin tahu kerana apa sekarang ini Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah ini belum saya nampak dengan begitu ketara. Kalau saya pergi ke ke mana pun orang tanya saya, Yang Berhormat ADUN daripada mana. Saya cakap ADUN daripada Machap, yang di orang tahu dia orang kata oh Machap yang R&R kata dia, R&R Machap, ha kat situ banyak lalat. Itu *significant,* jadi saya ingin tahulah sepanjang kerana apa program tu, kalau ikut saya daripada awal tahun sudah sampai sekarang dah bulan 6, sekurang-kurangnya dah ada 3 fasa. 3 fasa nak sampai ke bulan 10, 2013. Jadi, sampai sekarang, apakah perancangan yang telah dijayakan? Apakah kaedah-kaedah yang digunakan untuk nak menentukan supaya lalat itu semakin berkurang kerana saya nampak lalat ini makin banyak terutamanya setiap kenduri, jadi bila saya pergi dekat kampung, orang tanya terutamanya musim kenduri inilah perkara-perkara utama. Dulu pun sewaktu nak pilihan raya dulu, *signboard* di pasang di merata kampung saya ingat *signboard* apa, bagaimana, "apa khabar yang berhormat bagaimana nak menyelesaikan masalah lalat di kampung kami", inilah slogan-slogan yang dibawa di kampung-kampung. Jadi ini, walaupun, perkara ini kita nampak kata lalat itu kecil tapi saya harap supaya benda-benda ini kita dapat memberi satu jaminan yang konkrit, seperti mana saya merasa cukup bangga bila kata Yang Berhormat apa ni EXCO Pertanian mengatakan bahawa bulan 10 selesai tapi dalam rasa keyakinan saya tu saya pun balik juga kat kampung, cerita kat kampung selesai bulan 10 selesai, tapi mereka kata macam mana nak selesai Yang Berhormat, makin banyak ada. Jadi saya berharap itu satu perkara yang Berhormat Datuk Speaker..

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Masa cukup Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) :** Allah, mintak sikit lagi.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Ok, yang akhirlah.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, kita juga rasa bangga kerana Titah Ucapan daripada Ke Bawah Duli baru-

baru ini bahawa kita dah bagi apa ni hampir 2.3 juta ekar tanah yang mana yang melibatkan yang begitu ramai iaitu masalah tanah-tanah tunggak dah selesai dan saya pun, saya baca di dalam Ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dia menyatakan dalam ucapan tersebut katakan bahawa hari ini dengan adanya sistem pemberian tanah, sistem pengeluaran tanah yang lengkap di semua Pejabat-Pejabat Tanah dalam seluruh Negeri Johor, yang mana Pejabat Tanah ini boleh ber*communicate,* boleh tahu satu sama lain dan dengan sistem yang ada pada hari ini untuk nak menggalakkan apabila Notis 5A diberikan kepada yang dapat tanah maka untuk nak menggalakkan mereka-mereka yang dapat Notis 5A ini membayar *premium* dengan cepat, maka dalam ucapan beliau Menteri Besar, menyatakan apa ni Menteri Besar menyatakan bahawa dalam masa 1 hari lepas dapat 5A dapat geran. Jadi, saya harap perkara-perkara ini dapat pihak pentadbiran Pejabat Tanah bagaimana kaedahnyalah kerana baru-baru ini saya ada membuat majlis kat kampung saya lebih kurang, saya memberi geran tanah hampir kepada 300 orang kampung di Kampung Sungai Linau tetapi mereka menyatakan kepada saya lepas bayar 5A tu dah dekat-dekat hampir setahun baru dapat geran.

Jadi saya haraplah saya harap perkara-perkara ini dapat diperbaiki kerana kawasan saya ini di daerah Kluang ini banyak lagi masalah-masalah tanah yang belum selesai. Jadi saya harap dengan adanya sistem ini dan saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang memang merancang, menyusun nak tentukan supaya mereka yang menceroboh tanah-tanah ini yang duduk dah bertahun-tahun akhirnya alhamdulillah hari ini dah dapat geran. Jadi ini menjadi satu kebanggaan dan bersyukur mereka kepada Allah SWT kerana maklum sahaja bila tak dapat geran tanah Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun kerajaan umumkan pelbagai apa ini, subsidi umumkan itu, umumkan peruntukan itu tapi dia orang tak dapat nak buat apa kerana apa, pokoknya kita kena ada geran tanah baru kita layak dapat subsidi-subsidi ataupun imbuhan daripada pihak kerajaan...

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Ok, Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) :** Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, cuma satu perkara Yang Berhormat Datuk Speaker saya rasa cukup penting iaitu amanat ini saranan daripada Ke Bawah Duli Baginda Sultan yang mana beliau mahu supaya apa ni supaya masjid-masjid yang mana Baginda mahu usaha untuk memperluaskan syiar Islam diperkukuhkan iaitu untuk pengukuhan akidah dan juga penyampaian ilmu-ilmu di kelas agama iaitu di masjid dan di surau-surau. Jadi saya mintak pihak Jabatan Agama supaya kursus-kursus ataupun perkara-perkara, tenaga-tenaga pengajar yang mengajar di surau-surau dan masjid-masjid ini, mereka ini hendaklah kalau boleh diberikan satu elaun khaslah kerana Yang Berhormat Datuk Speaker, cuma jawatankuasa masjid yang diberi elaun, jadi dia boleh panggil siapa-siapa sahaja datang. Bila datang mengajar ni apa ni kadang-kadang setengah-setengah tenaga pengajar ni dia menyeleweng membawa cerita-cerita ataupun menyelitkan unsur-unsur politik yang mana boleh memecah-belahkan masyarakat. Jadi penyakit ini Yang Berhormat Datuk Speaker tak berlaku lagi di Negeri Johor ini. Kita harap walaupun kat tempat-tempat lain kita dah dengar banyak berlaku perkara-perkara atau yang boleh memecah-belahkan perpaduan di kalangan umat Islam. Jadi, kita harap penyakit yang dah berlaku kat tempat lain jangan berlaku kat negeri

kita. Jadi saya harap pihak Jabatan Agama, Majlis Agama Islam dapat tentukan kerana kita kena ada satu perkara ataupun satu kaedah, supaya perkara-perkara ini tak berlaku di Negeri Johor.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tidaklah berhajat untuk, sekali lagilah saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Yang mana kita tahu bahawa Dewan kali ini adalah merupakan penggal yang terakhirlah rasa saya sebelum kita nak menghadapi pilihan raya. Jadi, seperti mana kata apa ni Sungai Abonglah, dia mengatakan bahawa Johor adalah merupakan kubu kuat UMNO. Kita kena ambil ini sebagai satu cabaran, sebagai satu iktibar supaya kita tentukan bahawa Negeri Johor ini akan sentiasa mendapat sokongan daripada rakyat. Dan kita kena ambil iktibar daripada suasana politik yang berlaku kat tempat lain. Ini menjadikan cabaran kepada kita Wakil-Wakil Rakyat supaya kerja lebih kuat, yang mana kita nak tentukan bahawa rakyat itu diutamakan. Jadi mudah-mudahan, marilah kita sama-sama doakan agar kuasa yang kita ada ini kita pergunakan dengan betul supaya kita mendapat keredaan dan keberkatan daripada Allah SWT jadi, saya dengan kata-kata itu, saya ucapkan banyak terima kasih dan saya menyokong usul Ucapan Baginda Tuanku yang dibawa oleh Rengit. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih Machap. Ada yang lain? Ada berapa orang lagi nak berucap? 1, 2, 3. Ok, jemput Semerah.

**Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian, berucap dalam Dewan yang mulia ini. Sebagai pembuka kata, menjunjung kasih saya lafazkan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor kerana telah mencemar duli bagi membuka Penggal Kelima, Sidang Dewan Undangan Negeri Johor Yang Ke-12. Sesungguhnya, saya begitu tersayu hati dengan Titah Ucapan Baginda Tuanku tempoh hari. Khususnya apabila Tuanku menyentuh sikap segelintir rakyat di negara ini yang begitu sibuk mencari kudis di kaki orang lain, sedangkan tokak di kaki sendiri tidak mampu diubati.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai rakyat sejati Negeri Johor Darul Ta'zim, saya dapat merasakan kekecewaan dan kemurkaan Baginda dalam hal ini. Adakah individu tersebut menyedari apabila beliau diberi peluang sementara oleh Allah SWT untuk memegang tampok pemerintahan di sebuah negeri, lantas ditukar kenderaan rasmi negeri, kenderaan rasmi negeri kepada yang lebih mahal harganya, yang menelan belanja jutaan ringgit. Bukan sekadar itu, nombor pendaftaran kenderaan tersebut juga turut berubah dengan angka-angka menarik yang bukan murah nilainya. Tidakkah kos kesemua perubahan ini menggunakan wang rakyat? Inilah akibatnya jika bertutur tanpa ilmu dan pemikiran, sebaliknya hanya menurut hawa nafsu semata-mata. Benarlah kata Tuanku, terlajak perahu boleh di undur, terlajak kata buruk padahnya. Kuman di seberang laut dilihat tetapi gajah di depan mata tidak kelihatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekalung tahniah juga saya hulurkan kepada Kerajaan Negeri yang telah memacu negeri ini ke arah yang lebih maju dan gemilang. Lihat sahaja pembangunan yang berlaku di Pengerang. Kini, lokasi tersebut yang

dahulunya lesu dan kurang diberi tumpuan akan muncul sebagai hab minyak dan gas yang utama di rantau Asia Pasifik. Pengerang bakal menjadi terminal tangki laut dalam bebas bagi simpanan minyak mentah. Pengerang juga bakal menjadi Kompleks Hub Penapisan Minyak dan Petrokimia. Berbanggalah bahawa Pengerang akan setaraf dengan Pelabuhan Rotterham di Belanda. Hal ini pastinya akan memberi lonjakan kepada ekonomi negeri dan peningkatan sosioekonomi masyarakat setempat. Inilah bukti hebatnya sebuah kerajaan yang berwawasan, yang sentiasa mencari idea memajukan negeri demi pembangunan dan kemakmuran rakyat.

Bersandar realiti inilah tampok pemerintahan negeri ini menjadi idaman dan kecuran air liur pihak pembangkang. Mereka menyedari Negeri Johor adalah lubuk emas yang mampu mengisi kantung kewangan negeri. Lantas mereka telah menjadikan negeri yang maju dan makmur ini sebagai sasaran menaklukinya dalam PRU yang Ke-13 nanti. Nampaknya mereka bermimpi di siang hari. Rakyat di negeri ini sudah tahu mana permata dan kaca. Rakyat Johor sudah muak dengan segala janji palsu. Inilah judul sebuah lagu nyanyian seorang penyanyi wanita yang kini menjadi idola pengikut-pengikut sebuah Parti Pembangkang. Memang sahlah lagu janji palsu sepatutnya menjadi dendangan kerana itulah kenyataannya. Buktinya, banyak janji dalam manifesto dalam pilihan raya yang lepas tidak tertunai seperti di Selangor. Mana perginya janji untuk membuka tabung permulaan RM100.00 bagi setiap anak kelahiran Selangor, memberi bantuan RM75.00 sebulan bagi setiap anak yang dihantar ke nurseri, memberi bantuan RM50.00 sebulan bagi pendidikan anak pra sekolah, memberi hadiah RM1,000.00 kepada setiap anak Selangor yang mendapat tawaran ke universiti, memberi bantuan kepada anak-anak muda mendirikan rumah tangga, mencarum takaful bernilai RM2,500.00 untuk warga emas, Orang Kurang Upaya dan anak yatim, memberi elaun ibu tunggal yang layak dan banyak lagi.

Demikian juga halnya di Pulau Pinang. Mana janji di penempatan Kampung Buah Pala, Kampung Asam, penghapusan Tol Kerajaan Negeri, jawatan Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri, rumah kos rendah untuk rakyat dan berbakul-bakul lagi jika disenaraikan. Rakyat berguling-guling tertawa di kala pembangkang mahu lagi berjanji, jika menakluki Putrajaya seperti penghapusan Tol, menurunkan harga petrol, pendidikan tinggi percuma dan macam-macam lagi janji terdahulu pun tidak tertunai, ini pula janji-janji baru.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Dewan yang mulia ini juga sebagai pembawa nurani hati rakyat, ingin mengambil peluang untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang diterajui Barisan Nasional kerana telah menyelesaikan permasalahan rakyat di kawasan saya. Contohnya, isu tanah di kawasan Benteng Kiri dan Peserai Pantai telah selesai apabila penyerahan hak milik telah disempurnakan. Demikian juga pasar awam Batu Pahat, kini telah bermula kerja pembinaan semula dengan kos RM6 juta dan pasar borong sebanyak RM3 juta. Kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu Program Janji Ditepati Peringkat Negeri Johor telah membawa rahmat kepada penduduk-penduduk daerah kami apabila menyalurkan peruntukan setelah beliau mendengar rintihan rakyat. Ini baru betul Konsep Janji Ditepati. Bulan April berjanji, bulan Jun tahun yang sama kerja telah dimulai. Bukan seperti pihak di sebelah sana. Janji ditabur di sana sini, berjanji mahu pendidikan percuma dan penghapusan PTPTN, tetapi baru diuji dengan

pemberhentian sementara PTPTN di Universiti Selangor, haru biru dan terlalak sana terlalak sini dibuatnya hingga hendak dijual aset universiti bagi mencari sumber. Rakyat di luar sana terbahak-bahak dengan tingkah laku pembangkang. Dalam hal ini ibarat cacing kepanasan, itu baru sebuah universiti. Bagaimana kalau berhadapan dengan 24 buah IPTA dan ribuan IPTS yang sedia ada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Persidangan ini saya menyeru kepada semua pihak supaya berpijak di bumi nyata. Junjungilah langit walaupun di mana bumi kita pijak. Janganlah jadi perosak kepada keintiman dan perpaduan rakyat. Usah diracuni pemikiran rakyat dengan pelbagai hasutan dengan dakyah songsang, pemalsuan cerita pencemaran kesucian agama Islam, keberantakkan Institusi Diraja dan kerosakan kedaulatan serta nama baik Negara. Usahlah mendabik dada konon merekalah golongan yang bersih, telus dan berintegriti. Tuhan Maha Kaya, kini apa yang diucap banyak yang terpalit di muka mereka sendiri. Benar Titah Tuanku, banyak tokak telah terdedah seperti tabung amali, ke mana perginya ratusan ribu? Bagaimana dengan jutaan ringgit ahli-ahli Koperasi Kohilal? Konon hendak menjadikan Islam sebagai Addin bagi menggantikan perkataan Agama Islam sebagai Agama Persekutuan. Adakah memecat seseorang tanpa berpeluang membela diri itu ikut cara Islam? Jangan menuding jari kepada orang lain demi menutup pekung di hadapan mata. UMNO dan BN sentiasa menjadi punca keburukan sehingga anak tak menjenguk ibu, UMNO puncanya. Berseronok dengan isteri orang jam 3 pagi, UMNO sebabnya. Video bersama wanita di hotel dan di tandas, UMNO yang mengaturkannya. Wah, hebat UMNO. Manusia sehebat Imam Hadi pun dapat ditipu oleh pemimpin bahkan Khalifah Umar Abdul Aziz pun kena kelentong dengan UMNO. Jadi, di mana kebijaksanaan pemimpin mereka sehingga kena main oleh UMNO. Justeru, sebenarnya tidak layak mereka diangkat sebagai pemimpin kalau asyik dipermainkan oleh UMNO dan BN juga usahlah menjadi pemimpin yang bersumpah sana bersumpah sini. Masa berceramah seperti demi Allah, satu sen duit rakyat pun tak diambil atau satu lagi sumpah kesukaannya demi Allah, satu saham pun saya tak ambil. Memanglah satu sen tak diambil sebab yang diambil berbilion ringgit, satu saham pun tak ambil sebab saham yang diambil beribu ringgit.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berdasarkan senario yang saya perkatakan tadi, janganlah hanya kerajaan yang bertanggungjawab, yang berwawasan dan berjiwa rakyat, yang mampu mengurus Negara ini, pastinya ia adalah kerajaan Barisan Nasional, bukan sebuah kerajaan yang hanya pandai menanam tebu di tepi bibir dan bermodalkan air liur sahaja dan bukan juga kerajaan yang menjadikan jalan raya demonstrasi sebagai penyelesai masalah. Semoga Allah Taala merahmatkan negara, menyelamatkan negeri dan negara ini daripada segala keburukan dan malapetaka. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon menyokong usul Rengit. Sekian terima kasih.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih Semerah, dijemput yang lain. Jorak.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumussalam, Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan selama 15 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 4:00 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 4:15 petang.**

**Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Dijemput siapa yang belum berucap.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, tinggal seorang saja ni?

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Ada, ada, 2.

**Y.B. Dato' Speaker :** Siapa?

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Y.B. Bukit Naning.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ada dia?

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Datuk Dollah. Ada, ada.

**Y.B. Dato' Speaker :** ADUN mana?

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Akan ada. Sedang menunggu di luar.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat deras pendeklah, saya tangguh terus. Jangan panjang-panjang. Yang Berhormat tak kesiankan saya ke? Matahari ni terus kat mata saya. Yang Berhormat duduk sana ok lagi.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Tadi matahari ke mari, Yang Berhormat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah, ni *time* Yang Berhormat berucap kat saya.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Hah, patut sediakan payung di Persidangan akan datang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Nanti Yang Berhormat kata saya dah lain pula nanti. Ok, 10 minit.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang berikan peluang untuk saya berucap dan masa begitu pantas, masuk 4 tahun lebih dah kita bermesyuarat dan eloklah kalau tempoh Dewan ini terus dilanjutkan ke genap 60 bulan, insya-Allah kita boleh berjumpa lagi di mesyuarat yang akan datang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, Yang Berhormat tak tanya Ketua Bahagian Yang Berhormat bila?

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Ada juga tanya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Apa kata dia?

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Faham-faham jelah, tentulah tak pernah mendapat jawapannya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Apa? Dia kata Yang Berhormat tak bertanding lagi?

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Alhamdulillah, jadi suka duka menjadi Y.B. Tadi rakan kita, Y.B. Kukup sebut elaun Ahli Yang Berhormat ADUN hanya RM6,000.00 nak dicadangkan kepada RM20,000.00 untuk rakan-rakan yang lainlah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dia ada majalah, Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Tapi yang hairannya, memang nampaknya berebut-rebut nak jadi Y.B. Kadang-kadang kita lihat bahawa macam saya katakanlah. Umur dah nak 56, ya. Elaun RM6,000. Nak bandingkan dengan guru siswazahlah sama taraf la ya. Yang mula bekerja 25 tahun, dah apa ni dan kemudian berkhidmat selama 25 tahun guru agaknya berapa skim gaji mereka ya sebagai pegawai ataupun penjawat awam? Sudah tentu saya rasa mereka lebih beruntung daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini. Oleh itu jangan terus lupa memberikan sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional.

**Y.B. Dato' Speaker :** Alhamdulillah.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Ya. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri, khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Pihak Berkuasa, Pegawai Tadbir Negeri dan Daerah, yang telah memberikan kerjasama bagi menyegerakan dan melancarkan lagi pembinaan hab pendidikan Pagoh yang mana akan didirikan di Kampus Cawangan Makna, Kampus Cawangan UIA, UTHM, UTM dan Politeknik Pagoh di dalam kawasan DUN Jorak, dalam Parlimen Pagoh. Saya amat bangga sekali kerana Kampus-kampus cawangan ini dibina di kawasan DUN saya. Cumanya saya meminta agar, pihak Kerajaan Negeri mempertimbangkan semula tentang rancangan untuk menempatkan pusat pelupusan sampah atau pelupusan sisa pepejal ke DUN Jorak, dalam Parlimen Pagoh ini yang dipindahkan daripada Parlimen Bakri. Mungkin agak kurang sesuai. Y.B. Bukit Naning senyum saja ya. Untuk meletakkan institusi pendidikan bersebelahan dengan

bersama-sama dengan pusat pelupusan sampah, sisa pepejal dalam DUN yang sama. Jadi bagi-bagilah pembangunan ni, jadi mungkin dia boleh bawa ke tempat lain. Masing-masing hendak mencari pembangunan. Walaupun kita memang semua buat sampah ataupun buang sampah, sisa pepejal, tetapi mungkin tak ramai yang mahu untuk sampahnya berada dalam rumah sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Titah Baginda Tuanku Sultan, akhir-akhir ini setengah pihak yang berusaha untuk menggugat perpaduan rakyat, menaburkan fitnah, menghasut rakyat, membenci raja, membangkit isu sensitif kaum dan agama, dengan menimbulkan kebencian dan menghancurkan keamanan negara. Saya sebut ini kerana mungkin dianggap sebagai satu yang agak remeh, tetapi kalau dibiarkan sahaja, kalau kita pandang ke hadapan, untuk 100 tahun akan datang ataupun yang dekatnya 50 tahun akan datang, apakan jadi kepada keadaan yang ada seperti sekarang ini?

Oleh itu, saya meminta Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara faktor besar perpecahan Melayu sekarang adalah kerana perbezaan politik. Dahulu orang Melayu bersatu dalam UMNO, kemudiannya ahli UMNO yang keluar daripada UMNO telah menubuhkan parti PAS, pada tahun 1951. Maka, apabila berlakunya kejadian 13 Mei, PAS bersatu semula dengan Barisan Nasional dan kemudiannya keluar lagi, pada tahun 1978. Pada hari ini pemimpin-pemimpin UMNO mempelawa Pas untuk bermuzakarah tentang agenda penyatuan umat Islam di Malaysia ini. Tetapi kita tahu bahawa pimpinan parti orang Islam PAS ini, ye, enggan untuk bermuzakarah untuk bertemu. Jadi saya minta Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada mewakili parti PAS, supaya dapat berbicara dengan pimpinan mereka untuk mencari jalan untuk bermuzakarah ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Em.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Jangan kita mengetepikan ajaran Islam yang disampaikan oleh Rasulullah. Jangan kita condongkan hati kita untuk mengutamakan nafsu dan kepentingan politik dengan mengetepikan ajaran Islam yang menyuruh umatnya bersatu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Em. *Slow* je dia datang.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** (Baca surah). Dengan izin. *And if they incline to peace, then incline to it and trust in Allah, surely He is the hearing, the knowing.*

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, y*ou speak English*.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Ha. Orang Jorak sesekali kena *speaking* jugalah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ye orang Jorak banyak apa? Melayu ye?

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** *Mixed* lah. *Mixed*.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Kadang dia cakap Jawa, Melayu kadang-kadang *English*.

**Y.B . Dato' Speaker :** Ya. Bukit Serampang apa?

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Bukit Serampang. (Ketawa).

**Y.B . Dato' Speaker :** Dia orang apa?

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Ah...

**Y.B . Dato' Speaker :** Alah, cakap Jawa je lah. Memang dia Jawa. Apa lah.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Jadi surah Al-Anfa Ayat 61, Firman Allah itu menggesa kita dan jika mereka cenderung kepada pendamaian maka engkau hendaklah cenderung kepadaNya. Ini perintah Allah. Serta bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Kita semua dalam Dewan ini, ya, sebagai Ahli-Ahli Yang Berhormat bawalah obor perpaduan kerana perpaduan itu tidak ternilai harganya. Perpaduan orang-orang Islam, orang Melayu dalam negara kita ini, teramat penting sekali. Sebagai kaum majoriti dalam negara ini, sebenarnya perpecahan orang Melayu, orang Islam boleh menyebabkan kaum lain juga turut sengsara kerana permusuhan, tempias-tempias api permusuhan antara orang Melayu itu sendiri boleh membakar diri kaum-kaum yang lain juga. Kerana pepatah Melayu ada mengatakan, gajah sama gajah, gajah dengan gajah berperang, pelanduk boleh mati tersepit.

Jadi jangan sekali-kali kaum-kaum lain yang bukan beragama Islam boleh bertepuk tangan ya dengan sengketa dan perpecahan orang Melayu yang hari ini kita dapati hari ini dah mula, dah ada dia punya bunga-bunganya sekarang ini. Kalau boleh, mereka juga bersama-sama untuk menyatukan ya, antara kaum-kaum ini. Orang Melayu sama Melayu dan antara kaum. Umat Islam wajib bersatu padu, buanglah ego, dendam kesumat dan kepentingan diri dalam mengejar kuasa kerana ia lebih kepada urusan duniawi yang akan dihitung di hadapan oleh Allah SWT kelak. Rahmat dan pertolongan Allah tidak akan turun kepada umat di negara yang berpecah belah kerana mengingkari perintah al-Quran ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tuntutan bermuzakarah ini dapat sudah pastinya merungkai banyak perkara pokok yang ada kaitannya dengan akidah dan amalan Islam. Sebenarnya, saya tidak mengharapkan ataupun berhasrat untuk mengheret PAS menyertai Barisan Nasional. Saya tidak, saya tidak bersangka sedemikian. Saya tak mahu maknanya nak mengheret Pas menjadi BN tapi cukup kedua-dua pihak menghormati adab-adab berpolitik menjauhi fitnah, membuat kebaikan dan kebajikan dan jangan mencetuskan salah faham akidah. Seperti contoh, kalau mengundi UMNO itu boleh jadi kafir. Masih lagi disebutkan. Ini boleh menyebabkan

perpecahan umat. Bercerai, bergaduh antara suami isteri pasal perkara seperti ini. Amalan-amalan beragama, 2 surau dalam satu kampung yang berdekatan hanya nampak surau dia berdekatan tapi berlainan jemaah.

Kalau saya lihat, kadang-kadang kita sembahyang waktu di masjid, ya, di surau dan sebagainya bila bersalaman selepas berdoa, selepas berzikir, bersalam pun, paling muka. Sembahyang memang satu saf, tetapi ada salah faham yang kalau kita tidak bendung perkara ini, berpanjangan akan menjadi akan lebih parah lagi. Nampak perkara ini kecil, bila di biarkan nanti sukar untuk kita perbaiki semula. Jadi, apa yang kita harapkan bahawa kita boleh menghormati adab-adab berpolitik, bersetuju untuk berbeza tetapi jangan sampai, memecahkan perpaduan umat Islam. Lihatlah kepada rekod perkhidmatan kerajaan, keupayaan mentadbir negeri dan negara ini untuk kita menentukan bahawa adakah sesuatu kerajaan itu telah menyempurnakan janji.
Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kira cukuplah setakat itu...

**Y.B. Dato' Speaker :** Alhamdulillah. Terima kasih.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Ingatkan nak suruh Dato' Speaker apa diberikan amaran untuk berhenti tapi tak apalah saya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak. Yang Berhormat cakap tu saya sedih. Tu sebab saya diam.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Ha. Kalau begitu saya boleh tambah lagi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, dah tarik, mana boleh tarik balik.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Dari itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, sekian sahaja dan dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Rengit. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak apa Yang Berhormat, walaupun pendek tapi padat dan sedap.

**Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) :** Alhamdulillah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Lagi, perbahasan diteruskan lagi. Bukit Naning.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Bismillahirrahmaanirrahim.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, Yang Berhormat nak cakap lagi?

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Ya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha yalah, pendek lah ok. 15 minit sahaja.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Insya-Allah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Bukan insya-Allah, terus berhenti.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumussalam.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan semasa merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Ke-5 Dewan Undangan Negeri Johor Ke-12 pada hari Khamis, 14 Jun 2012 di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini mungkin peluang terakhir dan keemasan kepada saya berucap di Dewan yang mulia ini, andainya PRU-13 diadakan dalam tempoh paling terdekat. Sebagai Wakil Rakyat selama 2 penggal...

**Y.B. Dato' Speaker :** Kenapa Yang Berhormat cakap begitu? Kenapa cakap begitu?

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Tak apa ke?

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak, cakap macam lain macam..

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Terima kasih. Sebagai Wakil Rakyat selama 2 penggal, saya memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan kinayahnya telah membukakan hati semua pihak daripada pemimpin parti dan kerajaan dan juga kerjasama dan sokongan jentera kerajaan di pelbagai peringkat, dalam memudahkan saya menjalankan tugas dan menunaikan tanggungjawab memenuhi tuntutan rakyat, setakat yang termampu oleh saya. Yang dapat saya tunaikan kepada rakyat di Bukit Naning. Kerjasama yang diberikan dan ditunjukkan oleh semua pihak terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Jabatan-Jabatan Kerajaan, khususnya ICU, Jabatan Pembangunan Negeri, JKR, JPS, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dan jabatan-jabatan lain yang tak dapat saya sebutkan satu persatu. Saya amat menyanjung tinggi, dan rakaman ucapan terima kasih dari seluruh warga Bukit Naning.

Alhamdulillah, setakat ini di Bukit Naning, tidak ada masjid yang uzur dan tidak dibina semula atau di naik taraf. Begitu juga surau, balai raya, bangunan TBK, Kompleks Penghulu, tidak ada yang tertinggal untuk dibaiki atau di naik taraf. Jalan raya dan jalan kampung, kebanyakannya berturap. Tidak ada jalan dan lorong kampung yang bergelap dan pelbagai bangunan lain yang telah dilaksanakan di Bukit Naning. Nikmat pembangunan ini tetap dirasai dan disyukuri oleh sebahagian besar warga Bukit Naning. Sebab itu, hari ini saya tak minta apa-apa.

**Y.B. Dato' Speaker :** Em..

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Projek-projek besar ini, kerana Kerajaan Barisan Nasional telah banyak mengotakan janji. Janji ditepati. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kesempatan ini saya hendak sentuh sedikit gelagat pembangkang yang bercakap di Dewan yang mulia ini dan dalam ceramah dan kempen mereka. Biarlah berpijak di bumi nyata. Bercakap biarlah realistik. Jangan hanya pandai menabur fitnah dan mengaburi persepsi dan pemikiran rakyat. Tak kanlah 55 tahun Barisan Nasional memerintah, gambarannya seolah-olah Kerajaan Barisan Nasional tidur dan tak buat apa-apa. Mereka pembangkang ini sanggup menafikan pelbagai kejayaan pembangunan yang dicapai oleh negara walaupun kejayaan itu diakui dunia. Pelbagai kisah kejayaan, *success story,* dengan izin, yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, yang hasilnya dinikmati oleh rakyat di kagumi dan diiktiraf pemimpin dunia menjadikan Malaysia sebuah negara contoh yang dapat mengekalkan keamanan dan keharmonian rakyat serta pembangunan yang hebat. Pengiktirafan itu diluahkan sendiri oleh 2 orang Senator Amerika yang melawat negara baru-baru ini iaitu Senator John McCain dan Senator Joseph Liberman. Itu untuk menyebut sebahagian pengiktirafan pemimpin luar terhadap negara kita khususnya kepimpinan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dah hidup di zaman yang tak ada apa-apa, hanya kedaifan menyelubungi kehidupan ketika itu. Zaman Jepun. Berbanding keadaan kehidupan yang serba mewah yang dapat dinikmati oleh seluruh rakyat. Saya nak tanya kepada pembangkang, adakah kemajuan yang kita nikmati itu, hasil daripada buah fikiran, idea dan titik jerih pembangkang?. Kita belum nampak lagi apa yang dah dibuat oleh pembangkang ini. Sejak merdeka hingga ke hari ini, kerajaan tidak jemu-jemu meneruskan pelbagai dasar yang dirangka bagi memastikan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara sentiasa terpelihara. Barisan Nasional menganjurkan supaya rakyat hidup dalam suasana yang harmoni, aman dan damai. Hasilnya negara stabil dan terus membangun. Pelancong datang berduyun-duyun dan pelabur terus masuk melabur mencurah-curah ke negara ini.

Lihat sajalah berapa banyak pelaburan yang masuk ke Negeri Johor. Yang Berhormat pembangkang rujuklah kepada teks Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan pada Perasmian Dewan pada 14 Jun yang lalu. Itu adalah fakta, bukan satu pembohongan atau rekaan semata-mata. Tak kanlah Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pun nak dipertikai dan dipolitikkan. Itu adalah fakta benar. Lebih 30% daripada nilai projek permulaan di seluruh negara dilabur di Negeri Johor. Tak kan Yang Berhormat Skudai tak nampak impak pembangunan Iskandar Malaysia?. Dengan pembangunan infrastruktur yang pesat, jalan raya yang berselirat merentasi kawasan Yang Berhormat. Tapi maklumlah, dia ni pembangkang. Pembangkang tak hendak terima hakikat dan kebenaran fakta ini. Bila kita Wakil Rakyat Barisan Nasional tegur, dia melenting. Cari publisiti murahan. Menyampuk tak tentu hujung pangkal. Bila Yang Berhormat Dato' Speaker tak benarkan dia bercakap, dia kata dia disekat. Itu gelagat pembangkang mencari publisiti murahan. Besoknya keluar dalam surat khabar tajuk berita "Speaker sekat pembangkang bercakap".

**Y.B. Dato' Speaker :** Em?

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Ini pernah berlaku.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ya? Ada? saya tak faham pun surat khabar Cina ini.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Konon dia juaralah. Hebat, mereka main wayang. Itulah sebahagian daripada gelagat mereka. Apa yang dibuat oleh kerajaan selama ini, semuanya tak betul. Kerja pembangkang ini tak habis-habis menyelewengkan persepsi rakyat. Melemparkan fitnah dan dakwaan yang tidak munasabah bagi mengelirukan rakyat supaya rakyat benci kepada kerajaan tetapi sokong pembangkang. Tak terfikir ke di benak pembangkang ini, hari ini mereka mengacapi kesenangan, kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan yang dinikmati oleh kita bersama, adalah dari titik jerih pemimpin terdahulu yang kesinambungannya hingga kini di sumbang oleh parti pemerintah Barisan Nasional, yang masih kekal bertahan menerajui pemerintahan negara hingga kini.

Apa yang kita lihat di hari ini, pembangkang himpun dan berceramah, mengkritik, hentam apa sahaja yang dibuat oleh Barisan Nasional, walhal pembangkang tak buat apa-apa pun, dan tak keluar modal pun hanya bermodalkan air liur untuk menghentam kerajaan. Kesianlah rakyat yang datang mendengar dan berembun mendengar ceramah mereka. Lepas tu, kena isi pula tong-tong yang berjalan-jalan. Sebenarnya penonton yang kena bayar penceramah pembangkang. Saya nak tanya, itu kah cara pembangkang nak bela rakyat atau rakyat yang menyara parti pembangkang?. Saya menyeru kepada rakyat, ayuh bangunlah, sedarlah dan bangkitlah bersama-sama Barisan Nasional. Kita pelihara keamanan, keharmonian dan kestabilan yang Kerajaan Barisan Nasional bina selama ini. Mari kita syukuri nikmat yang Allah anugerahkan kepada bumi bertuah ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, janganlah cuba-cuba hendak menggadaikan nikmat yang telah Allah anugerahkan kepada rakyat dan negara ini. Rakyat Johor tidak akan terpesona dibuai dan digula-gulakan oleh janji manis pembangkang. Ingat, Barisan Nasional tidak menabur janji, tetapi kita telah laksanakan dan tepati segala janji kita. "Janji ditepati" menjadi slogan yang menyemarakkan agenda pembangunan Barisan Nasional. Ianya terlaksana dan jelas janji ditepati.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sewajarnya kita memberi sanjungan dan penghargaan kepada sumbangan perkhidmatan yang dicurahkan oleh kakitangan kerajaan dalam menjayakan segala dasar kerajaan sejak merdeka hingga kini dan selama-lamanya. Ianya membuktikan kecekapan dan kepekaan mereka memberikan perkhidmatan terbaik demi keperluan dan kesejahteraan rakyat. Kakitangan kerajaan merupakan barisan hadapan, bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan dan mereka sentiasa meletakkan Perkhidmatan Awam Johor terbaik dan mampu membuat keputusan dan memberikan kepuasan kepada pelanggan.

Dalam hubungan ini, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Bentayan, yang bertalu-talu menghentam Ketua-Ketua Jabatan yang tidak begitu responsif kepadanya dan kepada rakyat katanya. Dianggap leka, ketinggalan zaman, tidak cekap dan menyusahkan rakyat. Yang Berhormat Bentayan tentu maklum, Ketua-

Ketua Jabatan ini mempunyai tugas dan tanggungjawab yang luas dalam mengurus dan mentadbir jabatan masing-masing. Tak kan asyik-asyik nak melayan Yang Berhormat seorang sahaja. Banyak kerja lain yang perlu diselesaikan. Sebenarnya sumbangan dan perkhidmatan kakitangan kerajaan ini cukup berkesan dalam memenuhi aspirasi rakyat, cekap dan berintegriti, dan sewajarnyalah kita berikan sanjungan, sanjungan yang tinggi dan berterima kasih atas sumbang bakti mereka itu.

Baru-baru ini kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Khas bagi mengkaji transformasi perkhidmatan awam yang antara lain untuk menambah baik kualiti perkhidmatan awam bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Bagi memastikan transformasi kepimpinan perkhidmatan awam yang berupaya menimbang kepentingan politik dan pentadbiran. Ianya juga untuk memperkasa modal insan perkhidmatan awam yang lebih responsif kepada kehendak pelanggan dan mengutamakan kebajikan penjawat awam dengan memastikan perkhidmatan awam yang lebih fleksibel dan adil. Penambahbaikan perkhidmatan awam ini perlu kerana 8 tahun lagi, negara memasuki alaf baru sebagai negara maju berpendapatan tinggi.

Ia memerlukan pembaharuan azam dan tekad baru serta semangat tinggi yang luar biasa dan mesti dimiliki oleh kakitangan awam dan seluruh rakyat berasaskan kepada program transformasi yang dijana oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, 15 minit.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Ada sikit je.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Idea-idea yang dilontar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah merupakan idea *world class,* dengan izin bukan hanya diterima pakai di peringkat nasional tetapi diiktiraf di peringkat global. Itulah, itulah cabaran besar yang mesti disambut dan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti oleh kakitangan awam di semua peringkat. Dengan suntikan semangat baru ini, insya-Allah akan menjadikan perkhidmatan awam di negara ini sebagai satu perkhidmatan yang cekap, disegani dan diiktiraf sebagai salah satu perkhidmatan awam terbaik dunia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akhir ucapan ini dengan mengambil kesempatan untuk memohon maaf kepada semua Ahli Dewan…

**Y.B. Dato' Speaker :** Termasuk Bentayan?

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Terutamanya pembangkang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok..

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Andainya sepanjang perkhidmatan saya, terdapat kata-kata yang menyentuh dan mengguris perasaan rakan-rakan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Kenapa? Hendak berhenti ke?

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Ali (Bukit Naning) :** Mungkin, ini adalah ucapan yang terakhir untuk saya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh? Belum tentu Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Ali (Bukit Naning) :** Saya sudah isytihar pun.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak apa, dia politik dah isytihar boleh semula.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Ali (Bukit Naning) :** Ok, terima kasih. Itulah saya ingin terakhir ini untuk menyatakan sesuatu bahawa tidak lama lagi, gendang tentang PRU 13 akan dipalu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ingat dia nak cakap lain, tak lama lagi saya nak lagi satu.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Ali (Bukit Naning) :** Lagunya berbunyi gendang Melayu berbunyi kadang-kadang, untung,untung, untung.

**Y.B. Dato' Speaker :** Lagi?

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Ali (Bukit Naning) :** Gendang Cina berbunyi untung, untung, untung.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Ali (Bukit Naning) :** Saya ulang lagi semula, gendang Melayu berbunyi kadang-kadang untung, kadang-kadang rugi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, kompang-kompang bing eh? (ketawa).

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Ali (Bukit Naning) :** Ya. Gendang Cina berbunyi untung, untung, untung.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, itu yang tong, tong, tong.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Ali (Bukit Naning) :** Gendang India berbunyi, rugi, rugi, rugi. Gendang Barisan Nasional berbunyi, menang, menang, menang janji ditepati.(Dewan bertepuk). Dengan kata-kata ini Bukit Naning dengan menyokong yang usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Rengit.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada gendang sendiri?

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Ali (Bukit Naning) :** Tak ada gendang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, terima kasih. Siapa nak berucap lagi? Bangun la cakap sorang. Ahli-Ahli Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga esok, 21 Jun, jam 9:30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 4:45 petang.**

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12**

| HARI KELIMA | KHAMIS, 21 JUN 2012 | BIL. 18 TAHUN 12 |
|---|---|---|

**HADIR**

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Dato' Haji Ahmad Zahri bin Jamil, DPMJ., PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Datuk Hoo Seong Chang, PJN., PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat, PJN., JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Datuk Koh Chee Chai, PJN., PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu, PJN., PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Tuan Haji Marsan bin Kassim

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**
(Jurutulis baca doa).

**Y.B. Dato' Speaker** : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan Dewan ini diteruskan, jemput. Daripada pihak kerajaan ya.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, Peraturan Nombor 13 tu, saya nak tanya atas tu siapa yang duduk atas tu.

**Y.B. Dato' Speaker** : Apa benda? Tak dengar.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu)** : Peraturan 13, ada orang-orang luar.

**Y.B. Dato' Speaker** : Mintak Jurutulis tengokkan, apa cerita, jemput.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan** : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk memulakan penggulungan dari pihak kerajaan. Seterusnya menjawab soalan yang timbul sepanjang perbahasan menjunjung kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Johor sempena Mesyuarat Pertama Bagi Persidangan Ke-5 Dewan Negeri Johor Yang Ke-12. Saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana nampaknya pada Persidangan kali ini tidak ada yang menyentuh secara spesifik berkaitan dengan portfolio saya. Saya percaya ini bukan bermakna ia tidak penting tetapi kesempatan Persidangan terakhir sebelum pilihan raya umum ini, rata-rata Ahli-Ahli Yang Berhormat mengambil kesempatan untuk membawakan isu-isu tempatan masing-masing, di samping mengingatkan untuk mempertingkatkan usaha bagi memastikan kejayaan dalam pilihan raya yang akan datang.

**Y.B. Dato' Speaker** : Dia dah puas.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan** : Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak sama ada agensi-agensi ataupun jabatan-jabatan dalam Kerajaan Negeri serta Jabatan Persekutuan yang telah memberikan kerjasama di dalam menjayakan semua program dalam pembangunan belia mahupun pembangunan sukan.

Kejayaan Himpunan Belia Iskandar Malaysia dengan tema *"IM Youth"* dengan izin, sempena Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Johor 2012 pada bulan Mei yang lalu, telah berjaya menghimpunkan lebih daripada 100,000 orang belia melalui 77 aktiviti merupakan manifestasi kejayaan bersama antara semua jabatan kerajaan, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar ataupun IRDA, , Majlis Belia Negeri

Johor, pelbagai NGO dan syarikat swasta yang ingin melihat anak-anak muda Negeri Johor ini sentiasa peka dan bersama-sama dalam pembangunan yang sedang dibina. Ini merupakan sejarah Perhimpunan Belia terbesar buat julung kalinya di Negeri Johor dan kedua terbesar selepas Perhimpunan Jutaan Belia di Putrajaya. Termasuklah mencipta rekod dalam Malaysian Book of Record, J.Robikthon 24 Jam Tanpa Henti oleh Persatuan J.Robik Negeri Johor serta kejayaan menghimpunkan 30,000 buah buku oleh Persatuan Seri Kandi Bestari Negeri Johor. Ini juga telah menunjukkan bahawa anak-anak muda Negeri Johor masih menghargai usaha yang dilakukan oleh kerajaan khususnya kerajaan Barisan Nasional dalam pembangunan yang sedang pesat berlangsung di Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia serta tidak terpengaruh dengan dakyah pembangkang yang sentiasa merendah-rendahkan dan memandang remeh usaha yang baik ini.

Oleh itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan Himpunan Belia ini termasuklah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah dapat meluangkan masa untuk bersama-sama dalam program anak-anak muda ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan jabatan-jabatan yang telah terlibat secara langsung bersama Majlis Sukan Negeri Johor dalam usaha untuk menaikkan pencapaian sukan Negeri Johor di persada sukan tanah air.

Semasa Sukan Malaysia SUKMA 2008 di Kuala Terengganu, Kontinjen Harimau Selatan telah menduduki tangga kesembilan tetapi dalam SUKMA Melaka 2010 telah melonjak ke tangga keempat. Dan, SUKMA Kuala Lumpur 2011 menunjukkan peningkatan sehingga menduduki tempat ketiga.

Pada 6 hingga 17 Julai ini, Kontinjen Harimau Selatan yang diketuai oleh Yang Berhormat Semarang akan ke gelanggang SUKMA Kuantan 2012 dengan membawa cabaran untuk menduduki sekurang-kurangnya satu lagi anak tangga ke kedudukan yang kedua dalam sejarah SUKMA Malaysia dan seterusnya membuktikan bahawa Johor Boleh. Marilah kita doakan mudah-mudahan anak-anak Harimau Selatan ini akan terus mengaum dan memastikan Lagu Bangsa Johor bergema di setiap gelanggang yang mereka sertai.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ha, saya pergi tu, penyokong kuat.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan** : Terima kasih Dato' Speaker, Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, agensi-agensi kerajaan serta jabatan yang telah membantu Perbadanan Stadium Negeri Johor untuk mengorak langkah ke hadapan bagi menyediakan prasarana sukan yang bertaraf Olimpik, selaras dengan usaha untuk menjadikan Negeri Johor bukan sahaja cemerlang dalam bidang sukan tetapi juga sebagai pusat serta destinasi sukan bertaraf antarabangsa selaras dengan Pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, itu sahaja penggulungan saya, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker** : Terima kasih. Perbahasan diteruskan lagi, jemput Yang Berhormat.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna** : Yang Berhormat Dato' Speaker ...

**Y.B. Dato' Speaker** : Ya Datuk.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : ...** Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk turut serta dalam Perbahasan iaitu sesi penggulungan bagi pihak kerajaan pada pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan khususnya yang membabitkan perkara-perkara di bawah bidang Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor ini .

Isu-isu yang telah ditimbulkan semasa perbahasan tersebut seperti bagaimana, bagaimanakah trend kedatangan pelancong ke Negeri Johor sama ada mereka cuma merupakan transit saja atau *touch n go* saja, dan juga keadaan Gunung Pulai 1 pada waktu sekarang kedudukan macam mana dan juga bagaimana perancangan Jabatan Pelancongan Negeri Johor untuk masa depan dan sebagainya. Semua ini kami di Jabatan Pelancongan Negeri akan memberi perhatian sepenuhnya dan akan berusaha melaksanakan saranan dan cadangan yang sesuai.

Yang Berhormat Dato' speaker, sebagaimana kita sedia maklum bahawa ketika ini Negeri Johor sedang mengalami transformasi pembangunan yang cukup ketara. Banyak projek-projek pembangunan mega yang kini sedang rancak berlaku di Negeri Johor. Tidak ketinggalan juga pembangunan projek-projek berkaitan dengan pelancongan terutamanya di kawasan Wilayah Iskandar, Desaru dan Mersing. Kerajaan Negeri yakin dengan adanya projek-projek pembangunan pelancongan mega ini akan menyebabkan industri pelancongan Negeri Johor khususnya di dalam menarik lebih ramai lagi pelancong datang bermalam dan berbelanja. Ini terbukti seperti mana kenyataan saya di dalam Dewan yang mulia ini, pada 18 hari bulan Jun yang lalu di mana jumlah kemasukan pelawat asing melalui pintu-pintu masuk Negeri Johor bagi tempoh Suku Pertama tahun 2012 iaitu Januari hingga Mac 2012, mencatat peningkatan sebanyak 18.32% iaitu 4,710,978 orang kalau banding dengan 2011, 3,981,555 orang.

Saya ambil kesempatan ini untuk menjelaskan sedikit sebab, apabila kata ramai pelancong atau pelawat masuk ke Negeri Johor, sama ada mereka cuma merupakan cara untuk transit ataupun *by pass* ataupun sebagai *touch 'n go* saja. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, kalau 16 juta lebih pelawat ataupun pelancong, pelawat termasuk pelanconglah datang ke Negeri Johor, kami telah pun membuat satu analisis iaitu lebih kurang 20% pengunjung ataupun pelawat yang masuk ke Negeri Johor ini, mereka menginap sekurang-kurangnya satu malam. Ini kategori sebagai pelancong apabila mereka menginap sekurang-kurangnya satu malam di Negeri Johor, maka mereka anggap sebagai pelancong. Manakala pelawat-pelawat yang masuk tetapi mereka tidak menginap, mereka tetap belanja dan juga melawat tempat-tempat tarikan, mungkin mereka datang awal pagi kemudian balik melalui pintu masuk Negeri Johor pada lewat petang ataupun malam. Mereka kategori ini

sebagai *excursionist* ataupun sebagai pelawat harian *day trippers* dia sebagai harian, dia datang pagi mungkin lewat malam dia balik.

**Y.B. Dato' Speaker** : Dia macam pergi pasar tani tu, hari Sabtu.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna** : Pun anggap sebagai pelawat.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ramai tu.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri** d**an Hal Ehwal Pengguna** : Kalau ramai mereka datang biasa ramai Singaporeanlah atau orang Singapura.

**Y.B. Dato' Speaker** : Saya nak *parking* kereta pun tak ada, semua Singapore punya kereta. Udang pun naik harga.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** *So*, kumpulan ini kita anggap sebagai pelawat harian dan kebanyakan mereka adalah dari Singapuralah. Kumpulan ini lebih kurang 60% daripada keseluruhan pelawat-pelawat atau pengunjung yang datang ke Negeri Johor. Cuma 20% saya akui mereka datang mungkin sebagai *by-pass* ataupun mereka singgah sekejap lepas tu mereka pergi ke destinasi yang lain. Ada pula yang lepas ini dia ke luar negara melalui KLIA dan pintu-pintu keluar di seluruh Malaysia. Ini bermakna 20% sebagai pelancong, 60% sebagai pelawat harian dan 20% sebagai kumpulan yang by-pass ataupun transit di Negeri Johor ini. Saya ingin maklumkan di sini ...

**Y.B. Datuk Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Dato' Speaker, mohon laluan, mohon laluan.

**Y.B. Dato' Speaker** : Apa ni?

**Y.B. Datuk Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Mintak penerangan sikit. Saya nak tahu sebab di Negeri Johor ini memang terkenal dengan...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat. Dalam masa…

**Y.B. Datuk Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Saya mintak laluan untuk dapatkan penerangan lebih lanjut…

**Y.B. Dato' Speaker** : Bukan, bukan, dia gini, gini...

**Y.B. Datuk Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Berkenaan dengan pelancongan sebagaimana yang dinyatakan tadi.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ada tidak ditimbulkan dalam mesyuarat. Dalam perbahasan tu ada ditimbulkan ke tidak.

**Y.B. Datuk Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Ini sebagai menambah dan juga untuk keterangan lanjut.

**Y.B. Dato' Speaker** : Tak boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat sekejap, sekejap ek. Saya biasa dalam Peraturan, ADUN boleh bangun sekiranya Pengerusi yang menjawab itu tidak tepat sebagaimana yang dibangkitkannya. Itu dia akan perjelaskan kalau dia ada tertinggal, dia akan sebut. Tetapi tidak boleh ulas, macam kalau ulas semua, semua akan tanya, habis yang tidak kena mengena tak habis. Jadi terpulang, kalau dekat Parlimen terpulang kepada Pengerusi yang berkenaan. Izin tak dia nak tanya sikit. Yang Berhormat macam mana? Boleh beri laluan pada dia?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Kalau tanya saya, saya bagi laluan. Saya tak ada masalah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, tak apalah kalau sekejap boleh, tapi jangan tambah soalan yang baru. (Dewan ketawa).

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Tidak, tidak. Berkenaan dengan, sebagaimana yang dinyatakan tadi oleh Pengerusi Pelancong. Bagaimanakah kategori, sebab kita Johor ini terkenal dengan pendatang asing yang mencari kerja yang menjadikan pintu masuk utama adalah Negeri Johor. Jadi adakah ini juga dikira dalam angka pelancong? Kadang-kadang dia duduk dua, tiga hari dekat sini juga. Ini saya nak tahu adakah masuk dalam kiraan? Kalau tidak masuk cuba bagi penerangan sikit dalam soal ini. Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Semua angka ini kita memperolehi daripada Jabatan Imigresen. Saya, saya mungkin kita pun ada teliti sekumpulan kecil ini mereka masuk ini, mungkin tujuan dia untuk cari kerja, tetapi kategori ini tidak ramai. Kalau ikut statistik yang kita kumpul ini, kalau mereka masuk khusus untuk kerja, walaupun dia dalam angka Jabatan Imigresen pun kira masuk ke negara ini tetapi kita masih keluarkan kategori ini sebagai pelancong ataupun pelawat. Kita tak masuk kategori ini sebagai pelawat ataupun pelancong sebab Imigresen bila dia masuk dia tahu lebih kurang kumpulan ini tujuan dia pergi mana dan sebagainya. *So*, ini tidak masuk kategori pelancong ataupun pelawat. Ok?

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, bukan ok. Jalan sahaja. Tak akan tanya dia ok. Dia tak ok karang dia bangun lagi. (Dewan ketawa).

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Pada saya tak ada masalahlah. Kalau ada...

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, Pada Datuk, pada Yang Berhormat tak adalah masalah yang lain yang nak menunggu tu.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Kalau diizinkan oleh Yang Berhormat Dato' Speaker...

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, cakap gitu bagus.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Dato' Speaker, saya tak ada masalah, sebab saya pun ingin dengar juga kalau ada pandangan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah, saya pun ke kadang kesian juga tengok Yang Berhormat, yalah Yang Berhormat ini kan *last*.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Belum pasti lagi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, itu saya suka cakap. (Dewan ketawa). Belum pasti, itu yang saya nak dengar itu.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Ok, itu luar tajuklah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak apalah itu tajuk sebagai pelancong juga.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Baik, baik. Maka *trend* peningkatan yang saya nampak dari isu transit ataupun *by-pass* itu tidak selesai. *So,* saya ingin ingatkan bahawa kalau kata semua masuk Negeri Johor, cuma melalui bandar Johor Bahru sebagai transit itu tidak benarlah.

Dato' Speaker*, trend* peningkatan jumlah kemasukan pelawat asing ini, dijangka akan terus meningkat apabila *Legoland Malaysia* yang sasarkan 1 juta pengunjung setahun akan dibuka pada bulan September 2012. Dan *Puteri Harbour Indoor Entertainment Centre* akan juga buka pada bulan Oktober 2012. Kerajaan Negeri ingin dan juga kita percaya bahawa kewujudan produk pelancongan baru ini bukan sahaja akan meningkatkan jumlah pelawat ataupun pelancong ke Negeri Johor tetapi juga dilihat akan turut memberi impak positif terhadap peningkatan ekonomi kepada pengusaha-pengusaha pelancongan yang sedia ada. Oleh itu, saya amat berharap, semua pihak dapat memainkan peranan yang proaktif untuk sama-sama Kerajaan Negeri menjana industri pelancongan Negeri Johor.

Di sini, saya ingin memaklumkan mengenai keadaan Gunung Pulai 1 yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Tidak salah saya Yang Berhormat Bukit Batu yang bangkit perkara ini. Memang benar pada 2 Februari 2010, Gunung Pulai 1 dibuka untuk pelancong ataupun penduduk-penduduk tempatan, tetapi ia tutup balik, tutup balik mungkin dalam 1 bulan kerana isu-isu keselamatan yang harus kita selesaikan. Pada saat ini, pihak-pihak berkuasa memang pada dasarnya setujulah untuk kita buka kawasan ini, tetapi kawasan yang dibenarkan ini adalah terhad di aras bawah. Dan pengunjung yang ingin melakukan aktiviti perkhemahan perlu juga dapatkan permit daripada Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan pihak Pejabat Daerah Kulaijaya dan

Majlis Perbandaran Kulaijaya juga akan merangka langkah-langkah untuk mempertingkatkan kawasan ini dan melaksanakannya secara peringkat-peringkat.

Walau bagaimanapun, tak lama lagi jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang saya sebutkan tadi seperti Pejabat Daerah, Majlis Perbandaran Kulaijaya, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pelancongan Negeri Johor akan duduk semeja untuk bincang syarat-syarat dan juga perkara-perkara yang harus kita ambil kira apabila kita umum untuk buka secara rasmi tak lama lagi. Ini peringkat ini saya nampak ada penduduk-penduduk tempatan walaupun belum secara rasmi tetapi mereka masuk juga ke tempat ini. *So*, lebih teratur, lebih rasmi mungkin saya minta supaya Pejabat Daerah, Majlis Perbandaran Kulaijaya, Jabatan Perhutanan dan juga Jabatan Pelancongan Negeri Johor akan duduk semeja supaya benar-benar bincang perkara-perkara yang harus kita ambil kira dan juga buka kepada pelancong dan juga penduduk tempatan yang saya sebutkan tadi mungkin cuma dibenarkan di aras bawah gunung tersebut. *So*, minta sabar sedikitlah, Yang Berhormat untuk kita tunggu keputusan yang akan umum tak lama lagi.

Bagi memastikan produk pelancongan yang sedia ada, supaya berdaya saing dan saling lengkap melengkapi dengan produk pelancongan yang baru, maka salah satu usaha Kerajaan Negeri adalah dengan memberi keutamaan terhadap pembangunan produk pelancongan yang berkenaan terutamanya untuk mempertingkatkan tahap keselamatan, kebersihan, kemudah sampaian dan keselesaan serta membangunkan fasiliti dan infrastruktur. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat 26 projek pembangunan pelancongan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10, di mana 11 projek telah pun dilaksanakan dan 15 projek lagi masih dalam peringkat pelaksanaan oleh pelbagai agensi yang dipantau oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan pejabat ataupun pihak Kementerian Pelancongan Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha-usaha promosi dan pemasaran juga dilaksanakan bagi tempoh Januari hingga Jun 2012, oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor dengan kerjasama pelbagai pihak adalah seperti berikut:

1. Kita telah pun melaksanakan sebanyak 16 program misi jualan di mana 14 merupakan program misi jualan domestik dan 2 merupakan misi jualan di Singapura.

2. Sebanyak 10 acara pelancongan bertaraf nasional dan antarabangsa telah dilaksanakan di Negeri Johor seperti Festival Layang-Layang Antarabangsa Pasir Gudang, Kembara Mahkota Johor, Festival Chingay, Pertandingan Menembak Iskandar, Festival Air Papan Mersing dan sebagainya.

3. Kerajaan Negeri turut mengadakan perjumpaan bersama-sama dengan pihak swasta dan Badan-Badan Bukan Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelancongan Negeri Johor di mana mesyuarat yang baru sahaja diadakan adalah pada 8 Mei 2012. Selain daripada itu, Jabatan Pelancongan Negeri juga turut mengambil langkah dengan mengadakan beberapa siri perjumpaan bersama dengan industri pelancongan dari semasa ke semasa bagi

membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelancongan. Tahun ini sehingga kini kita telah pun mengadakan empat kali perjumpaan dengan Badan-Badan Bukan Kerajaan bagi membincang dan menyelesaikan beberapa isu yang dihadapi oleh pihak industri.

4. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor, dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan juga dalam usaha untuk menyeragamkan papan tanda tunjuk arah dan papan penerangan pelancongan di setiap daerah.

5. Perkhidmatan feri dari Tanjung Belungkor ke Changi, Singapura juga telah pun mula beroperasi semula.

6. Menjalinkan hubungan kerjasama pintar bersama syarikat penerbangan *Firefly* dengan mengadakan *FAM trip* ke Timur melalui perkhidmatan penerbangan terus dari Kota Bahru ke Johor Bahru yang diadakan pada 17 hingga 19 Jun 2012 yang lalu. Dan untuk makluman, perkhidmatan penerbangan ini diadakan sebanyak 2 kali seminggu dan saya dimaklumkan bahawa sejak diperkenalkan pada 26 April yang lalu ia dapat sambutan yang baik iaitu mencapai 80% penumpang untuk satu penerbangan. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan juga sedang berbincang dengan syarikat berkenaan supaya meluaskan lagi perkhidmatan tersebut. Selain daripada itu, penerbangan *Firefly,* Kerajaan Negeri juga mengadakan perbincangan dengan syarikat penerbangan *Air Asia* Indonesia, *Air Asia* Indonesia untuk beroperasi di Lapangan Terbang Senai dan pihak Kerajaan Negeri kini menunggu maklum balas dari pihak berkenaan. Dan saya difahamkan bahawa *Air Asia* Indonesia akan terbang, tidak salah saya Surabaya ke Johor Bahru.

**Y.B. Dato' Speaker :** Bila? Sudah mula?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Tak lama lagilah, sudah ada perbincangan dan kemudian sedang sedia untuk menjual tiket dan sebagainya. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melihat perkhidmatan penerbangan sewa khas ataupun *charted flight*, ada juga kaedah yang terbaik untuk menggalakkan kedatangan pelancong dari luar negara ke Negeri Johor. Langkah awal telah pun diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor dan *Tourism Malaysia* bersama-sama dengan mengadakan perjumpaan dengan beberapa syarikat penerbangan luar negara seperti dari Negeri Cina, Hong Kong, Taiwan, Korea Selatan dan sebagainya dan mereka pada saat sekarang memang mengatakan ada minat untuk datang ke Negeri Johor supaya kita akan mengadakan perbincangan yang seterusnya supaya cadangan-cadangan ini akan dilaksanakan. Pendek kata, selain daripada saya sebutkan tadi, memang usaha, kita kerana *Senai International Airport* sebagai *International Airport,* kami juga berusaha sedaya upaya, selain daripada kita minta syarikat penerbangan domestik ataupun dari negara kita, MAS, *Air Asia* dan *Firefly,* kita juga berusaha supaya meyakinkan *airline* daripada luar negara supaya juga tunjuk minat untuk datang ke *Senai International Airport* ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dah habis?.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Cuba pendekkan Yang Berhormat, mana yang boleh. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan, kita telah pun mengambil langkah susulan dengan mengadakan perjumpaan dan perbincangan. Yang baru kita selesaikan ialah pada 19 Mac, di mana kita duduk untuk berbincang dengan pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jabatan Penerbangan Awam Malaysia, Senai Airport Terminal Services, MAS dan MATTA Johor bagi membincang perkara-perkara yang ada berkaitan dengan a*irline service* dan juga bagaimana kita boleh tingkatkan lagi usaha untuk menarik kapal terbang yang boleh datang ke Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, zaman sekarang, baru-baru ini saya duduk untuk sama-sama dengan beberapa pihak. Saya mengatakan bahawa zaman sekarang penyaluran maklumat digital dilihat medium yang penting di dalam usaha untuk kita mempromosikan produk serta tarikan pelancongan di Negeri Johor ini. Dan untuk makluman, berdasarkan analisis pengunjung ke laman web portal Pelancongan Negeri Johor ataupun lebih dikenali sebagai *tourismjohor.com* yang dibuat secara bulanan, pihak Jabatan Pelancongan Negeri Johor telah berjaya menarik seramai 150,000 orang pengunjung pada tahun 2009 dan kemudian 161,011 orang iaitu peningkatan 7.34% pada tahun 2010. Dan kemudian 175,915 orang, peningkatan lagi 9.26% pada tahun 2011. Ini satu perkembangan yang positif bagi sebuah laman web pelancongan di peringkat negeri. Oleh demikian, Jabatan Pelancongan Negeri Johor akan terus memantapkan lagi penyaluran maklumat digital dengan mengambil langkah seperti berikut :

1. Kita wujudkan website untuk setiap daerah. Kita cuba buat setiap daerah.
2. Program promosi di talian ataupun *online travel map.*
3. Menerbitkan video promosi pelancongan Negeri Johor.
4. Mewujudkan *e-brochure*.
5. Mengadakan kiosk internet.

Kita sedang mengusahakan supaya, kalau dengan adanya infrastruktur dan juga fasiliti yang kita rancangkan ini, bila siap, ia tetap akan bantu untuk menarik peminat-peminat yang datang ke Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu Kerajaan Negeri juga akan meneruskan usaha-usaha mempertingkatkan lagi dan meneruskan lagi pemasaran serta promosi pelancongan Negeri Johor melalui program pelancongan misalnya seperti penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa dan taraf nasional, program lawatan pengenalan ataupun *FAM TRIP.* Ini ingin saya tekankan di sini, dalam setengah tahun ini memang ramai agensi pelancongan dari luar Negeri Johor dan dari luar negara. Mereka datang ke Negeri Johor untuk memahami selain daripada produk yang sedia ada dan produk-produk baru yang mereka ingin mengetahui. Maka, saya nasihatkan kepada semua agensi dan juga agen-agen ataupun *travel agent* supaya kita perlu wujudkan pakej pelancongan yang baru. Di mana wujudkan lebih banyak pilihan kepada pelancong-pelancong yang datang ke Negeri Johor ini. Terbaru ini

ramai daripada Kuala Lumpur, dari luar negara datang berjumpa dengan saya dan mereka meminta supaya ada *FAM TRIP*, bererti kita bawa mereka pergi tengok tempat-tempat pilihan yang mereka boleh pilih untuk datang ke Negeri Johor bukan sekali sahaja. Mungkin kali ini datang *you* pakai pakej A, kemudian datang kali kedua pakai pakej B dan sebagainya.

Sekarang saya nampak untuk mewujudkan pakej-pakej baru ini, baru ini bererti yang sedia ada dan juga yang baru untuk kita cantumkan supaya mewujudkan pakej yang baru untuk kita tawarkan kepada pelancong-pelancong yang sudah ada minat datang ke Negeri Johor ini. Maka dengan usaha ini saya percaya, pasti boleh, kita boleh mempertingkatkan lagi usaha kita untuk menarik lebih ramai pelancong yang datang ke Negeri Johor ini. Pada saya, saya anggap seperti saya jawab dalam Dewan yang mulia ini yang lalu iaitu status ataupun kita sekarang, Johor duduk ke tangga yang ke-5, yang ke-4 ke ke-5, yang ke-5 lebih kurang iaitu :

1. Kuala Lumpur sebagai ibu kota
2. Pahang
3. Pulau Pinang
4. Johor
5. Melaka
6. Negeri Sabah

Saya penuh yakin kita tetap ada di tangga yang ke-4 dan 3.5 juta sebagai tangga ke-4. Dan 5 juta, Pulau Pinang. Kita akan tetap cari sasaran supaya kita kejar Pulau Pinang supaya kita boleh melebihi ataupun dapat pelancong yang lebih untuk kita duduk ke tangga yang ke-3. Ini sasaran kita supaya dalam satu, dua tahun ini kita akan berusaha supaya setaraf dengan Pulau Pinang. Dan kalau Pahang jauh sedikitlah, dia 8 juta lebih. Orang tanya mengapa Pahang? Sebab Pahang jangan lupa, dia ada Genting Highlands. Maka jauh sedikit walaupun, begitu pun kita akan usahalah supaya cari cara untuk kita meningkatkan lagi lebih ramai pelancong yang datang ke Negeri Johor.

Dato' Speaker...

**Y.B. Dato' Speaker :** Akhirnya..

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Oklah, akhirnya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Hem, baguslah.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada pengusaha-pengusaha industri pelancongan Negeri Johor dan pihak media massa. *I* perlu tekankan, pihak media pun sebenarnya kawan baik..

**Y.B. Dato' Speaker :** Apa Yang Berhormat sebut *I* perlu tekankan..

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Apa dia?

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat cakap *I* perlu terangkan..ha, yalah.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Saya turut ingin mengucapkan terima kasih kepada pengusaha-pengusaha industri pelancongan dan pihak media massa. Pihak media sebenarnya penting. Saya ucapkan terima kasihlah selama ini bagi publisiti dan promosi yang cukup baik, kerjasama yang rapat dengan Jabatan Pelancongan untuk sama-sama kita membangunkan industri pelancongan di Negeri Johor ini. Ini kerana faktor peningkatan dan kejayaan, pelaksanaan program-program pelancongan kerajaan adalah penting dan juga dan ia memerlukan sokongan serta kerjasama daripada mereka untuk kita memajukan sektor pelancongan di Negeri Johor ini.

Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, selama ini dalam Dewan ataupun luar Dewan memberi pandangan dan juga memberi perhatian yang cukup baik untuk kita membantu sektor pelancongan di Negeri Johor, saya ingin juga mengucapkan terima kasihlah. Tak lupa jugalah ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan setakat memberi peluang untuk saya menjawab, pun sekali-sekali ada bagi pandangan yang baik jugalah pada saya. Ada peluang kita sama-sama..

**Y.B. Dato' Speaker :** Ya, saya setuju tadi Yang Berhormat masuk, makna Yang Berhormat akan, belum tentu lagikan. Itu, itu *words* itu yang bagus.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Mudah-mudahan akan datang kita..

**Y.B. Dato' Speaker :** Bertemu lagi.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna :** Bersama-samalah ke luar negara. Sekian, terima kasih, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Lagi. Perbahasan disambung semula. Habislah, tak ada harapanlah.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam sejahtera, selamat pagi dan salam 1 Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Permas berkaitan dengan kemudahan PERKESO, atas cadangan umur persaraan swasta, umur 60 tahun. Pada masa ini PERKESO menyediakan dua skim perlindungan kepada semua pekerja yang layak iaitu :

1. Skim Insurans Bencana Pekerjaan.
2. Skim Pencen Ilat.

Bagi perlindungan Skim Insurans Bencana Pekerjaan, tiada sekatan had umur dikenakan mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Di mana selagi seseorang itu masih bekerja walaupun telah berumur melebihi 55 tahun, beliau masih lagi layak dilindungi bagi kemalangan yang berkaitan dengan bencana kerja ataupun sesuatu penyakit. Mereka ini adalah layak mendapat faedah-faedah yang disediakan. Manakala bagi perlindungan Skim Pencen Ilat terdapat dua syarat yang dikenakan iaitu :

1. Permohonan tersebut hendaklah sebelum pekerja genap umur 55 tahun dan jika permohonan itu dibuat selepas pekerja berumur 55 tahun maka pekerja tersebut perlu membuktikan yang beliau tidak lagi bekerja selepas beliau berumur 55 tahun dan beliau telah mengidap keadaan uzur tertentu yang berkekalan sebelum beliau berumur 55 tahun.
2. Pekerja tersebut juga perlu memenuhi syarat kelayakan caruman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walau bagaimanapun, PERKESO mengambil maklum perkembangan semasa memandangkan had umur persaraan wajib sektor swasta pada umur 60 masih dalam perbahasan di Dewan Rakyat dan masih belum diluluskan. Maka, PERKESO buat masa ini masih dalam kajian peruntukan undang-undang yang ada berkaitan kelayakan had umur untuk perlindungan di bawah Skim Pencen Ilat ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan isu-isu berkaitan dengan sumber manusia, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa menjelang tahun 2016, Pengerang akan membangun sebagai pusat ekonomi dalam bidang gas dan minyak. Perkara ini telah disentuh dan menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Benut, Rengit, Tanjung Surat, Penawar, Skudai, Mengkibol dan yang lain-lain juga. Adalah dijangkakan sebanyak 40,000 peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan dalam peringkat pembinaan dan penyediaan prasarana. Selain itu, apabila projek telah memulakan operasinya kelak, sebanyak 8,000 peluang pekerjaan akan disediakan untuk rakyat khasnya anak Johor, di mana 70% dari peluang pekerjaan berkenaan adalah untuk rakyat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan peluang latihan dalam bidang gas dan minyak, memandangkan pekerjaan dalam bidang gas dan minyak memerlukan pekerja yang berkemahiran, maka kerajaan melalui institusi latihan dan badan-badan yang berkaitan dengan kerajaan telah merancang dan sedang menjalankan latihan. Kerajaan Negeri melalui pembentangan Bajet Tahun 2012 telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta bagi melatih 150 orang yang terdiri dari anak-anak orang miskin dan berdaftar dalam senarai e-Kasih untuk menjalani latihan. Setelah selesai latihan, mereka ini akan memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 dan Tahap 2.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pekan Nenas, menyedari bahawa negara memerlukan tenaga kerja berpengetahuan kreatif dan berkemahiran merangkumi juga kemahiran *soft skill*, dengan izin, dan juga terdapat ramai graduan yang masih menganggur maka kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah

menubuhkan *Talent Corporation.* Antara program yang dijalankan ialah, melancarkan Skim Latihan 1Malaysia. Usaha untuk mengenal pasti syarikat yang berminat untuk menyertai skim ini dan graduan yang layak telah dan sedang dijalankan. Ianya terbuka kepada graduan melalui 3 pendekatan iaitu:-

Program Champs iaitu terbuka kepada graduan yang telah menganggur untuk sekurang-kurangnya 6 bulan dan kelulusan CGPAnya sekurang-kurangnya 2.0.

Program Skim Kemahiran Kerjaya 1 Malaysia yang saya sebutkan tadi, terbuka kepada graduan yang memperolehi CGPA 2.5 ke atas. Program Skim Kemahiran 1Malaysia Yang Berhormat Dato' Speaker, merupakan program latihan kemahiran yang membantu belia-belia mahupun pelajar-pelajar yang berkelulusan Diploma dan ke bawah untuk mendapatkan pekerjaan. Program ini juga adalah salah satu usaha kerajaan dalam menangani masalah pengangguran di negara ini. Kerajaan memperuntukkan RM3.0 juta untuk disalurkan kepada lebih 3,000 belia untuk menjalani kursus latihan jangka pendek selama 2 bulan di syarikat atau organisasi yang berpotensi untuk menawarkan pekerjaan kepada belia tersebut melalui Program Skim Kemahiran 1Malaysia ini. Ini bagi memastikan supaya masalah *miss matching,* dengan izin*,* dapat diatasi sekali gus melahirkan belia-belia berkemahiran yang memenuhi keperluan industri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan risaunya Yang Berhormat dari Penawar berkaitan dengan limpahan pekerja asing di Pengerang. Dalam usaha membangunkan Pengerang sebagai pusat kegiatan ekonomi dan pembangunan, penggajian pekerja asing akan diperlukan khasnya bagi jawatan yang kurang penyertaan dari rakyat tempatan khususnya dari segi sektor pembinaan. Jadi risaunya Yang Berhormat dari Penawar tadi ada sebutkan tentang pekerja asing dari Nigeria akan di gajikan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi pekerja-pekerja dalam sektor pembinaan, mereka ini adalah dari negara sumber yang diberi kebenaran oleh Kementerian Sumber Manusia yang telah dikenal pasti iaitu Indonesia, Myanmar, Nepal dan Vietnam. Jadi orang-orang Nigeria tidak akan berada di Pengerang, Y.B. tak payah risaulah. Orang-orang Nigeria biasanya datang ke Malaysia adalah atas pas lawatan sebagai pelajar ataupun pelancong.

**Y.B. Dato' Speaker** : Dia hitam ke putih Nigeria ni?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi:**Ya, Dato' Speaker?

**Y.B. Dato' Speaker** : Warnanya dia apa? Nigeria, tak perasan saya. (Dewan ketawa).

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi:** Jauh lebih hitam daripada saya. (Dewan ketawa).

**Y.B. Dato' Speaker** : Oh, makna Yang Berhormat hitam, tapi itu lebih hitam sikit. Ha, gitu ya. Ha, yalah.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi:** Ok, seterusnya...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang depan tu lagi hitam.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi:** Bagi fasa pembinaan bangunan dan prasarana akan memerlukan seramai 40,000 orang pekerja termasuklah 14,000 dari mereka adalah pekerja mahir. Pembangunan ini akan memerlukan khidmat pekerja asing yang akan terlibat dalam pembinaan sepertimana yang saya sebutkan tadi. Penggajian pekerja asing yang mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi politik, agama, adat resam, budaya dan bahasa tentunya akan memberi kesan dari segi sosial kepada penduduk tempatan. Menyedari hakikat ini dan untuk memelihara keselamatan, keharmonian dan keselesaan penduduk tempatan, maka pihak Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan PETRONAS dan juga dengan syarikat-syarikat yang melabur di situ untuk mewujudkan penempatan pekerja asing yang lengkap. Antara kemudahan yang akan disediakan di dalam penempatan ini ialah asrama, kedai, klinik, kemudahan sukan, perkhidmatan kawalan keselamatan dan sebagainya. Penempatan ini akan mempunyai suasana yang selesa dan selamat bagi pekerja asing ini. Antara penempatan seperti ini Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah yang sepertimana yang didirikan di Kem *Cobra* di Nusajaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai isu-isu yang dibangkitkan berkaitan dengan isu perpaduan kaum di Malaysia. Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan atas keprihatinan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menyentuh mengenai isu perpaduan kaum. Di antaranya Yang Berhormat dari Rengit, Semarang, Pulai Sebatang, Stulang, Layang-Layang dan yang lain-lain juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam, dari segi sejarah, kalau kita melihat usaha serius Malaysia ke arah perpaduan kaum dilihat mula bercambah setelah tercetusnya tragedi 13 Mei apabila Majlis Perpaduan Negara dan selaras itu Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan. Namun saya lihat bahawa bibit-bibit usaha ke arah yang sama juga telah dibenihkan dalam Perlembagaan Kemerdekaan 1957 lagi. Dalam konteks ini, klausa-klausa dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjurus kepada penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, peruntukan pelaksanaan sekolah jenis kebangsaan dan penggunaan bahasa kaum minoriti, telah pun dimaktubkan melalui Artikel 152 dan 153, yang sering kali kita rujuk sebagai Kontrak Sosial antara pemimpin-pemimpin parti pelbagai etnik yang dominan di Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana yang pernah ditunjukkan oleh Kajian Furnival Tahun 1956, iaitu seorang pengkaji dari Universiti Cambridge UK, yang terlibat dalam khidmat awam, negara-negara dunia ketiga, pasca merdeka, amat teruk dikacau-bilaukan oleh penjajah dengan polisi pecah dan perintah. Polisi sedemikian juga amat lumayan diamalkan oleh pihak British ke atas datuk nenek kita dahulu sebelum merdeka kerana pendekatan sedemikian menguntungkan pihak penjajah. Bagi Furnival falsafah sedemikian telah mewujudkan dan mengukuhkan pluralisme

atau satu bentuk masyarakat berbilang kaum yang, *they mix but do not combine*, dengan izin.

**Y.B. Dato' Speaker** : Hm?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi:** *They mix but do not combine*.

**Y.B. Dato' Speaker** : *What is that?*

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi:** Ha, dengan izin, ataupun dalam bahasa ibunda mereka bercampur tetapi tidak bersatu. Bagi Furnival falsafah pluralisme sedemikian.

**Y.B. Dato' Speaker** : Bagi apa Yang Berhormat? Furnival?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi:** Yang Berhormat Dato' Speaker?

**Y.B. Dato' Speaker** : Bagi apa? Bagi apa tu, Yang Berhormat?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi:** Bagi Furnival, Furnival ini seorang pengkaji.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ingat ni Palanivel, Yang Berhormat punya Presiden. (Dewan ketawa). Itu yang saya terperanjat tu.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi:** Bagi Furnival, falsafah pluralisme sedemikian lebih banyak mendatangkan bencana kepada kestabilan sosial dan politik negara. Sebaliknya kita juga sedar bahawa perpaduan kaum adalah pemboleh ubah penting dalam menentukan kestabilan politik, sosial malah ekonomi. Mana-mana kerajaan jua pastinya berusaha untuk menentukan elemen-elemen penting perpaduan kaum ini digarap supaya pembangunan sosial, ekonomi dan infrastruktur dapat dicapai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, meninjau realiti politik dan sosial di Malaysia, saya melihat bahawa terdapat elemen-elemen pendekatan yang diambil oleh Malaysia dalam hal membina perpaduan kaum agak berbeza. Agak berbeza dengan pendekatan yang dianggap sebagai arus perdana di Barat. pendekatan yang digunakan oleh kepimpinan Malaysia dalam beberapa aspek berada dalam ekstrem yang bersongsangan berbanding dengan teori perpaduan kaum yang disarankan oleh pemikir-pemikir Barat. Dan yang diamalkan di sebelah sana. Amerika dan beberapa negara Eropah seperti Britain dan Perancis misalnya menggunakan konsep *melting port,* dengan izin, atau acuan pelebur dalam pendekatan mereka untuk menyatukan pelbagai etnik minoriti, etnik peribumi dan etnik dominan dalam negara. Dalam proses peleburan itu, dalam proses peleburan itu, budaya etnik minoriti terlebur, tercerna, teradun, malah sesetengahnya tersirna dalam budaya majoriti yang dominan, namun perkara itu tidak berlaku di Malaysia. Di Malaysia, kita lihat konsep

acuan pelebur itu tidak wujud, sebaliknya yang wujud ialah konsep *salad bowl,* ataupun mangkuk sayur-mayur, yang tidak meleburkan mana-mana unsur etnik, tetapi mempersatukan kepelbagaian warna kulit dan budaya dalam satu persekitaran yang sama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, namun realitinya, dasar perpaduan kaum Kerajaan Malaysia amat mesra dan bertoleransi terhadap etnik minoriti. Contohnya, diambil penggunaan bahasa etnik minoriti yang tidak pernah dikenakan hukuman malah, tidak pernah dilarang digunakan di mana-mana sekolah di Malaysia, meskipun di sekolah-sekolah kebangsaan pun ada diajar bahasa-bahasa etnik termasuklah Bahasa Cina, Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Arab dan lain-lain. Malah diwujudkan pula sekolah-sekolah jenis kebangsaan dengan memberikan hak mutlak kepada etnik minoriti untuk menggunakan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa pengajaran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan perpaduan masyarakat di Malaysia berada dalam keadaan yang baik. Ini boleh dilihat berdasarkan kepada *Global Peace Index* pada tahun 2011, yang mana kita mencatatkan kedudukan di tangga yang ke-19, berbanding dengan 153 negara di seluruh dunia. Di antara negara-negara Asia Yang Berhormat Dato' Speaker, kita dapat nombor yang pertama, kita kira johanlah dari segi *Global Peace Index* di negara ASEAN dan kita dalam kedudukan nombor 2 selepas Jepun, di kalangan negara-negara Asia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Indeks Ketegangan Masyarakat, ini adalah satu perkiraan dalam Jabatan Perpaduan, menunjukkan bahawa bagi suku tahun pertama 2012, 4.4 kes per sejuta penduduk. Maksudnya dalam sejuta penduduk cuma 4.4 kes sahaja yang berkaitan dengan ketegangan masyarakat, jika dibandingkan mengikut tahun Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk 2008, kedudukan Indeks Ketegangan Masyarakat ialah 27.9; 2009, 21.6 kes; 2010, 22.5 kes dan 2011, 18.2 kes.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Jorak iaitu selain kita sebut mengenai perpaduan antara kaum. Perpaduan sesama kaum itu sendiri juga sama penting dengan perpaduan antara kaum, kerana perpecahan dalam kaum itu sendiri juga boleh memberi kesan kepada kaum-kaum yang lain dalam usaha kita untuk terus bersatu dalam menggalas tanggungjawab kita secara bersama bagi mengekalkan keharmonian dan kemakmuran dalam negara.

Oleh yang demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, semua pihak, semua pihak haruslah mengambil perhatian, melihat perkara ini sebagai satu yang paling utama bagi kita mengukuhkan perpaduan masyarakat khususnya di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebarang usaha perpecahan oleh mana-mana pihak harus disangkal, harus ditolak habis-habisan. Kejayaan dan usaha Kerajaan Barisan Nasional yang dapat mengekalkan keharmonian, kesejahteraan dan kemakmuran sejak merdeka lagi haruslah diteruskan dulu, kini dan selamanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu sajalah perkara-perkara yang dapat saya sampaikan dalam penggulungan ini. Saya mengambil kesempatan juga

mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ketua-Ketua Jabatan, kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat memberikan kerjasama yang baik kepada saya juga jabatan-jabatan di bawah portfolio saya dan juga ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana membantu juga kami bagi memberikan sokongan dan juga dorongan kepada Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dah ya? Ok. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Em... sabar dulu dah nak bangun. Dah ada rombongan di atas kita sana. Rombongan daripada Ketua dan Ahli Jawatankuasa UMNO Cawangan Bandar Kota Tinggi berserta Pergerakan Wanita, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri. Ha, Puteri pun ada sama Cawangan Bandar, daripada DUN Johor Lama. Siapa Wakil Rakyat dia ni? Makan dah sediakan? Ha, ok jemput siapa nak berucap lagi? Perbahasan diteruskan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumussalam.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Yang Berhormat Dato' Speaker, alhamdulillah saya ingin panjatkan rasa syukur terhadap Allah SWT kerana pada pagi Dewan yang mulia ini, kita dapat bersama-sama bersempena dengan Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Ke-12 yang telah dirasmikan pembukaannya oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk menyampaikan Ucapan Penggulungan. Saya tak berani nak cakap ini yang terakhir kerana yang lepas ramai daripada kita beranggapan bahawa Persidangan lepas Persidangan terakhir, rupanya ada lagi Persidangan. Jadi kita pun tak tahulah mungkin hujung tahun mungkin masih ada Persidangan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, insya-Allah dan tahun-tahun yang akan datang jumpa juga.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Saya melihat apa tu teks ucapan saya yang lepas memandangkan pada ketika itu saya beranggapan bahawa itu merupakan Ucapan Penggulungan terakhir, maka saya sama juga dengan sebahagian besar rakan-rakan dah pun mengucapkan ribuan terima kasih kepada jabatan, kepada apa tu kakitangan, Jurutulis dan juga dah minta maaf dah. Rupa-rupanya ada lagi Persidangan pada kali ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, lambat lagi baik.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Yang Berhormat Dato' Speaker, nampaknya pada kali ini hanya beberapa orang Ahli Dewan yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan portfolio saya. Namun begitu ada juga soalan-soalan yang berulang, namun

begitu, oleh kerana ianya di tanya oleh dalam Persidangan Dewan yang berasingan maka, saya ingin juga menyentuh perkara-perkara tersebut walaupun ianya telah pun ditanya dalam Persidangan sebelum ini.

Pertamanya, soalan yang saya rasa dah pun dijawab oleh saya ialah perkara yang dibangkitkan oleh Ahli daripada Mengkibol mengenai dengan kedudukan KPYPJ. Mengkibol membangkitkan kenapa KPYPJ rugi, setiap tahun hampir setiap tahun rugi dan kerugian terkumpulnya agak banyak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya KPYPJ merupakan sebuah kolej swasta yang didaftarkan sebagai kolej swasta ataupun IPTS, Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan ianya didaftarkan di bawah Akta Syarikat. Sebenarnya matlamat penubuhan KPYPJ bukanlah untuk mencari keuntungan Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita pun tak mengenakan yuran yang tinggi bagi pelajar-pelajar yang belajar di KPYPJ kerana hanya sebahagian daripada kos operasi KPYPJ ditampung oleh yuran pelajar KPYPJ sendiri. Kerana matlamat penubuhan KPYPJ ialah untuk beri peluang kedua kepada anak-anak Negeri Johor yang mungkin tak mempunyai peluang untuk belajar di IPTA kerana ada juga pelajar-pelajar kita walaupun mereka cemerlang, sebenarnya mereka kadang-kadang tak diberi peluang, tak berpeluang ataupun gagal untuk mendapatkan tempat di IPTA.

Ada yang dapat 4A, ada yang dapat apa tu 5 kredit dan sebagainya tapi mungkinlah tempat di IPTA terhad dan juga ada juga yang mungkin tersilap memilih kursus sewaktu memohon melalui UPU. Maka, akhirnya mereka gagal untuk mendapatkan tempat dalam IPTA, maka kita beri peluang kepada pelajar-pelajar ini supaya mereka mendapat tempat untuk meneruskan pelajaran dan tidak terhenti hanya setakat di SPM saja. Jadi, KPYPJ menawarkan kursus-kursus akademik dan juga kemahiran yang bersesuai dengan kehendak tempatan khususnya. Jadi, keuntungan bukanlah matlamat utama KPYJP, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita pun tak naikkan yuran sewenang-wenangnya, mungkin ada setengah kolej apa tu di bawah Kerajaan Negeri, saya tak mahu sebutlah negeri mana, jadi dia ambil jalan mudah bila tak dapat *cover* kos pengurusan, dia ambil keputusan untuk naikkan yuran.

Kita di Johor tidak Yang Berhormat Dato' Speaker, kita pastikan bahawa yuran yang dikenakan adalah masih lagi di tahap yang mampu untuk dijelaskan oleh pelajar malah kita di peringkat YPJ sendiri menyediakan kemudahan pinjaman untuk pelajar-pelajar kita di kolej KPYPJ itu sendiri.

**Y.B. Dato' Speaker :** Makna rakyat didahulukan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Begitulah kita amalan kita sejak dari dulu lagi Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Maharani mengenai dengan bantuan kemasukan pendaftaran ke IPTA, di mana Maharani mencadangkan betapa pentingnya bahawa mereka yang layak ini seboleh-bolehnya berilah bantuan sebelum mereka mendaftar di IPT. Ini memang satu cadangan yang baik, sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman sebenarnya kita memang, apa tu,

cuba untuk memastikan bahawa mereka ini mendapat bantuan tersebut sebelum mereka masuk ke IPT. Cuma ada kes-kes tertentu yang pelajar ni mohon selepas mereka masuk ke IPTA. Ha, jadi yang itu memang kita nakkan bukti resit dialah. Ha tapi biasanya UPU akan buat keputusan dengan, apa tu, mereka yang layak masuk ke IPTA sekurang-kurangnya 3 minggu, 3 minggu sebelum tarikh pendaftaran. Maka, dalam tempoh 3 minggu ni, pelajar-pelajar yang layak, mereka boleh pergi ke YPJ untuk memohon kerana proses kita biasanya dalam masa seminggu. Kalau mereka belum masuk ke IPTA, mereka perlu bawa apa tu, surat tawaran, surat tawaran kemudian ada syarat-syarat dia antaranya bawa salinan kad pengenalan ibu bapa, penjaga, salinan slip gaji, pendapatan ibu bapa dan juga salinan akaun Bank Islam.

Jadi, apa tu sebenarnya tak timbullah kita, apa tu, lewatkan ke, apa, kerana kalau semua dokumen lengkap, insya-Allah sebelum mereka masuk ke IPTA dalam masa seminggu lebih paling lewat pun 2 minggu, proses tersebut akan apa tu boleh kita keluarkan bantuan tersebut kepada pelajar yang layak. Dan antara syarat-syarat untuk memohon skim bantuan, pemohon mestilah warganegara Johor dan ataupun telah menetap tidak kurang daripada 5 tahun dalam Negeri Johor. Dan dia ditawarkan kursus sepenuh masa di IPTA dan pendaftaran untuk tahun pertama je. Maknanya kalau dia dapat tawaran ke Diploma maknanya tahun pertama dia nak masuk ke Diploma tersebut dia boleh mohon kepada pihak YPJ.

Dan bagi Sijil pula, kursus yang kita iktiraf ialah kursus yang lebih daripada setahun Yang Berhormat Dato' Speaker, dia akan layak mendapat bantuan dan bantuan tersebut kalau katalah dia terlepas sebelum pendaftaran dia tak, tak mohon. Dia dah masuk ke IPT dia boleh, ke IPTA dia masih boleh memohon bantuan tersebut. Masih boleh memohon dalam tempoh sebulan. Ha, makna yang itu memanglah dia kena kemukakan resit bantuan, resit pendaftaran supaya ianya menjadi bukti bahawa dia dah mendaftar ke, di IPTA tersebut. Dan dia layak sekali jelah untuk setiap taraf pengajian ya. Dan satu lagi syarat, dia tak menerima apa-apa bantuan pendaftaran daripada agensi yang lain.

Jadi, untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, YPJ pada tahun 2010, telah membiayai seramai 164 orang pelajar untuk skim bantuan pendaftaran ke IPTA dengan perbelanjaan sebanyak RM154,700.00, sementara itu pada tahun 2011, YPJ telah membiayai seramai 652 orang pelajar dengan perbelanjaan sebanyak RM562,000.00, manakala sehingga bulan Jun 2012, kita telah membantu seramai 239 orang pelajar dengan perbelanjaan sebanyak RM176,600.00, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh ADUN, Ahli daripada Tenang mengenai dengan kemungkinan kewujudan sebuah kolej komuniti sebagai contoh di kawasan Parlimen Labis. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi terutamanya IPTA dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosioekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja tempatan.

Dan pada masa ini, memang Kementerian tiada perancangan untuk menubuhkan IPTA baru di seluruh negara. Walau bagaimanapun, Kementerian boleh mempertimbangkan permohonan bagi penubuhan IPTS terutama yang memberi tumpuan pada program-program kritikal. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, penubuhan kolej komuniti pula adalah untuk menawarkan peluang pengajian dan latihan kepada komuniti setempat dan lepasan sekolah menengah sebelum mereka ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi. Kolej komuniti juga berperanan membantu kerajaan dalam meningkatkan tahap kemahiran dan ilmu kepada rakyat Malaysia khasnya masyarakat setempat dalam usaha melahirkan lebih ramai tenaga separa profesional bagi tujuan pembangunan negara di samping meningkatkan tahap sosioekonomi isi rumah. Dan penubuhan sebuah kolej komuniti dibuat berdasarkan keperluan setempat dan persetujuan kerajaan dan pada masa ini untuk makluman ADUN daripada, Ahli daripada Tenang bahawa memang tiada perancangan untuk menubuhkan sebarang kolej komuniti di kawasan Parlimen Labis.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, ada juga perkara yang dibangkitkan oleh Ahli daripada Machap, tentang peranan KPYPJ dalam pembangunan yang akan berlaku di Pengerang, yang melibatkan pihak Petronas. Jadi, saya merujuk kepada kerjasama KPYPJ dengan Petronas bagi menyokong pembangunan tenaga kerja dalam bidang gas dan minyak terutama di Pengerang. Untuk makluman, KPYPJ telah pun mengambil langkah awal mengadakan beberapa perbincangan dan lawatan bagi menjalin kerjasama mewujudkan beberapa kursus berkaitan minyak dan gas. Dan antaranya ialah kerjasama dengan pihak GMI di Kuala Lumpur, Institut Latihan Perindustrian dan juga IKM Johor Bahru. Dan hubungan kerjasama strategik dan MOU dengan Petronas dan dirancang terutama dalam aspek khidmat nasihat industri dalam bidang kepakaran tinggi serta penempatan pekerjaan kepada graduan KPYPJ dalam projek-projek kendalian Petronas dan anak-anak syarikatnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada beberapa lagi perkara yang menyentuh tentang sekolah, cuma saya nak sentuh satu, dua sahaja kerana yang lainnya saya dah jawab dalam jawapan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Mulut

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Bertulis. Yang saya nak sentuh ialah perkara yang dibangkitkan oleh Ahli daripada Bukit Permai. Ahli Bukit Permai membangkitkan tentang permohonan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Swee Lam dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Bandar Putra. Memang permohonan setakat ini tidak dibuat melalui Jabatan Pelajaran Johor kerana biasanya permohonan untuk memindahkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ataupun Tamil, dibuat terus kepada Menteri kerana ianya merupakan kuasa Menteri. Dan di pihak jabatan kita tidak ada masalah untuk menyokong permohonan tersebut. Jadi, kita berharap kepada pihak Lembaga Pengurusan Sekolah khususnya, supaya dapat buat tindakan susulan kepada Pejabat Menteri, supaya permohonan tersebut dapat dipercepatkan dan insya-Allah kita di peringkat jabatan tidak ada masalah untuk membantu. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa itu saja yang saya nak…

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh...

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : ...** sampaikan pada pagi ini. Sekali lagilah saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-Ahli Dewan yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan isu ataupun berkaitan dengan portfolio saya dan terima kasih kerana selama ini memberi kerjasama yang baik kepada saya dalam tugas saya sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan terima kasih. Dan terima kasih lagi...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat *confident* lagi bertanding eh…

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Belum tentu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, cakap tak ada benda..

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Speaker, kepada semua petugas Dewan dan kepada semua Ketua Jabatan yang selama ini banyak membantu saya. Sekian wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumussalam warahmatullahilah wabarakatuh. Ahli Yang Berhormat, perbahasan di teruskan lagi. Ah, Yang Berhormat, tu cawangan Yang Berhormat eh..

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan :** Ya, Yang Berhormat Dato Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ah, cakap betul-betul, jangan teragak-agak.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan :** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Huh, bukan main laju bila kita tegur. Waalaikumussalam.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan :** Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Speaker yang telah memberi peluang dan ruang kepada saya untuk turut serta di dalam perbahasan atas rundingan menjunjung kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah Merasmikan Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi bagi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor yang Ke-12.

Di kesempatan ini juga saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, cadangan dan juga teguran mengenai perkara-perkara yang berhubung kait dengan Jabatan-Jabatan di bawah portfolio Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan Dan Warisan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin dengan isu-isu yang berkaitan dengan FELDA. Sokongan dan kepercayaan yang diberikan sebagai satu suntikan semangat untuk FELDA dan Kerajaan Negeri agar dapat terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Yang Berhormat ADUN Pemanis mencadangkan, FELDA boleh menjadi tenaga penggerak dan peneraju utama kepada pertanian bagi memastikan bekalan makanan utama dan sampingan kita tidak menghadapi masalah.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Pemanis, FELDA yang telah ditubuhkan pada Julai 1956, diberikan peranan oleh Kerajaan untuk melaksanakan tanggungjawab seperti membangunkan tanah melalui pembukaan tanah bagi tujuan penempatan kepada rakyat yang tidak mempunyai tanah. Dan yang keduanya, meningkatkan taraf hidup rakyat melalui program pertanian dan aktiviti ekonomi masyarakat di kawasan luar bandar. Dalam tempoh 50 tahun pertama, FELDA telah berjaya membuka seluas lebih kurang 1 juta ekar tanah bagi tujuan penempatan untuk 112,655 orang peneroka di seluruh negara kita, manakala di Negeri Johor seramai 27,460 orang peneroka. Hasil daripada perancangan yang tepat serta pelaksanaan dasar yang berkesan, terbukti hasrat kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar telah mencapai matlamatnya. Rata-rata masyarakat peneroka memperolehi pendapatan yang stabil dan taraf hidup mereka berada pada tahap yang sangat memuaskan. Keberkesanan program kerajaan ini ternyata memberi impak yang besar kepada pembangunan negara serta mendapat pengiktirafan oleh masyarakat dunia.

Program Pembangunan FELDA bagi tempoh 50 tahun kedua ini diteruskan oleh Kerajaan. Dan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia merupakan Menteri yang bertanggungjawab mengenai FELDA telah meletakkan 5 teras utama untuk menjadikan FELDA terus maju. Antara 5 teras utama tersebut ialah :

1. Komuniti FELDA menjadi komuniti contoh di luar bandar.
2. Warga peneroka menjadi golongan yang berpendapatan tinggi.
3. FELDA menjadi pelaku global.
4. Membangunkan potensi generasi baru.
5. Memperkukuhkan budaya FELDA sebagai institusi.

Yang Berhormat Dato Speaker, saya amat tertarik dengan keprihatinan dan cadangan yang dikemukakan oleh ADUN Pemanis, mengharapkan agar FELDA boleh menjadi tenaga penggerak dan peneraju utama kepada pertanian. Bagi menjayakan misi ini, FELDA telah merangka program yang lebih tersusun melibatkan semua pihak, sama ada Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri serta masyarakat peneroka dan juga pengurusan FELDA. Program pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan

oleh FELDA ini akan memberikan tumpuan kepada pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat peneroka. Tumpuan juga akan turut diberikan kepada generasi kedua yang merupakan golongan terpenting.

Selain dari itu, FELDA juga sedang melaksanakan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mahu menjadikan FELDA sebagai Gedung Makanan Negara atau GMN. Dan buat permulaan, projek ditumpukan kepada projek tanaman pisang berangan dan *cavendish* ataupun pisang montel serta ternakan lembu fidlot serta ikan air tawar di beberapa Rancangan FELDA di seluruh negara. Dan sebagai salah sebuah agensi pelaksanaan kerajaan, FELDA akan sentiasa melaksanakan hasrat dan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat di kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Penawar membangkitkan tentang generasi kedua FELDA serta penyelesaian yang lebih terperinci. Seterusnya mengenai dengan tapak-tapak rumah generasi kedua dan juga mencadangkan agar mencanai durian runtuh yang telah diterima oleh peneroka-peneroka FELDA baru-baru ini. Pembangunan generasi kedua merupakan agenda penting peneroka FELDA kerana golongan ini mewakili lebih daripada 70% dari jumlah bilangan masyarakat peneroka di sesebuah rancangan. Menyedari generasi kedua ini adalah aset penting negara, FELDA memberi tumpuan dalam pembangunan modal insan untuk menjadikan golongan ini sebagai generasi penerus masyarakat peneroka.

Bagi tujuan pembangunan modal insan ini, FELDA memberi tumpuan kepada melahirkan generasi kedua yang mahir dan berketerampilan. Program latihan diberi tumpuan dengan menghantar mereka mengikuti pelbagai latihan kemahiran bersesuaian dengan keperluan industri. FELDA mengharap lepasan dari pusat-pusat latihan berkemahiran ini, akan melahirkan generasi yang mempunyai kemahiran yang bersedia memenuhi pasaran pekerjaan. Pada masa yang sama, mereka-mereka yang berminat untuk bekerja sendiri, FELDA menggalakkan mereka membuka perniagaan di dalam ataupun di luar Rancangan. Dan FELDA juga menyediakan kemudahan pinjaman mudah iaitu Skim Insentif Usahawan FELDA.

Pengurusan FELDA juga menyedari keperluan tempat kediaman untuk generasi kedua. Walaupun bukan menjadi tanggungjawab FELDA menyediakan kemudahan perumahan kepada generasi kedua peneroka, tetapi dengan persetujuan Kerajaan Negeri iaitu Kerajaan Negeri Johor, FELDA telah mencadangkan beberapa tapak perumahan dalam Rancangan FELDA yang sesuai untuk dijadikan kawasan perumahan. Kawasan berkenaan adalah dalam kawasan FELDA yang masih kosong dan pentadbiran FELDA mencadangkan tapak kepada Kerajaan Negeri Johor dan urusan seterusnya dikendalikan oleh Pejabat Tanah Daerah masing-masing.

Sehingga kini, seluas 148.34 hektar melibatkan 2,297 lot telah dikenal pasti di seluruh Negeri Johor. Dan temu duga telah dijalankan dan Pejabat Tanah telah memberikan tawaran kepada 2,122 orang pemohon. Pemohon yang berjaya dikehendaki membina sendiri rumah masing-masing. Dan, FELDA tidak menyediakan dana untuk maksud membina rumah tersebut. Di samping itu, atas permintaan yang mendesak, FELDA telah melaksanakan Projek Perumahan Warga FELDA ataupun PWF di FELDA Pasak, Kota Tinggi. PWF ini mempunyai 750 unit rumah kos rendah dan sederhana

rendah dan siap pembinaannya dan telah pun diduduki oleh generasi kedua FELDA. Kerajaan Negeri telah meluluskan juga kawasan-kawasan kosong di beberapa perkampungan FELDA kepada generasi baru FELDA untuk mendirikan rumah di atas tapak tersebut yang telah diluluskan. Dan, lot-lot kosong ini diberi milik secara terus kepada generasi baru dengan dikenakan bayaran premium dan cukai tertentu. Bagaimanapun, lot-lot ini ada yang belum diberi hak milik kerana dalam tindakan Pejabat Tanah.

Ada juga generasi kedua ini telah membina rumah mereka melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad ataupun SPNB yang merupakan berbentuk pinjaman dengan bayaran balik yang tidak membebankan dan pakej pinjaman ini tertakluk kepada persetujuan pemilik tanah ataupun generasi baru ataupun generasi kedua yang telah ditawarkan tanah tersebut dan menyerahkan surat hak milik kepada bank sebagai cagaran untuk membuat pinjaman. Oleh yang demikian, pakej pembinaan rumah oleh SPNB adalah atas persetujuan generasi tersebut mencagarkan surat hak milik kepada bank untuk pembinaan rumah di atas tanah-tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana kebanyakan daripada permohonan-permohonan kelulusan rumah-rumah SPNB di atas tanah-tanah milik generasi kedua ini, adalah atas usaha yang telah dibuat oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di kawasan masing-masing.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat ADUN Penawar, supaya diwujudkan satu badan khas bagi mengurus ataupun mencanai imbuhan durian runtuh yang diterima oleh peneroka sebanyak RM15,000.00. Kepada setiap peneroka menerima RM5,000.00. Isteri atau isteri-isteri pun RM5,000.00 dan anak-anak.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ada isteri? Banyak kes isteri-isteri?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan :** Ada juga Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, kawasan Yang Berhormat eh, ramai?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan :** Ada, tapi tak berapa ramai. Kadang-kadanglah

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha,ah, tu la ek. Macam P.Ramlee nampak. Kadang-kadang.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan :** Dan sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, cadangan ini adalah merupakan cadangan yang, pada saya sangat baik, walau bagaimanapun, sebelum perkara ini boleh kita laksanakan, persetujuan dari golongan ini perlu kita perolehi dan kita perlu memberi penerangan sejelas-jelasnya supaya kita tidak mahu ianya menjadi isu di sebaliknya. Dan bagi pihak pengurusan FELDA Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui pengurus dan kakitangan Rancangan, kita sentiasa

menasihati peneroka-peneroka supaya berhemah serta menguruskan secara bijak 'durian runtuh' yang mereka terima itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN daripada Kahang telah pun menyatakan mengenai dengan perkampungan Orang Asli yang menghadapi masalah bekalan air bersih. Saya memang tertarik dengan Yang Berhormat ADUN Kahang ni Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dari segi apa Yang Berhormat tertarik?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan :** Tertarik Yang Berhormat Dato' Speaker?

**Y.B. Dato' Speaker :** Apa dia punya misai?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan :** Bukan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, bukan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan :** Dalam masa sehari beliau telah dapat menjelajah seluruh DUN, di kampung, di FELDA, di FELCRA, di bandar, di taman dan juga di perkampungan Orang Asli. Bagi mengatasi masalah bekalan air bersih terawat, pihak JAKOA telah bekerjasama dengan pelbagai agensi dan jabatan kerajaan untuk membekalkan bekalan air bersih di perkampungan Orang Asli. Dan bagi perkampungan Orang Asli di DUN Kahang, terdapat beberapa projek-projek bekalan air bersih.

Untuk masalah bekalan air bersih di Kampung Puchor, Kluang, projek bekalan air bersih telah pun mendapat peruntukan dari pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan untuk makluman Yang Berhormat DUN Kahang, projek ini berfungsi dengan baik sehinggalah dilanda musibah banjir pada awal tahun 2012 yang telah menyebabkan sistem bekalan air bersih tersebut mengalami kerosakan. Namun begitu, pihak JAKOA telah berhubung dengan pihak Kesihatan Daerah mengenai perkara ini dan maklumat yang kita perolehi pihak Jabatan Kesihatan akan membaiki sistem air tersebut.

Sementara itu, bagi perkampungan Orang Asli Sungai Peroh dan Air Pasir pula, pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, telah mengeluarkan peruntukan untuk membekalkan air bersih kepada penduduk kampung dan projek ini difahamkan telah pun siap sepenuhnya dan akan diserahkan kepada pihak JAKOA pada akhir bulan Jun ini.

Manakala bagi perkampungan Orang Asli Kuala Sengka dan Sedohok, adalah projek bekalan air bersih di bawah JAKOA. Dan bagi perkampungan Orang Asli di Kuala Sengka, sistem bekalan air telah pun siap sepenuhnya, namun tidak berfungsi disebabkan tiada sambungan bekalan elektrik ke sistem berkenaan. Dan, JAKOA

difahamkan bahawa pihak kontraktor telah membuat permohonan sambungan elektrik ke sistem berkenaan kepada pihak TNB ataupun Tenaga Nasional Berhad.

Manakala bagi perkampungan Orang Asli Sedohok pula, pihak JAKOA telah membangunkan sistem bekalan air bersih di kampung berkenaan, namun begitu baru-baru ini, pam yang menyedut air dari bawah tanah telah mengalami kerosakan lalu menyebabkan bekalan air terputus. Namun begitu, hasil kemuafakatan penduduk di kampung berkenaan, mereka telah berusaha bagi memastikan permasalahan tersebut dapat diatasi dalam tempoh terdekat untuk membaik pulih sistem berkenaan. Walau bagaimanapun, pihak JAKOA sentiasa memandang berat akan perkara ini dan sentiasa memberikan perhatian Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Tanjung Surat telah pun mengemukakan beberapa permasalahan mengenai dengan KEJORA.

1. Mengenai dengan peruntukan bagi pembinaan Jambatan Tanjung Belungkur ke Tanjung Surat ini. Yang Berhormat Dato' Speaker yang memang kita tahu, dah berpuluh tahun dari pihak KEJORA sebenarnya, kita sentiasa membuat permohonan ke peringkat Kementerian daripada semenjak beberapa Rancangan Malaysia sehinggalah Rancangan Malaysia Ke-9 dan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 juga kita mengemukakan permohonan dan ianya masih lagi berada di dalam tindakan pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

2. Mengenai dengan harga kedai yang tinggi di Bandar Penawar, KEJORA telah berusaha memastikan pembangunan perumahan dan juga lot kedai dibangunkan segera oleh pemaju swasta di Bandar Penawar, memandangkan keperluannya yang semakin mendesak. Salah satu usaha yang dilaksanakan oleh KEJORA adalah dengan menawarkan harga tanah yang rendah. Dan, pada masa kini terdapat tiga projek pembangunan perumahan yang melibatkan pembinaan lot kedai oleh pemaju swasta iaitu, Syarikat TNC Consolidated, Syarikat Continental Management Sdn. Bhd. dan Syarikat Bintang Fadhilat Sdn. Bhd. Harga tanah yang telah ditawarkan kepada Syarikat TNC Consolidated dan Syarikat Continental Management Sdn. Bhd. adalah RM0.30 sekaki tanpa infrastruktur, manakala harga tanah yang ditawarkan kepada Syarikat Bintang Fadhilat Sdn. Bhd. adalah RM5.00 sekaki dengan infrastruktur.

Walau bagaimanapun, dari segi kawalan harga jualan Yang Berhormat Dato' Speaker, KEJORA memang kita tidak mempunyai kuasa untuk mengawalnya kerana penetapannya adalah tertakluk kepada keputusan pemaju dan harga pasaran. Dan, harga-harga lot kedai yang dibangunkan oleh Syarikat TNC Consolidated adalah antara RM300,000.00 hingga RM400,000.00 harga lot kedai. Dan, yang dibangunkan oleh Syarikat Continental Management Sdn. Bhd. adalah antara RM400,000.00 hingga RM600,000.00. Dan harga lot kedai yang dibangunkan oleh Syarikat Bintang Fadhilat Sdn. Bhd. pula dianggarkan adalah RM150,000.00 hingga RM250,000.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dengan kedudukan pembinaan rumah kos sederhana rendah dan kos rendah di Desaru Utama, pembangunan rumah yang

dilaksanakan oleh Syarikat TNC di Taman Desaru Utama, adalah mengikut perjanjian yang telah ditetapkan. Pembangunan rumah kos sederhana rendah sedang dalam pembinaan Fasa Pertama bagi saiz 20' x 60' sebanyak 403 unit rumah dan pembinaannya telah pun dimulakan pada tahun 2011. Dan bagi rumah kos rendah pula ia akan dilaksanakan dalam Fasa Keempat.

Jenis rumah kos rendah yang dicadangkan adalah jenis flat apartment bernilai di bawah RM100,000.00. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat ADUN Tanjong Surat, pembinaan rumah jenis flat apartment ini akan dibincangkan semula bergantung kepada permintaan. Kemungkinan rumah jenis teres adalah lebih sesuai dibina dan disebabkan oleh perkara ini maka pembinaannya agak lewat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Kahang juga membangkitkan mengenai dengan pemasangan lampu isyarat di laluan, di persimpangan masuk Taman Sri Lambak. Dan untuk makluman Yang Berhormat ADUN Kahang, JKR Kluang telah memperuntukkan peruntukan sebanyak RM200,000.00 bagi tujuan berkenaan dan sedang menunggu kelulusan untuk pelaksanaannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Tanjung Surat juga telah memberi cadangan supaya kakitangan KEMAS diserapkan ke jawatan tetap. Cadangan ini adalah amat baik Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana demi kebajikan anggota KEMAS yang telah banyak menabur bakti kepada negara. Dan untuk makluman Yang Berhormat ADUN Tanjung Surat, setakat ini belum ada cadangan kakitangan kontrak KEMAS diserap ke jawatan tetap. Pegawai kontrak KEMAS mendapat hampir semua kemudahan seperti kakitangan tetap. Antara kemudahannya adalah cuti rehat, cuti sakit, cuti haji, cuti tanpa gaji, cuti bersalin, KWSP dan juga rawatan perubatan.

Selain itu elaun dan kemudahan yang berkelayakan untuk mereka ialah imbuhan tetap khidmat awam, imbuhan tetap perumahan, bantuan sara hidup, bayaran lebih masa dan kemudahan tambang perjalanan. Di samping itu, setiap kakitangan KEMAS yang menghabiskan kontrak akan dibayar ganjaran dan gantian cuti rehat apabila mereka tamat kontrak. Mereka semua tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 tahun 2008. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato' Speaker, cadangan Yang Berhormat ADUN Tanjung Surat ini akan kita bawa semula kepada pihak Kementerian untuk tindakan dan perhatian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, pendapat dan persoalan yang menyentuh perkara-perkara dan permasalahan di bawah bidang dan tanggungjawab saya. Terima kasih juga kepada semua Ketua-Ketua Jabatan bukan sahaja di bawah portfolio saya malahan kepada semua Ketua-Ketua Jabatan yang telah banyak memberikan bantuan dan kerjasama yang amat baik dan erat di sepanjang perkhidmatan saya selama ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengharapkan agar kerjasama ini akan diteruskan di masa-masa yang akan datang. Yang Berhormat Dato' Speaker,

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, Yang Berhormat doakan dia ni, semua yang ada ni sambung lagilah.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan :** Insya-Allah Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Bagus, doa yang baik.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan :** Saya juga mengharapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat akan terus memberikan kerjasama, sokongan dan juga teguran yang membina terhadap perjalanan jabatan-jabatan di bawah portfolio dan tanggungjawab Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan Negeri Johor demi untuk kemajuan dan pembangunan Negeri Johor. Jika tuan pergi ke kota, jangan dilupa beli cendawan, negeri kita tanggungjawab kita, jadi teras memupuk kemajuan.

Saya juga Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang selama ini banyak memberikan tunjuk ajar dan memberikan peluang kepada saya di dalam perbahasan, di dalam setiap Persidangan Dewan. Untuk Dato' Speaker, 'ayam rintik di pinggir hutan, nampak dari tepi telaga, nama yang baik jadi ingatan, seribu tahun terkenang juga. Sekian wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh..kena jawab tu. 'Daun selasih sudah layu, terima kasih, *thank you*'. (Dewan ketawa). Ok Yang Berhormat diteruskan lagi, siapa nak bahas? Ah, ini orang Pertanian ni.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh…

**Y.B. Dato' Speaker :** Wassalamualaikum.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi ruang serta kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam Sesi Penggulungan Perbahasan Persidangan Dewan Negeri Johor di Dewan yang mulia ini.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah dapat sama-sama memberikan idea, cadangan dan mengemukakan permasalahan serta isu-isu berkaitan dengan portfolio saya, Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan merujuk yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Pemanis berhubung isu untuk memastikan bekalan makanan tidak terjejas akibat faktor cuaca global. Pembangunan sektor

makanan negara terus mampan dan lestari. Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menggubal satu dasar baru iaitu Dasar Agro-makanan Negara 2011 hingga 2020 yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 14 Januari 2012 yang mana dasar ini telah menetapkan hala tuju strategik pembangunan industri agro-makanan sehingga tahun 2020.

Untuk memastikan industri agro-makanan terus berdaya saing dan mampan bagi tempoh 10 tahun akan datang. Pelbagai strategi telah dikenal pasti untuk membangunkan industri ini. Antara objektif yang ingin dicapai adalah untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara, bagi memenuhi permintaan yang semakin bertambah dan pembangunan pertanian bernilai tinggi bagi meningkatkan sumbangan kepada pendapatan negara dan juga usahawan tani.

Tumpuan menyeluruh diberikan kepada peningkatan kecekapan industri agro-makanan di sepanjang rantaian nilai supaya industri ini menjadi lebih produktif, berdaya saing dan berintensif pengetahuan. Di bawah dasar ini, pertumbuhan industri agro-makanan dipacu oleh pihak swasta dan usahawan tani melalui teknologi dan inovasi dalam persekitaran yang lebih mesra perniagaan. Untuk makluman yang Berhormat, Negeri Johor sebenarnya telah melaksanakan usaha-usaha yang berterusan untuk memastikan supaya pengeluaran bahan makanan khususnya untuk keperluan dalam negeri, semenjak beberapa dekad yang lalu melalui pelbagai program yang berskala besar seperti Zon Pengeluaran Makanan, Pembukaan Ladang Pertanian Moden di Ayer Hitam dan Pembangunan Ladang Bio Desaru di Desaru. Namun demikian, para petani dan usahawan tani tidak dipinggirkan malah terus diberi bimbingan dan bantuan agar mereka terus dapat bergiat secara aktif dan berterusan untuk mengeluarkan hasil-hasil pertanian seperti buah-buahan, tanaman kontan, sayur-sayuran dan memaksimumkan penggunaan tanah di kawasan kebun mereka yang sedia ada.

Sehubungan dengan itu mulai tahun 2011, Kerajaan Negeri Johor telah melaksanakan program bagi meningkatkan pengeluaran makanan dalam negeri, melalui tiga program berikut:

1. Tanaman selingan dan;
2. Pembangunan kebun integrasi.
   Untuk kedua-dua program ini Kerajaan Negeri menyediakan RM500,000.00 sebagai insentif kepada petani-petani yang menyertai program ini yang mahu mengoptimumkan penggunaan tanah, di mana setiap peserta akan diberi sehingga RM1,000.00 sebagai penggalak bagi meningkatkan pengeluaran makanan.
3. Membangunkan kawasan baru dengan pendekatan taman kekal pengeluaran makanan. Dan, Kerajaan Negeri telah menyediakan tapak 1100 hektar untuk tujuan ini yang dikhususkan lebih kepada individu dan petani-petani kecil.

Dan peruntukan sebanyak RM5.7 juta telah disalurkan oleh kementerian untuk pembangunan infrastruktur jalan, pembersihan dan juga saliran. Objektif program ini ialah:

1. Meningkatkan kuantiti pengeluaran bahan makanan seperti buah-buahan, sayuran, tanaman kontan dan rempah ratus, seterusnya membendung kenaikan harga di pasaran tempatan;
2. Menggunakan tanah secara optimum melalui aktiviti seperti tanaman selingan dan kebun integrasi. Di mana kawasan tanam semula kelapa sawit, getah, kelapa dan dusun. Dan seterusnya;
3. Mengujudkan kawasan baru pengeluaran tanaman makanan di kawasan sedia ada. Dan pembukaan tanah baru di kawasan tanah tinggi yang bebas dari risiko banjir.

Di bawah program ini juga, khidmat nasihat dan sokongan teknikal di dalam perancangan dan pelaksanaan program pengeluaran tanaman makanan, dan kebun integrasi diberikan kepada petani dan usahawan berkenaan. Penekanan diberi kepada penggunaan teknologi secara pakej di dalam bidang agronomi tanaman, pengurusan tanah, teknologi lepas tuai, pengurusan ladang, perlindungan tanaman, pengairan saliran dan kejuruteraan pertanian serta teknik-teknik mengurus projek secara efisien dan komersial. Perancangan ini perlu di rumus dalam pelan *business* yang disediakan bagi setiap projek yang akan dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Mengkibol, mengenai masalah nelayan yang tidak dapat meneruskan penangkapan ikan, katanya. Pembangunan Industri Minyak dan Gas di Pengerang melibatkan beberapa pengkalan nelayan yang perlu dipindahkan seperti di Kampung Jawa, Teluk Empang, Sungai Kapal, Sungai Buntu dan beberapa pengkalan lain, bagi menjamin nelayan dapat meneruskan aktiviti penangkapan ikan. Kerajaan telah mencadangkan bahawa semua pemilik sampan yang terlibat dengan pemindahan ini diberikan insentif untuk menggantikan sampan sedia ada kepada saiz yang lebih besar sehingga 9 meter panjang dan enjin bot kepada 60 kuasa kuda. Selain itu, kerajaan telah bercadang memberi pukat hanyut sebagai tambahan kepada nelayan-nelayan terlibat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Pukat hanyut? Pukat macam mana Yang Berhormat, apa jenis itu?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :**...dia pukat hanyut yang boleh menangkap ikan di kawasan yang lebih jauh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, dia hanyutkan, biar gitu ...

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Kerajaan, isu nelayan tidak dapat ke laut tidak timbul kerana dengan peralatan bot yang lebih besar dan kuasa kuda enjin yang lebih tinggi mereka dapat mampu mengharungi lautan sehingga 5 hingga 6 batu daripada pantai. Bagi nelayan kawasan pantai timur Negeri Johor, mereka boleh pergi menangkap ikan sehingga perairan Tanjung Penawar. Bagi tujuan pelaksanaan program tersebut, pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dengan singkatan LKIM akan menyediakan dana bot nelayan sebanyak RM12.5 juta. Dalam tempoh perpindahan pengkalan nelayan, nelayan tetap akan menerima bayaran sara hidup bulanan sebanyak RM200.00. Minyak petrol bersubsidi dan juga insentif pendaratan. Bagi nelayan yang telah berusia, yang tidak mampu untuk ke laut,

kerajaan sedang menyediakan satu program yang dipanggil Program Rimbunan Kasih. Di mana mereka-mereka ini dikenal pasti untuk menyertai program ini.

Program Rimbunan Kasih ini, pesertanya akan disediakan rumah. Dan diberikan peluang melakukan aktiviti pertanian berkonsepkan fertigasi dan akuakultur yang mampu memberi pendapatan melebihi RM700.00. Di samping itu juga, LKIM sedang merangka membangunkan sebuah kompleks pendaratan baru di Sungai Lusuh, kawasan Teluk Ramunia lengkap dengan kemudahan asas seperti jeti, dewan pemasaran, stor, pejabat dan lain-lain. Oleh itu, kerajaan amat komited memastikan kaum nelayan mendapat pembelaan yang sewajarnya di samping mentransformasikan kehidupan nelayan dengan suasana ekonomi yang lebih tersejahterakan masa depan keluarga mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Mengkibol juga, membangkitkan isu pembiakan burung walet. Sukalah saya maklumkan bahawa Industri Burung Walit ini adalah industri ternakan yang baru, berpontensi memberi pendapatan yang lumayan jika diusahakan dengan baik dan sedang ia digalakkan oleh pihak kerajaan. Malahan ianya adalah salah satu projek EPP, *Entry Point Project* dalam bidang keberhasilan ekonomi negara. Sebagai bidang usaha baru, sudah tentulah ianya mempunyai kelemahan dan cabaran yang perlu diatasi. Cabaran tersebut termasuklah hal-hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Mengkibol.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menggubal satu garis panduan pembangunan industri burung walet yang dikenali sebagai 1 GP, satu garis panduan. Garis panduan 1 GP ini telah mula dilaksanakan, menjelaskan kriteria yang perlu dipatuhi berhubung dengan penjagaan premis perladangan, premis pemprosesan dan aspek kebajikan haiwan. Di samping itu, ia turut menjelaskan peraturan dan undang-undang serta tatacara pelesenan supaya perusahaan penternakan ini tidak menimbulkan kesan negatif sepertimana yang dibangkitkan.

Bagi memberi kefahaman pengusaha dan pelbagai pihak dalam industri ini, latihan dan kursus ini telah diadakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Sepanjang tahun 2011 dan 2012, sebanyak sejumlah 6 kursus telah diadakan dan melibatkan 840 peserta. Untuk meningkatkan lagi pematuhan dalam panduan 1 GP, jabatan telah memperluaskan program apa yang dipanggil Skim Akreditasi Ladang Ternakan atau singkatan SALT untuk turut meliputi ladang-ladang dan premis walet ini. Skim pensijilan ini membolehkan ladang-ladang dan premis walet dipantau secara berterusan supaya tahap pengurusannya ditingkatkan dan industri ini tidak memberi tambah masalah kepada orang awam. Sehingga kini seramai 133 pengusaha telah diberi sijil Skim Akreditasi Ladang Ternakan. Sebagai jangka panjang, pengusaha baru sememangnya digalakkan mendirikan premis walet di kawasan pertanian yang berjauhan daripada kawasan bandar dan juga penempatan. Sekiranya ianya terletak di kawasan bandar dan penempatan, maka ianya akan tertakluk dengan peraturan dan undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan.

Seterusnya yang dibangkitkan ialah...

**Y.B. Dato' Speaker :** Dah habis?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** ... oleh Yang Berhormat daripada Bentayan yang menyentuh isu mengenai projek Jahasrat Farming Sdn. Bhd. di Bakri, di kawasan Bakri. Sukalah saya maklumkan bahawa kenyataan Yang Berhormat tadi menyatakan syarikat tersebut mendapat pinjaman dari Kerajaan Negeri itu tidak benar. Dimaklumkan bahawa...

**Y.B. Dato' Speaker :** Apa, tak benar?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Tak betul. Dia mungkin dengar salah maklumat. Jadi hendak dijelaskan di sini, dimaklumkan bahawa syarikat tersebut adalah menjalankan projek ayam baka dan penetasan dengan kapasiti pengeluaran anak ayam mencapai bilangan sebanyak 3 juta ekor sepusingan. Modal bagi melaksanakan projek adalah dari sumber mereka sendiri iaitu RM15 juta dan juga pinjaman daripada tabung 3F, maknanya F ini, (*Fund For Food)*, dana untuk makanan yang dikeluarkan oleh MOA-Incorporated menerusi Agrobank Malaysia. Jadi syarikat ini dia dapat pinjaman daripada Agrobank Malaysia sebanyak RM8 juta. Jadi jumlah keseluruhan kos projek adalah RM23 juta. Sehingga kini infrastruktur projek ini telah siap 100%, cuma belum beroperasi menunggu sambungan bekalan elektrik.

Seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Machap mengenai program pelaksanaan mengeliminasi lalat, yang mana harapan untuk mencapai bebas lalat di Johor menjelang Oktober 2013. Sukalah saya maklumkan bahawa pelan komprehensif bagi mengeliminasikan lalat ini di peringkat ladang yang telah diluluskan Kerajaan Negeri pada hujung tahun lepas adalah masih di peringkat awal pelaksanaannya kerana ianya melibatkan proses perolehan, kemudahan logistik dan peralatan bagi melaksanakannya.

Seperti sedia maklum, masalah lalat masih berlaku berikutan pengusaha-pengusaha tidak mempraktikkan *Good Animal Husbandry Practices* (GAHP). Menerusi pelan ini, penternak akan di disiplinkan 4 strategi utama ialah:

1. Meningkatkan keberkesanan pengurusan tinja di ladang-ladang unggas.
2. Mempergiatkan penguatkuasaan enakmen kawalan penternakan unggas di Negeri Johor.
3. Mentransformasikan sistem perladangan kepada reban tertutup.
4. Memastikan aplikasi teknologi pengawalan dan pembasmian lalat secara berkesan dan berterusan yang diamalkan oleh penternak.

Keberkesanan pelaksanaan pelan ini akan dipastikan menerusi pemantauan dan penguatkuasaan yang agresif. Lawatan diatur supaya kehadiran anggota penguat kuasa jabatan di ladang-ladang dapat memastikan pengusaha tidak membiakkan lalat dan jika didapati membiakkan lalat mereka akan di kompaun. Dan jika kesalahan berulang dilakukan mereka akan didakwa terus ke mahkamah. Kekerapan lawatan adalah seperti berikut:

1. Ladang yang menerima aduan, lawatan akan serta merta dibuat pada hari yang sama.

2. Ladang hot spot, ladang yang kita kenal pasti macam di Machap ni kita memang paling banyak ladang dalam Negeri Johor.

**Y.B. Dato' Speaker :** Heh, Machap?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Machap.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh. Ladang apa Yang Berhormat? Sama? Atau…

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Ladang ayam.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh…

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Dan ini er, kita kenal pasti sebagai ladang hot spot, ini akan dilakukan lawatan setiap 7 hari sekali.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh…

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Seterusnya, ladang Gred E dan D, setiap 14 hari, ladang Gred C, setiap 21 hari …

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, nanti kejap. Nak tanya apa Yang Berhormat?

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, nak minta laluan nak tanya sikit.

**Y.B. Dato' Speaker :** Boleh Yang Berhormat, sikit-sikit nak tanya. Dia bukan bahas eh? Ha, apa dia?

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga Yang Berhormat Datuk EXCO. Saya ingin tahulah Dato' Speaker daripada jawapan Yang Berhormat tadi. Sepanjang dah 6 bulan ni bila kata sistem itu dah dilaksanakan apa bentuk tindakan, dah berapa banyak kompaun dah keluar ataupun ladang-ladang ni ikut saja, tak ada kompaun tak ada, semua lawatan *perfect*lah. Jadi, saya nak tahulah betul ke tak betul, 7 hari turun melawat sekali…

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, ok.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) :** Jadi, saya nak tahu sejauh mana apa usaha-usaha ke arah itu kerana ni dah 3 bulan ni, dah bulan 8 dalam setahun lagi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Bulan puasa dia amanlah, tak ada orang makan.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) :** Bebas lalat ni Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, Yang Berhormat.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya seperti saya maklumkan tadi, baru mendapat kelulusan dan pihak jabatan sedang dalam proses perolehan untuk mendapatkan logistik peralatan dan lain-lain. Kerana logistik ini, pihak jabatan perlu membeli kenderaan untuk program lawatan ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Jadi, proses untuk membeli kenderaan ini baru bermula dan ianya belum di perolehi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Maknanya, kenderaan itu belum adalah?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Pihak kerajaan akan dapat melaksanakan ini dalam tempoh 3 bulan lagi daripada sekarang kerana dijangka dalam tempoh 3 bulan proses perolehan logistik dan peralatan ini dapat di perolehi oleh pihak jabatan dan pihak jabatan akan dapat melaksanakan seperti dalam program.

**Y.B. Dato' Speaker :** Kenderaan payah Yang Berhormat? Payah dapat kenderaan eh?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Dia proses sebut harga…

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, yalah.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Proses penghargaan memang biasa agak mengambil masa sedikit.

**Y.B. Dato' Speaker :** Duit pun belum sampai.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Dan seperti saya katakan, janji pihak kerajaan bebas lalat ini menjelang Oktober 2013.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh…

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Jadi proses ini akan dalam *on track* eh. Dalam pelaksanaan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Jadi, seperti saya sebutkan tadi, lawatan yang akan dibuat dan kita jangkakan pelan ini dapat dilaksanakan di lapangan dalam tempoh 3 bulan akan datang sebaik urusan perolehan logistik peralatan kelengkapan selesai dilaksanakan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah penjelasan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepanjang segmen perbahasan, saya mohon maaf sekiranya ada perkara-perkara yang terlepas pandang dan saya bersedia untuk menemui Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi membantu segala kemusykilan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, kesian eh? Yalah Y.B.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Sebelum saya menutup, saya memohon izin untuk menutup dengan 2 rangkap pantun. Pantun nasihat. Fitnah itu tiada ampunya, Kerana dosa sesama manusia. Mulut celopar mudah luahnya, Janganlah dibuat kerja yang sia-sia. Burung Murai terbang ke Skudai, Hinggap sebentar di pokok akasia, Rakan pembangkang jangan berlegai. Mari muafakat dalam 1Malaysia.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh…

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani :** Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Kena jawab lagi. Lalat tu ada kuman, macam nak pergi Parlimen je. (Dewan ketawa). Jemput Ahli Yang Berhormat, siapa nak berucap lagi.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah sudi memberi peluang kepada saya…

**Y.B. Dato' Speaker :** Kalau ikut hati tak sudi Yang Berhormat.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Untuk turut serta mengambil bahagian bagi Perbahasan Dewan Undangan Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2012 pada hari yang berbahagia ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengemukakan beberapa perkara yang berhubung kait dengan Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Kahang mengenai masalah gangguan gajah liar. Pihak Jabatan PERHILITAN telah membina pagar elektrik sepanjang 17 kilometer bernilai RM717,000.00 dari FELCRA, Batu 26 hingga kawasan Kampung Asli Berasau. Selain daripada itu, beberapa tindakan dan perancangan akan dilaksanakan seperti berikut:

1. Operasi tangkap pindah gajah akan dilakukan di Kampung Sri Lukut pada minggu keempat bulan ini dengan menyasarkan kumpulan 3 ekor gajah yang sedang berkeliaran di sekitar kawasan hutan dan pinggir kampung.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat tengok eh cara dia halau gajah tu?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** *Pardon.*

**Y.B. Dato' Speaker :** Halau gajah tu, Yang Berhormat pergi tengok?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Pernah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Kita tangkap di kawasan lain seperti di kawasan saya Bekok juga.

**Y.B. Dato' Speaker :** Habis, Yang Berhormat hantar Kahang? (Dewan ketawa).

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Bukan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, tak.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Saya hantar pergi Pahang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh. Ok, ok.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Pusat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, yalah. Ingat hantar Kahang.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air dan Alam Sekitar :** Projek penyambungan pagar elektrik yang tidak bersambung sepanjang 200 meter atas keengganan seorang pemilik tanah akan dijalankan selewatnya pada bulan Julai 2012. Satu Jawatankuasa Khas Konflik Gajah Liar Kampung Sri Lukut akan dibentuk oleh penduduk kampung dan dijalankan, dianggotai oleh agensi terlibat iaitu JKKK Kampung Sri Lukut, PERHILITAN, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian dan juga kita jemput Yang Berhormat ADUN…

**Y.B. Dato' Speaker :** Kahang. Ah..

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : ...** Kahang. Pihak jabatan akan menyediakan kertas cadangan untuk mendapat peruntukan bagi menjalankan projek pembinaan parit gajah sepanjang jajaran pagar elektrik. Dan projek penyambungan pagar elektrik di kawasan FELCRA Batu 26 dan pembinaan pagar elektrik Kampung Sri Timur dan

Kahang Barat. Cadangan akan turut dimajukan kepada pihak FELCRA, untuk perbincangan dan bantuan peruntukan yang berkaitan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Mahal eh. Pagar karan mahal Yang Berhormat?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Mahal Dato'.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :**Kita kena memantau juga penyelenggaraan yang telah dibuat. Kalau tak ada, elektrik tak boleh jalan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Mati eh? Kalau kena orang apa macam? Kalau kena orang, dia *short tak?*

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Tak, tak. Dia kena sikit sahaja.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh…

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Menakutkan, tidak mati kalau kena.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, ok,ok.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga Jun 2012, Jabatan PERHILITAN Negeri Johor dengan kerjasama Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Lancang, Pahang telah berjaya memindahkan sebanyak 3 ekor gajah yang sering menimbulkan konflik di kawasan Kahang, Johor. Pernah kita buat di Kahang, Johor juga. Jabatan PERHILITAN Negeri Johor memohon kerjasama dari penduduk kampung terlibat bagi turut bersama-sama membantu pihak jabatan memantau dan mengawal selia pagar elektrik yang dibina. Pihak penduduk juga ada dipohon supaya membuat aduan secara terus kepada pihak jabatan sekiranya pagar mengalami kerosakan atau penduduk menghadapi masalah gangguan gajah liar, agar tindakan yang lebih cepat dan efisien dapat dijalankan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Kawasan Benut telah membangkitkan soal, soalan mengenai kewujudan Pejabat TNB. Sebenarnya, Pejabat TNB di Pontian telah lama berada, semenjak tahun 1980 yang terletak di Jalan Parit Masjid. Pejabat TNB Pontian telah di naik taraf dan diubah suai pada tahun 2011, kini mempunyai 98 anggota kerja. Dengan kekuatan yang sedia ada ini, adalah mencukupi untuk menguruskan segala operasi di Daerah Pontian.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, dia tak tahu ke Yang Berhormat dah ada berubah tu? Dah ada perubahan tu pejabat tu, dia kata tak ada eh? Pejabat TNB tu.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Dia, saya pun tak tahu. Di samping itu, satu lagi pejabat TNB berfungsi sebagai pusat kutipan terdapat di Jalan Kampung Sawah, Pekan Nenas, Pontian. Untuk majlis tertentu, keperluan untuk mendapatkan khidmat tunggusedia janakuasa bergerak adalah di bawah bidang kuasa Pengurus Cawangan Pontian tanpa memerlukan kelulusan daripada Pengurus Kawasan Kulaijaya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Senggarang membangkitkan mengenai isu pembacaan bil 2 bulan sekali. Pembacaan bil 2 bulan sekali ini tidak bermaksud bil dikeluarkan 2 bulan sekali. Bil tetap dikeluarkan setiap bulan kepada semua pengguna TNB. Tetapi bil anggaran dikeluarkan selang 1 bulan, manakala bacaan meter dibuat 2 bulan sekali. Bil anggaran ini akan dihantar melalui Pos Malaysia. Bil anggaran secara lazimnya tidak menguntungkan atau merugikan mana-mana pihak. Pengambilan untuk bil anggaran adalah berdasarkan penggunaan elektrik purata untuk 6 bulan dan ianya akan diselaraskan kembali selepas bacaan meter dapat dilakukan untuk bulan seterusnya. Prosedur bacaan meter setiap 2 bulan di premis pengguna ini telah mendapat kelulusan dari Suruhanjaya Tenaga pada 27 September 2007. Pengguna TNB adalah disarankan untuk membayar bil elektrik setiap bulan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu kelewatan bekalan elektrik ke Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Yunus Sulaiman yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Pekan Nenas, ini adalah disebabkan masalah laluan kabel bawah tanah di dalam kawasan sekolah. Berikutan dengan itu, pihak TNB telah mengatasinya dengan mengubah cara pemberian bekalan melalui talian atas. Pemasangan meter dan bekalan elektrik telah diberi pada awal April 2012.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN kawasan Pekan Nenas juga ada menimbulkan masalah tiang-tiang yang tidak dialihkan semasa projek pelebaran jalan. Dalam sesi lawatan tapak di antara TNB, TM dan JKR, adalah didapati tiada rizab jalan yang sesuai disediakan untuk kerja-kerja pengalihan tiang. Kini, TM dan TNB sedang menunggu kelulusan daripada JKR bagi mendapatkan ruang untuk mengalihkan tiang-tiang tersebut ke lokasi yang bersesuaian. Kerja-kerja pengalihan tiang akan dimulakan sebaik sahaja mendapat kelulusan daripada JKR. Walau bagaimanapun, bagi tiang TNB yang kritikal seperti menghalang lalu lintas, sebanyak lebih kurang 15 batang telah dialih ke satu lokasi penghujung rizab jalan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Tangkak telah membangkitkan soal mengenai permintaan penduduk setempat supaya mengadakan cawangan TM di Tangkak. Telekom Malaysia amat peka dengan rintihan yang dikemukakan oleh penduduk kawasan tersebut. Menyedari akan permasalahan ini, TM telah pun mewujudkan *TMpoint Authorised Dealer,* dengan izin, yang beralamat di Lot 182, Wisma Hajah Zalina, Jalan Payamas, Tangkak di mana dia telah mula beroperasi pada Disember 2009.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, *TMpoint Authorised Dealer,* dengan izin, ini juga berupaya mengendalikan perkhidmatan seperti berikut :

1. Pendaftaran talian telefon baru.
2. Pendaftaran sambungan internet.
3. Pembayaran bil setempat.
4. Aduan dan pertanyaan produk TM.
5. Menjual alat telekomunikasi

Walau bagaimanapun, jika ada terdapat berlakunya kerosakan telefon penduduk boleh mendail 100 untuk bantuan teknikal atau datang ke *TMpoint Authorised Dealer,* dengan izin, Tangkak bagi mendapatkan bantuan selanjutnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Permas jaya membangkitkan mengenai kes-kes kebakaran berleluasa di Kampung Teluk Jawa. Berdasarkan kepada siasatan dan pemantauan yang dilakukan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor pada 2, 6 dan 22 Disember 2011, didapati aktiviti pembakaran terbuka di kawasan tanah persendirian yang luas dan terbiar dipenuhi dengan semak samun…

**Y.B. Dato' Speaker :** Semak sabun?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Ya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Apa semak sabun?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Berlori-lori sampah domestik telah dibuang secara haram di kawasan tersebut dan aktiviti-aktiviti pembakaran sampah dilaksanakan oleh pengutip barang-barang lusuh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, susulan dari itu, notis arahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan kepada tuan punya tanah supaya memberhentikan aktiviti pembakaran tersebut oleh pengutip barang-barang lusuh. Jabatan Alam Sekitar telah merujuk kes ini kepada Majlis Perbandaran Johor Bahru dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam serta Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru supaya mengambil tindakan terhadap aktiviti pelupusan sampah haram tersebut di bawah bidang kuasa masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Kahang juga menimbulkan isu mengenai pembinaan Pusat Pemancar Internet. Pihak Suruhanjaya Telekomunikasi dan Multimedia Malaysia telah pun mengenal pasti lokasi-lokasi yang dianggap sebagai kawasan liputan sangat lemah. Lokasi tersebut telah disenaraikan

sebagai kawasan cadangan untuk pembinaan telekomunikasi di bawah Projek Pembelian Perkhidmatan Sejagat. Walau bagaimanapun, projek tersebut masih di peringkat perancangan dan belum ditentukan lagi tarikh perlaksanaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada kawasan Jementah membangkitkan permasalahan mengenai tebatan banjir di bandar Segamat. Rancangan Tebatan Banjir Khas, Segamat meliputi 5 pakej projek iaitu :

1. Menaik taraf Sungai Genuang.
2. Menaik taraf Sungai Chodan.
3. Menaik taraf Sungai Segamat.
4. Membina jambatan Jalan Genuang .
5. Membina Lencongan banjir Sungai Segamat dan Sungai Genuang.

Kerja menaik taraf Sungai Genuang dan menaik taraf Sungai Chodan sedang dalam perlaksanaan. Projek Sungai Genuang dijangka akan disiap pada Januari 2013. Manakala Projek Sungai Chodan akan siap pada 2014. Pada tahun ini, kerja menaik taraf Sungai Segamat dan membina jambatan di Jalan Genuang dijangka akan tender pada bulan Julai. Kedua-dua projek ini akan dilaksanakan pada tahun 2013.

Bagi lencongan banjir Sungai Segamat-Sungai Genuang, JPS masih sedang mempertimbangkan jajaran lencongan berikutan bantahan penduduk. Adalah di jangka kerja dapat dimulakan pada tahun 2014. Manakala kerja menaik taraf jambatan KTMB akan dilaksanakan semasa projek landasan kereta api berkembar dilaksanakan oleh kontraktor berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab cadangan yang diusulkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Senggarang mengenai cara mengatasi banjir air pasang. Fenomena yang berlaku di kawasan Senggarang baru-baru ini adalah disebabkan perubahan arah angin dan air pasang besar. Hal ini menyebabkan kejadian ombak besar yang melepasi benteng sedia ada. Fenomena luar jangka ini mengakibatkan benteng tersebut mengalami kerosakan. Pihak JPS sedang mengambil tindakan untuk membaiki kerosakan-kerosakan tersebut. Jabatan ini juga akan mengambil tindakan untuk menyediakan pelan cadangan dan tindakan bagi mengatasi masalah ini. Banteng sedia ada perlu ditinggikan kerana telah mengalami mendapan dan berada di bawah paras air pasang tertinggi. Pelan cadangan tersebut juga akan mengambil kira faktor topografi semula jadi kawasan tersebut yang rendah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Mengkibol telah mencadangkan isu mengenai masalah di Sungai Mengkibol. Sungai Mengkibol adalah sungai yang jajarannya terletak dalam kawasan yang aktif dengan pembangunan dan perladangan iaitu melalui kawasan Ladang Kluang di hulu, kawasan bandar Kluang di pertengahan, sebelum berakhir di Kampung Palembang baru di hilir. Manakala, kedudukan penempatan Yap Tau Sah berada di antara hulu dan pertengahan jajaran Sungai Mengkibol. Faktor-faktor yang menyebabkan Sungai Mengkibol mudah menjadi cetek dan berpasir adalah disebabkan 2 faktor berikut:

1. Keadaan cuaca.

Pada awal tahun 2012 terdapat pengurangan hujan yang ketara berbanding hujan yang turun pada tahun 2011 sebanyak 332.8mm, berdasarkan rekod hujan Ladang Kluang dan ini menyumbang kepada penurunan paras air sungai dan secara tidak langsung mengurangkan aliran air sungai. Keadaan ini memudahkan mendapan pasir terbentuk.

2. Kedudukan sungai-sungai berada dalam kawasan pembangunan dan pembangunan kawasan tadahan sungai.

   Kedudukan jajaran Sungai Mengkibol yang melalui kawasan bandar dan kawasan perumahan sedia ada, mahupun kawasan pembinaan. Keadaan ini menyebabkan mendapan pasir mudah terjadi di dalam sungai akibat talian air permukaan yang lebih cepat di kawasan pembangunan. Manakala pembangunan kawasan tadahan sungai di kawasan hulu sebagai kawasan pertanian baru, mahupun penanaman semula bagi meningkatkan ekonomi penduduk Kluang khususnya memberi sedikit kesan terhadap simpanan air semula jadi yang sedikit sebanyak mengurangkan paras air sungai ketika kemarau.

Rentetan dari faktor-faktor ini, pihak jabatan perlu menjalankan kerja-kerja membuang kelodak dan mendapan pasir Sungai Mengkibol setiap tahun. Bagi memastikan kapasiti Sungai Mengkibol berada dalam keadaan yang optimum terutama pada ketika musim hujan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan yang sering ditenggelami air Sungai Mengkibol ketika banjir adalah kawasan berada dalam lembangan banjir. Ini bermaksud, kawasan tersebut mempunyai aras tanah yang rendah termasuk penempatan Yap Tau Sah dan Kampung Palembang. Walau bagaimanapun, hasil dari kerja-kerja membuang kelodak Sungai Mengkibol pada awal tahun 2011 dan pemuliharaan benteng Sungai Mengkibol pada akhir tahun 2011 di kawasan Yap Tau Sah telah menyebabkan menempatkan Yap Tau Sah tidak ditenggelami banjir walaupun pada tahun 2011, daerah Kluang mengalami situasi banjir sebanyak 2 kali iaitu pada bulan Januari dan Disember.

Yang berhormat Dato' Speaker, bagi permasalahan banjir di Kampung Sembrong pula adalah berpunca dari keadaan parit tanah yang tidak dapat menampung aliran air kawasan sekitar yang melalui kampung itu terutama ketika hujan lebat berterusan. Pihak jabatan tidak dapat menaik taraf saiz parit ini disebabkan ketiadaan rizab parit dan melibatkan proses pengambilan balik tanah. Permohonan peruntukan untuk mengatasi masalah ini telah pun dipohon di bawah RMK-10. Bagi penyelesaian jangka pendek, jabatan melalui peruntukan Yang Berhormat Ahli Parlimen telah mengalirkan sebahagian air dari gunung lembah yang sebelum ini melalui kampung terus ke Sungai Sembrong Kecil. Pihak jabatan juga telah merangka penyelesaian jangka panjang permasalahan banjir Sungai Mengkibol melalui cadangan pembinaan kolam tebatan banjir di Sungai Mengkibol dan Sungai Kluang sebagaimana yang terkandung dalam kajian Pelan Induk Tempatan Banjir Daerah Kluang. Kesemua cadangan ini telah dipohon dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Yang Berhormat Datuk Speaker, begitulah sedikit sebanyak ulasan saya dapat saya berikan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan mulia ini. Mana-mana perkara yang tidak dapat saya jelaskan di sini penjelasan akan diberikan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, kita jumpa lagi lepas pilihan raya nantikan? Insya-Allah. Ok eh, kita jumpa lagi eh?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat, saya sudah berumur sudah tinggi. Tidak mampu lagi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok. Jemput, siapa lagi nak berucap.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumussalam.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama:** Yang Berhormat Dato' Speaker…

**Y.B. Dato' Speaker :** Ya, Yang Berhormat panggil saya? Ha, jemput duduk. Encik Zainal nampak letih, nak rehat minum teh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:50 pagi.**

**Persidangan di sambung semula pada jam 12:20 tengah hari.**

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Ahli-Ahi Yang Berhormat Perbahasan disambung semula. Jemput Yang Berhormat.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya menyambung Ucapan Penggulungan saya. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana diberi peluang untuk turut serta di dalam sesi penggulungan sempena Menjunjung Kasih Titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor semasa Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Ke-12. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor bersama JAKIM yang berjaya menguruskan Majlis Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke 55 pada 4 hingga 8 Jun 2012 yang lalu, yang mana kehadiran setiap malam majlis tersebut sangat membanggakan iaitu tidak kurang 2,000 orang.

Sesungguhnya Yang Berhormat Datuk Speaker, kejayaan ini adalah berkat kerjasama semua pihak. Saya cukup yakin sambutan sebegini merupakan manifestasi kejayaan hasil usaha murni Kerajaan Negeri Johor, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita yang selama ini telah memperkenalkan Program Membudayakan Al-Quran di negeri ini semenjak lebih 15 tahun yang lalu. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Surat, Maharani, Kempas, Kahang, Bukit Serampang, Sungai Abong, Panti, Layang-Layang, Machap dan Kemelah yang memberi perhatian terhadap perkara-perkara yang berkaitan di bawah portfolio saya seperti sekolah agama, pembinaan dan kebersihan masjid, bantuan Majlis Agama Islam Negeri Johor serta masalah berhubung dengan masyarakat orang Asli semasa sesi Dewan pada kali ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk kepada isu pembinaan Sekolah Agama Tanjung Serindit, Pengerang yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Surat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada asalnya tapak cadangan pembinaan Sekolah Agama Tanjung Serindit ini adalah hak milik estet. Pihak pengurusan estet telah bersetuju mewakafkan sebahagian daripada tanahnya bagi tujuan pembinaan sekolah berkenaan. Pada November 2011, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor telah melaksanakan proses wakaf bagi tapak sekolah tersebut, manakala pihak pemaju telah memulakan kerja-kerja menanam cerucuk iaitu *piling*. Isu tapak sekolah berkenaan hanya selesai pada awal tahun ini iaitu pada Februari 2012.

Dan, sehubungan itu pihak pemaju telah melantik kontraktor bagi kerja-kerja bangunan pada 26 Mac 2012 yang lalu. Kerja-kerja pembinaan sekolah ini dijangka siap pada 25 Mac 2013 yang mempunyai 2 tingkat bangunan dengan 6 bilik darjah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu-isu tapak juga berlaku bagi pembinaan Sekolah Agama Taman Anggerik dan Bukit Mewah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kempas. Terdapat penyewa yang mengusahakan bengkel serta kediaman imam yang dahulunya adalah sebuah surau di tapak cadangan Sekolah Agama Taman Anggerik, Johor Bahru. Manakala di Bukit Mewah tapak cadangan merupakan tapak KRT serta terdapat gelanggang sepak takraw. Pihak pemaju telah melantik kontraktor bagi kerja bangunan kedua-dua sekolah tersebut pada Mac 2012 dan dijangka siap pada 25 Mac 2013 dengan kapasiti masing-masing 12 bilik darjah 2 tingkat bagi Sekolah Agama Taman Anggerik dan 10 bilik darjah 2 tingkat bagi Sekolah Agama Bukit Mewah. Insya-Allah Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak UPEN dan juga Jabatan Agama akan memantau perjalanan dan kemajuan pembinaan sekolah-sekolah agama ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Johor begitu komited dalam menyelesaikan masalah sekolah-sekolah agama ini. Sebab itulah kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengemukakan cadangan untuk membina sebanyak 121 buah sekolah agama seluruh Negeri Johor dan mengambil masa dalam tempoh 2 hingga 3 tahun. Ini melibatkan satu peruntukan yang besar dan Alhamdulillah, satu pemaju telah bersetuju untuk menjayakan program ini dengan

mendapatkan pinjaman daripada pihak bank dengan menggunakan pendekatan Perbankan Islam.

Selain daripada itu Yang Berhormat Datuk Speaker, insya-Allah dalam masa terdekat ini juga ke atas keprihatinan pihak Kerajaan Negeri, kita akan dapat menandatangani memorandum persefahaman atau MOU di antara Kerajaan Negeri Johor dengan Kerajaan Persekutuan atau lebih tepatnya Kementerian Pelajaran, untuk kita mendaftarkan sekolah-sekolah agama kita, Sekolah-Sekolah Agama Rakyat di bawah sistem SABK. Jadi dengan demikian kita akan dapat membantu meningkatkan lagi prestasi sekolah-sekolah ini, infrastrukturnya, kebajikan guru-gurunya dan murid-muridnya.

Sebab itulah Yang Berhormat Datuk Speaker, dan untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, saya sendiri pun tak faham kenapa pihak pembangkang, pihak pembangkang khususnya PAS sebenarnya. Semalam Ahli Yang Berhormat daripada Kukup membangkitkan PAS membantah pembinaan sekolah agama di sebuah negeri di Utara Semenanjung ini. Sedangkan kita di Johor ini, kita membina sebanyak 121 buah sekolah agama, yang sebagaimana yang saya nyatakan tadi dan kita akan mendaftarkan Sekolah-Sekolah Agama Rakyat ini dengan kementerian dan kemudian mereka akan mendapat banyak faedah daripada pendaftaran yang akan kita lakukan ini. Jadi, jelas bahawa Kerajaan Negeri Johor nampak dalam hal ini ke depan, sentiasa ke depan dalam membela nasib guru-guru, murid-murid dan Sekolah-Sekolah Agama Rakyat kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk kepada isu bantuan bagi mendaftar di IPT yang disediakan oleh pihak Baitulmal dan Perbadanan Islam Johor seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Maharani. Skim bantuan pendaftaran di IPTA dalam negara disediakan oleh MAIJ bertujuan meringankan beban pelajar yang kurang berkemampuan melanjutkan pendaftaran ke pusat pengajian. Skim bantuan ini terbuka sepanjang tahun namun jumlah permohonan biasanya meningkat pada sesi kemasukan pelajar ke pusat pengajian tinggi pada bulan Mei hingga Julai. Pelajar yang ingin memohon hanya perlu mengisi borang yang disediakan dengan selengkapnya dan menyertakan salinan kad pengenalan, surat tawaran melanjutkan pelajaran di pusat pengajian dan juga slip gaji pengesahan pendapatan keluarga.

Majlis Agama Islam Negeri Johor berusaha untuk menyalurkan bantuan ini sebelum pelajar mendaftar masuk ke pusat pengajian mereka. Mengikut statistik bantuan MAIJ pelajar yang telah menerima bantuan pendaftaran ke pusat pengajian seluruh negara Yang Berhormat Datuk Speaker, adalah sebagaimana berikut:

1. Bagi tahun 2010, seramai 1,873 pelajar telah menerima bantuan dengan perbelanjaan sebanyak RM1,185,747.00.

2. Manakala bagi tahun 2011, seramai 2,896 pelajar dengan perbelanjaan sebanyak RM1,869,766.00 iaitu meningkat sebanyak 35%.

3. Dan pada tahun ini sehingga Jun, seramai 1,240 pelajar dengan perbelanjaan RM640,258.00.

Terima kasihlah kepada pembayar zakat yang bayar zakat pada Majlis Agama Islam, insya-Allah rezeki mereka akan bertambah Yang Berhormat Datuk Speaker.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Insya-Allah.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Jumlah bantuan yang diberi adalah di antara RM400.00 hingga RM1,000.00 bergantung kepada kursus yang diambil di peringkat Ijazah Pertama, Diploma atau Sijil. Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak Majlis Agama Islam akan sentiasa dan terus berusaha untuk mempertingkatkan prestasi kita. Insya-Allah ada cadangan baru, saya mencadangkan dan kita akan bawa pada Majlis Mesyuarat Majlis sekiranya dipersetujui kita akan peruntukkan, peruntukkan satu jumlah kepada setiap daerah, mungkin katakan RM50,000.00 ke atau RM60,000.00 ke, RM100,00.00 ini bergantung kepada keperluan sesebuah daerah itu. Jadi anak-anak kita yang nak masuk ke universiti yang layak, yang penting tu yang layak dan mengikut segala syarat-syarat yang ditetapkan mereka boleh pergi dan buat permohonan di Pejabat-Pejabat Majlis di daerah-daerah dan tak perlu nak tunggu kelulusan daripada ibu pejabat.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Kadi boleh meluluskan, Kadi Daerah?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Ya, Kadi adalah ketua di peringkat daerah Yang Berhormat Datuk Pengerusi. Jadi mereka tak payah nak tunggu selepas dapatkan kelulusan atau *endorsement* daripada ibu pejabat yang mungkin mengambil masa sedikit. Ini adalah sebahagian daripada usaha kita untuk memperbaiki sistem penyampaian kita di peringkat Majlis Agama Islam di peringkat daerah-daerah. Insya-Allah perkara ini kalau dipersetujui akan kita laksanakan dalam, mungkin pada tahun akan datang Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Perbadanan Islam Johor atau ringkasnya PIJ juga ada menyediakan bantuan kemasukan ke IPTA khususnya kepada anak jati Johor atau sekurang-kurangnya menetap 5 tahun di negeri ini yang telah mendapat surat tawaran pengajian tahun 1 secara sepenuh masa bagi kemasukan ke 20 buah IPTA di negara ini. Syarat-syarat lain adalah pemohon hendaklah mengemukakan dokumen pengenalan diri serta ibu bapa serta pengesahan pendapatan kasar ibu bapa RM3,000.00 sebulan dan ke bawah. Permohonan adalah dibuka sepanjang tahun dan pelajar hendaklah mengemukakan permohonan sebelum mendaftar diri di IPTA yang berkenaan. Jumlah bantuan yang disediakan oleh PIJ adalah sebanyak RM700.00 yang mendaftar di IPTA Semenanjung, manakala RM1,000.00 di IPTA Sabah dan Sarawak. Dan, mengikut statistik bantuan PIJ pelajar yang telah menerima bantuan mendaftar ke pusat pengajian seluruh negara adalah sebagaimana berikut:

1. Tahun 2010, seramai 57 pelajar peringkat Diploma dengan bantuan sebanyak RM500.00 seorang dan 259 orang pelajar peringkat Ijazah dengan bantuan sebanyak RM700.00 seorang. Jumlah keseluruhan pelajar telah menerima bantuan adalah seramai 316 orang dengan peruntukan sebanyak RM209,800.00.

2. Tahun 2011 seramai 60 pelajar peringkat Diploma dengan bantuan sebanyak RM700.00 seorang dan 82 orang pelajar peringkat Ijazah dengan bantuan sebanyak RM700.00 seorang. Jumlah keseluruhan pelajar telah menerima bantuan adalah seramai 142 orang dengan peruntukan sebanyak RM99,400.00.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam tempoh 3 tahun yang lepas dari 2010 hingga 2012, Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Perbadanan Islam Johor telah menyediakan peruntukan bantuan pendaftaran IPT kepada seramai 6,467 orang pelajar dengan jumlah peruntukan sebanyak RM4 juta. Sekitarnya masih ada pelajar yang tidak menerima bantuan tersebut, kemungkinan pelajar tersebut lambat mengemukakan borang permohonan mereka yang menyebabkan bantuan tidak dapat diserahkan sebelum mereka mendaftar ke IPTA.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai kemajuan kerja pembinaan Masjid Kampung Sri Lukut, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kahang. Adalah dimaklumkan status kemajuan kerja setakat ini adalah sebanyak 63% di mana tarikh siap pembinaannya adalah pada Disember 2011. Pihak berwajib telah mengeluarkan notis tamat kontrak pada 7 Jun yang lalu di mana pihak kontraktor telah diberi tempoh sehingga 21 Jun 2012 sebagai tarikh akhir siap kerja. Sekiranya kerja-kerja pembinaan masih belum dapat disempurnakan, pihak berwajib boleh menamatkan kontraknya dan melaksanakan proses tender semula.

Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Serampang yang membangkitkan tentang kelewatan proses pemberian bantuan perumahan oleh MAIJ sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat *Focus Group* di peringkat daerah. Adalah dimaklumkan pada tahun 2011, bagi daerah Ledang dan Muar yang melibatkan DUN Bukit Serampang, jumlah penerima bantuan perumahan yang melibatkan bina baru serta baik pulih adalah sepertimana berikut :

1. Bagi daerah Ledang, bina baru 3, peruntukan sebanyak RM99,000.00, baik pulih 3 dan peruntukan RM33,000.00.

2. Bagi daerah Muar, bina baru 3 juga melibatkan RM99,000.00 dan baik pulih 3, peruntukan sebanyak RM33,000.00.

Jumlahnya ialah bina baru 6 dengan peruntukan sebanyak RM198,000.00 dan baik pulih sebanyak RM66,000.00 dan kesemuanya rumah ini sama ada rumah baru ataupun baik pulih kerja-kerjanya telah pun siap.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak Majlis perlu melaksanakan siasatan sepenuhnya bagi memastikan penerima-penerima yang dicadangkan oleh Mesyuarat *Focus Group* di peringkat daerah ini terdiri dari golongan yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan serta syarak, ini tambahan dia. Sudah tentu proses ini perlu mengambil masa, mengambil sedikit masa sebelum proses pembinaan dan baik pulih rumah dilaksanakan. Dan, untuk makluman Ahli-Ahli Dewan ini, Majlis Agama Islam telah mengambil tanggungjawab yang lebih dari apa yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Sebagai contoh, kalau kita terima antara 60 hingga 100 buah rumah, saya telah mengarahkan Majlis Agama Islam supaya membuat lebih dari itu

bagi menolong mereka yang memerlukan rumah. Rekod kita menunjukkan hal ini, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki sistem kita yang ada dan sebagai contohnya, untuk bantuan proses untuk mendapatkan bantuan bulanan sebagai contoh dan juga rumah, rumah baru ataupun rumah baik pulih. Kalau dulu sebenarnya Yang Berhormat Datuk Speaker, apabila permohonan itu kita terima daripada daerah dan ada satu mesyuarat akan diadakan di peringkat Jawatankuasa masing-masing, lepas tu baru dibawa ke Mesyuarat Penuh Majlis dan ia mungkin mengambil masa, dalam masa satu bulan lebih. Tetapi saya dan Majlis, kita telah memutuskan dalam Mesyuarat Majlis bahawa selepas diluluskan di peringkat Jawatankuasa, pihak pentadbiran boleh terus mengambil tindakan. Maknanya, mengeluarkan surat tawaran, melantik kontraktor dan membina rumah itu. Tak payah nak tunggu lagi 15 hari sebelum kita sahkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis kerana kita dapat selamatkan dalam tempoh 15 hari.

Jadi, ini akan lebih cepat, pembinaan dan kerja-kerja baik pulih dapat kita laksanakan dengan lebih cepat bagi memenuhi hasrat rakyat untuk mendapatkan rumah kepada mereka ini. Ini di antara yang telah kita buat, alhamdulillah, bukan sahaja rumah, juga dengan yang lain-lain bantuan yang ada. Ada yang kita dah turunkan kepada pihak Kadi supaya pihak PTA ini diluluskan di peringkat masing-masing. Ini bagi e*mpowerment* kepada mereka untuk mempercepatkan proses kelulusan dan juga penyaluran bantuan kepada mereka yang berkelayakan ini.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, kita juga akan berbelanja satu jumlah yang agak besar untuk *upgrade* sistem komputer kita, insya-Allah apabila sistem ini selesai dapat disiapkan, semua sistem yang ada dalam Majlis Agama Islam akan *diintegratedkan*, akan di bersepadukan, maknanya sistem di antara satu bahagian ke satu bahagian akan ada *link* dia. Jadi, ini memudahkan kerja di antara ibu pejabat terutamanya dengan pihak, pihak di daerah masing-masing. Inilah di antara langkah-langkah yang kita ambil kerana kita mendengar apa yang diberitahu terutama oleh rakyat, terutama dalam Dewan ini, kita sensitif, kita peka, kita ambil bahagian tapi kadang-kadang kita tak nak bising-bising sangat Datuk, bila kita buat, baru kita bagi tahu. Tapi saya percaya hasil dah kita nampak, makna banyak isu-isu yang berkaitan dengan portfolio saya telah pun dapat kita selesaikan.

Jadi, saya kira cadangan saya, pandangan saya tentang cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Serampang untuk mengalih pentadbiran ini di bawah Majlis, di bawah Mufti saya rasa tidak begitu sesuai, kerana biarlah Mufti, dia di fokus pada hal yang berkaitan dengan kefatwaan sebab kerja-kerja Majlis ini dia banyak, dia melibatkan bantuan-bantuan, *collection* dan juga *disbursement,* kepada rakyat kerana Majlis melibatkan satu perbelanjaan yang besar. Pada tahun lepas sahaja, kita belanja sebanyak RM150 juta. Ini satu bukan kerja yang mudah, apa yang perlu kita buat ialah kita perkukuhkan lagi sistem yang ada di dalam pentadbiran Majlis Agama Islam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Abong ada membangkitkan berkenaan cadangan mewujudkan sebuah dana khas bagi

membantu ahli-ahli kariah yang memerlukan. Institusi masjid dan surau di setiap kariah merupakan nadi bagi sesebuah masyarakat. Justeru, bagi memastikan ianya dapat berperanan dengan sebaik mungkin, Jabatan Agama Johor telah menyediakan garis panduan untuk Ahli Jawatankuasa Masjid tentang kaedah pengurusan masjid dan surau. Ini termasuklah dengan mewujudkan tabung bagi tujuan-tujuan tertentu bagi menampung bil penyelenggaraan, aktiviti takmir seperti kuliah maghrib atau subuh, membaca Yasin di malam Jumaat, qiamullail dan sebagainya. Manakala untuk aktiviti berkala seperti Maulidur Rasul dan Maal Hijrah hampir keseluruhan masjid dan surau mengadakan kutipan khas untuk aktiviti ini, tidak diambil daripada tabung kutipan mingguan atau bulanan. Pihak Jawatankuasa juga boleh mengambil inisiatif mewujudkan tabung kebajikan yang boleh digunakan untuk membantu mana-mana ahli kariah yang ditimpa kecelakaan dan musibah, keperluan rawatan dan sebagainya. Jadi, terpulanglah kepada kariah masing-masing, Jawatankuasa Masjid dan Surau masing-masing untuk mengambil inisiatif ini kerana garis panduan yang telah kita sediakan melalui sebuah buku telah pun ada eh. Jadi, saya harap ini dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Panti ada membangkitkan berkenaan pembinaan masjid di Taman Saujana, Kota Tinggi. Pihak Jabatan Agama Johor telah memajukan permohonan peruntukan ke Pejabat Pembangunan Negeri Johor dan difahamkan permohonan tersebut telah pun dimajukan ke Pejabat Unit Penyelarasan Pelaksanaan, ICU Jabatan Perdana Menteri. Adalah dimaklumkan permohonan ini dalam proses kelulusan. Mesyuarat Perlaksanaan Projek bersama pihak JKR Negeri Johor, Jabatan Agama Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Pejabat Pegawai Kewangan Negeri dan Jawatankuasa Masjid berkenaan akan dilaksanakan sebaik sahaja kelulusan di perolehi. Agihan peruntukan adalah sebagaimana berikut:

1. Kerajaan Persekutuan RM3 juta.
2. Kerajaan Negeri RM1 juta.
3. Majlis Agama Islam RM1 juta. Dan keseluruhannya adalah RM5 juta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Panti juga ada membangkitkan berkenaan pendidikan agama kepada masyarakat Orang Asli. Masyarakat Islam di kalangan Orang Asli dalam Negeri Johor ini sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan. Pelbagai kemudahan disediakan untuk memberi pendidikan agama seterusnya memantapkan amalan dalam kehidupan mereka. Antara kemudahan yang disediakan termasuk pembangunan Pusat Tarbiah di Kampung Orang Asli, Tanah Abang, Mersing, ini dalam proses pembangunan. Kampung Orang Asli Bumiputera Dalam, Rengit dan Kampung Orang Asli Simpang Arang, Johor Bahru. Pusat Tarbiah ini berfungsi sebagai pusat pendidikan agama khusus kepada masyarakat Orang Asli setempat. Selain daripada itu, ia menjadi tempat untuk menjalankan pelbagai aktiviti berlandaskan Agama Islam. Surau-surau dibina khusus untuk kemudahan masyarakat Orang Asli yang beragama Islam untuk menghayati dan mengamalkan ajaran Islam. Sehingga Jun 2012, terdapat 25 buah surau dan sebuah masjid di perkampungan masyarakat Orang Asli di seluruh Negeri Johor.

Sementara itu, seramai 24 orang tenaga pengajar yang khusus untuk memberi penekanan agama di kalangan masyarakat Orang Asli. Selain daripada itu, terdapat 9 orang mubaligh ditugaskan untuk memantau aktiviti-aktiviti dalam perkampungan Orang Asli di setiap daerah. Mereka dibantu oleh pegawai lantikan JAKIM seramai 17 orang yang menjalankan program dan memberi bantuan serta pendidikan kepada mereka. Pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor juga menyediakan peruntukan khas bagi anak-anak Orang Asli untuk belajar agama termasuk bantuan pakaian, sekolah agama, buku-buku agama serta wang saku sebagai galakan kepada anak-anak yang hadir ke sekolah agama. Bagi mereka yang berminat untuk melanjutkan pelajaran, pihak Majlis juga menyediakan kemudahan tajaan belajar di PERTAMA di IKIP Kuantan iaitu Pusat Tamadun Masyarakat Orang Asli.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Benut dan Machap ada membangkitkan berkenaan kebersihan tandas masjid dan surau. Tanggungjawab tentang kebersihan tandas masjid dan surau adalah tanggungjawab bersama antara ahli masyarakat, pengguna dan juga ahli Jawatankuasa Masjid. Bagi memastikan masjid dan surau dapat berfungsi dengan sebaiknya, Jabatan Agama Johor ada menyediakan garis panduan untuk Ahli Jawatankuasa Masjid termasuklah tentang kaedah menjaga kebersihan dan keceriaan masjid dan surau iaitu dengan mewujudkan Biro yang menjaga tahap kebersihan dan keceriaan masjid dan surau dengan mengguna pakai, bergotong-royong bersama dengan ahli masyakat. Sebagai galakan setiap tahun Jabatan Agama Johor telah mengadakan Anugerah Masjid dan Surau Cemerlang di peringkat mukim, daerah dan negeri, di mana pelbagai aspek akan dinilai termasuk aspek kebersihan dan keceriaan sesebuah masjid dan surau yang dipelihara sepanjang masa.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Dah habis Yang Berhormat?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Kemelah ada membangkitkan berkenaan peranan pemerintah untuk menjaga 5 asas utama kemasyarakatan iaitu memelihara agama, jiwa, akal, harta, keturunan dan kehormatan serta mengadakan Seminar Kefahaman Kesalahan Jenayah Syariah dan Pelaksanaan Hukum Hudud di Negeri Johor. Sebagaimana sedia maklum, telah termaktub kedudukan tinggi Agama Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri Johor. Dalam konteks Negeri Johor, beberapa Enakmen yang berkaitan hal ehwal Agama Islam telah diguna pakai selama ini iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003, Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1991 serta Kaedah-Kaedah Masjid dan Surau Johor 1989, Kaedah-Kaedah Mengajar dan Memberi Syarahan Agama 1991, Kaedah-Kaedah Wakaf 1983. Enakmen-enakmen ini adalah sebagai panduan dan kawalan bagi perlaksanaan Agama Islam Negeri Johor selaras dengan kehendak kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah yang berasaskan al-Quran, Hadis, Qias dan Ijmak Ulama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, beberapa siri seminar telah diadakan pada 2011 sepertimana berikut:

1. Seminar

2. Kursus
3. Bengkel Fahaman Undang-Undang
4. Bengkel Semakan dan Pemantapan
5. Seminar Undang-Undang yang memberi fokus kepada pemimpin-pemimpin masyarakat termasuklah agensi-agensi dalam kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Layang-Layang ada menanyakan berkenaan pembinaan sekolah agama kawasan DUN beliau. Pihak pemaju telah pun melantik kontraktor bagi memulakan kerja-kerja bangunan bagi Sekolah Agama Layang-Layang yang dijangkakan akan dimulakan pada Julai 2012. Manakala bagi Sekolah Agama Simpang Renggam pula pembinaannya telah disenaraikan dalam fasa kelima.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Machap ada membangkitkan berkenaan elaun guru takmir di masjid. Sehingga Jun 2012, seramai 588 orang guru takmir yang telah berdaftar dan diberikan tauliah oleh Jabatan Agama Johor. Sebenarnya, pihak kerajaan melalui peruntukan JAKIM ada menyediakan elaun kepada guru-guru takmir ini. Pada tahun 2012 ini, peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada JAKIM untuk pembayaran elaun guru takmir adalah berjumlah RM5.6 juta berbanding tahun terdahulu, peruntukan yang diberi adalah berjumlah RM4.8 juta. Penambahan peruntukan ini adalah disebabkan Kerajaan Pusat bersetuju menaikkan elaun sagu hati guru takmir daripada RM30.00 satu kelas kepada RM100.00 satu kelas dengan tuntutan maksimum 8 kelas untuk 4 masjid dan 4 surau. Namun begitu, elaun ini hanya sebagai bayaran sagu hati atas khidmat dan jasa bakti mereka mengajar ilmu agama di masjid dan surau.

Untuk masjid dan surau yang membayar khidmat tenaga pengajar takmir ini, melalui tabung masjid dan surau ianya adalah bergantung kepada keupayaan kewangan masjid dan surau tersebut. Malah wujud juga masjid dan surau yang tidak membayar tenaga pengajar takmir ini dengan wang tetapi diberi sagu hati berbentuk barangan.

Untuk kawalan kepada guru-guru takmir ini, pihak Jabatan Agama Johor mensyaratkan kepada mereka yang hendak mengajar di masjid dan surau mesti mendapatkan tauliah kebenaran daripada Jabatan Agama Johor. Ini sebagaimana diperuntukkan pada Seksyen 118, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor tahun 2003, mereka yang didapati menyalahgunakan tauliah kebenaran ini dengan menyebarkan perkara yang tidak sepatutnya, akan diambil tindakan oleh Pejabat Kadi Daerah dengan menamatkan atau menggantung tauliah kebenaran mengajar yang telah diberi. Tindakan ini diambil berdasarkan keingkaran untuk mematuhi perintah atau arahan Pihak Berkuasa Agama sebagaimana Seksyen 9, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor tahun 1997, yang mengenakan hukuman denda tidak melebihi RM3,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Kepada mereka yang mengajar Agama Islam atau perkara-perkara tentang Agama Islam tanpa tauliah, mereka boleh diambil tindakan berdasarkan Seksyen 119, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor tahun 2003 dan Seksyen 11, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor tahun 1997, yang mengenakan hukuman denda tidak melebihi RM5,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Jadi, nasihat saya pada

mereka yang tidak ada tauliah, tolong ambil tauliah, kalau tak ada tauliah, tolong jangan mengajar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, yang memberi ruang untuk saya turut serta dalam perbahasan ini. Terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan demi kebaikan dan peningkatan perkhidmatan jabatan agensi di bawah portfolio saya. Saya telah cuba memberikan jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan. Namun demikian, sekiranya terdapat isu-isu yang terlepas pandang, saya mohon maaf dan saya yakin tindakan susulan akan diambil oleh jabatan dan agensi-agensi berkenaan. Selain itu, terima kasih kepada jabatan di bawah portfolio saya yang telah memberikan kerjasama dalam saya menguruskan portfolio saya. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam ucapan penggulungan perbahasan atas Rundingan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Benut menyentuh berhubung Hospital Pontian. Hospital Pontian merupakan sebuah hospital tanpa pakar, dengan 120 katil, jumlah doktor dia adalah 9 orang, jumlah kemasukan pesakit sehari 30 dan kurang daripada itu. Jumlah kedatangan ke Jabatan Kecemasan pun 100 dan *below*, kurang. Permohonan, rujukan hospital adalah di Hospital Sultanah Aminah. Jadi kemudahan yang terdapat di Hospital Pontian adalah mengikut kategori hospital tanpa pakar. Permohonan pengambilan balik tanah untuk pembinaan hospital baru di Mukim Rimba Terjun sedang dalam pertimbangan Kementerian Kesihatan Malaysia. Projek Hospital Pontian akan dimasukkan ke dalam *Rolling Plan* yang berikutnya apabila isu tanah selesai.

Yang Berhormat ADUN Pengkalan Rinting menyentuh berhubung dengan kemudahan di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru. Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru mempunyai bangunan induk yang bangunan berwarna merah yang telah 73 tahun beroperasi. Bangunan ini telah diwartakan sebagai Bangunan Warisan. Beberapa bangunan tambahan telah dibina dan telah beroperasi iaitu tahun 1991 bagi bangunan poliklinik, sekarang dikenali sebagai Klinik Pakar Perubatan Berpusat. Pada tahun 1992, 4 blok wad 4 tingkat dibina; 2005, wad bersalin serta wad kelas pertama dibina dan 2009, Unit Rawatan Rapi. Di samping itu, beberapa projek menaik taraf juga telah dilaksanakan seperti wad *cardiothoracic* pada tahun 1996, ICU Selatan

pada tahun 2000, Jabatan Kecemasan baru, 2009; wad *neurosurgery*, 2011; dan Makmal Jantung Intensif 2011. Pada masa ini tidak dapat dinafikan terdapat kekurangan peralatan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pengkalan Rinting.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan telah membuat penggantian dan pembelian peralatan tambahan peralatan secara berkala bagi menampung keperluan. Pihak NGO's dan swasta juga turut memberi sumbangan peralatan seperti kerusi menunggu, alat penghawa dingin, kerusi roda dan kipas dari masa ke semasa sebagai satu *contribute,* CSR (*Corporate Social Responsibility)*, dengan izin. Mengikut dasar Kementerian Kesihatan Malaysia, ruang menunggu pesakit di klinik pakar hospital sedia ada tidak disediakan kemudahan penghawa dingin. Walau bagaimanapun, kemudahan kipas telah disediakan. Berhubung tempat letak kereta, pihak Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru telah membuat cadangan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia selari dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor untuk membuat tempat letak kereta berbayar. Cadangan untuk memberi potongan bayaran kepada pesakit juga telah dikemukakan untuk pertimbangan.

Yang Berhormat ADUN Pengkalan Rinting juga turut menyentuh berhubung pembinaan klinik Taman Bukit Indah. Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah memohon kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memberi keutamaan kepada Projek KK3, Klinik Kesihatan 3, Bukit Indah di dalam *3rd Rolling Plan*, Rancangan Malaysia ke-10. Memandangkan tanah seluas 2.2 ekar telah pun selesai perolehannya. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sedang menunggu kelulusan daripada ICU untuk pembinaannya.

Yang Berhormat ADUN Parit Yaani menyentuh berhubung kawasan merokok. Definisi kompleks membeli-belah ertinya mana-mana bangunan yang di dalamnya terdapat rangkaian kedai yang menawarkan alat menjual barang keperluan pengguna atau perkhidmatan pengguna kepada orang ramai. Justeru, sesiapa yang merokok di luar bangunan kompleks membeli-belah tidak boleh ditawarkan Notis 32B, Akta Makanan. Kuasa untuk memerintahkan kehadiran di mahkamah atau tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan di bawah Sub Peraturan 23(2) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Tambahan kepada definisi tersebut di atas Sub Peraturan 11(1n) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 mengatakan bahawa tiada seorang pun boleh merokok di dalam mana-mana kawasan di dalam kompleks membeli-belah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkataan di dalam mana-mana kawasan di dalam kompleks membeli-belah juga termasuk kawasan yang terletak sehingga ke pinggir *eve's drop* (penghujung berbumbung atau atap sesuatu bangunan). Oleh yang demikian, sekiranya ada seseorang merokok di bahagian tersebut, walaupun bahagian tersebut adalah luar bangunan, maka dengan maksud mana-mana kawasan, maka sesuatu tawaran seperti di atas akan dikeluarkan. Juga adalah tidak digalakkan meletakkan kerusi meja atau bekas habuk rokok bagi tujuan merokok di kawasan yang dimaksudkan seperti di atas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam isu kedai kopi dan kafe-kafe, keperluan undang-undang adalah jelas bahawa menurut Sub Peraturan 11(d), tiada seorang pun boleh merokok di dalam mana-mana tempat makanan atau kedai berhawa dingin. Jika mana premis, kedai kopi dan kafe-kafe yang tidak berhawa dingin menawarkan tempat untuk merokok, pihak Jabatan Kesihatan tidak mengambil apa-apa tindakan di bawah undang-undang sedia ada. Jika kedai kopi dan kafe-kafe itu berhawa dingin, maka tindakan undang-undang di bawah sub peraturan tersebut akan diambil.

Dalam ucapan bajet negeri 2012, Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar telah menyatakan komitmen Kerajaan Negeri bagi menyediakan persekitaran bebas asap rokok kepada masyarakat di Negeri Johor dan Majlis telah bersetuju mengambil maklum berkaitan polisi pelan strategik dan Program Insentif Johor Bebas Asap Rokok dan juga bersetuju perlaksanaan program ini di Negeri Johor. Pada 31 Mei 2012, Kerajaan Negeri Johor telah melancarkan Inisiatif Johor Bebas Rokok, JBAR di Universiti Teknologi Malaysia Skudai yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang bertujuan menyediakan persekitaran yang bersih, segar dan selesa serta bebas daripada asap rokok basi, *second hand smoke*, dengan izin kepada masyarakat yang tidak merokok, khususnya kepada kanak-kanak, wanita mengandung dan pesakit-pesakit seperti asma dan sakit jantung. Ini bermula di Hutan Bandar, Mutiara Rini dan rangkaian hotel-hotel terpilih sekitar Johor Bahru dan akan diperluaskan ke seluruh Negeri Johor secara berperingkat. Inisiatif JBAR ini juga telah menarik sokongan dan komitmen dari pelbagai agensi kerajaan, swasta seperti beberapa hotel terkemuka, serta badan bukan kerajaan (NGO's).

Jabatan Kesihatan Negeri Johor juga sentiasa menjalankan kempen-kempen anti merokok terutama di sekolah-sekolah dan klinik berhenti merokok. Kita ada 91 klinik berhenti merokok di Negeri Johor ini. Dan, jenis rawatannya adalah kalau perokok itu dalam keadaan sederhana atau ringan, kita apa tu, kaunseling, kita akan kasi kaunseling kepada mereka. Dan jika perokok itu adalah yang kes yang teruk, diberi ubat-ubat gantian terapi gantian nikotin dan ubat hilang ketagihan, *jam peaks*. Klinik berhenti merokok disediakan di klinik-klinik kesihatan kerajaan bagi membantu berhenti merokok. Selain itu, tindakan penguatkuasaan juga akan dijalankan dan dari masa ke semasa bagi melindungi kesihatan awam khususnya masyarakat Negeri Johor.

Yang Berhormat ADUN Sungai Abong menyentuh berhubung rawatan di hospital kerajaan. Tempoh masa untuk temu janji kes-kes susulan, *follow up appointment*, dengan izin, adalah ditentukan oleh Pegawai Perubatan atau Pakar. Jururawat hanya mengikut tarikh sebenar yang menepati tempoh temu janji. Ini dari dulu pun, masa saya doktor pun, kita buat macam tu. Kita yang mengarahkan bila nak jumpa pesakit setelah kita jumpa pesakit tu. Contoh, pesakit dilihat oleh Pakar Perubatan dan memutuskan untuk rawatan susulan dalam masa 2 bulan. Jadi dia *ask TCA, to come again* ataupun *next appointment, two months*, jadi, dengan izin eh. Pesakit yang dilihat pada 20 Jun 2012 akan diberi tarikh temu janji pada 22 Ogos 2012 oleh jururawat. Jadi yang mengasi, arahan daripada doktor tapi yang kasikan *date* tu adalah jururawat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pakar-pakar perubatan di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar adalah berkeupayaan merawat kes-kes jantung. Kes jantung

ni banyak. ..... *heart, congenital heart*, macam-macam jantung. Jadi, untuk kes jantung yang perlu pembedahan, akan dirujuk ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru atau IJN. Walau bagaimanapun, telah ada dalam perancangan untuk rawatan pakar tapi kerana kekurangan pakar kardiologi.

Untuk makluman Yang Berhormat ya, ini tiap-tiap hospital di Malaysia, ini dasar Kerajaan Barisan Nasional, kita memang adakan satu Pegawai Kebajikan Perubatan di tiap-tiap hospital, di mana pesakit jika tidak ada duit untuk balik ke rumah atau untuk datang buat rawatan boleh rujuk ke dia ini dan dia akan bantu memberi wang. Ataupun, orang yang tak mampu dia boleh *wave* kan. Orang yang tak mampu, tak berkeupayaan untuk membayar bil-bil hospital ini, Pegawai Kebajikan Perubatan di hospital itu akan memberi pertimbangan atau beri bantuan kewangan untuk pesakit-pesakit demikian. Dan pesakit yang nak balik kampung ke, nak pergi hospital diberi wang. Kalau jauh, kalau pesakit itu terlantar, dia daripada Kelantan, pegawai ini akan berusaha untuk mencarikan tiket kapal terbang, kapal terbang taklah, kereta api, teksi dan sebagainya untuk dia boleh balik ke negeri dia. Dan tambang perjalanan pergi balik kita kasi, juga wang saku atau untuk makanan. Dan di daerah-daerah kita ada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Y.B. boleh lah rujuk kepada mereka ni, mereka ada *petty cash,* mereka ada wang kecemasan. Jadi, bila kalau tak ada wang untuk nak pergi seperti Y.B. kata tak ada duit nak pergi ke Johor Bahru untuk rawatan selanjutnya, mereka akan berikan wang. Ini saya rasa tanggungjawab Y.B.lah menyampaikan maklumat seperti ini. Dan untuk makluman juga, setiap pesakit kronik yang memerlukan rawatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi tiap pesakit itu RM300.00 untuk *follow up* kes, pergi mana-mana ke, kalau dia *refer* ke Kuala Lumpur ke, RM300.00 sebulan. Jadi, kalau yang pesakit itu anak kecil, ibu dia boleh ambil. Tiap bulan kita kasi. Bayangkan baiknya kerajaan Barisan Nasional ni, kepentingan kebajikan yang kita berikan. Memang ni dan selamanya dari dulu dah kita beri. Bukan untuk nak jadi satu kerajaan berkebajikan baru buat ni. Tak, dari dulu. Dari dulu. Dan, memanglah kalau sebagai Wakil Rakyat, memang tanggungjawab Wakil Rakyat lah. Hulur lah sikit duit. Jadi, dapat kira pahala lah. Ok.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Banyak lagi Yang Berhormat.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan:** Sikit je lagi. *Last*. Akhir sekali, ADUN Maharani menyentuh berhubung bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang lambat, dia kata bayaran ya. Bayaran bantuan dibayar sebelum 1 hari bulan setiap bulan bagi semua jenis skim bantuan. Dan, bagi tujuan penambahbaikan dan pengukuhan pelaksanaan bayaran, jabatan menetapkan penggunaan bank sebagai mekanisme bayaran dan sehingga Mei 2012 bayaran melalui bank bagi seluruh Negeri Johor adalah 90.83% melibatkan seramai 40,820 orang penerima bantuan. Dan, bayaran tunai hanya sebanyak 9.17% seramai 4,121 orang penerima bantuan. Berlakunya kes-kes dibayar dua bulan sekali, adalah macam-macam sebab. Satu daripadanya adalah kajian semula. Kita, tiap 6 bulan, kita buat kajian semula terhadap kes-kes ini. Semua jenis kes. Ok. Jadi, tapi sekarang kita dah lanjutkan sehingga setahun. Ini kerana, kajian semula ni adalah untuk mengetahui status kes itu ya, penerima-penerima bantuan yang kita panggil *client* lah.

Status terkini *client* boleh disambung terus ataupun dihentikan. Dan, seperti bantuan kanak-kanak, pada anak yatim. Kadang-kadang dia dah kerja, kita potong bantuan lah. Itu gunanya kita adakan kajian berskala ni tiap-tiap kajian semula. Dan mungkin, dalam keluarga tu penambahan wangnya, keadaan status ekonominya lebih baik, jadi kita pun potong dia punya bantuan lah. Dan kadang-kadang terdapat juga bantuan orang tua yang telah meninggal dunia tapi tak diberitahu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dia kata lah apa tu dia tak adalah, padahal dia dah meninggal dunia. Jadi, kajian semula ini sangat penting. Bayangkan satu orang Pegawai Kebajikan Masyarakat membuat kajian semula terhadap 700 kes sebulan. Dan dalam membuat kajian semula terdapat pulak bencana dan sebagainya, banjir dan sebagainya, dia kena buat yang *emergency* dulu daripada membuat kajian. Jadi, justeru itulah lambat. Ataupun, *client* yang apabila Pegawai pergi nak bayar duit terutama orang tua, nak pergi ke rumah, bayangkan pegawai-pegawai saya kena pergi ke rumah untuk bawa duit, kasi duit tiap bulan. Ada yang kata, "oh tak ada, orang ni tak ada, anak dia bawa." Jadi, kita tiga kali datang, dia tak ada. Jadi sebelum 21 hari bulan, kita kena kembalikan wang itu kepada Akauntan General. Jadi, maka pada bulan itu memang tak sampailah duit, bantuan pada bulan tu. Tetapi bulan selanjutnya, jika ada, baru kita pulang balik yang tunggakan bulan kelmarin dan yang sedia ada. Jadi, itu yang kita kena buatlah.

Saya mohon Yang Berhormat berikan saya, sila berikan saya nama, kad pengenalan yang kata, yang tak dapatlah bantuan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, walau apa-apa pun, sila lah rujuk kepada PKMD, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Tiap daerah kita ada. Tolonglah. Janganlah kata memang tak guna, tak kasi apa ke. Memang kita ada. Wangnya pun apabila dipersetujui untuk diberi, kita beri. Jadi, akhir sekali saya, oh ya. Bantuan Am Negeri yang telah dinaikkan kadarnya daripada RM115.00 sebulan kepada RM150.00 sebulan sepertimana di dalam Ucapan Bajet 2012. Kita akan mulakan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan bayaran akan dibuat bermula Julai 2012 dan bayaran tunggakan Januari sampai Jun 2012 akan dibuat pada Ogos 2012. Musim raya lah tu.

Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan idea, pandangan dan teguran berhubung dengan jabatan-jabatan di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Datuk Speaker. Alhamdulillah, terima kasih diucapkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Yang Berhormat, nak panjang berucap?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Banyak ni.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Banyak? Kalau banyak duduk dulu lah Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguh sehingga jam 2:30 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 12:45 tengah hari.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.**

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya sambung semula. Jemput Yang Berhormat.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Datuk Speaker. Buat permulaannya izinkan saya menjawab perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Kempas mengenai pemulihan 3 blok-blok, 3 blok Projek Perumahan Rakyat Kempas Permai. Untuk makluman Yang Berhormat, satu mesyuarat bersama telah diadakan di antara Kerajaan Negeri dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 6 Mac yang lalu. Mesyuarat ini telah bersetuju untuk membaiki kerosakan dan kos pembaikan akan ditanggung secara bersama di antara Kerajaan Negeri dan KPKT dengan anggaran peruntukan berjumlah RM1.4 juta, dibahagi dua. Mesyuarat juga telah bersetuju supaya kerja-kerja pembaikan dilaksanakan oleh JKR Johor dan pihak JKR Johor akan mengadakan mesyuarat teknikal pada 26 hari bulan ini bagi mengenal pasti kerosakan menyediakan anggaran kos dan dokumen tender. Unit Perancang Ekonomi pula akan membawa kertas perakuan kepada kerajaan untuk mendapatkan kelulusan bagi menggunakan dana daripada Tabung Amanah Pembangunan Perumahan Infrastruktur dan Sosial Negeri Johor untuk mengatasi permasalahan ini.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Maharani supaya PPR dan rumah murah kerajaan diperluaskan ke seluruh daerah di Negeri Johor. Untuk perkara ini, Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak dinafikan bahawa sejumlah 6,712 daripada 6,824 unit rumah ataupun 97.7% Projek Perumahan Rumah Rakyat ini adalah dibina di daerah Johor Bahru ketika ini. Keutamaan pembinaan rumah PPR adalah bagi menangani masalah setinggan di Johor Bahru di mana berdasarkan bancian sejumlah 85% setinggan di Negeri Johor terletak dalam daerah ini. Dan, kebanyakannya dibina rumah-rumah setinggan ini atas tanah kerajaan yang terlibat dengan perancangan pembangunan infrastruktur seperti pembinaan jalan raya, hospital dan lain-lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Maharani juga membangkitkan isu mengenai kecenderungan pemilik tanah untuk pecah belah tanah di bawah 3 ekar bagi mengelakkan kuota pembinaan rumah kos rendah. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa banyak projek perumahan di daerah Muar dibangunkan di atas tanah dengan keluasan kurang dari 3 ekar. Di mana pemaju dikecualikan daripada membina rumah kos rendah. Kebanyakan pembangunan ini dibangunkan secara usaha sama di antara pemilik tanah dengan pemaju. Oleh itu, cadangan daripada ADUN Sungai Abong juga supaya kerajaan menyekat pecah bagi tanah pertanian kepada kurang 3 ekar untuk mengelakkan tanggungjawab pembinaan rumah kos rendah adalah satu cadangan yang baik. Pada kebiasaannya, Kerajaan Negeri akan

menolak sebarang permohonan serah balik kurnia semula tanah pertanian dalam zon perumahan, berkeluasan lebih dari 5 ekar yang hendak dibelah bagi ataupun diserah balik dan kurnia semula kepada plot-plot yang lebih kecil kurang daripada 5 ekar setiap plot dengan mengekalkan kategori pertanian. Pihak Kerajaan Negeri juga menyedari kelemahan terhadap dasar perumahan yang sedia ada yang mengecualikan pembinaan kos rendah bagi meluaskan keluasan projek kurang 3 ekar. Dan perkara ini telah diteliti oleh Jawatankuasa Kerja yang dilantik dalam menggubal polisi perumahan yang baru untuk seluruh Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai jumlah rumah mampu milik, Rumah Mesra Rakyat yang telah dibina di Negeri Johor yang telah dibangkitkan oleh Pulai Sebatang dan Pekan Nenas. Untuk makluman, dasar perumahan rakyat Johor di Iskandar mula berkuat kuasa hanya pada 1 April pada tahun ini. Berdasarkan maklumat yang direkodkan sebanyak 4,224 unit telah dimohon untuk dibina dalam kawasan Iskandar dan ini merangkumi perumahan komuniti Johor dan rumah mampu milik Johor. Manakala jumlah rumah mesra rakyat yang telah dibina oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad di seluruh Negeri Johor setakat ini adalah sebanyak 2,212 unit. Harga perumahan komuniti Johor jenis A adalah RM42,000.00 dengan keluasan binaan 720 kaki persegi. Dan perumahan komuniti jenis B adalah RM80,000.00 dengan keluasan 850 kaki persegi. Dan harga rumah mampu milik yang telah ditetapkan oleh kerajaan di bawah polisi baru ini ialah antara RM120,000.00 hingga ke RM150,000.00 seunit dengan keluasan binaan minimum 1,000 kaki persegi. Dasar ini akan diperluaskan ke seluruh Negeri Johor sebelum penghujung tahun 2012.

Seterusnya, berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan bawah portfolio Kerajaan Tempatan, saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Skudai mengenai kerja penurapan jalan di TUTA yang dilakukan pada waktu siang yang menyebabkan berlaku kesesakan lalu lintas dan menimbulkan kesulitan kepada pengguna. Dan mengenai permohonan didirikan padang bola sepak di Jalan Aman 3 oleh penduduk Taman Damai Jaya. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja penurapan jalan dimaksudkan ialah Jalan Tun Aminah sepanjang 4.3 km yang berbentuk 2 lorong. Projek ini dimulakan pada 21 Mei yang lalu dan dijangka asalnya siap pada 16 Julai. Bagaimanapun, pada masa ini kerja-kerja ini dapat di siapkan lebih awal lagi daripada jadual iaitu pada penghujung minggu ini, Insya-Allah. Pihak MPJBT akan memberi perhatian tentang kerja-kerja penurapan jalan yang akan dilakukan pada masa akan datang dengan mengambil kira aliran trafik di satu-satu kawasan dan juga bagi mengelakkan berlakunya kesesakan lalu lintas.

Tapak padang bola sepak di Jalan Aman Tiga yang di pohon penduduk merupakan rizab kawasan lapang yang berbentuk segi tiga. Keluasan tanah yang terhad serta bentuk tanah tiga segi itu tidak mencapai ukuran minima bagi sebuah padang bola. Sebagai alternatif, Majlis merancang untuk membina kemudahan sukan yang lain iaitu dalam bentuk gelanggang Futsal yang lebih memerlukan tapak yang lebih kecil. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya bergantung kepada penerimaan penduduk kawasan terlibat. Pihak Majlis juga sedang dalam proses mendapatkan maklum balas daripada penduduk setempat.

Berkenaan dengan isu supaya pihak kerajaan meningkatkan status jalan-jalan, sistem perparitan dan pembetungan di kawasan perumahan khususnya dalam kawasan zon Permas, Rinting dan Kampung Plentong Baru yang di bangkitkan ADUN Permas. Majlis Bandaraya komited dalam mengurus, merancang dan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf jaringan sistem jalan raya, sistem perparitan dan juga sistem pembetungan dengan masalah-masalah yang di bangkitkan oleh Wakil rakyat, Ahli Majlis dan juga orang ramai. Bagi zon Permas Jaya ia nya meliputi tiga kawasan terdiri daripada Bandar Baru Permas Jaya, Kampung Plentong Baru dan Kampung Senibong. Di mana keseluruhan panjang jaringan jalan raya adalah sepanjang 93 kilometer serta mempunyai sistem perparitan tepi jalan sepanjang 180 km. Manakala untuk zon Taman Rinting pula ianya meliputi empat taman serta dua kampung yang terdiri dari Taman Rinting, Taman Megah Ria, Taman Kota Putri, Taman Siera Perdana, Kampung Teluk Jawa dan Kampung Kuala Masai.

Sistem jaringan jalan raya di zon ini adalah 166 kilometer serta 320 kilometer bagi sistem perparitan tepi jalan. Kedua-dua kawasan ini merupakan kawasan perumahan lama berusia melebihi 20 tahun serta 40% daripada sistem perparitannya adalah sistem perparitan lama dan tidak dapat buat masa kini untuk menampung kapasiti keadaan hujan.

Tindakan semasa yang dilaksanakan adalah melibatkan kerja-kerja pembaikan parit tepi jalan yang telah dilaksanakan di zon Permas Jaya di kawasan rumah kos rendah di zon satu, dua dan tiga. Sebahagian kerja pembaikan perparitan di tepi jalan telah pun di siapkan pada tahun 2011 dengan kos projek menggunakan peruntukan KPKT yang meliputi Jalan Permas 2/3.

Manakala kerja-kerja pembaikan di zon 3 , meliputi Jalan Permas 3/5 dan Jalan Permas 3/7, sedang giat di jalankan dengan kemajuan kerja di tapak seketika ini adalah sebanyak 20% dengan menelan belanja sebanyak RM50.000.00 ringgit dengan menggunakan peruntukan MARRIS.

Selanjutnya, Bandaraya juga telah merangka program menaik taraf yang Berhormat Datuk Speaker, sistem perparitan serta menurap permukaan jalan yang memerlukan peruntukan sejumlah RM 12 juta.

Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembaikan masih belum dapat kita laksanakan pada tahun ini. Oleh kerana peruntukan terhad, pelaksanaan kerja akan di jalankan secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun hadapan dengan menggunakan peruntukan Bandaraya, MARRIS dan KPKT. Manakala bagi sistem pembetungan pula dalam zon Permas Jaya, terdapat cabang Sungai Tengorak. Di zon Taman Rinting pula mempunyai dua cabang sungai yang terdiri daripada Sungai Rekuh dan Sungai Rinting. Bagi memastikan kualiti efluen yang akan dilepaskan ketiga-tiga sungai ini mencapai kualiti dan memenuhi piawaian Jabatan Alam Sekitar, sistem pembetungan sedia ada perlu di naik taraf termasuk kerja-kerja membaik pulih struktur tebing yang memerlukan peruntukan sebanyak RM4 juta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Permas juga membangkitkan isu berkenaan keperluan menyediakan satu garis panduan penggunaan tong sampah beroda ataupun TSB

yang diberi percuma oleh Syarikat Konsesi Sisa Pepejal mengikut kaedah yang betul. Bagi meningkatkan kesedaran kepada pengguna tentang cara penggunaan TSB ini, beberapa program telah di laksanakan, antaranya mengedarkan risalah mengenai perkara-perkara yang perlu dibuat dan tidak perlu dibuat kepada penduduk ketika proses pengambilan tong. Risalah ini menerangkan tentang apa yang perlu dilakukan atau yang tidak perlu dilakukan dengan TSB yang diterima. Secara ringkasnya setelah menerima TSB tersebut, penduduk perlu meletakkan TSB di bahagian hadapan pagar rumah dan perlu memastikan TSB sentiasa berada dalam keadaan tertutup.

Sebelum itu, semua sisa pepejal perlu dimasukkan dalam beg *plastik* dan diikat dengan betul ketika memasukkan sampah dalam TSB masing-masing. Selain itu juga, saluran media cetak dan elektronik seperti radio dan surat khabar juga digunakan sebagai media bagi menyampaikan maklumat kepada penduduk. Justeru, diharap orang ramai dapat menggunakan TSB dengan cara yang betul dan sentiasa bersama-sama menjaga kepentingan kebersihan dan persekitaran agar kita dapat hidup dalam keadaan yang lebih sempurna.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Dewan berhubung isu dibangkitkan oleh ADUN Maharani iaitu menaik taraf kemudahan-kemudahan di Bandar Maharani, Muar. Untuk makluman, MPM ataupun Majlis Perbandaran Muar sentiasa berusaha menaik taraf kemudahan awam supaya menjadi lebih sempurna. Sebagai contoh pihak MPM telah memperolehi peruntukan sebanyak RM120,000.00 daripada Y.A.B. Menteri Besar sendiri bagi kerja menaik taraf iaitu membina ruang menunggu dan bumbung di tempat letak kereta di perhentian teksi Jalan Maharani.

Ini adalah sebahagian daripada peruntukan RM900.000.00 yang di pohon MPM daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sempena lawatan kerja ke Parlimen Muar pada tahun 2011 bagi kerja-kerja menaik taraf keseluruhan Hentian Bas dan Teksi. Pihak MPM percaya peruntukan bagi kerja-kerja menaik taraf kemudahan awam akan diperolehi dari semasa ke semasa.

Dari segi pencahayaan kawasan Bandar, MPM dari semasa ke semasa sentiasa menambah bilangan lampu awam di dalam kawasan Maharani. Sebagai contoh, pemasangan lampu awam di lorong-lorong belakang kedai di Jalan Maharani dengan menggunakan peruntukan Program Bandar Selamat daripada Kementerian Dalam Negeri. Dalam waktu terdekat. Pihak majlis akan melaksanakan projek pencahayaan di Jalan Hashim dengan kos sebanyak RM100.000.00 daripada peruntukan Program Bandar Selamat bagi tahun ini.

Yang Berhormat ADUN Maharani juga ada membangkitkan mengenai masalah kesesakan lalu lintas, tempat letak kereta tidak cukup dan minta supaya dibuka kawasan di Dewan Jubli Intan pada waktu malam bagi menampung masalah kekurangan tempat letak kereta. Saya kira perkara ini pun juga dibangkitkan oleh Bentayan. Hasil dari pemantauan yang di buat, didapati punca kesesakan lalu lintas di jalan-jalan utama dalam kawasan Bandar Maharani adalah disebabkan sikap segelintir pemandu atau pengguna jalan raya yang meletakkan kenderaan di atas jalan bagi urusan di premis-premis perniagaan dan bank-bank.

Di samping itu, dengan adanya penjaja-penjaja bergerak seperti di Jalan Haji Abu di kawasan bandar, menyebabkan masalah ini berlaku. Penjaja-penjaja ini sebenarnya mempunyai pelanggan yang melebihi dari premis mereka, walaupun perniagaan mereka hanya di jalankan dalam tempoh yang singkat iaitu dalam waktu puncak bermula 12:00 tengah hari sehingga 12:00 tengah malam. Kesesuaian adanya penjaja bergerak di dalam kawasan bandar akan di kaji kerana ianya menyumbang pada kesesakan jalan raya serta juga mengganggu ruang-ruang letak kereta.

Masyarakat di Muar dan juga macam di bandar-bandar yang lain di negeri kita ini kurang berminat dengan kaedah dengan izin, *park and walk* kerana mereka berminat untuk meletakkan kenderaan paling hampir dengan kawasan yang mereka berurusan. Dan punca jumlah kenderaan bertambah pada satu-satu masa kerana adanya kenderaan yang akan berpusing, berputar-putar dalam bandar dan jalan utama untuk mendapatkan letak kereta yang strategik dan mereka tidak berminat dengan kaedah *park and walk* ni. Boleh di lihat kawasan seperti Hentian Maharani, tempat letak kereta di gerai Maharani, kawasan Petri, Dewan Jubli Intan tidak di gunakan dan akan kosong dalam tempoh enam jam waktu bekerja dan penggunaannya mengikut rekod yang kita ada hanya antara 20% hingga 30% saja.

Kawasan letak kereta Jubli Intan adalah masih dibuka pada waktu malam sehingga jam 10 malam setiap hari untuk digunakan oleh orang awam. Cuma, bagi tujuan keselamatan dan kawalan, pintu keluar masuk yang dibuka adalah di pintu Jalan Arab, manakala pintu di Jalan Sulaiman ditutup. Pihak Majlis akan membuat pemerhatian akan keperluan untuk membuka pintu Jalan Sulaiman, jika ada keperluan yang memerlukan. Ini adalah kerana pada masa-masa yang lalu kawasan ini tidak di gunakan oleh pengguna dan berlaku juga masalah vandalisme di kawasan ini. Sebenarnya telah ada juga yang Berhormat Dato' Speaker, satu ruang tempat letak kereta bertingkat iaitu di Hentian Teksi Jalan Maharani. Walau bagaimanapun, bagi membina ruang tempat letak kereta bertingkat di kawasan lain, ianya perlu kajian terperinci kerana beberapa aspek kos pembangunan serta hartanah yang terlibat perlu di teliti. Ini di sebabkan pembangunan dalam Bandar Maharani telah menjadi tepu dan hanya terdapat bangunan-bangunan lama yang mempunyai ruang yang minimum untuk di bina.

Ianya tetap akan menjadi satu perkara yang berada dalam rancangan-rancangan Majlis dan perubahan budaya masyarakat perlu berlaku, supaya jika ada pembangunan sebegini ianya tidak akan menjadi projek Gajah Putih. Bagi isu benteng mendap di jeti Tanjung Emas, pihak Majlis masih menunggu kelulusan permohonan peruntukan sebanyak RM6 juta sama ada daripada KPKT atau Kementerian Pelancongan bagi mengatasi masalah ini.

Yang Berhormat Maharani juga ada membangkitkan berkenaan isi lampu limpah tidak berfungsi dan kekurangan tempat duduk di Stadium Muar. Di maklumkan bahawa pihak JKR telah membuat pemeriksaan pada bulan Januari tahun ini bagi menyediakan speks serta keperluan lampu limpah bagi tujuan permohonan kelulusan peruntukan.

Pencerobohan tempat letak kereta orang kurang upaya dibangkitkan Maharani juga diberi perhatian oleh MPM. Pihak MPM sentiasa membuat pemantauan ke atas pencerobohan tempat letak kereta untuk OKU dan tindakan kompaun sebanyak RM100.00 akan dikenakan kepada mana-mana penyalahgunaan ke atas kemudahan disediakan untuk OKU ini. Ini adalah sebabkan masalah sikap pengguna jalan raya yang mana lebih pentingkan diri sendiri daripada memikirkan kemudahan kepada orang seperti ini. Maharani juga menyentuh mengenai peluang OKU untuk berniaga di gerai-gerai Majlis di pekan Bukit Pasir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, orang kurang upaya sentiasa diberikan keutamaan oleh Majlis untuk menyewa gerai atau tapak berniaga milik Majlis. Bagi kes dibangkitkan, permohonan tersebut akan di pertimbangkan jika ada kekosongan. Beliau juga turut mencadangkan supaya setiap projek penurapan jalan adalah termasuk baik pulih bahu jalan. Untuk maklumat Yang Berhormat, projek-projek penurapan jalan dilaksanakan oleh Majlis telah mengambil kira kerja-kerja pembaikan bahu jalan dan ini telah dinyatakan dengan jelas dalam speks kerja yang di sediakan. Malahan, kerja-kerja lain yang difikirkan perlu seperti pembinaan dengan izin, *kerb* dan sebagainya akan dibina untuk keselamatan dan keselesaan pengguna.

Seterusnya, juga telah dibangkitkan isu penurapan jalan di beberapa jalan yang tertinggal semasa perlaksanaan penurapan jalan di berapa taman perumahan di Bandar Muar. Dimaklumkan bahawa peruntukan semasa tidak mengizinkan MPM melaksanakan kerja-kerja penurapan jalan di semua kawasan MPM. Untuk makluman, peruntukan pembangunan tahunan MPM hanyalah sebanyak RM2.4 juta. Selain itu, pihak Majlis memperolehi peruntukan bagi projek-projek pembangunan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga daripada MARRIS. Bagi tahun ini jumlah peruntukan MARRIS adalah sebanyak RM7.2 juta. Walau bagaimanapun, perancangan akan datang akan dipastikan bagi pelaksanaan penurapan jalan lorong-lorong. Selain itu, bagi tujuan penyelarasan pelaksanaan jalan-jalan kampung, jalan-jalan Majlis dan jalan-jalan JKR di seluruh Negeri Johor akan dibuat penyelarasan semula di antara agensi pelaksana seperti JKR, Majlis, Pejabat Daerah dan Infra Desa Sdn. Bhd. supaya pelaksanaannya dapat diselaraskan dan tidak bertindih.

Isu projek berskala kecil tidak menyediakan tapak-tapak untuk kegunaan awam seperti padang bola, dewan, rumah ibadat dan seterusnya dicadangkan supaya pembangunan baru disediakan kemudahan turut dibangkitkan oleh ADUN Maharani.
Sukacita saya memaklumkan PBT di Negeri Johor melalui kelulusan kebenaran merancang telah mewajibkan pematuhan 10% kawasan lapang dan kemudahan rekreasi bagi setiap kawasan pembangunan oleh pemaju sebagaimana keperluan Akta Perancangan Bandar dan Desa ataupun (Akta A933). Dalam hal ini, pemaju perumahan telah diwajibkan untuk membina kemudahan taman kanak-kanak dan rekreasi sebagai salah satu syarat utama bagi mendapat kelulusan SKM atau CCC (Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan). Keperluan kawasan lapang untuk padang permainan kanak-kanak seluas 10,000 kaki persegi yakni lebih kurang 0.25 ekarlah, perlu dilengkapi dengan satu set perkakasan permainan ataupun, dengan izin, *Integrated Playground* seperti buai, gelongsor, jongkang-jongkit dan sebagainya. Kawasan perumahan yang mempunyai penduduk berjumlah 10,000 orang perlu

menyediakan kawasan padang permainan kanak-kanak seluas 40,000 kaki persegi atau lebih kurang 1 ekar dengan dilengkapi perkakas permainan gelanggang rekreasi terbuka seperti padang bola, bola keranjang, gelanggang pelbagai guna dan sebagainya. Bagi tujuan pengawalan, PBT tidak akan mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki (SKM) dan CCC sekiranya pemaju tidak membangunkan taman rekreasi di kawasan perumahan yang dibangunkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Mengkibol telah membangkitkan isu penternakan burung walet di bangunan-bangunan yang mempunyai restoran di bahagian bawah bangunan tersebut dan kediaman yang dikatakan boleh menjejaskan kesihatan dan ketenteraman rakyat. Dan, seterusnya mencadang kerajaan menghadkan pengeluaran lesen. Berkenaan dengan industri burung walet ini, rakan saya tadi Yang Berhormat Pengerusi Pertanian telah pun menjelaskannya secara keseluruhan tetapi spesifik terhadap dalam kawasan PBT yang khususnya terdiri banyak terdapat kawasan perumahan.

Saya hendak memaklumkan di Dewan ini bahawa kerajaan komited untuk mengawal dan menyelia serta membangunkan industri "baru" ini, dengan keadaan yang teratur, yang tersusun rapi, sebab itu kita telah memperkenalkan satu garis panduan yang dipanggil satu GP yang dikeluarkan oleh Jabatan Veterinar dan kita pun di peringkat GP ini datang daripada Kerajaan Pusat dan telah diguna pakai oleh Kerajaan Negeri. Dan, kita telah menjalankan beberapa bengkel dan *lab* di peringkat PBT untuk membolehkan setiap PBT selepas ini mengawal selia akan segala perusahaan industri burung walet yang ada dalam kawasan-kawasan PBT termasuk dalam kawasan-kawasan yang mana ada penduduk ataupun aktiviti komersial.

Dan, saya ingin juga memaklumkan kepada Yang Berhormat Mengkibol bahawa kita perlu faham, bahawa kalau diselenggarakan mengikut garis panduan yang ada dan syarat-syarat yang dikenakan ini, saya cukup yakin bahawa industri ini akan dapat hidup bersama di kalangan masyarakat biasa. Tetapi kalau ikut undang-undang, memang tidak diperlukan, tidak boleh dibuat dalam kawasan-kawasan tertentu seperti di dalam kawasan perumahan. Rumah-rumah yang didiami orang, memang tidak boleh dibuat industri ataupun diusahakan industri ini. Untuk contoh yang terbaiklah, yang saya pernah lihat Yang Berhormat Datuk Speaker, iaitu kalau kita pergi ke pekan Labis, kita akan dapat satu perusahaan Kedai Kopi Hai Lam yang cukup lama di peringkat bawahnya, dan di peringkat atas *family* itu duduk di situ juga dan burung walet dia pun di situ juga, dah lebih 30 tahun *without*, tanpa apa-apa lesen ataupun garis panduan. Dan, industri yang semacam ini yang kita kena kelolakan.

Dan, sebenarnya Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau ikut kajian pun antara burung yang banyak, kita ini sentiasa dikelilingi oleh burung. Dalam bangunan ini pun sentiasa ada burung, macam-macam burung, tapi kita tak sedar. Burung kelicap, burung pipit uban, burung pipit genting, burung tiung sentiasa berada di keliling kita. Dan, kita mesti mengambil kesempatan untuk membangunkan industri ini kerana kerajaan telah mengenal pasti inilah satu-satunya juga produk semula jadi yang boleh kita bangunkan dan menjadi satu tambahan peruntukkan bukan sahaja untuk mereka yang mengusahakan tapi khususnya untuk negara, *the upstream and down stream*

yang banyak masih lagi ketinggalan kalau nak dibandingkan seperti Negara Indonesia dan juga Thailand.

Jadi, ini satu potensi yang amat besar yang perlu diberikan tumpuan sebab itu ada garis panduannya saya minta semua Ahli Yang Berhormat untuk lebih faham akan industri ini dan burung ini kerana semula jadinya memang dia dijadikan oleh Allah sarangnya itu untuk makanan kita. Kalau kita kaji balik, dia punya sejarah dan industri ini daripada gua dan kemudian sekarang berada di dalam bandar.

Jadi, saya harap ini tidak akan banyak menimbulkan masalah sebab kita dah ada GPnya dan kalau kita lihat pun, saya berani jamin di seluruh bandar di Negeri Johor ini memang dah ada dah industri ini. Kadang-kadang kita pun tak sedar, kita makan minum di bawah, atas ada burung dan dia tidak jadi banyak masalah. Melainkan, kepada operator-operator baru yang tidak faham tentang peraturan. Itu yang banyak menimbulkan masalah. Sebab itu, satu daripada perkara utamanya ialah setiap mereka yang hendak berkecimpung dalam industri ini, mestilah menjadi Ahli Persatuan Burung Walet di peringkat di mana mereka mengusahakan perkara ini.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Boleh minta penjelasan sikit tak?

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Boleh, jemput Yang Berhormat. Ada penjelasan tak?

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Cuma saya nak tahu, berapa kerapkah pemantauan pegawai untuk menjaga kebersihan tempat-tempat burung walet ini?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat Datuk Speaker, industri ini adalah satu industri yang baru. Ia dah lama ada kat negara kita ini, dah beratus tahun dah. Tapi, ok, baru dalam *inverted comma* tadi saya cakap. Dan, GP ini pun baru dikeluarkan, pegawai-pegawai pun baru dilatih. Banyak orang pun tak kenal burung ini. Nak bezakan antara walet dengan layang-layang pun orang banyak tak tahu. Ada orang kata layang-layang-walet,walet-layang-layang, ia 2 spesies yang berlainan dengan habitat yang berlainan.

Jadi, sebab itu tadi kita katakan bahawa kita sudah adakan *lab* dan juga bengkel yang berterusan. Dan, pegawai di peringkat PBT mesti didedahkan kepada industri ini, kita sama-sama belajarlah untuk membangunkan. Tapi, kalau mana yang tak boleh ikut peraturan yang ada, memang kita kata tak boleh. Kita kata tak boleh. *No, you cannot do it, you have to leave, you see*. Tapi nak suruh burung ini pindah pun akan makan masa kerana dia masuk dengan semula jadi. Bukan boleh kata; "awak pindah sekarang", tak boleh, dia tak boleh tangkap pun burung ini. Dan, dia punya nilai sarang itu cukup mahal. Walaupun jatuh ketika ini, tapi masih lagi juga mahal, masih lagi boleh mendatangkan satu pendapatan yang cukup baik kalau betul-betul dijana. Inilah yang kita nak buat sekarang eh. Jadi, saya mintalah, kita sama-samalah berusaha, bekerjasama mengatasi masalah yang ada dan memberikan kerjasama untuk membangunkan industri ini. Dengan, pertama kita mesti faham tentang keadaan burung ini dan industri ini sendiri dan faedah yang kita boleh dapat daripadanya jika kita buat dengan penjanaan yang cukup baik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkenaan dengan lantai siling perhentian bas Kluang yang dibangkitkan oleh ADUN yang sama, saya ingin maklumkan bahawa kebocoran saluran kumbahan gerai di perhentian bas Kluang telah dilaporkan pada bulan ini, pada 12 hari bulan kepada Majlis. Siasatan dilakukan pada hari yang sama dan didapati kebocoran berlaku disebabkan oleh vandalisme di mana pihak yang tidak bertanggungjawab telah mengganggu saluran tersebut, apabila perangkap lantai tersumbat dengan sisa-sisa makanan. Majlis telah pun melantik kontraktor pembaikan pada 18 hari bulan, iaitu selepas 6 hari dan tindakan pembaikan sedang dilaksanakan. Pihak MPK bercadang untuk menggantikan sistem saluran kumbahan sedia ada dari jenis PVC dengan jenis *cast iron* dan memasang sistem perangkap minyak dan sisa bahan masak ataupun makanan secara bersepadu. Tindakan ini dijangka akan dapat mengurangkan atau mengelakkan perangkap lantai dan saluran kumbahan tersebut dari tersumbat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Dewan Negeri Benut telah membangkitkan mengenai pengeluaran tender kerja-kerja di bawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Johor Bahru. Tetapi, dengan adanya IRDA, maka tender tersebut dibuat atas nama IRDA yang memungkinkan berlaku pertindihan kuasa serta kekeliruan dalam menjalankan kewajipan dan tugas dan menyebabkan sesetengah projek mengambil masa yang lama. Untuk makluman, kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur iaitu jalan dan sungai sekitar Bandaraya Johor Bahru yang terletak di dalam kawasan Iskandar, dilaksanakan mengikut program kerja yang dirangka dalam perancangan strategik Majlis Bandaraya Johor Bahru yang telah terlebih dahulu diselaraskan dengan agensi-agensi terlibat sama ada JKR Persekutuan ataupun Negeri, Lembaga Lebuhraya Malaysia, JPS dan pihak IRDA.

Dalam konteks ini, pihak IRDA berperanan untuk mendapatkan peruntukkan daripada Kementerian Kewangan bagi melantik perunding dan kontraktor bagi kerja-kerja menaik taraf jalan dan sungai yang merentangi Bandaraya Johor Bahru seperti Jalan Skudai, Jalan Tun Abdul Razak, Jalan Tebrau, Lebuhraya Pasir Gudang, Sungai Skudai dan Sungai Tebrau. Setelah kerja-kerja menaik taraf siap dan tamat tempoh tanggungan kecacatan jalan-jalan dan sungai ini akan diserah kepada agensi yang bertanggungjawab seperti JKR dan JPS untuk penyelenggaraan. Manakala Bandaraya bertanggungjawab sepenuhnya menaik taraf dan menyelenggara jalan-jalan tempatan, perumahan serta anak-anak sungai seperti Jalan Ayer Molek, Jalan Ibrahim Sultan, Jalan Gertak Merah, Sungai Sebulung, Sungai Tampoi, Sungai Tengkorak dan anak Sungai Buntan.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini berkenaan isu dibangkitkan oleh ADUN Kahang mengenai Dataran Kahang yang tidak ada kemudahan lampu. Pembinaan Dataran Kahang telah siap sepenuhnya, Datuk Speaker pada penghujung tahun 2011, merangkumi pembinaan pentas, tapak dataran dan tandas dengan kos pembinaan sebanyak RM400,000.00 yang di perolehi dari peruntukkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Untuk fasa seterusnya, MPK akan memasang lampu taman bagi menerangi sekitar kawasan dataran dengan kos keseluruhan yang dianggarkan sebanyak RM80,000.00. Saya ingat, dengan ini nanti ADUN Kahang boleh balik beritahu orang yang mengadu dengan dia itu, cakap; "ini kerajaan buat".

ADUN Kahang juga menyentuh mengenai keadaan gerai Majlis di Kampung Baru Kahang tidak di selenggara dengan baik dan masalah longkang pecah dan tersumbat. Bagi perkara ini, kerja-kerja penyelenggaraan menyeluruh gerai tersebut telah dirancang dengan anggaran kos pembaikan RM80,000.00. Walau bagaimanapun, kerja-kerja penyelenggaraan pembaikan yang melibatkan aduan-aduan kecil telah dilaksanakan oleh anggota kerja Majlis Perbandaran Kluang sendiri. Pihak MPK akan membuat permohonan peruntukkan penyelenggaraan gerai kepada KPKT untuk tahun 2013.

Masalah longkang pecah di sekeliling gelanggang bola keranjang pula adalah berpunca daripada sistem saliran sedia ada yang telah pecah disebabkan hakisan pada dinding longkang dan keadaan struktur longkang asal yang telah berusia lebih 30 tahun tanpa dilakukan kerja-kerja penaiktarafan. Pihak Majlis telah menjalankan kerja-kerja pembaikan kecil dengan peruntukan Majlis bagi membaik pulih saluran di kawasan tersebut. Untuk kerja-kerja menaik taraf longkang tersebut MPK telah mengemukakan permohonan kepada KPKT dengan anggaran kos sebanyak RM450,000.00.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bentayan juga telah membangkitkan sedikit risalah sebaran *leaflet* 4 nombor ekor yang berleluasa di bandar Muar. Pihak Majlis mengambil maklum berhubung dengan risalah sebaran leaflet 4 nombor ekor ini. Walau bagaimanapun, kes tersebut adalah di bawah bidang kuasa PDRM dan pihak Majlis sentiasa bersedia bekerjasama dengan PDRM bagi mengambil tindakan secara bersepadu untuk menangani masalah tersebut.

Bentayan juga telah mempersoalkan speks kerja naik taraf sistem perparitan di sepanjang Jalan Meriam, Muar yang melibatkan laluan pejalan kaki dan kekurangan kawasan meletak kenderaan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan di sepanjang Jalan Meriam dengan kos sebanyak RM4.3 juta kini telah siap sepenuhnya pada tarikh 13 Jun ini iaitu mengikut tempoh projek yang telah ditetapkan tanpa sebarang lanjutan masa kontrak. Ia telah dilaksanakan dengan mengikut jadual yang ditetapkan seperti di dalam kontrak. Projek ini adalah di bawah peruntukan saliran mesra alam di mana ianya mempunyai dwi fungsi iaitu mengatasi masalah banjir serta mewujudkan kawasan yang mesra alam sekitar dan selamat kepada semua golongan pengguna.

Pembinaan laluan pejalan kaki yang dilaksanakan telah menjadikan kawasan tersebut lebih selamat dilalui berbanding dahulu, di samping dapat menambah nilai kegunaan kawasan tersebut. Pembinaan laluan pejalan kaki di kedua-dua belah Jalan Meriam telah mengurangkan ruang tengah jalan sebanyak 1 meter. Walau bagaimanapun, jika di kira pelebaran sepenuhnya jalan termasuk laluan pejalan kaki, penambahan lebar sebanyak 2 meter adalah di perolehi kerana parit dan longkang sedia ada telah dibina dengan *box culvert* dan dipasang laluan pejalan kaki di atasnya. Pihak jabatan mendapati kelebaran jalan raya yang meliputi tempat meletak kenderaan, kiri dan kanan jalan dan laluan tengah jalan masih boleh berfungsi seperti sediakala walaupun telah dibina laluan pejalan di kiri kanan Jalan Meriam. Pembinaan laluan pejalan kaki yang seragam dan mempunyai ketinggian yang sama adalah diperlukan bagi

mewujudkan laluan pejalan kaki yang selesa dan selamat untuk semua golongan pengguna. Ini memandangkan kaki lima kedai, sedia ada berbeza paras lantainya di antara 1 premis dengan premis yang lain. Kebanyakan kaki lima sedia ada juga telah digunakan sepenuhnya oleh pemilik premis untuk meletak barang jualan, kerusi meja makan, dapur masak, tempat menyalai daging dan sebagainya serta tidak sesuai untuk dilalui oleh orang awam. Bagi premis yang mempunyai paras lantai kaki lima yang lebih rendah daripada laluan pejalan kaki, tangga dibinakan bagi memudahkan pergerakan orang awam ke kedai atau sebaliknya.

Bagi premis yang menjalankan perniagaan kenderaan atau memerlukan *ramp,* pembinaan *ramp* dilakukan bagi memastikan kegiatan perniagaan mereka tidak terganggu atau urusan kerja dapat dijalankan seperti biasa. Laluan pejalan kaki telah pun diselaraskan ketinggiannya di atas jalan raya pada paras 5 hingga 7 inci. Ketinggian ini adalah sesuai untuk tujuan meletak kenderaan kerana pada ketinggian ini, pintu kereta dan bahagian hadapan kereta tidak tersangkut pada *kerb* jalan di mana pada kebiasaannya ketinggian pintu kereta dan bahagian hadapan kereta adalah pada paras 8 hingga 11 inci dari paras jalan raya. Setelah projek siap sepenuhnya, kawasan meletak kenderaan telah berubah bagi memperolehi kawasan laluan jalan tengah yang lebih besar dan selesa. Sistem meletak kenderaan diubah dan diselaraskan, sebelum ini kedudukan tempat meletak kereta adalah secara sisi di sebelah kiri dan secara serong di sebelah kanan Jalan Meriam. Pada masa ini, sistem meletak kenderaan telah dilaksanakan secara sisi di kedua-dua belah jalan, maka ruang tengah akan mendapat kelebaran yang lebih dari 2 meter dari sebelumnya.

Walaupun ia menyebabkan kekurangan kawasan letak kereta dari sebelumnya tetapi memberi keselesaan dan laluan yang lebih sistematik kepada pengguna-pengguna jalan raya dan lalu lintas. Kawasan yang telah siap dipasang laluan pejalan kaki telah menampakkan perbezaan dari segi kekemasan dan teratur di Jalan Meriam. Sikap penduduk yang suka membuang sampah sarap dan sisa makanan juga dapat dibendung dan tahap kebersihan dan kesihatan di kawasan berkenaan dapat ditingkatkan. Laluan ini juga menjadi semakin ceria dan hidup terutamanya di waktu malam kerana ramai yang suka melaluinya kerana di sepanjang jalan diterangi lampu jalan jika dibandingkan dengan keadaan yang terdahulu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya Bentayan telah membangkitkan perkara-perkara berikut…..

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Minta laluan, Datuk Speaker….

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Yang Berhormat...

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Naik taraf parit lorong belakang rumah di Jalan Sakeh…

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Yang Berhormat, Bentayan minta laluan, boleh?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Saya ingat, saya banyak lagi nak cakap ini saya akan terus kalau ada masalah, Bentayan boleh jumpa saya lepas ini.

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Ok.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Seterusnya, ADUN Bentayan telah membangkitkan perkara-perkara berikut:

1. Naik taraf parit lorong belakang rumah di Jalan Sakeh Baru 12 dan Jalan Sakeh Baru 13, Taman Sakeh Baru, Muar.
2. Jalan mendap, tembok parit runtuh di Jalan Sakeh 6,
3. Jalan rosak, parit dan titi sempit di Lorong Paip 1, Parit Beting, Muar.

Majlis Perbandaran Muar menyedari akan masalah-masalah perparitan lama yang terdapat di kawasan Majlis. Bagi menaik taraf atau menggantikan keseluruhan perparitan akan melibatkan perbelanjaan yang besar. Sesetengah perparitan tidak memerlukan kerja menaik taraf, sebaliknya hanya memerlukan kerja pembersihan secara berkala bagi memastikan parit dapat berfungsi dengan baik. Peruntukan kewangan yang terhad menyebabkan kerja menaik taraf menggantikan parit lama dibuat secara berperingkat-peringkat dengan mengutamakan kawasan-kawasan yang kritikal dan serius terlebih dahulu. MPM sentiasa melaksanakan projek-projek berkaitan perparitan, walau bagaimanapun, ini bergantung kepada kemampuan MPM untuk membiayai projek-projek tersebut. Pada bulan Mei 20, tahun ini, Majlis telah pun membaiki jalan-jalan rosak di sekitar Lorong Paip di bawah program penyelenggaraan jalan. MPM dengan kos sebanyak RM20,000.00. Lorong Paip tidak mempunyai sistem perparitan yang teratur disebabkan kawasan tersebut dibangunkan oleh individu lama sebelum kawasan terbabit dimasukkan ke dalam pentadbiran MPM. Walau bagaimanapun, MPM sentiasa akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan terhadap mana-mana aduan yang lengkap dan difikirkan ia menjadi tanggungjawab Majlis untuk melaksanakannya. MPM tidak akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan mana-mana jalan, lorong atau parit, titi persendirian.

ADUN Bentayan telah membangkitkan mengenai ketiadaan perancangan rapi ke atas pemasangan besi penghalang jalan di Dewan Jubli Intan, Muar dan menyebabkan ia terpaksa dipindahkan ke atas permukaan parit dan berapa perbelanjaan tambahan diperlukan. Bagi menjawab yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bentayan, pihak Majlis telah mengambil tindakan mengalih kedudukan pengadang jalan tersebut setelah mendapat ulasan daripada urus setia NKRA Bandar Selamat yang bertujuan untuk mengurangkan kadar jenayah supaya kedudukan pengadang tersebut diselaraskan dengan perlaksanaan lain-lain PBT dan tiada kos tambahan yang terlibat.

Saya juga ingin menarik perhatian terhadap perkara yang dibangkitkan oleh ADUN yang sama juga mengenai rangka besi *Up Town* Maharani, Jalan Sisi, Muar telah diubah dari pelan asal telah menimbulkan masalah kepada peniaga, menurut Bentayan. Saya ingin memaklumkan tiada perubahan besar terhadap kedudukan

tiang *Up Town* Maharani, bagaimanapun, teknik pembinaan disesuaikan dengan keadaan tapak di mana terdapat infrastruktur utiliti bawah tanah sedia ada. Kedudukan tiang-tiang ini telah mengambil kira perkara-perkara berikut :

1. Lorong belakang atau tepi yang sedia ada.
2. Kedudukan kedai sedia ada.
3. Memaksimumkan petak letak kereta.
4. Infrastruktur sedia ada dan;
5. Kos pembinaan.

Dengan mengambil kira perkara-perkara tersebut, jarak antara tiang sejauh 9 meter telah diambil, ini bagi meminimumkan bilangan tiang. Memang terdapat tiang yang terletak di hadapan kedai. Ini tidak dapat dielakkan kerana saiz bukaan kedai yang tidak seragam dan tidak selaras antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, satu taklimat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri telah diadakan pada 6 Jun berkenaan dengan perkara ini dan kerajaan telah memutuskan supaya diadakan kajian semula bagi menyelaraskan semula tiang-tiang tersebut. Status terkini, pihak juru perunding telah mengadakan reka bentuk baru sebagaimana kehendak Kerajaan Negeri yang mana akan dibentangkan semula dalam waktu yang terdekat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bukit Serampang telah membangkitkan keperluan memindahkan penjaja-penjaja kereta sorong di Jalan Yahya, Muar yang menghalang lalu lintas. Untuk makluman, penjaja-penjaja di persimpangan Jalan Yahya dan Jalan Haji Abu telah pun beroperasi sekian lama dan telah pun dilesenkan oleh Majlis semenjak tahun 1982 dan juga dikenakan bayaran sewa tapak meletak kenderaan, waktu operasinya ialah pada jam 12:00 tengah hari hingga 12:00 tengah malam. Seramai 47 orang peniaga berbangsa Tionghoa berniaga di kawasan tersebut. Perbincangan dengan persatuan mereka kerap diadakan bagi menyampaikan sesuatu arahan dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Nusajaya telah membangkitkan tentang keperluan naik taraf gerai Majlis di kawasan Pekan Gelang Patah. Pihak Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah mengambil maklum keperluan-keperluan tersebut sejajar dengan pembangunan yang rancak di kawasan Nusajaya. Untuk makluman, pada masa ini, sebanyak 6 unit gerai bersebelahan Dewan Raya Gelang Patah sedang dibina. Selain dari itu, pihak Majlis juga sedang dalam perancangan untuk menaik taraf Terminal Bas Gelang Patah yang turut menyediakan kemudahan sebanyak 8 unit gerai makan dan 6 unit kedai.

Saya ingin menarik perhatian terhadap isu yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Batu mengenai permohonan mengecat semula 12 blok Rumah Pangsa Taman Puteri, Kulai. Untuk makluman Yang Berhormat, Rumah Pangsa Taman Puteri, Kulai terdiri daripada rumah pangsa kos rendah berharga RM25,000.00 dan kos sederhana rendah RM50,000.00 yang dimajukan oleh syarikat pemaju swasta. Bangunan ini siap dibina pada tahun 1999. Badan Pengurusan Bersama (JMB) Rumah Pangsa Taman Puteri telah ditubuhkan pada tahun 2008, manakala MC nya pula ditubuhkan pada 15 Mei 2011. Tanggungjawab mengecat Rumah Pangsa Taman Puteri adalah sebenarnya

terletak di bawah tanggungjawab MC seperti yang terkandung dalam Akta Hak milik Strata ataupun Akta 318. Walau bagaimanapun, pihak Majlis Perbandaran Kulai telah mengadakan perbincangan dengan Badan Pengurusan untuk membantu Perbadanan Pengurusan tersebut memohon peruntukan mengecat semula Rumah Pangsa Taman Puteri melalui Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia ataupun TP1Malaysia. Ini tabung yang baru dikenalkan yang dulu dibuat hanya di kawasan Wilayah tapi sekarang telah disebar luaskan seluruh negara dan penumpuannya sekarang ialah di Negeri Johor. Terletak di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dengan geran sepadan 90 : 10 di mana 10% akan dimohon daripada tabung ini dan hanya 10% di bawah tanggungjawab Perbadanan Pengurusan. Anggaran kos untuk mengecat keseluruhan rumah pangsa tersebut adalah sebanyak RM1.2 juta dan mengambil kira geran sepadan TP ini, MC perlu menyediakan 10% lagi iaitu sebanyak RM120,000.00 sahaja.

ADUN Bukit Batu juga menimbulkan isu banjir kilat di hadapan projek perumahan di Taman Scientex, Kelapa Sawit yang melibatkan Kampung Rahmat dan keperluan menaik taraf sistem perparitan. Majlis Perbandaran Kulai bersama Jabatan Kerja Raya telah bermesyuarat pada bulan Januari dan Februari tahun ini dengan pihak pemaju Scientex bagi menyelesaikan masalah banjir kilat. Pihak pemaju telah bersetuju bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan dan *culvert crossing*, dengan izin, di hadapan taman tersebut. Pelan reka bentuk telah diserahkan bagi mendapatkan ulasan pihak JKR, Majlis dan JPS melalui OSC Majlis. Dijangkakan projek tersebut akan dilaksanakan setelah kelulusan di perolehi. Kaedah perlaksanaan dicadangkan adalah menggunakan kaedah dengan izin, *horizontal direct drill*, yang bertujuan untuk mengelakkan dari berlakunya kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut sewaktu pembinaan berjalan. Pihak Majlis juga dalam peringkat kajian bagi tujuan melaksanakan proses pengambilan balik tanah untuk perlaksanaan kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan yang melibatkan Kampung Rahmat dan sekitarnya sehingga ke sungai utama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bukit Batu ingin mengetahui tindakan yang diambil oleh Majlis ke atas lori-lori kuari yang merosakkan jalan di Taman Putri dan Indahpura. Untuk maklumat Yang Berhormat, Majlis Perbandaran Kulai bersama Pejabat Tanah Daerah dan agensi lain yang berkaitan seperti PDRM, JKR, TNB dan SAJ telah mengadakan beberapa sesi perjumpaan bersama pengusaha-pengusaha kuari bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit. Sebagaimana yang telah diputuskan dalam mesyuarat tersebut, lori yang melebihi 6 gandar tidak dibenarkan melalui Jalan-Jalan Perbandaran. Bagi penyelesaian jangka panjang, pihak MPKu telah mencadangkan pembinaan laluan alternatif bagi mengelak pengusaha kuari melalui jalan-jalan taman perumahan. Laluan yang dicadangkan adalah rizab yang bersebelahan Taman Putri Kulai. Status terkini pelaksanaan projek tersebut adalah dalam tindakan penyediaan Laporan *Road Safety Audit,* dengan izin, oleh pengusaha kuari. Pembinaan ini akan dilaksanakan selepas kelulusan *Road Safety Audit* di perolehi dari pihak JKR.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Stulang telah mencadangkan supaya RKK kawasan kediaman sebahagian Jalan Serampang, Taman Pelangi yang telah dizonkan sebagai kawasan komersial diperluaskan kepada keseluruhan Jalan Serampang kerana RKK itu dapat membantu menambah nilai harga tanah terlibat.

Dimaklumkan bahawa Kajian Rancangan Tempatan Daerah ataupun RTD Johor Bahru 2020 telah dimulakan pada tahun 2002 dan telah diwartakan pada 3 Januari 2008. Menyedari akan pembangunan pesat berdasarkan kepada permintaan pembangunan dan penubuhan Wilayah Iskandar, Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru telah dibuat Pengubahannya pada tahun 2010 selaras dengan peruntukan Akta Perancangan, Perancangan Bandar dan Desa. Draf RT Johor Bahru 2020 Pengubahan telah dipublisitikan pada 19 April 2011 sehingga 18 April 2012, bertujuan mendapat maklum balas dan bantahan pihak awam khususnya pemilik hartanah di daerah berkenaan.

Hebahan tersebut telah dibuat melalui surat khabar 3 keluaran bagi 1 akhbar bahasa Melayu, dan 1 bahasa Inggeris dan pameran-pameran serta *banner* dan hebahan radio secara menyeluruh dan komprehensif. Maklum balas dan bantahan yang diterima di jadi input kepada Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru. Pengubahan yang telah dimuktamadkan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Kajian Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru 2020 ini telah mengezonkan hampir 85% kawasan kediaman kepada perdagangan sepanjang Jalan Serampang, Taman Pelangi berbanding 15% untuk dikekalkan kepada kediaman berdasarkan kepada potensi dan keperluan semasa dan masa hadapan. Pengekalan kediaman sedia ada dicadangkan berdasarkan kepada keadaan setempat iaitu jenis kediaman, kepadatan kediaman, kawasan sekitar dan lain-lain. Segala bantahan yang diterima berdasarkan publisiti dimasukkan, telah diambil kira di dalam pengezonan yang telah di muktamadkan tersebut iaitu pengezonan perdagangan dan sebilangan kediaman di sepanjang Jalan Serampang telah menepati keperluan penduduk setempat. Walau bagaimanapun, kajian RKK adalah di alu-alukan oleh pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru supaya kawasan tersebut akan dirancang dengan lebih teliti dan menyeluruh supaya pembangunan perdagangan yang dicadangkan akan diseimbangkan dengan kawasan sekitarnya dan berdaya maju. Dan dengan kaedah ini, saya yakin bahawa keseluruhan, Jalan Serampang ini akan dapat kita naikkan zonnya semuanya kepada zon komersil.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pengkalan Rinting telah membangkitkan tentang permohonan dewan raya serba guna lengkap dengan kemudahan untuk penduduk di Taman Bukit Indah dan taman-taman sekitar seperti Taman Nusa Bestari dan Taman Tan Sri Yacob dalam kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah. Untuk makluman, pihak Majlis telah mengenal pasti tapak dewan serba guna dan pada masa ini sedang di dalam proses pelantikan juru perunding, seterusnya diikuti dengan peringkat penyediaan reka bentuk dan proses tender. Kerja-kerja fizikal dijangka akan bermula pada tahun 2013 dan mengambil masa selama 12 bulan untuk disiapkan.

ADUN yang sama juga telah membawa permohonan daripada para peniaga yang sedang menjalankan perniagaan di kawasan belakang Jalan Wong Ah Fook, supaya dapat berniaga di tempat asal di Jalan Ungku Puan sekiranya Projek Membuka Semula Penutupan Sungai Segget telah siap. Ingin saya maklumkan, bahawa cadangan projek menaik taraf Sungai Segget, Sungai Segget Sewerage Treatment Plant adalah bertujuan untuk menyelesaikan dua masalah utama dalam Daerah Central Johor Bahru, iaitu mengatasi masalah banjir dan rawatan kualiti air yang kini semakin tercemar.

Selain daripada itu juga, Datuk Speaker, projek tersebut juga akan beri tumpuan kepada usaha untuk mengindahkan lagi tempat ini untuk keselesaan pengguna bandar dan berupaya menjadi tarikan kepada pelawat dan pelancong ke kawasan Daerah Central. Bagi makluman, projek ini sedang dalam peringkat untuk dimuktamadkan, di mana pelan-pelan terperinci dan justifikasi kos sedang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Secara umumnya, projek ini akan melibatkan keseluruhan rizab sungai dan Legaran Segget yang sedia ada termasuklah tapak Ungku Puan tersebut. Keseluruhannya akan menjadikan ruang awam dan landskap untuk keselesaan dan pengukuhan imej bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru bersama Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan untuk menempatkan semula penjaja di Jalan Meldrum, namun begitu cadangan ini masih lagi dalam peringkat penentuan beberapa lokasi dan reka bentuk yang sesuai dengan mengambil kira 2 aspek utama, iaitu:

1. Daya maju perniagaan.
2. Kesannya terhadap imej bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini saya berpindah kepada isu, perkara-perkara di bawah JKR. Untuk makluman, ADUN Maharani, bagi projek menurap semula jalan yang dikendalikan oleh JKR, termasuk kerja-kerja pembaikan bahu jalan yang rendah, mengecat semula garisan jalan, mengecat petak kuning di simpang dan garisan *speed breaker,* dengan izin, sebelum simpang dan sebelum selekoh merbahaya bagi mengurangkan kemalangan, pihak JKR juga akan membaik pulih dan memasang semula papan tanda yang rosak atau hilang di simpang-simpang jalan.

Perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Jementah berhubung dengan papan tanda isyarat lalu lintas di tapak bina bagi projek naik taraf Jalan Segamat-Tangkak akan dipastikan berada dalam keadaan baik dan sempurna untuk memberi panduan kepada pengguna jalan raya terutamanya pada waktu malam dan pihak kontraktor telah disyaratkan menyediakan pegawai pengurusan trafik di tapak bina. Mengenai kerja-kerja menaik taraf Jalan Bindu sepanjang 2.5 kilometer masih dalam peringkat reka bentuk, Pengambilan balik tanah perlu dibuat terlebih dahulu kerana rizab jalan-jalan sedia ada sepanjang 2.5 kilometer tersebut sangat sempit iaitu 10 meter atau lebih kurang 30 kaki sahaja. Kerja-kerja menaik taraf jalan tersebut dijangka dapat dilaksanakan pada awal tahun 2013 untuk memberi keselesaan kepada para pengguna jalan raya yang melalui jalan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Senggarang membangkitkan masalah kesesakan lalu lintas di bandar Batu Pahat dan Jalan Batu Pahat-Pontian. Untuk makluman, pihak kerajaan sedang menjalankan kajian kemungkinan untuk membina jambatan ke-2 Batu Pahat dan membina jalan *by pass* Batu Pahat dari Peserai hingga ke Tanjung Labuh termasuk meluruskan jalan yang bengkang-bengkok.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh ADUN Yong Peng berhubung dengan pelebaran jalan di Tol Yong Peng ianya telah dipohon dalam *Third Rolling Plan,* Rancangan Malaysia Ke-10.

Mengenai perkara yang dibangkitkan ADUN Nusajaya, Benut dan Pekan Nenas, berkenaan kerja-kerja naik taraf Jalan Johor Bahru-Pontian telah diberi keutamaan dalam permohonan *Third Rolling Plan,* Rancangan Malaysia Ke-10, bagi Negeri Johor untuk mengatasi kesesakan lalu lintas dari Pekan Nenas ke Johor Bahru yang semakin kritikal. Untuk makluman Yang Berhormat, sebahagian daripada kerja menaik taraf jalan dari 2 lorong kepada 4 lorong di Jalan Lima Kedai, Jalan Ulu Choh dan Jalan Johor Bahru-Pontian, akan dilaksanakan oleh pemaju dan akan bermula pada bulan Julai 2012 seperti yang telah disyaratkan ke atas pembangunan di kawasan masing-masing.

Yang Berhormat Panti membangkitkan isu kerja-kerja menurap semula Jalan Ulu Tiram ke Kota Tinggi. Peruntukan sebanyak RM1.8 juta telah diterima dari Kementerian Kerja Raya untuk kerja-kerja menurap semula Jalan Ulu Tiram ke Kota Tinggi yang tidak termasuk dalam skop asal projek naik taraf jalan tersebut. Pada masa ini, JKR sedang menyediakan dokumen tender untuk panggil tawaran bagi kerja-kerja tersebut. Kerja-kerja dijangka bermula pada bulan Oktober 2012.

ADUN Kahang ada membangkitkan berhubung dgn kelewatan kerja-kerja pembinaan masjid Kampung Sri Lukut, Kahang. Di mana pihak JKR telah mengeluarkan notis, notis tujuan penamatan kontrak bagi projek tersebut yang disebabkan kontraktor gagal menyiapkan kerja mengikut jadual yang ditetapkan. Mengenai kerosakan yang teruk di Jalan Ulu Belitung, Layang-Layang adalah disebabkan kekurangan peruntukan semasa pembinaan dijalankan di mana sebahagian skop kerja telah dikurangkan iaitu mengeluarkan skop kerja-kerja menurap lapisan atas setebal 50 milimeter ataupun 2 inci. Pada masa ini pihak JKR sentiasa menjalankan kerja-kerja pembaikan dari masa ke semasa untuk membaiki kerosakan tersebut.

Berhubung dengan cadangan menaik taraf jalan dari Ulu Pengeli, Kluang dan pemasangan lampu isyarat di Jalan Sri Lambak serta menaik taraf Jalan Kluang-Mersing, di mana projek ini telah dipohon semula dalam *Third Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ke-10.

Isu yang dibangkitkan oleh ADUN Benut berhubung dengan cadangan pembinaan jambatan melintasi Sungai Pulai dari Tanjung Pelepas ke Tanjung Bin di Kukup. Untuk makluman Yang Berhormat, reka bentuk bagi projek ini sedang disediakan oleh pemaju yang akan membangunkan kawasan di Tanjung Bin bagi menyediakan laluan yang lebih baik dan singkat dari Kukup ke Pusat Bandaraya Johor Bahru dan kawasan sekitarnya.

Berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Bentayan dengan pembaikan longkang yang rosak, di Jalan Sungai Abong dari tiang lampu nombor GSA 13 hingga ke GSA 14, sebenarnya apa yang berlaku ialah, dan Bentayan amat tidak berpuas hatilah kalau nak ikut dialognya ini, verbatim yang ada dengan yang jawapan yang diberikan oleh EXCO Kerja Raya dan kemudahan awam berkenaan dengan soalan B3 pada Persidangan 15 Mac 2012, di mana jawapannya yang diterima adalah tidak betul kata dia, kerana tanpa melakukan sebarang siasatan. Kemudian ditambah lagi, sebagai seorang EXCO yang senior seharusnya mengetahui soalan yang ditanya bukannya mendapat jawapan yang tidak betul dari pihak JKR

Muar. Jadi dia nak tahu bilakah parit runtuh tersebut akan dibaiki, bila nak dibaiki? Itu je perkara yang dia nak tahu.

Sebenarnya apabila JKR pergi ke kawasan ni, pihak yang, kakitangan yang pergi tu dia melihat pada parit JKR yang sedia ada yang sepanjang jalan GSA 13 hingga GSA 14 ini. Itu yang saya difahamkan. Tiang lampu bernombor GSA 13 hingga GSA 14 yang selari dengan tiang lampu ni memanglah jalan yang di selenggarakan oleh JKR, dan keadaannya berada dalam keadaan yang ok iaitu air ada lalu, cuma yang berlumut jelah. Jalan yang dimaksudkan oleh Bentayan yang disalah anggap oleh JKR ni ialah yang bersetentangan dengan tiang lampu seberang jalan. Jalan ini dulu saya difahamkan dibuat oleh Majlis, jadi biasalah, JKR bila jalan yang dibuat oleh Majlis, Yang Berhormat Dato' Speaker, itu adalah tanggungjawab Majlis, sebab tu jawapannya sedemikian rupa. Tapi oleh kerana tak dibangkitkan dalam Dewan ini, walaupun agaknya, apa ni, agak keras juga ni dia punya ni, tapi tak apalah saya terima tapi saya tidak perlu minta maaf bagi pihak JKR kerana bukan salah tafsiran, tafsiran berbeza. Cuma saya dah beritahu JKR, oleh kerana sekarang jalan ni pun JKR yang selaraskan, jadi apa salahnya kalau dulu jalan, parit kecil itu, parit itu pun tak rupa parit lagi dah, tebing dah tak ada dah, dah rata dah, lebih kurang, tinggal bekas-bekas parit yang pecah-pecah. Ini pun apa salahnya kalau JKR selenggarakan juga, jadi bila dibuat, kalau tahun ini ada peruntukan cukup tahun ni, kalau tidak tahun depan, tunggulah kalau tidak lepas pilihan raya. Insya-Allah JKR akan buat.

Dan berkenaan dengan isu dibangkitkan ADUN Bukit Batu, pihak JKR Johor sedang menyediakan reka bentuk untuk kerja-kerja melebarkan jambatan sempit di Jalan Gunung Pulai, serta meluruskan selekoh merbahaya di jalan tersebut. Sementara bagi kerja-kerja melebarkan jalan sempit dari Tol Sedenak ke Bukit Batu dan dari Tol Kulai ke Bandar Kulai telah dipohon semula di bawah *Third Rolling Plan* Rancangan Malaysia Yang Kesepuluh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Jementah iaitu mulai tahun 2012 pihak Infra Desa Johor menjadi Ahli Tetap dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah bagi memudahkan segala aduan berkenaan penyelenggaraan jalan-jalan kampung dapat disalurkan. Penyelarasan antara pihak Infra Desa dan Pejabat Daerah penting bagi memastikan semua jalan-jalan kampung termasuk dalam kontrak penyelenggaraan Infra Desa atau di luar kontrak penyelenggaraan dapat di selenggara dengan baik.

Yang Berhormat ADUN Kukup pula membangkitkan mengenai *spesifikasi* dan piawaian projek pelebaran jalan kampung oleh IDJ, dimaklumkan bahawa reka bentuk yang dibuat mengambil kira faktor jenis tanah dan kuantiti kenderaan. Reka bentuk yang dibuat juga mampu menampung berat sehingga 7 tan. Walau bagaimanapun, kos reka bentuk jalan bagi menampung treler atau lori yang membawa muatan sehingga lebih 10 tan adalah tinggi dan memerlukan reka bentuk atau pembaikan penggunaan teknologi baru dan bukan secara konvensional.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum mengakhiri ucapan penggulungan perbahasan saya ini, saya mohon maaf sekiranya ada di antara isu-isu dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada Persidangan kali ini tidak sempat saya memberikan

maklum balas. Maka, isu-isu berkenaan akan dijawab secara bertulis dan akhirnya, izinkan saya untuk membacakan 3 rangkap pantun untuk Dewan ini. Rangkap yang pertama ialah permata jauhar jatuh ke rumput, jatuh ke rumput berbilang-bilang, dari mata tidak kan luput, dalam hati tidak kan hilang. Mekar kasturi tumbuhnya tinggi, di hela pawana hujungan kota, taat diri tiada berbagi, amanah dijana janji di kota. Akar keladi melilit selasih, selasih tumbuh di hujung zaman, kalungan budi junjungan kasih, mekar kenangan sepanjang zaman. Sekian. (Dewan bertepuk).

**Y.B. Datuk Timbalan Speaker :** Alhamdulillah. Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya ingatkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Ketua-Ketua Jabatan bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar akan menggulung perbahasan pada hari Isnin, 25 Jun 2012. Dengan ini, saya tangguhkan Persidangan ini sehingga hari Isnin, 25 Jun 2012 jam 9:30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 3:45 petang.**

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12**

| HARI KEENAM | ISNIN, 25 JUN 2012 | BIL. 18 TAHUN 12 |
|---|---|---|

**HADIR**

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Dato' Haji Ahmad Zahri bin Jamil, DPMJ., PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Datuk Hoo Seong Chang, PJN., PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Datuk Haji Tahir bin Mohd. Taat, PJN., JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Datuk Koh Chee Chai, PJN., PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu, PJN., PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Tuan Haji Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Tuan Haji Marsan bin Kassim

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**
(Jurutulis baca doa).

**Y.B. Dato' Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli Yang Berhormat perbahasan diteruskan.

**Jurutulis: SOALAN-SOALAN BERTULIS.**

**Jawapan kepada Soalan-Soalan Bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja Mesyuarat.**

**SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Jemput Yang Amat Berhormat Dato'.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan di atas perbahasan yang telah pun berlangsung di Dewan yang mulia ini, sempena dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Saya merujuk kepada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, di antaranya ialah Ahli Yang Berhormat daripada Rengit, yang merujuk kepada perlunya kepada peningkatan pembangunan kampung-kampung, kerana Yang Berhormat masih lagi melihat ciri-ciri penghijrahan warga kampung ke bandar, dan seterusnya berkaitan dengan soal elaun Ketua Kampung.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Belanjawan Tahun 2012 telah pun memaklumkan bahawa kerajaan telah, sedang pun melihat perlunya satu transformasi luar bandar, yang dijangka akan melengkapkan lagi Dasar Transformasi Negara secara keseluruhan. Perdana Menteri telah pun merujuk perlunya kepada V*illage Transformation Programmed* ini ataupun Transformasi Luar Bandar ini, yang mencakupi kesemua kawasan luar bandar dan desa-desa di seluruh negara termasuk di Negeri Johor ini. Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa pihak kerajaan sedang pun merangka dengan penglibatan daripada semua agensi termasuk daripada Negeri Johor, untuk melihat kandungan kepada Program Transformasi Luar Bandar ini yang mencakupi pembangunan ekonomi, sosial, infrastruktur, modal insan dan juga kebudayaan. Dan dijangka bahawa Perdana Menteri akan mengumumkan pada tahun 2013, insya-Allah kalau ada Belanjawan di Parlimen Malaysia untuk tahun 2013 sebelum agaknya pilihan raya, agaknya kalau itu berlaku.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat ciri-ciri penghijrahan yang berlaku kalau kita bandingkan sekarang dengan tahun-tahun 60-an dan 70-an memang jauh berbeza. Sempena dengan pembangunan yang berlaku secara menyeluruh, dalam negara kita termasuk di Negeri Johor ini, jadi fenomena penghijrahan masih ada lagi Dato' Speaker, tetapi tidaklah seperti yang dapat kita lihat pada tahun-tahun 70-an, 60-an di mana rata-rata masyarakat luar bandar dulu berhijrah ke kawasan-kawasan FELDA tetapi akhirnya untuk peluang pekerjaan terpaksa berhijrah, rata-rata di Lembah Klang ataupun di Johor Bahru ini pada dekad-dekad tersebut. Tetapi sempena dengan pembangunan infrastruktur yang secara menyeluruh yang memudahkan dan mendekatkan antara kawasan, maka berlakulah pelaburan-pelaburan di Malaysia termasuk di Negeri Johor ini. Maka, fenomena penghijrahan rasa saya tidaklah begitu ketara. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun begitu, sudah pun menjadi satu yang agak lumrah dalam dunia sekarang ini bahawa cetusan pertumbuhan berlaku di rantau-rantau dan koridor-koridor tertentu. Tidak kira di mana pun sama ada di Benua Amerika, di Benua Eropah ataupun di Asia termasuk Negara China sekali pun bahawa cetusan pertumbuhan itu berlaku pada koridor-koridor tertentu dan dia memang membawa impak secara keseluruhannya.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, benar bahawa perlu kepada peningkatan pembangunan di kampung-kampung tetapi tidak sepatutnya kita meringankan fenomena yang berlaku dalam negara kita, di mana pertumbuhan pembangunan berlaku juga di koridor seperti di Iskandar Malaysia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai elaun Ketua Kampung yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Rengit, untuk makluman bahawa elaun Ketua Kampung ialah pada paras RM800.00 sebulan. Ini adalah satu yang dipanggil seragam di seluruh negara. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri mengambil keputusan melihat elaun yang diterima oleh sama ada Ketua Kampung, Imam, Bilal, Noja, maka Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk menambah elaun Ketua Kampung ini sebanyak RM200.00 lagi. Tetapi untuk memastikan elaun Ketua Kampung di Johor ini termasuk Ketua Masyarakat, dia masih lagi seragam di seluruh negara, maka RM200.00 itu adalah dalam bentuk bonus tahunan. Jadi, kalau bonus maka dia tertakluk kepada tahun Dato' Speaker, tetapi oleh kerana ia menjadi satu tambahan dan ditakrifkan sebagai bonus maka, tahun demi tahun bonus ini akan dipertimbangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Mengkibol membangkitkan tentang Laporan Ketua Audit Negara yang berkaitan dengan defisit yang ditanggung oleh pihak YPJ dan syarikat-syarikat kumpulannya. Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri telah pun menubuhkan Yayasan Pelajaran Johor, saya, dalam ingatan saya dah berpuluh tahun. Di antara peranan yang dimainkan oleh YPJ Dato' Speaker, ialah memberi biasiswa dan pinjaman di peringkat sekolah khususnya di kalangan anak-anak yang miskin dan mereka ini dikenal pasti oleh guru masing-masing. Seterusnya ialah untuk memberi biasiswa kepada pelajaran di peringkat pengajian tinggi dan lepasan ijazah sekali pun dan dari segi rekodnya Dato' Speaker, bahawa YPJ telah pun memberikan biasiswa dan juga pinjaman bukan sahaja kepada anak Johor ada juga daripada bukan anak Johor yang belajar di Johor dan juga

kepada anak Johor di kalangan anak-anak orang Melayu, orang Cina dan orang India. Itu sebenarnya ialah rekod yang ada pada YPJ.

Maka, kerajaan telah pun mengambil keputusan untuk mewujudkan sebuah syarikat di bawah YPJ yang dipanggil Yayasan Pelajaran Johor Holdings, di mana syarikat Holdings tadi telah pun diserahkan dengan aset-aset yang ada pada YPJ untuk diuruskan oleh YPJ Holdings di mana pulangannya ialah untuk diserahkan kepada YPJ supaya digunakan untuk tujuan biasiswa dan pinjaman.

Selain daripada aset tersebut, YPJ juga menyerahkan satu jumlah nilai tunai sebanyak lebih kurang RM170 juta yang merupakan pinjaman jangka masa panjang kepada YPJ Holdings. Dan YPJ Holdings untuk memastikan YPJ mempunyai pembiayaan tahunan untuk kegunaannya, tujuan biasiswa dan pinjaman, maka YPJ Holdings ditentukan membayar tidak kurang RM15 juta tunai kepada YPJ saban tahun, selain daripada perlu membayar pinjaman jangka masa panjang RM170 juta.

Dato' Speaker, berlatar belakangkan kepada dua entiti ini, maka Kerajaan Johor pada tahun 1999 telah pun menubuhkan apa di panggil Kumpulan Pelajaran Yayasan Pelajaran Johor, 1996. Dengan tujuan untuk mewujudkan Kolej-Kolej Komuniti di Negeri Johor ini. Ada setengah negeri mengambil keputusan untuk menubuhkan universiti Dato' Speaker, tetapi Negeri Johor memilih pendekatan untuk memberi peluang kedua kepada anak-anak yang lepasan sekolah, dia tidak sampai ke kolej, dia tak sampai ke tingkatan 6, dia tidak sampai kepada kolej perguruan, dia tidak ada peluang untuk ke universiti. Kita tidak sewajarnya membiarkan mereka terus masuk ke pasaran buruh dengan tidak ada langsung kekuatan kemahiran, itu berlaku pada dekad-dekad 60-an, 70-an, 80-an. Jadi, di Negeri Johor ini, Kerajaan Negeri mengambil keputusan wujudkan Kumpulan Pelajaran Yayasan Pelajaran Johor. Mewujudkan *community colleges* di setiap daerah dalam bidang yang berbagai.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, pada hari ini sahaja dah melampaui 10,000 anak-anak Johor yang lulus daripada *community college* di seluruh Negeri Johor ini. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, ini merupakan satu pendekatan sebenarnya bila Johor memulakan kolej komuniti ini, maka dalam satu Belanjawan Kerajaan Malaysia beberapa tahun kemudian diumumkan pula Kerajaan Malaysia menubuhkan kolej komuniti. Jadi, Ahli Yang Berhormat boleh melihat konsep kolej komuniti ini ada di beberapa tempat yang ditubuhkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. *But, the concept* kolej komuniti untuk memberi peluang kedua, *second chance* kepada anak-anak muda kita bermula di Johor sejak 1996. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara yang berlaku ialah bila kita mulakan program KPYPJ ini, maka di antara yang dapat kita lihat bahawa kadar yuran adalah rendah sebenarnya. Di antara RM2,500.00 hingga RM3,500.00 setiap semester. Kalau nak dibandingkan dengan kolej-kolej swasta yang lain, mungkin lebih mahal lagi. *So,* oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita melihat ini sebagai suatu tanggungjawab yang perlu dipenuhi dan Kerajaan Negeri memilih ruang yang kosong itu. Benar, ada Giatmara, ada apa lagi eh?. IKM ke. Institut Kemahiran Mara ataupun Giatmara agaknya, tapi mungkin tidak cukup dari segi keupayaannya dan kita akhirnya, kita kata bahawa konsep kolej komuniti ini bukan sahaja terletak di Johor Bahru tetapi dia terletak, ada di Segamat, ada di Pontian, ada di setiap daerah. Dan, Alhamdulillah, sama ada peringkat Sijil

mahupun peringkat Diploma, diiktiraf. Dan, tanda yang paling jelas ialah pengiktirafan oleh pihak pasaran dan juga majikan. Kalau kita ambil contoh, hospitaliti, Diploma Hospitaliti misalnya, belum lulus pun, pelajar-pelajar di KPYPJ ini telah pun ada tempat di kalangan majikan hospitaliti di hotel dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu bila Audit merujuk bahawa berlaku satu suasana defisit termasuk di antara defisit yang ditanggung oleh KPYPJ ini, ingin saya jelaskan bahawa, itu sebenarnya latar belakang kepada apa yang berlaku dalam bentuk defisit, di antaranya Yang Berhormat Dato' Speaker, yang hendak saya sebut di sini, kalau boleh sebut secara kumpulan, bahawa pinjaman yang telah pun di berikan, *scholarship* yang dah diberikan dah sampai kepada tahap rasa saya dekat-dekat ratus juta Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan, bila kita ubah daripada biasiswa untuk pengajian, pengajian tinggi pada tahap Sarjana Muda dan seterusnya, maka, ada di antara pinjaman-pinjaman tersebut belum lagi berbayar. Untuk makluman bahawa, terkumpul yang belum berbayar daripada pinjaman di peringkat YPJ ialah dekat-dekat RM20 juta.

Walaupun begitu, pungutan tahunan terus dibuat, maka, bayaran berlaku di antara RM1.5 hingga RM2.0 juta. Jadi walaupun begitu, kita perlu peruntukkan hutang lapuk lebih kurang 8% ataupun RM2.0 juta daripada jumlah keseluruhan hutang pelajar tadi. Maka dia dilihat sebagai satu bayaran yang termasuk di dalam kategori defisit tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada di antara kemudahan yang digunakan oleh KPYPJ…

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta sedikit penjelasan sahaja.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, tak boleh, Yang Berhormat habiskan dia jawab dulu. Dia bila tengah jawab ini, tidak boleh ya..

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Cuma tentang isu, hutang tidak dikutip. Itu sahaja nak tahu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat nak jawab? Dia tak ada, saya tak izinkan.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Apa dia kata?

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Tolong jawablah?

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, dia tak boleh paksa eh? Dia kalau tak nak jawab pun boleh eh.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Saya, tak perasan ayat tadi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Bukan Yang Berhormat tak perasan. Saya pun tak perasan. Eh, takpelah nanti jumpa kemudianlah.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Ok, saya, saya ikut arahan Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Jalan Yang Berhormat.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Nanti kalau tak ikut arahan. Ok. Maka, KPYPJ juga dia menyewa bangunan yang dimiliki oleh YPJ Holdings di antaranya. Maka, Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu defisit juga berbangkit apabila di antaranya KPYPJ tidak membayar sewaan kepada YPJ Holdings kerana dia menyewa bangunan YPJ Holdings di Segamat. Sebagai contoh kolej komuniti di Segamat, di antaranya ialah Institut Hospitaliti di Johor Bahru. Semua bangunan itu milik YPJ Holdings, disewa oleh KPYPJ, maka tak berbayar, maka termasuk dalam kategori defisit.

Seterusnya, perlu juga kos susut nilai yang juga mempengaruhi Penyata Kewangan KPYPJ dan seterusnya. Oleh itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, langkah yang sedang pun dilihat adalah oleh kerana YPJ, KPYPJ, YPJ Holdings adalah sebenarnya dalam satu kumpulan, oleh itu satu yang memudahkan ialah untuk YPJ sebagai syarikat, entiti ibu untuk mengambil alih kerja sama ada membina infrastruktur ataupun untuk selenggara infrastruktur supaya dapat digunakan oleh KPYPJ. Maka, YPJ Holdings terus berusaha untuk membangunkan aset YPJ tadi, membayar kepada YPJ dan YPJ untuk dia menyediakan peruntukan untuk KPYPJ. Jadi, dengan cara demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah yang berbangkit sama ada defisit ataupun bayaran yang tertangguh sepatutnya dapat kita selesaikan melalui hubungan yang saya sebutkan sebentar tadi.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Skudai membangkitkan tentang soal tender terbuka ataupun tender terpilih. Saya ingin maklumkan pada Dewan yang mulia ini, dari segi rekodnya Yang Berhormat Dato' Speaker, di Negeri Johor ini kita mengamalkan tender terbuka, rata-rata tender terbuka sama ada projek-projek yang ada di Jabatan Kerja Raya, Parit Saliran Negeri, di peringkat Unit Perancangan Ekonomi projek-projek, rata-rata ianya dilaksanakan secara tender terbuka. Kita dah amalkan perkara ini sejak belas tahun Yang Berhormat Dato' Speaker. Tapi, kalau Yang Berhormat merujuk tentang tajuk-tajuk seperti jalan di Pasir Gudang, itu adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Malaysia.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tidak heboh-hebohkanlah amalan kita di mana adanya *bid* terbuka, adanya ketelusan, ada prosedur yang, yang terbuka bahkan kalau tak salah saya *bid* yang dibuat pun akan dipaparkan untuk umum sekarang ini untuk dilihat. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau ada pun projek-projek yang diputuskan pada masa-masa yang lalu dalam bentuk *negotiated tender* ataupun *direct tender*, kerja diberikan kepada pihak tertentu, dia mungkin berkaitan dengan soal-soal kecemasan yang berkaitan dengan menyelesaikan masalah infrastruktur yang dilanda oleh banjir atau memerlukan kepada kepakaran yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek tersebut. Tapi, ingin saya jelaskan bahawa di Negeri Johor ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mempunyai *Tender Board* yang berada di peringkat negeri seperti Lembaga Perolehan Negeri. Di peringkat Pegawai Kewangan Negeri, kita ada Lembaga Tender Persekutuan di tahap Pegawai Pembangunan Negeri, kesemuanya menjalankan tugas untuk menimbangkan tawaran-tawaran secara terbuka di, melaksanakan projek-projek di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat daripada Tanjung Surat, merujuk tentang soal status tanah di Kampung Tok Celik ini, dikatakan di ceroboh pada tahun 80. Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Tanjung Surat ini, agak ada Kampung tersorok agaknya, yang namanya Kampung Tok Celik, jadi dalam Internet kita cari tak dapat, Pegawai Daerah pun tak ada Kampung Tok Celik ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, mungkin ada kampung baru Yang Berhormat beri nama. Walaupun begitu, saya ingin merujuk bahawa mungkin yang dimaksudkan Yang Berhormat daripada Tanjung Surat ialah Kampung Tanjung Serindit yang terletak di Mukim Tanjung Surat, Pengerang. Sebenarnya kawasan tersebut telah diteroka tanpa kebenaran, di ceroboh 84, luasnya dekat-dekat 290 ekar. Dengan ditanam kelapa sawit, dusun, kontan, ada rumah, 12, jenis kekal, separuh kekal, ada bekalan api dan air, ada kolam ikan, lebih kurang 10 ekar. Dan mereka yang mengusahakan tanah ini datang daripada sekitar Belungkor, Pasir Gogok, FELDA Tunggal dan Kampung Muhibah. Dan, permohonan telah dibuat kepada Pejabat Daerah Pengerang seramai 146 pemohon. Tanah telah diracik sebanyak 164, 168 plot dan setiap plot lebih kurang 0.9 ekar hingga kepada 4 ekar. Pengukuran plot telah dilakukan mengikut plot yang diusahakan. Kebanyakan pemohon terdiri daripada penceroboh asal dan anak-anak penceroboh asal. Kelewatan permohonan disebabkan penukaran pemohon asal kepada waris dan bukan waris. Dan dirujuk kepada jabatan-jabatan teknikal, pengukuran mengikut kawasan yang diusahakan dan melengkapkan maklumat asas tanah seperti pemohon itu sendiri. Dan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa status terkini, permohonan adalah di peringkat akhir penyediaan kertas perakuan termasuklah persetujuan senarai nama pemohon di peringkat pemimpin setempat bagi di bawa kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Dan, perakuan ini akan dilakukan secara berfasa mengikut kepada penyelesaian mengemaskinikan maklumat di peringkat Pejabat Tanah Kota Tinggi. Dan, dijangkakan perakuan fasa pertama akan dimajukan pada bulan Ogos nanti. Sempena dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Tanjung Surat, Yang Berhormat Dato' Speaker, mengingatkan saya bahawa pada tahun 1996, 97 kalau tak salah saya, saya pergi ke Skudai melihat masyarakat yang ada di Kampung Seri Serdang dan Kampung Pasir, Yang Berhormat Dato' Speaker, di mana masyarakat di situ telah mendiami kampung tersebut lebih kurang dekat-dekat 20, 30 tahun. Jadi, pada masa tersebut kerajaan mengambil keputusan untuk mengumpulkan data menimbangkan permohonan dan saya pergi lagi ke situ untuk kita menyerahkan Borang 5A untuk dikurniakan kepada masyarakat di Kampung Sri Serdang dan Kampung Pasir. Rekodnya ialah 20, 30 tahun dah ada di situ. Tapi 1996, 1997 kita kata ok, kita berikan hak milik.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, bermula daripada situ, maka Kerajaan Negeri beredar daripada kampung ke kampung, tak kira di Johor Bahru ke ataupun di daerah-daerah lain termasuk di Batu Pahat, di mana ada pencerobohan. Termasuklah yang tertangguh sekian lama di Kampung Sri Menanti. Kampung Sri Menanti di ceroboh dekat 1,000 ekar oleh pihak-pihak hingga mengumpulkan kebun. Ada yang 10, 20 ekar. Kita buat keputusan oklah satu penyelesaian kita buat. Saya tahu bahawa mungkin ada tak puas hati kerana yang ceroboh dekat 10,16 ekar tapi akhirnya kita terpaksa bagi kepada keluarga tak lebih 1, 2 ekar. Lepas itu kita putuskan, kita

rumuskan. Dan, Alhamdulillah, mereka yang berjaya di Sri Menanti boleh pergi ke Pejabat Daerah Tanah untuk menerima hak milik mereka.

Dato' Speaker, itu di Skudai, ok, itu bukan di Skudai, akhirnya Dato' Speaker, saya masuk ke Kampung Poh Chi Ling ,kalau tak salah saya, Poh Chi Ling, sebagai contoh, ok, Poh Chi Ling.

**Y.B. Dato' Speaker :** Gelang Patah.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Gelang Patah. Dan mereka dah dapat hak milik dah. Jadi Dato' Speaker, dalam bab tanah ni saya nak maklumkan bahawa kita cuba rata-rata, kita selesaikan. Lebih-lebih lagi bila mereka telah pun ada di situ, berkebun ke, ataupun berkampung ke, Dato' Speaker, selagi dia tidak diperlukan oleh kerajaan untuk tujuan-tujuan infrastruktur, seperti hospital ke, sekolah ke, jalan raya, maka kerajaan mengambil keputusan untuk mengurniakan kepada mereka.

Walaupun begitu, saya nak mengambil contoh bila projek EDL, *Eastern Dispersal Link* dibangunkan, maka banyak setinggan, kawasan setinggan terpaksa digunakan akhirnya apa jadi Dato' Speaker, kalau tanah tak boleh dikurniakan kerana keperluan membina EDL sebagai contoh, kerajaan mengambil keputusan untuk memindahkan mereka dengan perumahan. Jadi Ahli Yang Berhormat boleh melihat, perumahan yang ada di Sri Stulang tu, sebagai satu testimoni bagaimana masyarakat yang menumpang di tanah kerajaan, tanah tak boleh dikurniakan tetapi kita beri dia perumahan yang sewajarnya bukan pada tahap rumah kos rendah. Tak sampai 680 kaki persegi, di Sri Stulang rata-rata *area* pada paras lebih daripada 800 kaki persegi, 3 bilik, 2 bilik air, *so* itu sebenarnya Dato' Speaker, kita dan kalau tak salah saya Ahli Yang Berhormat daripada Maharani pun bangkit tentang soal tanah. Kali ini tanah dah kurnia, tetapi Yang Berhormat bangkit soal premium. Agaknya balik nanti ke Maharani nak beritahulah bahawa Menteri Besar setuju untuk menimbangkan diskaun, agaknya, agaknya lah.

Tapi Dato' Speaker, merujuk kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Maharani, betul. Kali ini tanah yang dikurniakan ialah di bandar, dan statusnya bukan pertanian, perumahan keluasannya 6000 kaki persegi. Di bandar, tapi *Malay Rizab,* jadi kerajaan kurniakan Dato' Speaker. Maka kita mengikut amalannya dari segi perundangannya dan prosedurnya, maka kita kena nilaikan tanah itu mengikut, mengikut harga pasaran. Jadi kalau melihat harga pasaran, Yang Berhormat Dato' Speaker, maka harga pasaran mengatakan, *this is prosedur*, Dato' Speaker, bahawa RM130.00 semeter persegi ataupun bersamaan RM12.08 sekaki persegi itu nilai pasaran, tanah tersebut. Di Kampung kalau tak silap saya, Parit Perupok Laut, Mukim Bandar, daerah Muar. Walaupun begitu Kerajaan Negeri, atas pertimbangan bahawa dia merupakan rizab Melayu, dalam kawasan Parit Haji Baki, maka pengiraan premium, ini bukan untuk orang Melayu sahaja, tetapi kebetulan dia rizab Melayu bahawa jika sekiranya penerima tadi pilih 60 tahun untuk tanah dia, maka diskaunnya ialah 15%, dan jika dia memilih untuk pajakan 99 tahun, maka diskaunnya ialah 30%. Maka nilai, nilai pasaran ialah harga pasaran tadi maka ialah 30% daripada harga pasaran. Itu sebenarnya. Jadi maknanya harga pasaran 60%, 60 tahun 15% harga pasaran, 99 tahun, 30% daripada harga pasaran. Makna dah ada pun diskaun

sebenarnya. Jadi Borang A telah pun diserahkan mengikut Seksyen 81 Kanun Tanah Negara, di mana termasuk di dalamnya Cukai Tahun Pertama, Bayaran Ukur, Penandaan Batu-Batu Sempadan, Pendaftaran Hak milik dan juga premium yang telah dikenakan.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin maklumkan kepada orang Parit Perupok ni, kalau minta juga supaya kita melihat berapa banyak peratus nak diturunkan lagi, mengambil kira tentang kemampuan mereka agaknya, maka kita akan pertimbangkan dan perkara ini akan diputuskan di peringkat kalau tak salah saya Hasil Bumi juga. Ya, jadi kita kena bawa perkara ini.

Yang Berhormat daripada Maharani membangkitkan tentang soal Rizab Melayu, berkurangan ke? Kalau ada pindaan kepada Rizab Melayu. Yang Berhormat Dato' Speaker, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 89, Enakmen Rizab Melayu 1936, mana-mana tanah Rizab Melayu yang hendak dibatalkan, perlulah diganti dengan tanah lain, di mana proses penggantian akan mengambil kira 2 faktor, iaitu keluasan dan nilaian tanah yang hendak dibuat gantian perlulah sama ataupun tidak kurang daripada tanah hendak dibatalkan status Rizab Melayunya itu. Dan tindakan penggantian ini adalah bagi memastikan tanah-tanah Rizab Melayu sentiasa terpelihara, dan tidak berkurangan dari segi keluasannya. Jika terdapat apa jua pembangunan yang melibatkan tanah Rizab Melayu, ianya tidak akan mengubah status rizab tersebut. Hanya orang Melayu sahaja yang boleh memiliki tanah-tanah berstatus Rizab Melayu walaupun tanah tersebut dibuat pembangunan. Tetapi jika pembangunan memerlukan tanah tersebut, dibatalkan statusnya, maka proses penggantian perlulah dibuat tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Sebenarnya itu yang diamalkan, kalau ada pun dibatalkan, mesti digantikan. Dan biasanya kita pastikan bukan sahaja keluasannya padan, nilainya pun padan. Dan biasanya kita tidak ganti Rizab Melayu ini di bandar dengan di hutan. Dan kita pastikan bahawa dia tidak juga di kawasan yang tak jauh daripada situ. Jadi Dato' Speaker, dalam ingatan saya kalau ada pembatalan, maka dia ada gantinya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Kahang membangkitkan tentang masyarakat India di kawasan beliau. Mengenai permohonan tanah, termasuk permohonan penempatan secara berkelompok dan pertanian berkelompok.

Untuk makluman bahawa di kawasan Ahli Yang Berhormat ada masyarakat India, dalam rekod yang saya terima di sini bahawa ada permohonan-permohonan langsung yang dibuat oleh keluarga daripada masyarakat Kahang, di kalangan orang-orang India yang mohon. Angka di sini adalah 23 kesemuanya telah pun buat permohonan dan kerajaan telah membuat permohonan di Pejabat Tanah bagi tujuan pertanian dan bangunan yang masih dalam proses untuk dipertimbangkan. Itu secara terperincinya Dato' Speaker.

Jadi jika sekiranya ada cadangan untuk penempatan secara berkelompok, pertanian secara berkelompok, maka Dato' Speaker, kita perlu melihat kesesuaian tanah yang sama ada kadang-kadang ada idea-idea ini tetapi dia termasuk dalam kawasan di mana dia merupakan rizab hutan, kadang-kadang ada tanah yang mungkin tidak sesuai, berpaya dan sebagainya, tetapi tak bolehlah masuk tanah orang, untuk

kerajaan ambil alih untuk tujuan projek pertanian berkelompok ini. Jadi sebenarnya Kerajaan Negeri terbuka kalau ada kawasan-kawasan yang sesuai untuk permohonan daripada mana-mana masyarakat sekali pun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita di peringkat Kerajaan Negeri bermesyuarat setiap minggu di peringkat Hasil Bumi, melihat seberapa banyak permohonan daripada rakyat Negeri Johor ini. Jadi permohonan yang dikatakan permohonan berasingan khususnya di kawasan-kawasan dipanggil kawasan kocek, kalau tak salah saya, itu sentiasa tiba untuk dipertimbangkan. Tetapi ada juga kawasan-kawasan yang besar yang diumumkan oleh kerajaan untuk permohonan.

Seterusnya Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Pulai Sebatang membangkitkan tentang kerosakan rumah-rumah setinggan di kawasan Pontian Besar dan Sri Dungun.

Kerajaan maklum tentang perkara ini dan kerajaan sebenarnya, Pejabat Tanah Pontian telah mengenal pasti tiga plot tanah yang dikatakan sesuai untuk seluas lebih kurang 42 hektar dekat 104 ekar, untuk dicadangkan dijadikan kawasan penempatan penduduk yang terlibat dengan bencana ini Dato' Speaker, walaupun begitu, saya ingin memaklumkan bahawa tanah yang dicadangkan oleh pihak Pejabat Tanah Pontian ini merupakan tanah hak milik orang Dato' Speaker, maka perlu kepada langkah untuk pengambilan tanah. Jadi, itu pun memerlukan satu perancangan yang rapi, yang bermula dengan perlu kita membayar terlebih dahulu kawasan tersebut untuk tujuan penempatan.

Yang Berhormat daripada Skudai membangkitkan tentang pelaburan asing yang datangnya sama ada di Sabah, Selangor, Johor, Pulau Pinang dan sebagainya. Saya pun sejak kebelakangan ini rasa saya pun tak komen banyak Dato' Speaker, saya pun hairan kenapa nak, sejak kebelakangan ini nak banding-banding antara negeri dalam kempen seperti di Tenang, beria-ia mengatakan bahawa agaknya negeri sebelah utara lebih baik, Negeri Selangor lebih baik daripada Johor, sampaikan ada pihak mengatakan apabila tak menang dalam pilihan raya, orang Islam Johor tak sokong. Walaupun ada sekolah agama, dia kata orang Johor ni jahiliah.

Jadi Dato' Speaker, termasuklah di antara, di antara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Skudai, membanding-bandingkan antara negeri termasuk dalam bidang pelaburan dan mengingatkan saya, ada pihak di sebelah utara pergi ke Singapura mengatakan bahawa Johor tak sesuai untuk pelaburan kerana dikatakan banyak jenayah gitu ya, sampai tahap tu sekali.

Jadi Dato' Speaker, sebenarnya kita sebut tentang tahap pelaburan di Negeri Johor ini bukan kita nak mendabik dada mengatakan kita lebih baik, tidak, sekadar fakta, itu sahaja Dato' Speaker. Dan fakta dari segi perangkaan dibuktikan pula dengan pelaburan yang dibuat secara langsung Dato' Speaker, yang dapat dilihat dengan mata kasar sekali pun, daripada misalnya RM84 bilion yang disebut di Iskandar Malaysia, tidak kurang dekat-dekat 40% sudah pun ada di atas tanah, *on the ground*. Ada pun dah siap dah, Dato' Speaker. Jadi Ahli Yang Berhormat boleh berulang alik sejak seminggu dua ini, boleh saksikan antara apa yang telah pun dilaksanakan untuk digunakan dan sejak kebelakangan ini Dato' Speaker, ingin saya maklumkan kepada

Dewan yang mulia ini bahawa, dari segi *momentum*, dengan izin, nampaknya makin kuat untuk pelaburan terus sampai ke Iskandar Malaysia dan agak fenomena yang terbaru, sekarang ini bukan sahaja daripada luar negara, tetapi juga daripada dalam negara sendiri yang dulunya mungkin melihat bahawa Iskandar Malaysia ni, dulu Dato' Speaker, satu kaki persegi tanah kita tawarkan beberapa ringgit, dia datang dengan RM0.70, jadi sekarang dia datang juga walaupun harga tanah dah meningkat kepada puluh-puluh ringgit atau ratus ringgit kaki persegi. Jadi, alhamdulillah bukan sahaja daripada luar negara daripada dalam negara sendiri pun sampai ke Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat juga sepatutnya maklum, bahawa kalau kita nak ambil perangkaan kita tak ambil secara tahun-tahun tertentu. Suku tahun yang tertentu, kalau kita lihat pun dari segi sejarahnya ataupun rekodnya di Malaysia ini memang betul Dato' Speaker, bahawa pelaburan di Malaysia ini di antara negeri-negeri yang sentiasa pada paras yang tinggi menerima pelaburan di antaranya *of course*, Johor, Selangor dan Pulau Pinang, betul. Dato' Speaker, itu sebab saya katakan tadi bahawa di mana dunia sekali pun, ada dalam kawasan-kawasan tertentu di rantau ataupun dalam sesebuah negeri, negara pun, maka Klang Valley menjadi tempat dan kita ingat dulu masa kepimpinan Dato' Dr. Lim Chong Eu, dia mempunyai idea yang terbaik menjadikan Pulau Pinang sebagai *The Valley of ICT*, itu sebabnya banyak syarikat-syarikat daripada luar negara memilih Pulau Pinang untuk melabur dalam bidang ICT di Pulau Pinang, di Bayan lepas Dato' Speaker, itu idea yang paling bernas yang telah dibuat oleh Lim Chong Eu, Tun Lim Chong Eu. Jadi, Dato' Speaker, *of course* memangnya di Klang, di Lembah Klang memang tempat pelaburan. Dato' Speaker, kita ingat dulu anak-anak saudara kita pun berhijrah merata-rata ke Klang dan termasuk di Johor ini, di Larkin ke di mana agaknya. Ya, saya di Johor masa itu saya tak faham sangat. Saya tak sampai ke Johor Bahru lagi. Masa saya kecil ke, masa saya muda ke. Dah tua ni baru ada di Johor Bahru ni. (Ketawa).

**Y.B. Dato' Speaker :** Belum lagi.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi, oleh itu, saya percaya bahawa usaha untuk membawa pelaburan ke negara kita ni di buat oleh pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Dato' Speaker dan dia, dia membawa pelaburan untuk seluruh negara. Dan kita lihat bahawa bila ada pelaburan, ada pertumbuhan, ada peluang, kita lihat orang Pulau Pinang pun datang bekerja di sini, Dato' Speaker. Orang Selangor pun, orang Ipoh pun datang termasuk orang Sabah dan Sarawak Dato' Speaker. Kalau ada pun orang Johor, kalau ada pelaburan di Pulau Pinang, ada pergilah kerja di situ.

Jadi, Dato' Speaker, oleh itu, saya ingin menegaskan di sini bahawa Johor di antara kawasan yang terus menerima pelaburan di peringkat dunia dan juga tempatan dan kelebihan yang ada pada kita ialah pelaburan itu berbagai, Dato' Speaker. Kalau Pulau Pinang dia terhad kepada agaknya hotel ataupun ICT ataupun elektronik tapi di Johor, Dato' Speaker, dia termasuk dalam hal-hal, dalam bidang-bidang berbagai tak kira sama ada *manufacturing* ataupun pendidikan, bioteknologi, pelancongan, perubatan, ini berlaku di Iskandar Malaysia sekarang ni.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Pekan Nenas membangkitkan tentang menyegerakan projek pembinaan semula balai raya di Kampung Medan Sari, Mukim Rimba Terjun yang lama diluluskan, dah usang. Oklah, ini merupakan projek kecil yang memerlukan penyelenggaraan termasuk di antaranya contoh-contoh balai raya, surau, jalan kampung dan Dato' Speaker, di bawah Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) Tahun 2012 jumlah RM30,000.00 peruntukan telah diluluskan bagi kerja-kerja membaik pulih balai raya Kampung Melayu Jaya, Kampung Maju Jaya. Dan RM20,000.00 telah diluluskan bagi menaik taraf Masjid Kampung Maju Jaya dan meningkatkan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam di Kampung Medan Sari, Mukim Rimba Terjun, jumlah RM150,000.00 bagi pembinaan baru Surau Kampung Sari, Kampung Medan Sari, Mukim Rimba Terjun di bawah program sama untuk dilaksanakan pada tahun ini. Jadi, Yang Berhormat daripada Pekan Nenas, saya maklumkan bahawa ada peruntukan-peruntukan melalui PIA untuk tujuan-tujuan penyelenggaraan dan pembinaan.

Yang Berhormat daripada Nusajaya merujuk tentang soal pekerja asing di setengah kawasan yang menghadapi pembangunan terutamanya di beberapa kawasan pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia yang membimbangkan kerana lambakan pekerja asing. Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa pihak IRDA sentiasa berusaha untuk mewujudkan suasana yang kondusif dalam pembangunan Iskandar Malaysia yang mana pembangunan di laksana adalah untuk manfaat dan dinikmati oleh rakyat. Oleh itu, mengambil maklum kemasukan tenaga kerja asing yang ramai bagi memenuhi keperluan projek-projek pembangunan yang perlu disiapkan mengikut tempoh perancangan. Oleh itu, usaha-usaha menangani kemasukan pekerja asing ini telah pun dilaksanakan menerusi antaranya pembentukan garis panduan penempatan pekerja asing di Iskandar Malaysia. Garis panduan ini di antara lain menitikberatkan kemudahan lebih selesa untuk pekerja asing di kawasan yang dikhaskan. Garis panduan ini telah pun dipakai di peringkat negeri. Ingin dimaklumkan bahawa Dewan yang mulia ini, garis panduan ini adalah yang pertama yang dilaksanakan walaupun di peringkat negara.

Saya ingin maklumkan bahawa menerusi garis panduan ini, Iskandar Malaysia telah mengambil inisiatif awal mewujudkan penempatan pekerja asing secara berpusat di kawasan khas membabitkan pembangunan yang besar dari segi saiz dan nilainya seperti di Nusajaya dan Pasir Gudang. Jadi, dah ada kalau Yang Berhormat nak, Yang Berhormat sendiri bawa saya melihat projek tersebut. Tapi, oleh kerana lokasinya agak terasing mungkin pekerja-pekerja asing atau di tempat lain tak dapat tinggal di situ kerana jauh untuk berulang. Tapi, itu adalah sesuai untuk di, khususnya di Nusajaya. Dah ada macam hostel khas untuk mereka.

Walau begitu, saya sama-sama maklum, saya melawat ke kawasan-kawasan di peringkat tempatan di mana kita melihat pekerja-pekerja asing menyewa rumah-rumah pada bilangan yang begitu ramai dalam satu-satu unit rumah. Sehingga ada yang maklumkan pada kita bahawa dia bergilir juga menggunakan katil untuk dia tidur. Jadi, ada di antaranya yang juga kelakunya yang tidak sesuai dengan masyarakat tempatan. Kadang-kadang dia bersidai dekat pintu dengan pakaian yang tak lengkap dan sebagainya. Jadi, kadang-kadang mandi di halaman, di

halaman terbuka hingga dapat ditonton oleh masyarakat tempatan. Jadi, ini di antara rintihan yang berlaku di peringkat tempatan di sana sini.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sedar tentang perkara ini kerana walaupun begitu kita dapat pekerja asing yang ditempatkan secara berselerak di kawasan-kawasan perumahan oleh pihak majikan. Usaha-usaha yang sedia ada akan terus di perkasa untuk menggalakkan majikan membawa masuk pekerja asing supaya menggunakan kemudahan penempatan khas yang disediakan di sesuatu kawasan. Jadi, kadang-kadang kita pergi ke Dubai sebagai contoh, sebenarnya memang, memang berkesanlah bila dia menempatkan pekerja asing di kawasan yang khas, tidak berselerak seperti di negara kita ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Machap membangkitkan tentang pembangunan Wilayah Iskandar yang dikatakan mempunyai dana sosial, jumlah yang terkumpul dan apa yang telah digunakan daripada sumber ini. Kumpulan Wang Projek Sosial adalah merupakan sumbangan daripada pelabur di Medini, Iskandar Malaysia hasil daripada inisiatif, daripada insentif, maaf. Dan pengecualian yang diberikan oleh kerajaan bagi pembangunan kawasan ini. Hingga kini, Kumpulan Wang Projek Sosial telah menerima sumbangan berjumlah RM50 juta daripada Iskandar Investment Berhad selaku *Master Developer* untuk pembangunan kawasan Medini sebagai sumbangan secara *one-off*, dengan izin. IIB juga telah memberi komitmen untuk sumbangan kira-kira sejumlah RM25 juta lagi.

Penggunaan Kumpulan Wang Projek Sosial ini adalah tertakluk kepada Peruntukan di bawah Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007, Seksyen 37(3). Akta tersebut menyatakan ianya boleh dibelanjakan bagi projek atau skim bagi manfaat dan atau am bagi manfaat am komuniti Iskandar Malaysia dengan syarat ianya selaras dengan strategi dan inisiatif pembangunan sosial yang dinyatakan dalam Rancangan Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia. Projek dan program yang telah dibiayai oleh Kumpulan Wang Projek Sosial ini diluluskan oleh pihak Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Johor sebelum ianya dibentangkan dengan lebih terperinci kepada Jawatankuasa Kumpulan Wang Projek Sosial untuk kelulusan peruntukan.

Antara program yang telah pun dilaksanakan di bawah K*ey Result Area* ialah untuk peningkatan sosioekonomi, integrasi kaum dan peningkatan kualiti hidup. Contoh-contoh program yang diberi keutamaan adalah Program Pembangunan Modal Insan, peningkatan kualiti tempat tinggal ataupun perumahan. Hingga kini, Program Pembangunan Modal Insan yang telah dijalankan menggunakan Kumpulan Wang ialah Program Motivasi, *Mindset Change*, dengan izin dan Program Pendedahan Kerjaya untuk pelajar sekolah rendah dan menengah, Program Pembangunan Kepimpinan untuk Majlis Pemimpin Muda Johor ataupun *Johor Student Leaders Council,* untuk digunakan untuk projek membaiki, juga wang ini digunakan untuk membaiki dan mengecat semula flat kos rendah di Taman Larkin Perdana, Taman Cempaka, Taman Melor dan Taman Cendana menggunakan kaedah latihan bersama CIDB iaitu Program Belia Tempatan Mahir sejumlah kira-kira 20,000 penduduk Iskandar Malaysia telah mendapat faedah secara terus daripada program-program yang telah dijalankan setakat ini.

Yang Berhormat daripada juga Tanjung Surat merujuk tentang kedudukan Tanjung Belungkor yang menjadi pintu masuk di Selatan Negeri Johor. Adakah Lembaga Pelabuhan Johor tak minat lagi untuk memperkenalkan Tanjung Belungkor ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, Terminal Feri Tanjung Belungkor dibangunkan bermula pada tahun 1991 dan mula beroperasi 1993 oleh Kerajaan Persekutuan. Cadangan asal terminal ini adalah di lokasi Kampung Belungkor di tebing sungai Kampung Belungkor dengan reka bentuk asas yang ringkas. Kajian dijalankan oleh pihak Kementerian Pelancongan, didapati bahawa terminal feri ini haruslah dibina dengan lengkap dan menarik perhatian. Maka, terminal ini di pindahkan ke tepi laut. Ini menyebabkan kerajaan terpaksa menambak tanah seluas 7 ekar serta menampung kos pembinaan jalan raya nak menghubungkannya sepanjang 1.5 kilometer.

Oleh sebab cadangan untuk menarik pelancong daripada Singapura untuk datang ke Desaru, maka reka bentuk terminal dibuat begitu canggih untuk membawa masuk feri-feri yang boleh membawa muatan kenderaan ke terminal ini. Reka bentuk ini adalah dengan peralatan mekanikal dan pembinaan jeti yang terkini. Dengan reka bentuk tersebut, sebuah terminal feri yang mempunyai kelengkapan dan kemudahan yang sama juga dibina di Changi, Singapura. Kerajaan juga telah menambak tanah di kawasan Changi seluas 7 ekar dengan tempoh pajakan 30 tahun dengan Pemerintah Singapura. Kerajaan Malaysia pada peringkat cadangannya melihat Lembaga Pelabuhan Johor, agensi yang paling sesuai untuk menguruskan perkhidmatan feri Tanjung Belungkor dan Changi. Sebuah feri R*oll On - Roll Off* telah dibina oleh Ferylink bagi menjalankan operasi feri antara dua destinasi tersebut. Setelah beroperasi selamat hampir 10 tahun, syarikat tidak pernah menunjukkan prestasi yang memuaskan disebabkan kurangnya pelancong yang menggunakan perkhidmatan ini dan sebaliknya kos operasi pula semakin meningkat.

Selepas 2003, perkhidmatan feri R*oll On - Roll Off* telah diberhentikan dan diteruskan dengan operasi feri penumpang oleh syarikat kumpulan *Starcruise*, namun ia masih tidak menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Dan syarikat *Starcruise* memberhentikan perkhidmatan feri dan Lembaga Pelabuhan telah memilih syarikat Jaws Ferry tetapi syarikat ini hanya bertahan selama 4 bulan saja. Maka, Lembaga Pelabuhan telah menjalankan pelbagai usaha untuk menarik lebih ramai pelancong untuk menggunakan feri terminal ini. Antaranya mengadakan promosi melalui media cetak di Singapura, menyertai pameran promosi pelancongan Singapura, mengadakan karnival sama ada di terminal ataupun di Changi di sana. Seterusnya, bekerjasama dengan pengusaha pelancongan di kawasan Desaru termasuk hotel, *resort*, syarikat pelancongan dengan mengadakan perbincangan dan kunjung hormat ke Singapura, Batam dan juga Tanjung Pinang.

Walau bagaimanapun, usaha ini tidak menampakkan kesan peningkatan berbanding dengan perbelanjaan promosi tersebut antara punca dikenal pasti menjadi penyebab usaha ini tidak memberi kesan ialah lokasi terminal yang terpencil kira-kira 25 kilometer daripada kawasan Desaru. Tiada tarikan pelancong yang dapat memberi impak kepada pelancong di sekitar Tanjung Belungkor dan Desaru sendiri. Pada masa ini terdapat pelancong bermain golf dan pekerja yang menggunakan pengangkutan ini

tetapi jumlahnya adalah kecil ditambah pula dengan kemudahan jalan raya, lebuh raya yang semakin baik, pelancong lebih gemar memandu melalui jalan raya.

Memandangkan usaha yang berterusan tidak menampakkan kesan positif maka Lembaga Pelabuhan mempelbagaikan usaha menampung kos operasi di terminal tersebut hingga menjadikan terminal tersebut sebagai pusat pembekalan air bersih ke kapal-kapal, menjalankan aktiviti pembekalan bahan pembakar ke kapal-kapal, menjadikan terminal sebagai pusat untuk menjalankan aktiviti pengendalian kargo terhad.

Oleh kerana Lembaga Pelabuhan adalah sebuah badan kawal selia pelabuhan feri dan pelancongan, aktiviti untuk mengembangkan operasi tidak dapat disempurnakan dengan lancar, maka Lembaga telah mengambil keputusan untuk menswastakan operasi terminal kepada sebuah syarikat bernama *Marine Island Venture Capital*. Dan perjanjian antara lembaga dengan pihak syarikat, telah pun di tandatangani pada 15 Jun 2012. Diharapkan bahawa syarikat ini akan mengendalikan dan menjalankan kerja-kerja kegiatan aktiviti promosi pelancongan dan pelabuhan yang dibenarkan di terminal tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkaitan dengan soal keselamatan daripada Mengkibol, tentang soal jenayah yang dikatakan telah diturunkan tetapi masih lagi meragukan di kalangan masyarakat. Maka berbangkit masalah, bahawa perbezaan di antara penurunan paras jenayah dan persepsi yang bertahan kepada jenayah masih lagi merupakan masalah besar dalam masyarakat kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan jenayah indeks Negeri Johor, mulai 1 Januari hingga 18 Jun 2012, mencatatkan sebanyak 8,924 kes berbanding dengan 9,855 kes dalam tempoh yang sama tahun 2011. Menunjukkan bahawa Polis Kontinjen Johor telah berjaya menurunkan kadar jenayah indeks sebanyak 931 jenayah, kes jenayah ataupun bersamaan dengan 9.45%. Bagi statistik jenayah jalanan, Kontinjen Johor bagi tempoh 1 Januari hingga 18 Jun 2012, berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2011, menunjukkan penurunan sebanyak 276 kes bersamaan dengan 18.18%. Berkurangan sebanyak 18%. Statistik jenayah indeks bagi Wilayah Iskandar Malaysia pula, bagi tempoh 1 Januari hingga 18 Jun 2012, berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2011, mencatatkan penurunan jenayah indeks sebanyak 737 kes bersamaan dengan 10.6% berkurangan.

Dan bagi kawasan seluruh Negeri Johor, seperti yang telah di daftarkan di NKRA, Kementerian Dalam Negeri, terdapat 15 kawasan *hot spot* yang menjadi tumpuan pihak polis dalam menangani isu-isu yang meliputi kes-kes seperti kecurian motosikal, kereta-kereta yang diletakkan di kawasan perumahan yang dikatakan ada yang hilang dan kes-kes pecah rumah siang hari, semasa ketiadaan tuan rumah. Walaupun kes-kes seperti ini tidak ketara, pihak Polis masih lagi menjalankan rondaan, siang dan malam di kawasan-kawasan *hot spot* dan kawasan-kawasan bukan *hot spot*.

Rondaan berbentuk seperti penggunaan kereta peronda Polis, siang dan malam, rondaan 1Malaysia, rondaan oleh pasukan bermotosikal, Polis "Helang", yang

memberikan tumpuan terhadap mengejar, menangkap peragut-peragut, rondaan detektif, anggota tidak berpakaian seragam Polis, mengawasi dan menangkap penjenayah, kehadiran Polis berbentuk berjalan kaki, kehadiran Polis di Pondok Bit Polis, rondaan berkala Pegawai Kanan Polis bersama kereta peronda dan menempatkan Balai Polis bergerak yang menjadi tumpuan orang ramai berada pada hujung minggu di pasar raya, di pasar malam dan di tempat-tempat riadah.

Walaupun angka indeks jenayah menurun, berbanding dengan tahun lepas, usaha-usaha diteruskan untuk mencari penjenayah, pembuktian dan membawa mereka kepada pengadilan dan PDRM Johor akan terus menurunkan lagi kadar jenayah pada tahun ini dan tahun hadapan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itulah sebenarnya suasananya sempena dengan *The Blue Ocean Approach* yang diambil oleh Kerajaan Malaysia antara Kementerian Dalam Negeri dan juga pihak Kementerian Pertahanan, maka, ada kesannya rata-rata di seluruh Negara. Walau begitu, kita maklum bahawa persepsi masih lagi belum berubah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Panti, daripada Penawar, daripada Skudai, membangkitkan tentang soal RAPID di Pengerang. Saya menjawab mereka secara bersama Dato' Speaker. Untuk makluman pada Dewan yang mulia ini, rancangan membangunkan industri minyak dan gas, telah dibuat dengan teliti dan menyeluruh dengan melibatkan pandangan daripada semua pihak termasuk Jabatan Kerajaan, masyarakat tempatan dan industri, termasuk pelabur. Antara yang diberikan perhatian serius adalah isu-isu penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat dengan projek ini. Untuk makluman, bahawa kita telah pun berusaha ke arah untuk melaksanakan penempatan dan pemindahan ini. Dengan beberapa langkah, perbincangan, mesyuarat, membawa bersama semua pihak yang terlibat.

Untuk makluman, yang agak lebih terperinci mengenai proses pengambilan tanah kawasan yang terlibat. Kawasan penempatan semula penduduk, penempatan semula kemudahan-kemudahan awam seperti sekolah, klinik, balai polis, peluang-peluang pekerjaan dan juga masjid, surau, kuil, tokong dan sebagainya, telah ada dipaparkan di Pusat Informasi Setempat Pengerang, yang dibuka setiap hari kecuali hari Isnin. Penduduk boleh mendapatkan maklumat dan bertanyakan soalan-soalan dan alhamdulillah, nampaknya sempena dengan pusat informasi tersebut, ramai kita menerima kunjungan daripada masyarakat yang terlibat, untuk mendapatkan maklumat yang terkini.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Kerajaan Negeri belum lagi membuat apa-apa bayaran ataupun pengumuman mengenai bayaran pampasan tanah, kerana Dato' speaker, urusan pengambilan balik tanah yang terlibat masih lagi di peringkat awal di mana Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960, belum lagi diwartakan. Jadi Dato' Speaker, dalam bab pengambilan tanah ini, kita pun banyak pengalaman. Misalnya Nusajaya sendiri, terlibat dulu pada tahun-tahun tak salah saya tahun 19, awal 1990-an. Dekat-dekat 30,000 ekar Dato' Speaker. Maka ada peraturan dalam Akta Kanun dalam Kanun Tanah Negara kita ini, yang diamalkan di Negeri Johor ini, perlu kepada

diedarkan apa dia panggil Borang 4, kalau tak salah saya. Borang 4 untuk dimaklumkan bahawa, urusan untuk tujuan pembangunan di kawasan tersebut. Maka, perlu disusuli dengan satu lagi edaran yang dipanggil Borang 8, untuk proses apa dia panggil Bicara, kalau tak salah saya. Istilah ini Bicara. Bicara, di mana Yang Berhormat Dato' Speaker, akan ada, kalau tak salah saya, saya dimaklumkan oleh Pejabat Tanah ada 4 Kanun terdiri daripada Pegawai-Pegawai Tanah di Negeri Johor ini, akan duduk. Akan berdepan dengan setiap pemilik harta di situ untuk apa dia panggil, bicara tentang soal tanah dia, tentang soal rumah dia dan sebagainya. Insya-Allah, dalam beberapa minggu ini akan diedarkan, dia kata Borang 8, untuk proses tersebut.

**Y.B. Dato' Speaker :** Em...

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Jadi saya harap, bila ini berlaku, maka nilai pampasan, bayaran pampasan akan dilaksanakan dalam tempoh tak berapa hari pada masa perbicaraan tersebut. Jadi, ini adalah berdasarkan Dato' Speaker, bila saya kata kita gunakan apa yang diperuntukkan oleh Undang-Undang Tanah di Malaysia ini ialah satu, ada dalam Seksyen 3 Dato' Speaker, dalam Kanun Tanah Negara, yang mengatakan bahawa, "boleh diambil tanah untuk tujuan pembangunan". Sebelum itu Dato' Speaker, diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara, boleh diambil tanah untuk kegunaan awam. Enakmen Tanah. Akta Pengambilan Balik Tanah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Untuk pembangunan..

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Di mana saya masa tu, masih lagi di Parlimen Malaysia, maka Kerajaan Malaysia membawa satu Undang-Undang Pindaan untuk kata boleh ambil tanah untuk tujuan pembangunan, industri dan sebagainya.

Dato' Speaker, maka inilah undang-undang yang ada yang kita patuh. Sementara itu pula Dato' Speaker, dalam hal pampasan ini, maka juga sebut hitam putih, perlu kepada penilaian secara rasmi berdasarkan kepada nilai-nilai., nilai pasaran Dato' Speaker. Jadi, tanah-tanah ini ada di tepi jalan, ada jauh daripada tepi jalan, ada di kampung. Walaupun begitu, maka dia tertakluk kepada apa yang diperuntukkan dalam undang-undang, maka ada diperuntukkan, berdasarkan kepada nilai pasaran yang dia buat secara rasmi. Hinggalah Dato' Speaker, ada peruntukan, kalau ada di antara pemilik tanah tadi, tak, tidak bersetuju juga maka tidak puas hati, maka kita ada banyak pengalaman boleh dirujuk kepada Mahkamah untuk dipertimbangkan oleh Mahkamah.

Jadi Dato' Speaker, jadi ini, itu sebab saya katakan tadi bahawa kita mengikuti peruntukan undang-undang, mengikuti dari segi prosedur yang ditentukan dalam hal ini, jadi Dato' Speaker, walaupun begitu, saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa 2 kawasan penempatan semula telah pun dikenal pasti, untuk menempatkan penduduk di Pengerang yang terlibat dalam pengambilan tanah bagi tujuan pembangunan minyak dan gas.

Penempatan semula penduduk untuk fasa pertama, yang terlibat dengan projek Petronas dan Dialog akan dibuat di atas lot PTD 4589 dan PTD 4590 Mukim Pantai Timur, Pengerang, luasnya 387 ekar. Di mana di kawasan ini, sedang pun kerja bermula,

bermula untuk memuatkan lebih kurang 1,000 unit rumah. Lengkap dengan semua kemudahan tak kira sama ada api, air, kumbahan, kemudahan awam, sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, surau, masjid, rumah ibadat bukan Islam, taman permainan, padang, klinik, balai polis, rumah kedai dan sebagainya. Dan kawasan ini dijangka akan mula diduduki pada bulan Mac 2013. Bulan Mac. Insya-Allah. Makna, Perdana Menteri pun dah sampai, dah tengok rumah contoh, maka, kerja dah pun mula dan kita harap kita dapat bina tak kurang 1,000 unit untuk menempatkan 1,000 keluarga.

Manakala penempatan semula penduduk untuk Fasa ke-2, bagi kawasan pembangunan minyak dan gas yang seterusnya akan dibuat di kawasan Punggai, yang berkeluasan 770 ekar. Konsep penempatan semula yang dibuat ialah dengan mengekalkan kembali kejiranan perkampungan yang sedia ada di kawasan penempatan baru ini. Ini bermakna penduduk di kampung tersebut, masih tinggal bersama-sama, mengekalkan nama kampung asal dan mengekalkan ketua-ketua kampung sedia ada, bagi memastikan penduduk berasa lebih selesa dengan perjiranan di penempatan baru dan mengekalkan kampung tradisi sedia ada.

Jadi, di kata orang putih pun, berpindah *locks stock and barrel* berpindah secara bersama-sama. Jadi kampung asal itu, di kawasan penempatan semula, kampung tu pun dinamakan kampung dia.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh… *fair and square*.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Ketua Kampung pun kekal.

**Y.B. Dato' Speaker :** Em..

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Untuk makluman, setiap satu tapak rumah berkeluasan 6,000 kaki persegi. Tapak rumah yang dia dapat tu 6,000 kaki persegi. Kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat tinggal di Johor Bahru, saya ingat 6,000 kaki, 7,000 kaki persegi kira luas jugalah. Dengan bayaran nominal RM1.00. Tapak rumah boleh katakan percuma. Dan akan, kerajaan akan membina 3 jenis rumah gantian di kawasan penempatan semula penduduk. Rumah-rumah ini berkeluasan 1,000 kaki persegi dengan harga RM65,000.00. 1,300 kaki persegi, dengan harga RM85,000.00 dan 1,600 kaki persegi dengan harga RM105,000.00. Oleh yang demikian, penduduk mempunyai pilihan untuk memilih keluasan rumah yang mereka kehendaki, berdasarkan kepada kemampuan masing-masing. Jadi, itu di antara Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Em..

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Selain daripada beberapa lagi perkara, yang Kerajaan Negeri sudah pun bersetuju untuk kurniakan kepada penduduk di situ termasuk, elok saya umumkan di sini bahawa, mereka yang ada tanah akan juga dikurniakan 2 ekar tanah. Kerajaan telah kenal pasti, kita nak pastikan bahawa…

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, biar MB jawablah, tak payah ganggu.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Jadi, selain daripada dia, tanah dia, kerajaan beri pampasan maka kerajaan pulak, mereka yang ada tanah kerajaan kurnia pulak 2 ekar di tempat lain. Ini untuk penduduk di situ yang ada tanah tapi kalau penduduk situ ada 20 ekar, tak terdayalah kita nak beri 20 ekar, kita beri 2 ekarlah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai nelayan setakat ini, hanya bayaran dalam bentuk sagu hati telah dibayar atas dasar terjejasnya mata pencarian pihak nelayan. Maka isu nelayan sebenarnya diberi perhatian khusus oleh pihak kerajaan di mana seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di mana pelbagai perancangan dan bantuan sama ada untuk membantu secara pendek, jangka pendek dan jangka panjang telah diatur bagi membantu pihak nelayan. Di antara inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan adalah menyediakan Pusat Perikanan Baru di Sungai Musoh. Pusat ini bakal menyediakan kemudahan yang lebih besar dan lebih baik untuk nelayan-nelayan di Pengerang. Kerajaan juga akan menyediakan program latihan untuk menaikkan taraf kemampuan nelayan pesisir pantai kepada nelayan laut tengah dan laut dalam.

Bantuan juga akan diberikan untuk menaik taraf bot dan enjin bot agar berupaya untuk pergi ke kawasan bukan sahaja di pesisiran tetapi mungkin di laut tengah dan kalau ada untuk sampai ke laut dalam untuk menangkap ikan. Sementara itu, kerajaan akan juga memberi peluang untuk melatih semula nelayan, untuk meningkatkan taraf hidup dengan memberi peluang menceburi sektor perindustrian yang menjanjikan pulangan yang daripada sumber gaji.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa pembangunan di Pengerang ini sebenarnya memberi peluang yang berbagai kepada kita semua, termasuk penduduk di Pengerang dengan impak seperti, limpahan bukan sahaja dalam bentuk peluang pekerjaan tetapi yang berbagai, bukan sahaja di sektor tersebut tetapi saya dah sebut, dengan adanya pertambahan penduduk di situ maka, lebih berbagailah kegiatan-kegiatan, apa peluang, kegiatan-kegiatan perniagaan dan sebagainya termasuk peluang-peluang yang lebih berbagai.

Dato' Speaker, kita juga sedang…

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Dato' Speaker…

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat?

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Cuma nak tanya sikit tentang itu, macam mana dengan tentang sekolah-sekolah…

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, dia jawablah, itu tak ada…

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Sekolah-sekolah, saya dah sebutkan semua infrastruktur, sekolah pun kita pindah.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Tempat ibadat dan tapak perkuburan macam mana?

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Ya, ya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat. Berilah MB jawab, dia tak habis lagi. Yang Berhormat tak boleh ganggulah.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Jadi Dato' Speaker, kita ni bicara tentang industri minyak dan gas. Jadi oleh itu kita ada, ada unsur keselamatan yang agak begitu ketat, Dato' Speaker. Di antaranya ialah, yang berkaitan dengan soal alam sekitar, yang berkaitan dengan soal pembakaran dan sebagainya. Jadi Dato' Speaker, ini soal minyak, ini soal gas, Dato' Speaker.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kita nak pastikan bahawa kita akan laksanakan secara yang terbaik sama ada, dari segi apa yang diperuntukkan oleh undang-undang ataupun yang diperuntuk, yang dituntut oleh agama, ataupun yang dituntut dari segi adat.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita, kita nak pindahkan kubur orang Islam sebagai contoh, maka kita perlu menepati dengan apa yang dituntut dari segi agama, dari segi prosedurnya dan juga dari segi amalan adatnya termasuk juga kalau itu perpindahan juga berlaku untuk kubur-kubur bukan orang Islam. *So*, kita akan penuhi secara yang paling terbaik.

Dato' Speaker, di Johor ini sahaja Dato' Speaker, dah pun berlaku perpindahan walaupun kubur, Dato' Speaker di Pendas, bahkan di Malaysia. Jadi, walaupun ada satu contoh, saya dimaklumkan di *Mid Valley* ada satu kuil, tak berpindah-pindah juga. Jadi nak pindahkan, sama ada traktor terbalik ke, katanya gitulah. Jadi akhirnya, adalah situ sampai sekarang, katanyalah.

Jadi Dato' Speaker, oleh itu saya ingin menegaskan di sini bahawa, bahawa kita akan melaksanakan projek ini seperti saya katakan tadi, menepati dengan peruntukan undang-undang, kita juga memastikan bahawa dari segi tuntutan agama juga melibatkan hal-hal yang berkaitan dengan sama ada masjid ke, surau ke, kubur ke, dan juga Dato' Speaker, kita menghormati tentang amalan, budaya yang ada dalam masyarakat kita di mana ianya terbabit dalam hal perpindahan ini. Dan, jadi, alhamdulillah saya boleh katakan bahawa saya harap saya tidak salah di sini, saya yakin bahawa penerimaan masyarakat tempatan adalah baik. Masyarakat yang terlibat secara langsung, baik. Menerima tentang pembangunan projek ini di Pengerang, di kampung mereka dan juga menerima perpindahan, walaupun rata-rata menunggu tentang, bila, berapa dan sebagainya.

Seterusnya Dato' Speaker, dari segi pemeliharaan alam sekitar maka satu Penilaian Impak Alam Sekitar iaitu EIA, telah dijalankan untuk projek RAPID, sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan Kualiti Alam Sekeliling, aktiviti yang ditetapkan di mana Penilaian Kesan Alam Sekitar 1987. EIA ini Dato' Speaker, sedang dikaji oleh Jabatan Alam Sekitar, laporan EIA termasuk penilaian terperinci kesan menyeluruh mengenai kualiti udara dan air yang dijangka akan timbul akibat daripada projek RAPID. Pembangunan ini akan mematuhi semua Piawaian Negara dan

Antarabangsa yang ditetapkan. Oleh itu, kita yakin bahawa tidak timbul projek Pembangunan Minyak dan Gas di Pengerang akan menjejaskan alam sekitar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih, penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah pun bersama-sama bangun untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor. Terima kasih, Dato' Speaker. (Dewan bertepuk).

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah, supaya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor suatu Ucapan Menjunjung Kasih sebagaimana berikut : "Ampun Tuanku, adalah patik Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ni, mengambil ketetapan Menjunjung Setinggi-tinggi Kasih di Atas Perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-12".

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

**Jurutulis : PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN PERTAMA TAHUN 2012**.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri untuk menimbangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2012 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2012 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Tambahan Peruntukan Pembangunan ini merupakan tambahan yang pertama bagi tahun 2012. Tambahan Peruntukan Pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak RM1 juta di bawah satu Jawatankuasa berikut, Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM1 juta, di mana penjelasan lanjut bagi tambahan tahun tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa yang berkenaan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

**Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.**

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah, supaya peruntukan wang berjumlah RM1 juta bagi maksud P.53, Kerajaan Tempatan Negeri Johor dipersetujukan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.53, Kerajaan Tempatan Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta bagi menampung perbelanjaan kerja-kerja menaik taraf landskap di sepanjang Jalan Skudai, Jalan Tebrau dan Jalan Tun Abdul Razak, Johor Bahru.

**Y.B. Dato' Speaker :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan? Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2012, telah pun selesai dipertimbangkan maka saya membawa Rundingan supaya Ketetapan-Ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta merta kepada Dewan Negeri.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

**Dewan Negeri bersidang semula.**

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2012. Dari itu saya membawa Rundingan supaya Dewan ini bertujuan bahawa peruntukan wang berjumlah RM1 juta yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2012 itu, diluluskan oleh Dewan ini. Dan dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM1 juta hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Dalam Tahun Kewangan 2012 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

**Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2012) (NOMBOR 1) TAHUN 2012.**

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2012) (Nombor 1) Tahun 2012 dibaca Kali Yang Pertama.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan itu dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2012 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.**

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa Rundingan untuk Bacaan Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Rundang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap…

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Saya belum habis bercakap lagi, duduk dulu. Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara. Apa ni Yang Berhormat?

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Perbahasan di peringkat Jawatankuasa,

**Y.B. Dato' Speaker :** Belum, belum lagi, Yang Berhormat...

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Saya ada satu isu tentang...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, belum sampai, tunggu sampai Jawatankuasa.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Apalah, asyik langgar je Yang Berhormat ni.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Kalau saya tak silap, saya masih lagi merujuk kepada Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ya.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** ... masih lagi dalam suasana Dewan. Belum lagi saya merujuk kepada ...

**Y.B. Dato' Speaker :** Haah, takpalah dia kadang-kadang tidak berapa faham dan jelas...

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar : ...** belum masuk lagi para Yang Berhormat Dato' Pengerusi, begitu?

**Y.B. Dato' Speaker :** Ya.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang pertama bagi perbelanjaan bekalan tahun 2012. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM5,461,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 3 Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor, RM3,538,000.00;
2. Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM1,225,000.00;
3. Jawatankuasa Agama Negeri Johor, RM698,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Bolehkah Dato' Speaker saya...

**Y.B. Dato' Speaker :** Nanti Yang Berhormat tengok dulu lepas Rang Undang-Undang. Sabar Yang Berhormat, bertenang.

**Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2012 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.**

**Y.B. Dato' Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa**.

**Jurutulis : JADUAL.**

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan berjumlah RM600,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Menteri Besar dan RM292,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor,

Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Yang Berhormat hendak cakap apa?

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Cuma saya hendak sentuh di sini ialah pada kali, selama ini pada tahun 2011 terdapat sebanyak 4 kali, 4 kali Enakmen Perbekalan Tambahan...

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Yang Berhormat yang ini, peringkat ini, duduk sekejap, bagi saya cakap. Peringkat ini tidak boleh dibahaskan. Yang kalau hendak bahaskan, duit yang hendak dibelanja RM600,000.00 ini bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Menteri Besar Johor, itu sahaja Yang Berhormat boleh bincang. Kalau Yang Berhormat bangkit 4 kali tambahan, 5 kali tambahan, Yang Berhormat berucap dan sentuh dalam Persidangan Dewan yang biasa itu, Yang Berhormat semasa berucap Yang Berhormat boleh sentuh. Dulu ada tambahan banyak kali, banyak kali, kenapa hari ini. Yang dalam ini bila dibentangkan bajet, yang itu saja Yang Berhormat boleh bahas. Yang RM600,000.00 itu Yang Berhormat nak bahas apa? Yang RM600,000.00? Ya, Yang Berhormat boleh sentuh dalam masa mesyuarat Dewan yang biasa. Ha, apa dia?

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** RM117,000.00 di Pejabat Setiausaha, satu anggaran yang besar. Saya hendak minta penjelasan bagaimana ini perlu, sebab cuma satu tempoh tiga bulan sahaja. Sebelum ini kita sudah peruntukan berapa ribu...

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Yang Berhormat, dalam Yang Berhormat sentuh tu lah dah banyak. Apa dia? Yang Berhormat nanti tanya yang biasa sajalah. Tambahan peruntukan.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : ...** selalu dengar emolumen-emolumen selalu dengar. Kita tiada bukti-bukti sahih. Yang dibelanja semua juta-juta.

**Y.B. Dato' Speaker :** Emolumen itu gaji. Ada disebut masa dalam Jawatankuasa.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Setiap kali di sini, minta juta-juta.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Yang Berhormat, Pengerusi ada dibentangkan.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Dato' Speaker dia tak baca kertas mesyuarat dia tak baca. Kena baca tu...

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Sudahlah, Yang Berhormat pun duduklah.

**Y.B Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Yang Berhormat Dato' Speaker hantar dia pergi kursus.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Parit Yaani duduklah.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bila Kerajaan Negeri, berbalik kepada Dewan untuk tujuan Peruntukan Tambahan. Dato' Speaker, kita berbalik pada Dewan dan kita jelaskan apa keperluan Peruntukan Tambahan tersebut. Rata-rata kali ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau memenuhi perkara yang dibangkitkan oleh Dato' Pengerusi tadi, bahawa perkara yang hendak dibangkitkan diperingkat Jawatankuasa hendaklah merujuk secara khusus kepada apa yang di hadapan Majlis Mesyuarat, maka rata-rata Dato' Speaker, apa yang dimohon melalui permohonan Peruntukan Tambahan ini adalah untuk membayar gaji pekerja, tenaga kerja sempena dengan kenaikan gaji yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan yang bermula pada 1 Januari 2012.

Kalau Yang Berhormat dapat mendengar huraian-huraian nanti, maka rata-rata ini semuanya untuk emolumen. Sempena dengan kenaikan gaji daripada, kalau tak salah saya 8% hingga 13%. Gaji-gaji yang dinaikkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada kakitangan kerajaan, maka dia juga disusuli dengan kenaikan gaji oleh kakitangan yang ada di Negeri Johor ini. Itu sebabnya, itu adalah keperluan-keperluan yang tidak diduga dalam Belanjawan 2012 Dato' Pengerusi. Oleh itu Dato' Pengerusi, merujuk kepada perincian Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Menteri Besar diperuntukkan sebanyak RM600,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen. Pada tahun 2012, berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 pada tahun 2012. Bukanlah perbelanjaan suka-suka Dato' Speaker.

Ini perbelanjaan kerana kenaikan gaji kakitangan kerajaan semua peringkat, semua negeri termasuk...Dan, ini tidak diduga kerana kita pun tak tahu bahawa Kerajaan Malaysia membuat keputusan menaikkan gaji kakitangan kerajaan.

Dan di Bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Pejabat Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM292,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen juga. Bagi tahun 2012 berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 tahun 2012.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Sini juga saya hendak ingatkan, Yang Berhormat sekejap. Ini Jawatankuasa Yang Berhormat khusus, ini emolumen Yang Berhormat, Peruntukan Tambahan tak payahlah, semua negeri termasuk pembangkang pun buat tambahan ini. Yang Berhormat sentuh ini, bermakna Ketua-Ketua Jabatan, kakitangan kerajaan tidak dapat bayaran, ialah Yang Berhormat benda ini biasa Yang Berhormat, tak faham, ok.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Maksud saya, kali yang lalu sudah RM2,000,729.00

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat, lain kali bila masa hendak bentang dulu Yang Berhormat hendak timbul RM2 juta ini macam-macam bayar. Ada dah buat itu belum bayar, kena bawa ke Dewan, ada yang hendak buat pembangunan tak bayar, di bawa ke Dewan. Yang Berhormat saya tak izinkan, duduk. *No, no, no*, duduk.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Peraturan 58, semua Ahli-Ahli Dewan ada hak untuk perbahaskan Rang Undang-Undang yang dibawa.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Yang Berhormat dengar, Yang Berhormat Skudai boleh tak duduk.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Sebagai seorang Dato' Speaker, sepatutnya *you* kena berkecuali.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, tidak. Saya, sentuh apa? Ini bukan saya kata kecuali macam mana. Yang Berhormat, nanti sekejap. Saya terangkan dulu. Bukan...

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Bukan menjawab untuk pihak Kerajaan...

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Bukan, Yang Berhormat faham, Speaker tempat pembangkang Yang Berhormat pun sama dengan saya. Tak usahlah nak tunjuk handal dekat Johor. Yang Berhormat pergilah Pulau Pinang, Yang Berhormat pergilah Selangor, macam mana sana, teruk dimarahnya orang Barisan. Saya bukan tak kasi dia cakap, duduk. Saya terangkan, kalau di bawa dalam Jawatankuasa, Yang Amat Berhormat atau EXCO menerangkan perbelanjaan berapa ringgit untuk buat ini, buat ini. Yang Berhormat boleh bangun, kenapa yang ini belanja besar, kenapa tidak kecil. Dia cakap emolumen, hendak bayar gaji kakitangan kerajaan, yang dinaikkan selagi tidak lulus Dewan, tak boleh bayar. Saya tak kata Yang Berhormat tak boleh cakap, cakaplah nanti bila ada komuniti lain, dia hendak terangkan hendak bayar apa, Yang Berhormat boleh bangun. Bukan makna saya menegah Yang Berhormat Skudai ini dari dulu lagi tak faham. Saya tak pernah tak kasi Yang Berhormat berucap. Tapi Kalau Yang Berhormat langgar, Yang Berhormat tak ikut peraturan, ada tak saya larang Yang Berhormat bercakap, Yang Berhormat bangunlah. Bila MB cakap ini hendak bayar emolumen, apa Yang Berhormat tak puas hati, Yang Berhormat boleh bangun, Yang Berhormat boleh menerangkan. Dia ini bukan macam pasar Yang Berhormat, yang boleh cakap ikut suka hati...

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dato' Speaker, mengikut Peraturan pun bukan saja anggaran itu diberi teguran sebab dasar...

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Tak, dasar. Yang Berhormat ini dalam, Yang Berhormat faham tak bahas dalam Jawatankuasa? Yang Berhormat baca tak Perlembagaan bahas dalam Jawatankuasa? Ini bukan bahas semasa dibentang keseluruhan ucapan yang pertama Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh sentuh semua perkara, termasuk bayaran-bayaran ini, Yang Berhormat boleh cakap masa itu. Bila di bawa dalam ini Jawatankuasa, tak boleh. Cuba Yang Berhormat tanya Parlimenlah, pergi kursus Parlimen, kalau salah saya, saya terima tapi kalau Yang Berhormat salah, Yang Berhormat letak jawatan. (Dewan bertepuk). Kalau Yang Berhormat salah, Yang Berhormat letak jawatan.

**Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Dia hendak masuk surat khabar saja, Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Bentayan, bukan masa bahas ini. Ini pun lagi satu.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Saya nak tanya Maksud B.03...

**Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa)** : Dia hendak kita semua bangun.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Sekejap, sekejap Putri Wangsa. Duduk.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Pemberian dalam negeri Kod 4...

**Y.B. Dato' Speaker :** Apa benda ni?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** ... hendak tanya MB, Peruntukan Tambahan diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pemberian dalam Negeri/jabatan. Saya hendak tanya, apakah Jabatan-Jabatan tersebut? Boleh sebut *detail* tak? Tak ada *detail* dalam ini.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Yang Berhormat, Pejabat Setiausaha Kerajaan. Yang Berhormat tak payah Yang Berhormat jawab, saya jawab sajalah. Satu Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor dan satu lagi Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Landskap, itu dua jabatan, ok.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Dato' Speaker saya hendak cadangkan supaya elaun itu ditolak itu. RM1K kena tolak itu sebab dia tak baca kertas soalan itu... dia ambil gaji buta itu. (Dewan bertepuk).

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Siapa cakap kita tak baca, kita hari-hari baca.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Bentayan, saya sudah sebut dua-dua jabatan tadi.

Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM864,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan; RM228,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan; dan RM133,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Landskap, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Kerajaan Tempatan diperuntukkan sebanyak hanya RM864,000.00 bagi menampung bayaran caruman bantu kadar atas harta-harta kerajaan pada Pihak Berkuasa Tempatan.
Manakala di bawah Maksud Bekalan yang sama juga, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Perumahan pula adalah diperuntukkan sebanyak RM228,000.00 bagi membayar perkhidmatan pegawai pengawal di projek Perumahan Rakyat Tampoi, Johor Bahru.

Dan untuk pada Maksud yang sama juga, B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Landskap di peruntukan sebanyak RM133,000.00 bagi kita menampung membayar emolumen bagi tahun ini iaitu 2012 berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Emm, senyap semua. Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM499,000.00 bagi Maksud B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor dan RM199,000.00 bagi Maksud B.32, Jabatan Mufti Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor di peruntukan sebanyak RM499,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.

Dan, di bawah Maksud Bekalan B.32, Jabatan Mufti Negeri Johor di peruntukan sebanyak RM199,000.00, sekali lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Emm, ada nak tanya? Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM17,000.00 bagi Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru dan RM134,000.00 bagi Maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi, Johor dan RM220,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat, Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru, Johor di peruntukan sebanyak RM17,000.00 bagi menampung pembayaran gantian cuti rehat kepada pegawai yang akan bersara pada tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi, di peruntukan sebanyak RM134,000.00. Sebanyak RM93,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012. Manakala selebihnya sebanyak RM41,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran gantian cuti rehat kepada waris-waris anggota jabatan yang telah meninggal dunia dan anggota-anggota jabatan yang telah bersara.

Di bawah Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya di peruntukan sebanyak RM220,000.00. Sebanyak RM216,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012. Manakala selebihnya sebanyak RM4,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada pegawai yang akan bersara pada tahun 2012.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM322,000.00 bagi Maksud Bekalan Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM57,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM168,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM199,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM409,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang; RM429,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM176,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya dan RM242,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat, Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru, Johor di peruntukan sebanyak, RM322,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar di peruntukan sebanyak, RM57,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat, Johor di peruntukan sebanyak, RM168,000.00 bagi menampung pembelian kenderaan jabatan untuk kegunaan harian jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat, di peruntukan sebanyak RM199,000.00 bagi menampung pembelian kenderaan jabatan untuk kegunaan harian jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang, Johor di peruntukan sebanyak RM409,000.00, dan daripada itu, sebanyak RM272,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012. Manakala selebihnya sebanyak RM137,000.00 diperlukan untuk menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, Johor di peruntukan sebanyak, RM429,000.00. Sebanyak RM402,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 berdasar Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012. Manakala selebihnya sebanyak RM27,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota jabatan yang akan bersara, yang telah dan juga yang telah meninggal dunia.

Di bawah Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya di peruntukan sebanyak RM176,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.

Di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Ledang, di peruntukan sebanyak RM242,000.00 dan sebanyak RM187,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2012 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012. Manakala selebihnya, sebanyak RM55,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : FASAL 2.**

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.**

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal yang pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal yang pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Dewan Negeri bersidang semula.**

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya, dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah, supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2012) No. 1 Tahun 2012 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput, angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut: Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2012) (No. 1) Tahun 2012.**

**RANG UNDANG-UNDANG JOHORE MILITARY FORCE ENACTMENT (AMENDMENT) 2012.**

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan *Johore Military Forces Enactment (Amendment) 2012* dibaca kali yang pertama.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Seksyen *4 Johore Military Force Enactment 1915 (Enactment No. 31)***

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara, agar rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini, pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-Undang ini adalah bertujuan untuk membuat pindaan ke atas peruntukan Seksyen 4 *Johore Military Forces Enactment 1915 (Enactment No.* 31). Selepas ini disebut sebagai Enakmen tersebut. Pindaan ini adalah di dalam versi Bahasa Inggeris sahaja. Kerana ketika Enakmen ini digubal dan diluluskan pada tahun 1915 hanya Bahasa Inggeris sahaja yang telah diguna pakai. Jadi, itu sebab Jurutulis...

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Cakap orang putih.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Cakap orang putih.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Ha, betul. Yang Amat Berhormat tadi cakap Melayu.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Pekat sebutan Inggeris dia.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Ha betullah, fahamlah siapa orangnya tu.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Perkhidmatan Anggota Timbalan Setia Negeri Johor selepas ini disebut sebagai Anggota TSNJ yang sedia ada telah ditubuhkan di bawah *Johore Military Forces Enactment 1915.* Semenjak penguatkuasaan enakmen tersebut, tiada peruntukan khusus mengenai pelantikan anggota TSNJ. Pindaan ini seterusnya merujuk kepada satu Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor ataupun *Johore Military Services Commission.*

JMF Enakmen 1915 tiada Suruhanjaya Perkhidmatan. Kesan daripada ketiadaan Suruhanjaya Perkhidmatan yang khas, maka pentadbiran, pelarasan gaji, pelarasan pencen anggota TSNJ tidak dapat dilaksanakan serentak jika ada perubahan berlaku kepada tangga gaji dan pencen kakitangan awam yang lain.

Berikutan permasalahan yang disebut tadi, maka Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya pindaan dibuat ke atas peruntukan seksyen 4 *Johore Military Forces Enactment* 1915. Adalah diharapkan bahawa pindaan ini akan menepati keperluan semasa perkhidmatan anggota TSNJ. Pindaan enakmen tersebut akan menjadi punca kuasa menggubal satu Enakmen untuk menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor. Seterusnya, Enakmen baru ini akan menjalankan fungsi urusan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kemasukan ke dalam jawatan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan menjalankan kawalan tatatertib terhadap anggota TSNJ.

Cadangan pindaan Seksyen 4, *Johore Military Forces* adalah seperti berikut:-

*"Appointments*

Seksyen 4 *: It shall be the Duty of The Johor Military Service Commission to appoint, confirm emplace on the permanent or pensionable establishment, promote transfer and exercise disciplinary control over persons in the Johor Military Force."*

Pindaan Rang Undang-Undang *Johor Military Forces* Enactment (Pindaan) 2012 ini adalah sesuatu yang praktikal pada masa ini oleh kerana *Johore Military Forces* Enactment 1915 agak ketinggalan oleh arus pembangunan masa kini. Dengan adanya pindaan ini, maka semua peruntukan undang-undang dalam enakmen ini akan menjadi lebih berkesan serta lancar.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Y.B Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan ini dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Jurutulis : Rang Undang-Undang Johor *Military Forces Enactment (Amendment) 2012.***

**Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.**

**Jurutulis : FASAL 4.**

**Y.B. Dato' Pengerusi** : Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah, Fasal 4 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju sila angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA**

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Dewan Negeri Bersidang Semula.**

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Dari itu saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan di Dewan ini ialah supaya rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Johore Military Forces Enactment, (Amendment), 2012 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut :**

**Enakmen ini bolehlah dinamakan Johore Military Forces Enactment, (Amendment) 2012 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam Warta.**

**ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN TIMBALAN SETIA NEGERI JOHOR 2012.**

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor 2012 dibaca kali yang pertama.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis : Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor 2012.**

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara agar rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Penggubalan Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor 2012 ini adalah selaras dengan kuasa Kerajaan Negeri. Kuasa ini seperti mana termaktub di dalam Senarai Kedua, Perenggan 7(b), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan ini akan ditadbir oleh satu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang eksklusif untuknya.

*Johore Military Forces Enactment* telah digubal pada tahun 1915. Berikutan peredaran masa, maka enakmen tersebut memerlukan semakan semula dan penambahbaikan. Penggubalan Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor 2012 ini, memastikan pengurusan dan pentadbiran perkhidmatan Anggota Timbalan Setia Negeri Johor akan menjadi lebih teratur dan berjalan dengan lancar.

Di dalam *Johore Military Forces Enactment 1915,* tidak terdapat satu Suruhanjaya Perkhidmatan yang khusus bagi mentadbir Anggota Timbalan Setia Negeri Johor. Dengan itu tindakan untuk pelarasan gaji dan pencen perlu diadakan secara *ad- hock* dengan mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan kelulusan. Prosedur seperti ini bukan sahaja rumit tetapi juga memerlukan masa yang lama bagi setiap urusan pentadbiran perkhidmatan. Kelewatan dalam perkhidmatan anggota Timbalan Setia Negeri Johor terutama perkara berkaitan kenaikan gaji dan pencen menjadi beban kepada Anggota Timbalan Setia Negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, gaji bagi Anggota Timbalan Setia Negeri Johor adalah di bawah tanggungan Kerajaan Negeri yang dibayar melalui Kumpulan Wang Disatukan. Manakala Kerajaan Persekutuan dan pihak yang bertanggungjawab membayar pencen anggota Timbalan Setia Negeri Johor, sepertimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 24, *Johore Military Forces Enactment* dan Klausa 113 *Federation of Malaya.*

Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor 2012 yang digubal ini mempunyai 15 Fasal. Punca kuasa penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor adalah seperti mana yang diperuntukkan di bawah pindaan Seksyen 4 *Johore Military Forces Enactment 1915.* Suruhanjaya ini akan menjadi badan yang berfungsi untuk menjalankan urusan perundangan dan pentadbiran anggota Timbalan Setia Negeri Johor. Fasal-fasal yang diperuntukkan dalam Enakmen Suruhanjaya tersebut adalah seperti mana rang undang-undang yang dibentangkan:-

**Seksyen 1**
Menetapkan nama ringkas iaitu Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor.

**Seksyen 2**
Menetapkan tafsiran kepada makna yang diperlukan sebagai contoh kepada perjawatan-perjawatan.

**Seksyen 3**
Menerangkan keahlian Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor.

**Seksyen 4**
Menyatakan tegahan pelantikan sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor.

**Seksyen 5**
Menetapkan tempoh seseorang Ahli Suruhanjaya itu memegang jawatan maksimum 4 tahun ataupun satu tarikh yang lebih pendek seperti mana ditetapkan oleh Raja.

**Seksyen 6**
Memberikan kuasa kepada Raja untuk melantik Ahli Sementara Suruhanjaya.

**Seksyen 7**
Menetapkan peruntukan angkat sumpah jawatan Taat Setia di hadapan Raja.

**Seksyen 8**
Menetapkan peruntukan pelantikan seorang Setiausaha bagi Suruhanjaya tersebut.

**Seksyen 9**

Menetapkan kuorum bagi satu mesyuarat suruhanjaya. Mesyuarat tersebut hendaklah dihadiri oleh Pengerusi dan tidak kurang dari 2 orang Ahli Suruhanjaya sahaja.

**Seksyen 10**
Menetapkan tugas Suruhanjaya, di mana Suruhanjaya melantik mengesahkan memasukkan ke dalam jawatan tetap dan berpencen, naik pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tata tertib terhadap penjawat Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor.

**Seksyen 11**
Menetapkan Ahli Suruhanjaya boleh diberikan saraan yang mana ditetapkan oleh Raja.

**Seksyen 12**
Menetapkan seorang yang menjadi Ahli Suruhanjaya tidak berhak menerima lebih daripada satu gaji dan hanya layak menerima elaun.

**Seksyen 13**
Memberi kuasa kepada Suruhanjaya menetapkan peraturan-peraturan sendiri.

**Seksyen 14**
Menetapkan supaya Suruhanjaya menyediakan satu laporan aktiviti tahunan untuk dibentangkan di dalam Dewan Negeri.

**Seksyen 15**
Menetapkan Keputusan Raja terhadap apa-apa soalan mengenai tafsiran atau maksud Enakmen ini adalah muktamad.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Dewan, cadangan penambahbaikan untuk menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan yang eksklusif ini telah pun dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan pada dasarnya Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor telah pun memberi perkenan penubuhan suruhanjaya tersebut.

Cadangan penggubalan Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor ini adalah suatu yang perlu. Enakmen ini akan memastikan urusan perundangan dan pentadbiran Anggota Timbalan Setia Negeri Johor dapat dijalankan dengan lancar. Penambahbaikan ini bukan sahaja akan dapat melicinkan pentadbiran perkhidmatan tetapi ini juga akan memberi manfaat kepada Anggota Timbalan Setia Negeri Johor. Penubuhan suruhanjaya yang di eksklusif ini akan memartabatkan kedudukan pasukan Timbalan Setia Negeri Johor di samping meletakkan Anggota Timbalan Setia Negeri Johor di tempat yang setaraf dengan perkhidmatan anggota awam yang lain.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan)** : Dato' Speaker, er. Dato' Pengerusi, kita boleh bahas setiap seksyen ke atau semua sekali?

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, Yang Berhormat nak bahas ke ni? Tak payah bahas lah ini. Ini yang ini tak ada, Yang Berhormat jangan menyentuh lah. Ini hak rajalah. Ok. Tak usah menyentuh apa-apa. Jemput Yang Berhormat. Yang Berhormat, tak payahlah tu.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Jurutulis : Suatu Rang Undang-Undang untuk mengujudkan Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor 2012.**

**Y.B. Dato' Speaker : Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.**

**Jurutulis : Fasal 1 hingga 15.**

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 hingga 15 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 1 hingga 15 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA**

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak besetuju. Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Dewan Negeri Bersidang Semula.**

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :**Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor 2012 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis** : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut :

**Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor 2012 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam Warta.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat nak apa?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan kita ini ditangguhkan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, kisahnya.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi Dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Apa, rundingan apa? Nak sokong apa?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Sokong tangguhan Dewan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh, kasihan Yang Berhormat *last* eh. Sambung lagi, sambung lagi.

**Jurutulis : UCAPAN TANGGUHAN MESYUARAT.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Sebelum ucapan tangguhan, ada rombongan dekat atas sana. Satu rombongan daripada Anggota MCA Kulaijaya dan satu lagi rombongan dari 6 orang ahli JUITA. Dan ada lagi, 40 anggota, ADUN Kawasan Tenggaroh. Semua tu penyokong kerajaan. Alhamdulillah.

Ucapan penangguhan, saya jemput yang pertama Dato' Ng See Tiong, jemput.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Ya'ani) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam bahagia, selamat sejahtera salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana saya dapat dipilih untuk menyertai penyampaian ucapan penangguhan di Dewan yang mulia ini. Lain lubuk, lain ikannya, lain dulang, lain kakinya, lain orang lain hatinya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun saya adalah seorang ADUN Johor daripada Barisan Nasional, tetapi pada saat ini, saya ingin mengalihkan diri saya menjadi Ketua ADUN Pembangkang Negeri Johor dengan penuh hasrat ingin menyampaikan pandangan, cadangan dan pemikiran yang *original*, dengan izin, *original*.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh. Yang Berhormat macam pembangkang eh?

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Ya'ani) :** Yang sebenarnya telah menyimpan di dalam hati saya selama ini. Dan, saya mengambil kesempatan ini mengemukakan untuk dinikmati semua. Betul atau salah terpulang kepada kebijaksanaan masing-masing. Sila jangan marah dengan menunjukkan perasaan, kalau nak marah, sila marah dalam hati.

Yang Berhormat Dato' Speaker, PRU ke-12 pada 8 Mac 2008 telah memberi peluang kepada 6 orang ADUN daripada Parti Pembangkang untuk menyertai Persidangan Dewan Negeri Johor pada masa itu. Kami 6 orang ADUN ni macam pisang goreng panas dan menjadi tumpuan media, kami rasa cukup syok dan seronok dengan penuh hasrat hendak bertindak peranan pembangkang iaitu membangkang sahaja di Dewan Negeri ini. Kami ingin membangkang segala-segala, tak kira betul atau salah, baik atau buruk asalkan bangkang saja, ya tak ya, mau tak mau, suka tak suka, terserah.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani)** : Sila duduk, ini kena hantar kursus Dato' Speaker.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Memperkecilkan pembangkang.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Itulah dia punya cara pembangkang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Bukan, Parit Yaani sudah melampau.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Dato' Speaker, Peraturan Tetap.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya gunakan saya punya pandangan sikit, saya dah sebut tadi, jangan tunjuk perasaan dan juga betul salah terpulang kebijaksanaan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, ok jalanlah teruslah, laju sikit dah lapar ni. Dah habis.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Belum, panjang. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai ketua saya tidak nafikan dan sedar bahawa banyak projek pembangunan, rancangan kerajaan negeri ...

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Dato' Speaker tadi dia, saya nak buat pembetulan. Dato' Speaker ...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Tadi dia cakap dia Ketua Whip MCA ke Ketua Pembangkang, dia tak cakap. Ketua pembangkang eh. *So you* kena duduk belakang sini, ada satu ruang lagi untuk Parit Yaani duduk sini.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dato' Speaker, tak apa saya beri laluan, saya pergi bilik air, tempat saya boleh bagi dia.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sokong Skudai.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Beliau boleh berlatih menjadi ...

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** ... cukup positif dan akan manfaatkan rakyat tetapi Yang Berhormat Dato' Speaker ...

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Dato' Speaker, Skudai sudah pergi bilik air, *so* kita jemput Parit Yaani duduk sana.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Bentayan, alah susah betullah Yang Berhormat ni. Yalah, tak apalah dah memang perangai dia begitu.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : ...** atau memberi komen positif, sebaliknya saya mesti memberi komen negatif dan komen buruk. (Dewan bertepuk). Inilah peranan pembangkang. Saya juga akan menghasut ketidakpuashatian di kalangan rakyat, menghasut sentimen kebencian kepada kerajaan. Inilah azam dan matlamat pembangkang. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya faham dan mengaku bahawa membangkang bukannya hak pembangkang, ramai ADUN Barisan Nasional Negeri Johor juga membangkang dan mengkritik kerajaan sekiranya ada isu-isu patut dikritik demi kepentingan rakyat. Mereka juga sanggup membela nasib rakyat berhabis-habisan dengan hurmm... dan semangat yang amat tinggi, boleh dikatakan lebih hebat jika dibandingkan ADUN Pembangkang. Isu-isu yang dibawa oleh ADUN Barisan Nasional memang cukup komprehensif (Dewan bertepuk) sehingga isu untuk pembangkang sudah habis dan bankrap.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan ini luar sangkaan saya dan sebagai ketua ADUN pembangkang, saya tidak boleh bersikap sunyi dan senyap saja, saya terpaksa tunjuk dan *show* dengan izin, kehandalan saya untuk menarik perhatian rakyat dan menghangatkan sentimen mereka supaya sokongan mereka kepada pembangkang dapat diteruskan dan dapat meningkatkan populariti diri saya. Contohnya, saya membangkitkan isu Kerajaan Negeri Johor akan bankrap. Tujuan saya hanya hendak mengelirukan persepsi orang ramai dan perkataan akan bankrap tidak tetapkan tempoh masa. Saya faham bahawa ekonomi Kerajaan Negeri Johor memang cukup kukuh dan tidak akan jadi bankrap, sebab itu bila saya dicabar oleh seorang ADUN Barisan Nasional supaya meletakkan jawatan ADUN jika Negeri Johor tidak jadi bankrap saya hanya buat tak tahu dan ...

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Dato' Speaker, dia sendiri cakap, sendiri syok sendiri, sendiri tanya sendiri jawab. (Dewan bertepuk).

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Itu saya syok, saya punya pasal, (Dewan ketawa) *you* kalau tak syok, *you* boleh balik syok ...

**Y.B. Dato' Speaker :** Oklah, bila Yang Berhormat syok Yang Berhormat jalanlah sendiri.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Ha apa, saya syok pun tak boleh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok lah.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Inilah parti pembangkang punya peranan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Kacau orang tengah syok ek.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Orang tengah syok.

**Y.B. Dato' Speaker :** Betullah pembangkang ni. Ah... ya betul.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Dan bersikap pekak dan bisu terhadap cabarannya. Yang Berhormat Dato' Speaker, pada Persidangan Dewan Negeri Johor tahun 2011 dalam sesi perbahasan, saya telah melakukan satu kesilapan dengan menuduhkan penyanyi karaoke adalah pencuri dan penipu. Amboi, Dato' Speaker, (Dewan bertepuk) terlepas cakap sehingga semua peminat karaoke di seluruh Negeri Johor merasa panas hati dan marah. Mereka hendakkan saya tarik balik kenyataan itu dan mohon maaf.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai ketua ADUN pembangkang, saya pasti menjaga maruah diri saya dan maruah parti saya, sebab itu saya cukup tegas dan keras dengan sikap tidak mengaku salah walaupun saya memang salah. (Dewan ketawa). Saya faham bahawa tidak berapa lama lagi rakyat dan semua pihak tetap lupa akan perkara ini dan tidak salahkan saya lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini saya telah menyumbangkan piala dan hadiah untuk anjuran satu majlis, majlis pertandingan nyanyian karaoke. Saya disambut dengan tarian singa dan tepukan gemuruh, manakala Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam hati saya mereka ini peminat karaoke.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Bukan peminat karaoke, mereka ketagih. Ketagih bukan peminat. Itu yang perlu dijelaskan.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** *You* tak payah betulkan saya, ini saya punya pandangan.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** *Please, Go and check the record.*

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Parit Yaani.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Kita tak pernah cakap, Ketua Pembangkang tak pernah cakap gitu, dia cakap ketagih saja, maksud dia ketagih.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, tanya rakan-rakan se Dewan siapa yang berkaraoke masa rumah orang banjir. Tanya Ahli dia sendiri.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, Gagasan 1Malaysia, rakyat didahulukan pencapaian diutamakan, sangat menarik, menarik rakyat jelata, hati rakyat jelata. Janji ditepati, RM500.00 daripada bantuan rakyat

1Malaysia, RM100.00 untuk setiap murid-murid dan pelajar-pelajar sekolah, bantuan kebajikan, rumah mesra rakyat 1Malaysia, RM15,000.00. Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk peneroka FELDA dan sebagainya, segala-galanya telah memeningkan kepala saya. (Dewan ketawa).

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Tidak begitu juga, macam mana memening, kerajaan bagi rakyat, kalau bagi rakyat, rakyat ambil, itu wang rakyat juga.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dah, ok, teruskan lagi.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, segala-galanya telah memeningkan kepala saya dan meningkatkan darah saya ke tahap tinggi iaitu *hypertension* dengan izin.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, satu minit lagi.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, setahu saya Ketua Menteri Pulau Pinang hanya memberi RM100.00 kepada setiap warga tua setahun dan itu pun riuh sekampung. Saya mengaku kalah bersemangat jika dibandingkan dengan pencapaian Kerajaan Negeri Johor dalam usaha merealisasikan hasrat rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa boleh buat, saya juga kena bersikap pura-pura bersandiwara menunjukkan saya ini adalah wira dan pahlawan. Yang Berhormat Dato' Speaker, program turun padang oleh ...

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Dato' Speaker, pohon ini dia saja memperkecilkan kita. *You cannot say like that*, tak boleh macam ini. Ini cara menghina kita langsung, mana boleh gulungan macam ni, saya tak pernah dengar.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Program turun padang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor juga sangat-sangat menyakitkan jiwa dan hati saya sehingga saya hampir jadi gila dan otak tak center. (Dewan bertepuk).

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, suruh dia tarik balik.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, sekejap.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, Peraturan Mesyuarat 45, menggunakan sangkaan-sangkaan yang tak baik kepada seorang Ahli yang lain, suruh tarik balik perkataan tadi.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Dia sebenarnya tak boleh guna tarik balik, Peraturan 45 untuk ucapan bukan ucapan penangguhan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, dia kata saya, saya tu dialah.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Dia sekarang cakap Parit Yaani ke, pembangkang ke, apa?

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Itu bukan dua ...

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Saya cakap saya. Dato' Speaker, saya marah sendiri pun tak boleh ke? (Dewan ketawa).

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Dia lelaki ke perempuan?

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Kalau *you* ingat, saya marah sendiri pun tak boleh, ini komunis.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Parit Yaani, ok.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, minta Parit Yaani kalau nak bahas ...

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Saya mahu dia tarik balik.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Saya mahu sambung lagi.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dah habis. (Dewan ketawa).

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Tarik balik.

**Y.B. Dato' Speaker :** 1 minit.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Tindakan Menteri Besar Johor untuk membela nasib rakyat Johor amat dahsyat sekali, ke sini ke sana, ke bandar ke desa, segala isu dan masalah rakyat di seluruh Negeri Johor kebanyakannya dapat diselesaikan oleh Menteri Besar. (Dewan bertepuk). Umpama pukat tunda, semua isu disapu habis sehingga tiada isu langsung dapat dimainkan oleh pembangkang. Boleh dikatakan parti pembangkang menghadapi masalah isu sudah bankrap.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kini keadaan saya seperti mercun disiram air, tidak boleh meletup lagi. Walau macam mana pun, saya kena berusaha dengan sedaya upaya cuba mengorek isu yang sebenarnya bukan isu untuk mempromosikan dan diheboh-hebohkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga berdoa supaya semua ADUN di kem pembangkang Negeri Johor yang sedia ada ini dapat mempunyai pemikiran sepadu dengan saya, saya harap mereka tidak lagi tidur sebantal mimpi berlainan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Itu bantahan, mana ada tidur sini, kita tak pernah tidur. (Dewan ketawa).

**Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, Peraturan 45...

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha apa dia?

**Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Peraturan 45, Dato' Speaker. Maharani ingin supaya pihak Jurutulis memastikan bahawa ucapan ini adalah ucapan daripada Barisan Nasional yang memperkecilkan pembangkang daripada perkara rakyat dan saya harap inilah ucapan yang akan mereka sampaikan selepas PRU Ke-13 nanti apabila mereka menjadi pembangkang. Terima kasih.

**Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) :** Kami harap ini *is the first and the last,* dengan izin.

**Y.B. Dato' Speaker :** No problem. (Dewan ketawa). Ok Yang Berhormat.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dato' Speaker, Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan.

**Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) :** Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana mengizinkan saya untuk menyampaikan ucapan penangguhan sebagai wakil Barisan Nasional dalam Dewan yang mulia ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Mahu lawan ke?

**Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) :** Tak ada, wakil Barisan Nasional jadi tak lawan. Yang Berhormat Dato', saya bermula dengan merakamkan ucapan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah mendahulukan rakyat dan telah menepati janji-janji yang dibuat kepada rakyat. Kerajaan kita yang komited telah melaksanakan janji-janji di bawah falsafah 1Malaysia. Falsafah yang bermula sebagai konsep telah berubah menjadi sebuah falsafah nasional. Falsafah nasional ini telah menyuntik inspirasi dan tenaga baru dalam usaha menyatupadukan rakyat Malaysia. Perdana Menteri kita pernah berucap bahawa penerimaan rakyat terhadap falsafah 1Malaysia telah memberi beliau semangat, kekuatan serta motivasi untuk terus memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat. Segala cabaran yang beliau hadapi dapat ditangani dan diteruskannya dan dapat memenuhi janji-janji yang telah dibuat ujar beliau. Rancangan demi rancangan, program demi program telah dilaksanakan untuk dimanfaatkan oleh semua lapisan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sektor pelancongan merupakan peneraju utama dalam menyumbang pertumbuhan dan pembangunan ekonomi di Bandar Mersing. Produk Pelancongan Mersing merupakan pulau-pulau yang indah, cantik, nyaman dan yang belum diterokai sepenuhnya. Sejak dahulu Daerah Mersing termasyhur dengan pantai yang memanjang lagi memutih, sungai yang lebar lagi jernih, hutan yang luas dan tertua, pulau-pulau yang banyak lagi indah, hasil bumi yang kaya lagi subur sehingga menjadi tumpuan penganjur dan pelabur.

Dalam kesempatan ini sekali lagi saya merakamkan penghargaan kepada kerajaan yang sedang membina 3 buah jeti pelancongan yang baru di Pulai Sibu, Pulau Aur dan Pulau Besar. Warga ketiga-tiga pulau tersebut berasa syukur kerana projek pembinaan jeti baru telah menambahkan lagi rezeki mereka. Hasil jualan mereka telah berlipat ganda dan yang tidak bekerja sebelum ini sudah pun mula bekerja. Rasa kesyukuran mereka telah dimaklumkan kepada kami semasa lawatan kerja Ahli Parlimen Mersing dan ADUN Tenggaroh ke pulau-pulau pada awal bulan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek Mersing Laguna yang dinanti-nantikan oleh warga Mersing telah pun menyaksikan majlis pecah tanah baru-baru ini. Projek ini dibangunkan selepas kajian terperinci dibuat ke atas alam sekitar dan sosioekonomi penduduk setempat. Begitu prihatin kerajaan kita terhadap rakyat Mersing. Maka, tidak salahlah kerajaan melaksanakan projek secara *smart partnership* demi kesejahteraan dan pembangunan rakyat di Mersing. Projek yang bernilai RM22 bilion akan mentransformasikan Bandar Mersing kepada sebuah bandar ekopelancongan dalam tempoh masa tujuh tahun. Kerja-kerja tanah tebus guna seluas 809 hektar sudah pun bermula. Selain daripada mewujudkan 3 buah pulau buatan, 22 buah hotel dan 4,000 villa dan pangsapuri akan dibina. Projek ini sudah tentunya akan membawa manfaat besar kepada penduduk Mersing. Ini bukanlah satu pembaziran seperti yang dikatakan oleh setengah-setengah pihak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sudah tiba masanya Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sumber Manusia memainkan peranan yang lebih besar dalam menyediakan tenaga kerja dalam bidang-bidang tertentu, khasnya dalam menyediakan belia-belia tempatan untuk merebut peluang-peluang yang wujud daripada transformasi yang diharapkan di Bandar Mersing. Kementerian dan agensi yang berkaitan seharusnya menawarkan kursus-kursus yang tertentu seperti perhotelan, pelancongan, pengendalian makanan, perkhidmatan dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pengusaha agensi pelancongan yang sedang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan berharap mereka tidak dipinggirkan. Mereka ini seharusnya diberi perhatian, ditawarkan kursus-kursus jangka pendek supaya mereka boleh menguasai kemahiran dan kebolehan untuk bersaing dalam arus pembangunan. Mereka ingin merasai limpahan daripada projek Mersing Laguna. Mereka ini terdiri daripada anak jati Johor kelahiran Mersing. Pembangunan Mersing Laguna merupakan salah satu platform terbaik kepada golongan usahawan industri kecil dan sederhana untuk memajukan lagi perniagaan masing-masing. Program keusahawanan dan pembangunan modal insan yang dijalankan oleh ECER mesti dipelbagaikan dan diperkembangkan. Saya memohon kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan supaya menambahkan bantuan-bantuan kepada usahawan IKS supaya mereka mampu bergerak seiring dengan kemajuan daerah Mersing.

Akhir kata Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah menyempurnakan majlis penyampaian hak milik di Felda Tenggaroh 1 dan 2 serta Nitar 1 dan 2. Peneroka berasa begitu gembira menerima hak milik mereka. Dalam konteks ini saya juga mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar kita yang telah mengumumkan

tapak permohonan baru akan dikenal pasti untuk generasi kedua dan diberi perhatian. Berita ini sudah tentunya disambut baik oleh generasi kedua di kawasan Tenggaroh. Saya memohon kepada kerajaan yang selama ini telah menepati janji kepada rakyat supaya menepati janji ini juga. Dengan kata-kata ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengakhiri ucapan penangguhan saya. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Lain perempuan berucap, lembut saja, tak ada gaduh-gaduh ya. Cuma kalau dia bergaduh lebih teruk daripada lelaki. (Dewan ketawa).

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ucap terima kasihlah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersama menjayakan Persidangan ini. Biasalah dalam Dewan Negeri, perbahasan, percakapan, asal tidak menyentuh peribadi individu, dahlah ya. Pembangkang, kerajaan itu biasalah mana-mana, bukan dekat Malaysia saja, seluruh dunia. Cuma Negara Malaysia yang bagus kita tak bertumbuk, itu yang baik. Jadi saya ucap banyak terima kasih, tak tau jumpa lagi ke tidak akan datang. Sebelum itu dipersilakan semua Ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua jabatan, dif-dif jemputan, kaki tangan kerajaan yang bertugas, pihak *reporter* untuk makan tengah hari dan makan buah-buahan buatan Malaysia di perkarangan, (Dewan ketawa) Taman Bunga Rampai di sebelah kanan saya ya. Lepas ni kita makan kat sana. Ha, ini ada pantun penutup, minum air makan ubi, harap-harap kita jumpa lagi; lepas itu jumpa Pak Lebai, kalau tak jumpa *bye-bye*.

Ahli Dewan Negeri, saya tangguhkan Persidangan ini sehingga tarikh yang ditetapkan kemudian.

**Persidangan ditangguhkan jam 12:15 tengah hari.**

**PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS**:

**Jurutulis**
Tuan Haji Mohd. Halim bin Hasbullah

**Penolong Jurutulis**
Encik Abdul Azim bin Shamsuddin

**Kordinator**
Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

**Setiausaha Pejabat**
Puan Asiah binti Moklis

**Pembantu Penerbitan**
Puan Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

**Pembantu Tadbir**
Puan Hanita binti Mohamed

**Pembantu Am Pejabat**
Encik Razine bin Sulaiman
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi

**Setiausaha Pejabat**
Puan Rahimah binti Akbar
Pejabat Speaker Dewan Negeri Johor

Puan Suriati binti Abdul Hajar
Pejabat Pegawai Kewangan Negeri

Puan Saniah Kassim
Pejabat Tanah dan Galian Johor

Puan Nor baizura binti Mazlan Bijon
Pejabat Tanah dan Galian Johor

Puan Sarimah binti Said
Pejabat Tanah dan Galian Johor

Puan Inson bin Abdul Wahab
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan)

Cik Iza Hasima binti Mohamad Hashim
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan)

Puan Nurzamila binti Sapie
Pejabat Bendahari Negeri Johor

Puan Haironisha binti Zainal Abidin
Pejabat Setiausaha Akhbar
Kepada Y.A.B. Menteri Besar Johor

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
Cawangan Perumahan

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Perancang Bandar dan
Desa Negeri Johor

Puan Norliza binti Md. Aris
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

Puan Raihanah binti Ismail
Pejabat Setiausaha Kepada
Jawankuasa-Jawatankuasa Negeri Johor

Puan Suzana binti Abd. Wahab
Pejabat Setiausaha Kepada
Jawankuasa-Jawatankuasa Negeri Johor

Puan Nor Wahidah binti Elias
Pejabat Setiausaha Kepada
Jawankuasa-Jawatankuasa Negeri Johor

Puan Nur Adeliah binti Abidi
Pejabat BAKAJ Negeri Johor

Puan Fakhrinnazia Fuad
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

Cik Nuraini binti Mohd. Alip
Pejabat Taman Negara Negeri Johor

Puan Norhafizah binti Osman
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

Puan Zakiah binti Abd. Wahab
Pejabat Majlis Sukan Negeri Johor

**Rakaman**
Encik Nor Risam bin Esa
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Mohd. Suhazli bin Mohd. Nordin
Jabatan Penerangan Negeri Johor

**PEJABAT JURUTULIS**
**DEWAN NEGERI Johor**

**16 Ogos 2012**

*HMHH/as/ina/ecah/arif*